

**PENGAPLIKASIAN TERAPI ISLAM DAN PERANAN GURU  
DALAM PENDIDIKAN AKHLAK: SUATU KAJIAN KES  
TERHADAP PELAJAR SEKOLAH TAHFIZ SWASTA**

**AZIZUL HISHAM BIN ABDUL RASHAD**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**PENGAPLIKASIAN TERAPI ISLAM DAN PERANAN GURU  
DALAM PENDIDIKAN AKHLAK: SUATU KAJIAN KES  
TERHADAP PELAJAR SEKOLAH TAHFIZ SWASTA**

**AZIZUL HISHAM BIN ABDUL RASHAD**

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN  
BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**PENGAPLIKASIAN TERAPI ISLAM DAN PERANAN GURU DALAM  
PENDIDIKAN AKHLAK: SUATU KAJIAN KES TERHADAP PELAJAR  
SEKOLAH TAHFIZ SWASTA**

**ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan pengaplikasian Terapi Islam dan peranan guru dalam pendidikan akhlak terhadap para pelajar di salah sebuah sekolah tahfiz swasta di Selangor. Objektif kajian adalah membentuk model terapi Islam yang relevan untuk digunakan terhadap kumpulan sasaran dan mengkaji peranan guru dalam mendidik akhlak remaja kini menurut peribadi Rasulullah s.a.w. di samping mengenalpasti latar belakang masalah akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz kini serta menganalisis keberkesanan terapi Islam dan peranan guru dalam pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar-pelajar tahfiz di lokasi kajian. Signifikannya kajian ini dilakukan adalah mencari suatu alternatif dalam mengatasi kemelut akhlak yang semakin teruk dalam kalangan remaja. Bagi tujuan tersebut, data dikumpulkan melalui kajian literatur dan juga lapangan yang melibatkan borang soal selidik terhadap pelajar tahfiz secara umumnya di samping pemerhatian turut serta terhadap kajian kes seramai 7 orang pelajar tahfiz terpilih di lokasi kajian berdasarkan justifikasi yang telah ditentukan. Manakala SPSS 20 dan analisis kualitatif deskriptif digunakan bagi menganalisis kutipan data. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar tahfiz juga terlibat dengan masalah akhlak. Manakala hasil pengaplikasian model terapi Islam dan peranan guru yang dilaksanakan di lokasi adalah positif kerana 7 orang subjek kajian menerusi kajian kes yang dijalankan telah menunjukkan perubahan yang baik dari aspek akhlak masing-masing yang meliputi pengakuan sukarela para subjek secara langsung terhadap kesalahan tingkah laku yang pernah dilakukan dan ini jelas menyatakan bahawa mereka telah insaf dengan kesalahan tersebut.

# **APPLICATION OF ISLAMIC THERAPY AND TEACHER'S ROLES IN MORAL EDUCATION: A CASE STUDY ON PRIVATE TAHFIZ SCHOOL'S STUDENTS**

## **ABSTRACT**

The thesis discusses the application of Islamic Therapy and the role of teachers in moral education towards students in one of the private Tahfiz schools in Selangor. The study contains four objective targets: (i) to identify Islamic therapeutic models in the moral education of the Tahfiz's students; (ii) to study the role of teachers and the relevant rules in educating present-day adolescents morality; (iii) to identify the background of the morality problems amongst the students; and (iv) to analyze the effectiveness of Islamic therapy and the role of teachers in moral education among the Tahfiz's students at the study location. The significance of the study is to look for an alternative to overcome the worsening moral problems among adolescents. For that purpose, the data were collected through literature and field research involving general questionnaires for Tahfiz's students, interviews and participating observations on the 7 subjects as a case study of selected Tahfiz's students at the study location based on certain justifications. For the purpose of analyzing the collected data, SPSS 20 and descriptive qualitative analysis were used. The findings show that there are significant problems in academic achievement among research respondents and selected subjects. However, with the formation and application of Islamic Therapies, 7 subjects as a case study have shown significant changes in their respective aspects of morality. Hence, the study concludes that Muslim adolescents are constantly vulnerable to moral decline that require the prevention and rehabilitation measures among others by utilizing the basic teachings of Islam based on Jibril's Hadith as therapy for spiritual, mental, emotion and behavior. The application of this therapy requires the teacher to act as a whole to realize the effectiveness of the prevention and recovery measures.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله الذي أرسل رسوله بالهدى وكفى بالله شهيدا، وأشهد ألا إله إلا الله إقراراً به وتوحيدا، وأشهد أن مُحَمَّد عبده ورسوله صلى الله عليه وعلى آله وصحبه وسلّم تسليماً مزيداً.

Segala puji dan syukur hanyalah milik Allah S.W.T, Zat yang Maha Pencipta, dengan rahmat dan kasih serta hidayah-Nya, pengkaji telah diizinkan untuk menyiapkan tesis ini. Selawat dan salam kepada kekasih Allah, junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarganya, para sahabatnya serta umatnya yang taat sehingga ke akhir hayat.

Di kesempatan ini, pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih khususnya kepada Prof. Madya Dr. Che Zarrina Sa'ari selaku penyelia yang tidak jemu membimbing dan memberi tunjuk ajar dalam menghasilkan tesis ini. Tidak lupa juga sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih ditujukan kepada warga pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam (JAPI), Dr. Syed Mohammad Helmi bin Syed Abdul Rahman selaku Ketua Jabatan JAPI, Prof. Madya Dr. Mohd Fauzi Hamat, Prof. Madya Dr. Khadijah Mohad Khambali @ Hambali, Dr. Azmil Zainal Abidin, Dr. Wan Adli Wan Ramli, Dr. Khairul Naim Che Nordin dan kesemua pensyarah di Akademi pengajian Islam yang telah membimbing dan mendidik pengkaji sepanjang pengajian di Universiti Malaya.

Penghargaan secara khusus untuk Guru Mursyid Tarekat Naqshabandiyyah al-Khāliidiyyah, Syeikh Haji Johar bin Ahmad yang tidak jemu memberikan nasihat yang bermakna kepada pengkaji agar tetap bersabar dalam melengkapkan kajian ini. Begitu juga dengan sekalian guru yang pernah mengajar dan mendidik pengkaji secara langsung atau tidak langsung.

Seterusnya, penghargaan juga ditujukan khusus buat bonda tersayang, Dr. (H) Azizah Saadan yang sentiasa menjadi sumber inspirasi kepada diri pengkaji untuk terus maju ke hadapan tanpa mengenal erti putus asa. Seterusnya kepada adik-beradik saya yang dikasihi; Azrisha, Aznisha, Azfisha, Azrul Nizam dan Muhammad Azlan yang pencetus semangat kepada pengkaji untuk terus berjaya.

Akhir sekali, jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Sesungguhnya segala jasa dan pengorbanan yang kalian curahkan amat dihargai. Semoga Allah merahmati diri pengkaji, kalian dan kajian ini. Sekian, terima kasih.

AZIZUL HISHAM BIN ABDUL RASHAD

No. 106, Blok 15,

Jalan Pinang Siri 18/3, Seksyen 18,

40 200, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

4hb. November 2018



## DAFTAR ISI

<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PANDUAN EJAAN DAN TRANSLITERASI</b>	vii
<b>DAFTAR ISI</b>	viii
<b>SENARAI KEPENDEKAN</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv

## BAB PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG DAN PERSOALAN KAJIAN	1
1.2.1 Masalah Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz	5
1.2.2 Faktor Penyumbang Kepada Masalah Akhlak Remaja	7
1.2.3 Terapi Islam Dalam Pendidikan Akhlak	12
1.2.4 Peranan Guru dalam Pendidikan Akhlak	15
1.3 HURAIAN TAJUK	16
1.4 PERSOALAN KAJIAN	19
1.5 OBJEKTIF KAJIAN	20
1.6 SKOP KAJIAN	20
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	22
1.8 ULASAN PENULISAN TERDAHULU	23
1.8.1 Terapi Islam	23
1.8.2 Peranan Guru	29
1.8.3 Pendidikan Akhlak Terhadap Pelajar Tahfiz	32
1.9 METODOLOGI KAJIAN	37
1.9.1 Metode Pengumpulan Data	37
1.9.2 Metode Menganalisis Data	44
1.10 SUSUNAN PENULISAN	45
1.11 PENUTUP	47



## BAB SATU: TERAPI ISLAM MENURUT PSIKOSPIRITUAL ISLAM

1.0 PENGENALAN	48
1.1 PEMBENTUKAN MODEL TERAPI ISLAM	48
1.2 TERAPI TASAWUF	53
1.2.1 Kisah Ahli Sufi Sebagai Sumber Inspirasi	57
1.2.2 Pimpinan Guru Mursyid Dalam Tarekat	80
1.3 TERAPI IMAN	83
1.3.1 Beriman Dengan Allah S.W.T.	85
1.3.2 Beriman Dengan Malaikat	90
1.3.3 Beriman Dengan Segala Kitab	92
1.3.4 Beriman Dengan Para Nabi Dan Rasul	95
1.3.5 Beriman Dengan Hari Kiamat	97
1.3.5.1 Al-Imām Al-Mahdi	98
1.3.5.2 Penaklukan Kota Konstantinopel Kali Kedua	100
1.3.5.3 Al-Dajjāl	109
1.3.5.4 Peristiwa Di Mahsyar	112
1.3.6 Beriman Dengan Ketetapan Baik dan Buruk	114
1.4 TERAPI IBADAH	116
1.4.1 Terapi Niat	117
1.4.2 Terapi Rukun Islam	119
1.4.2.1 Terapi Solat	120
1.4.2.2 Terapi Puasa	122
1.4.3 Terapi Al-Quran	123
1.4.4 Terapi <i>Istighfār</i>	128
1.4.5 Terapi Selawat	130
1.4.6 Terapi Zikir	132
1.5 PENGAPLIKASIAN TERAPI ISLAM	134
1.5.1 Kaedah Pengaplikasian Bagi Terapi Tasawuf Dan Terapi Iman	135
1.5.2 Kaedah Pengaplikasian Bagi Terapi Ibadah	136
1.5 PENUTUP	137

## **BAB DUA: PERANAN GURU MENURUT PSIKOSPIRITUAL ISLAM**

2.0 PENGENALAN	138
2.1 KEPERIBADIAN RASULULLAH S.A.W. SEBAGAI SEORANG GURU	140
2.1.1 Dalil al-Quran Tentang Akhlak Rasulullah S.A.W.	141
2.1.2 Dalil Hadith Tentang Akhlak Rasulullah S.A.W.	147
2.1.3 Hasil Didikan Rasulullah S.A.W. Terhadap Para Sahabat	157
2.2 ADAB SEORANG GURU MENURUT SARJANA ISLAM	158
2.2.1 Adab Khusus Bagi Guru al-Quran	165
2.3 PENGAPLIKASIAN PERANAN GURU DALAM PENDIDIKAN AKHLAK	170
2.3.1 Pemerhatian Turut Serta Di Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang Sebagai Uji Rintis	171
2.3.2 Pemerhatian Turut Serta Di Maahad Tahfiz al-Ihsan, Subang Jaya Sebagai Uji Rintis	174
2.3.3 Pendekatan Peranan Guru Di Lokasi Kajian	175
2.4 PENUTUP	179

## **BAB TIGA: LATAR BELAKANG LOKASI KAJIAN DAN MASALAH AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR TAHFIZ**

3.0 PENGENALAN	180
3.1 LATAR BELAKANG LOKASI KAJIAN	181
3.1.1 Sukatan Pelajaran	182
3.1.1.1 Pendidikan Hafazan Al-Quran	182
3.1.1.2 Pendidikan Fardhu Ain	183
3.1.1.3 Pendidikan Akademik	183
3.1.2 Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian	184
3.2 DAPATAN DATA DAN PERBINCANGAN BORANG KAJI SELIDIK	189
3.3 MASALAH AKHLAK DI LOKASI KAJIAN BERDASARKAN PEMERHATIAN TURUT SERTA	211
3.3.1 Adab-adab Pelajar Tahfiz Menurut al-Nawawi	215
3.4 MASALAH GURU DI LOKASI KAJIAN	221
3.5 PENUTUP	226

**BAB EMPAT: HASIL KEBERKESANAN PENGAPLIKASIAN TERAPI ISLAM  
DAN PERANAN GURU DI LOKASI KAJIAN**

4.0 PENGENALAN	228
4.1 KAEDAH PERLAKSANAAN TERAPI ISLAM TERHADAP SUBJEK KAJIAN	228
4.1.1 Perlaksanaan Terapi Tawawuf dan Terapi Iman	229
4.1.2 Perlaksanaan Terapi Ibadah	233
4.2 PERLAKSANAAN PERANAN GURU DI LOKASI KAJIAN	236
4.2.1 Kaedah Pengajaran Guru Di Lokasi Kajian	236
4.2.2 Perlaksanaan Kaedah Pengajaran Guru Di Lokasi Kajian	239
4.3 DAPATAN DATA DAN PERBINCANGAN PERLAKSANAAN TERAPI ISLAM DAN PERANAN GURU TERHADAP SUBJEK KAJIAN	243
4.3.1 Justifikasi Pemilihan Subjek	244
4.3.2 Subjek Kajian	246
4.3.2.1 Subjek Pertama	247
4.3.2.2 Subjek Kedua	259
4.3.2.3 Subjek Ketiga	265
4.3.2.4 Subjek Keempat	266
4.3.2.5 Subjek Kelima	274
4.3.2.6 Subjek Keenam	279
4.3.2.7 Subjek Ketujuh	284
4.3.3 Perbincangan Dapatan Data Tentang Salah Laku Akhlak Subjek	287
4.3.4 Perbincangan Dapatan Data Tentang Perkara Lain Berkaitan Dengan Subjek Kajian	291
4.4 ANALISIS DAPATAN DATA BAGI KEBERKESANAN PENGAPLIKASIAN TERAPI ISLAM DAN PERANAN GURU	294
4.4.1 Analisis Perlaksanaan Terapi Islam Terhadap Subjek Kajian	294
4.4.2 Analisis Perlaksanaan Peranan Guru Terhadap Subjek Kajian	303
4.5 PENUTUP	314

## **BAB LIMA: KESIMPULAN**

5.0 PENGENALAN	316
5.1 RUMUSAN	316
5.1.1 Rumusan Objektif Pertama	316
5.1.2 Rumusan Objektif Kedua	319
5.1.3 Rumusan Objektif Ketiga	320
5.1.4 Rumusan Objektif Keempat	321
5.2 CADANGAN	323
5.2.1 Kementerian Pendidikan Malaysia	323
5.2.2 Jabatan Kemajuan Malaysia	324
5.2.3 Para Pengkaji	325
5.3 PENUTUP	329
<b>BIBLIOGRAFI</b>	330
<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI KEPENDEKAN

&	: dan
‘a.s	: <i>‘alayh al-Salām</i>
APIUM	: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
b.	: bin
bil.	: bilangan
Dr.	: Doktor.
ed.	: editor
<i>et. al</i>	: Pengarang melebihi tiga orang
hb.	: haribulan
Hj.	: Haji
html	: <i>hypertext markup language</i>
http	: <i>hypertext transfer protocol</i>
<i>ibid</i>	: Dari bahasa latin <i>ibiden</i> : Pengarang, tajuk buku dan halaman sama dengan rujukan sebelumnya.
no. hadith	: nombor hadith
Prof.	: Profesor
r.‘a.	: <i>raḍi Allah ‘anh</i>
s.a.w.	: <i>Salla Allah ‘Alaih wa Salam</i>
S.W.T.	: <i>Subhānah wa Ta‘ālā</i>
Sdn. Bhd.	: Sendirian Berhad
t.p.	: tanpa penerbit
t.t.	: tanpa tarikh
t.tp.	: tanpa tempat percetakan
terj.	: terjemahan

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah 1.1:</b>	Susunan Terapi Islam	51
<b>Rajah 1.2:</b>	Langkah Pengaplikasian Terapi Tasawuf	82
<b>Rajah 1.4:</b>	Pembahagian Terapi Islam	138
<b>Rajah 2.1:</b>	Ciri-Ciri Guru Yang Ideal	176

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual 1.1:</b>	Metode Psikoterapi Islam Dan Pengaplikasiannya Dalam Kesihatan Mental	49
<b>Jadual 1.2</b>	Pembahagian Sifat Wajib Bagi Allah S.W.T.	87
<b>Jadual 1.3:</b>	Sifat Wajib dan Mustahil Bagi Rasul	96
<b>Jadual 1.4:</b>	Fadhilat Surah-surah dalam al-Quran	126
<b>Jadual 1.5:</b>	Adab <i>Zikir Ism al-Dhat</i>	134
<b>Jadual 1.6:</b>	Pengaplikasian Terapi Ibadah oleh Pihak Tahfiz di Lokasi Kajian	136
<b>Jadual 3.1:</b>	Jadual Harian Bagi Pelajar di Lokasi Kajian	184
<b>Jadual 3.2:</b>	Tempat Tinggal Responden	192
<b>Jadual 3.3:</b>	Umur Responden	193
<b>Jadual 3.4:</b>	Jumlah Pendapatan Ibu Bapa Responden	194
<b>Jadual 3.5:</b>	Faktor Responden Memilih untuk Memasuki Sekolah Tahfiz	195
<b>Jadual 3.6:</b>	Penglibatan Responden dengan Sekolah Tahfiz Sebelum Ini	196
<b>Jadual 3.7:</b>	Faktor-Faktor Responden Berhenti Dari Sekolah Tahfiz Lama	197
<b>Jadual 3.8:</b>	Pengakuan Responden Bagi Kes Mencuri	199
<b>Jadual 3.9:</b>	Pengakuan Responden Bagi Kes Merokok	200
<b>Jadual 3.10:</b>	Pengakuan Responden Bagi Kes Bermain <i>Game</i> Sewaktu Cuti Sekolah	202
<b>Jadual 3.11:</b>	Pengakuan Responden Bagi Kes Salah Laku Seksual	203
<b>Jadual 3.12:</b>	Pengakuan Responden Bagi Salah Laku Seksual Sama Jantina	204
<b>Jadual 3.13:</b>	Kefahaman, Kepercayaan dan Pegangan Agama Responden	206
<b>Jadual 3.14:</b>	Amalan-Amalan Spiritual/ Kerohanian Dalam Mendekatkan Diri Kepada Allah S.W.T.	209
<b>Jadual 3.15:</b>	Kesan-kesan Spiritual/Kerohanian Terhadap Diri Responden	210
<b>Jadual 3.16:</b>	Kes Salah Laku Akhlak dalam Kalangan Pelajar di Lokasi Kajian.	212
<b>Jadual 4.1:</b>	Kronologi Pengaplikasian Terapi Tasawuf dan Terapi Iman	230
<b>Jadual 4.2:</b>	Contoh Penulisan Bagi Rekod Hafazan Pelajar	240
<b>Jadual 4.3:</b>	Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Pertama	252
<b>Jadual 4.4:</b>	Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Kedua	262
<b>Jadual 4.5:</b>	Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Ketiga	265
<b>Jadual 4.6:</b>	Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keempat	270
<b>Jadual 4.7:</b>	Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Kelima	276
<b>Jadual 4.8:</b>	Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keenam	281
<b>Jadual 4.9:</b>	Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Ketujuh	285
<b>Jadual 4.10:</b>	Jadual Ringkasan Dapatan Data Tentang Salah Laku Akhlak Subjek	287
<b>Jadual 4.11:</b>	Ringkasan Perkara-Perkara Lain yang Berkaitan dengan Subjek Kajian.	293

## BAB PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Bab ini merupakan bab pengenalan kepada keseluruhan kajian yang dilakukan berkenaan Terapi Islam dan peranan guru dalam pendidikan akhlak remaja Islam yang dikhususkan terhadap para pelajar tahfiz. Justeru, bab ini akan mengenengahkan perbincangan mengenai latar belakang dan permasalahan kajian, huraian tajuk, persoalan kajian, objektif kajian yang ingin dicapai, skop kajian, kepentingan kajian, ulasan penulisan terdahulu, metodologi kajian yang digunakan, susunan penulisan dan disusuli dengan penutup.

### 1.2 LATAR BELAKANG DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Islam adalah satu-satunya agama yang begitu menekankan tentang aspek pendidikan akhlak kerana akhlak merupakan amalan mulia yang menjadi teras bagi sesuatu umat dan ianya juga merupakan kelakuan dalam menjaga hubungan dengan Allah S.W.T., hubungan sesama manusia serta hubungan dengan alam<sup>1</sup>. Dalam perspektif Islam, model akhlak yang terbaik untuk diikuti ialah akhlak Rasulullah s.a.w. sebagaimana firman Allah S.W.T.;

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ

كَثِيرًا

Maksudnya: “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah”.

(Surah al-Aḥzāb, 33:21)

Ini kerana Allah S.W.T. mengiktiraf akhlak Rasulullah s.a.w. sebagai akhlak yang terpuji sebagaimana firman-Nya;

---

<sup>1</sup> Siti Fatimah Tasir et al., *Tamadun Islam: Sumbangan dan Cabaran* (Machang: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA Kampus Kelantan, 2006), 7.

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung”.

(Surah al-Qalam, 68:4)

Menerusi ayat ini, pengarang tafsir *Rūḥ al-Maʿānī* telah mentafsirkan ayat ini dengan mendatangkan hadith tentang soalan Saʿad bin Hishām kepada ʿĀʾishah (isteri Rasulullah s.a.w.) berkaitan akhlak Rasulullah s.a.w.. Lalu ʿĀʾishah menjawab bahawa akhlak Baginda adalah al-Quran<sup>2</sup>. Sungguhpun begitu, masyarakat zaman kontemporari kini khususnya dalam kalangan remaja kebanyakannya tidak menjadikan Rasulullah s.a.w. sebagai contoh tauladan untuk diikuti. Bahkan terdapat juga antara mereka yang memandang lekeh terhadap keindahan Islam yang begitu menitikberatkan isu akhlak sehingga mengakibatkan krisis akhlak menjadi semakin parah dan sukar untuk diatasi<sup>3</sup>. Padahal generasi muda adalah harapan kepada masa depan negara kerana merekalah yang bertanggungjawab untuk mengambil alih pentadbiran yang sedia ada suatu masa nanti<sup>4</sup>. Sungguhpun begitu, isu akhlak dalam kalangan remaja masa kini bukanlah suatu perkara yang asing lagi. Setiap hari media massa tidak jemu mendatangkan berbagai jenis kes yang berkaitan dengan keruntuhan akhlak terutamanya di kalangan remaja-remaja Islam seperti kes bunuh<sup>5</sup>, zina<sup>6</sup>,

<sup>2</sup> Al-Alūsī, Maḥmūd bin ʿAbd Allāh, *Rūḥ al-Maʿānī* (Beirut: Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabi, t.t.), 29:25.

<sup>3</sup> Sebagai contoh, lihat berita dalam akhbar *Sinar Harian* pada 28hb. Ogos 2012 yang bertajuk “Muka Selamba Buat Maksiat” yang mendedahkan tentang akhlak segelintir remaja Islam yang tidak segan silu melakukan pekerjaan terkutuk (zina) di sebuah hotel bajet yang terletak di Kuantan. Lihat laman web berikut yang dicapai pada 27hb. Julai 2013: <http://www.sinarharian.com.my/edisi/pahang/muka-selamba-buat-maksiat-1.79538>

<sup>4</sup> Ini kerana dari sudut biologi seseorang remaja, mereka memiliki puncak kesempurnaan fizikal di mana tubuh mereka kuat, segala alat dan organ sedang aktif dengan segala fungsinya. Begitu juga dari sudut budaya, sosial, intelek dan ideologi juga sedang berkembang dengan baik. Lihat Zakiah Daradjat, *Pembinaan Remaja* (Jakarta: Bulan Bintang, 1982), 18.

<sup>5</sup> Lihat contoh kes dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 19hb Ogos 2013 yang bertajuk “Remaja 18 tahun Disabit Kesalahan Bunuh 4 Sekeluarga”, dan 12hb. Disember 2012 yang bertajuk “Tiga sahabat dituduh bunuh peniaga makanan” yang salah seorang daripadanya adalah remaja belasan tahun. Lihat juga laman web berikut: <http://www.utusan.com.my/utusan/search.asp?stype=kw&Str=remaja%20bunuh&pg=3&sb=> yang diakses pada 27hb Ogos 2013, jam 6.31 petang.

<sup>6</sup> Lihat contoh kes dalam akhbar *Kosmo* pada 29hb. April 2012 yang bertajuk “Aksi Seks Atas Padang” yang memaparkan tentang penangkapan sepasang pelajar Tingkatan Satu yang melakukan hubungan seks di



pembuangan bayi<sup>7</sup>, *gay* (perhubungan sejenis antara lelaki dengan lelaki), *lesbian* (perhubungan sejenis antara perempuan dengan perempuan), *biseksual* (hubungan dua hala) dan *transgender* (maknyah) atau kata singkatannya: LGBT<sup>8</sup>, penagihan dadah<sup>9</sup>, ragut<sup>10</sup>, rempit<sup>11</sup>, meneguk minuman keras<sup>12</sup>, memukul ibubapa<sup>13</sup> dan sebagainya.

Selain itu, kepelbagaian kajian semasa berkenaan salah laku remaja dari pelbagai aspek dan disiplin ilmu turut menjelaskan lagi tentang masalah akhlak dalam kalangan remaja yang semakin membimbangkan kini. Antara masalah akhlak yang sering diberi penekanan oleh para pengkaji ialah kes kehamilan luar nikah sebagaimana yang dilakukan oleh Saedah A.

---

padang sekolah yang turut disaksikan oleh rakan-rakan mereka. Lihat juga laman web berikut: <http://www.kosmo.com.my/kosmo/cari.asp?Str=zina+di+kalangan+remaja&Action=Search&stype=kw&sb=ra> yang diakses pada 29hb. Ogos 2013, jam 3.01 petang; Lihat juga contoh kes dalam akhbar *Sinar Harian* pada 10hb Jun 2013 yang bertajuk “Remaja Mengaku Pernah Terlanjur”. Lihat juga laman web berikut: <http://www.sinarharian.com.my/edisi/utara/remaja-mengaku-pernah-terlanjur-1.169339> yang diakses pada 29hb Ogos 2013, jam 3.07 petang.

<sup>7</sup> Lihat contoh kes dalam akhbar *Sinar Harian* pada 9hb. Mei 2012 yang bertajuk “Kes Buang Bayi Meningkatkan Setiap Tahun”, 14hb. Februari 2012 yang bertajuk “Mayat Bayi Perempuan Dijumpai di Bilik Air Kolej”, 23hb. November 2012 yang bertajuk “Mayat Bayi: Pemandu Lori, Pekerja Kutip Sampah Dicari” dan sebagainya. Lihat juga laman web berikut: <http://www.sinarharian.com.my/cari-7.1201?q=pembuangan+bayi> yang diakses pada 27hb Julai 2013, jam 11.40 malam.

<sup>8</sup> Lihat contoh kes dalam akhbar *Berita Harian* pada 28hb. Julai 2013 yang bertajuk “Kaunselor Sekolah Perlu Dalami Ilmu Cegah LGBT” dan 8hb. Februari 2013 yang bertajuk “Guru Perlu Bantu Hindar Penularan LGBT: Mohd Puad”. Lihat juga laman web berikut yang diakses pada 28hb Julai 2013, jam 10.30 pagi: [http://www.bharian.com.my/search\\_result?src\\_term=LGBT&src\\_type=BH&search=Cari](http://www.bharian.com.my/search_result?src_term=LGBT&src_type=BH&search=Cari)

<sup>9</sup> Lihat contoh kes dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 3hb. Julai 2013 yang bertajuk “Akibat Terlalu Dimanja” yang mengisahkan tentang remaja 16 tahun yang terjebak dengan dadah. Lihat juga laman web: <http://www.utusan.com.my/utusan/search.asp?stype=kw&Str=dadah%20&pg=4&sb=ra>; yang diakses pada 27hb Ogos 2013, jam 6.44 petang.

<sup>10</sup> Lihat contoh kes dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 3hb Januari 2013 yang bertajuk “Ragut:2 Remaja Ditahan” dan 28hb Jun 2011 yang bertajuk “Ditahan Selepas Jual Hasil Ragut” yang mengisahkan tentang 2 remaja yang berusia 16 tahun yang meragut loket emas seorang wanita Subang Jaya dan telah berjaya menjualnya di sebuah kedai emas tetapi kemudiannya berjaya ditahan polis. Lihat juga laman web: <http://www.utusan.com.my/utusan/search.asp?Str=ragut+remaja&stype=kw&Action=Search&sb=ra> yang diakses pada 27hb Ogos 2013, jam 6.44 petang.

<sup>11</sup> Lihat contoh kes dalam akhbar *Berita Harian* pada 21hb. Julai 2013 yang bertajuk “Bekas Mat Rempit Pelajar Terbaik LUCT”.

<sup>12</sup> Lihat contoh kes dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 9hb. Februari 2009 yang bertajuk “Kawasan Lapang Lokasi Minum Arak” yang mengisahkan tentang segelintir remaja yang menjadikan kawasan lapang dan juga hutan di lokasi yang berdekatan dengan pusat perniagaan Kota Baling Jaya, Baling, Kedah sebagai tempat melepaskan gila minum arak dan hubungan seks. Lihat juga laman web: [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0209&pub=utusan\\_malaysia&sec=Utara&pg=wu\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0209&pub=utusan_malaysia&sec=Utara&pg=wu_05.htm) yang diakses pada 27hb Ogos 2013, jam 7.16 malam.

<sup>13</sup> Lihat contoh kes dalam akhbar *Sinar Harian* pada 10hb. Ogos 2012 yang bertajuk “Hentak Ibu Dengan Kerusi”, 16hb. April 2012 yang bertajuk “Pukul Ibu Dengan Besen”, 21hb. Disember 2012 yang bertajuk “Heret, Ugut Pukul Ibu” dan sebagainya. Lihat juga laman web berikut: <http://www.sinarharian.com.my/cari-7.1201?q=memukul+ibu> yang diakses pada 28hb Julai 2013, jam 11.00 pagi.

Ghani et al. pada tahun 2014<sup>14</sup>, Salmi Ahmad Sudan pada tahun 2013<sup>15</sup>, Salasiah Hanin Hamjah et al. pada tahun 2012<sup>16</sup> dan Khairani Omar et al. pada tahun 2010<sup>17</sup>. Berdasarkan Perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara pula, jumlah kelahiran anak tidak saf taraf bagi tahun 2006 hingga 2010 sahaja ialah 234,647 dan 80,979 (34.5%) daripadanya adalah bayi yang ibunya beragama Islam. Manakala kes buang bayi pula bagi tahun 2005 hingga April 2010 di seluruh negara adalah sebanyak 280 kes<sup>18</sup>.

Selanjutnya, kajian tentang masalah rempit dalam kalangan remaja juga turut dijalankan bagi mengenalpasti punca terjadinya masalah tersebut seperti kajian oleh Rokiah Ismail et al. pada tahun 2010<sup>19</sup>, Muhamad Fuad Abdul Karim et al. pada tahun 2009<sup>20</sup> dan Rozmi Ismail pada tahun 2008<sup>21</sup>. Antara lain, terdapat juga kajian yang mengaitkan antara salah

---

<sup>14</sup> Kajian ini telah mengaplikasikan Inventori Nilai-nilai Moral Remaja Islam (Moral Values Inventory for Muslim Adolescents) terhadap 238 orang penghuni daripada empat rumah pemulihan yang bertujuan untuk mengatasi masalah seks sebelum nikah dalam kalangan remaja. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara nilai-nilai murni Islam dan strategi mengatasi masalah tersebut. Lihat Saedah A. Ghani et al., "Muslim Adolescent Moral Values And Coping Strategies Among muslim Female Adolescents Involved In Premarital Sex", *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 114 (2014), 637-643.

<sup>15</sup> Hasil kajian menyatakan bahawa antara faktor kehamilan remaja perempuan sebelum nikah adalah kerana pendidikan Islam yang diterima oleh para pelajar kini tidak mampu memberi tindak balas yang sewajarnya dalam kehidupan mereka. Lihat Salmi Ahmad Sudan, "Premarital Sex Among School-Going Malay Female Teens: A Case Study In Selangor" (tesis kedoktoran, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2013).

<sup>16</sup> Kajian ini menyatakan bahawa faktor utama penyebab kepada seks bebas dalam kalangan remaja Muslim sehingga berlakunya masalah kehamilan sebelum nikah ialah kerana pegangan agama yang lemah. Lihat Salasiah Hanin Hamjah et al., "Factors Relating to Premarital Pregnancy Amongst Muslim Edolescents in Malaysia", *Research Journal of Medical Sciences*, bil. 6, no. 6 (2012), 266-271.

<sup>17</sup> Kajian ini menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara remaja hamil sebelum nikah dengan pencapaian yang rendah dalam pendidikan Khairani Omar et al, "Adolescent pregnancy outcomes and risk factors in Malaysia", *Journal of Gynecology and Obstetrics*, 111 (2010), 220-223.

<sup>18</sup> Husin bin Junoh, "Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Luar Bandar Di Daerah Kota Tinggi Johor", (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2011), 4; Utusan Malaysia Online, <http://www.utusan.com.my>, 14hb. Jun 2011.

<sup>19</sup> Rokiah Ismail et al., "Golongan Muda Mat Rempit: Suatu Ekspresi Sub Budaya", *Jurnal E-Bangi*, jil. 5, bil. 1 (2010), 1-10.

<sup>20</sup> Kajian ini telah menyatakan bahawa antara punca utama responden kajian yang terdiri daripada 45 orang pelajar terlibat dengan kumpulan Mat Rempit adalah kerana faktor keselamatan di samping kepuasan dalam melakukan aktiviti bersama kawan-kawan seperti melepak, berlumba dan beraksi dengan motosikal masing-masing serta mengambil dadah. Lihat Muhamad Fuad Abdul Karim et al., "Sub-Budaya Mat Rempit dan Perubahan Sosiobudaya", *Malaysian Journal of Society and Space*, bil. 5, no. 3 (2009), 26-43.

<sup>21</sup> Kajian ini telah menyimpulkan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi remaja dengan perlumbaan haram di Malaysia iaitu faktor psikologikal yang merangkumi aspek personaliti seperti Ekstroverti dan Neurotisisme di samping faktor sosiologikal iaitu pengaruh media massa dan desakan rakan

laku dalam kalangan remaja dengan pencapaian akademik di sekolah seperti kajian, Khairani Omar et al. pada tahun 2010<sup>22</sup>, Fatimah Ali pada tahun 2007<sup>23</sup> dan Azizah Lebai Nordin pada tahun 2002<sup>24</sup>. Berdasarkan dapatan kajian-kajian ini, pelajar yang cemerlang dalam pencapaian akademik kebiasaannya tidak akan terlibat dengan masalah sosial berbanding dengan pelajar yang lemah atau sederhana dalam pencapaian akademik<sup>25</sup>.

### 1.2.1 Masalah Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Tahfiz

Pada masa yang sama, keadaan semasa juga menggambarkan tentang keprihatinan segelintir ibubapa yang mengambil berat tentang pendidikan akhlak anak-anak mereka dengan menghantar mereka ke sekolah-sekolah tahfiz<sup>26</sup> dengan namanya yang tersendiri<sup>27</sup> sebagai suatu usaha alternatif dalam memelihara para remaja daripada terjebak dengan masalah akhlak. Bagi menampung permintaan masyarakat yang tinggi, sekolah-sekolah aliran agama ini terutamanya sekolah tahfiz swasta semakin pesat dibangunkan berbanding dengan sekolah tahfiz kerajaan. Di Selangor sahaja sehingga bulan Februari 2011, terdapat 122 sekolah tahfiz yang berdaftar dan ianya merangkumi 120 sekolah tahfiz swasta, 1

---

sebaya. Lihat Rozmi Ismail, "Mat Rempit Dan Gejala Lumba Haram Di Malaysia", *Jurnal Psikologi Malaysia*, bil. 22 (2008), 17-28.

<sup>22</sup> Kajian ini menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara remaja hamil sebelum nikah dengan pencapaian yang rendah dalam pendidikan. Lihat Khairani Omar et al, "Adolescent pregnancy outcomes and risk factors in Malaysia", *Journal of Gynecology and Obstetrics*, 111 (2010), 220-223.

<sup>23</sup> Fatimah Binti Ali, "Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya dengan Kemerosotan Pembelajaran", *Jurnal Usuluddin*, bil. 25 (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007), 145-154.

<sup>24</sup> Kajian ini turut menyatakan bahawa semakin tinggi pencapaian pelajar dalam pendidikan atau akademik, semakin kurang penglibatannya dengan salah laku jenayah. Lihat Azizah Lebai Nordin, "Masalah Disiplin di Kalangan Remaja" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002), 53-156.

<sup>25</sup> Fatimah Binti Ali, "Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya dengan Kemerosotan Pembelajaran", 145-154.

<sup>26</sup> Sekolah orang yang hafal al-Quran. *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (1970; cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 1569, entri "tahfiz"; *Kamus Daya* (Seri Kembangan: Penerbitan Minda (M) Sdn. Bhd., 2008), 1652, entri "tahfiz".

<sup>27</sup> Terdapat banyak nama bagi sesebuah institut tahfiz seperti Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Maahad Tahfiz Kiblah, Maahad Tahfiz Darul Quran, Institut Tahfiz Saba', Akademik Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat, Raudhah Tahfiz Al-Quran, Akademi Darul-Huffaz dan sebagainya. Lihat laman web: [http://www.darulquran.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=115&Itemid=154](http://www.darulquran.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=115&Itemid=154) yang diakses pada 30hb. Julai 2013, jam 7.05 petang.

sekolah tahfiz di bawah kerajaan negeri Selangor iaitu Maahad Tahfiz Integrasi Sains & Teknologi dan 1 institusi tahfiz di bawah kerajaan pusat iaitu Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)<sup>28</sup>. Angka bagi sekolah tahfiz swasta di Selangor ini semakin meningkat pada tahun 2017 iaitu sebanyak 265 sekolah tahfiz yang dibangunkan<sup>29</sup>. Namun, usaha untuk mendidik generasi yang celik agama bukanlah suatu perkara yang mudah. Tidak dinafikan bahawa gejala negatif juga turut merebak kepada penuntut di sekolah tahfiz swasta.

Secara ilmiahnya, tiada kajian semasa yang mengenengahkan masalah akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz tetapi masalah ini telah disebarikan secara umum oleh media massa seperti penyebaran kisah pelajar sekolah tahfiz hamil luar nikah di beberapa laman web<sup>30</sup>. Pada dasarnya, pelajar wanita ini telah hamil luar nikah sebelum dimasukkan ke sekolah tahfiz berkenaan<sup>31</sup>. Antara lain, isu *gay* dalam kalangan pelajar tahfiz juga turut tersebar di media massa seperti yang telah diterbitkan oleh majalah *Mastika* edisi Jun 2009 dengan paparan utama di muka hadapannya: “*Ustaz, Budak Tahfiz Dirasuk Gay*” dan keratan akhbar tempatan dengan tajuk seperti: “*Ustaz Dituduh Cium Remaja Lelaki*”<sup>32</sup>, “*Pelajar*

---

<sup>28</sup> Lihat laman web rasmi Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di: [http://www.darulquran.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=158%3Asenarai-institut-tahfiz-diseluruhmalaysia&catid=45%3Adewan-huffazkebangsaan&Itemid=1](http://www.darulquran.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=158%3Asenarai-institut-tahfiz-diseluruhmalaysia&catid=45%3Adewan-huffazkebangsaan&Itemid=1) yang diakses pada 30hb. Julai 2013, jam 6.25 petang.

<sup>29</sup> Ini adalah sebagaimana kenyataan Ahmad Yunus Hairi yang merupakan Exco Hal Ehwal Agama, Adat Melayu, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi bagi negeri Selangor sebagai menjawab pertanyaan lisan daripada Ahli Dewan Negeri Kota Anggerik, Yaakob Sapari ketika persidangan penggal kelima Dewan Negeri Selangor yang ke-13 iaitu pada 25hb. Julai 2017. Lihat *Selangor Kini Online* di <https://selangorkini.my/2017/07/265-maahad-tahfiz-selangor-tumpu-empat-kurikulum-utama/> yang diakses pada 5hb. September 2018, jam 6.40 petang.

<sup>30</sup> Lihat laman web berikut: <http://suarainsan.net/kisah-menyayat-hati-pelajar-maahad-tahfiz-hamil-luar-nikah/> dan <http://mymedia99.blogspot.my/2015/06/kisah-pelajar-maahad-tahfiz-hamil-luar.html> yang diakses pada 1hb. April 2016.

<sup>31</sup> *Ibid.*

<sup>32</sup> Lihat Sinar Harian Online di <http://www.sinarharian.com.my/edisi/melaka-ns/ustaz-dituduh-cium-remaja-lelaki-1.30058> yang diakses pada 1hb. April 2016.

*Tahfiz Dakwa 3 Kali Diliwat Guru*<sup>33</sup> dan *“Murid Tahfiz Dinoda Dekat Pokok Buluh”*<sup>34</sup>. Seterusnya, terdapat juga berita tentang kes Wan Ahmad Faris Wan Abdul Rahman yang menjadi spekulasi sama ada beliau membunuh diri atau sebaliknya di tandas Sekolah Maahad Tahfiz Sains Nurul Aman Kok Lanas, Kelantan<sup>35</sup>. Bagi mengenalpasti sejauhmana masalah akhlak telah berlaku di sekolah tahfiz swasta sebagaimana yang disebarkan secara meluas oleh media massa, kajian khusus tentangnya adalah perlu dilakukan.

### **1.2.2 Faktor Penyumbang Kepada Masalah Akhlak Remaja**

Secara zahirnya, terdapat banyak faktor yang boleh menyumbang terjadinya perkara-perkara negatif ini dalam kalangan remaja Islam. Antara faktor tersebut yang dikenalpasti berdasarkan kajian semasa sebagaimana yang diketengahkan oleh Mazlan Ismail (2011), Fatimah Ali (2007), Wan Noraishah Wan Ismail (2003) dan Azizah Lebai Nordin (2002) ialah pengaruh buruk daripada sekolah lama, kelalaian ibubapa dalam memberi didikan agama di rumah, lemah daya ingatan (kurang pandai)<sup>36</sup>, persekitaran yang tidak strategik, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa dan elektronik, saiz sekolah yang besar dan sebagainya<sup>37</sup>. Sungguhpun begitu, kajian Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan

---

<sup>33</sup> Keratan akhbar di *Sinar Harian* pada 5hb. September 2014. Lihat juga *Sinar Harian Online* di <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/perak/pelajar-tahfiz-dakwa-3-kali-diliwat-guru-1.314007> yang diakses pada 23hb. Januari 2017, jam 4.41 petang.

<sup>34</sup> Lihat *Harian Metro* secara online di <http://www.hmetro.com.my/node/71933#sthash.vpCRW0Th.dpuf> yang diakses pada 23hb. Januari 2017, 2.54 petang.

<sup>35</sup> Lihat *Sinar Harian Online* di <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/kelantan/kematian-tiada-unsur-jenayah-1.230700> dan <http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/ibu-pelajar-syukur-kes-anak-selesai-1.531041>, diakses pada 13hb. Julai 2016.

<sup>36</sup> Hasil kajian Fatimah Ali yang bertajuk “Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya dengan Kemosotakan Pembelajaran” telah merumuskan bahawa pelajar-pelajar yang pintar kebiasaannya kurang terpengaruh dengan anasir-anasir negatif berbanding pelajar yang agak sederhana dan rendah daya ingatannya. Lihat Fatimah Ali, “Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya dengan Kemosotakan Pembelajaran” dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil. 25, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007), 145-156.

<sup>37</sup> Lihat Azizah Lebai Nordin, “Masalah Disiplin di Kalangan Remaja”(tesis kedoktoran, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2002), 36; Wan Noraishah Binti Wan Ismail, “Akhlak Remaja Di Felda Ulu Belitong, Kluang, Johor: Kajian Tentang Masalah” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003), 97; Mazlan bin Ismail, “Unsur-Unsur Yang Mempengaruhi Akhlak Pelajar Islam Di Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Selatan, Cheras, Kuala Lumpur” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).

(2011) mendapati bahawa faktor yang lebih mempengaruhi para remaja dengan masalah akhlak adalah diri mereka sendiri berbanding dengan faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya dan persekitaran sekolah di samping turut menyatakan bahawa latar belakang keluarga adalah faktor yang tidak penting dalam mempengaruhi para remaja dengan masalah akhlak<sup>38</sup>.

Manakala dari sudut spiritualnya pula adalah bergantung kepada keadaan hati individu itu sendiri kerana fizikal remaja diarahkan oleh hati<sup>39</sup>. Hati remaja yang bersih dan suci tidak akan terjebak dan mengarahkan fizikal remaja ke dalam kancas maksiat<sup>40</sup>. Sekiranya hati itu baik, maka baiklah segala tubuh badan seseorang dan begitulah sebaliknya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا  
وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa dalam jasad manusia ada seketul daging (segumpal darah), jika baik maka baiklah seluruh anggota dan jika rosak maka rosaklah seluruh anggota, itulah hati”<sup>41</sup>.

Di samping itu, isu keruntuhan akhlak juga berkait rapat dengan keadaan iman seseorang<sup>42</sup> kerana seseorang pezina, pencuri, peminum arak dan ahli maksiat yang lain tidak akan

---

<sup>38</sup> Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, “Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka”, *Journal of Education Psychology & Counseling*, bil. 1, (2011), 115-140.

<sup>39</sup> Nor Azah Abdul Aziz, “Internet, Laman Web Pornografi dan Kaedah Psikospiritual Islam dalam Menangani Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi”, *Jurnal Usuluddin*, Bil. 29, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 165.

<sup>40</sup> *Ibid.*

<sup>41</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Īmān, Bāb Faḍl Man Istabraa li Dīnih, no. hadith 52*). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alaih wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (Kaḥerah: al-Matba’ah al-Salafiyyah, 1979), 1:34.

<sup>42</sup> Ketika Allah S.W.T. menciptakan iman, iman berdoa agar dikuatkan dirinya. Lalu Allah S.W.T. telah memperkuat dirinya dengan akhlak yang baik. Lihat al-Ghazālī, Abū Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad, *Mukāshafah Qulūb, taḥqīq*: Hijāzī al-Saqqā (Beirut: Dār al-Jīl, 1991), 423.

melakukan dosa-dosa ini dalam keadaan dirinya mempunyai keimanan sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

لا يَزِيءُ الزَّانِي حِينَ يَزِيءُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَشْرِبُ الْحَمْرَ حِينَ يَشْرِبُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَسْرِقُ  
السَّارِقُ حِينَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Maksudnya: “Seorang pezina tidak akan berzina ketika dia ingin berzina sedangkan dia berada di dalam keimanan. Seorang peminum arak tidak akan meminumnya sedangkan dia berada dalam keimanan. Seorang pencuri tidak akan mencuri ketika dia ingin mencuri sedangkan dia berada di dalam keimanan”<sup>43</sup>.

Tidak diragukan lagi bahawa iman adalah suatu perkara yang amat diperlukan bagi setiap orang Islam<sup>44</sup>. Iman yang lemah akan menghilangkan segala pertimbangan akal dan mengakibatkan seseorang itu mengalami kegoncangan jiwa sehingga menjadi mangsa pertikaian antara yang benar dan yang batil, pertikaian antara keperluan dan nilai-nilai, pertikaian antara dunia dan Akhirat, dan pertikaian antara akal dan nafsu<sup>45</sup>. Natijahnya, manusia akan terpengaruh dengan hasutan syaitan dan ajakan hawa nafsu yang tidak jemu-jemu menjerumuskan mereka ke arah kejahatan sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam al-Quran:

وَمَا أُبْرِئُ نَفْسِيَّ إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: “Dan aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahan), kerana Sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan,

<sup>43</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Hudūd, Bāb al-Sāriq ḥin Yasriq*, hadith no. 6782). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alaih wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:247; Hadith riwayat Muslim dengan susunan yang berbeza tetapi mempunyai maksud yang sama (*Kitāb al-Imān, Bāb Bayān Nuqṣān al-Imān bi al-Ma’āsī wa Nafyih*, *an al-Mutalabbis bi al-Ma’āsīyah*, hadith no. 211). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 1:54; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Imān, Bāb Mā Jā’ Lā Yaznī al-Zānī wa Huwa Mu’min*, hadith no. 2625). Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī’, t.t.), 592.

<sup>44</sup> Ini kerana iman yang mantap akan memberi implikasi dalam membentuk nilai kehidupan insan. Lihat Siti Fatimah Tasir et al., *Tamadun Islam: Sumbangan dan Cabaran* (Machang: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA Kampus Kelantan, 2006), 92.

<sup>45</sup> Muḥammad Rātib al-Nablīsī, *Keajaiban Tubuh Manusia*, terj. Muhammad Harun Zain (Puchong: Jasmin Publications, 2011), 108.

kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

(Surah Yūsuf 12:53)

Oleh itu, iman yang terletak dalam hati manusia itu perlu dipelihara dengan sebaik-baiknya agar ruang-ruang untuk melakukan kemaksiatan kepada Allah S.W.T. dapat disekat dan kemanisan iman dapat dirasai<sup>46</sup>. Tetapi tugas untuk menjaga iman itu bukanlah suatu perkara yang mudah kerana iman akan berkurang dengan melanggar perintah Allah S.W.T. dan iman juga akan bertambah dengan ketaatan kepada Allah S.W.T. dan sentiasa mengingati-Nya<sup>47</sup>. Selain itu, iman juga berkait rapat dengan keyakinan seseorang muslim kerana keyakinan adalah asal daripada keimanan dan ketika hati telah menjadi yakin, maka seluruh tubuh akan bergerak untuk mengerjakan amalan-amalan kebaikan<sup>48</sup>.

Di samping itu, akhlak seseorang juga amat berkait rapat dengan tasawuf sebagaimana yang dinyatakan oleh Abū Jaʿfar al-Kattānī yang mendefinisikan tasawuf sebagai akhlak dan barangsiapa yang menambah akhlaknya, maka dia telah menambah kesucian dirinya<sup>49</sup>. Abū Jaʿfar al-Bāqir juga berpendapat bahawa tasawuf adalah akhlak<sup>50</sup>. Dalam istilah lain, tasawuf turut dinamakan sebagai sufistik yang mampu membangunkan psikologi dan

---

<sup>46</sup> Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.; Sesiapa yang terdapat di dalam dirinya tiga perkara ini, akan merasai kemanisan iman; Allah dan Rasul-Nya lebih dikasihi daripada selain keduanya, dia mengasihi seseorang yang tidak dikasihinya melainkan kerana Allah dan dia berasa benci untuk kembali kepada kekufuran sebagaimana dia berasa benci sekiranya dicampakkan ke dalam neraka. Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Īmān, Bāb Ḥalāwah al-Īmān*, hadith no. 16). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismāʿīl, *al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ* (Kaherah: al-Matbaʿah al-Salafiyah, 1982), 1:22.

<sup>47</sup> Ibn Hajar al-ʿAsqalānī, Aḥmad bin ʿAlī, *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Maʿrifah, t.t.), 1:47-48.

<sup>48</sup> *Ibid.*, 1:48.

<sup>49</sup> Ibrāhīm Basyūnī, *Nash, āh al-Taṣawwuf al-Islāmī* (Mesir: Dār al-Maʿārif, 1969), 21.

<sup>50</sup> Abū Jaʿfar al-Bāqir juga berpendapat bahawa tasawuf adalah akhlak. Lihat al-Hujwīrī, *Kashf al-Mahjūb*, ed. Is,ād, ʿAbd al-Hādī Qindīl (Beirut: Dār al-Nahḍah al-ʿArabiyah, 1980), 227.



peribadi seseorang muslim menerusi latihan kerohanian dengan membersihkan nafsu daripada sifat-sifat tercela di samping menyuburkan sifat-sifat terpuji<sup>51</sup>.

Secara jelasnya, menerusi faktor-faktor yang mendorong para remaja kepada kesalahan tingkah laku akhlak dapat dipastikan bahawa mereka memerlukan pendedahan yang sewajarnya tentang matlamat dan tujuan hidup yang sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam al-Quran:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku”.

(Surah *al-Dhāriyāt* 51:56)

Ayat al-Quran ini jelas menyatakan bahawa manusia diciptakan adalah untuk beribadat, maka sewajarnya mereka memerhatikan hikmah tujuan daripada kejadian diri mereka dan memalingkan diri daripada tipu daya dunia dengan zuhud kerana ianya adalah tempat yang akan binasa<sup>52</sup>. Selain itu, ketika mentafsirkan ayat al-Quran ini, al-Suyūṭī<sup>53</sup> mendatangkan hadith Rasulullah s.a.w. iaitu:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ يَا ابْنَ آدَمَ تَفَرَّغْ لِعِبَادَتِي أَمَلًا صَدْرَكَ غِنَى وَأَسَدَّ فَقْرَكَ وَإِلَّا تَفْعَلَنَّ مَلَأْتُ يَدَيْكَ شُغْلًا وَمَمَّ أَسَدَّ فَقْرَكَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah Ta,ala berfirman: Wahai anak Adam, lapangkanlah masa untuk beribadah kepada-Ku nescaya Aku penuhkan hatimu dengan kekayaan serta menutup kefakiranmu dan jika tidak engkau lakukan yang sedemikian, Aku penuhi kedua belah tanganmu dengan kesibukan dan tidak menutup kefakiranmu”<sup>54</sup>.

<sup>51</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 184.

<sup>52</sup> Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn, taḥqīq*: Māhir Yāsīn al-Fahl (t.tp.: t.p., t.t.), 1:9.

<sup>53</sup> Al-Suyūṭī, ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *Al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma,thūr, taḥqīq*: ‘Abd Allāh bin Muḥsin (Kaherah: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-,Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003), 13:689.

<sup>54</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb Sifah al-Qiyamah, Bāb 30*, no. hadith 2466). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 556; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Zuhd, Bāb Ham bi al-Dunyā*, hadith no. 4107). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah,

Ibn Mājah meletakkan hadith ini dalam salah satu bab daripada kitab *al-Zuhd* yang merupakan kitab terakhir dalam *Sunan Ibn Majah* kerana natijah ilmu bagi seseorang ialah zuhud terhadap dunia dan mengharapkan kebaikan di sisi Allah S.W.T. sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Sindi<sup>55</sup>. Oleh yang sedemikian, masalah akhlak dalam kalangan remaja dapat diatasi dengan lebih efektif sekiranya mereka mengerti tentang tujuan dan matlamat hidup di dunia ini.

### 1.2.3 Terapi Islam Dalam Pendidikan Akhlak

Bagi tujuan pencegahan dan pemulihan bagi masalah akhlak ini, pengkaji berusaha untuk mengenalpasti beberapa model terapi Islam yang dilihat relevan untuk tujuan mendidik akhlak remaja Islam umumnya dan para pelajar tahfiz yang akan menjadi responden dan subjek bagi kajian ini khususnya. Antaranya yang dikenalpasti mempunyai kepentingannya yang tersendiri dalam pendidikan akhlak ialah Terapi Tasawuf<sup>56</sup> yang menekankan aspek kejiwaan dan kerohanian, Terapi Iman<sup>57</sup> yang menfokuskan kemantapan iman, dan juga Terapi Ibadah<sup>58</sup> yang menekankan pelaksanaan dan penghayatan ibadah fardhu dan sunat.

---

Muhammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 683.

<sup>55</sup> Al-Sindi, Muhammad bin, Abd al-Hādī, *Hāshiyah al-Sindi, alā Sunan Ibn Majah* (t.tp.: t.p., t.t.), 7:459.

<sup>56</sup> Tasawuf amat berkait rapat dengan akhlak sebagaimana yang dinyatakan oleh Abū Ja'far al-Kattānī yang mendefinisikan tasawuf sebagai akhlak. Justeru, barangsiapa yang menambah akhlaknya, maka dia telah menambah kesucian dirinya. Lihat Ibrāhīm Basyūnī, *Nash, āh al-Taṣawwuf al-Islāmī* (Mesir: Dār al-Ma'ārif, 1969), 21. Abū Ja'far al-Bāqir juga berpendapat bahawa tasawuf adalah akhlak. Lihat al-Hujwīrī, *Kashf al-Mahjūb*, ed. Is,ād, Abd al-Hādī Qindīl Beirut: Dār al-Nahḍah al-,Arabiyyah, 1980), 227.

<sup>57</sup> Merujuk kepada 6 rukun iman iaitu beriman kepada Allah S.W.T., beriman kepada para malaikat, beriman dengan kitab, beriman dengan para rasul, beriman dengan hari Akhirat, dan beriman dengan ketentuan baik dan buruk. 6 rukun iman ini adalah berdasarkan hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Īmān, Bāb Ma, rifah al-Īmān wa al-Islām wa al-Iḥsān*, hadith no. 102). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 1:28.

<sup>58</sup> Terapi ibadah yang akan dijalankan sebagai rutin harian kepada kumpulan sasaran antaranya ialah solat sunat Tahajjud dan sunat Dhuha, pembacaan al-Quran, puasa sunat, selawat dan sebagainya.

Secara dasarnya, ketiga-tiga terapi Islam ini telah dikemukakan oleh Khairunnas Rajab dalam kajian beliau pada tahun 2006<sup>59</sup>. Kajian beliau telah mengenengahkan contoh model psikoterapi Islam di Indonesia yang telah diaplikasikan di Pondok Remaja Inabah yang berada dibawah kelolaan Pondok Pesantren Suryalaya. Pondok ini telah diasaskan oleh Abah Anom yang berfungsi sebagai tempat untuk memulihkan akhlak bagi mereka yang terlibat dengan dadah dan kes jenayah yang lain dengan menggunakan pendekatan ilmu tasawuf Islam secara umumnya dan Tarekat Qadiriyyah wa Naqshababdiyyah secara khususnya dalam memulihkan akhlak remaja yang bermasalah<sup>60</sup>. Hasil keberkesannya dapat dilihat menerusi rajah 1 di bawah:

**Rajah I: Jumlah Pesakit yang Menjalani Rawatan di 10 Pondok Inabah Bagi Tahun 1981-1989**

No. Inabah	L/P	Sejak Tahun	Jumlah Pesakit	Masih Dalam Rawatan	Sudah Keluar		Meninggal Dunia
					Sembuh	Belum Sembuh	
I	L	1981	1496	46	1405	46	2
II	P	1981	560	19	528	22	1
III	L	1981	524	4	503	21	-
VIa	L	1983	408	18	367	19	2
VIb	P	1983	189	8	178	8	-
VII	L	1985	944	23	912	9	1
XI	L	1985	689	40	617	32	-
XV	L	1985	749	32	688	29	1
XVII	P	1986	199	9	189	1	-
XXI	P	1986	67	12	55	-	-
<b>Jumlah</b>		1981-1989	5825	211	5442	187	7
<b>Ratio</b>		Peratus (%)	100	3.6223	93.424	3.2103	0.1201

**Sumber:** Dr. Eko Kastama, M.P. Studi Eksplorasi Mengenai Metode Inabah dalam Usaha Pemulihan Penderita Ketagihan Zat Adiktif dan Dadah Melalui Proses Didik Menurut Pondok Pesantren Suryalaya<sup>61</sup>.

<sup>59</sup> Khairunnas Rajab, "Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

<sup>60</sup> *Ibid.*, 70.

<sup>61</sup> *Ibid.*, 84.

Menerusi jadual ini, jumlah pesakit yang menjalani rawatan di 10 Pondok Inabah bagi tahun 1981 sehingga 1989 ialah seramai 5825 orang dan 5442 orang (93.4%) daripadanya telah sembuh. Manakala pesakit yang masih menjalani rawatan hanya seramai 211 orang (3.6%) dan yang meninggal dunia ketika sesi rawatan hanya 7 orang (0.1%). Justeru, model psikoterapi Islam yang dipraktikkan di Pondok Inabah telah membuktikan kemampuannya dalam mendidik dan memulih pesakit yang menghadapi masalah ketagihan dadah dan kesalahan tingkah laku yang lain.

Bagi menilai dengan lebih dalam tentang teori yang berkaitan dengan terapi Islam ini, pengkaji telah menjalankan pemerhatian turut serta secara rintis di Tahfiz Luqman al-Hakim selama 10 bulan bermula sejak Februari 2013 sehingga November 2013 sebagai guru tahfiz dan warden. Ini adalah bertujuan untuk melihat sejauhmana potensi pengaplikasian terapi Islam terhadap para pelajar tahfiz di sekolah tahfiz tersebut. Secara dasarnya, pengaplikasian terapi Islam ini telah menunjukkan hasil positif tetapi kurang memberangsangkan kerana penampilan pengkaji sebagai guru tahfiz yang agak tegas dan kurang bertolak ansur adalah kurang disenangi oleh para pelajar. Sungguhpun begitu bagi tujuan pembentukan terapi Islam, pengkaji telah mengenalpasti teori yang sesuai untuk dilaksanakan terhadap pelajar tahfiz hasil pemerhatian turut serta di sekolah tahfiz ini. Selanjutnya, pengkaji juga telah menjalankan pemerhatian turut serta secara rintis selama tujuh bulan iaitu pada Januari 2014 sehingga Julai 2014 di Maahad Tahfiz al-Ihsan bagi menilai dengan lebih mendalam bagi pelaksanaan teori terapi Islam yang dikenalpasti di samping melakukan percubaan untuk mengenalpasti ciri-ciri guru ideal yang mampu mempengaruhi akhlak pelajar ke arah kebaikan.

#### 1.2.4 Peranan Guru dalam Pendidikan Akhlak

Secara umumnya, model terapi Islam yang ingin dilaksanakan terhadap kumpulan sasaran bagi tujuan kajian ini memerlukan seorang pelaksana terapi (terapis) yang terdiri daripada kalangan guru itu sendiri. Berdasarkan pemerhatian turut serta yang dijalankan secara rintis di Maahad Tahfiz al-Ihsan, pengkaji dapat merumuskan bahawa para pelajar menginginkan seorang guru yang mempunyai ciri-ciri ideal yang menepati akhlak Rasulullah s.a.w.. Rumusan ini adalah relevan untuk diketengahkan kerana umum mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w. adalah contoh terbaik bagi setiap guru yang ingin mendidik pelajarannya menjadi seorang mukmin yang dikehendaki oleh Islam. Oleh itu, kajian tentang akhlak Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran dan hadith-hadith perlu dilakukan bagi tujuan tersebut.

Secara dasarnya menerusi dalil-dalil al-Quran dan al-Hadith tentang akhlak Rasulullah s.a.w., para ulama<sup>62</sup> Islam terdahulu telah mengemukakan sejumlah adab-adab yang seharusnya dipraktikkan oleh para guru dalam karangan mereka seperti al-Ghazālī<sup>62</sup>, al-Nawāwī<sup>63</sup> dan al-Kurdī<sup>64</sup>. Jelasnya, antaranya yang terpenting ialah berakhlak dengan akhlak yang mulia sebagaimana yang ditekan oleh al-Nawāwī<sup>65</sup> agar para pelajar dapat mencontohi perlakuannya dan mengambil manfaat daripada perkataannya<sup>66</sup>. Perkara ini sekiranya dianggap remeh dan para guru tidak mempraktikkan akhlak yang baik dalam

---

<sup>62</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah, taḥqīq*: ‘Abd al-Ḥamīd Muḥammad Darwīsh (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1998), 145-146.

<sup>63</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *Al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qur’ān, taḥqīq*: Bashīr bin ‘Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 26-41.

<sup>64</sup> Al-Kurdī, Muḥammad Amīn, *Tanwīr al-Qulūb fī Mu’āmalah ‘Allām al-Ghuyūb* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995), 576-579.

<sup>65</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *Al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qur’ān, taḥqīq*: Bashīr bin ‘Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 34.

<sup>66</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah, taḥqīq*: ‘Abd al-Ḥamīd Muḥammad Darwīsh (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1998), 146.

proses mendidik para pelajar, maka tidak mustahil terdapat para pelajar yang semakin biadab dan memberontak terhadap guru<sup>67</sup>.

Secara rumusannya menerusi keseluruhan permasalahan yang dikemukakan, kajian ini akan cuba menyelidiki hal-hal yang berkaitan dengan terapi Islam dan peranan guru dalam pendidikan akhlak terhadap para remaja Islam yang sedang meningkat dewasa dengan mengambil subjek kajian daripada pelajar-pelajar tahfiz sebagai pengkhususan di samping menyingkap tahap permasalahan akhlak dalam kalangan mereka serta menganalisis hasil keberkesanan terapi Islam dan peranan guru yang akan dilaksanakan di lokasi kajian.

### 1.3 HURAIAN TAJUK

Bagi memahami tajuk kajian ini iaitu “*Pengaplikasian Terapi Islam dan Peranan Guru Dalam Pendidikan Akhlak: Suatu Kajian Kes Terhadap Pelajar Sekolah Tahfiz Swasta*”, pengkaji menghuraikan beberapa perkataan yang dikira penting untuk dijelaskan iaitu:

**Pengaplikasian:** Pengaplikasian adalah berasal daripada perkataan “aplikasi” yang bermaksud kegunaan. Mengaplikasikan pula bermaksud menggunakan atau melaksanakan secara praktik atau amali. Oleh itu, pengaplikasian membawa erti perihal atau perbuatan mengaplikasikan sesuatu<sup>68</sup>.

**Terapi Islam:** Terapi ialah rawatan sesuatu penyakit fizikal atau mental secara proses pemulihan tanpa penggunaan ubat atau pembedahan<sup>69</sup>. Pada dasarnya terapi dan psikoterapi mempunyai maksud yang sama kerana menurut *Kamus Dewan*, psikoterapi bermaksud

---

<sup>67</sup> Sa,ḍid Ḥawwā, *al-Mustakhlaṣ fī Tazkiyah al-Anfus* (Cairo: Dār al-Salām li al-Ṭabā,ah wa al-Nashr wa al-Tawzi‘ wa al-Tarjamah, 1988), 20-23.

<sup>68</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (1970; cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 73, entri “aplikasi”; *Kamus Daya* (Seri Kembangan: Penerbitan Minda (M) Sdn. Bhd., 2008), 67, entri “aplikasi”.

<sup>69</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1666, entri “terapi”; *Kamus Daya*, 1750, entri “terapi”.

“rawatan sakit jiwa atau gangguan mental dengan menggunakan kaedah psikologi”<sup>70</sup>.

Oleh itu, memandangkan kajian ini lebih menumpukan kepada proses pendidikan atau pembelajaran akhlak, maka penggunaan istilah terapi lebih sesuai kerana psikoterapi lebih terikat dengan kaedah psikologi. Manakala terapi Islam pula adalah suatu proses rawatan yang diaplikasikan menurut perspektif Islam yang merangkumi metode-metode yang terdapat dalam al-Quran, al-Sunnah, ulama“ Islam dan ilmu pengetahuan Islam”<sup>71</sup>.

**Peranan Guru:** Peranan ialah bahagian atau tugas atau pekerjaan yang dipegang<sup>72</sup>. Guru pula membawa makna orang yang mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh<sup>73</sup>. Guru mempunyai peranannya yang tersendiri dalam pendidikan akhlak anak didiknya.

**Pendidikan Akhlak:** Pendidikan bermakna ajaran atau latihan dan berkaitan dengan perihal mendidik<sup>74</sup>. Manakala akhlak pula adalah jamak daripada perkataan khuluk yang membawa maksud budi pekerti, kelakuan, dan moral<sup>75</sup>. Akhlak mempunyai dua sifat iaitu sifat kebaikan dan keburukan<sup>76</sup>. Hal ini kerana akhlak adalah bersifat responsif terhadap pendidikan, latihan, agama, undang-undang dan disiplin yang membolehkannya mengalami sebarang perubahan sama ada ke arah kebaikan atau sebaliknya<sup>77</sup>. Akhlak yang baik adalah seutama-utama tingkatan bagi seseorang hamba dan manusia boleh memperlihatkan akhlaknya sama ada baik atau buruk<sup>78</sup>. Menurut perspektif Islam, Rasulullah s.a.w. adalah

---

<sup>70</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1237, entri “psikoterapi”.

<sup>71</sup> M. Hamdani Bakhran Adz-Dzaky, *Psikoterapi dan Kaunseling Islam: Penerapan Metode Sufistik* (Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru, 2001), 222; Sharifah Basirah Syed Muhsin dan Che Zarrina Sa,ari, *Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki*, 33.

<sup>72</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1178, entri “peranan”; *Kamus Daya*, 1213, entri “peranan”.

<sup>73</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 492, entri “guru”; *Kamus Daya*, 500, entri “guru”.

<sup>74</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 350, entri “pendidikan”; *Kamus Daya*, 349, entri “pendidikan”.

<sup>75</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 23, entri “akhlak”.

<sup>76</sup> Ibn Manzūr, Muḥammad bin Makram, *Lisān al-ʿArab* (Beirut: Dār al-Ṣādir, t.t.), 10:85.

<sup>77</sup> Mohd. Nasir Omar, *Falsafah Akhlak* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 113.

<sup>78</sup> Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim, *al-Risālah al-Qushayriyyah, taḥqīq*: ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan Maḥmūd bin al-Sharīf (Kaherah: Maṭāba“ Muassasah Dār al-Sha,b, 1989), 410.

contoh akhlak yang terbaik dan Baginda diutuskan adalah untuk menyempurnakan akhlak yang baik<sup>79</sup>.

**Kajian Kes:** Kajian ialah kegiatan, usaha atau proses mengkaji<sup>80</sup>. Kajian kes pula merujuk kepada kajian mendalam sesuatu isu atau unit terpilih yang mungkin melibatkan seseorang, sebuah keluarga, satu kumpulan sosial, institusi sosial atau komuniti dan berdasarkan data dan maklumat yang terperinci yang dikumpulkan dalam tempoh masa tertentu<sup>81</sup>. Data yang dikumpulkan menerusi kajian kes ini tidak terhad kepada fakta semata malah meliputi perasaan, reaksi, persepsi dan nilai-nilai abstrak<sup>82</sup>.

**Pelajar Tahfiz:** Perkataan pelajar adalah sama dengan perkataan murid dan penuntut yang membawa maksud orang yang sedang belajar atau berguru di sekolah<sup>83</sup>. Tahfiz pula berasal daripada kalimah Arab yang telah dimelayukan dan ianya memberi maksud menghafal al-Quran<sup>84</sup>. Oleh itu, pelajar tahfiz adalah merujuk kepada individu yang menghafal al-Quran.

**Swasta:** Kalimah swasta adalah melibatkan perusahaan dan sebagainya seperti penerbit, sekolah dan syarikat yang mengendalikan kegiatan sendiri<sup>85</sup>. Swasta juga bukan milik kerajaan<sup>86</sup>. Oleh itu, tahfiz swasta adalah sebuah sekolah tahfiz yang dikendalikan sendiri oleh pihak bukan kerajaan.

---

<sup>79</sup> Ini adalah sebagaimana hadith riwayat al-Bayhaqī (*al-Sābi, wa al-Khamsūn min Shu'b al-Īmān wa Hū Bāb fī Husn al-Khalq*, hadith no. 7978). Lihat al-Bayhaqī, Ahmad bin al-Husain, *Shu'b al-Īmān, taḥqīq: Muḥammad al-Sa'īd Basyūnī Zaghīlūl*. (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1989), 6:230.

<sup>80</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 657, entri “kajian”.

<sup>81</sup> Sherri L. Jackson, *Research Methods and Statistics a Critical Thinking Approach* (USA: Wadsworth, 2009), 85; Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 24; *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (1970; cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 657, entri “kajian kes”.

<sup>82</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 29.

<sup>83</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1057, entri “pelajar”; *Kamus Daya*, 1078 dan 1191, entri “pelajar”.

<sup>84</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1569, entri “tahfiz”; *Kamus Daya*, 1652, entri “tahfiz”.

<sup>85</sup> *Kamus Dewan*, ed. ke-4, 1556, entri “swasta”.

<sup>86</sup> *Kamus Daya*, 1638, entri “swasta”.



Berdasarkan kepada perkataan-perkataan yang telah dijelaskan, dapat disimpulkan bahawa “*Pengaplikasian Terapi Islam dan Peranan Guru Dalam Pendidikan Akhlak: Suatu Kajian Kes Terhadap Pelajar Sekolah Tahfiz Swasta*” ialah suatu pengaplikasian yang menggunakan pendekatan terapi Islam dan peranan guru dalam proses pendidikan akhlak dalam kalangan remaja dan pengkhususannya bagi kajian kes ini adalah terhadap pelajar-pelajar sekolah tahfiz milik persendirian. Bagi menjaga nama baik institusi tahfiz di Malaysia, pengkaji tidak menyatakan nama lokasi kajian sebenar dalam tajuk tesis yang dikemukakan ini agar tiada pandangan negatif daripada pelbagai pihak. Hal ini kerana terdapat beberapa data yang agak sensitif terutamanya yang melibatkan pengakuan responden kajian dalam Bab Tiga dan pengakuan subjek kajian dalam Bab Empat.

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan huraian latar belakang masalah kajian, maka beberapa persoalan kajian dapat diketengahkan untuk tujuan penyelidikan ini iaitu:

- i. Apakah bentuk model terapi Islam yang sesuai untuk digunakan dalam pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz?
- ii. Apakah peranan guru dan kaedah yang relevan dalam mendidik akhlak remaja zaman ini menurut peribadi Rasulullah s.a.w.?
- iii. Apakah latar belakang responden kajian? Bagaimanakah dapatan data hasil borang kaji selidik tentang masalah akhlak pelajar di lokasi kajian?
- iv. Apakah terdapat kesan positif terhadap akhlak pelajar hasil pengaplikasian model terapi Islam yang dibentuk dalam pendidikan akhlak pada subjek?

## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam proses menyiapkan kajian ini, pengkaji telah menetapkan empat objektif utama untuk dicapai agar kajian ini bermatlamat dan terarah dalam mendapatkan penemuan baru yang boleh digunapakai oleh pihak bertanggungjawab. Objektif yang ditetapkan adalah:

- i. Mengenalpasti model terapi Islam yang relevan digunakan dalam pendidikan akhlak para pelajar tahfiz;
- ii. Mengkaji peranan guru dan kaedah-kaedah yang relevan dalam mendidik akhlak remaja kini menurut peribadi Rasulullah s.a.w.;
- iii. Mengenalpasti latar belakang masalah akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz di lokasi kajian;
- iv. Menganalisis keberkesanan terapi Islam dan peranan guru dalam pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz.

## 1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini dibahagikan kepada subjek kajian, lokasi kajian dan tumpuan kajian sebagaimana berikut:

**Subjek Kajian:** Kajian ini secara khususnya hanya tertumpu kepada perkembangan pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar-pelajar tahfiz di lokasi kajian yang mempunyai anggaran 130-150 pelajar lelaki dalam satu masa<sup>87</sup> bagi tahun 2015. Namun sampel kajian bagi borang kaji selidik hanya melibatkan 100 orang responden yang terdiri daripada remaja berumur 13 hingga 21 tahun. Manakala subjek bagi kajian kes hanya tertumpu kepada 7 orang. Kesemua para pelajar yang terlibat tidak dinyatakan namanya bagi

---

<sup>87</sup> Terdapat pelajar yang berhenti tanpa diduga dan diganti dengan pelajar baru.

menjaga kerahsiaan dan kehormatan mereka daripada pengetahuan umum. Pentingnya perkara ini adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahmad Sunawari Long bahawa segala data atau maklumat yang terhasil setelah laporan tentang para responden perlu dimusnahkan bagi memastikan konfidensialiti terjamin dan ini adalah langkah yang terbaik bagi tujuan tersebut<sup>88</sup>.

**Lokasi Kajian:** Lokasi kajian ini adalah di salah sebuah sekolah tahfiz swasta yang terletak di lembah Klang. Nama lokasi kajian ini juga tidak dapat dikemukakan bagi menjaga kerahsiaan tahfiz tersebut<sup>89</sup>. Justifikasi pemilihan lokasi kajian secara lengkapnya akan dijelaskan dalam Bab Tiga. Secara umumnya, antara yang terpenting dalam justifikasi pemilihan ini ialah kebenaran secara lisan oleh pihak sekolah kepada pengkaji untuk menjalankan pengaplikasian kajian sebagaimana yang dirancang dengan bebas tanpa terikat dengan sebarang prosedur yang rumit. Tempoh yang dibenarkan untuk pengaplikasian ini hanya bermula pada September 2014 sehingga Disember 2015. Di samping itu, jumlah pelajar yang ramai di lokasi kajian turut memberikan nilai tambah kepada pengkaji untuk melakukan penilaian yang sewajarnya dalam pemilihan subjek.

**Tumpuan kajian:** Kajian adalah berkisar dalam perbincangan tentang empat objektif kajian yang telah dibahagikan masing-masing kepada empat bab iaitu (i) pemilihan model terapi Islam yang relevan untuk dipraktikkan sebagaimana yang dihuraikan dalam Bab Satu yang merangkumi Terapi Tasawuf, Terapi Iman dan Terapi Ibadah, (ii) perbincangan tentang peranan guru menurut peribadi Rasulullah s.a.w. serta pembentukan ciri-ciri guru ideal bagi

---

<sup>88</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 6.

<sup>89</sup> Pada peringkat awalnya, pengkaji bersedia untuk menyatakan identiti lokasi kajian yang terlibat tetapi setelah mendapat dapatan data yang agak sensitif tentang akhlak para pelajar tahfiz sebagaimana yang terdapat dalam Bab Tiga dan Bab Empat, nama tahfiz yang terlibat perlu dirahsiakan. Perkara ini juga turut disepakati oleh para pakar di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Che Zarrina binti Sa,ari, Prof. Madya Dr. Khadijah Binti Mohd Khambali @ Hambali, Dr. Syed Mohammad Hilmi Bin Syed Abdul Rahman, dan Dr. Wan Adli Wan Ramli ketika sesi *candidate defence* pada 26hb. Januari 2017.

tujuan pelaksanaan di lokasi kajian sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Dua, (iii) mengenalpasti masalah akhlak dalam kalangan para pelajar tahfiz sebagaimana yang terdapat dalam Bab Tiga dan (iv) mengemukakan dapatan data serta menganalisis hasil keberkesanan bagi pengaplikasian gabungan antara Terapi Islam dan peranan guru terhadap kumpulan sasaran sebagaimana yang terdapat dalam Bab Empat.

### **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini adalah satu kajian yang relevan untuk dijalankan bagi mencari suatu alternatif dalam mengatasi kemelut akhlak yang semakin teruk. Selain itu, kajian ini penting untuk dilakukan berdasarkan kepada beberapa kepentingan berikut;

- i. Kajian perlu dilakukan agar suatu model terapi Islam dapat dibentuk untuk dilaksanakan terhadap para pelajar tahfiz swasta secara khususnya;
- ii. Membangkitkan kesedaran dalam kalangan guru terutamanya guru di sekolah tahfiz agar peka tentang masalah-masalah akhlak remaja yang semakin kritikal kini dan perlu diberikan penekanan yang serius;
- iii. Membantu pihak kerajaan khususnya jabatan-jabatan agama Islam di peringkat negeri seperti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) atau seumpamanya dalam menangani isu-isu semasa yang berkaitan dengan keruntuhan akhlak;
- iv. Memberi harapan kepada remaja-remaja yang telah rosak akhlak untuk menebus kesilapan dahulu dengan bertaubat dan kembali ke jalan benar serta tidak berputus asa daripada rahmat Allah S.W.T. dengan melaksanakan kajian ini terhadap mereka;

- v. Akhir sekali, kajian ini sangat penting bagi mendedahkan satu panduan khusus kepada para guru terutamanya guru tahfiz dan terapis Islam supaya dapat memberikan pendidikan akhlak yang lebih holistik yang meliputi fizikal dan spiritual terhadap para pelajar dalam menangani masalah akhlak dalam kalangan mereka di samping memberi maklumat-maklumat penting kepada pengkaji lain bagi tujuan kajian lanjutan.

## 1.8 ULASAN PENULISAN TERDAHULU

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah mencari dan mengumpulkan sejumlah kajian dan penulisan terdahulu bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan di samping mengenalpasti kelebihan dan kekurangan yang terdapat padanya. Kajian-kajian ini dikategorikan kepada tiga tema utama iaitu kajian tentang Terapi Islam, peranan guru dan pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz.

### 1.8.1 Terapi Islam

Berdasarkan sorotan kajian lepas tentang Terapi Islam atau Psikoterapi Islam secara umumnya, terdapat sejumlah teori-teori yang berkaitan dengannya telah dirangka oleh para pengkaji semasa seperti kajian Sharifah Basirah Syed Muhsin (2012)<sup>90</sup> yang menyusun dan membentuk suatu kaedah rawatan Psikoterapi Islam bagi pembersihan jiwa daripada penyakit-penyakit rohani berdasarkan konsep *maqāmāt* yang dipetik daripada kitab *Qūt al-Qulūb* oleh Abū Ṭālib al-Makkī. Berdasarkan hasil kajian, terdapat sembilan *maqāmāt* yang relevan untuk dibentuk sebagai psikoterapi Islam iaitu *Maqām Tawbah*, *Maqām Ṣabr*, *Maqām Shukr*, *Maqām Khawf*, *Maqām Zuhd*, *Maqām Tawakkal*, *Maqām Riḍā* dan *Maqām*

---

<sup>90</sup> Sharifah Basirah binti Syed Muhsin, “Kaedah Psikoterapi Berasaskan Konsep Maqamat: Kajian Terhadap Kitab Qut al-Qulub Abu Talib al-Makki” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

*Maḥabbah. Maqāmāt* ini kemudiannya disusun secara teori kepada empat peringkat kaedah rawatan iaitu: (i) penerimaan dan penyerahan diri kepada Allah S.W.T., (ii) Latihan dan didikan kejiwaan, (iii) pemantapan jiwa dan (iv) pengekaln serta meningkatkan pemulihan<sup>91</sup>. Antara lain ialah kajian tentang Psikoterapi Islam dalam mengatasi masalah stres menurut pemikiran Dadang Hawari oleh Hadiyatu Sholikhoh (2009). Dapatan kajian menyatakan bahawa terdapat enam pola terapi stres menerusi Psikoterapi Islam yang diketengahkan oleh Dadang Hawari iaitu: (i) Terapi Psikofarmaka, (ii) Terapi Somatic, (iii) Psikoterapi Psikiatri, (iv) Terapi Psikoreligius yang melibatkan keimanan kepada Allah S.W.T. dan pengamalan ibadah, (v) Terapi Perilaku serta (iv) Terapi Relaksasi<sup>92</sup>.

Manakala kajian yang mengandungi unsur-unsur terapi Islam secara tidak langsung termasuklah antaranya kajian oleh Nurul Husna Mansur et al. (2016) yang mengkaji tentang implementasi ibadah Islam sebagai terapi salah seksual remaja di beberapa Pusat Perlindungan Wanita di Selangor dan hasil kajian menyatakan bahawa ibadah solat, puasa, membaca al-Quran, berzikir serta ibadah sunat yang lain adalah berpotensi untuk mengubah tingkah laku para remaja yang bermasalah ke arah yang lebih positif<sup>93</sup>, kajian Shamsiah Banu binti Mohamad Hanefar (2016)<sup>94</sup> yang lebih menumpukan kepada pembangunan model kecerdasan rohani untuk para remaja dengan membentuk model “Spiritual Intelligence Model for Adolescents” (SIMA), kajian Md Noor (2012) yang telah menguji 62 orang remaja dengan menggunakan model *tazkiyah al-Nafs* dan hasil dapatan

---

<sup>91</sup> Dapatan data daripada disertasi sarjana ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 2015. Lihat Sharifah Basirah Syed Muhsin dan Che Zarrina Sa,ari, *Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).

<sup>92</sup> Hadiyatu Sholikhah, “Terapi Stres Melalui Psikoterapi Islam Menurut Pemikiran Dadang Hawari” (disertasi sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2009).

<sup>93</sup> Nurul Husna Mansur et al., “Implementasi Ibadah Islam Sebagai Terapi Salah Seksual Remaja: Kajian Terhadap Pusat Perlindungan Wanita Terpilih di Selangor”, *International Journal of the Malay World and Civilisation* (Iman), 4(1), (2016), 73-84.

<sup>94</sup> Shamsiah Banu binti Mohamad Hanefar, *Development of Spiritual Intelligence Model for Adolescents in Malaysia*. (tesis kedoktoran, Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015).

beliau menyatakan bahawa kaedah tersebut mampu meningkatkan kekuatan jiwa subjek<sup>95</sup> dan model ESQ 165 yang diperkenalkan oleh Ary Ginanjar<sup>96</sup> bagi tujuan pembangunan insan dengan mengadaptasi hadith Rasulullah s.a.w. tentang Islam, Iman dan Ihsan<sup>97</sup>.

Selain itu, Ahmad Hisham bin Azizan (2009) pula telah mengkaji tentang Terapi Solat dan nilai-nilai kerohanian dalam menangani penyakit gelisah di kalangan remaja<sup>98</sup>. Hasil kajian beliau mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara solat dan penyakit gelisah di kalangan pelajar SBPI, Selangor. Beliau selanjutnya telah menyimpulkan bahawa masalah gelisah boleh ditangani dengan melakukan ibadah solat yang mempunyai kehebatannya yang tersendiri dalam penanaman nilai-nilai spiritual dalam diri seseorang individu<sup>99</sup>.

Secara asasnya, kesemua kajian tentang terapi Islam sebagaimana yang dinyatakan di atas mempunyai keistimewaannya serta keunikannya yang tersendiri tetapi memandangkan kajian ini adalah lebih berbentuk pengaplikasian secara langsung terhadap kumpulan sasaran, kajian terdahulu yang dinilai mempunyai signifikan dengan kajian yang akan dijalankan dari sudut terapi Islam dan mempunyai teori yang relevan untuk diadaptasikan agar selari dengan objektif kajian ini ialah tesis kedoktoran yang bertajuk “Psikoterapi

---

<sup>95</sup> Md Noor bin Saper, “Pembinaan Model Bimbingan „*Tazkiyah An-Nafs*“ dan Kesannya ke atas Religiositi dan Resiliensi Remaja” (tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2012).

<sup>96</sup> Ary Ginanjar Agustian, *Rahsia Kejayaan Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ Emotional Spiritual Quotient The ESQ Way 165 I Ihsan, 6 Rukun Iman, 5 Rukun Islam* (Petaling Jaya: ESQ Leadership Center Sdn. Bhd., t.t.)

<sup>97</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Īmān, Bāb Ma’rifah al-Īmān wa al-Islām wa al-Qadar wa „Alāmah al-Sā,ah*, hadith no. 102). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jāḍīdāh, t.t.), 1:28.

<sup>98</sup> Ahmad Hisham bin Azizan, “Solat dan Nilai-Nilai Spiritual Dalam Menangani Gelisah Dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).

<sup>99</sup> Keistimewaan ini termasuklah semua pergerakan dalam solat yang mengandungi rawatan-rawatan tertentu. Lihat Ahmad Hisham bin Azizan dan Che Zarrina Sa’ari, “Terapi Solat dalam Menangani Penyakit Gelisah (Anxiety) Menurut Perspektif Psikoterapi Islam”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 29 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 10-24.

Islam dan Pengaplikasiannya Dalam Kesehatan Mental” oleh Khairunnas Rajab (2006)<sup>100</sup>. Beliau telah mengenengahkan tiga bentuk teori psikoterapi Islam iaitu Psikoterapi Iman, Psikoterapi Ibadah dan Psikoterapi Tasawuf. Di samping itu, beliau turut mengenengahkan contoh model psikoterapi Islam di Indonesia yang telah dijalankan di Pondok Remaja Inabah yang berada dibawah kelolaan Pondok Pesantren Suryalaya yang diasaskan oleh Abah Anom yang merupakan pengetua pondok tersebut. Tujuan model ini diperkenalkan adalah untuk memulihkan akhlak yang terlibat dengan dadah dan kes jenayah yang lain. Pondok ini menggunakan pendekatan ilmu tasawuf Islam secara umumnya dan Tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah secara khususnya dalam memulihkan akhlak remaja yang bermasalah<sup>101</sup>. Menerusi contoh model Pondok Pesantren Suryalaya yang diketengahkan ini juga, pengkaji berpendapat bahawa amalan sesuatu tarekat mempunyai kepentingannya yang tersendiri dan bagi tujuan kajian ini (pengkhususan bagi Terapi Tasawuf), Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah secara umumnya dipilih sebagai sampel sampingan kajian. Justifikasi pemilihan tarekat ini dan kaedah pengaplikasiannya terhadap kumpulan sasaran akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Bab Satu. Memandangkan Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah akan disentuh secara tidak langsung dalam kajian ini, wajar bagi pengkaji untuk mengemukakan beberapa kajian yang pernah dilakukan terhadapnya. Ini adalah penting bagi mengukuhkan keautoritian kajian ini.

Umumnya bagi perbahasan tentang Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah khususnya di Malaysia, antara kajian terkini tentangnya ialah kajian oleh Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar (2012) dalam penulisan beliau yang mengenengahkan tentang pengamalan zikir *Ism*

---

<sup>100</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesehatan Mental” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006).

<sup>101</sup> *Ibid.*, 70.



*al-Dhāt* dalam Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah<sup>102</sup>. Isi kandungan buku ini adalah berdasarkan dapatan data daripada tesis kedoktoran beliau pada 2010 yang bertajuk: “Dhikr Ism al-Dhat dalam Tasawuf dan Pengamalannya dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia”<sup>103</sup>. Tesis ini membincangkan tentang kedudukan *dhikr Ism al-Dhāt* dalam Tasawuf yang melibatkan aspek konsep, penerimaan serta praktik amalannya menurut pandangan ulama” dan tokoh Tasawuf di samping meneliti keharusan mempraktikkannya menurut perspektif Islam. Pada masa yang sama, beliau dan beberapa pengkaji yang lain (2009) turut mengemukakan bantahan bagi menolak pandangan golongan yang mendakwa bahawa zikir *Ism al-Dhāt* secara bersendirian (*mufrad*) iaitu dengan hanya berzikir *Allāh, Allāh, Allāh* sebagaimana yang diamalkan oleh ahli tarekat adalah suatu amalan bida’ah yang sesat<sup>104</sup>. Kajian tentang amalan tarekat ini juga dilakukan oleh Rosnaani Hamid (1997) dalam disertasi beliau yang bertajuk “Tarekat Naqshabandiyyah: Doktrin dan Pengamalannya, Dengan Tumpuan Khusus di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah”<sup>105</sup>. Beliau juga turut mengenengahkan adab bersuluk menurut praktik pengamalan Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah sebagai suatu bentuk pendedahan umum kepada masyarakat yang menjelaskan bahawa amalan ini adalah selari dengan perspektif Islam<sup>106</sup>.

Selain di Malaysia, kajian terkini tentang Tarekat Naqshabandiyyah turut dilakukan oleh pengkaji di luar negara seperti kajian tentang pusat-pusat bagi perkembangan Tarekat

---

<sup>102</sup> Syed Hadzrullathfi Syed Omar, *Zikir Allah, Allah, Allah... Jalan Menuju Hakikat Dan Makrifat* (Cheras: Al-Falah Publications, 2012).

<sup>103</sup> Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar, “Dhikr Ism al-Dhat dalam Tasawuf dan Pengamalannya dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

<sup>104</sup> Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar et al., “Analisis Kritis Ibn Taymiyyah Terhadap Amalan Dhikr Ism al-Dhat: Satu Ulasan dan Komentari”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 30 (2009), 65-89.

<sup>105</sup> Rosnaani Hamid, “Tarekat Naqshabandiyyah: Doktrin dan Pengamalannya, Dengan Tumpuan Khusus di Tanjung Pauh, Jitra, Kedah” (disertasi sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1997).

<sup>106</sup> Rosnaani Hamid, *Adab Bersuluk Shaykh Abdul Wahab Rokan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).

Naqshabandiyyah di Tapanuli, Indonesia oleh Erawadi (2014) yang menyatakan bahawa antara tempat-tempat yang terlibat termasuklah antaranya Hutapungkut, Aek Libung, Sayurminggi, Nabundong, Sipirok, Pudun, Aek Tuhul, Ujung Padang dan Batu Gajah<sup>107</sup>. Seterusnya ialah kajian kes terhadap sumber ajaran Tarekat Naqshabandiyyah di bawah pimpinan Kadirun Yahya oleh Ghufron Ahmadi (2009). Menerusi kajian ini, beliau mempertikaikan fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan beberapa pihak lain yang mengeluarkan fatwa sesat terhadap Tarekat Naqshabandiyyah Kadirun Yahya sedangkan hasil kajian beliau mendapati bahawa ajaran tarekat ini adalah selari dengan al-Quran dan al-Hadith<sup>108</sup>.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu tentang Tarekat Naqshabandiyyah ini, dapat dirumuskan bahawa tarekat ini mempunyai kontroversi di antara golongan yang menerimanya dan golongan yang menolaknya. Oleh itu bagi tujuan kajian ini terutamanya yang melibatkan Terapi Tasawuf, pengkaji perlu melakukan pemerhatian turut serta terhadap ahli jemaah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah bagi mendapatkan penjelasan yang sewajarnya tentang pengamalan tarekat ini. Pemerhatian turut serta ini adalah sebagaimana yang disarankan Jahid bin Sidek yang menyatakan bahawa seseorang pengkaji tidak patut menganalisis, menghurai dan menjelaskan masalah tersebut dengan hanya berpandukan kepada tafsiran dan kefahamannya sendiri tanpa merujuk kepada ahlinya<sup>109</sup>.

---

<sup>107</sup> Erawadi, "Pusat-pusat Perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah di Tapanuli Bagian Selatan", *Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman (MIQAT)*, bil. 38, no. 1 (2014), 81-96.


<sup>108</sup> Ghufron Ahmadi, "Sumber Ajaran Tarekat Naqshabandiyyah Kadirun Yahya: Studi Kasus di Surau Saiful Amin Yogyakarta" (disertasi sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2009), 149.

<sup>109</sup> Jahid bin Sidek, *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah* (Cheras: Al-Falah Publications, 2010), 335.

## 1.8.2 Peranan Guru

Umumnya bagi peranan guru ini, terdapat sejumlah kajian yang menganalisis peranan guru dalam pendidikan spiritual dan akhlak seperti kajian semasa yang dilakukan oleh Sofiah Mohamed et al. yang mengengahkan karangan al-Ghazālī dalam kitab *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* sebagai teori yang bertujuan untuk memerihalkan kaedah mempraktikkan akhlak mulia dalam kalangan guru Pendidikan Islam ketika proses pengajaran dan pembelajaran terhadap para pelajar<sup>110</sup>. Kajian ini telah mengemukakan teori akhlak guru menurut al-Ghazālī dalam tulisannya *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* yang telah diubahsuai sebagaimana rajah berikut:

**Rajah II: Teori Akhlak Guru Menurut al-Ghazālī**



**Sumber:** Sofiah Mohamed et al., “Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam”<sup>111</sup>.

Berdasarkan rajah ini, akhlak seorang guru ialah merangkumi sifat kasih sayang, ikhlas, sentiasa menasihati murid dengan kata-kata yang baik, berhikmah dalam menegur kesilapan atau kesalahan murid, pengajaran bertahap menurut kemampuan murid dan beramal dengan ilmu. Secara landasan teorinya, keenam-enam tugas atau peranan guru

<sup>110</sup> Sofiah Mohamed et al., “Akhlak Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam”, *Akademika*, bil. 86, no. 2 (2016), 31-42.

<sup>111</sup> *Ibid.*, 33.

yang diketengahkan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kajian ini tetapi bagi tujuan kajian ini, teori yang dinyatakan dalam rajah 1 adalah tidak menyeluruh kerana dalam penulisan al-Ghazālī yang asal, terdapat lagi dua peranan guru yang tidak dimasukkan iaitu (i) seseorang guru tidak wajar merendahkan ilmu lain yang tidak ditekuni seperti seorang guru bahasa Arab merendahkan ilmu fiqh dan (ii) menyampaikan sesuatu ilmu sehingga mencapai maksud sebenar daripada ilmu tersebut tanpa memanipulasikan kebenarannya<sup>112</sup>. Pada masa yang sama, al-Ghazālī juga turut menyatakan bahawa tujuh belas akhlak yang perlu diaplikasikan oleh setiap guru dalam penulisan beliau yang lain iaitu *Bidāyah al-Hidāyah*<sup>113</sup>.

Selanjutnya, antara kajian yang dikenalpasti mempunyai teori penting untuk dipraktikkan secara langsung bagi kajian ini ialah tesis yang bertajuk “Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib al-Makki (w.386H/996M)” oleh Abdul Muhsein bin Sulaiman<sup>114</sup>. Kajian tesis ini telah menganalisis pemikiran Abū Ṭālib al-Makkī dalam kitab *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalat al-Maḥbūb wa Waṣf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tawḥīd* yang berkaitan dengan peranan guru dari aspek guru dan murid. Dapatan utama kajian dari analisis kitab tersebut tentang peranan seorang guru terhadap muridnya ialah (i) prihatin, (ii) menerapkan perasaan kasih sayang, (iii) menyemaikan sifat terpuji, (iv) membimbing dan (v) mengekalkan keserasian. Walaupun pengkhususan kajian ini adalah terhadap guru Pendidikan Islam, namun

---

<sup>112</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.), 1: 55-58.

<sup>113</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah*, *taḥqīq*: ‘Abd al-Ḥamīd Muḥammad Darwīsh (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1998), 145-146; Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam (Pokok Sena: Khazanah Banjarlah, 2012), 156-157.

<sup>114</sup> Abdul Muhsein bin Sulaiman, “Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib al-Makki (w.386H/996M)”. (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014).

kesemua elemen ini adalah berbentuk umum untuk diamalkan oleh guru dari perbagai bidang yang lain dan relevan untuk dipraktikkan oleh para guru tahfiz.

Antara kajian lain ialah kajian oleh Achmad Sa'î dan Razib Sulistio (2015) yang mengkaji tentang peranan guru bagi subjek Pendidikan Agama Islam dalam pembentukan karakter bangsa. Dapatan data menerusi kajian ini menyatakan bahawa seseorang guru perlu memiliki tiga kemampuan utama iaitu: (i) kemampuan peribadi seperti adil, jujur, kreatif, disiplin dan sebagainya, (ii) kemampuan profesional yang merangkumi berkebolehan dalam merancang dan melaksana strategi yang sesuai dengan tahap pembelajaran pelajarannya dan (iii) kemampuan sosial yang melibatkan komunikasi yang berkesan terhadap para pelajar<sup>115</sup>.

Kajian seterusnya ialah kajian oleh Yuni Chasanah (2010) yang mengkaji tentang peranan guru akidah dan akhlak dalam pembentukan akhlak siswa Mi Yappi Ringintumpang Semoyo Patuk Gunungkidul, Yogyakarta dengan menjadikan dua orang guru sebagai subjek kajian. Hasil kajian beliau menyatakan bahawa seseorang guru itu berperanan sebagai pembimbing dan fasilitator di samping menunjukkan akhlak yang baik serta memberi nasihat terhadap para siswa yang melakukan kesalahan<sup>116</sup>. Sementara itu, kajian Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid (2010) turut menyatakan bahawa guru secara khususnya mempunyai peranan penting terhadap pembangunan nilai dalam kalangan pelajar menerusi pengaplikasian nilai murni kerana guru dikenal pasti mempunyai pengaruh tersendiri terhadap perkembangan akhlak para remaja menerusi tingkah laku guru

---

<sup>115</sup> Achmad Sa'î dan Razib Sulistio, "Peranan Guru PAI dalam Pendidikan Karakter Bangsa", *Jurnal Ulumuddin*, bil. 5, no. 1 (2015), 9-20.

<sup>116</sup> Yuni Chasanah, "Peranan Guru Akidah Akhlak dalam Pembinaan Akhlak Siswa Mi Yappi Ringintumpang Semoyo Patuk Gunung Kidul" (latihan ilmiah, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2010).

itu sendiri. Para pelajar secara mudahnya akan menginterpretasi sesuatu tingkah laku atau pertuturan yang dilakukan oleh guru. Oleh itu, guru-guru yang bersifat sabar, bertolak ansur dan menjadi pendengar yang baik akan digemari oleh pelajar<sup>117</sup>.

Pada pandangan pengkaji bagi mengulas kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan peranan guru ini, tidak dinafikan bahawa kesemua teori yang telah dinyatakan ini mempunyai kelebihan dan ciri-cirinya yang tersendiri tetapi bagi tujuan kajian ini, teori-teori tersebut perlu dibentuk dengan lebih sistematik menurut dalil penghujahan daripada sumber primer terutamanya al-Quran dan al-Hadith dalam menghasilkan ciri-ciri guru ideal berdasarkan akhlak Rasulullah s.a.w. sebagai guru pertama dalam Islam dan seterusnya wajar dilakukan kajian rintis terhadap teori tersebut sebagaimana yang akan dinyatakan dalam Bab Dua.

### **1.8.3 Pendidikan Akhlak Terhadap Pelajar-pelajar Tahfiz**

Setakat ini, tiada kajian khusus yang dilakukan terhadap pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar-pelajar tahfiz. Sungguhpun begitu, terdapat kajian umum tentang akhlak pelajar telah dilakukan oleh para pengkaji sebelum ini seperti Mazlan bin Ismail (2011)<sup>118</sup> yang mengkaji tentang unsur-unsur yang mempengaruhi akhlak pelajar Islam di Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Selatan, Cheras, Kuala Lumpur. Beliau telah mendatangkan enam jenis unsur yang mempengaruhi akhlak pelajar Islam di sekolah tersebut iaitu unsur yang melibatkan ibu bapa, sekolah dan guru, masyarakat dan persekitaran, rakan sebaya, serta media massa dan elektronik.

---

<sup>117</sup> Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid, "Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan", *MALIM-SEA Journal of General Studies II* (2010), 117-130.

<sup>118</sup> Mazlan bin Ismail, "Unsur-Unsur Yang Mempengaruhi Akhlak Pelajar Islam Di Sekolah Kebangsaan Seri Bintang Selatan, Cheras, Kuala Lumpur". (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).

Kajian dalam skop yang sama turut dijalankan oleh Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan (2011) yang mengkaji tentang faktor yang mempengaruhi akhlak remaja di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Hasil dapatan menyatakan bahawa faktor yang lebih mempengaruhi para remaja dengan masalah akhlak adalah diri mereka sendiri berbanding dengan faktor lain seperti pengaruh rakan sebaya dan persekitaran sekolah. Selain itu, kajian juga turut menyatakan bahawa latar belakang keluarga adalah faktor yang tidak penting dalam mempengaruhi para remaja dengan masalah akhlak<sup>119</sup>.

Sebelum itu, kajian Hashim bin Haji Bedu et al. (2008) telah mengemukakan faktor penyebab berlakunya masalah akhlak yang melibatkan pengaruh negatif daripada budaya barat iaitu *skinhead*, *punk* dan *black metal* di samping masalah penagihan dadah, pembuangan bayi, mat rempit serta *vandalisme* dalam kalangan remaja. Kajian mendapati bahawa perasaan ingin tahu dan ingin mencuba, pengaruh rakan sebaya, pengaruh media massa dan sikap keluarga adalah faktor yang mendorong para remaja terpengaruh dengan anasir-anasir negatif<sup>120</sup>. Antara lain ialah kajian Wan Norasiah binti Wan Ismail (2003)<sup>121</sup> yang mengkaji tentang akhlak remaja di Felda Ulu Belitong, Kluang, Johor. Beliau telah mengambil seramai 120 orang responden yang terdiri daripada remaja yang berumur antara 13 hingga 23 tahun. Dapatan kajian telah mendapati bahawa remaja di kawasan kajian juga mengalami masalah akhlak. Kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan pelajar lelaki yang rendah rekod prestasinya terlibat dalam pelbagai masalah akhlak yang ringan seperti ponteng sekolah dan melepak di bandar.

---

<sup>119</sup> Zainudin Sharif dan Norazmah Mohamad Roslan, "Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka", *Journal of Education Psychology & Counseling*, bil. 1, (2011), 115-140.

<sup>120</sup> Hashim bin Haji Bedu, "Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga; Isu Dan Cabaran", *Seminar Kaunseling Keluarga* (2008), 51-62.

<sup>121</sup> Wan Noraishah binti Wan Ismail, "Akhlak Remaja di Felda Ulu Belitong, Kluang, Johor: Kajian Tentang Masalah". (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2003).

Pada masa yang sama, pelbagai kajian telah dijalankan bagi mengatasi kemelut akhlak tersebut dalam kalangan remaja terutamanya yang melibatkan pendekatan terapi Islam seperti kajian oleh Che Zarrina Sa'ari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin pada tahun 2012. Kajian ini mengenengahkan idea *maqāmāt* dalam ilmu tasawuf yang di pilih iaitu *tawbah*, *sabr*, *raji*, dan *khawf* sebagai asas bagi model psikoterapi Islam kerana dilihat berpontensi dalam membangunkan kerohanian yang lebih baik<sup>122</sup>. Pada masa yang sama kajian oleh Nor Azah pada tahun 2009<sup>123</sup> dan kajian oleh Roslee Ahmad et al. pada tahun 2008<sup>124</sup> turut mengenengahkan pendekatan ilmu tasawuf sebagai suatu alternatif yang relevan untuk diaplikasikan terhadap para remaja Islam. Ini kerana berdasarkan kajian Azlina Muhammad pada 2012, majoriti remaja yang mendapatkan perlindungan di Raudhatas Sakinah pernah mengikuti pendidikan agama secara formal tetapi masih juga terlibat dengan masalah zina dan gagal mengawal diri daripada melakukan perkara yang haram dalam Islam dengan alasan sistem pengajaran dan pembelajaran agama yang diikuti adalah membosankan serta tidak berkesan<sup>125</sup>.

Memandangkan tiada lagi kajian khusus yang dilakukan terhadap masalah akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz, adalah relevan untuk pengkaji menyenaraikan secara ringkas tentang skop kajian semasa yang dilakukan oleh para pengkaji terhadap perkara yang berkaitan dengan institusi tahfiz. Secara umumnya, kajian yang melibatkan institusi tahfiz kini lebih tertumpu kepada pembelajaran al-Quran seperti kajian Azmil Hashim et al.

---

<sup>122</sup> Che Zarrina Sa'ari dan Sharifah Basirah Syed Muhsin, "Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah al-Nafs", *Jurnal Usuluddin*, bil 36 (2012), 49-74.

<sup>123</sup> Nor Azah Abdul Aziz, "Internet, Laman Web Pornografi Dan Kaedah Psikospiritual Islam Dalam Menangani Masalah Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi", *Jurnal Usuluddin*, bil. 29 (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 147-165.

<sup>124</sup> Roslee Ahmad et al., "Punca, Kesan Dan Langkah Untuk Menangani Tingkah Laku Seksual Pelajar Mengikut Pendekatan Kaunseling Islam", Kertas Kerja, Konvensyen Pendidikan Nasional 2008 di Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), pada 2-4 Jun 2008.

<sup>125</sup> Azlina Muhammad, "Penghuni Raudhatas Sakinah: Kajian Terhadap Latar Belakang dan Faktor Salah Laku" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).



(2014) yang mengkaji tentang hubungan antara adab-adab pembelajaran tahfiz dan pencapaian hafazan pelajar. Adab-adab dalam kajian ini adalah merangkumi adab menghormati guru tahfiz, menjaga pemakanan halal, bersabar dalam menghafaz, bergaul dengan golongan *Hāfiẓ al-Qurān*, sentiasa ikhlas, menjaga pemakanan berkhasiat, membaca doa khusus untuk menghafaz al-Quran, menjauhi maksiat dan perkara-perkara yang makruh dan syubhat, menjaga solat berjemaah, sentiasa berwudhuk, menghadap kiblat ketika menghafaz al-Quran di samping sentiasa memperbanyakkan ibadah sunat<sup>126</sup>.

Antara lain ialah kajian yang melibatkan pembelajaran di Darul Quran, JAKIM seperti kajian oleh Sedek Ariffin (2012) yang mengkaji perbandingan kaedah menghafal al-Quran antara Darul Quran, Jakim dan institusi tahfiz yang lainnya di Malaysia<sup>127</sup> dan kajian oleh Azmil Hashim dan Ab. Halim Tamuri (2012) yang mengkaji tentang pandangan para pelajar yang terdiri daripada 212 orang pelajar semester 6 di 11 institusi tahfiz dan maahad yang mengikuti diploma tahfiz JAKIM terhadap kaedah pembelajaran tahfiz al-Quran di Darul Quran, JAKIM dan Maahad Tahfiz al-Quran negeri (MTQN) di Malaysia<sup>128</sup>. Selain Darul Quran JAKIM, Maahad Tahfiz Al-Qur,an Wa Al-Qiraat Pulau Chondong, Kelantan turut dijadikan lokasi kajian secara khusus oleh para sarjana semasa seperti kajian Muhaidi Hj. Mustaffa yang mengkaji tentang aspek hubungan antara hafazan al-Quran

---

<sup>126</sup> Azmil Hashim et al., “Hubungan antara Adab-Adab Pembelajaran Tahfiz dan Pencapaian Hafazan Pelajar”, *The Online Journal of Islamic Education*, bil. 2, no. 2 (2014), 73-82.

<sup>127</sup> Sedek Afiffin, “Kaedah menghafal al-Qur,an di Institusi Tahfiz al-Quran di Malaysia: kajian perbandingan di antara kaedah Darul Quran, JAKIM dengan kaedah al-huffaz” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

<sup>128</sup> Azmil Hashim dan Ab. Halim Tamuri, “Persepsi Pelajar Terhadap kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia”, *Journal of Islamic and Arabic Aducation*, bil. 4, no. 2 (2012).

kecemerlangan pelajar bagi tahun 1997 hingga 2007 di lokasi ini<sup>129</sup> dan kajian Suhaimi bin Sulaiman (2008) yang mengkaji tentang kefahaman akidah para pelajar di lokasi sama<sup>130</sup>.

Selain itu, kajian semasa yang melibatkan institusi tahfiz menerusi aspeknya yang pelbagai ialah kajian oleh Abdul Aziz bin Abdul Rahman (2015) yang lebih menumpukan kepada tentang latar belakang Maahad al-Tahfiz wa al-Dirasaat al-Islamiyyah (MTDI) di Kuala Terengganu, Terengganu<sup>131</sup>, kajian oleh Jamaluddin bin Adam (2014) yang menganalisis pengajian bersanad menurut riwayat Hafis di beberapa Maahad Tahfiz di Negeri Pahang<sup>132</sup> dan kajian oleh Sedek Afiffin et al. (2013) yang mengkaji tentang kaedah yang berkesan dalam mengingati hafazan al-Quran di salah sebuah tahfiz di Terengganu<sup>133</sup>. Berdasarkan kajian-kajian yang melibatkan institusi tahfiz yang dikemukakan ini, jelas menyatakan bahawa tiada lagi kajian khusus tentang masalah akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz yang dilakukan sehingga kini.

Kesimpulannya, pada pemerhatian pengkaji berdasarkan kajian-kajian lepas, kajian yang akan dilakukan adalah satu kajian baru yang menghimpunkan teori-teori yang relevan dalam pembentukan model terapi Islam dan peranan guru untuk dipraktikkan secara langsung oleh pengkaji terhadap pelajar-pelajar tahfiz di lokasi kajian secara khusus serta

---

<sup>129</sup> Muhaidi Hj. Mustafa, "Hafazan al-Quran dan Hubungannya dengan Kecemerlangan Pelajar: Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulau Chondong, Kelantan dari tahun 1997 hingga 2007" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2010).

<sup>130</sup> Suhaimi bin Sulaiman, "Pemahaman akidah pelajar-pelajar Maahad Tahfiz al-Quran wa al-Qiraat Pulau Chondong, Kelantan" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008).

<sup>131</sup> Abdul Aziz bin Abdul Rahman, "Sejarah Berdiri dan Berkembangnya Maahad al-Tahfiz wa al-Dirasaat al-Islamiyyah (MTDI) di Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia Tahun 1997-2014 M" (disertasi sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, 2015).

<sup>132</sup> Jamaluddin bin Adam, "Analisis Pengajian al-Quran Bersanad Riwayat Hafis di Maahad-Maahad Tahfiz di Negeri Pahang" (disertasi sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 2014).

<sup>133</sup> Sedek Ariffin et al, "Effective Techniques of Memorizing the Quran: A Study at Madrasah Tahfiz al-Quran, Terengganu, Malaysia", *Middle-East Journal of Scientific Research*, bil. 13, no. 1 (2013), 45-48.

mengenalpasti masalah akhlak dalam kalangan mereka di samping menghuraikan secara khusus hasil keberkesanan teori-teori yang dibentuk dan dilaksanakan tersebut.

## **1.9 METODOLOGI KAJIAN**

Terdapat dua metode utama yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini iaitu Metode Pengumpulan Data dan Metode Menganalisis Data.

### **1.9.1 Metode Pengumpulan Data**

Menerusi subjek yang telah dikenalpasti, pengkaji seterusnya akan mengumpulkan semua data-data yang berkaitan dengan kajian ini. Metode yang digunakan ialah metode pengumpulan data kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif adalah data dalam bentuk maklumat yang terhasil dari sumber-sumber yang dikenalpasti sesuai dengan keperluan kajian yang ingin dikaji<sup>134</sup>. Manakala data kuantitatif pula adalah data yang melibatkan proses penghitungan bagi sesuatu bentuk angka seperti bilangan, pecahan, kekerapan dan peratus menerusi hasil soal selidik<sup>135</sup>, observasi yang berstruktur dan juga eksperimen<sup>136</sup>. Pengkaji telah memperolehi data-data melalui sumber-sumber berikut;

a) Kajian Perpustakaan yang melibatkan antaranya;

i. Buku

Buku ialah bahan-bahan yang diterbitkan dan keauthoritiannya boleh dipercayai<sup>137</sup>. Menerusi sumber ini, pengkaji telah menjadikan sumber primer yang merangkumi ayat-ayat al-Quran dan penafsirannya oleh ulama“ tafsir yang muktabar, sejumlah hadith-hadith

---

<sup>134</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 68.

<sup>135</sup> *Ibid.*

<sup>136</sup> *Ibid.*, 76

<sup>137</sup> *Ibid.*, 68.

Rasulullah s.a.w. dan pensyarahannya oleh ulama“ hadith yang muhtabar serta karangan-karangan ulama“ terdahulu yang diiktiraf keautoritiannya sebagai rujukan utama. Selain itu, pengkaji juga menggunakan buku-buku yang berkaitan dengan kajian ini sebagai sumber sekunder.

## ii. Dokumen

Dokumen ialah bahan yang tidak diterbitkan tetapi pihak yang menghasilkan dan tarikhnya diketahui dengan jelas atau boleh dikenalpasti melalui proses tertentu. Dokumen termasuk juga hasil penyelidikan yang tidak diterbitkan seperti tesis dan disertasi<sup>138</sup>.

## iii. Jurnal

Jurnal pula ialah penerbitan akademik yang khusus dalam bidang tertentu. Setiap makalah yang terkandung dalam sesebuah jurnal telah melalui proses yang begitu teliti<sup>139</sup>.

## b) Kajian Lapangan yang melibatkan;

### i. Soal selidik

Soal selidik atau kaji selidik digunakan sebagai metode penyelidikan sokongan bagi metode temubual untuk menampung mana-mana perkara yang sukar diperolehi melalui metode temubual tersebut. Dalam kajian ini, metode kaji selidik ini hanya diperuntukkan untuk Bab Tiga dalam mendapatkan maklumat tentang masalah akhlak para pelajar tahfiz di lokasi kajian. Bagi tujuan tersebut, pengkaji telah mengadaptasi borang kaji selidik daripada disertasi sarjana yang telah dilaksanakan oleh Mohd Ali bin Iksan (2010)<sup>140</sup> dan

---

<sup>138</sup> *Ibid.*, 69.

<sup>139</sup> *Ibid.*.

<sup>140</sup> Mohd Ali Bin Iksan, “Pengaruh Budaya Hendonisme Di Kalangan Pelajar-pelajar Islam: Kajian Di SMK Tengku Idris Shah, Kapar, Klang”. (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

Ahmad Hisham bin Azizan (2009)<sup>141</sup> sebelum diedarkan kepada 40 orang para pelajar di dua buah sekolah Tahfiz di Shah Alam Selangor sebagai ujirintis (*pilot testing*) pada bulan Mac dan awal April 2015. Hasil daripada ujirintis tersebut, pengkaji mendapati bahawa para pelajar mampu memahami soalan yang diberikan dengan baik.

Pada masa yang sama, pengkaji juga telah menghantar borang kaji selidik ini kepada pakar penilai yang terdiri daripada Prof. Madya Dr. Che Zarrina binti Sa'ari<sup>142</sup>, Dr. Khader bin Ahmad<sup>143</sup> dan Pn. Nurul Salikin binti Sa'ari<sup>144</sup> bagi mendapatkan pandangan dan komentar. Antara komentar yang diberikan ialah meletakkan nombor bagi ruang pilihan bagi bahagian B dan C serta menyusun secara teratur soalan-soalan yang akan dikemukakan terhadap para responden. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan pandangan daripada salah seorang subjek kajian di lokasi kajian yang berumur dalam lingkungan 18 tahun bagi tahun 2015 untuk memberi pendapat terhadap borang kaji selidik ini sama ada soalan yang dikemukakan adalah relevan atau tidak untuk remaja-remaja tahfiz kini. Sebagai jawapan, pelajar berkenaan memberikan respon yang positif terhadap borang kaji selidik yang dibentuk dengan menyatakan bahawa borang kaji selidik tersebut adalah wajar diedarkan.

Selanjutnya pada pertengahan April 2015, sebanyak 120 set borang kaji selidik yang lengkap telah diedarkan kepada para responden yang terdiri daripada para pelajar yang berumur 13 tahun ke atas di lokasi kajian dan hanya 100 set borang kaji selidik sahaja yang

---

<sup>141</sup> Ahmad Hisham Bin Azizan, "Solat dan Nilai-Nilai Spiritual Dalam Menangani Gelisah Dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).

<sup>142</sup> Beliau merupakan Prof. Madya, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>143</sup> Beliau merupakan Pensyarah, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>144</sup> Beliau merupakan pengajar SLAI di Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, Kampus Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan dan calon PhD University of Birmingham, United Kingdom.

digunakan untuk tujuan penganalisan data. Pada dasarnya sebagaimana yang akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Bab Tiga, penganalisan 100 set borang kaji selidik ini adalah mencukupi sebagai saiz sampel yang diperlukan kerana jumlah populasi bagi borang kaji selidik ini ialah 130 orang pelajar dan persampelan minimum yang diperlukan adalah seramai 97 orang responden. Borang kaji selidik ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian A yang membincangkan tentang demografi responden, bahagian B yang membincangkan pengakuan responden tentang kesalahan tingkah laku dan bahagian C yang membincangkan tentang kefahaman, amalan serta kesan-kesan kerohanian terhadap diri responden sebagaimana berikut:

**Pertama:** Bahagian A yang merangkumi demografi responden yang terdiri daripada 7 soalan iaitu jantina, tempat tinggal, umur, jumlah pendapatan ibu bapa, sebab memasuki sekolah tahfiz, penglibatan dengan sekolah tahfiz sebelum ini serta sebab-sebab berhenti daripada sekolah tahfiz lama;

**Kedua:** Bahagian B yang meliputi pengakuan responden terhadap kesalahan tingkah laku yang mengandungi 16 soalan dengan melibatkan kes mencuri, merokok, salah laku seks berlainan jantina dan salah laku seks sesama jantina;

**Ketiga:** Bahagian C yang berkaitan tentang kefahaman, amalan dan kesan-kesan nilai spiritual terhadap diri para responden yang mengandungi 27 soalan<sup>145</sup>.

## ii. Pemerhatian Penyertaan Tanpa Kawalan (Turut Serta)

Pemerhatian atau observasi ialah suatu kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data secara langsung<sup>146</sup> dan dilaksanakan ke atas satu keadaan yang dikenalpasti hasil dari satu

---

<sup>145</sup> Sila lihat lampiran A (Borang Kaji Selidik).

<sup>146</sup> Polkinghorne, D. E., "Language and Meaning: Data Collection in Qualitative Research", *Journal of Counseling Psychology*, bil. 52, no. 2, (Universiti of Southern California, 2005), 143.

perancangan yang teliti<sup>147</sup>. Dapatan daripada pemerhatian ini membolehkan seseorang pengkaji itu memahami tentang sesuatu situasi dengan lebih terperinci dan jelas. Terdapat tiga jenis pemerhatian yang boleh digunakan iaitu pemerhatian tanpa penyertaan dan tanpa kawalan<sup>148</sup>, pemerhatian penyertaan tanpa kawalan (penyertaan turut serta) dan penyertaan terkawal<sup>149</sup>. Menerusi metode pemerhatian ini, pengkaji telah memilih pemerhatian jenis kedua iaitu pemerhatian penyertaan tanpa kawalan atau penyertaan turut serta. Dalam kaedah ini, pemerhati bertindak sebagai peserta dan berkongsi pengalaman dengan kumpulan yang diperhatikan dan ianya lebih digalakkan kerana dapat memberikan peluang yang secukupnya kepada pemerhati untuk mengkaji mereka yang terlibat dan menimbulkan rasa normal di kalangan yang diperhatikan seolah-olah mereka tidak diperhatikan. Oleh itu, pemerhatian bentuk ini adalah terbaik kerana pemerhati akan mendapatkan yang lebih dan sikap autoriti di kalangan pemerhati dapat dikurangkan<sup>150</sup>.

Pada peringkat awal, pengkaji telah menjalankan pemerhatian turut serta secara tidak rasmi atau tidak formal<sup>151</sup> di beberapa sekolah tahfiz sejak 2013. Pada hemat pengkaji, pemerhatian tidak formal ini adalah penting bagi memastikan kekurangan dan kelemahan

---

<sup>147</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 74.

<sup>148</sup> Kaedah ini disifatkan sebagai pemerhatian yang paling kurang saintifik dan dilakukan secara pemerhatian pada peringkat luaran (*surface*) sahaja. Selalunya kaedah ini digunakan bagi mendapatkan maklumat ringkas dan sekadar untuk mengetahui sifat-sifat luaran sesebuah kejadian, peristiwa atau objek. Lihat Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 51.

<sup>149</sup> Menerusi kaedah ini, sekelompok manusia akan ditempatkan di sesuatu tempat sebagai subjek kajian dan kemudiannya melakukan observasi terhadapnya. Contohnya seperti mengatur kumpulan kanak-kanak tadika bagi memerhatikan tingkah laku mereka apabila diberikan hadiah, atau memerhatikan tingkah laku warga emas di pusat jagaan dan tindak balas mereka ketika dilawat oleh saudara mara, atau melakukan observasi ke atas pelatih-pelatih pusat serenti yang belajar agama. Lihat Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 52.

<sup>150</sup> *Ibid.*, 51-52.

<sup>151</sup> Tidak formal di sini bermaksud pengkaji belum lagi mendaftar secara rasmi untuk menjadi calon Phd. di Universiti Malaya. Sungguhpun begitu observasi-observasi ini hanyalah sebagai gambaran awal yang boleh dijadikan data-data sampingan.

yang terdapat padanya. Ini adalah bertujuan untuk memastikan pelaksanaan terhadap pemerhatian di lokasi sebenar dapat berjalan dengan lancar dalam mengumpulkan data-data yang diperlukan. Pemerhatian turut serta secara tidak rasmi telah dijalankan terhadap pelajar-pelajar Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang selama hampir 10 bulan bermula pada Februari hingga November 2013 dan Maahad Tahfiz al-Ihsan, Subang Jaya yang bernaung di bawah Yayasan Sekolah Islam Darul Ehsan (SIMDE) selama 7 bulan bermula Januari hingga Julai 2014. Ketika menjalankan pemerhatian turut serta di dua buah sekolah tahfiz ini, pengkaji telah memohon penangguhan kepada pihak Universiti Malaya, Kuala Lumpur bagi kemasukan ke program ijazah Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Islam selama dua semester iaitu pada semester I 2013/2014 dan semester II 2013/2014<sup>152</sup>. Penangguhan ini bertujuan untuk mengukur tahap kemampuan bagi pengaplikasian terapi Islam dan peranan guru yang dipraktikkan terhadap para pelajar di dua buah tahfiz tersebut. Oleh itu, pengkaji mampu melihat kelebihan di samping kekurangan yang perlu dibaiki sebelum dipraktikkan secara rasmi di lokasi kajian.

Selanjutnya, pemerhatian turut serta secara rasmi bagi kajian ini telah dijalankan di salah sebuah sekolah tahfiz swasta di Selangor bermula pada 4hb. September 2014 sehingga Disember 2015. Bagi pemerhatian turut serta di Tahfiz Luqman al-Hakim, Maahad Tahfiz al-Ihsan dan sekolah tahfiz di lokasi kajian, pengkaji adalah bertindak sebagai guru dan warden di samping tinggal di asrama bersama para pelajar. Oleh itu, pengkaji berada di tempat kejadian hampir setiap masa. Hanya pada Disember 2014, pengkaji meletakkan jawatan sebagai warden asrama agar tidak menjejaskan pemerhatian turut serta yang sedang dilakukan.

---

<sup>152</sup> Lihat Lampiran C dan Lampiran D (Borang Penangguhan ke Program Ijazah Doktor Falsafah).



Selain itu, pengkaji juga melakukan pemerhatian turut serta terhadap amalan zikir Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah yang dipimpin oleh Haji Johar bin Ahmad di Klang. Tujuan pemerhatian ini dijalankan adalah bagi mendapatkan data yang lebih berautoriti tentang amalan sesuatu tarekat kerana kajian ini turut melibatkan terapi Tasawuf yang terkandung dalam Bab Satu.

### iii) Temubual

Menerusi metode ini, temubual turut dilakukan kepada individu-individu tertentu bagi melengkapkan kajian ini yang banyak melibatkan para pelajar di lokasi kajian terutamanya tujuh orang subjek di samping informan lain yang terdiri daripada para guru dan ibu bapa pelajar yang mana nama-nama mereka tidak dinyatakan bagi menjaga kerahsiaan informan. Selain itu temubual juga melibatkan beberapa ahli jemaah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah di bawah pimpinan Haji Johar bin Ahmad di Klang sebagai maklumat tambahan iaitu antaranya:

1. Haji Johar bin Ahmad (Guru Mursyid Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah).
2. Tengku Fadzli Shah bin Tengku Nizam Hydarbad<sup>153</sup> (Khalifah Haji Ibrahim bin Shahman).
3. Hanafi bin Abu Talib (Khalifah Haji Johar bin Ahmad).
4. Muhammad Azreen bin Ariffin (Khalifah Haji Johar bin Ahmad).
5. Muhammad Hafiz bin Nazarudin.

---

<sup>153</sup> Beliau adalah rakan seguru kepada Haji Johar bin Ahmad dan telah mengambil *bay'ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah pada 13hb. Februari 1988 ketika berumur 14 tahun dengan Haji Yahya Laksamana. Setelah Haji Yahya Laksamana meninggal dunia pada tahun 1989, beliau menyambung suluk dengan Haji Ibrahim bin Shahman sehingga dilantik menjadi Khalifah kepada Haji Ibrahim bin Shahman pada tahun 1995 iaitu ketika beliau berumur 21 tahun. Beliau seterusnya menyambung suluk dengan Haji Johar bin Ahmad setelah Haji Ibrahim bin Shahman meninggal dunia. Temubual dengan beliau pada 20hb. Ogos 2018, jam 10.27 malam di Surau Tawajjuh Haji Johar bin Ahmad.

Kesemua temubual ini adalah lebih kepada temubual tidak berstruktur memandangkan hampir kesemua situasi yang telah berlaku adalah secara spontan. Selain itu, temubual berstruktur adalah tidak relevan dipraktikkan di lokasi kajian kerana ia akan mengganggu sesi pemerhatian yang dijalankan berbanding dengan temubual tanpa berstruktur yang lebih berbentuk natural di mana para pelajar menemui pengkaji secara sukarela tanpa sebarang pertanyaan untuk mengadu atau mendedahkan sesuatu perkara sebagaimana sebahagian data yang terdapat dalam Bab Empat.

### **1.9.2 Metode Menganalisis Data**

Setelah semua data dikumpulkan, pengkaji seterusnya beralih kepada metode menganalisis data. Metode ini memerlukan kepada keupayaan pengkaji untuk menaakul maklumat-maklumat yang diperoleh secara terperinci. Berikut adalah metode-metode yang digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi:

#### **i) Metode Induktif**

Metode ini boleh diertikan sebagai pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil umum<sup>154</sup>. Metode induktif ini digunakan dalam Bab Lima. Menerusi bab ini, pengkaji akan menyimpulkan keseluruhan kajian ini secara umum.

---

<sup>154</sup> Imam Bernadip, *Erti dan Metod Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Penerbitan FIP-IKIP, 1982), 48; Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar, *Dhikr Ism Al-Dhat Dalam Tasawuf*, 25.

## ii) Metode Deduktif

Metode ini pula boleh diertikan sebagai pola berfikir yang mencari bukti menggunakan dalil umum terhadap hal-hal yang khusus<sup>155</sup>. Pengkaji mencari bahan rujukan seperti buku-buku dan mengolah bahan yang diperolehi serta merumuskan setiap perkara bagi mengaplikasikan metode ini. Pengkaji menggunakan metode ini dalam Bab Satu dan Bab Dua. Dalam kedua bab ini, pengkaji akan menghuraikan secara lebih terperinci tentang terapi Islam dan peranan guru dalam pendidikan akhlak dengan mendatangkan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah serta pandangan ilmuwan Islam.

## iii) Metode Komparatif

Metode komparatif yang juga dikenali sebagai metode perbandingan adalah cara untuk membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi<sup>156</sup>. Metode ini diaplikasikan oleh pengkaji dalam Bab Tiga dan Bab Empat bagi membandingkan perubahan yang berlaku setelah berlakunya pengaplikasian terapi Islam terhadap subjek kajian. Setelah semua data-data ini telah dibuat perbandingan, pengkaji akan menyimpulkannya.

## iv) Metode Historis

Metode ini digunakan untuk melihat perkembangan yang telah berlaku. Justeru, metode ini penting terutamanya Bab Empat yang melibatkan perkembangan tujuh subjek kajian.

---

<sup>155</sup> Adrian D. DE Groot, *Methodology: Foundation Of Inference And Research In The Behavioural Sciences*, (Belgium: Mountain & Co, 1969), 74; Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar, *Dhikr Ism Al-Dhat Dalam Tasawuf*, 23.

<sup>156</sup> *Ibid.*, 24.

## 1.10 SUSUNAN PENULISAN

Bagi memastikan kajian ini bermatlamat dan mencapai sasaran, pengkaji telah membahagikan kepada enam bab yang terdiri daripada Bab Pendahuluan, Bab Satu, Bab Dua, Bab Tiga, Bab Empat dan Bab Kesimpulan.

Bab Pendahuluan adalah gambaran umum bagi kajian yang akan dilakukan. Bab ini mengandungi pengenalan, latar belakang kajian dan permasalahan kajian, huraian tajuk, persoalan kajian, objektif kajian yang ingin dicapai, skop kajian, kepentingan kajian, ulasan penulisan terdahulu, metodologi kajian yang digunakan, susunan penulisan dan penutup.

Bab Satu akan membincangkan tentang beberapa model terapi Islam menurut psikospiritual Islam yang akan digunapakai terhadap kumpulan sasaran di lokasi kajian. Antaranya termasuklah Terapi Tasawuf, Terapi Iman yang merangkumi enam rukun iman, dan Terapi Ibadah yang terdiri daripada Terapi Niat, Terapi Rukun Islam (Terapi Solat, Terapi Puasa, Terapi Zakat dan Terapi Haji), Terapi *Istighfār*, Terapi Selawat, Terapi al-Quran dan Terapi Zikir.

Bab Dua pula mengkhususkan tentang peranan guru menurut psikospiritual Islam. Dalam bab ini akan dihuraikan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Hadith tentang ketokohan Rasulullah s.a.w. sebagai sebaik-baik model guru yang diiktiraf oleh Allah S.W.T.. Antara lain, bab ini juga akan mengenengahkan peranan guru menurut perspektif psikospiritual Islam oleh sarjana Islam di samping kaedah pengaplikasiannya terhadap para pelajar tahfiz di lokasi kajian.

Dalam Bab Tiga, pengkaji akan menjelaskan tentang latar belakang lokasi kajian, justifikasi pemilihannya dan dapatan data bagi masalah akhlak dalam kalangan responden yang terlibat di lokasi kajian berdasarkan borang kaji selidik dan pemerhatian turut serta.

Menerusi Bab Empat, pengkaji akan mengemukakan dapatan data dan perbincangan tentang pengaplikasian Terapi Islam, pengaplikasian peranan guru dan subjek kajian di samping justifikasi pemilihan subjek serta penganalisisan data-data dan maklumat-maklumat hasil daripada proses pengaplikasian tersebut bagi membuktikan hasil keberkesanannya terhadap kumpulan sasaran.

Seterusnya, pengkaji akan mengakhiri kajian ini dengan Bab Kesimpulan yang mengandungi kesimpulan kajian dan saranan-saranan yang difikirkan relevan untuk diaplikasikan. Antaranya, pengkaji akan menyeru pihak-pihak tertentu agar dapat bekerjasama dalam memastikan proses pendidikan akhlak di kalangan remaja Islam bertepatan menurut perspektif al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w..

## **0.11 PENUTUP**

Kajian ini pada dasarnya adalah kajian kes yang lebih tertumpu kepada pengaplikasian terhadap teori-teori yang sedia ada tetapi memerlukan penyusunan yang lebih sistematik. Besar harapan pengkaji kepada kajian ini dalam memberikan anjakan paradigma kepada para pendidik dan para terapis Islam dalam merawat dan mengatasi masalah-masalah akhlak yang semakin meruncing kini terutamanya para guru tahfiz. Seterusnya, pengkaji juga berharap kajian ini dapat memberikan faedah yang berguna kepada umat Islam agar mereka mampu mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat kelak.

# **BAB 1: TERAPI ISLAM DALAM PENDIDIKAN AKHLAK TERHADAP PELAJAR TAHFIZ**

## **1.0 PENGENALAN**

Bab ini membincangkan tentang reka bentuk terapi Islam yang relevan untuk diaplikasikan terhadap remaja Islam secara umumnya dan pengkhususan kepada pelajar-pelajar tahfiz yang merupakan golongan sasaran bagi kajian ini. Tiga terapi Islam yang utama iaitu Terapi Iman, Terapi Tasawuf dan Terapi Ibadah telah dipilih bagi tujuan tersebut. Setelah menghuraikan teori-teori terapi Islam yang akan dilaksanakan, bab ini selanjutnya menjelaskan pula tentang kaedah pengaplikasian terapi Islam yang akan dijalankan sebelum bab ini diakhiri dengan penutup.


## **1.1 PEMBENTUKAN MODEL TERAPI ISLAM**

Secara umumnya bagi tujuan kajian ini, pembentukan terapi Islam yang relevan untuk dilaksanakan terhadap para pelajar tahfiz adalah terdiri daripada tiga bahagian utama Terapi Tasawuf, Terapi Iman dan Terapi Ibadah. Ketiga-tiga Terapi Islam ini adalah teori yang diadaptasi dan kemudiannya dimodifikasi daripada tesis “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental” oleh Khairunnas Rajab sebagaimana gambar rajah berikut<sup>157</sup>:

---

<sup>157</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya Dalam Kesihatan Mental” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 236.

### Rajah 1.1 Metode Psikoterapi Islam Dan Pengaplikasiannya Dalam Kesihatan Mental



**Sumber:** Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental”, 236.

Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan istilah khusus yang terdapat dalam tesis Khairunnas Rajab iaitu Psikoterapi Iman, Psikoterapi Ibadah dan Psikoterapi Tasawuf. Istilah-istilah ini kemudiannya telah diubah kepada Terapi Iman, Terapi Ibadah dan Terapi Tasawuf. Pada dasarnya, psikoterapi dan terapi mempunyai maksud yang sama iaitu berkaitan dengan rawatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kamus Dewan. Menurut Kamus Dewan, terapi bermaksud “*rawatan sesuatu penyakit fizikal atau mental secara proses pemulihan tanpa penggunaan ubat atau pembedahan*”<sup>158</sup> dan manakala psikoterapi pula bermaksud “*rawatan sakit jiwa atau gangguan mental dengan menggunakan kaedah*

<sup>158</sup> Kamus Dewan, ed. ke-4 (1970; cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 1666, entri “terapi”; Kamus Daya (Seri Kembangan: Penerbitan Minda (M) Sdn. Bhd., 2008), 1750, entri “terapi”.

*psikologi*”<sup>159</sup>. Oleh itu, memandangkan kajian ini lebih mefokuskan kepada proses pendidikan atau pembelajaran terhadap para pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, maka penggunaan istilah terapi Islam lebih sesuai kerana psikoterapi Islam lebih terikat dengan kaedah psikologi yang melibatkan klien atau pesakit<sup>160</sup>.

Sementara itu, bagi pengumpulan data serta pengukuhan hujah dalam bab ini, pengkaji lebih merujuk kepada sumber primer yang terdiri daripada ayat-ayat al-Quran dan penafsirannya oleh ulama” tafsir, hadith-hadith Rasulullah s.a.w. dan syarahnya oleh ulama” hadith serta kitab-kitab lain yang berautoriti. Ringkasnya, bagi pengaplikasian Terapi Iman, pengkaji lebih menekankan kepada prinsip akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama,ah mengikut pendekatan ulama,, al-Asha,,irah. Manakala bagi terapi Tasawuf, penekanan lebih diberikan kepada kisah para ahli sufi dan pemilihan guru mursyid bagi sesuatu tarekat yang muktabar. Sementara bagi terapi Ibadah pula, pengkaji membahagikannya kepada beberapa bentuk terapi yang lain iaitu Terapi Niat, Terapi Islam, Terapi al-Quran, Terapi Istighfar, Terapi Selawat dan Terapi Zikir.

Ketiga-tiga Terapi Islam yang dikemukakan ini adalah berdasarkan kepada hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

“Ketika kami sedang duduk bersama Rasulullah s.a.w. pada suatu hari, tiba-tiba datang seorang lelaki yang memakai berpakaian putih-keputihan dan berambut hitam-kehitaman, tidak kelihatan padanya tanda-tanda bagi seorang bermusafir dan tiada antara kami yang mengenalnya, lelaki tersebut kemudiannya duduk di hadapan Rasulullah s.a.w. dengan merapatkan kedua lututnya dengan lutut Baginda s.a.w. dan meletakkan kedua tapak tangan di atas kedua paha Baginda s.a.w. seraya berkata: “Wahai Muhammad, terangkan kepadaku tentang Islam”. Rasulullah s.a.w. menjawab: “Islam itu adalah engkau bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan yang

<sup>159</sup> *Kamus Dewan, ed. ke-4*, 1237, entri “psikoterapi”.

<sup>160</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya Dalam Kesihatan Mental”, 236.



disembah melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad adalah pesuruh Allah, engkau mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan mengerjakan haji sekiranya engkau berkemampuan. Lelaki yang tidak dikenali itu berkata: “Engkau benar”. Kami hairan terhadapnya kerana beliau yang bertanya dan kemudian membenarkannya. Lelaki itu kemudian bertanya: “Terangkan kepadaku tentang Iman”. Rasulullah s.a.w. menjawab: “Engkau beriman kepada Allah S.W.T., para malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, para rasul-Nya, hari Akhirat dan engkau beriman dengan takdir baik dan buruk. “Engkau benar”, kata lelaki tersebut dan kemudiannya kembali bertanya: “Terangkan kepadaku tentang Ihsan”. Rasulullah s.a.w. menjawab: “Adalah engkau beribadah kepada Allah S.W.T. seolah-olah engkau melihat-Nya. Sekiranya jika engkau tidak dapat melihat-Nya, maka Dia sentiasa melihat engkau”. Lelaki tersebut bertanya lagi: “Terangkan kepadaku tentang kiamat”. Rasulullah s.a.w. menjawab: “Dia yang bertanya lebih mengetahuinya daripada orang yang ditanya”. Seterusnya lelaki tersebut bertanya: “Terangkan kepadaku tentang tanda-tandanya”. Baginda s.a.w. menjawab: “Ketika mana seorang hamba melahirkan tuannya dan engkau melihat seorang pengembala kambing yang berkaki ayam, tidak berpakaian serta miskin berlumba-lumba untuk mendirikan bangunan-bangunan yang tinggi”. Setelah itu, lelaki tersebut kemudiannya beredar dan aku [„Umar bin al-Khattāb] berdiam dalam suatu tempoh sebelum Rasulullah s.a.w. bertanya kepadaku: “Wahai „Umar, tahukah engkau tentang orang yang bertanya sebentar tadi?”. Aku menjawab: “Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui”. Baginda bersabda: “Dia adalah Jibril yang datang untuk mengajarkan agama kepada kamu semua”<sup>161</sup>.

Berdasarkan hadith ini, Islam adalah berkait rapat dengan Ibadah dan Ihsan pula berkait rapat kepada Tasawuf. Seterusnya bagi penyusunan terapi Islam yang akan dikemukakan dalam bab ini adalah sebagaimana rajah berikut:

**Rajah 1.2: Susunan Terapi Islam**



**Sumber:** Olahan pengkaji

<sup>161</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Īmān, Bāb Ma'rifah al-Īmān wa al-Islām wa al-Qadar wa „Alāmat al-Sā,ah*, hadith no. 102). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi" al-Šaḥīḥ al-Musammā Šaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jādiḍāḥ, t.t.), 1:28.

Susunan ini adalah mengikut model ESQ 165 yang pernah diasaskan oleh Ary Ginanjar Agustian<sup>162</sup> iaitu 1 adalah merujuk kepada Ihsan, 6 adalah merujuk kepada Rukun Iman dan 5 merujuk kepada Rukun Islam. Model ESQ 165 ini turut diterbitkan dengan tajuk bukunya “Rahsia Kejayaan Membangunkan Kecerdasan Emosi dan Spritual ESQ Emotional Spritual Quotient The ESQ Way 165 1 Ihsan 6 Rukun Iman 5 Rukun Islam”<sup>163</sup>. Sungguhpun begitu bagi Model ESQ 165 ini, pengkaji hanya menggunakan susunan model tersebut bagi susunan terapi Islam yang akan dinyatakan dalam bab ini. Secara jelasnya, urutan susunan ini adalah relevan digunakan kerana ianya adalah merujuk kepada

---

<sup>162</sup> Beliau asalnya adalah merupakan seorang usahawan yang sering meluangkan masa untuk belajar tentang kepelbagaian teori dan falsafah dalam pembangunan modal insan. Beliau memiliki latar belakang pendidikan tinggi daripada Universitas Udayana di Bali. Di samping itu, beliau juga pernah menjadi penuntut di STP Bandung dan Tafe College di Adelaide, South Australia. Sebelum memasuki dunia usahawan, beliau pernah menjadi pensyarah tetap di Politeknik Universitas Udayana di Jimbaran, Bali selama lima tahun. Pada tahun 2004, beliau telah mendapat gelaran “*The Most Powerful People and Ideas in Business 2004*” daripada Majalah Swasembada atas kejayaan beliau dalam memotivasikan peserta di samping membangkitkan semangat mereka untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih positif menerusi penulisan dan syarikat perlatihannya iaitu ESQ Leadership Center. Seterusnya pada tahun 2005, Koran Republika telah memilih beliau sebagai “*Tokoh Perubahan 2005*”. Pada masa yang sama, beliau juga merupakan Pengurus Dewan Pakar ICMI bagi tahun 2005-2010. Beliau berjaya memperkenalkan ESQ kepada sejumlah pakar *Spiritual Quotient* (SQ) daripada pelbagai negara di dunia dalam sebuah pertemuan yang dianjurkan oleh The Oxford Academy of Intelligence di England pada bulan Mac 2007. Antaranya negara yang terlibat dalam pertemuan tersebut ialah Amerika, Australia, Denmark, Belanda, Nepal, dan India. Kemudiannya pada 17 Disember 2007, beliau telah dianugerahi gelaran “*Doctor Honoris Causa*” dalam bidang Pendidikan Karakter oleh Universitas Negeri Yogyakarta dan anugerah ini sekaligus membuktikan ESQ 165 diterima di kalangan pakar akademik sebagai wadah yang mampu membangunkan karakter insan. Selanjutnya pada 28 Oktober 2008, beliau diberikan penghargaan oleh Menteri Pemuda dan Olah Raga (Menpora) sebagai “*Pengembang Wadah ESQ dalam Meningkatkan Sumber Daya Manusia Menuju Indonesia Bermartabat*”. Pada tahun yang sama, beliau digelar sebagai “*Pemimpin Muda Berpengaruh 2008*” oleh Majalah Biografi Politik dan pada akhir 2008. Beliau juga telah menjadi salah seorang pengurus Pusat Masyarakat Ekonomi Syariah (MES) bagi tahun 2008-2011. Sehingga tahun 2009, beliau bersama lebih kurang 100 orang jurulatih (*trainer*) ESQ 165 telah menjayakan program ini kepada lebih 650 000 orang peserta daripada pelbagai benua. Lihat Ary Ginanjar Agustian, *Rahsia Kejayaan Membangun Kecerdasan Emosi dan Spritual ESQ Emotional Spritual Quotient The ESQ Way 165 1 Ihsan, 6 Rukun Iman, 5 Rukun Islam* (Petaling Jaya: ESQ Leadership Center Sdn. Bhd., t.t.), 368.

<sup>163</sup> Buku ini dikhususkan bagi para peserta Leadership Seminar ESQ 165 dan pengkaji berkesempatan mengikuti seminar ini pada tahun 2009 sebelum ianya difatwakan menyimpang daripada ajaran Islam pada pertengahan Jun 2010 oleh Datuk Haji Wan Zahidi bin Wan Teh yang merupakan Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada ketika itu. Bagi menjelaskan latar belakang keluarnya fatwa tentang ESQ 165, pejabat mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menganjurkan satu majlis pada hari Rabu bersamaan dengan 23hb. Februari 2011 bertempat di Dewan Muktamar, Kompleks Pusat Islam, Kuala Lumpur. Antara yang hadir bagi menjelaskan isu tersebut ialah Ustaz Farid Achmad Okbah. Rakaman Ucapan beliau ini boleh diakses di laman web berikut: <http://www.youtube.com/watch?v=eLMRdEN9-zs> yang diakses pada 9hb. November 2014 jam, 10.05 pagi.

keutamaannya masing-masing sebagaimana pandangan yang diketengahkan oleh Ibn Kathīr ketika mentafsirkan firman Allah S.W.T.:

قَالَتِ الْأَعْرَابُ ءَامَنَّا قُلْ لَمْ تُؤْمِنُوا وَلَكِنْ قُولُوا أَسْلَمْنَا وَلَمَّا يَدْخُلِ الْإِيمَانُ فِي قُلُوبِكُمْ وَإِنْ تُطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَا يَلِتْكُمْ مِنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٤﴾

Maksudnya: “Orang-orang Arab Badwi berkata, “Kami telah beriman”. Katakanlah (kepada mereka), “Kamu belum beriman, tetapi ucapilah „Kami telah tunduk (Islam)”, kerana iman itu belum masuk ke dalam hatimu. Dan jika kamu taat kepada Allah dan Rasul-Nya, Dia tidak akan mengurangi sedikit pun (pahala) amalanmu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

(Surah al-Hujurāt, 49:14)

Menurut beliau, ayat ini menyatakan bahawa Iman adalah lebih khusus daripada Islam sebagaimana mazhab *ahl al-Sunnah wa al-Jama,ah* dan dalil bagi perkara ini adalah berdasarkan hadith Jibrīl yang bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang Islam, Iman dan Ihsan<sup>164</sup>. Justeru itu menurut Ibn Kathīr berdasarkan hadith Jibrīl tersebut, Ihsan lebih khusus atau lebih utama daripada Iman dan Iman pula lebih khusus daripada Islam sebagaimana Rajah 1.1<sup>165</sup>. Berpandukan huraian yang diberikan oleh Ibn Kathīr ini, susunan terapi Islam yang akan dibincangkan dalam bab ini adalah disusun menurut keutamaannya.

## 1.2 TERAPI TASAWUF

Dari sudut pengistilahan, tasawuf ialah suatu ilmu yang dapat mengenalpasti hal ehwal yang berkaitan dengan nafsu yang terdapat pada diri manusia sama ada baik atau buruk di samping mengenalpasti kaedah untuk membersihkan diri daripada sifat-sifat tercela dan

<sup>164</sup> Ibn Kathīr, Ismā,īl bin „Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm, tahqīq*: Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Dār al-Ṭayyibah li al-Nashr wa al-Tawzī, 1999), 7:389.

<sup>165</sup> *Ibid.*

menghiasi diri dengan sifat-sifat yang terpuji serta cara untuk menuju kepada Allah S.W.T. menerusi perjalanan spiritual<sup>166</sup>. Justeru secara teorinya, Terapi Tasawuf ini sering dikaitkan dengan perbincangan sifat-sifat terpuji (*al-mahmūdah*) yang melibatkan *al-maqāmāt* dan *al-aḥwāl*<sup>167</sup> seperti taubat, zuhud, sabar, tawakkal, redha, syukur, sabar, cinta kepada Allah S.W.T. (*maḥabbah*), takutkan Allah S.W.T. (*khawf*) dan mengenal Allah S.W.T. (*maʿrifah*) sebagaimana yang dilakukan oleh pengkaji semasa. Antaranya ialah Khairunnas yang mengintegrasikan Psikoterapi Sufistik dalam pengaplikasiannya terhadap kesihatan mental<sup>168</sup>. Selain itu, ia juga dikenali sebagai Terapi Maqamat yang dapat dilihat pada kajian tentang *al-maqāmāt* dan *al-aḥwāl* dalam tasawuf oleh Sharifah Basirah binti Syed Muhsin<sup>169</sup> yang menyusun dan membentuk suatu teori rawatan bagi pembersihan jiwa daripada penyakit-penyakit rohani berdasarkan kitab *Qūt al-Qulūb* oleh Abū Ṭālib al-Makki<sup>170</sup> dan M. Chatib Quzwani yang menjelaskan tentang perbincangan tentang cara untuk menuju Allah S.W.T. dengan melalui beberapa maqam yang tertentu<sup>171</sup>.

Sungguhpun begitu, teori yang dikemukakan oleh Khairunnas untuk Terapi Tasawuf adalah lebih dominan dengan kajian ini kerana beliau juga turut mendatangkan contoh model

---

<sup>166</sup> Al-Kurdi, Muḥammad Amin, *Tanwīr al-Qulūb fī Muʿāmalah ʿAllām al-Ghuyūb* (Ḥalb: Dār al-Qalam al-ʿArabi, 1991), 465.

<sup>167</sup> *Al-maqāmāt* adalah maqam-maqam atau kedudukan yang akan diperolehi oleh seseorang salik menerusi usaha dan mujahadah yang dilakukan olehnya. Manakala *al-aḥwāl* pula adalah rentetan daripada *al-maqāmāt* yang diperolehi secara intuitif dalam hati seperti perasaan gembira, sedih, rindu, benci, takut dan sebagainya. Oleh itu, *al-maqāmāt* dan *al-aḥwāl* adalah saling berkesinambungan antara satu sama lain. Lihat Khairunnas Rajab, “Al-Maqām dan al-Aḥwāl dalam tasawuf”, 3; Jahid bin Sidek, *Membentuk Jiwa Sufi Ajaran Tariqah Naqshabandiyyah Syekh Muhammad Amin al-Kurdi*, (Cheras: Al-Falah Publications, 2009), 60.

<sup>168</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya Dalam Kesihatan Mental”, 2006); Khairunnas Rajab, “Al-Maqām dan al-Aḥwāl dalam tasawuf”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 25 (Kuala Lumpur: Bahagian Penerbitan Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007), 1-28.

<sup>169</sup> Sharifah Basirah binti Syed Muhsin, “Kaedah Psikoterapi Berasaskan Konsep Maqamat: Kajian Terhadap Kitab Qut al-Qulub Abu Talib al-Makki” (disertasi sarjana, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

<sup>170</sup> Sharifah Basirah Syed Muhsin dan Che Zarrina Saʿari, *Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa, 2015).

<sup>171</sup> M. Chatib Quzwani, “Tasawuf Abdul Samad al-Palembani” (tesis kedoktoran, Pengajian Tasawuf, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Syarif Hidayatullah, Jakarta, 1984).

Psikoterapi Islam yang dijalankan oleh Pondok Remaja Inabah yang diasaskan oleh Abah Anom. Pondok ini menggunakan pendekatan Tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah secara khususnya dalam memulihkan akhlak remaja yang bermasalah<sup>172</sup>. Selain di Indonesia, Pondok Remaja Inabah juga mempunyai cawangannya di tiga buah negeri dalam Malaysia iaitu Kedah, Terengganu dan Sabah<sup>173</sup>.

Berdasarkan teori Terapi Tasawuf yang pernah dilakukan sebelum ini, pengkaji berpandangan bahawa antara kaedah yang relevan untuk diaplikasikan terhadap kumpulan sasaran yang terdiri daripada para remaja ialah dengan mengemukakan kisah-kisah ahli sufi sebagai contoh perbandingan dan sumber inspirasi dalam perjalanan menuju Allah S.W.T. sebagaimana yang dilakukan oleh ulama" Tasawuf terdahulu seperti al-Qushayrī dalam *al-Risālah al-Qushayriyyah* yang menyatakan tentang beberapa kisah para ahli sufi sebelum menerangkan perbincangan tentang kalimah-kalimah ilmu tasawuf yang merangkumi *al-maqām*, *al-ḥāl*, sifat-sifat terpuji (*al-maḥmūdah*), *al-fanā*" wa *al-baqā*" dan sebagainya<sup>174</sup>. Hal ini kerana para ahli sufi yang sebenar secara tidak langsung telah menampilkan contoh praktikal daripada sifat-sifat terpuji (*al-maḥmūdah*) yang melibatkan *al-maqāmāt* dan *al-aḥwāl*. Pada masa yang sama, para kumpulan sasaran akan mendapat pendedahan tentang proses membersihkan hati dari segala sifat tercela (*al-madhūmah*) dan menyuburkannya dengan segala sifat terpuji (*al-maḥmūdah*) daripada pendedahan kisah ahli sufi ini seperti

---

<sup>172</sup> Khairunnas Rajab, "Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya Dalam Kesihatan Mental", 70.

<sup>173</sup> Pondok Inabah di Kedah mula diperkenalkan pada tahun 1986 di Pulau Bidin, Alor Setar sebelum berpindah ke Jabal Suf, Kuala Nerang pada tahun 1990. Pondok Inabah di Terengganu pula pada peringkat awalnya hanya beroperasi secara kecil-kecilan di Surau Cerong Lanjut, Bandar Kuala Terengganu sebelum berpindah ke Kampung Sungai Ikan, Gemuruh, Kuala Nerus pada tahun 1990. Manakala Pondok Inabah di Sabah telah beroperasi di Sempoerna. Lihat bahagian arkib di laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Sembilan yang diakses pada 5hb. April 2016, jam 10.39 malam di <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/tarekat-tassawuf/162-koleksi-kertas-kerja/641-binainsan-menerusi-kaedah-spiritual-satu-tinjauan-terhadap-pendekatan-inabah-dalam-memulihkan-penagih-dadah-dan-menangani-krisis-moral-remaja>.

<sup>174</sup> Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim, *Al-Risālah al-Qushayriyyah, taḥqīq*: „Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan Maḥmūd bin al-Sharīf (Kaherah: Maṭāba" Muassasah Dār al-Sha"b, 1989), 43-126.

tidak berputus asa untuk terus menerus bertaubat sebagaimana yang dilakukan oleh Fuḍayl bin „Iyād, bersabar dengan penderitaan hidup sebagaimana yang dilakukan oleh Rabi„ah al-Adawiyyah dan sebagainya<sup>175</sup>.

Di samping itu sebagaimana data yang terdapat dalam kajian Khairunnas yang mengemukakan tentang pendekatan Tarekat Qadiriyyah wa Naqshabandiyyah yang dilakukan oleh Pondok Remaja Inabah dalam memulihkan akhlak remaja yang bermasalah<sup>176</sup>, pengkaji turut berpandangan bahawa kumpulan sasaran perlu diberi pendedahan yang sewajarnya tentang tarekat yang muktabar dan pemilihan guru mursyid sebagai pembimbing dalam melakukan perjalanan kerohanian yang mencabar bagi mengelakkan mereka terjebak dengan ajaran sesat yang semakin berleluasa kini. Justeru itu, bagi Terapi Tasawuf dalam kajian ini, pengkaji hanya mengkhususkan dua elemen utama kepada kumpulan sasaran iaitu pendedahan tentang kisah ahli sufi dan kepentingan dalam pemilihan guru mursyid yang mempunyai salasilah yang sampai kepada Rasulullah s.a.w. bagi sesuatu tarekat yang muktabar. Seterusnya, tujuan utama bagi penerapan Terapi Tasawuf terhadap kumpulan sasaran adalah untuk merealisasikan kelhsanan seseorang hamba kepada Allah S.W.T. sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w.:

قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ قَالَ أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ

Maksudnya: Lelaki tersebut (Jibrīl a.s.) bertanya: “Terangkan kepadaku tentang Ihsan”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Adalah engkau beribadah kepada Allah S.W.T. seolah-olah engkau melihat-Nya. Sekiranya jika engkau tidak dapat melihat-Nya, maka Dia sentiasa melihat engkau”<sup>177</sup>.

<sup>175</sup> Kisah Fuḍayl bin „Iyād dan Rabi„ah al-Adawiyyah selanjutnya akan dikemukakan secara khusus dalam bab ini. Lihat sub topik 1.2.1.

<sup>176</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya Dalam Kesihatan Mental”, 70.

<sup>177</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Īmān, Bāb Ma‘rifah al-Īmān wa al-Islām wa al-Qadar wa „Alāmah al-Sā‘ah*, hadith no. 102). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jādiḍah, t.t.), 1:28.

Jelasnya berdasarkan konteks hadith ini, Ihsan adalah peningkatan bagi keIslaman dan keimanan seseorang individu dan sesuatu tarekat pula adalah merupakan wasilah atau jalan ke martabat Ihsan tersebut<sup>178</sup>.

### 1.2.1 Kisah Ahli Sufi Sebagai Sumber Inspirasi

Ahli-ahli sufi yang sebenar adalah mereka yang berjaya menjinakkan nafsu agar tenang dalam melakukan ketaatan kepada Allah S.W.T.<sup>179</sup> kerana nafsu selalu menyeru manusia agar melakukan maksiat<sup>180</sup> dan kisah tentang ahli sufi ini secara tidak langsung dapat dijadikan sumber inspirasi dalam bermujahadah mencari keredhaan Allah S.W.T. di samping menyuburkan sifat terpuji. Bagi tujuan pendedahan kisah ahli sufi ini, rujukan utama yang digunakan ialah buku karangan al-,Attār yang telah diterjemahkan dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Arab<sup>181</sup>, Bahasa Melayu<sup>182</sup> dan Bahasa Inggeris yang berjudul *Tadhkirah al-Awliyā'*<sup>183</sup>. Justifikasi pemilihan buku ini adalah kerana ianya telah menghimpunkan biografi para ahli sufi di samping anekdot-anekdot yang mempunyai nilai keintelektualan yang tinggi dalam ilmu tasawuf yang dipetik secara terperinci daripada 6 buah karangan ulama" sebelumnya iaitu *Hikāyah al-Mashā'ikh* oleh Ja,,fār al-Khālidī, *al-Lumā'* oleh „Abd Allāh bin „Alī al-Sarrāj, *Tabāqāt al-Ṣūfī* oleh al-Sulāmī, *Hilyah al-Awliyā'* oleh al-Qushayrī dan *Kashf al-Mahjūb* oleh al-Ḥujwiri<sup>184</sup>.

---

<sup>178</sup> Jahid Sidek, *Shaikh dalam Ilmu Tariqah* (Cheras: Al-Falah Publications Sdn. Bhd., 2010), 53.

<sup>179</sup> Ini adalah berdasarkan ayat al-Quran yang bermaksud: "Wahai jiwa yang tenang, kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya". (Surah al-Fajr, 89:27-28).

<sup>180</sup> Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud: "Dan aku tidak membebaskan diriku (dari kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu menyuruh kepada kejahatan, kecuali nafsu yang diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun lagi Maha Penyanyang". (Surah Yūsuf, 12:53).

<sup>181</sup> Lihat al-,Attār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Attār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā'* (Miṣr: Al-Haiiah al-Misriyyah al-,Āmmah li al-Kitāb, 2006).

<sup>182</sup> Lihat Syeikh Fariduddin „Attar, *Tazkiratul Auliya': 62 Wali Allah*, terj: Abdul Majid bin Haji Khatib (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 2006).

<sup>183</sup> Farid al-Din „Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya'* (*Memorial of the Saint*), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.).

<sup>184</sup> *Ibid.*, xxix-xxx

Secara ironinya, mungkin ada golongan yang menolak kisah ahli sufi ini lantaran sumberambilannya yang tidak pasti sama ada benar atau tidak tetapi pada pandangan pengkaji, kisah ahli sufi yang dikemukakan oleh ulama“ terdahulu adalah wajar untuk diketengahkan sebagai suatu bentuk wadah dalam memotivasikan diri kumpulan sasaran<sup>185</sup> agar mereka hampir kepada Allah S.W.T. kerana tiada larangan daripada dalil al-Quran dan al-Hadith yang melarang penceritaan ahli sufi tersebut. Ini adalah selari dengan kaedah *Uṣūl al-Fiqh* yang menyatakan: “*Asal setiap perkara adalah harus sehingga terdapat dalil yang mengharamkannya*”<sup>186</sup>. Justeru, penceritaan kisah ahli sufi yang akan dikemukakan terhadap kumpulan sasaran adalah dibolehkan menurut perspektif syariat Islam. Di samping itu, al-,Attār dalam *Tadhkirah al-Awliyā*“ juga turut menghimpunkan nasihat-nasihat berharga daripada ahli sufi yang bertujuan untuk mendapatkan manfaat dari sudut spiritual sebagaimana kenyataan Yusūf Ḥamdānī<sup>187</sup> yang menyarankan agar membacalapan muka surat yang mengandungi kata-kata hikmah ahli sufi pada setiap hari ketika beliau ditanya: “*Apakah yang patut kita lakukan setelah para ahli sufi meninggal dunia*”<sup>188</sup>. Bagi mengukuhkan kenyataan Yusūf Ḥamdānī ini, pengkaji telah menemubual dengan

---

<sup>185</sup> Selain itu, berdasarkan dapatan data secara tidak rasmi menerusi kajian rintis di Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang, terdapat seorang pelajar yang berumur 14 tahun yang agak berminat dengan pendedahan kisah ahli sufi sebagaimana yang dikemukakan sebelum ini sehingga beliau menyatakan secara bertulis bahawa cita-cita beliau kelak ialah ingin menjadi wali Allah (Peristiwa ini berlaku ketika seorang guru Bahasa Melayu yang dijemput oleh pihak tahfiz bagi sesi pengajaran kelas akademik telah meminta para pelajar untuk menulis biodata diri masing-masing secara ringkas yang merangkumi nama, umur, hobi, cita-cita dan sebagainya. Masa kejadian tersebut berlaku pada tarikh tertentu antara bulan Ogos 2013 hingga Oktober 2013 di Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang). Lantaran itu, pelajar ini kemudiannya telah mengambil *bay,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah (Peristiwa ini berlaku pada Oktober 2013). Peristiwa ini secara tidak langsung telah menyatakan bahawa hasil keberkesanan tentang pendedahan kisah ahli sufi terhadap para kumpulan sasaran di tahfiz tersebut adalah positif dan pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan bahawa peristiwa pelajar tersebut mengambil *bay,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah adalah mempunyai perkaitan yang rapat dengan pimpinan guru mursyid dalam sesuatu tarekat. Justeru itu, adalah relevan untuk pengkaji menjelaskan kepada para pelajar tentang isu-isu semasa yang berkaitan dengan amalan sesuatu tarekat dan keperluan memilih guru mursyid sebagai kesinambungan daripada pendedahan kisah ahli sufi ini.

<sup>186</sup> Al-Suyūṭī, „Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *al-Ashbāh wa al-Nazā’ir*, (Beirut: Dār al-Kutub al-,Ilmiyyah, 1982), 1:60.

<sup>187</sup> Beliau adalah salah seorang guru mursyid yang terdapat dalam salasilah Tareqat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Nama sebenar beliau ialah Abū Ya,qūb Yūsuf al-Ḥamdānī bin Ayyūb bin Yūsuf bin al-Ḥusīn. Beliau telah meninggal dunia pada tahun 535 Hijrah. Lihat al-Kurdī, Muḥammad Amīn, *Tanwīr al-Qulūb fī Mu,āmalah ,Allām al-Ghuyūb* (Ḥalb: Dār al-Qalam al-,Arabi, 1991), 560.

<sup>188</sup> Farid al-Din ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*“, xxvii.



salah seorang ahli jemaah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah yang konsisten membaca buku *Tadhkirah al-Awliyā*“ versi bahasa melayu<sup>189</sup> secara berulang-ulang sejak berumur 20 tahun pada tahun 1997 sehingga kini bagi mengenalpasti kelebihan daripada pembacaan tersebut<sup>190</sup>. Menurut beliau, antara manfaatnya yang diperolehinya ialah mengenalpasti tahap demi tahap yang akan ditempuhi sebagaimana yang dilalui oleh ahli sufi menerusi amalan zikir tarekat yang telah dilakukan, meningkat semangat dan motivasi dalam menempuhi perjalanan sebagai ahli tarekat serta dapat memuhasabahkan diri terhadap sifat-sifat terkeji dalam diri<sup>191</sup>.

Sebagai contoh bagi melihat penampilan karya penulisan al-„Aṭṭār, berikut adalah sebahagian kisah tentang tujuh tokoh ahli sufi yang dipetik secara khusus daripada kitab *Tadhkirah al-Awliyā*“ di samping kitab-kitab lain sebagai pengukuhan terhadapnya yang akan didedahkan kepada para kumpulan sasaran menerusi bentuk pengisahan agar ia dapat dijadikan landasan untuk tujuan kaedah penceritaan tersebut.

### **i) Ḥasan al-Baṣrī**

Beliau adalah al-Ḥasan bin Abī al-Ḥasan al-Baṣrī<sup>192</sup>. Beliau dilahirkan di Madinah pada tahun 21 Hijrah (642 Masihi) dan meninggal dunia di Basrah pada tahun 110 Hijrah (728

---

<sup>189</sup> Lihat Syeikh Fariduddin „Attar, *Tazkiratul Auliya*“: 62 Wali Allah, terj: Abdul Majid bin Haji Khatib (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 2006). Secara dasarnya menerusi buku *Tadhkirah al-Awliyā*“, terdapat sejumlah ucapan-ucapan ahli sufi yang diketengahkan oleh al-Aṭṭār seperti kisah Abū al-Ḥasan al-Khirqānī yang mengandungi 102 ucapan beliau. Lihat Syeikh Fariduddin „Attar, *Tazkiratul Auliya*“: 62 Wali Allah, terj: Abdul Majid bin Haji Khatib (Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 2006), 128-138.

<sup>190</sup> Temubual antara pengkaji dan Tengku Fadzli Shah bin Tengku Nizam Hyderabad (salah seorang Khalifah Haji Ibrahim bin Sahman) pada 13hb. September 2018, jam 11.30 malam selepas di Surau Tawajjuh Haji Johar bin Ahmad, Klang.

<sup>191</sup> *Ibid.*.

<sup>192</sup> Al-Mizzī, Abī Hajjāj Yūsuf, *Tadhhib al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl, taḥqīq*: Bashār „Awwād Ma’rūf (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1983), 6:95.

Masihi)<sup>193</sup>. Ibu beliau adalah pelayan kepada Ummu Salamah, isteri Rasulullah s.a.w.<sup>194</sup> dan Ummu Salamah pernah menyusukan beliau ketika ketiadaan ibunya<sup>195</sup>. Beliau sempat bertemu dengan 70 orang sahabat Rasulullah s.a.w. yang ikut serta dalam peperangan Badar<sup>196</sup>. Beliau meninggal dunia di Basrah pada 110 Hijrah (728 Masihi)<sup>197</sup>. Pada awalnya sebelum menjalani hidup sebagai seorang sufi, beliau adalah seorang peniaga batu permata yang sering berdagang ke Byzantium (Rom) dan mempunyai pertalian persahabatan dengan pembesar-pembesar di sana. Suatu hari, Perdana Menteri negara tersebut menjemput beliau untuk menghadiri satu upacara tahunan di padang pasir dan beliau setuju untuk turut serta. Setibanya di sana, beliau melihat terdapat satu khemah yang begitu mewah dan di dalamnya terdapat kubur putera Kaisar yang meninggal dunia dalam umur yang masih muda. Pada peringkat awal upacara tersebut, sekumpulan tentera telah mengelilingi khemah tersebut sambil berkata:

“Wahai putera kami, seandainya malapetaka yang menimpamu ini berlaku di medan pertempuran, maka kami rela mengorbankan diri kami untuk menyelamatkanmu. Tetapi malapetaka ini datangnya dari Dia yang tidak mampu kami lawan”<sup>198</sup>.

Kemudian datang pula sekumpulan ahli falsafah dan para bijak pandai mengelilingi khemah tersebut sambil berkata: “*Malapetaka ini datangnya dari Dia yang kami tidak dapat lawan dengan ilmu pengetahuan yang kami ada*”<sup>199</sup>.

<sup>193</sup> „Abd al-Rahman Badwī, *Tarīkh al-Taṣawwuf al-Islāmī min al-Bidāyah ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī* (Kuwait: Wakālah al-Maṭbū‘āt, 1978), 152.

<sup>194</sup> Al-,Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*” (Miṣr: Al-Haiāh al-Misriyyah al-,Āmmah li al-Kitāb, 2006), 1:631; Farid al-Din „Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*” (*Memorial of the Saint*), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 1.

<sup>195</sup> Al-Mizzī, Abī Hajjāj Yūsuf, *Tadhhib al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl, taḥqīq*: Bashār „Awwād Ma’rūf (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1983), 6:97.

<sup>196</sup> Farid al-Din „Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”; 1; Muhammad Tahir-ul-Qadri, *Spiritualism and Magnetism* (Lohare: Minhaj-ul-Qur,an Publications, 2001), 65.

<sup>197</sup> Farid al-Din „Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 1.

<sup>198</sup> *Ibid.*, 1-3.

<sup>199</sup> Al-,Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*” (Miṣr: Al-Haiāh al-Misriyyah al-,Āmmah li al-Kitāb, 2006), 1:214-215; Farid al-Din „Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*” (*Memorial of the Saint*), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 1-3.

Seterusnya diikuti pula dengan sekumpulan orang tua yang lebih berpengalaman dalam hidup dan sekumpulan para wanita yang memakai perhiasan emas, perak serta permata (sebagai lambang kecantikan dan kekayaan) mengelilingi khemah tersebut sambil menyatakan kelemahan mereka untuk menolak takdir yang telah menimpa putera raja tersebut. Akhirnya, Kaisar dan pembesar-pembesar beliau masuk ke dalam khemah tersebut. Kaisar lalu berseru:

“Wahai anak kesayangan ayah, apa yang ayah mampu lakukan? Ayah telah datangkan para tentera, ahli bijak pandai, orang-orang tua yang berpengalaman, wanita-wanita cantik, harta kekayaan dan diri ayah sendiri. Jika semua ini dapat menebus kematianmu, sudah tentu ayah akan melakukannya. Tetapi malapetaka ini datangnya daripada Dia yang tidak dapat dilawan dengan sesiapa pun. Sejahtera ke atasmu sehingga bertemu lagi tahun hadapan”<sup>200</sup>.

Peristiwa ini mendatangkan kesan yang amat mendalam kepada diri Hasan. Ketika akan berangkat pulang ke Basrah, beliau berazam untuk tidak ketawa sepanjang hidupnya<sup>201</sup>. Justeru, kisah Hasan ini mengandungi pengajaran berharga bagi para pelajar agar mereka sentiasa bersedia untuk mati. Ini adalah selari dengan hadith Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْثَرُوا ذَكَرَ هَازِمِ اللَّذَاتِ يَعْنِي  
الْمَوْتَ

Maksudnya: Abū Hurayrah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Perbanyakkanlah mengingati penghapus kelazatan” (iaitu kematian)<sup>202</sup>.

<sup>200</sup> Al-,Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*”, 1:215-216; Farid al-Dīn Ḥaṭṭār, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 3-4.

<sup>201</sup> *Ibid.*

<sup>202</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Zuhd, Bāb Mā Jā fī Dhikr al-Mawt*, no. hadith 2307). Hadith ini dihukum *Ḥasan Gharīb* oleh al-Tirmidhī dan dihukum *ḥasan ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin Ḥasā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 522; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Zuhd, Bāb Dhikr al-Mawt wa al-Isti’ādah lah*, hadith no. 4258). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 705.

Sementara itu, dengan mengingati mati secara tidak langsung dapat menghilangkan kecintaan seseorang muslim terhadap dunia dan takut untuk meninggalkan kenikmatan yang terdapat padanya kerana hal ini yang menjadikan umat Islam kini semakin lemah serta ditindas oleh musuh Islam sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w.:

عَنْ ثَوْبَانَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُوشِكُ الْأُمَمُ أَنْ تَدَاعَى عَلَيْكُمْ كَمَا تَدَاعَى الْأَكْلَةُ إِلَى قَصْعَتِهَا فَقَالَ قَائِلٌ وَمِنْ قَلَّةٍ نَحْنُ يَوْمَئِذٍ قَالَ بَلْ أَنْتُمْ يَوْمَئِذٍ كَثِيرٌ وَلَكِنَّكُمْ غُتَاءَ كَعْتَاءِ السَّبِيلِ وَلَيَنْزِعَنَّ اللَّهُ مِنْ صُدُورِ عَدُوِّكُمْ الْمَهَابَةَ مِنْكُمْ وَلَيَقْذِفَنَّ اللَّهُ فِي قُلُوبِكُمُ الْوَهْنَ فَقَالَ قَائِلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْوَهْنُ قَالَ حُبُّ الدُّنْيَا وَكَرَاهِيَةُ الْمَوْتِ

Maksudnya: Thawbān meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Orang-orang kafir akan mengerumuni kalian sebagaimana makanan”. Maka Thawban bertanya: “Adakah kami ketika itu sedikit jumlahnya?”. Rasulullah s.a.w. menjawab: “Bahkan kalian pada masa itu dalam jumlah yang ramai tetapi hanya seperti buih di lautan dan Allah menghilangkan ketakutan musuh terhadap kamu dan meletakkan sifat *al-Wahan* dalam hati kalian”. Maka beliau bertanya lagi: “Wahai Rasulullah! Apakah *al-Wahan* itu?”. Rasulullah s.a.w. menjawab: “Cintakan dunia dan membenci kematian”<sup>203</sup>.

## ii) Rābi‘ah al-‘Adawiyah

Rābi‘ah binti Ismā‘īl al-‘Adawiyah adalah seorang tokoh sufi yang sering diperkatakan oleh para pengkaji dan peminat tasawuf samada dari Timur, Barat dan tempatan<sup>204</sup>. Beliau dinamakan Rābi‘ah kerana beliau adalah anak yang keempat. Pada malam kelahiran beliau di muka bumi ini, tiada minyak zaitun walaupun setitis yang dapat digunakan untuk menyalakan pelita dan sehelai kain yang dapat membalut tubuh kecil beliau kerana keluarganya terlalu miskin sehingga ibunya telah memohon kepada ayahnya agar dapat meminta sedikit minyak zaitun dan sehelai kain daripada jiran mereka sedangkan ayah

<sup>203</sup> Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Malāḥim, Bāb fī Tadā‘ī al-Umam ‘alā al-Islām*, hadith no. 4299). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash‘ath, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.), 4:184.

<sup>204</sup> Che Zarrina Sa‘ari, “Tokoh Sufi Wanita Rābi‘ah al-‘Adawiyah: Motivator Ke Arah Hidup Lebih Bermakna”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 25, (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007), 30.

Rābi,ah al-,Adawiyyah telah berazam untuk tidak akan meminta kepada makhluk<sup>205</sup>. Tetapi bagi melegakan hati isterinya itu, beliau pergi juga ke rumah jiran mereka sekadar untuk meletakkan tangan di pintu rumah jirannya tanpa membangunkan mereka lalu pulang ke rumah. Beliau lalu berkata kepada isterinya: “Jiran kita tidak membuka pintu”. Ibu Rābi,ah al-,Adawiyyah lalu menangis semahu-mahunya<sup>206</sup>.

Ayahnya turut bersedih sehingga tertidur. Dalam tidur, ayahnya telah bermimpi berjumpa dengan Rasulullah s.a.w. dan Baginda telah bersabda: “Janganlah kamu bersedih kerana anak perempuan kamu yang baru dilahirkan ini merupakan seorang yang dimulia Allah S.W.T. dan 70 ribu daripada umatku mengharap syafaatnya<sup>207</sup>. Esok hari pergilah bertemu dengan ,Īsā Zadhan, Gabenor Basrah. Tuliskan kata-kata ini di atas sekeping kertas: “Wahai Amir, kamu biasanya berselawat 100 kali setiap malam dan setiap malam Jumaat pula 400 kali. Tetapi pada malam Jumaat yang terakhir, kamu terlupa untuk melaksanakannya. Bagi menebus kelalaian tersebut, berikan 400 dinar daripada sumber yang halal kepada lelaki yang membawa surat ini”<sup>208</sup>.

Sejak kecil, Rābi,ah al-,Adawiyyah telah menjadi yatim piatu setelah kematian kedua ibu bapanya. Tiada harta warisan yang ditinggalkan kecuali perahu tambang yang dijadikan sebagai sumber pendapatan sehinggalah berlaku musim kemarau yang memaksa beliau bermusafir dengan adik-beradiknya yang lain. Di pertengahan jalan, beliau terpisah dengan kakak-kakaknya sebelum menyertai satu rombongan kafilah tetapi malangnya ketika

---

<sup>205</sup> Muhammad Tahir-ul-Qadri, *Spiritualism and Magnetism*, 69.

<sup>206</sup> Farid al-Din ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”; 30; Muhammad Tahir-ul-Qadri, *Spiritualism and Magnetism*, 69.

<sup>207</sup> Farid al-Din ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”; 30; Muhammad Tahir-ul-Qadri, *Spiritualism and Magnetism*, 69.

<sup>208</sup> Al-,Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*”; 1:260; Farid al-Din ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”; 29-31.

sampai di suatu tempat, kafilah tersebut diserang oleh perompak yang menyebabkan beliau ditangkap dan dijual sebagai seorang hamba dengan harga 6 dirham. Rābi,ah al-,Adawiyah kemudiannya dibeli oleh seorang majikan yang bengis<sup>209</sup>.

Suatu hari, ketika Rābi,ah al-,Adawiyah melalui suatu jalan, beliau telah didekati oleh seseorang yang tidak dikenali dan berniat jahat terhadap dirinya. Justeru, beliau melarikan diri sehingga akhirnya beliau terjatuh dan tangannya tercedera. Dalam keadaan wajah memandang ke tanah, Rābi,ah al-,Adawiyah merintih dengan katanya:

“Ya Allah, aku adalah orang asing yang tiada ibu dan ayah, lemah dan kini menjadi tawanan dan hamba. Aku tidak peduli semua itu asalkan Engkau redha kepadaku dan aku ingin tahu sama ada Engkau redha atau tidak?”<sup>210</sup>.

Tiba-tiba beliau mendengar satu suara yang berseru: “*Jangan bersedih, nanti engkau akan mendapat kedudukan yang tinggi*”. Rentetan peristiwa tersebut, beliau terus menerus berpuasa di siang hari di samping melakukan pekerjaannya sebagai seorang hamba dan beribadah kepada Allah S.W.T. sepanjang malam tanpa jemu. Pada satu malam, tuan Rābi,ah al-,Adawiyah terjaga dari tidur dan terlihat Rābi,ah al-,Adawiyah sedang beribadah dan seterusnya berdoa: “*Ya Allah, Engkau Maha Mengetahui hasrat hatiku yang ingin beribadah dan melakukan segala ketaatan kepada-Mu. Sekiranya aku mampu, aku ingin terus menerus beribadah kepada-Mu tetapi Engkau menjadikan aku hamba kepada makhluk-Mu*”. Pada masa yang sama, tuan Rābi,ah al-,Adawiyah melihat satu pelita yang tergantung di udara tanpa sebarang tali dan perkara ini menjadikan tuannya gementar. Keesokan harinya, tuannya memanggil Rābi,ah al-,Adawiyah dan berkata: “Sekarang

---

<sup>209</sup> Al-,Attār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Attār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*’, 1:261; Farid al-Dīn -,Attār, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 31.

<sup>210</sup> *Ibid.*.

kamu boleh memilih sama ada menjadi tuan aku atau merdeka”. Rābi,ah al-,Adawiyah memilih untuk bebas<sup>211</sup> dan beliau seterusnya menjadi ahli sufi yang terkenal.

Menerusi kisah Rābi,ah al-,Adawiyah ini, para pelajar secara tidak langsung telah didedahkan tentang konsep cinta kepada Allah S.W.T. (*maḥabbah Allāh*). Secara dasarnya, Rābi,ah al-,Adawiyah telah berjaya menonjolkan cinta kepada Allah S.W.T. menerusi penghayatan dalam setiap gerak geri beliau<sup>212</sup>. Selain itu, kisah Rābi,ah al-,Adawiyah juga telah mengengahkan konsep zuhud terhadap dunia berasaskan cinta kepada Allah S.W.T.<sup>213</sup>. Kezuhudan beliau ini telah membuatnya hidup dalam kemiskinan dan menolak kemewahan dunia sehingga akhir hidupnya<sup>214</sup>. Lantaran itu, kezuhudan beliau mampu memberi pengajaran kepada para pelajar agar tidak bermegah dengan kehidupan dunia yang tiada maknanya berbanding dengan kehidupan akhirat yang lebih kekal. Secara ironinya, kezuhudan Rābi,ah al-,Adawiyah ini adalah selari dengan hadith Rasulullah s.a.w.:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدِ السَّاعِدِيِّ قَالَ أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلًا فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ذُلِّي عَلَيَّ عَمَلٍ إِذَا أَنَا عَمَلْتُهُ أَحَبَّنِي اللَّهُ وَأَحَبَّنِي النَّاسُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ازْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبَّكَ اللَّهُ وَازْهَدْ فِيمَا فِي أَيْدِي النَّاسِ يُحِبُّوكَ

Maksudnya: Sahl bin Sa,,d al-Sa,,idī meriwayatkan bahawa seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah s.a.w. dan berkata: “Wahai Rasulullah, tunjukkan aku amalan yang ketika aku melakukannya, nescaya Allah mencintaiku dan begitu juga dengan manusia yang lain”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Zuhudlah engkau terhadap dunia, pasti engkau akan dicintai Allah dan zuhudlah engkau dengan apa yang ada pada manusia, pasti mereka akan mencintaimu”<sup>215</sup>.

<sup>211</sup> Al-,Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā* (Miṣr: Al-Haiyah al-Misriyyah al-,Āmmah li al-Kitāb, 2006), 1:261; Farid al-Dīn ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya* (Memorial of the Saint), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 32.

<sup>212</sup> Che Zarrina Sa’ari, “Tokoh Sufi Wanita Rābi,ah al-,Adawiyah: Motivator Ke Arah Hidup Lebih Bermakna”, 36.

<sup>213</sup> *Ibid.*, 40.

<sup>214</sup> *Ibid.*.

<sup>215</sup> Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Zuhd, Bāb al-Zuhd fī al-Dunyā*, hadith no. 4102). Hadith ini dihukum *Ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah*, 682.

### iii) Al-Fuḍayl bin ‘Iyād

Al-Fuḍayl bin Mūsā meriwayatkan bahawa al-Fuḍayl bin ‘Iyād sebelum bertaubat adalah seorang perompak yang menghalang jalan antara Baward dan Merv<sup>216</sup>. Beliau bertaubat kepada Allah S.W.T. setelah mendengar seseorang membaca ayat al-Quran yang bermakud; “*Belumkah datang waktunya bagi orang-orang yang beriman, untuk tunduk hati mereka mengingat Allah*”<sup>217</sup> pada suatu malam iaitu ketika beliau sedang memanjat suatu tembok untuk bertemu dengan teman wanitanya. Al-Fuḍayl bin ‘Iyād serta merta menjawab: “*Wahai Tuhanku, Sesungguhnya sekarang masanya*”<sup>218</sup>. Selain itu, pengarang kitab *Tadhkirah al-Awliyā*” mengisahkan bahawa al-Fuḍayl bin ‘Iyād telah mendirikan sebuah khemah di tengah-tengah padang pasir antara Merv dan Baward pada awal penglibatannya sebagai seorang perompak dengan memakai jubah daripada kain kasar, topi yang diperbuat daripada bulu domba dan menggantung tasbeih di lehernya. Beliau mempunyai ramai rakan sekutu yang terdiri daripada para pencuri dan perompak. Mereka akan memberikan hasil rompakan yang diperolehi kepada al-Fuḍayl bin ‘Iyād yang dianggap sebagai ketua. Beliau akan mengambil barang yang disukainya hasil rompakan tersebut sebelum diagih-agihkan kepada ahli-ahli yang lain<sup>219</sup>.

Pada suatu hari, al-Fuḍayl bin ‘Iyād dan kawan-kawannya sedang menunggu kedatangan suatu kafilah yang besar bagi melakukan rompakan terhadap mereka. Dalam kafilah tersebut, terdapat seorang lelaki yang telah menduga bahawa mereka akan dirompak setelah melalui suatu kawasan sedangkan beliau mempunyai beg yang mempunyai emas. “*Aku*

---

<sup>216</sup> Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim, *Al-Risālah al-Qushayriyyah*, taḥqīq: Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan Maḥmūd bin al-Sharīf (Kaḥerah: Maṭāba’ Muassasah Dār al-Shaḥ, 1989), 47; Al-‘Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-‘Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*”, 1:277; ‘Abd al-Raḥman Badwī, *Tarīkh al-Taṣawwuf al-Islāmī min al-Bidāyah ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thānī* (Kuwait: Wakālah al-Maṭbū‘āt, 1978), 265.

<sup>217</sup> Lihat surah al-Ḥadīd, 57:16.

<sup>218</sup> ‘Abd al-Raḥman Badwī, *Tarīkh al-Taṣawwuf al-Islāmī*, 265.

<sup>219</sup> Al-‘Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-‘Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*”, 1:260; Farid al-Din ‘Aṭṭār, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 49.



*perlu menyembunyikan beg ini*”, kata beliau dalam hati. Oleh itu, beliau berkeinginan mencari tempat yang selamat bagi menyimpan beg tersebut. Akhirnya beliau telah menemui al-Fuḍayl bin „Iyāḍ yang berpakaian seperti seorang yang boleh dipercayai di dalam sebuah khemah. Al-Fuḍayl bin „Iyāḍ kemudiannya menyuruh lelaki tersebut untuk meletakkan beg kepunyaannya itu di suatu ruangan dalam khemah beliau.<sup>220</sup>

Setelah itu, lelaki itu terus kembali kepada rombongan kafilah beliau dan ternyata mereka telah selesai dirompak. Semua ahli kafilah tersebut telah diikat tangan dan kaki. Lelaki itu lalu membebaskan mereka sebelum kembali ke khemah al-Fuḍayl bin „Iyāḍ untuk menuntut kembali beg yang disimpan dalam khemah tersebut. Setibanya di sana, lelaki tersebut amat terkejut melihat para perompak bersama dengan al-Fuḍayl bin „Iyāḍ. *“Ah, aku memberikan beg aku kepada pencuri”*, lelaki tersebut mengeluh. Al-Fuḍayl bin „Iyāḍ memanggil lelaki tersebut setelah melihat kedatangannya dari jauh. *“Apa yang engkau mahu?”*, lelaki tersebut bertanya. *“Ambil barang yang engkau simpan tadi dan pergi”*, perintah al-Fuḍayl bin „Iyāḍ. Lelaki tersebut lalu mengambil beg kepunyaannya dan langsung meninggalkan tempat tersebut. Kawan-kawan al-Fuḍayl bin „Iyāḍ bertanya tentang perbuatannya itu dengan berkata: *“Kita memperolehi secara tunai walau satu dirham tetapi engkau malah memulangkan kembali 10 ribu dirham”*. Lalu al-Fuḍayl bin „Iyāḍ menjawab: *“Lelaki tersebut bersangka baik kepada aku dan aku sentiasa bersangka baik kepada Tuhanku yang Dia akan menerima taubatku. Aku menghargai kepercayaan lelaki tersebut, maka Tuhanku akan menghargai kepercayaanmu pula”*<sup>221</sup>.

---

<sup>220</sup> Al-„Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-„Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*”, 1:278; Farid al-Din „Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 50.

<sup>221</sup> Al-„Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-„Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*”, 1:278; Farid al-Din „Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 51.

Pada dasarnya, kisah al-Fuḍayl bin „Iyāḍ ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri dalam memotivasikan para pelajar yang terlibat dengan dosa besar terutamanya yang melibatkan kes mencuri agar bertaubat kepada Allah S.W.T. dan tidak berputus asa daripada rahmat Allah S.W.T. walau sebesar manapun dosa yang telah dilakukan sebagaimana firman Allah S.W.T.:

يَبْنَئِ أَذْهَبُوا فَتَحَسَّسُوا مِنْ يُوسُفَ وَأَخِيهِ وَلَا تَأْيِسُوا مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِنَّهُ لَا يَأْيِسُ  
 مِنْ رَوْحِ اللَّهِ إِلَّا الْقَوْمُ الْكَافِرُونَ ﴿٨٧﴾

Maksudnya: “Wahai anak-anakku, pergilah kamu, maka carilah berita tentang Yusuf dan saudaranya dan jangan kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya tiada berputus asa dari rahmat Allah, melainkan kaum yang kafir”.

(Surah Yūsuf, 12:87)

Di samping itu, kisah al-Fuḍayl bin „Iyāḍ juga telah mengenengahkan konsep berbaik sangka dengan Allah S.W.T. sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w.:

يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي وَأَنَا مَعَهُ حِينَ يَذْكُرُنِي إِنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ  
 ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي وَإِنْ ذَكَرَنِي فِي مَلَأٍ ذَكَرْتُهُ فِي مَلَأٍ هُمْ خَيْرٌ مِنْهُمْ وَإِنْ تَقَرَّبَ مِنِّي شِبْرًا  
 تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذِرَاعًا وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقَرَّبْتُ مِنْهُ بَاعًا وَإِنْ أَتَانِي بِمَشْيِ أُنْتَيْتُهُ هَرْوَلَةً

Maksudnya: Allah Ta,ālā berfirman: Aku adalah menurut persangkaan hamba-Ku dan Aku bersamanya ketika dia mengingati-Ku. Sekiranya dia mengingati aku dalam dirinya, Aku mengingatinya pula dalam diri-Ku dan sekiranya dia mengingati aku dalam kumpulan, Aku mengingatinya pula dalam kumpulan yang lebih baik daripada mereka. Sekiranya dia mendekati-Ku sejengkal, Aku mendekati kepadanya sehasta dan sekiranya dia menghampiri kepada-Ku sehasta, Aku menghampirinya sedepa. Sekiranya dia datang kepada-Ku dengan berjalan, Aku akan datang kepadanya dengan berlari<sup>222</sup>.

<sup>222</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Tawhīd, Bāb Qawl Allāh Ta,ālā: Wa Yuhadhhirukum Allāh Nafsah*, hadith no. 7405). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Hadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:384; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Dhikr wa al-Du,ā, wa al-Tawbah, Bāb al-Hath ,alā Dhikr Allāh Ta,ālā*, hadith no. 6981). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 8:384; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Da,awāt, Bāb fī Ḥusn al-Zan bi Allāh ,Az wa Jal*, no. hadith 3603). Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin „Isā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 818; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Adab, Bāb Faḍl al- Amal*, hadith no. 3821). Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, (t.t.), *op. cit.*, hal. 630.

Oleh itu, kisah al-Fuḍayl bin „Iyāḍ ini adalah penting dalam menyedarkan para pelajar bahawa rahmat Allah S.W.T. adalah luas dan memberikan harapan kepada mereka yang berputus asa untuk menjadi seorang mukmin yang baik lantaran dosa-dosa besar yang pernah dilakukan sebelum ini.

#### iv) Bishr al-Ḥāfi

Nama lengkapnya ialah Abū Naṣr Bishr bin al-Ḥārith bin „Abd al-Rahman bin „Ata“ bin Hilal al-Maruzi al-Zahid dan lebih dikenali Bishr al-Ḥāfi<sup>223</sup>. Beliau dilahirkan di kawasan berhampiran Merv pada tahun 150 Hijrah (767) dan menetap di Baghdad<sup>224</sup>. Beliau meninggal dunia pada tahun 227 Hijrah (841)<sup>225</sup>. Aḥmad bin Ḥanbal sering melawat beliau selain dihormati oleh Khalifah Ma“mun bin Harūn<sup>226</sup>. Beliau adalah antara perawi hadith yang dipercayai (*thiqqah*). Namanya sebagai perawi hadith terdapat dalam kitab *al-Masāil* oleh Abū Dawūd dan *Musnad „Aī* oleh al-Nasāi<sup>227</sup>.

Pada peringkat awalnya, beliau adalah seorang peminum arak. Pada suatu hari, beliau berjalan dalam keadaan mabuk dan di pertengahan jalan, beliau menemui sekeping kertas yang bertulis “*Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm*”. Beliau mengambil kertas tersebut lalu menyembur minyak wangi ke atasnya sebelum diletakkan di tempat yang sesuai bagi mengagungkan kalimah tersebut<sup>228</sup>. Pada malam harinya pula, seorang lelaki soleh telah

---

<sup>223</sup> Al-,Asqalānī, Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb* (Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭabā,ah wa al-Nashr wa al-Tawzī, 1984), 1:389.

<sup>224</sup> Farid al-Din „Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 91.

<sup>225</sup> Al-,Asqalānī, Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb* (Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭabā,ah wa al-Nashr wa al-Tawzī, 1984), 1:389.

<sup>226</sup> Farid al-Din „Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 91.

<sup>227</sup> Al-,Asqalānī, Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 1:389.

<sup>228</sup> Al-,Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*”, 1:315; Farid al-Din „Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 91.

mendengar suara dalam mimpi yang menyuruh beliau agar menemui Bishr dan mengatakan:

*“Engkau telah mengharumkan Nama Kami, maka Kami akan mengharumkan namamu; Dan engkau telah mengagungkan Nama Kami, maka Kami akan mengagungkan namamu; Dan engkau telah mensucikan Nama Kami, maka Kami akan mensucikan namamu; Demi kebesaran-Ku, Aku akan mengharumkan namamu di dunia dan di Akhirat”*<sup>229</sup>.

Lelaki tersebut terjaga dari tidurnya lalu berkata: *“Bishr adalah seorang yang fasik, mungkin aku tersalah mimpi”*. Beliau lalu bersuci untuk melakukan solat sunat lalu menyambung kembali tidurnya. Mimpi yang sama berulang sebanyak tiga kali<sup>230</sup>.

Keesokan harinya, beliau keluar untuk mencari Bishr bagi menyampaikan pesan dalam mimpi tersebut. *“Bishr berada di pesta arak”*, kata seseorang yang mengenali Bishr kepada lelaki soleh tersebut. Beliau langsung menuju ke tempat di mana Bishr berada. *“Adakah Bishr berada di sini”*, beliau bertanya setelah sampai ke destinasi yang dituju. Kawan-kawan Bishr menjawab: *“Ya tetapi dia sekarang sedang mabuk dan tidak sedarkan diri”*. *“Katakan padanya aku mempunyai pesan yang ingin disampaikan kepadanya”*, pinta lelaki soleh tersebut kepada kawan-kawan Bishr. *“Pesan daripada siapa?”*, Bishr bertanya setelah diberitahu tentang perkara tersebut. *“Pesan daripada Allah”*, sambung lelaki soleh tersebut. Bishr lalu menangis sambil berkata: *“Ah, adakah pesan untuk mencela atau menghukum diriku? Tunggu sebentar sehingga aku mengatakan sesuatu kepada kawan-kawanku”*. Bishr kemudiannya berkata kepada kawan-kawannya: *“Wahai*

---

<sup>229</sup> Petikan ini juga terdapat dalam kitab *al-Risālah al-Qushairiyyah* dengan ayat yang sedikit berbeza dan lebih ringkas tetapi mempunyai maksud yang sama iaitu: *“Ya Bishr, engkau harumkan Nama-Ku, Aku akan harumkan namamu di dunia dan di Akhirat”*. Lihat Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim, *al-Risālah al-Qushayriyyah*, 54.

<sup>230</sup> Al-Attār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-Attār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā’*, 1:315; Farid al-Din Ḥattār, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya’*, 91-92.

*kawan-kawanku, aku telah dipanggil, maka aku harus pergi, selamat tinggal dan kalian tidak akan melihat lagi aku di sini buat selamanya*<sup>231</sup>.

Sebagaimana kisah al-Fuḍayl bin ʿIyād, kisah Bishr ini juga secara tidak langsung mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam memotivasikan para pelajar yang terjebak dengan dosa besar agar bertaubat kepada Allah S.W.T. terutamanya yang melibatkan dosa meminum minuman yang memabukkan atau pengambilan dadah yang terlarang. Di samping itu, kisah Bishr ini juga menekankan bahawa Allah Maha Berkehendak untuk memilih sesiapa sahaja daripada kalangan hamba-Nya untuk menjadi kekasih-Nya.

#### **v) Ibrāhīm al-Adham**

Nama lengkap beliau ialah Abū Ishāq Ibrāhīm bin Adham bin Manṣūr<sup>232</sup> bin Yazīd bin Jābir al-ʿJlī<sup>233</sup>. Sebelum menjadi ahli sufi, Ibrāhīm adalah seorang raja di Balkh yang mempunyai wilayah kekuasaan yang luas. Beliau akan diiringi dengan pengikut-pengikut yang memakai 40 bilah pedang emas dan 40 batang tongkat emas yang berada di depan dan belakang beliau<sup>234</sup>.

Kisah taubatnya bermula dengan suatu peristiwa yang berlaku pada suatu malam, beliau telah dikejutkan daripada tidur setelah mendengar sesuatu pergerakan di bumbung istananya seolah-olah ada manusia yang berjalan atas bumbung tersebut. Beliau lalu berseru: “*Siapa di sana?*”. “*Seorang sahabat, aku kehilangan seekor unta dan sedang*

---

<sup>231</sup> Al-ʿAṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-ʿAṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyāʾ*, 1:316.

<sup>232</sup> Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim, *al-Risālah al-Qushayriyyah*, 43.

<sup>233</sup> Al-Mizzī, Abī Hajjāj Yūsuf, *Tadhhib al-Kamāl fī Asmāʾ al-Rijāl, taḥqīq*: Bashār ʿAwwād Maʿrūf (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1983), 2:27.

<sup>234</sup> Al-ʿAṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-ʿAṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyāʾ* (Miṣr: Al-Haiyah al-Misriyyah al-ʿĀmmah li al-Kitāb, 2006), 1:291; Farid al-Dīn ʿAttār, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliyaʾ* (Memorial of the Saint), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 65.

*mencarinya di sini*”, balas seorang lelaki. Ibrāhīm lalu menjerit: “*Bodoh! Adakah engkau ingin mencari unta di atas bumbung?*”. Lelaki tersebut lalu membalas: “*Wahai orang yang lalai! Adakah engkau ingin mencari Allah sedangkan engkau memakai pakaian sutera dan tidur di atas katil emas?*”. Kata-kata lelaki tersebut telah menggetarkan dan meresahkan hati Ibrāhīm sehingga beliau tidak dapat meneruskan tidurnya<sup>235</sup>.

Keesokan harinya seperti kebiasaan seorang raja, beliau akan duduk di singgahsana bersama dengan para pembesar yang duduk di tempat masing-masing. Tiba-tiba seorang yang tidak dikenali telah masuk ke istana langsung berdiri dihadapan Ibrahim dan tiada seorang pun daripada pengikut beliau yang cuba menghalang lelaki tersebut. Ibrahim lalu bertanya: “*Apa yang engkau inginkan?*”. “*Aku ingin beristirahat di rumah tumpangan ini*”, jawab lelaki tersebut. “*Ini bukan rumah tumpangan tetapi adalah istanaku*”, marah Ibrāhīm. “*Sebelum engkau, siapa yang tinggal di sini?*”, tanya lelaki tersebut. “*Ayahku*”, jawab Ibrāhīm. “*Sebelum ayahmu?*”, tanyanya lagi. “*Datukku dan moyangku*”, jawab Ibrāhīm. Lelaki tersebut kembali bertanya: “*Di mana mereka sekarang?*”. “*Mereka semua telah meninggal dunia*”, balas Ibrāhīm. “*Jadi, bukankah ini tempat persinggahan di mana perginya seorang dan datangnya yang lain?*”, tanya lelaki tersebut penuh hikmah sebelum pergi meninggalkan istana beliau<sup>236</sup>.

Dalam keadaan kegelisahan yang bersangatan dengan perkara-perkara yang berlaku, Ibrāhīm kemudiannya memerintahkan kepada pengikutnya agar disiapkan segala kelengkapan untuk beliau keluar memburu. Ketika berburu, beliau telah terpisah dengan

---

<sup>235</sup> Al-,Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*” (Miṣr: Al-Haiāh al-Misriyyah al-,Āmmah li al-Kitāb, 2006), 1:292; Farid al-Din ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*” (*Memorial of the Saint*), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 65-66.

<sup>236</sup> Al-,Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*”, 1:292; Farid al-Din ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 66-67.

rombongan yang menemaninya. Tiba-tibanya, beliau terdengar suatu seruan: “*Sedarlah!*”. Beliau tidak mengendahkan seruan tersebut. Seruan yang sama kembali kedengaran sehingga tiga kali tetapi Ibrāhīm tetap tidak mengendahkannya. “*Sedarlah sebelum engkau disedarkan!*”, beliau mendengar seruan keempat yang memberi amaran. Pada masa yang sama, seekor rusa telah muncul dan Ibrāhīm bersedia untuk memanah rusa tersebut. Rusa tersebut dengan izin Allah S.W.T. Lalu berkata: “*Aku diutuskan untuk memburumu, engkau tidak dapat menangkapku. Untuk inilah engkau diciptakan dan untuk inilah engkau diperintahkan?*”<sup>237</sup> Tanpa disedari, air mata Ibrāhīm lalu jatuh bercucuran dan ketika itulah juga beliau bertaubat kepada Allah S.W.T. dengan sebenar-benar taubat<sup>238</sup>.

Seterusnya beliau berjalan dan bertemu dengan seorang pengembala kambing. Beliau meminta kepada pengembala kambing itu untuk saling bertukar pakaian sesama mereka. Setelah mengenakan pakaian pengembala yang diperbuat daripada sejenis kain kasar, beliau kemudiannya beribadah selama sembilan tahun di dalam sebuah gua. Setiap hari Jumaat beliau akan pergi ke pasar untuk menjual kayu api yang dicarinya sendiri. Beliau memberikan sebahagian daripada hasil jualan yang diperolehinya kepada orang miskin yang berada di sekitar kawasan tersebut dan selebihnya digunakan untuk membeli makanan untuk beliau berbuka puasa<sup>239</sup>. Lama kelamaan, khabar tentang dirinya diketahui oleh masyarakat sekeliling. Bagi mengelakkan kemasyhuran, beliau kemudiannya berhijrah ke Mekah dan ketika di sana, beliau bersahabat dengan Fuḍayl bin Iyād dan Sufyān al-

---

<sup>237</sup> Al-Aṣbahānī, Aḥmad bin ‘Abd Allāh, *Ḥaliyyah al-Awliya* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1984), 7:368; Ibn al-Mulkan, *Ṭabaqāt al-Awliyā*; *taḥqīq*: Nūr al-Dīn Sharībah (t.tp.: t.p., 1973), 1:1.

<sup>238</sup> Al-‘Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-‘Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*; 1:292-293; Farid al-Din ‘Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*; 67-68; Al-Mizzī, Abī Hajjāj Yūsuf, *Tadhhib al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, 2:30.

<sup>239</sup> Al-‘Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-‘Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*; 1:292-293; Farid al-Din ‘Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*; 67-68; Al-Mizzī, Abī Hajjāj Yūsuf, *Tadhhib al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, 2:30.

Thawri<sup>240</sup>. Di samping itu, beliau turut juga meriwayatkan beberapa hadith. Al-Nasāī, al-Dāruqutnī, Ibn Ma,īn, Ibn Namīr dan al-,Jlī, menyatakan bahawa beliau adalah seorang perawi hadith yang *thiqqah*. Namanya sebagai perawi hadith terdapat dalam kitab *al-Adab al-Mufrad* yang dikarang oleh al-Bukhārī dan satu hadith dalam *Sunan al-Tirmidhi*<sup>241</sup>. Beliau meninggal dunia pada tahun 162 Hijrah di Sham<sup>242</sup>. Sebagaimana kisah ahli sufi yang lain, kisah Ibrāhīm al-Adham juga telah mengenengahkan konsep taubat seperti kisah al-Fuḍayl bin ,Jyād dan Bishr serta zuhud dalam kehidupan semata-mata mengharapkan cinta Allah S.W.T. seperti kisah Rabi,ah al-Adawiyah.

#### vi) Ḥabīb al-‘Ajamī

Ḥabīb bin Muḥammad al-,Ajamī al-Baṣrī adalah berbangsa Parsi yang menetap di Basrah. Beliau merupakan seorang ahli hadith terkenal yang meriwayatkan hadith-hadith dari Ḥaṣan al-Baṣri, Ibn Sirin dan ahli hadith yang lainnya<sup>243</sup>. Sebelum bertaubat, Ḥabīb adalah seorang hartawan yang gemar meminjamkan wangnya secara riba. Oleh itu, beliau akan menagih hutangnya daripada para peminjam pada setiap hari dan sekiranya peminjam gagal melunaskan hutangnya, beliau akan meminta ganti rugi daripada kasutnya yang semakin rosak ketika dalam perjalanan untuk datang ke tempat para peminjam tersebut. Pada suatu hari, beliau ingin menagih hutang daripada seseorang lelaki tetapi hanya isteri lelaki tersebut yang berada di rumah ketika itu. Ḥabīb meminta agar membayar ganti rugi terhadap kedatangannya yang sia-sia kepada isteri lelaki tersebut sebelum ditawarkan leher kambing biri-biri sebagai bayaranganti rugi. Beliau bersetuju dengan syarat wanita tersebut

<sup>240</sup> Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim, *Al-Risālah al-Qushayriyyah*, 43; Al-Mizzī, Abī Hajjāj Yūsuf, *Tadhhib al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, 2: 30.

<sup>241</sup> Al-,Asqalānī, Aḥmad bin ,Alī bin Ḥajar, *Tadhhib al-Tadhhib*, 1:89.

<sup>242</sup> Al-Mizzī, Abī Hajjāj Yūsuf, *Tadhhib al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, 2:37; Al-,Asqalānī, Al-,Asqalānī, Aḥmad bin ,Alī bin Ḥajar, *Tadhhib al-Tadhhib*, 1:89; Al-,Asqalānī, Aḥmad bin ,Alī, *Taqrib al-Tadhhib, taḥqīq*: Abū al-Ashbāl Ṣaghīr Aḥmad Shāghif al-Bākistānī (t.tp.: Dār al-,Āṣimah, t.t.), 104.

<sup>243</sup> Farid al-Din ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya’*, 19.



memasak leher kambing biri-biri tersebut. Wanita tersebut menyatakan bahawa beliau tiada roti dan minyak untuk memasaknya. Ḥabīb lantas menyatakan kesanggupannya untuk menyediakan bahan-bahan yang dinyatakan tadi tetapi bayaran akan dikenakan<sup>244</sup>.

Ketika Ḥabīb sedang menunggu hidangan disiapkan oleh wanita tersebut, seorang pengemis datang kepada beliau untuk meminta sedekah. Beliau memarahi pengemis tersebut dengan katanya: *“Sekiranya kami memberikan sedekah kepadamu, engkau bukannya boleh menjadi kaya dan kami akan menjadi miskin”*. Akibat ucapan Ḥabīb tersebut, masakan yang dimasak tadi berubah menjadi darah hitam. Wanita tersebut lantas menemui Ḥabīb dan membawa beliau ke dapur untuk melihat masakannya tadi seraya berkata sambil menangis: *“Lihatlah akibat daripada riba yang kamu kenakan dan herdikan terhadap pengemis tadi!”*. Wanita tersebut menyambung katanya: *“Sekiranya ini adalah hukumanmu di dunia, bagaimana kelak hukumanmu di Akhirat?”*. Peristiwa tersebut meninggalkan kesan yang mendalam terhadap diri Ḥabīb sekaligus menyedarkan beliau daripada kesalahan yang dilakukan. Ḥabīb lantas berkata kepada wanita tersebut: *“Wahai wanita! Aku insaf dengan perbuatanku ini!”*<sup>245</sup>.

Keesokan harinya bertepatan dengan hari Jumaat, beliau melalui suatu jalan dan terdapat sekumpulan kanak-kanak sedang bermain-main di situ. Melihat sahaja kelibat kedatangan Ḥabīb, mereka lantas menjerit: *“Ḥabīb si pemakan riba menuju ke sini. Cepat lari sebelum tubuh kita terkena debu-debu dosanya dan kita akan celaka sepertinya”*. Kata-kata tersebut

---

<sup>244</sup> Al-,Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*” (Miṣr: Al-Haiāh al-Misriyyah al-,Āmmah li al-Kitāb, 2006), 1:245; Farid al-Dīn ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*” (*Memorial of the Saint*), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 19-20.

<sup>245</sup> Al-,Aṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-,Aṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyā*” (Miṣr: Al-Haiāh al-Misriyyah al-,Āmmah li al-Kitāb, 2006), 1:246; Farid al-Dīn ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*” (*Memorial of the Saint*), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 20.

begitu meresahkan hati Ḥabīb dan beliau kemudiannya meneruskan perjalanan menuju ke majlis ilmu yang diberikan oleh al-Ḥasan al-Baṣrī. Ketika berada dalam majlis ini, beliau pengsan akibat terdengar sesuatu ungkapan yang diucap oleh al-Ḥasan al-Baṣrī yang begitu menusuk hati. Setelah sedar, beliau ditenangkan oleh al-Ḥasan al-Baṣrī. Beliau kemudiannya berangkat pulang ke rumah dan ketika melalui jalan yang sama, kanak-kanak tadi masih lagi bermain di situ. Sebagaimana yang berlaku sebelum ini, mereka menjerit: “Ḥabīb yang telah bertaubat telah datang. Cepat lari sebelum debu-debu dosa kita melekat ke tubuhnya sedangkan kita adalah pendosa”. “Tuhanku! Aku baru membuat perdamaian dengan-Mu, tetapi Engkau telah mengharumkan namaku”, seru Ḥabīb<sup>246</sup>. Seterusnya, Ḥabīb telah menginfakkan semua hartanya sehingga tidak tinggal walaupun sedikit kepada yang memerlukan sebelum menyepikan diri di sebuah tempat di pinggir sungai Euphrat (*al-Firāt*) untuk beribadah kepada Allah S.W.T. di samping berguru dengan al-Ḥasan al-Baṣrī<sup>247</sup>.

Kisah Ḥabīb ini mempunyai keunikan yang tersendiri kerana selain daripada taubat, terdapat juga kisah tentang keyakinan beliau terhadap Allah S.W.T.. Sebagaimana yang dikisahkan oleh al-Ḥasan al-Baṣrī<sup>248</sup>, Ḥasan al-Baṣrī telah mengunjungi Ḥabīb pada suatu hari dan bagi menghormati gurunya itu, beliau telah menghidangkan dua potong roti kepada Ḥasan al-Baṣrī. Tiba-tiba seorang pengemis telah datang ke rumah Ḥabīb untuk meminta makanan dan tanpa berfikir panjang, beliau telah memberikan kesemua dua potong roti yang dihidangkan kepada Ḥasan al-Baṣrī sehingga beliau dinasihati oleh gurunya: “*Wahai*

---

<sup>246</sup> Al-Ḥasan al-Baṣrī, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-Ḥasan al-Baṣrī, *Tadhkirah al-Awliyā* (Miṣr: Al-Haiyah al-Misriyyah al-ʿĀmmah li al-Kitāb, 2006), 1:246; Farid al-Din ʿAttār, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya* (Memorial of the Saint), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 21.

<sup>247</sup> Al-Ḥasan al-Baṣrī, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-Ḥasan al-Baṣrī, *Tadhkirah al-Awliyā*; 1:246; Farid al-Din ʿAttār, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya* (Memorial of the Saint), 20.

<sup>248</sup> *Ibid.*, 26.

*Ḥabīb, engkau seorang lelaki yang pemurah tetapi alangkah baiknya jika engkau membahagikan separuh roti untuk tetamumu dan separuh lagi untuk pengemis tersebut”.*

Tidak lama selepas itu, seseorang telah datang untuk memberikan sehidangan daging, roti dan duit 500 dirham kepada Ḥabīb. Habib kemudiannya berkomentar: “*Guru, engkau seorang yang baik tetapi engkau kurang yakin. Ilmu pengetahuan mestilah selari dengan keyakinan”.* Oleh itu, kisah keyakinan Habib ini adalah wajar diketengahkan kepada para pelajar agar mereka sentiasa optimis dengan janji Allah S.W.T..

### **vii) Abū Yazīd al-Buṣṭāmī**

Nama lengkapnya ialah Abū Yazīd Ṭayfūr bin ʿĪsā bin Surūshān al-Buṣṭāmī. Beliau mempunyai dua orang saudara kandung iaitu Adam dan ʿAlī yang juga zuhud dan kuat beribadah<sup>249</sup>. Beliau meninggal dunia pada tahun 261 atau 234 menurut pendapat yang lain di *Buṣṭām*<sup>250</sup>. Sejak berada di dalam kandungan lagi, Abū Yazīd telah menunjukkan sifat *warāʾ* yang tinggi sebagaimana yang dikisahkan oleh ibunya kepada beliau. Menurut ibunya, Abū Yazīd akan menendang-nendang perut ibunya ketika ibunya ingin memakan sesuatu makanan yang diragui kehalalannya dan hanya berhenti setelah ibunya meninggalkan makanan tersebut<sup>251</sup>.

Semenjak kecil, beliau dihantar ke sekolah untuk mempelajari al-Quran. Pada suatu hari ketika beliau mempelajari ayat al-Quran yang menyeru agar berbuat taat kepada Allah

---

<sup>249</sup> Al-ʿAṭṭār, Muḥammad Bin Ibrāhīm al-ʿAṭṭār al-Naysābūrī, *Tadhkirah al-Awliyāʾ*, 1:641; Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim, *Al-Risālah al-Qushayriyyah*, 63; Ibn al-Jawzī, ʿAbd al-Raḥmān bin ʿAlī, *Ṣifāh al-Ṣafwah, taḥqīq*: Muḥammad Rawwās Qalāh Jī (Beirut: Dār Maʿrifah, 1979), 4:107; Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad, *Sīr ʿAlām al-Nubalāʾ* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993), 13:86; Al-Azdī, Muḥammad bin al-Husayn, *Ṭabaqāt al-Ṣūfiyyah, taḥqīq*: Muṣṭafā ʿAbd al-Qādir ʿAṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1998), 67.

<sup>250</sup> Farid al-Din ʿAttar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliyaʾ*, 119; Al-Qushayrī, Abū al-Qāsim, *Al-Risālah al-Qushayriyyah*, 63; Al-ʿAsqalānī, Aḥmad bin ʿAlī bin Ḥajar, *Lisān al-Mīzān* (Beirut: Muassasah al-ʿAlami li al-Maṭbūʿāt, 1986), 3:214.

<sup>251</sup> Farid al-Din ʿAttar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliyaʾ*, 119.

S.W.T. dan juga kepada kedua ibu bapa, beliau berasa hatinya begitu gelisah. Lantaran itu, beliau meminta izin kepada guru yang sedang mengajar ketika itu untuk pulang ke rumah bagi mengatakan sesuatu terhadap ibunya dan gurunya memberikan kebenaran. “*Kenapa Taifūr?*”, tanya ibunya ketika melihat kelibat anaknya pulang ke rumah. Abū Yazīd lalu menjawab:

“Aku telah sampai pada ayat al-Quran yang menuntutku agar berbakti kepada Allah dan juga ibu tetapi aku tidak mampu melakukan kedua-duanya dalam satu masa. Perkara ini begitu mengganggu hatiku. Ibu pilih sama ada aku berkhidmat kepada ibu atau ibu serahkan aku kepada Allah agar aku dapat beribadah kepada-Nya dengan bersungguh-sungguh”<sup>252</sup>.

Ibunya kemudian menyatakan bahawa dia memilih untuk menyerahkan Abū Yazīd kepada Allah S.W.T.. Di kemudian hari, Abū Yazīd berkata:

“Rupa-rupanya kewajipan yang aku anggap remeh pada asalnya adalah kewajipan yang paling utama iaitu berbakti kepada ibuku kerana dengan berkhidmat dengan ibuku, aku dapat semua yang aku inginkan dan perkara itu hanya boleh diperolehi dengan melakukan disiplin yang ketat serta beribadah kepada Allah”. Kemudian bagi menerangkan dengan lebih lanjut tentang perkara ini, beliau menyambung: “Pada suatu malam yang sejuk, ibuku meminta dibawakan air kepadanya untuk diminum tetapi air tiada dalam kendi yang selalu digunakan. Aku pergi ke dapur untuk mengambil air di dalam bekas tempayan dan bekas tersebut juga kosong. Oleh itu, aku pergi ke sungai dan mengambil air di sana. Ketika pulang ke rumah, ibuku telah nyenyak tidur. Bagi tidak mengganggu ibuku, aku berdiri di sebelahnya dengan memegang kendi air sehingga beliau terjaga. Setelah meminum air yang dibawa, ibuku mendoakanku dan tanpaku sedari, tanganku menjadi kebas lantaran memegang kendi tersebut. Ibuku bertanya mengapa aku tetap memegang kendi tersebut sewaktu beliau tertidur. Aku berkata padanya bahawa aku takut ibu terjaga dan aku tiada di sini. Ibuku kemudiannya menyuruhku agar membiarkan pintu rumah separuh terbuka. Sepanjang malam itu juga aku menjaga pintu tersebut agar tetap separuh terbuka sehingga fajar menjelma. Oleh itu, aku dapat menunaikan perintah ibuku perkara ini berlaku berulang-ulang kali”<sup>253</sup>.

---

<sup>252</sup> Muhammad Tahir-ul-Qadri, *Spiritualism and Magnetism* (Lohare: Minhaj-ul-Qur‘an Publications, 2001), 73-74; Farid al-Din ‚Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 119.

<sup>253</sup> Farid al-Din ‚Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*”, 121-122; Muhammad Tahir-ul-Qadri, *Spiritualism and Magnetism*, 74-75.

Setelah ibu Abū Yazīd menyerahkannya kepada Allah S.W.T., beliau meninggalkan Busṭām dan menuntut ilmu dari satu negeri ke satu negeri yang lain selama 30 tahun di samping melakukan disiplin yang kuat dengan berlajar dan berjaga malam. Justeru, beliau sempat berguru dengan 113 orang guru kerohanian dan mendapat manfaat dari setiap pelajaran yang diberikan<sup>254</sup>. Dikisahkan bahawa pernah suatu ketika seseorang bertanya kepada Abū Yazīd: “*Aku dikhabarkan bahawa engkau boleh terbang di udara*”. Lantas beliau menjawab: “*Adakah itu suatu perkara yang menghairankan? Sedangkan burung yang memakan bangkai pun mampu terbang di udara dan seorang mukmin lebih mulia daripada burung*”<sup>255</sup>.

Berdasarkan kisah Abū Yazīd ini, para pelajar secara tidak langsung telah didedahkan tentang kepentingan taat kepada suruhan ibu bapa dan manfaat yang akan diperolehi daripada ketaatan tersebut iaitu mengundang rahmat Allah S.W.T. sebagaimana anugerah spiritual yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. kepada Abū Yazīd lantaran perbuatan beliau yang sentiasa memenuhi permintaan ibunya tanpa rasa jemu sehingga dirinya menjadi ahli sufi yang terkenal di kemudian hari. Oleh itu, para pelajar akan dimotivasikan menerusi kisah ini untuk menjadi seorang anak yang sentiasa mencari redha Allah S.W.T. melalui redha ibunya. Pada masa yang sama, para pelajar juga akan mendapat pendedahan bahawa Abu Yazid adalah salah seorang guru mursyid dalam salasilah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah<sup>256</sup>.

---

<sup>254</sup> Farid al-Din Ḥattar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya*, 122.

<sup>255</sup> Al-Dhahabī, Muḥammad bin Aḥmad, *Sīr al-ʿAlām al-Nubalā* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993), 13:86; Al-Aṣḥabānī, Aḥmad bin ʿAbd Allāh, *Ḥaliyyah al-Awliya* (Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿArabī, 1984), 10:35.

<sup>256</sup> Al-Kurdi, Muḥammad Amin, *Tanwīr al-Qulūb fī Muʾāmalah al-ʿAllām al-Ghuyūb* (Ḥalb: Dār al-Qalam al-ʿArabī, 1991), 560; Yahya bin Laksamana, *Risalah Tarekat Naksyabandiah Jalan Maʿrifat* (t.t.p.: t.p., 1982), 10; Jahid Sidek, *Membentuk Jiwa Sufi Ajaran Tariqah Naqshabandiyyah Syekh Muhammad Amin al-Kurdi*, Cheras: al-Falah Publications, 2009), 309; Jahid bin Sidek, *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah* (Cheras: Al-Falah Publications, 2010), 445.

Secara kesimpulannya, pendedahan kisah ketujuh-tujuh tokoh ahli sufi ini mampu memberikan sumber inspirasi kepada para pelajar dalam mempraktikkan sesuatu sifat terpuji dalam *maqāmāt* dan *aḥwāl* dalam kehidupan seharian. Antaranya kisah Ḥasan al-Baṣrī yang mampu merealisasikan sifat *dhikr al-mawt* (mengingati mati), kisah Rabi,ah al-Adawiyyah yang mampu merealisasikan sifat sabar, redha, tawakkal dan *maḥabbah Allah* (cinta kepada Allah S.W.T.) serta kisah Fuḍayl bin ,Iyād yang berjaya merealisasikan sifat *rajā*“ *ilā Allāh* (optimis kepada Allah S.W.T.), Ibrāhīm al-Adham yang berjaya merealisasikan sifat *zuhd* dan *qanā,,ah* Bishr al-Ḥāfī dan Ḥabīb al-,Ajami yang berjaya merealisasikan sifat taubat serta kisah Abū Yazīd al-Buṣṭāmī yang berjaya merealisasikan sifat *wara,,* dan *mujāhadah* (bersungguh-sungguh) dalam mencapai keredhaan Allah S.W.T..

### 1.2.2 Pimpinan Guru Mursyid dalam Tarekat

Secara literalnya, guru mursyid adalah merujuk kepada individu yang boleh memberi petunjuk, memberi pengajaran, mendidik dan mengasuh tentang perkara-perkara yang benar<sup>257</sup>. Manakala dari sudut pengistilahannya dalam tarekat, guru mursyid adalah merujuk kepada individu yang mampu memimpin anak muridnya menuju kepada jalan mengenal Allah (*ma,,rifāh Allah*)<sup>258</sup>. Dalam konteks pengamalan sesuatu tarekat, guru mursyid adalah individu yang dianggap sebagai seorang doktor rohani yang berperanan untuk mendidik anak murid asuhannya sehingga mereka menjadi insan kamil<sup>259</sup>. Justeru, pendedahan tentang guru mursyid ini kepada kumpulan sasaran adalah penting kerana mereka perlu sedar tentang kepentingan mencari seseorang individu yang mampu

<sup>257</sup> Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Makram, *Lisān al-,Arab*, (Beirut: Dār Ṣādir, t.t.), 3:175; Jahid Sidek, *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah*, (Cheras: al-Falah Publications Sdn. Bhd., 2010), 114.

<sup>258</sup> Yahya bin Laksamana, *Risalah Tarekat Naksyabandiah Jalan Ma'rifat* (t.tp.: t.p., 1982), 38.

<sup>259</sup> Ibn Khaldūn, ,Abd al-Raḥmān bin Muḥammad, *Shifā*“ *al-Sāil li Tahdhīb al-Masāil*, (Beirut: Kathulikkiyyah, 1959), 101; Jahid Sidek, *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah*, 110.

mengasuh mereka dalam membersihkan diri daripada sifat-sifat terkeji dan menyuburkan sifat-sifat *maḥmūdah* serta membantu mereka dalam mengharungi perjalanan rohani yang merangkumi *maqāmāt* dan *aḥwāl* sehingga mereka mencapai *ma,rifah Allāh* dan menjadi hamba Allah yang sebenar-benarnya<sup>260</sup>.

Sungguhpun begitu, fenomena ini jelas menyatakan bahawa amalan bertarekat melalui konsep *bay,,ah* dengan seseorang guru mursyid dianggap sebagai sesuatu perbuatan yang negatif dalam kalangan masyarakat sebagaimana yang diakui oleh Habib Abdussalam Alwi yang merupakan salah seorang pemimpin bagi majlis zikir Tarekat al-Qadiriyyah wa al-Naqshabandiyyah<sup>261</sup>. Pada masa yang sama, konsep *rābiṭah*<sup>262</sup> menerusi guru mursyid yang mempunyai kepentingannya dalam membantu para salik untuk mencapai *ma,rifah Allāh* turut disalah tafsirkan sehingga difatwakan sesat<sup>263</sup>. Oleh itu, kumpulan sasaran juga perlu diberikan penjelasan yang sewajarnya tentang isu semasa tentang tarekat di Malaysia agar usaha mereka untuk memilih pimpinan guru mursyid tidak tergendala<sup>264</sup>.

---

<sup>260</sup> *Ibid.*, 130.

<sup>261</sup> Menurut beliau, terdapat pandangan negatif daripada sebahagian orang Islam tentang tarekat dan paling kritikal ialah menganggap tarekat sebagai suatu ajaran sesat yang perlu dihindari. Lihat Habib Abdussalam Alwi, *Tarekat Adalah Suatu Perintah Allah SWT*, (Surabaya: Cahaya Ilmu Publisher, 2010), 3).


<sup>262</sup> Secara dasarnya, *rābiṭah* guru mursyid dalam sesuatu tarekat ini adalah mempunyai tujuan dan faedah yang tertentu iaitu antaranya ialah berperanan dalam menolak was-was syaitan dan menumpukan cita-cita seseorang salik hanya kepada Allah S.W.T. semata. Lihat Yahya bin Laksamana, *Risalah Tarekat Naksyabandiah Jalan Ma'rifat*, 50-51.

<sup>263</sup> Jabatan Mufti Negeri Selangor pada 2014 telah mengeluarkan kenyataan menerusi buku yang bertajuk: “Garis Panduan dalam Amalan Tariqat” yang menyatakan bahawa antara ciri-ciri amalan yang tidak diperakui oleh syarak dalam amalan tarekat ialah rabitah melalui guru mursyid. Lihat Jabatan Mufti Negeri Selangor, *Garis Panduan dalam Amalan Tariqah*, (Shah Alam: Jabatan Mufti Negeri Selangor, t.t.), 5. Kenyataan ini adalah berlawanan dengan kajian yang dibuat oleh Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar, “Dhikr Ism al-Dhat dalam Tasawuf dan Pengamalannya dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), 242-250; Syed Hadzrullathfi Syed Omar, *Zikir Allah, Allah, Allah... Jalan Menuju Hakikat Dan Makrifat* (Cheras: Al-Falah Publications, 2012), 264-272 dan Ghufron Ahmadi, “Sumber Ajaran Tarekat Naqshabandiyyah Kadirun Yahya: Studi Kasus di Surau Saiful Amin Yogyakarta” (disertasi sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2009), 149.

<sup>264</sup> Bagi meneliti dengan lebih lanjut tentang peranan seseorang guru mursyid dalam membimbing sesuatu tarekat, pengkaji telah menjalankan pemerhatian turut serta secara tidak rasmi di surau Tawajjuh pimpinan Haji Johar bin Ahmad yang merupakan guru mursyid bagi Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah di Klang sejak Oktober 2013 sehingga Disember 2015. Pemerhatian turut serta ini pada pandangan pengkaji adalah

Di samping itu, para kumpulan sasaran juga perlu didedahkan tentang kedudukan guru mursyid yang benar-benar dilantik menerusi rantaian sanad yang bersambung sehingga kepada Rasulullah s.a.w. agar mereka lebih berhati-hati daripada terpengaruh dengan guru mursyid yang palsu dan ajaran sesat yang lain<sup>265</sup>. Secara ringkasnya bagi tujuan kajian ini dalam pendedahan tentang proses pemilihan guru mursyid dan tarekat yang muktabar, pengkaji hanya menyarankan kepada kumpulan sasaran untuk meminta petunjuk kepada Allah S.W.T. agar ditemukan dengan guru mursyid yang boleh memimpin mereka untuk mencari keredhaan Allah S.W.T. tanpa memberi sebarang cadangan. Hal ini penting bagi mengelakkan sebarang kemungkinan berlakunya perkara yang tidak diinginkan seperti tentangan daripada ibu bapa yang tidak jelas tentang sesuatu amalan tarekat<sup>266</sup> di samping kebimbangan timbulnya fitnah kepada pihak sekolah yang terlibat. Selanjutnya, tertib bagi terapi Tasawuf yang akan diaplikasikan adalah sebagaimana rajah berikut:

**Rajah 1.3: Langkah Pengaplikasian Terapi Tasawuf**



**Sumber:** Olahan Pengkaji

penting untuk dilaksanakan kerana sumber maklumat yang diperolehi daripadanya adalah lebih berautoriti berbanding merujuk kepada sumber bertulis semata kerana secara lumrahnya, setiap penulis mempunyai perspektif yang berbeza bagi sesuatu perkara mengikut kefahaman ilmu masing-masing dan kefahaman tersebut belum tentu benar.

<sup>265</sup> Amin al-Kurdi telah menegaskan tentang kepentingan mencari guru mursyid yang mempunyai rantaian sanad yang bersambung sehingga Rasulullah s.a.w. sebagaimana berikut: “Maka barangsiapa yang tidak bersambung salasilah (tarekat) sampai kepada Rasulullah s.a.w., limpahan rohaninya telah terputus dan dia bukan pewaris Rasulullah s.a.w. (dalam memimpin tarekat)”. Lihat al-Kurdi, Muḥammad Amin. *Tanwīr al-Qulūb fī Mu‘āmalah, Allām al-Ghuyūb*. Ḥalb: Dār al-Qalam al-‘Arabi, 1991, 559.

<sup>266</sup> Ini adalah berdasarkan pengalaman pengkaji ketika membawa seorang pelajar daripada Ma,ahad Tahfiz al-Ihsan, Subang Jaya mengambil *bay,ah* bagi Tarekat Naqshabandiyah al-Khālidiyyah. Antara masalah yang timbul ialah keengganan bapa pelajar ini untuk mengizinkan anaknya melakukan amalan zikir dengan menyembunyikan tasbeḥ anaknya. Pada dasarnya, pengkaji telah meminta pelajar ini agar menghubungi kedua ibu bapanya agar membenarkannya untuk mengambil *bay,ah* dan sebagaimana yang dimaklumkan kepada pengkaji, beliau menyatakan bahawa ibunya membenarkan dan ayahnya tidak dapat dihubungi pada ketika itu tetapi kemungkinan besar ayahnya tidak kisah. Perkara ini berlaku pada tahun 2014.



### 1.3 TERAPI IMAN

Iman pada bahasa ialah membenarkan (*al-taṣḍīq*)<sup>267</sup> iaitu lawan bagi kalimah mendustakan (*al-takdhīb*)<sup>268</sup>. Iman dari sudut istilahnya pula ialah membenarkan dengan hati<sup>269</sup>, mengaku dengan lisan dan mengamalkan dengan sekalian anggota tubuh<sup>270</sup>. Selain itu, menurut Ibn Ḥajar al-,Asqalānī sebagaimana yang disepakati ulama<sup>271</sup>, iman ialah membenarkan dengan segala perkara yang diwahyukan Allah S.W.T. kepada Rasulullah s.a.w.<sup>271</sup> terutamanya dalam mentauhidkan Allah S.W.T. dan mensucikan-Nya dari segala kesyirikan<sup>272</sup>. Ibn Ḥajar al-,Asqalānī turut menghuraikan tentang maksud: “*Iman adalah perkataan (qawl) dan perbuatan (fi,,j)*” sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Bukhārī<sup>273</sup> iaitu: “*Yang dikehendaki dengan perkataan ialah mengucap dua kalimah syahadah dan perbuatan pula amalan yang berkaitan dengan hati dan anggota tubuh*”<sup>274</sup>. Iman mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri iaitu ianya boleh bertambah dengan amalan-amalan ibadat dan berkurang dengan maksiat-maksiat yang dilakukan<sup>275</sup> di samping berperanan dalam memelihara seseorang daripada melakukan sesuatu maksiat sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

<sup>267</sup> Al-,Asqalānī, Aḥmad bin ,Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī ,Abd Allāh Muḥammad bin Ismā,īl al-Bukhārī, taḥqīq*: ,Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamd (t.tp.: t.p., 2001), 1:60.

<sup>268</sup> Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Makram, *Lisān al-,Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t.), 13:21.

<sup>269</sup> Al-,Aīnī menyatakan bahawa iman adalah perbuatan yang berkaitan dengan hati sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah *al-Baqarah*, 2:225 yang bermaksud: “Allah tidak menghukum kamu kerana sumpahmu yang tidak kamu sengajakan tetapi Dia menghukum kamu kerana niat yang terkandung dalam hatimu dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyantun”. Lihat al-,Aynī, Maḥmūd bin Aḥmad, *Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Kutub al-,Ilmiyyah, 2006), 1:265.

<sup>270</sup> Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā,īl, *al-Jāmi al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alaih wa Sallam wa Sunaniḥ wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (al-Qāhirah: al-Matba,ah al-Salafiyyah, 1979), 1:19; Al-Qāsim bin Salām, *Kitāb al-Imān, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma,ārif li an-Nashr wa al-Tawzī,, 2000), 10.

<sup>271</sup> Al-,Asqalānī, Aḥmad bin ,Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī*, 1:60.

<sup>272</sup> Nūḥ ,Alī Salman, *Al-Mukhtasar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd* (Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd., 2003), 13.

<sup>273</sup> Al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā,īl, *al-Jāmi al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alaih wa Sallam wa Sunaniḥ wa Ayyāmih*, 1:19.

<sup>274</sup> Al-,Asqalānī, Aḥmad bin ,Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī*, 1:61.

<sup>275</sup> Ibn Rajab al-Ḥanbalī, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq*: Maḥmūd bin Shu,‘bān et al., Madinah: Maktabah al-Ghurabā al-Ashriyyah, 1996), 1:9; Al-,Aynī, Maḥmūd bin Aḥmad, *Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 1:403.

لَا يَزِينُ الرَّائِي حِينَ يَزِينُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَشْرَبُ الْحَمْرَ حِينَ يَشْرَبُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَسْرِقُ  
السَّارِقَ حِينَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Maksudnya: “Seorang pezina tidak akan berzina ketika dia ingin berzina sedangkan dia berada di dalam keimanan. Seorang peminum arak tidak akan meminumnya sedangkan dia berada dalam keimanan. Seorang pencuri tidak akan mencuri ketika dia ingin mencuri sedangkan dia berada di dalam keimanan”<sup>276</sup>.

Selain itu, iman mempunyai keutamaannya yang tertentu sebagaimana hadith berikut:

جُنْدُبُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ كُنَّا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَخُنُ فُتَيَانُ حَزَاوِرَةَ فَتَعَلَّمْنَا  
الْإِيمَانَ قَبْلَ أَنْ نَتَعَلَّمَ الْقُرْآنَ ثُمَّ تَعَلَّمْنَا الْقُرْآنَ فَازْدَدْنَا بِهِ إِيمَانًا

Maksudnya: Jundūb bin „Abd Allāh meriwayatkan: “Kami ketika masih remaja bersama Rasulullah s.a.w. mempelajari tentang keimanan sebelum kami mempelajari al-Quran dan ketika kami mempelajari al-Quran, maka bertambahlah keimanan kami”<sup>277</sup>.

Terapi Iman bagi kajian ini adalah merangkumi enam Rukun Iman iaitu beriman dengan Allah S.W.T., para Malaikat-Nya, semua kitab yang diturunkan, para Nabi dan Rasul, hari Kiamat dan ketetapan baik dan buruk. Menerusi Terapi Iman ini, penjelasan akan diberikan kepada para pelajar tentang pegangan iman yang perlu diyakini dengan sebenar-benar keyakinan menurut akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā,,ah (selepas ini disebut ASWJ)<sup>278</sup> berdasarkan dalil-dalil al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para ulama” yang berautoriti

<sup>276</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Ḥudūd, Bāb al-Sāriq hīn Yasriq*, hadith no. 6782). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Sallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:247; Hadith riwayat Muslim dengan susunan yang berbeza tetapi mempunyai maksud yang sama (*Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān Nuqṣān al-Īmān bi al-Ma’āsī wa Nafyih ‘an al-Mutalabbis bi al-Ma’ṣiyah*, hadith no. 211). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 1:54; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Īmān, Bāb Mā Jā ‘Lā Yaznī al-Zānī wa Huwa Mu’min*, hadith no. 2625). Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī,, t.t.), 592.

<sup>277</sup> Hadith riwayat Ibn Majah (*Muqaddimah, Bāb fī al-Īmān*, hadith no. 61). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī,, t.t.), 25.

<sup>278</sup> Tentang definisi ASWJ, al-Baghdādī menyatakan bahawa ASWJ merujuk kepada *golongan ahl al-Ra’y* (Abū Ḥanīfah dan pengikut-pengikutnya) dan *Ahl al-Ḥadīth* dari kalangan mereka yang tidak mempermainkan hadith yang terdiri daripada *al-Fuqahā’*; penghafaz al-Quran, *al-Muḥaddithūn* (perawi-perawi hadith), dan *Mutakallimūn Ahl al-Ḥadīth* yang kesemuanya sepakat atas ke-Esaan Pencipta, Sifat-sifat-Nya, Keadilan-Nya, Hikmah-Nya, dan Nama-nama-Nya serta pada bab Kenabian dan kepimpinan, hukum hudud, dan pada perkara *Uṣūl al-Dīn*. Lihat al-Baghdādī, „Abd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muḥammad, *al-Farq bayn al-Firqah wa Bayān al-Firqah al-Najiyah* (Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1997), 19-20.

menerusi pengajaran dalam kelas bagi mengikuti silibus yang umum diajarkan kepada pelajar-pelajar pondok di samping tazkirah umum yang membincangkan isu semasa seperti penyebaran ajaran Syiah di Malaysia, golongan yang menyesatkan para ulama<sup>279</sup> al-Ashā, irah dan sebagainya.

### 1.3.1 Beriman Dengan Allah S.W.T.

Agama Islam bukanlah disembarkan untuk mengakui tentang wujudnya Allah S.W.T. semata tetapi adalah untuk mentauhidkan-Nya<sup>279</sup>. Rukun Iman yang pertama ini adalah berkaitan dengan *al-Ilahiyāt* dan dalam perbahasan tentangnya, tumpuan utama yang diberikan oleh para sarjana Islam sejak zaman selepas para sahabat Rasulullah s.a.w. ialah membincangkan tentang sifat-sifat Allah S.W.T. yang selari dengan al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. serta hukum akal yang sihat<sup>280</sup>. Pendekatan yang dilakukan oleh pengkaji bagi pengaplikasian Rukun Iman pertama ini adalah berbeza dengan kajian terdahulu seperti Khairunnas Rajab yang lebih cenderung untuk menonjolkan tauhid *Rubūbiyyah*, tauhid *Ulūhiyyah* dan tauhid *al-Asmā' wa al-Ṣifāt*<sup>281</sup> dan kajian Ary Ginanjar Agustian yang mengaplikasikan Rukun Iman pertama dengan menggunakan pendekatan prinsip bintang sebagai suatu kaedah mengenali Allah S.W.T.<sup>282</sup>.

Justeru, pendekatan pengkaji bagi Rukun Iman pertama ini adalah lebih menumpukan kepada kefahaman tauhid sifat 20 terhadap para kumpulan sasaran menurut manhaj al-Ashā, irah. Umumnya, ulama<sup>282</sup> ASWJ khususnya al-Ashā, irah telah mengenengahkan 20

---

<sup>279</sup> Al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf, *Al-ʿAqā'id al-Wuṣṭā wa Sharḥuhā, taḥqīq*: Yūsuf Ahmad (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, 1971), 6.

<sup>280</sup> Nūḥ, Alī Salman, *al-Mukhtasar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, 51.

<sup>281</sup> Khairunnas Rajab, "Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya Dalam Kesihatan Mental", 93.

<sup>282</sup> Ary Ginanjar Agustian, *Rahsia Kejayaan Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ Emotional Spiritual Quotient The ESQ Way* 165, 103.

sifat wajib bagi Allah S.W.T. yang dibahagikan kepada empat bahagian utama iaitu sifat *Nafsiyyah*, sifat *Salbiyyah*, sifat *al-Ma,ānī* dan sifat *Ma,,nawiyah*<sup>283</sup>. Sungguhpun sifat-sifat ini secara zahirnya seperti tidak pernah muncul di zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat sebagaimana dakwaan sebahagian pihak, tetapi hakikatnya kesemua sifat ini adalah disusun secara sistematik berdasarkan al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. serta logik akal yang dipelopori Abū al-Ḥasan al-Ash,,arī dan Abū al-Manṣūr al-Māturīdī<sup>284</sup>.

Pendekatan yang ditonjolkan oleh kedua-dua tokoh ini adalah relevan sehingga diterima pakai oleh para ulama<sup>285</sup> selepas mereka yang terdiri daripada ahli tafsir, ahli hadith, ahli fiqh dan ahli ilmu mantik<sup>285</sup>. Kemudiannya pada abad ke-9 Hijrah, pendekatan ini dikemaskini oleh al-Sanūsī dalam karangan beliau yang masyhur iaitu *Umm al-Barāhin* dan kitab ini mempunyai keistimewaan dan kelebihan yang tersendiri dalam mempengaruhi karya para ulama<sup>286</sup> selepasnya dalam bidang akidah sebagai sumber rujukan, teks pengajaran dan akidah pembelajaran khususnya di alam Melayu<sup>286</sup> bagi memudahkan pemahaman masyarakat awam terutamanya kepada individu yang baru mengenal Islam kerana setiap mukallaf<sup>287</sup> wajib mentauhidkan<sup>288</sup> Allah S.W.T. dari sebarang penyekutuan dan mensucikan-Nya dari segala kekurangan.

---

<sup>283</sup> Sifat *Nafsiyyah* merujuk kepada zat Allah S.W.T. iaitu sifat Wujud; Sifat *Salbiyyah* pula merujuk kepada penafian kepada sesuatu yang tidak layak bagi Allah S.W.T. iaitu seperti sifat *Qidam* yang menafikan sifat *al-Ḥudūth*; Manakala sifat *al-Ma,ānī* merujuk kepada sifat-sifat yang terdapat pada zat Allah S.W.T. iaitu sifat *Qudrah*, *Irādah*, *Ilm*, *Ḥayy*, *Sama*, *Baṣar* dan *Kalām*; Seterusnya sifat *Ma,,nawiyah* yang merujuk kepada hasil daripada sifat *al-Ma,ānī* iaitu keadaan Allah S.W.T.. Lihat Nūḥ ,Alī Salman, *Al-Mukhtasar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, 51.

<sup>284</sup> Engku Ku Hassan Engku Wok Zin dan Mohd Fauzi Hamat, “Pengaruh Umm al-Barahin Karangan al-Sanusi dalam Penulisan Karya Akidah Alam Melayu”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 30 (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 12.

<sup>285</sup> Nūḥ ,Alī Salman, *Al-Mukhtasar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, 7.

<sup>286</sup> Engku Ku Hassan Engku Wok Zin dan Mohd Fauzi Hamat, “Pengaruh Umm al-Barahin Karangan al-Sanusi dalam Penulisan Karya Akidah Alam Melayu”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 30 (Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2009), 28.

<sup>287</sup> Mukallaf menurut para ilmuan Islam ialah manusia yang dituntut untuk melaksanakan segala perkara yang disyariatkan dan menjauhi segala larangannya serta mendapat ganjaran bagi setiap kebaikan yang dilakukan dan begitu juga sebaliknya. Terdapat tiga elemen yang perlu ada bagi setiap mukallaf iaitu baligh, berakal dan

Selain itu, tauhid sifat 20 ini juga berperanan memelihara akidah umat Islam daripada unsur-unsur falsafah dan fahaman-fahaman yang menyeleweng seperti fahaman Mu,,tazilah yang menafikan sifat-sifat bagi Allah S.W.T., menyatakan al-Quran adalah makhluk dan sebagainya<sup>289</sup>. Antara contoh penyelewengan golongan Mu,,tazilah adalah pentakwilan yang tidak tepat tentang firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “*Dan kepada Musa, Allah berfirman secara langsung*”<sup>290</sup>. Menurut Ibn Kathīr, ayat ini adalah kemuliaan kepada Nabi Musa a.s.<sup>291</sup> tetapi al-Zamakhsharī yang merupakan ahli tafsir yang berfahaman Mu,,tazilah telah mentakwilkan ayat ini dengan kenyataannya bahawa Allah menguji Nabi Musa dengan ujian dan fitnah<sup>292</sup>. Pengarang tafsir *al-Mafātīḥ al-Ghayb* membidas kenyataan al-Zamakhsharī ini dengan menyatakan bahawa penafsiran tersebut adalah batil<sup>293</sup>. Ringkasan sifat wajib bagi Allah S.W.T. sebagaimana yang disusun oleh ulama,, ASWJ adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 1.1: Pembahagian Sifat Wajib Bagi Allah S.W.T.**

Pembahagian Sifat	Sifat Wajib bagi Allah Beserta Dalil daripada al-Quran
<i>Nafsiyah</i>	Ada ( <i>Wujūd</i> ). Dalilnya: “Katakan: Siapa yang Tuhan langit dan bumi? Katakan: Allah! ”.  (Surah al-Ra,d, 13:16)
<i>Salbiyah</i>	Sedia ( <i>Qidam</i> ), Kekal ( <i>Baqā</i> ), Allah tidak menyerupai makhluk ( <i>Mukhālafatuh li al-Ḥawādith</i> ), Berdiri dengan sendiri-Nya ( <i>Qiyāmuh bi Nafsih</i> ), Esa ( <i>Waḥdaniyyah</i> ). Antara dalilnya:

telah sampai dakwah Islam padanya. Lihat Nūḥ ,Alī Salman, *Al-Mukhtasar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, 28.

<sup>288</sup> Tauhid diambil daripada kalimah „*Aḥad*” yang bermaksud sendiri tanpa bersama dengan yang lain. Lihat Ibn Manẓūr, Muḥammad bin Makram, *Lisān al-‘Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t.), 3:70.

<sup>289</sup> Al-Ash,arī, ,Alī bin Ismā,īl, *Ibānah ,alā Uṣūl al-Diyānah, taḥqīq*: Fawqīḥ Ḥusayn Maḥmūd (Kaherah: Dār al-,Anṣār, 1977), 106.

<sup>290</sup> Surah al-Nisā, 4:164.

<sup>291</sup> Ibn Kathīr, Ismā,īl bin ,Umar, *Tafsīr al-Qurān al-Aẓīm*, 2:473.

<sup>292</sup> Al-Zamakhsharī, Maḥmūd bin ,Umar, *Al-Kashshāf ,an Ḥaqāiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ,Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta,,wīl, taḥqīq*: ,Ādil Aḥmad ,Abd al-Mawjūd et al. (Riyadh: Maktabah al-,Abīkān, 1998), 2:178.

<sup>293</sup> Al-Rāzī, Muḥammad bin ,Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mushtahir bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīḥ al-Ghaib* (Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭabā,ah wa al-Nashr wa al-Tawzī,, 1981), 11:111.

### Jadual 1.1: Sambungan

	<p>“Dialah Yang Awal dan Yang Akhir Yang Zahir dan Yang Batin dan Dia Maha Mengetahui segala sesuatu”. (Surah al-Ḥadīd, 57:3)</p> <p>“Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan Dia. Dan Dia yang Maha Mendengar, lagi Maha Melihat”. (Surah al-Shūrā, 42:11)</p> <p>“Wahai Manusia! Kamulah yang memerlukan Allah dan Allah, Dialah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu), Maha Terpuji”. (Surah al-Fāṭir, 35:15)</p> <p>“Seandainya kedua-duanya (di langit dan di bumi) ada tuhan-tuhan selain Allah, sudah tentu kedua-duanya telah binasa. Maha Suci Allah yang memiliki 'Arsy, daripada apa yang mereka sifatkan”. (Surah al-Anbiyā‘, 21:22)</p>
<i>Al-Ma,ānī</i>	<p>Berkuasa (<i>Qudrah</i>), Berkehendak (<i>Irādah</i>), Mengetahui (<i>Im</i>), Hidup (<i>Ḥayy</i>), Mendengar (<i>Sama'</i>), Melihat (<i>Baṣar</i>), Berkata-kata (<i>Kalām</i>). Antara dalilnya:</p> <p>“Sesungguhnya urusan Allah apabila Dia menghendaki sesuatu, Dia hanya berkata: “Jadilah!”, maka jadilah sesuatu itu”. (Surah Yāsīn, 36:82)</p> <p>“Dan kepada Musa, Allah berfirman secara langsung”. (Surah al-Nisā‘, 4:164)</p>
<i>Ma‘nawiyah</i>	<p>Keadaan Allah yang Berkuasa (<i>Kawnuhu Qādiran</i>), Keadaan Allah yang Berkehendak (<i>Kawnuh Murīdan</i>), Keadaan Allah yang Berilmu (<i>Kawnuh Āliman</i>), Keadaan Allah Yang Hidup (<i>Kawnuh Ḥayyan</i>), Keadaan Allah Yang Mendengar (<i>Kawnuh Samī,an</i>), Keadaan Allah Yang Melihat (<i>Kawnuh Baṣīran</i>), Keadaan Allah Yang Berkata-kata (<i>Kawnuh Mutalliman</i>). Dalilnya adalah seperti sifat <i>al-Ma,ānī</i>.</p>

**Sumber:** Nūḥ ,Ali Salman, *Al-Mukhtasar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*.

Di Malaysia, silibus pelajaran akidah dalam buku Pendidikan Islam bagi murid-murid sekolah rendah adalah berpandukan kepada manhaj akidah Ashā‘irah sebagaimana yang dikemukakan di atas. Sungguhpun begitu, silibus tersebut hanya sekadar pengenalan secara

umum dan ringkas. Malangnya, pelajaran ini tidak disambung secara formal di peringkat sekolah menengah. Natiujahnya, para pelajar berkemungkinan akan terdedah kepada pelbagai ideologi, ajaran dan pemikiran yang bermasalah dalam perbincangan akidah Islam terutamanya kepada pelajar yang berjaya meneruskan pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pada suatu masa kelak. Hal ini secara realitinya kini, tersebar suatu pemikiran bermasalah dalam kalangan masyarakat yang menyatakan bahawa manhaj akidah Ashā'irah adalah menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar<sup>294</sup>.

Selain itu, golongan yang jelas mempertikaikan manhaj al-Ashā'irah ini boleh dilihat daripada penulisan kitab-kitab semasa seperti kitab “*Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*” oleh Salīm bin Ḥid al-Hilālī” yang menyatakan bahawa al-Nawāwī terpengaruh dengan fahaman *Ashā'irah* tetapi bukanlah seorang pengikut yang sejati di bahagian pengenalan kitab tersebut<sup>295</sup>, buku karangan Abdulfatah Haron bin Ibrahim yang berjudul: “*Allah: Antara Tasawuf dengan Akidah*” yang mengkritik dan mempertikaikan pengajian metodologi sifat 20<sup>296</sup>, buku “*Kaedah Belajar Ilmu Agama*” yang menyesatkan *al-Ashā'irah* dan *al-Maturīdiyyah* di samping menyamakan bahawa kedua-dua manhaj ini dengan golongan Muṭazilah dan

---

<sup>294</sup> Ini adalah selari dengan pendedahan yang dilakukan oleh Zamihan Mat Zin al-Ghari tentang bahaya fahaman Wahhabi dalam penulisan beliau yang menyatakan bahawa antara kaedah penyebaran fahaman Wahhabi di Malaysia ialah melakukan pekaderan terhadap para pelajar Malaysia yang menuntut di beberapa Universiti yang ditaja oleh golongan Wahhabi seperti Universiti Umm al-Qura, Universiti Islam Madinah, Universiti King Saud, Universiti Abu Bakar Karachi, Pakistan dan University al-Iman, Sanaa, Yaman. Zamihan Mat Zin, *Siapa Sebenarnya Wahhaby?* (Puchong: Kemah Enterprise, 2011), 134.

<sup>295</sup> Al-Hilālī, Salīm bin Ḥid, *Bahjah al-Nāziriin Sharḥ Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*, terj. M. Abdul Ghaffar (Jakarta: Pustaka al-Syafi'i, 2005), 7.

<sup>296</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim, *Allah: Antara Tasawuf dengan Akidah* (Luala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008), 183.

Jahmiyah yang menjadikan falsafah dan ilmu mantik Yunani sebagai jalan memahami al-Quran dan Sunnah Nabawi<sup>297</sup> dan sebagainya.

Oleh itu pada pandangan pengkaji, lanjutan daripada manhaj akidah Ashā'irah perlu diberikan penekanan yang sewajarnya kepada para remaja seawal usia baligh dalam lingkungan umur 14 tahun terutamanya bagi isu semasa dalam perbahasan akidah yang mampu memecahkan perpaduan umat Islam di Malaysia seperti masalah tentang ayat-ayat *muḥkamāt* dan *mutashābihāt* dalam al-Quran dan al-Sunnah yang sengaja diketengahkan oleh golongan tertentu seperti *Wajh Allāh* (Wajah Allah), *Yad Allāh* Tangan Allah, *Al-Raḥmān* „*aū al-Arsh Istawā* (Allah bersemayam di atas Arasy), *Allāh fī al-Samā*” (Allah di langit) atau seumpamanya kerana tidak mustahil ianya boleh menjadikan seseorang individu terpengaruh dengan golongan yang menjisimkan Allah (*Mujassimah*) atau menyerupakan Allah dengan makhluk (*Mushabbihah*). Justeru dalam proses pendidikan akhlak, kumpulan sasaran perlu mempunyai keimanan yang kukuh dalam mentauhidkan Allah S.W.T..

### 1.3.2 Beriman Dengan Malaikat

Malaikat adalah *jama*„, daripada kalimah “*malak*” yang bermaksud utusan<sup>298</sup>. Malaikat adalah makhluk yang diciptakan daripada cahaya<sup>299</sup>. Mereka mempunyai sayap dengan bilangannya yang tersendiri<sup>300</sup> dan diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah melihat

---

<sup>297</sup> „Abd al-„Azīz bin „Abd al-Fattāh, *Kaedah Belajar Ilmu Agama*, terj. Abdullah Yasin (Kuala Lumpur: Furqan Enterprise, 1999), 19-20.

<sup>298</sup> Ibn Manzūr, Muḥammad bin Makram, *Lisān al-„Arab* (Beirut: Dār Ṣādir, t.t.), 10:491.

<sup>299</sup> Sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh „Āishah Raḍī Allāh „Anhā yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Diciptakan Malaikat daripada cahaya”. Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Zuhd wa al-Raqāiq, Bāb fī Ahādīth Mutafarriqah*, hadith no. 7687). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi” al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 8:226.

<sup>300</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Segala puji bagi Allah Pencipta langit dan bumi, yang menjadikan malaikat sebagai utusan-utusan (untuk mengurus pelbagai urusan) yang mempunyai sayap,



rupa asal Jibril yang memiliki 600 sayap<sup>301</sup>. Selain itu, malaikat adalah makhluk yang sentiasa takut kepada Allah S.W.T serta mentaati segala perintah-Nya. Firman Allah S.W.T.:

يَخَافُونَ رَبَّهُمْ مِمَّنْ فَوْقَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٥٠﴾

Maksudnya: “Mereka takut kepada Tuhan mereka yang di atas mereka dan melaksanakan apa yang diperintahkan (kepada mereka)”.

(Surah al-Nahl, 16:50)

Ayat ini juga adalah dalil bahawa semua perbuatan malaikat adalah terpelihara daripada dosa dan maksiat<sup>302</sup>. Antara tugas malaikat adalah menurunkan wahyu<sup>303</sup>, mengatur urusan dunia<sup>304</sup>, meniup sangkakala<sup>305</sup>, mencabut nyawa<sup>306</sup>, mencatat segala amalan yang dilakukan oleh manusia<sup>307</sup>, memohon keampunan bagi orang yang beriman yang bertaubat<sup>308</sup>, dan sebagainya. Malaikat mempunyai bilangan yang ramai dan hanya Allah S.W.T. yang Maha Mengetahui bilangannya<sup>309</sup>. Contoh bagi ramainya para malaikat adalah sebagaimana perkhabaran Jibril „a.s. kepada Rasulullah s.a.w. tentang *Bayt al-Ma'mur* yang akan didatangi oleh 70 ribu malaikat untuk bersolat padanya setiap hari dan tiada

---

masing-masing (ada yang) dua, tiga, dan empat. Allah menambahkan pada ciptaan-Nya apa yang Dia kehendaki. Sesungguhnya, Allah Maha Kuasa. (Surah *al-Fāṭir*, 35:1)

<sup>301</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb Bad' al-Khalq, Bāb Idhā Qāl Aḥadukum Āmin wa al-Malā'ikah fī al-Samā' Fawāfaqat Idhāhumā al-Ukhrā*, hadith no. 3232). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ*, 2:429.

<sup>302</sup> Al-Rāzī, Muḥammad bin „Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, 20:48.

<sup>303</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Dan sesungguhnya, (al-Quran) ini benar-benar diturunkan oleh Tuhan seluruh alam. Yang dibawa turun oleh *al-Rūḥ al-Āmin* (Jibril)”. (Surah al-Shu,arā, 26:192-193).

<sup>304</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Dan (Malaikat-malaikat) yang membahagi-bahagikan urusan”. (Surah al-Dhāriyāt, 51:5).

<sup>305</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: Lalu tertiuilah sangkakala, maka seketika itu mereka keluar daripada kubur (dalam keadaan hidup), menuju kepada Tuhannya. (Surah *Yāsīn*, 36:51).

<sup>306</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Katakanlah, “Malaikat maut yang disertai untuk mencabut nyawamu akan mematikan kamu, kemudian kepada Tuhanmu, kamu akan dikembalikan”. (Surah al-Sajdah, 32:11).

<sup>307</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Tiada suatu ucapanpun yang diucapkannya melainkan ada padanya malaikat pengawas yang selalu hadir”. (Surah Qāf, 50:18).

<sup>308</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “(Malaikat-malaikat) yang memikul Arasy dan yang berada di sekelilingnya bertasbih dengan memuji Tuhannya dan mereka beriman kepada-Nya serta memohonkan keampunan untuk orang-orang yang beriman, “Ya Tuhan Kami, rahmat dan ilmu yang ada pada-Mu meliputi segala sesuatu, maka berilah keampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikuti jalan (agama)-Mu dan peliharalah mereka daripada azab neraka”. (Surah Ghāfir, 40:7).

<sup>309</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “...Dan tidak ada yang mengetahui bala tentera Tuhanmu kecuali Dia sendiri...”. (Surah al-Muddaththir, 74:31).

antara mereka yang kembali setelah itu<sup>310</sup>. Menyoroti dalil-dalil al-Quran dan al-Hadith ini, keimanan kepada malaikat mampu meningkatkan ketaatan seseorang itu kepada Allah S.W.T.<sup>311</sup> kerana Malaikat mempunyai prinsip yang boleh dijadikan iktibar iaitu mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. sepenuh ketaatan di samping memiliki disiplin dan integriti yang tinggi<sup>312</sup>.

Menurut Psikoterapi Islam sebagaimana yang diketengahkan oleh Khairunnas Rajab, beriman dengan Malaikat adalah antara usaha dalam proses *preventive*, *curative* dan *konstruktif* terhadap peribadi dan kesihatan mental kumpulan sasaran<sup>313</sup>. Sungguhpun begitu pada pandangan pengkaji bagi tujuan kajian ini, para subjek kajian hanya perlu didedahkan tentang kewajipan beriman dengan malaikat yang merupakan Rukun Iman kedua walaupun tidak dapat dilihat dengan pandangan mata kasar sebagaimana yang dikhabarkan menerusi al-Quran dan al-hadith. Di samping itu, mereka juga perlu disedarkan tentang peranan malaikat seperti Raqīb dan „Atīd yang sentiasa berada bersama manusia untuk mencatat amalan baik dan buruk manusia, Izrā‘il yang sentiasa bersedia mencabut nyawa manusia apabila sampai masanya tanpa mengira usia, masa dan keadaan serta Munkar dan Nakīr yang bertugas menyoyal siasat manusia di dalam kubur.

### 1.3.3 Beriman Dengan Semua Kitab

Wajib bagi sekalian mukallaf untuk beriman dengan segala kitab yang Allah S.W.T. turunkan kepada sebilangan utusan-Nya sebagaimana firman-Nya:

---

<sup>310</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb Bad‘ al-Khalq, Bāb Dhikr al-Malāikah*, hadith no. 3207). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*, 2:422; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Īmān, Bāb al-Isrā‘ bi Rasūl Allāh ilā al-Samāwāt*, hadith no. 434). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 1:103.

<sup>311</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental”, 118.

<sup>312</sup> Ary Ginanjar Agustian, *Rahsia Kejayaan Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ*, 120.

<sup>313</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental”, 117.

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِ ءَ وَالْكِتَٰبِ ٱلَّذِي نَزَّلَ عَلَىٰ رَسُولِهِ ءَ وَالْكِتَٰبِ ٱلَّذِي أَنزَلَ مِن قَبْلُ ءَ وَمَن يَكْفُرْ بِٱللَّهِ وَمَلَٰئِكَتِهِ ءَ وَكُتُبِهِ ءَ وَرُسُلِهِ ءَ وَٱلْيَوْمِ ٱلْآخِرِ فَقَدْ ضَلَّ ضَلَالًا بَعِيدًا ﴿١٣٦﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Tetaplah beriman kepada Allah dan Rasul-Nya (Muhammad) dan kepada Kitab (al-Quran) yang diturunkan kepada Rasul-Nya, serta Kitab yang diturunkan sebelumnya. Barang siapa ingkar kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya, rasul-rasul-Nya, dan hari kemudian, maka sesungguhnya, orang itu jauh tersesat”.

(Surah al-Nisā, 4: 136)

Selain al-Quran, terdapat lagi tiga Kitab lain yang diturunkan iaitu al-Tawrah diturunkan kepada Nabi Musa ,a.s.<sup>314</sup>, al-Zabur di turunkan kepada Nabi Dawud ,as.<sup>315</sup> dan al-Injil diturunkan kepada Nabi ,Isa ,as.<sup>316</sup>. Ketiga-tiga Kitab ini telah diubahsuai oleh manusia sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah S.W.T. menerusi firman-Nya:

فَوَيْلٌ لِّلَّذِينَ يَكْتُمُونَ ٱلْكِتَٰبَ بِأَيْدِيهِمْ ءَ ثُمَّ يَقُولُونَ هَٰذَا مِن عِندِ ٱللَّهِ لِيَشْتَرُوا بِهِ ءَ ثَمَنًا قَلِيلًا فَوَيْلٌ لَّهُم مِّمَّا كَتَبَتْ أَيْدِيهِمْ ءَ وَوَيْلٌ لَّهُم مِّمَّا يَكْسِبُونَ ﴿٧٩﴾

Maksudnya: “Maka celakalah orang-orang yang menulis kitab dengan tangan mereka (sendiri) kemudian berkata, “Ini daripada Allah,” (dengan bermaksud) untuk menjualnya dengan harga murah. Maka celakalah mereka kerana tulisan tangan mereka dan celakalah mereka kerana apa yang mereka lakukan”.

(Surah al-Baqarah, 2:79)

Berbanding dengan al-Quran, setiap mukallaf wajib mempercayai bahawa al-Quran yang diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. adalah wahyu Allah S.W.T. dan terpelihara sebagaimana Firman-Nya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا ٱلدِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَٰفِظُونَ ﴿٩﴾

<sup>314</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Sesungguhnya, Kami yang menurunkan Kitab Taurat, di dalamnya (ada) petunjuk dan cahaya...”. (Surah *al-Māidah*, 5:44).

<sup>315</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “...Dan Kami telah memberikan Kitab Zabur kepada Daud”. (Surah *al-Nisā*”, 4: 163)

<sup>316</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Dan Kami teruskan jejak mereka dengan mengutuskan Isa putera Maryam, membenarkan Kitab yang sebelumnya, iaitu Taurat. Dan Kami menurunkan Injil kepadanya, di dalamnya terdapat petunjuk dan cahaya, dan membenarkan kitab yang sebelumnya iaitu Taurat, dan sebagai petunjuk serta pengajaran untuk orang-orang yang bertakwa”. (Surah *al-Māidah*, 5: 46)

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami-lah yang menurunkan al-Quran, dan pasti Kami (pula) yang memeliharanya”.

(Surah al-Hijr, 15:9)

Al-Suyūṭī mentafsirkan ayat ini dengan mendatangkan ayat al-Quran yang bermaksud: “Yang tidak akan didatangi oleh kebatilan, baik dari depan mahupun dari belakang, (pada masa lalu dan pada masa akan datang), yang diturunkan oleh Tuhan yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji<sup>317</sup>” dan kebatilan yang dimaksudkan dalam ayat ini adalah Iblis<sup>318</sup>. Sementara al-Khāzin pula menyatakan bahawa al-Quran adalah terpelihara daripada sebarang penambahan, pengurangan serta sebarang pengubahsuaian dan ini adalah suatu keistimewaan bagi al-Quran berbeza dengan kitab-kitab lain yang diturun (*al-Kutub al-Manzilah*)<sup>319</sup>.

Dalam Psikoterapi Iman terhadap kitab-kitab yang diwahyukan Allah S.W.T. ini sebagaimana yang diketengahkan oleh Khairunnas Rajab, para kumpulan sasaran perlu didedahkan tentang kepentingan umat manusia diturunkan sebilangan Kitab daripada Allah S.W.T. iaitu sebagai panduan untuk kehidupan yang lebih sejahtera dan dirahmati-Nya<sup>320</sup>. Bagi tujuan kajian ini yang melibatkan pendidikan akhlak, para kumpulan sasaran hanya sekadar didedahkan dengan kewajipan beriman dengan kitab-kitab suci yang diturunkan serta menyakini bahawa al-Quran adalah selamat daripada sebarang unsur-unsur perubahan berbanding perubahan yang berlaku terhadap kitab-kitab samawi yang lain seperti Tawrah,

---

<sup>317</sup> Surah *al-Fuṣṣilat*, 41:42.

<sup>318</sup> Iblis tidak mampu untuk melakukan penambahan terhadap al-Quran mahupun pengurangan sedikitpun. Lihat al-Suyūṭī, „Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *Al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma,thūr, taḥqīq*: „Abd Allāh bin Muḥsin (Kaherah: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-,Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003), 8:594.

<sup>319</sup> Al-Khāzin, „Alī bin Muḥammad bin Ibrāhīm, *Tafsīr al-Khāzin al-Musammā li Bāb al-Ta'wīl fī Ma,ānī al-Tanzīl* (Beirut: Dār al-Fikr, 1979), 4:57.

<sup>320</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental”, 122.

Zabūr dan Injīl sebagaimana yang dilakukan oleh para ulama“ al-Ashā,,irah menerusi karangan-karangan mereka.

#### 1.3.4 Beriman Dengan Para Nabi dan Rasul

Beriman dengan rukun Iman keempat ini pula adalah berkait rapat dengan *al-nubuwwah*. Al-Qāḍī „Iyāḍ menyatakan bahawa *al-nubuwwah* adalah berasal dari kalimah *al-naba“* yang bermaksud perkhabaran dan *nabī* adalah pemberi pengkhabaran tersebut<sup>321</sup>. Manakala, nabi dari sudut istilah pula ialah seorang lelaki yang diberikan wahyu oleh Allah S.W.T. tentang hukum syariat sama ada diperintahkan untuk menyampaikannya atau tidak. Oleh itu, seseorang nabi itu juga adalah seorang rasul sekiranya diperintahkan untuk menyampaikan wahyu tersebut<sup>322</sup>.

Menurut Ibn Kathīr, nama-nama para nabi yang yang disebut dalam al-Quran ialah Adam, Idrīs, Nūḥ, Hūd, Ṣāliḥ, Ibrāhīm, Lūṭ, Ismā,,īl, Ishāq, Ya“qūb, Yūsuf, Ayyūb, Shu,,ayb, Mūsā, Hārūn, Dāwūd, Sulaymān, Ilyās, al-Yasa“, Zakariyyā, „Īsā, Dhū al-Kifl sebagaimana menurut majoriti ahli-ahli tafsir dan Muhammad s.a.w.<sup>323</sup>. Padanya juga terdapat perbincangan tentang sifat wajib, sifat mustahil dan sifat harus bagi setiap utusan Allah S.W.T. yang wajib diketahui oleh setiap mukallaf<sup>324</sup>. Jadual berikut adalah ringkasan bagi sifat wajib dan sifat mustahil bagi para Rasul:

---

<sup>321</sup> Al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf, *Al-„,Aq̄dah al-Wuṣṭā wa Sharḥuhā, taḥqīq*: Yūsuf Ahmad (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1971), 32.

<sup>322</sup> Nūḥ „Alī Salman, *Al-Mukhtasar al-Muḥīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, 113.

<sup>323</sup> Ibn Kathīr, Ismā,,īl bin „Umar, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm, taḥqīq*: Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Dār al-Ṭayyibah li Al-Nashr wa al-Tawzī,, 1999), 2:469.

<sup>324</sup> Muhammad al-Nawawi al-Jawi (2010), *Tijān al-Dirārī*, terj. Achmad Sunarto (Surabaya: Mutiara Ilmu Publisher), 30.

**Jadual 1.2: Sifat Wajib dan Mustahil Bagi Rasul**

No.	Sifat Wajib Bagi Rasul	Sifat Mustahil Bagi Rasul
1	Jujur ( <i>Al-Amānah</i> )	Pengkhianat ( <i>al-Khiyānah</i> )
2	Dipercayai ( <i>al-Ṣidq</i> )	Pendusta ( <i>al-Kādhīb</i> )
3	Menyampaikan ( <i>al-Tablīgh</i> )	Menyembunyikan ( <i>Kitmān</i> )
4	Bijaksana ( <i>al-Faṭānah</i> )	Akal yang rendah ( <i>al-Balāhah</i> )

**Sumber:** Nūḥ „Alī Salman (2003), *Al-Mukhtasar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*.

Seterusnya sifat yang harus bagi rasul ialah berkelakuan seperti manusia biasa seperti makan, minum, tidur dan sebagainya selagi tidak melakukan sesuatu perkara yang boleh menjatuhkan martabat mereka<sup>325</sup>. Menurut Khairunnas Rajab, beriman dengan para Nabi dan Rasul adalah merupakan satu metode contoh ikutan atau tauladan kepada umat Islam dalam kehidupan bermasyarakat kerana perilaku para Nabi dan Rasul secara jelasnya memberi inspirasi dan aspirasi kepada umat masing-masing agar bahagia di dunia dan di akhirat<sup>326</sup>. Oleh itu, seseorang terapis Islam perlu menerangkan kepada kumpulan sasaran agar mencontohi akhlak para nabi dan rasul dalam semua keadaan kerana seseorang individu yang mampu mempraktikkannya adalah seorang yang mempunyai kesihatan mental serta bahagia dalam mengharungi kehidupan sehariannya<sup>327</sup>. Sungguhpun begitu, bagi tujuan pengaplikasian Rukun Iman keempat dalam kajian ini, kumpulan sasaran hanya perlu didedahkan tentang kewajipannya sebagai seorang *mukallaf* agar beriman dengan para Rasul yang diutuskan sebagaimana dalil al-Quran dan al-Hadith yang telah dinyatakan sebelum ini.

<sup>325</sup> Nūḥ „Alī Salman, *al-Mukhtasar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd* (Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd., 2003), 119. Dalil bagi sifat harus bagi rasul ialah sebagaimana firman Allah S.W.T.: Dan mereka berkata: “Mengapa rasul (Muhammad) ini makan makanan dan berjalan-jalan di pasar-pasar? Mengapa malaikat tidak diturunkan kepadanya agar malaikat itu memberikan peringatan bersama Baginda?”. (Surah al-Furqān, 25:7).

<sup>326</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 124.

<sup>327</sup> *Ibid.*, 126-127.

### 1.3.5 Beriman Dengan Hari Kiamat

Hari Kiamat adalah antara perkara ghaib (*al-Sam,iyyāt*) yang sering dipertikaikan oleh orang-orang yang tidak beriman sebagaimana firman Allah S.W.T.:

أَعْدَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا وَعِظْمًا أَعِنَّا لَمَبْعُوثُونَ ﴿١٦﴾ أَوْ ءَابَاؤُنَا الْأَوَّلُونَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Apakah kami telah mati dan telah menjadi tanah serta tulang belulang, apakah benar kami akan dibangkitkan (kembali)? Dan apakah nenek moyang kami yang telah terdahulu (akan dibangkitkan juga)?”.

(Surah al-Şāffāt, 37:16-17)

Dalam akidah Islam, segala dalil bagi *al-Sam,iyyāt* adalah bersumberkan daripada al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w.<sup>328</sup>. Oleh itu, beriman dengannya adalah suatu kewajipan dan mengingkarinya adalah kufur<sup>329</sup>. *Al-Sam,iyyāt* mempunyai bahagiannya yang pelbagai dan bagi tujuan kajian ini, pengkaji hanya menumpukan kepada empat perkara yang dianggap penting untuk diketengahkan kepada para pelajar yang merangkumi tiga tanda Kiamat yang akan muncul iaitu kedatangan al-Imām al-Mahdī, penaklukan Kota Konstantinopel kali kedua, keluarnya al-Dajjāl serta peristiwa di *Mahshar* sebagai tumpuan utama berdasarkan ayat al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w. yang boleh dijadikan hujah. Tanda-tanda Kiamat ini pada dasarnya adalah penambahan kepada teori yang diketengahkan oleh Khairunnas Rajab dalam kajian beliau yang hanya menumpukan kepada peristiwa di padang Mahsyar<sup>330</sup>.

Sungguhpun begitu, keberadaan tanda-tanda Kiamat yang dikemukakan ini adalah relevan untuk diletakkan dalam bahagian rukun Iman kelima kerana berdasarkan hadith tentang

<sup>328</sup> Nūh ,Alī Salman, *al-Mukhtasar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd* (Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd., 2003), 123.

<sup>329</sup> Hal ini adalah berkaitan dengan dalil yang jelas tanpa perlu ditakwilkan lagi (*qat,i*). Manakala bagi ayat-ayat al-Quran atau hadith-hadith yang disepakati yang mengandungi makna yang pelbagai (*Ghayr Qat,i*), beriman dengannya adalah wajib manakala mengingkarinya adalah *Fāsiq*. Ibid.

<sup>330</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006), 128-131.

kedatangan Jibrīl kepada Rasulullah s.a.w. yang bertanya tentang Islam, Iman dan Ihsan, Jibrīl selanjutnya turut juga bertanya tentang tanda-tanda Kiamat sebagaimana hadith berikut<sup>331</sup>:

قَالَ فَأَخْبِرْنِي عَنْ أَمَارَتِهَا

Maksudnya: Jibril „as. bertanya: “Khabarkan kepadaku tentang tanda-tandanya (Kiamat)”

### 1.3.5.1 Al-Imām al-Mahdī

Al-Imām al-Mahdī merupakan garis penghubung bagi tanda-tanda Kiamat kecil dan tanda-tanda Kiamat besar<sup>332</sup>. Beliau adalah keturunan Rasulullah s.a.w. menerusi cabang keturunan Fāṭimah<sup>333</sup>. Nama sebenarnya adalah sama seperti nama Rasulullah s.a.w. iaitu Muḥammad bin „Abd Allāh<sup>334</sup> dan ini adalah menurut akidah ASWJ yang menolak fahaman Syiah yang menyatakan bahawa al-Mahdī ialah Muḥammad bin Ḥassan al-„Askarī yang didakwa telah menghilangkan diri sejak 206 Hijrah<sup>335</sup>. Al-Mahdī mempunyai dahi yang luas serta hidung yang mancung dan akan memenuhi bumi ini dengan kejujuran dan keadilan sebagaimana ianya sebelum itu dipenuhi dengan penganiyaan dan kezaliman<sup>336</sup>.

<sup>331</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Īmān, Bāb Ma'rīfah al-Īmān wa al-Islām wa al-Qadar wa „Alāmah al-Sā,ah*, hadith no. 102). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 1:28.

<sup>332</sup> Amin Muhammad Jamaluddin, *Singkatnya Usia Umat Islam Kedatangan Imam Mahdi & Munculnya Dajjal*, terj. Adawiya Saad (Batu Caves: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd., 2012), 97.

<sup>333</sup> Berdasarkan hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Mahdī, (tanpa bab)*, hadith no. 4286). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash,ath, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, t.t.), 4:174; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Fitan, Bāb Khurūj al-Mahdī*, hadith no. 4086). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 680.

<sup>334</sup> Berdasarkan hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Mahdī, (tanpa bab)*, hadith no. 4284). Hadith ini dihukum *ḥasan ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash,ath, *Sunan Abī Dāwud*, 4:173; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Jā „fi al-Mahdī*, hadith no. 2230 dan 2231). Hadith ini turut dihukum *ḥasan ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin „Īsā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 504.

<sup>335</sup> Al-Mubārakfūrī, Muḥammad „Abd al-Raḥmān bin „Abd al-Raḥīm, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, t.t.), 6:403; Zamihan Mat Zain, *Bahaya Penyelewengan Syiah* (Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor, 2013), 27.

<sup>336</sup> Berdasarkan hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Mahdī, (tanpa bab)*, hadith no. 4287). Hadith ini dihukum *ḥasan* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash,ath, *Sunan Abī Dāwud*, 4:174.



Tempoh masa beliau memimpin umat Islam hanya tujuh tahun<sup>337</sup>. Sementara menurut hadith riwayat al-Tirmidhī, tempoh masa al-Mahdī adalah selama lima atau tujuh atau sembilan tahun<sup>338</sup>. Beliau merupakan salah seorang daripada dua belas khalifah yang kesemuanya berasal daripada bangsa Quraysh yang akan membela agama Islam<sup>339</sup>.

Al-Mahdī akan keluar daripada Madinah untuk melarikan diri menuju ke Makkah setelah berlaku suatu perselisihan ketika kematian seorang khalifah dan penduduk Makkah secara paksa<sup>340</sup> akan membawanya ke tempat antara Hajar al-Aswad dan Maqam Ibrahim bagi mengambil *bay'ah* kepadanya<sup>341</sup>. Pada masa yang sama, terdapat sekelompok umat Islam yang terdiri daripada sepasukan tentera akan menuju ke Makkah untuk memburu seorang lelaki daripada bangsa Quraysh iaitu al-Mahdī yang sedang bersembunyi di Ka'bah tetapi mereka semua ditelan bumi ketika tiba di suatu padang pasir<sup>342</sup>. Beliau akan memimpin

---

<sup>337</sup> Berdasarkan hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Mahdī, (tanpa bab)*, hadith no. 4287). Hadith ini dihukum *hasan* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash'ath, *Sunan Abī Dāwud*, 4:174.

<sup>338</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Fitan, Bāb (tidak dinyatakan)*, hadith no. 2232). Hadith ini dihukum *hasan* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin Ḥisā, *Sunan al-Tirmidhī*, 504.

<sup>339</sup> Berdasarkan hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Mahdī, (tanpa bab)*, hadith no. 4281). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash'ath, *Sunan Abī Dāwud*, 4:170; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Jā'fi al-Khulafā'*, hadith no. 2223). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin Ḥisā, *Sunan al-Tirmidhī*, 502.

<sup>340</sup> Berdasarkan hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Mahdī, (tanpa bab)*, hadith no. 4288). Hadith ini dihukum *ḍa'īf* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash'ath, *Sunan Abī Dāwud*, 4:175; Hadith riwayat Ibn Ḥibbān (*Kitāb al-Ṭarīkh, Bāb Ikbārūh Ṣallā Allāh 'alayh wā Ṣallām 'ammā Yākūn fī Ūmāṭih min al-Fiṭān wā al-Ḥawādīth*, hadith no. 6757). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh Ibn Ḥibbān. Lihat Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān, taḥqīq*: Shu'ayb al-Arnaūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993), 15:158. Pada pandangan pengkaji, hadith ini menjadi *hasan* li ghairih kerana terdapat hadith *ṣaḥīḥ* yang lain menguatkannya. Selain itu, al-Albānī turut menghukum *ṣaḥīḥ* bagi hadith yang menyatakan bahawa al-Mahdi akan diambil *bay'ah* di suatu tempat antara Hajar al-Aswad dan Maqām Ibrāhīm. Lihat al-Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn, *al-Silsilah al-Ṣaḥīḥah* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif, t.t.), 6:246.

<sup>341</sup> Berdasarkan hadith riwayat Aḥmad bin Ḥanbal (*Musnad al-Mukaththirīn min al-Ṣaḥabah, Musnad Abī Hurayrah Raḍiy Allāh 'anh*, hadith no. 8333). Menurut Shu'ayb al-Arnaūṭ, hadith ini mempunyai sanad yang *ṣaḥīḥ*. Lihat Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (Kaherah: Muassasah Qurṭabah. t.t.), 2:328.

<sup>342</sup> Berdasarkan hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Fitan wa Ashrāt al-Sā'ah, Bāb al-Khasf bi al-Jaysh alladhī Yaumm al-Bayt*, hadith no. 7424). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 8:167.

untuk memerangi Semenanjung Tanah Arab, bangsa Rom serta al-Dajjal dan Allah S.W.T. memberi kemenangan kepada tentera Islam bagi semua peperangan ini<sup>343</sup>.

Oleh itu justifikasinya bagi pendedahan al-Mahdī terhadap kumpulan sasaran dalam pendidikan akhlak adalah bertujuan untuk mengelakkan mereka dari terpengaruh dengan ajaran sesat yang mendakwa dirinya adalah al-Mahdī, pemuda Bani Tamim atau sebagainya seperti yang berlaku kepada kumpulan al-Arqam. Al-Arqam telah membuat dakwaan yang menyeleweng daripada akidah ASWJ dengan menyatakan bahawa al-Mahdī adalah Syeikh Muhammad al-Suhaimi walaupun beliau telah meninggal dunia pada 1925 tetapi akan lahir kembali pada suatu masa kelak sebagai al-Mahdi<sup>344</sup> dan pemuda Bani Tamim pula adalah merujuk kepada Asaari Muhammad<sup>345</sup>.

### 1.3.5.2 Penaklukan Kota Konstantinopel Kali Kedua

Kota Konstantinopel akan ditawan kembali oleh tentera Islam kali kedua hanya dengan mengucapkan: “*Lā Ilāh Illā Allāh wa Allāh Akbar*” sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ سَمِعْتُمْ مَدْيَنَةَ جَانِبٍ مِنْهَا فِي الْبَرِّ وَجَانِبٍ مِنْهَا فِي الْبَحْرِ قَالُوا نَعَمْ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَغْزَوْهَا سَبْعُونَ أَلْفًا مِنْ بَنِي إِسْحَاقَ فَإِذَا جَاءُوهَا نَزَلُوا فَلَمْ يُقَاتِلُوا بِسِلَاحٍ وَلَمْ يَزِمُوا بِسَهْمٍ قَالُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهِ أَكْبَرُ فَيَسْفُطُ أَحَدٌ جَانِبَيْهَا قَالَ نُورٌ لَا أَعْلَمُهُ إِلَّا قَالَ الَّذِي فِي الْبَحْرِ ثُمَّ يَقُولُوا الثَّلَاثَةَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

<sup>343</sup> Berdasarkan hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Fitan, Bāb Khurūj al-Mahdī*, hadith no. 4091). Hadith ini dihukum *ṣahīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah*, 681.

<sup>344</sup> Berdasarkan fatwa Jabatan Mufti Negeri Selangor terhadap Darul Arqam pada 14hb. Februari 1993. Lihat Seksyen 41(2), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 1952 (No. 54, 14hb Februari 1993). Lihat juga laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor, “Fatwa Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam” yang diakses pada 26hb. Ogos 2017, 11.19 pagi di <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-personalisation/fatwa-tahunan/pewartaan/1990-1994/89-fatwa-aurad-muhammadiyah-pegangan-darul-arqam>

<sup>345</sup> Mohd Aizam bin Mas,od, *Diskusi Isu Aqidah & Pemikiran Semasa di Malaysia* (Putrajaya: t.p., 2010), 37.

فَيَفْرَحُ هُمْ فَيَدْخُلُوهَا فَيَعْنَمُوا فَبَيْنَمَا هُمْ يَفْتَسِمُونَ الْمَعَانِمَ إِذْ جَاءَهُمُ الصَّرِيحُ فَقَالَ إِنَّ  
الدَّجَالَ قَدْ خَرَجَ فَيَتْرُكُونَ كُلَّ شَيْءٍ وَيَرْجِعُونَ

Maksudnya: Abu Hurayrah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Pernahkah kalian mendengar tentang sebuah kota yang sebahagian dindingnya terletak di darat dan sebahagian yang lain terletak di laut?”. Kami menjawab: “Pernah, Wahai Rasulullah”. Rasulullah s.a.w. menyambung: “Kiamat tidak akan berlaku sehingga didatangi oleh 70 ribu tentera daripada Bani Isḥāq. Ketika kedatangan mereka, mereka turun tanpa melakukan perang bersenjata dan tanpa menggunakan panah. Mereka mengucapkan kalimah *Lā ilāh illā Allāh wa Allāh Akbar* (Tiada Tuhan Melainkan Allah dan Allah Maha Besar), maka runtuhlah salah satu dinding kota tersebut. Thawr (salah seorang perawi hadith ini) berkata: “Aku tidak mengetahuinya kecuali sabda Baginda bahawa dinding tersebut berada di laut. Kemudian mereka mengucapkan buat kali kedua kalimah *Lā ilāh illā Allāh wa Allāh Akbar*, maka runtuhlah dindingnya yang lain. Kemudian mereka mengucapkan buat kali ketiga kalimah *Lā ilāh illā Allāh wa Allāh Akbar*, lantas pintu gerbangnya terbuka. Mereka lalu memasukinya dan mengumpulkan harta rampasan perang. Ketika mereka sedang membahagikan harta tersebut, tiba-tiba datanglah kepada mereka seseorang berteriak: “Sesungguhnya *al-Dajjāl* telah keluar!”. Setelah mendengar berita tersebut, mereka meninggalkan semua harta yang sedang dibahagikan lalu mereka kembali untuk berperang”<sup>346</sup>.

Pada dasarnya, hadith tentang penawanan Kota Konstantinopel kali kedua ini mempunyai suatu perkara yang unik untuk didedahkan kepada kumpulan sasaran kerana ianya ditawan tanpa menggunakan sebarang senjata tetapi hanya menggunakan kalimah zikir. Kelebihan amalan zikir dapat dilihat dalam hadith tersebut sehingga dengan mengamalkannya mampu menakluk kota tersebut. Di samping itu, kumpulan sasaran juga wajar untuk didedahkan tentang penaklukan Kota Konstantinopel kali pertama sebagai perbandingan. Sebelum ini berdasarkan kronologi sejarah Islam, Kota Konstantinopel pernah ditawan oleh Sultan Muḥammad al-Fātiḥ dan bala tenteranya pada hari Khamis, 29 Mei 1453M bersamaan 20

<sup>346</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Fitan wa Ashrāṭ al-Sā,ah, Bāb Lā Taqūm al-Sā,ah ḥattā Yamur al-Rajul bi al-Qabr al-Rajul*, hadith no. 7517). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 8:187.

Jamadil Awal 857H<sup>347</sup>. Perkara yang unik ini juga turut berlaku ketika penawanan Kota Konstantinopel oleh Sultan Muḥammad al-Fātiḥ kerana Baginda mengarahkan para tenteranya untuk menggerakkan beberapa buah kapal perang melintasi sebuah bukit pada waktu malam<sup>348</sup>. Sultan Muḥammad al-Fātiḥ dan bala tenteranya adalah merupakan sebaik-baik raja dan sebaik-baik tentera sebagaimana yang dikhabarkan oleh Rasulullah s.a.w. menerusi sabdanya:

لَتُفْتَحَنَّ الْقُسْطَنْطِينِيَّةُ فَلَنِعْمَ الْأَمِيرُ أَمِيرُهَا وَلَنِعْمَ الْجَيْشُ ذَلِكَ الْجَيْشُ

Maksudnya: “Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan Islam. Pemimpin yang menaeklukinya adalah sebaik-baik pemimpin dan tentera yang dimilikinya adalah merupakan sebaik-baik tentera”<sup>349</sup>.

Jelasnya, bagi penaklukan Kota Konstantinopel ini tidak kira sama ada buat kali pertama atau kali kedua adalah melibatkan seorang pemimpin dan para tentera yang terbaik menurut perspektif Islam. Justeru, kumpulan sasaran wajar dimotivasikan untuk menjadi tentera al-Mahdī yang diktiraf sebagai sebaik-baik tentera di akhir zaman kerana masih terdapat peluang untuk merealisasikan kedua-dua hadith Rasulullah s.a.w. tentang penaklukan Kota Konstantinopel ini.

Pada masa yang sama, kumpulan sasaran juga wajar didedahkan tentang kewajipan jihad menurut perspektif Islam yang sebenar. Pada dasarnya jihad dan iman adalah berkait rapat

<sup>347</sup> Al-Ṣallābī, „Alī Muḥammad Muḥammad, *Al-Dawlah al-Uthmāniyyah, Awāmil al-Nahwiḍ wa Asbāb al-Suqut* (t.tp.: t.p., t.t.), 1:123.

<sup>348</sup> Laonicus Chalcocondylas “Turkish History Book”, *The Siege Of Constantinople 1453: Seven Contemporary Accounts* (Netherlands: Printed In The Netherlands, 1872), 46.

<sup>349</sup> Hadith riwayat Aḥmad bin Ḥanbal (*Musnad al-Kūfiyyīn, Ḥadīth Bashār bin Saḥīm*, no. hadith 18977). Lihat Aḥmad bin Ḥanbal, *Al-Musnad* (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1994), 4:335. Selain itu, Hadith ini turut diriwayatkan oleh al-Ḥākim (*Kitāb al-Fitan wa al-Malāḥim*, hadith no. 8300). Lihat al-Ḥākim, Muḥammad bin „Abd Allāh, *al-Mustadrak, alā al-Saḥīḥain, taḥqīq*: Muṣṭafā „Abd al-Qādir „Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1990), 4:468. Hadith ini telah dihukum *ṣaḥīḥ* oleh Al-Dhahabī dan Muṣṭafā „Abd al-Qādir „Aṭā pula menyatakan bahawa hadith ini mempunyai sanad yang *ṣaḥīḥ* mengikut syarat al-Bukhārī dan Muslim. Lihat al-Ḥākim, Muḥammad bin „Abd Allāh, *al-Mustadrak, alā al-Saḥīḥain, taḥqīq*: Muṣṭafā „Abd al-Qādir „Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1990), 4:468.

kerana jihad adalah sebahagian daripada iman<sup>350</sup>. Oleh yang demikian, pada hemat pengkaji, adalah wajar dimasukkan perkara-perkara yang berkaitan dengan jihad ini di dalam Terapi Iman. Sementelahan pula, terdapat ancaman yang jelas daripada al-Quran dan al-Hadith bagi individu yang mengelakkan dirinya daripada berjihad. Antaranya adalah sebagaimana firman Allah S.W.T.:

قُلْ إِنْ كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَاؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ  
أَقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِينُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُمْ مِنَ اللَّهِ  
وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُوا حَتَّى يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ  
الْفَاسِقِينَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): Jika bapa-bapa kamu dan anak-anak kamu dan saudara-saudara kamu dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu dan kaum keluarga kamu dan harta benda yang kamu usahakan dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk agamaNya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksa-Nya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka)”.

(Surah al-Tawbah, 9:24)

Manakala ancaman daripada hadith pula adalah sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ مَاتَ وَمَا يَغُزُّ وَمَا يُحَدِّثُ بِهِ  
نَفْسَهُ مَاتَ عَلَى شُعْبَةٍ مِنْ نِفَاقٍ

Maksudnya: “Sesiapa yang mati dalam keadaan tidak berperang dan tidak berniat melibatkan diri dengan peperangan, maka dia mati dalam cabang kemunafikan<sup>351</sup> .

Tuntasnya, hadith ini merupakan antara dalil bagi kewajipan berjihad dan berazam untuknya<sup>352</sup>. Sungguhpun begitu, terdapat beberapa perkara penting yang perlu

<sup>350</sup> Ini adalah sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Bukhārī ketika menyusun hadith-hadith dalam kitabnya (*Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*) dengan memasukkan sejumlah hadith tentang jihad di dalam bab khusus yang dinamakan sebagai “*Bab al-Jihād min al-Īmān*” dan bab ini pula terkandung dalam kitab khusus yang dinamakan sebagai “*Kitāb al-Īmān*”. Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 1:19-36.

<sup>351</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Imārah, Bāb Dham Man Māt wa Lā Yaghz wa Lam Yuḥaddith Naḥṣah bi al-Ghazw*, hadith no. 5040). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 6:49.

didedahkan kepada kumpulan sasaran tentang isu jihad ini berdasarkan konteks semasa dan perkara ini adalah relevan untuk dijelaskan dalam kajian ini kerana ianya merupakan suatu isu yang kontroversi kini yang perlu dibezakan dengan aktiviti pengganas yang menggunakan slogan jihad. Antara yang penting untuk dijelaskan adalah sebagaimana berikut:

**Pertama:** Hukum berjihad ini pada asalnya adalah fardhu kifayah<sup>353</sup> sebagaimana firman Allah S.W.T.:

﴿وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَآفَّةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ﴾<sup>(١٢٢)</sup>

Maksudnya: “Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

(Surah al-Tawbah, 9:122)

Menurut al-Suyūfī yang mengemukakan riwayat daripada Ibn „Abbās<sup>354</sup>, ayat ini membatalkan hukum (*nasakh*) bagi dua ayat sebelumnya iaitu<sup>355</sup>:

﴿إِلَّا تَنفِرُوا يُعَذِّبْكُمْ عَذَابًا أَلِيمًا وَيَسْتَبْدِلْ قَوْمًا غَيْرَكُمْ وَلَا تَضُرُّهُ شَيْئًا وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾<sup>(٣٩)</sup>

<sup>352</sup> Al-Ṣan,ānī, Muḥammad bin Ismā,īl bin Ṣalāḥ bin Muḥammad al-Ḥusnī, *Subul al-Salām* (Damsyik: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalbī, 1960), 4:41.

<sup>353</sup> Ibn Kathīr, Ismā,īl bin „Umar, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm, taḥqīq*: Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Dār al-Ṭayyibah li Al-Nashr wa al-Tawzī, 1999), 4:236.

<sup>354</sup> Al-Suyūfī, „Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *al-Durr al-Manthūr fi al-Tafsīr bi al-Ma,thūr, taḥqīq*: „Abd Allāh bin Muḥsin (Kaherah: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-„Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003), 7:594.

<sup>355</sup> Berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abū Dāwud (*Kitāb al-Jihād, Bāb fi Naskh Nafīr al-„Ammah bi al-Khāṣah*, hadith no. 2507). Hadith ini dihukum *ḥasan* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash,ath, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, t.t.), 2:318.

Maksudnya: “Jika kamu tidak pergi beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah membela agama-Nya), Allah akan menyiksa kamu dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya dan Dia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain dan kamu tidak akan dapat mendatangkan bahaya sedikitpun kepadaNya dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah al-Tawbah, 9:39)

أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ  
إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), samada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab) dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui”.

(Surah al-Tawbah, 9:74)

Jihad yang dihukumkan sebagai fardu kifayah ini pula merangkumi empat bentuk pembahagian iaitu: (i) jihad menerusi pendidikan, penyebaran kesedaran Islam di samping menolak segala salah faham yang menghalang manusia daripada beriman dan memahami hakikat ajaran Islam yang sebenar, (ii) jihad dengan harta benda dalam memberikan sumbangan terhadap pembentukan sebuah masyarakat Islam yang sepatutnya, (iii) jihad berbentuk mempertahankan diri (*defensive*) iaitu ketika masyarakat Islam berhadapan dengan serangan musuh yang ingin menggugat agama Islam dan (iv) jihad berbentuk serangan (*offensive*) iaitu ketika masyarakat Islam ingin menyebarkan dakwah Islam kepada masyarakat lain di sesebuah negara lain tetapi pada masa yang sama pemerintah negara tersebut pula menghalang usaha dakwah tersebut<sup>356</sup>.

<sup>356</sup> Muṣṭafā al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhajī, alā Madhhab al-Imām al-Shāfi,ī* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2012), 3:475.

**Kedua:** Jihad serta merta menjadi fardhu ain kepada lelaki dan perempuan ketika mendapat kerahan umum iaitu dalam situasi pihak musuh menyerang tanah air dan menggugat kebebasan mengamalkan ajaran Islam<sup>357</sup>.

**Ketiga:** Syarat wajib jihad ketika dalam keadaan fardhu kifayah adalah merangkumi perkara-perkara berikut iaitu seseorang itu beragama Islam<sup>358</sup>, telah baligh serta berakal<sup>359</sup>, lelaki dan tidak diwajibkan terhadap wanita<sup>360</sup>, berkemampuan dari sudut fizikal dan harta<sup>361</sup>, terlebih dahulu meminta persetujuan daripada kedua ibu bapanya dan sekiranya salah seorang daripada keduanya tidak mengizinkan, maka seseorang itu tidak diwajibkan untuk berjihad kerana mentaati ibu bapa adalah fardhu ain bagi setiap anak<sup>362</sup>.

**Keempat:** Umat Islam hanya wajib keluar berperang sebagai jihad (fardhu kifayah) setelah meneliti syarat-syarat yang berkaitan dengan orang kafir yang diperangi iaitu:

---

<sup>357</sup> *Ibid.*, 3:478.

<sup>358</sup> *Ibid.*, 3:481-483.

<sup>359</sup> Ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. menilaiku untuk menyertai peperangan Uhud dan ketika itu aku berumur 14 tahun tetapi Baginda s.a.w. tidak mengizinkan. Seterusnya Baginda menilaiku dalam peperangan al-Khandaq ketika aku berumur 15 tahun dan aku diberikan keizinan [untuk menyertainya]”. Lihat Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Imārah, Bāb Bayān Sinn al-Bulūgh*, hadith no. 3473). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 9:435.

<sup>360</sup> Ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: „Aishah r.a. menyatakan bahawa beliau telah bertanya: “Wahai Rasulullah, Bolehkah kami berperang dan berjihad bersama lelaki? Baginda s.a.w. menjawab dengan sabdanya: “Kalian mempunyai jihad yang lebih baik dan lebih indah iaitu haji yang diterima (mabrur)”. Lihat Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb Jazā’ al-Ṣayd, Bāb Ḥajj al-Nisā’*, hadith no. 1861). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, 2:19.

<sup>361</sup> Jihad tidak diwajibkan kepada golongan yang tidak berkemampuan seperti orang buta, tempang dan orang miskin yang tidak mempunyai harta sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Orang-orang yang lemah dan orang-orang yang sakit dan juga orang-orang yang tidak mempunyai sesuatu yang akan dibelanjakan, tidaklah menanggung dosa (kerana tidak turut berperang) apabila mereka berlaku ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya. Tidak ada jalan sedikitpun bagi menyalahkan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. Dan tidak juga berdosa orang-orang yang ketika mereka datang kepadamu (memohon) supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka, engkau berkata: Tidak ada padaku kenderaan yang hendak kuberikan untuk membawa kamu, mereka kembali sedang mata mereka mengalirkan airmata yang bercucuran, kerana sedih bahawa mereka tidak mempunyai sesuatu yang hendak mereka belanjakan (untuk pergi berjihad pada jalan Allah)”. (Surah al-Tawbah, 9:91-92).

<sup>362</sup> Ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: „Abd Allah bin „Amru meriwayatkan bahawa seorang lelaki telah datang kepada Rasulullah s.a.w. untuk meminta izin berjihad. Maka Baginda s.a.w. bertanya: “Adakah ibu bapamu masih hidup?”. Lelaki tersebut menyatakan: “Ya”. Baginda s.a.w. selanjutnya bersabda: “Pulanglah kepada keduanya dan berjihadlah” [dalam berbakti kepada keduanya]. Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Ādāb, Bāb Birr al-Wālidayn wa Annahumā Aḥaqq bih*, hadith no. 6668). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 8:3.



- i. Orang kafir yang diperangi tersebut bukanlah daripada golongan orang kafir harbi yang meminta perlindungan<sup>363</sup>, golongan orang kafir harbi yang terikat dengan perjanjian damai<sup>364</sup> atau ahli zimmah<sup>365</sup> yang terdiri daripada rakyat bukan Islam dalam negara Islam;
- ii. Sebelum diperangi, mereka perlu diperkenalkan terlebih dahulu dengan agama Islam dan dijelaskan tentang ajaran Islam. Ini adalah berdasarkan kepada surat yang diutuskan oleh Rasulullah s.a.w. kepada para Raja dan pembesar di luar Kota Madinah seperti surat kepada Maharaja Rom dalam menyerunya kepada Islam<sup>366</sup>;
- iii. Peringkat seterusnya, mereka diminta agar membayar jizyah kepada negara Islam sekiranya tidak mahu memeluk agama Islam<sup>367</sup>.
- iv. Sekiranya enggan, barulah golongan kafir ini boleh diperangi<sup>368</sup>.

**Kelima:** Terdapat adab-adab yang perlu dipatuhi oleh para tentera Islam untuk melayakkan mereka mendapat pengiktirafan daripada Allah S.W.T. sebagai *shuhadā' fī sabīl Allāh*.

Antara adab bagi para pejuang tersebut termasuklah tidak mencuri harta rampasan perang,

<sup>363</sup> Berdasarkan Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga dia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarliah dia ke mana-mana tempat yang dia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam). (Surah al-Tawbah, 9:6)

<sup>364</sup> Berdasarkan Firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Dan jika engkau mengetahui adanya perbuatan khianat dari sesuatu kaum (yang mengikat perjanjian setia denganmu) maka campakkanlah (perjanjian itu) kepada mereka dengan cara terus terang dan adil. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang khianat”. (Surah al-Anfāl, 8:58).

<sup>365</sup> Ini adalah berdasarkan larangan Rasulullah s.a.w. sebagaimana sabda Baginda s.a.w. yang bermaksud: “Sesiapa yang membunuh seseorang lelaki daripada *ahl al-Dhimmah*, [maka pembunuh tersebut] tidak dapat menghidu bau Syurga sedangkan baunya dapat dihidu sejauh 70 tahun perjalanan. Hadith riwayat al-Nasāī (*Kitāb al-Qasāmah, Bāb Ta, zīm Qatl al-Mu, āhid*, hadith no. 4749). Hadith ini dihukum *ṣahīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Nasāī, Ahmad bin Shu, ayb, *al-Mujtabā min al-Sunan, taḥqīq*: ,Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah (Ḥalab: Maktab al-Maṭbū, āt al-Islāmiyyah, 1986), 8:25.

<sup>366</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb Bad' al-Wahy, Bāb Kayf Kān Bad' al-Wahy Ilā Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alayh wa Sallam*, hadith no. 7). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Jāmi' al-Ṣahīḥ al-Musnad min Hadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 1:16.

<sup>367</sup> Ini adalah sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar jizyah dengan keadaan taat dan merendahkan diri”. (Surah al-Tawbah, 9:29).

<sup>368</sup> Muṣṭafā al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhajī ,alā Madhhab al-Imām al-Shāfi, I*, 3:487.

tidak mungkir janji atau khianat, tidak mencacatkan mayat musuh, tidak membunuh kanak-kanak yang belum balīgh<sup>369</sup>. Selain itu, Abū Bakr r.a. juga pernah mewasiatkan kepada Yazīd bin Abī Sufyān yang diutuskan sebagai panglima perang ke Syam agar tidak membunuh kaum wanita, kanak-kanak, orang tua yang telah lanjut usia, tidak menebang pokok yang sedang berbuah, tidak merosakkan bangunan, tidak menyembelih kambing dan unta kecuali untuk dimakan, tidak melakukan pengkhianatan dan tidak menakutkan<sup>370</sup>. Antara lain, para mujahid perlu sentiasa merendahkan diri kepada Allah S.W.T. dengan merasakan diri tidak berdaya dan lemah tanpa bantuan-Nya sebagai adab seorang hamba kepada Tuhannya. Ini adalah berdasarkan peringatan Allah S.W.T. kepada para sahabat r.a. dalam perang *Hunayn* sebagaimana firman-Nya:

لَقَدْ نَصَرَكُمُ اللَّهُ فِي مَوَاطِنَ كَثِيرَةٍ وَيَوْمَ حُنَيْنٍ إِذْ أَعْجَبَتْكُمْ كَثْرَتُكُمْ فَلَمْ تُغْنِ  
عَنكُمْ شَيْئًا وَضَاقَتْ عَلَيْكُمُ الْأَرْضُ بِمَا رَحُبَتْ ثُمَّ وَلَّيْتُم مُّدْبِرِينَ ﴿٢٥﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah telah menolong kamu mencapai kemenangan dalam banyak medan-medan perang dan di medan perang Hunain, iaitu semasa kamu merasa megah dengan sebab bilangan kamu yang ramai; maka bilangan yang ramai itu tidak mendatangkan faedah kepada kamu sedikitpun dan (semasa kamu merasa) bumi yang luas itu menjadi sempit kepada kamu; kemudian kamu berpaling undur melarikan diri”.

(Surah al-Tawbah, 9:25)

<sup>369</sup> Ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: Sulayman bin Buraydah meriwayatkan daripada ayahnya bahawa Rasulullah s.a.w. telah memberi wasiat ketika mengarahkan seseorang ketua bagi suatu angkatan tentera yang besar (*jaysh*) atau angkatan tentera yang kecil (*sariyyah*) secara khusus agar bertaqwa kepada Allah dan berbuat baik dengan para pengikutnya yang terdiri daripada kaum muslimin. Kemudian Baginda s.a.w. bersabda: “Berjuanglah atas Nama Allah ketika berperang di jalan Allah, bunuhlah sesiapa yang kafir terhadap Allah, berperanglah tetapi jangan menipu untuk mencuri harta rampasan perang, janganlah melakukan pengkhianatan, janganlah mencacatkan dan janganlah membunuh kanak-kanak” Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Ta’mir al-Imām al-Umarā’*, *alā al-Bu, ūth wa Waṣiyyatih Iyyāhum bi Ādāb al-Ghazw wa Ghayrihimā*, hadith no. 4619). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 5:139.

<sup>370</sup> Berdasarkan hadith riwayat Malik bin Anas (*Kitāb al-Jihād, Bab al-Nahy ,an Qatl al-Nisā’ wa al-Wildān fi al-Ghazw*, hadith no. 965). Lihat Mālik bin Anas, *Muwatta’ al-Imām Mālik, taḥqīq: Muḥammad Fuād ,Abd al-Bāqī* (Mesir: Dār Iḥyā’ al-Turāth al- ,Arabī, t.t.), 2:447.

Berdasarkan ayat ini, jelas bahawa kemegahan terhadap kuantiti tentera yang dimiliki dalam peperangan adalah penyebab kepada kekalahan<sup>371</sup>. Perkara ini juga pernah berlaku kepada salah seorang Nabi daripada para Nabi a.s. yang takjub dengan 70 ribu orang tentera daripada kaumnya sehingga Nabi a.s. tersebut berkata: “*Siapa yang dapat menandingi mereka ini*”? Lantaran itu, Allah S.W.T. mewahyukan kepada Nabi „a.s. agar memilih salah satu daripada tiga perkara berikut iaitu tenteranya dikalahkan oleh musuh dalam peperangan atau diuji dengan kebuluran atau mati sebagai peringatan akibat kekagumannya itu. Nabi a.s. lalu memilih kematian<sup>372</sup>. Justeru, antara kepentingan pendedahan tentang konsep jihad menurut perspektif Islam sebagaimana yang dikemukakan di atas terhadap kumpulan sasaran adalah bagi mengelakkan mereka dari terjebak dengan ideologi keganasan yang menyeleweng dan menyalahi ajaran Islam yang sebenar seperti gerakan militan *Islamic State in Iraq and Syams (ISIS)*<sup>373</sup>, gerakan kumpulan Negara Islam Indonesia (NII)<sup>374</sup>, kumpulan Hazbut Tahrir<sup>375</sup> dan sebagainya.

<sup>371</sup> Al-Ashqar, „Umar Sulaymān „Abd Allāh, *Ṣaḥīḥ al-Qaṣaṣ al-Nabawī* (t.tp.: Dār al-Nafāis, t.t.), 171.

<sup>372</sup> Berdasarkan hadith riwayat Aḥmad bin Ḥanbal (*Bāqī Musnad al-Anṣār, Ḥadīth Ṣuḥayb Raḍiy Allāh „anh*, hadith no. 23972). Menurut Shu,ayb al-Arnaūṭ, hadith ini mempunyai sanad yang *ṣaḥīḥ* mengikut syarat Muslim. Lihat Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (Kaherah: Muassasah Qurṭabah. t.t.), 6:16; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb Tafsīr al-Qurān, Bāb wa min Sūrah al-Burūj*, no. hadith 3340). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al- al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin „Isā, *Sunan al-Tirmidhī*, 758.

<sup>373</sup> Nama lain bagi kumpulan militan ini ialah *al-Dawla al-Islamiya fī Iraq wa al-Sham* (DAESH), *Islamic State of Iraq and the Levant* (ISIL) atau *militan Islamic State* (IS). Fahaman, ideologi dan ajaran kumpulan militan ini adalah jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar kerana membunuh manusia secara kejam seperti melemaskan, mengebom, menyembelih serta membakar tahanan hidup-hidup di samping membunuh orang awam yang tidak menyertai perjuangan mereka, merogol wanita-wanita yang telah ditawan kerana menganggap para wanita yang berjaya ditawan adalah antara hamba tawanan perang, memusnahkan rumah ibadat agama-agama lain, mendakwa bahawa individu Islam yang tidak menyertai jihad menurut fahaman mereka telah melakukan dosa besar dan bukan merupakan orang Islam yang sebenar, mengkafirkan pemerintah Islam yang mengamalkan sistem demokrasi dan wajib diperangi, menghalalkan darah orang Islam yang menentang mereka kerana telah dianggap sebagai kafir, *al-tāghūt* atau munafik dan yang paling terpenting bagi kesesatan kumpulan ini ialah menyempitkan konsep jihad dengan mentafsirkan bahawa jihad secara serangan (*ofensif*) adalah satu-satunya cara untuk menegakkan Islam. Lihat Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Jilid 69, No. 2/ 3hb Februari 2016). Lihat juga laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor yang dicapai pada 20hb. Ogos 2017 tentang Fatwa Gerakan Militan DAESH di <http://www.muftiselangor.gov.my/fatwa-tahunan/pewartaan/2010-terkini/469-fatwa-gerakan-militan-al-dawla-al-islamiya-fi-iraq-wa-al-sham-daesh-atau-militan-islamic-state-in-iraq-and-syams-isis-atau-islamic-state-of-iraq-and-the-levant-isil-atau-militan-islamic-state-is>

<sup>374</sup> Kumpulan ini telah difatwakan menyeleweng daripada ajaran Islam kerana mengkafirkan semua orang Islam yang tidak menjadi ahli kumpulan ini, dikehendaki membayar wang “*taubah*” bagi sesiapa yang ingin menjadi ahli kumpulan ini, menyatakan bahawa solat fardhu lima waktu adalah rekaan para ulama”;

Oleh itu, kumpulan sasaran perlu didedahkan tentang haluan yang betul dalam konteks semasa untuk berjihad.<sup>376</sup>

### 1.3.5.3 Al-Dajjāl

Al-Dajjāl salah satu daripada sepuluh tanda-tanda besar Kiamat sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w. yang berikut:

عَنْ حُذَيْفَةَ بْنِ أَسِيدِ الْغِفَارِيِّ قَالَ اطَّلَعَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْنَا وَنَحْنُ نَتَذَكَّرُ فَقَالَ مَا تَذَكَّرُونَ قَالُوا نَذَكُرُ السَّاعَةَ قَالَ إِنَّهَا لَنْ تَقُومَ حَتَّى تَرَوْنَ قَبْلَهَا عَشْرَ آيَاتٍ فَذَكَرَ الدُّخَانَ وَالذَّجَالَ وَالذَّابَّةَ وَطُلُوعَ الشَّمْسِ مِنْ مَغْرِبِهَا وَنُزُولَ عِيسَى ابْنِ مَرْيَمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَيَأْجُوجَ وَمَأْجُوجَ وَثَلَاثَةَ حُسُوفٍ حَسَفٌ بِالْمَشْرِقِ وَحَسَفٌ بِالْمَغْرِبِ وَحَسَفٌ بِجَزِيرَةِ الْعَرَبِ وَآخِرُ ذَلِكَ نَارٌ تَخْرُجُ مِنَ الْيَمَنِ تَطْرُدُ النَّاسَ إِلَى مُحْشَرِهِمْ

Maksudnya: Huzayfah bin Asid al-Ghifari meriyawatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah datang kepada kami ketika kami sedang melakukan perbincangan. Baginda bertanya: “Apakah yang sedang kalian bincangkan?”. Para sahabat menjawab: “Kami berbincang tentang hari Kiamat”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya kiamat tidak akan berlaku sehingga kalian melihat sepuluh petanda sebelum kedatangannya iaitu keluarnya asap, al-Dajjal, *al-Dābbah*, terbitnya matahari daripada Timur, turunnya Nabi Isa a.s., keluarnya Yakuj dan Makuj serta tiga

---

menafikan tentang kewajipan berpuasa di bulan Ramadhan dan sebagainya sebagaimana yang diwartakan oleh Jabatan Mufti Negeri Selangor pada 31hb. Mac 2011. Lihat laman web rasmi Jabatan Agama Islam Selangor yang dicapai pada 17hb. Ogos 2017, jam 5.30 petang di <http://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini/196-hukum-ajaran-kumpulan-negara-islam-indonesia-n11-di-negeri-selangor>

<sup>375</sup> Fahaman dan ajaran kumpulan ini adalah menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar kerana mengkafirkan kesemua negara Islam kini termasuk para pemerintah, ahli parlimen dan para ulama” Islam yang menerima dan berhukum dengan sistem kufur di samping berfahaman dengan fahaman Qadariyyah serta sebab-sebab yang lain sebagaimana fatwa yang diputuskan oleh Jabatan Fatwa Negeri Selangor dalam Warta kerajaan Selangor. Lihat Seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Jilid 68, No. 19, 17hb September 2015). Lihat juga laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Selangor yang dicapai pada 20hb. Ogos 2017, jam 5.41 petang tentang “Fatwa Kedudukan Hizbur Tahrir” di <http://www.muftiselangor.gov.my/awam/fatwa/fatwa-terkini/442-fatwa-dasar-pengurusanagihan-manfaat-sewaan-perbadanan-wakaf-selangor-pws-3>

<sup>376</sup>Ini kerana berdasarkan pemerhatian turut serta yang dilakukan secara rintis terhadap para pelajar tahfiz di Rawang dan Subang Jaya, terdapat segelintir pelajar yang bersemangat untuk berjihad setelah pengkaji mendedahkan tentang peperangan akhir zaman, al-Mahdi dan penaklukan Kota Konstantinopel kali kedua. Hasilnya, seorang pelajar di sekolah tahfiz Rawang yang berumur 16 tahun bagi tahun 2013 telah menyatakan secara bertulis bahawa cita-cita beliau kelak adalah menjadi tentera al-Mahdi. Sementara di Subang Jaya pula, seorang pelajar Sekolah Menengah Islam Darul Ehsan yang berumur 13 tahun pada 2014 sering kali mengungkapkan kalimah: “Ustaz, saya nak jadi tentera al-Mahdi” ketika berselisih dengan pengkaji di dalam kawasan sekolah. Justeru, pengkaji tidak menolak kemungkinan bahawa pendedahan tentang al-Mahdi di akhir zaman dan penaklukan Kota Konstantinopel akan memotivasikan segelintir para pelajar untuk berjihad.

mendapan besar, satu di Barat, satu di Timur dan satu di Semenanjung Tanah Arab dan tanda akhirnya ialah api yang keluar daripada Yaman yang menghalau manusia menuju ke *Mahshar*<sup>377</sup>.

Al-Dajjāl adalah fitnah pada akhir zaman yang merupakan ujian paling besar bagi Iman dan bencana yang paling buruk sehingga Rasulullah s.a.w. memerintahkan umat Baginda agar meminta perlindungan kepada Allah S.W.T. daripada fitnah al-Dajjāl<sup>378</sup>. Sabda Baginda s.a.w.:

إِذَا تَشَهَّدَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنْ أَرْبَعٍ يَفْعَلُ اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ

Maksudnya: “Apabila salah seorang daripada kalian selesai membaca *tashahhud*, hendaklah dia berlindung dengan Allah daripada empat perkara dengan mengucapkan: “Ya Allah, sesungguhnya aku belindung kepada-Mu daripada azab Neraka Jahannam, azab kubur, fitnah hidup dan mati serta fitnah al-Masīh al-Dajjāl”<sup>379</sup>.

Secara fizikalnya, al-Dajjal adalah seorang lelaki yang buta sebelah mata kanannya dan tertulis di antara kedua matanya perkataan “*Kāfir*”<sup>380</sup>. Antara ciri lain yang terdapat padanya ialah beliau bertubuh pendek serta gemuk, hujung telapak kakinya berdekatan manakala tumitnya berjauhan dan berambut kerinting<sup>381</sup>. Beliau akan keluar dari sebuah

<sup>377</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Fitan wa Ashrāt al-Sā,ah, Bāb fī Āyāt Allatī Takūn Qabl al-Sā,ah*, hadith no. 7467). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 8:178; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Jā ‘fī al-Khasf*, hadith no. 2183). Hadith ini turut dihukum *ḥasan ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā, *Sunan al-Tirmidhī*, 494.

<sup>378</sup> Amin Muhammad Jamaluddin, *Singkatnya Usia Umat Islam Kedatangan Imam Mahdi & Munculnya Dajjal*, terj. Adawiya Saad, Batu Caves: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd., (2012), 157.

<sup>379</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Masājīd, Bāb Mā Yusta,ādḥ minh fī al-Ṣolāh*, hadith no. 1352). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:93.

<sup>380</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Fitan, Bāb Dhikr al-Dajjāl*, hadith no. 7131). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:326; Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Malāḥim, Bāb Khurūj al-Dajjāl*, hadith no. 4318). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash, *Sunan Abī Dāwud*, 4:197.

<sup>381</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Fitan, Bāb Dhikr al-Dajjāl*, hadith no. 7128). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:326; Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Malāḥim, Bāb Khurūj al-Dajjāl*, hadith no. 4322). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.), 4:198.

tempat di Timur yang bernama *Khurāsān*<sup>382</sup> dan akan diikuti oleh 70 ribu orang Yahudi *Aṣbahān*<sup>383</sup>.

Secara asasnya, pendedahan tentang kedatangan al-Dajjāl kepada kumpulan sasaran mampu menimbulkan minat mereka untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang tanda-tanda kedatangannya dan kaedah untuk mengatasi fitnah yang dibawanya sebagaimana yang dikhabarkan oleh Rasulullah s.a.w.. Bagi tujuan kajian ini dalam pengaplikasian Terapi Islam, pendedahan tentang al-Dajjāl adalah pendedahan yang pertama yang akan dilakukan oleh pengkaji sebelum mendedahkan Terapi Islam yang lain<sup>384</sup>.

#### 1.3.5.4 Peristiwa Di *Maḥshar*

Berdasarkan Psikoterapi Iman terhadap akhirat sebagaimana yang dinyatakan oleh Khairunnas Rajab, terapis perlu memotivasikan para ahli dalam kumpulan sasaran agar sentiasa berbuat baik dalam kehidupan sehariannya di samping menyedarkan mereka agar sentiasa mempersiapkan diri serta berhati-hati dalam setiap amal perbuatan yang dilakukan<sup>385</sup>. Terdapat banyak dalil al-Quran dan hadith Rasulullah s.a.w. yang membincangkan tentang peristiwa yang berlaku di *Maḥshar*. Antaranya adalah seperti berikut:

---

<sup>382</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Fitan, Bāb Mā Jā min Ayn Yakhruj al-Dajjāl*, hadith no. 2237). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin Ḥusayn, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Maʿārif li al-Nāshir wa al-Tawzīʿ, t.t.), 505; Hadith riwayat Aḥmad (*Musnad al-Asharah al-Mubashshirīn bi al-Jannah, Musnad Abī Bakr al-Ṣiddīq Raḍī Allāh ʿAnh*, hadith no. 12). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh Shuʿayb al-Arnaūṭ. Lihat Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (Kaherah: Muassasah Qurṭabah, t.t.), 1:4.

<sup>383</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Fitan wa Ashrāt al-Sāʿah, Bāb fī Baqiyyah min Aḥādith al-Dajjāl*, hadith no. 7579). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 8:207.

<sup>384</sup> Ini adalah kerana berdasarkan pemerhatian turut serta secara tidak rasmi sebagai kajian rintis di dua buah tahfiz di Rawang dan Subang Jaya, para pelajar kebiasaannya akan menunjukkan minat yang mendalam untuk mengetahui dengan lebih lanjut maklumat tentang al-Dajjāl. Maklumat adalah berdasarkan pemerhatian turut serta sebagai kajian rintis pada tahun 2013-2014. Dalam pemerhatian ini, pengkaji pernah suatu ketika bertanya secara berseloroh kepada para pelajar: “*Hari ni nak ustaz cerita apa?*”. Sebagai jawapan, majoriti pelajar berkata secara serentak: “*Cerita tentang Dajjal!*”. Perkara ini berlaku setelah pengkaji menceritakan secara ringkas kepada kumpulan sasaran pada pertemuan pertama.

<sup>385</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental”, 130-131.

- i. Manusia dibangkitkan daripada kubur dalam keadaan tidak berpakaian dan berkaki ayam<sup>386</sup>.
- ii. Setiap mereka yang melakukan kezaliman terhadap orang lain akan menerima hukuman *al-qīṣas*<sup>387</sup>.
- iii. Semua manusia akan menghadap Allah S.W.T. dalam keadaan berbaris<sup>388</sup>.
- iv. Umat Rasulullah s.a.w. akan meminum air di *al-Hawḍ*<sup>389</sup>.
- v. Semua manusia akan ditimbang segala amalannya<sup>390</sup>.
- vi. Meniti Titian Sirat sebelum memasuki Syurga<sup>391</sup>.

<sup>386</sup> Berdasarkan hadith yang bermaksud: „Āishah Raḍī Allāh „Anhā berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Kamu semua akan dibangkitkan dalam keadaan berkaki ayam, tidak berpakaian dan tidak berkhatan”. Maka aku bertanya: “Ya Rasulullah s.a.w., adakah lelaki dan wanita saling melihat antara satu sama lain?”. Lalu Rasulullah s.a.w. menjawab: “Urusan pada hari itu lebih penting berbanding hal tersebut”. Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Riqāq, Bāb Kayf Hashr*, hadith no. 6527). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:196; Hadith riwayat Muslim dengan makna yang sama (*Kitāb al-Jannah wa Sifah Na‘imihā wa Ahlihā, Bāb Fana‘, al-Dunyā wa Bayān al-Hashr Yawm al-Qiyāmah*, hadith no. 7377). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 8:156; Hadith riwayat Ibn Majah dengan makna yang sama (*Kitāb al-Zuhd, Bāb Dhikr al-Ba‘th*, hadith no. 4276). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah*, 708.

<sup>387</sup> Ini adalah berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Sesiapa yang pernah melakukan kezaliman terhadap saudaranya, hendaklah dia meminta dihalalkan. Sesungguhnya di sana tiada lagi dinar dan dirham. Ketika itu diambil kebaikan-kebaikan orang yang menzalimi untuk diberikan kepada saudaranya yang dizalimi. Sekiranya orang yang menzalimi tiada lagi kebaikan, maka dia akan menanggung kejahatan-kejahatan saudaranya yang dizalimi”. Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Riqāq, Bāb Kayf Hashr*, hadith no. 6534). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:197. Hadith ini pengkaji pernah kemukakan kepada para pelajar di Tahfiz Luqman al-Hakim dan Ma‘had Tahfiz al-Ihsan sebagai suatu ancaman agar tidak melakukan kezaliman terhadap sesama manusia seperti mencuri, memukul, mengumpat dan sebagainya.

<sup>388</sup> Ini adalah berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Dan mereka akan dibawa ke hadapan Tuhannya dengan berbaris. (Allah berfirman), “Sesungguhnya kamu datang kepada Kami, sebagaimana Kami menciptakan kamu pada pertama kali; bahkan kamu menyangka bahawa Kami tidak akan menetapkan bagi kamu waktu (bangkit untuk memenuhi perjanjian)”. (Surah al-Kahf, 18:48).

<sup>389</sup> Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Sesungguhnya aku diberikan sebuah telaga yang jaraknya adalah antara Ka‘bah dan Bait al-Maqdis, airnya putih seumpama susu, bekas minumannya sebanyak bilangan bintang di langit dan pengikutku lebih ramai di hari Kiamat berbanding para Nabi yang lain” Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Zuhd, Bāb Dhikr al-Hawḍ*, hadith no. 4301). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah, taḥqīq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī‘, t.t.), 712.

<sup>390</sup> Ini adalah berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Kami akan memasang timbangan yang tepat pada hari kiamat, maka tiadalah dirugikan seseorang walau sedikitpun. Dan jika (amalan itu) hanya seberat biji sawi pun pasti Kami mendatangkan (pahala)nya. Dan cukuplah Kami sebagai Pembuat perhitungan”. (Surah al-Anbiyā‘, 21:47). Menurut al-Tustarī, Ketika segala amalan ditimbang, hanya amalan yang ikhlas sahaja yang diterima manakala amalan yang tiada keiklasan padanya tidak akan diterima. Lihat al-Tustarī, Sahl bin ‘Abd Allāh, *Tafsīr al-Tustarī* (t.t.p.: t.p., t.t.), 5:115.

<sup>391</sup> Ini adalah sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Dan tidak ada seorang pun daripada kamu melainkan pasti mendatangi neraka itu (melalui titian sirat). Hal itu bagi Tuhanmu adalah suatu kemestian

Secara umumnya, pengetahuan dan pemahaman terhadap peristiwa di padang Mahshar mampu memberi kesedaran kepada kumpulan sasaran tentang dosa dan pahala, lantas mendorong mereka untuk sentiasa berusaha berbuat amal soleh dan kebajikan.<sup>392</sup> Jelasnya, Terapi Iman yang menfokuskan kepada peristiwa yang berlaku di Mahshar bagi Rukun Iman kelima ini mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam pendidikan akhlak.

### 1.3.6 Beriman Dengan Ketetapan Baik dan Buruk (*al-Qadā' wa al-Qadar*)

Bagi Rukun Iman keenam, ianya adalah berkait rapat dengan keyakinan terhadap ketetapan yang telah ditentukan oleh Allah S.W.T. dan keimanan seseorang itu tidak sempurna tanpanya<sup>393</sup>. *Al-Qadā'* pada bahasa bermaksud pelaksanaan (*al-hukm*) dan pada pengistilahan pula, *al-Qadā'* ialah apa yang dikehendaki oleh Allah S.W.T. sejak azali<sup>394</sup>. Manakala *al-Qadar* pula bermaksud menetapkan, menghukum dan menyampaikan sesuatu<sup>395</sup> iaitu ketentuan Allah S.W.T. terhadap segala sesuatu dengan ukuran yang dikhususkan<sup>396</sup>. Kewajipan untuk beriman dengannya adalah sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Ibn „Umar:

---

yang sudah ditetapkan. Kemudian Kami akan menyelamatkan orang-orang yang bertakwa dan membiarkan orang-orang yang zalim di dalam neraka dalam keadaan berlutut". (Surah Maryam, 19:71-72).

<sup>392</sup> Secara praktikalnya, pengkaji telah menjalankan pengaplikasian Terapi Iman yang kelima ini terhadap para pelajar di Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang. Dalam pengaplikasian tersebut, pengkaji telah memberikan peringatan kepada subjek kajian agar sentiasa berhati-hati dalam kehidupan seharian terutamanya yang melibatkan dosa sesama manusia seperti mencuri, mengumpat dan sebagainya. Hasilnya, para pelajar yang pada ketika itu hanya sekitar 17 orang telah memberikan tindak balas yang positif. Tindak balas tersebut termasuklah antaranya pengakuan tentang kesalahan mencuri dalam sekolah dan pengirisan sekeping surat yang menyatakan permohonan maaf yang mewakili para pelajar terlibat terhadap salah seorang ahli jemaah di surau berhampiran yang mempunyai kecacatan fizikal dan sering menjadi bahan jenaka serta umpatan para pelajar tersebut. (Ketika ini telah berlaku kes kecurian dalam kalangan para pelajar di tahfiz ini dan sebagai usaha untuk mengatasi masalah tersebut, pengkaji telah mengumpulkan para pelajar dan mengingatkan mereka tentang kedahsyatan peristiwa di Mahsyar serta bahaya bagi individu yang melakukan kesalahan terhadap orang lain. Maklumat adalah berdasarkan pemerhatian turut serta sebagai kajian rintis di Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang pada tahun 2013).

<sup>393</sup> Al-Ashqar, „Umar Sulaimān bin „Abd Allāh, *al-Qadā' wa al-Qadar* (al-Urdun: Dār al-Nafāis, 5008), 11.

<sup>394</sup> Nūh „Alī Salman, *Al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jawharah al-Tawhīd*, 103.

<sup>395</sup> Dari sudut istilahnya pula, *al-Qadar* bermaksud sesuatu yang didahului oleh ilmu dan berjalan dengannya *al-Qalam*. Lihat al-Ashqar, „Umar Sulaimān bin „Abd Allāh, *al-Qadā' wa al-Qadar* (al-Urdun: Dār al-Nafāis, 5008), 21.

<sup>396</sup> Nūh „Alī Salman, *Al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jawharah al-Tawhīd*, 103.



الْقَدْرِيَّةُ مَجُوسٌ هَذِهِ الْأُمَّةُ إِنْ مَرَضُوا فَلَا تَعُوذُوهُمْ وَإِنْ مَاتُوا فَلَا تَشْهَدُوهُمْ

Maksudnya: “*Al-Qadariyyah* adalah golongan Majusi bagi umat ini, sekiranya mereka sakit, janganlah kalian melawati mereka dan sekiranya mereka mati, janganlah kalian melihat jenazah mereka”<sup>397</sup>.

Hadith ini juga turut diriwayatkan oleh Ibn Mājah dengan lafaz matan yang sedikit berbeza tetapi mempunyai makna yang sama iaitu sebagaimana yang diriwayatkan oleh Jābir bin „Abd Allāh yang meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

إِنَّ مَجُوسَ هَذِهِ الْأُمَّةِ الْمُكَدِّبُونَ بِأَقْدَارِ اللَّهِ إِنْ مَرَضُوا فَلَا تَعُوذُوهُمْ وَإِنْ مَاتُوا فَلَا تَشْهَدُوهُمْ

Maksudnya: “Golongan Majusi bagi umat ini (Islam) adalah golongan yang mendustakan takdir Allah, sekiranya mereka sakit, maka janganlah kalian melawat mereka dan sekiranya mereka mati, maka janganlah kalian melihat mereka”<sup>398</sup>.

Justeru, setiap mukallaf wajib beriktikad bahawa Allah S.W.T. adalah Pencipta bagi segala perbuatan para hamba-Nya yang meliputi perbuatan baik dan perbuatan jahat sebagaimana yang tertulis di Lūh al-Maḥfūz<sup>399</sup>. Bersalahan dengan golongan Majusi yang mendakwa bahawa kebaikan adalah perbuatan cahaya dan kejahatan adalah perbuatan kegelapan (*al-zulmah*) serta golongan al-Qadariyyah yang menyandarkan kebaikan kepada Allah S.W.T. dan keburukan kepada selain-Nya<sup>400</sup>. Menurut Khairunnas Rajab bagi pengaplikasian Psikoterapi Iman kepada takdir, seorang terapis perlu memberikan kefahaman yang sewajarnya tentang makna dan pengertian takdir kepada pesakit di samping menasihatinya agar sentiasa bersabar, berlapang dada serta bertawakkal setelah berusaha dan berdoa dalam menghadapi takdir yang telah ditentukan

<sup>397</sup> Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Sunnah, Bāb fī al-Qadar*), hadith no. 4693). Hadith ini dihukum *Ḥasan* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash,ath, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, t.t.), 4:357.

<sup>398</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah (*Muqaddimah, Bāb fī al-Qadar*, hadith no. 92). Hadith ini dihukum *ḥasan* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Mājah, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 32.

<sup>399</sup> Muḥammad Shams Al-Ḥaq Ābādī, *Awn al-Ma, Būd Sharḥ Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1994), 12:295.

<sup>400</sup> Muḥammad Shams Al-Ḥaq Ābādī, *Awn al-Ma, Būd Sharḥ Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1994), 12:296.

ke atas dirinya kerana seseorang yang beriman dengan takdir mampu merasai ketenangan, ketenteraman dan kebahagiaan<sup>401</sup>. Secara praktikalnya, kaedah Khairunnas Rajab ini adalah wajar untuk diketengahkan kepada kumpulan sasaran.

#### 1.4 TERAPI IBADAH

Umum mengetahui bahawa manusia diciptakan adalah untuk beribadah kepada Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya dalam al-Quran:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan agar mereka beribadah kepada-Ku”.

(Surah *al-Dhāriyāt* 51:56)

Ayat al-Quran ini jelas menyatakan bahawa manusia diciptakan adalah untuk beribadat, maka sewajarnya mereka memerhatikan hikmah tujuan daripada kejadian diri mereka dan memalingkan diri daripada tipu daya dunia dengan zuhud kerana ianya adalah tempat yang akan binasa<sup>402</sup>. Selain itu, ketika mentafsirkan ayat al-Quran ini, al-Suyūṭī<sup>403</sup> mendatangkan hadith Rasulullah s.a.w. iaitu:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ يَا ابْنَ آدَمَ تَفَرَّغْ لِعِبَادَتِي أَمَلًا صَدْرَكَ غِيًّا وَأَسَدًّا فُقْرَكَ وَإِلَّا تَفْعَلْ  
مَلَأْتُ يَدَيْكَ شُغْلًا وَمَمَّ أَسَدًّا فُقْرَكَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah Ta,ala berfirman: Wahai anak Adam, lapangkanlah masa untuk beribadah kepada-Ku nescaya Aku penuhkan hatimu dengan kekayaan serta menutup kefakiranmu dan jika tidak engkau lakukan yang sedemikian, Aku penuhi kedua belah tanganmu dengan kesibukan dan tidak menutup kefakiranmu”<sup>404</sup>.

<sup>401</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental”, 135.

<sup>402</sup> Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf, *Riyād al-Sālihīn, taḥqīq*: Māhir Yāsīn al-Fahl (t.tp.: t.p., t.t.), 1:9.

<sup>403</sup> Al-Suyūṭī, ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *Al-Dur al-Manthūr fī al-Taḥsīn bi al-Ma,thūr, taḥqīq*: ‘Abd Allāh bin Muḥsin (Kaherah: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-,Arabīyyah wa al-Islāmiyyah, 2003), 13:689.

<sup>404</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb Sifah al-Qiyamah, Bāb 30*, no. hadith 2466). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Isā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 556; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Zuhd, Bāb Ham bi al-Dunyā*, hadith no. 4107). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 683.

Ibn Mājah meletakkan hadith ini dalam salah satu bab daripada kitab *al-Zuhd* yang merupakan kitab terakhir dalam *Sunan Ibn Majah* kerana natijah ilmu bagi seseorang ialah zuhud terhadap dunia dan mengharapkan kebaikan di sisi Allah S.W.T. sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Sindi<sup>405</sup>. Dalam Terapi Ibadah ini, pengkaji membahagikannya kepada beberapa terapi yang lain iaitu **pertama:** Terapi Niat, **kedua:** Terapi Rukun Islam, **ketiga:** Terapi al-Quran, **keempat:** Terapi *Istighfār*, **kelima:** Terapi Selawat dan **keenam:** Terapi Zikir. Secara teorinya, hampir kesemua Terapi Ibadah ini adalah berdasarkan metode Psikoterapi Ibadah yang diketengahkan oleh Khairunnas Rajab yang merangkumi bertaharah, menunaikan solat, berzakat, berpuasa, melaksanakan haji, berzikir, berdoa dan bertilawah al-Quran<sup>406</sup>. Sungguhpun begitu, pengkaji telah memodifikasikan teori ini dengan menambahkan beberapa Terapi Ibadah yang lain iaitu Terapi Niat, Terapi *Istighfār* dan Terapi Selawat di samping mengemukakan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Hadith yang berautoriti untuk dijadikan hujah bagi setiap Terapi Ibadah ini. Dalil-dalil naqli secara tidak langsung adalah relevan untuk didedahkan kepada kumpulan sasaran untuk memotivasikan mereka dalam ibadah. Selain itu, penambahan beberapa terapi dalam Terapi Ibadah ini adalah kerana kumpulan sasaran perlu melakukan setiap amal ibadah dengan sesempurna mungkin yang meliputi zahir dan batin.

#### 1.4.1 Terapi Niat

Niat yang ikhlas adalah suatu tuntunan dalam agama sebagaimana firman Allah S.W.T.:

لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّن نَّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ  
وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ أِبْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ﴿١١٤﴾

Maksudnya: “Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali bisikan-bisikan dari orang yang menyuruh (manusia)

<sup>405</sup> Al-Sindī, Muḥammad bin ‘Abd al-Hādī, *Ḥāshiyah al-Sindī ‘alā Sunan Ibn Majah* (t.tp.: t.p., t.t.), 7:459.

<sup>406</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental”, 236.

memberi sedekah, atau berbuat baik, atau mengadakan perdamaian di antara manusia. Dan barangsiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredhaan Allah, maka kelak Kami memberi kepadanya pahala yang besar”.

(Surah al-Nisā“, 3:114)

Ketika mentafsirkan ayat ini, Fakhr al-Rāzī menyatakan bahawa manusia akan mendapat manfaat dari amalan yang ikhlas kerana mengharapkan redha Allah manakala amalan yang dilakukan dengan *riyā*” dan *sum,ah* akan menjadi sebesar-besar kerosakan.<sup>407</sup> Seterusnya, beliau mentafsirkan ayat ini dengan mendatangkan hadith tentang niat sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

Maksudnya: “Setiap amalan adalah dengan niat dan bagi setiap orang adalah apa yang diniatkan”<sup>408</sup>.

Abū Ṭālib al-Makkī turut menggunakan hadith ini ketika membahaskan tentang keperluan bersabar dalam membetulkan niat sebelum melakukan sesuatu amalan<sup>409</sup>. Justeru itu, pada pandangan pengkaji, Terapi Niat ini adalah lebih utama berbanding terapi-terapi ibadah yang lain<sup>410</sup>. Bagi tujuan pendidikan akhlak, kumpulan sasaran sewajarnya didedahkan dengan keperluan melakukan ibadah adalah semata-mata kerana Allah S.W.T.. Pada masa yang sama, guru secara khususnya perlu memainkan peranannya dalam memotivasikan

<sup>407</sup> Al-Rāzī, Muḥammad bin ‘Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mushtahir bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātīḥ al-Ghaib* (Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭabā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1981), 11:42.

<sup>408</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb Bad., al-Wahy, Bāb Kaif Kān Bad., al-Wahy ilā Rasūl Allāh*, hadith no. 1). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad*, 1:13; Hadith riwayat Aḥmad (*Musnad ‘Umar bin Khaṭṭāb Raḍiy Allāh ‘Anh*, hadith no. 168). Lihat Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad Aḥmad bin Ḥanbal* (Kaherah: Muassasah al-Qurṭabah, t.t.), 1:25; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Zuhd, Bāb al-Niyyah*, hadith no. 4227). Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah*, 701.

<sup>409</sup> Abū Ṭālib Al-Makkī, Muḥammad bin ‘Alī, *Qūt al-Qulūb fī Mu‘āmalah al-Maḥbūb wa Wasf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tawḥīd, taḥqīq: ‘Ashim Ibrāhīm al-Kayālī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2005), 1:329.

<sup>410</sup> Berdasarkan pemerhatian turut serta secara tidak rasmi di Tahfiz Luqman al-Hakim dan Maahad Tahfiz al-Ihsan pada tahun 2013-2014, ramai dalam kalangan mereka melakukan ibadah sunat terutamanya pembacaan al-Quran secara tidak ikhlas kerana mempunyai sebab-sebab lain yang mempengaruhi perbuatan tersebut seperti takut didenda atau dimarahi oleh guru. Hal ini jelas jika dilihat kepada keadaan para pelajar ketika hadirnya seseorang guru atau tidak. Para pelajar akan membaca al-Quran dengan baik ketika hadirnya seseorang guru di kelas dan sebaliknya berlaku ketika guru tiada di kelas. Ini adalah berdasarkan pengalaman pengkaji ketika melakukan pemerhatian turut serta secara tidak rasmi sebagai salah seorang guru tahfiz dan warden di Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang pada 2013 dan Maahad Tahfiz al-Ihsan, Subang Jaya pada 2014 terhadap para pelajar tahfiz di kedua-dua lokasi ini.

mereka agar sentiasa ikhlas dalam beramal. Secara praktikalnya, seseorang guru itu tidak wajar memaksa mereka untuk melakukan sesuatu amalan di samping menghukum mereka yang tidak melakukannya seperti merotan mereka yang tidak solat sunat tahajjud, salah dalam pembacaan al-Quran dan sebagainya. Pada masa yang sama, seseorang guru itu juga mempunyai adab yang dipatuhi dalam memberikan pendidikan akhlak terhadap para pelajarinya. Adab-adab ini akan dikemukakan dengan lebih jelas dalam Bab Dua.

#### 1.4.2 Terapi Rukun Islam

Sebelum melakukan ibadah-ibadah sunat, kewajiban yang terdapat dalam Rukun Islam perlu dilaksanakan terlebih dahulu kerana ianya adalah tiang kepada agama sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

بني الإسلام على خمس شهادة أن لا إله إلا الله وأن محمداً رسول الله وإقام الصلاة وإيتاء  
الزكاة والحج وصوم رمضان

Maksudnya: “Islam dibina atas lima perkara: Bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, mengerjakan haji serta berpuasa di bulan Ramadhan”<sup>411</sup>.

Dalam pendidikan akhlak, adalah wajar sekiranya para pelajar didedahkan secara ilmiah dengan lima rukun Islam yang merupakan perkara yang wajib diketahui dan dilaksanakan bagi setiap *mukallaf*. Sungguhpun begitu, bagi tujuan pengaplikasian yang akan dilaksanakan di lokasi kajian, pengkaji hanya menumpukan terhadap Terapi Solat dan Terapi Puasa.

---

<sup>411</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Īmān, Bāb Du, āukum Īmānukum*, hadith no. 8). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (Kaḥerah: al-Maṭba’ah al-Salafiyyah, 1979), 1:20; Hadith riwayat Muslim dengan makna yang sama (*Kitāb al-Īmān, Bāb Qawl al-Nabī Ṣallā Allāh ‘Alaiḥ wa Sallam Bunī al-Islām, alā Khams*, hadith no. 120-123). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 1:34.

### 1.4.2.1 Terapi Solat

Solat dari sudut bahasa ialah doa sebagaimana petikan ayat al-Quran yang bermaksud: “Dan doakanlah untuk mereka”<sup>412</sup>. Manakala dari sudut istilahnya pula, solat ialah rukun-rukun dan perbuatan-perbuatan yang khusus.<sup>413</sup> Pada dasarnya, solat berperanan dalam menghalang seseorang daripada melakukan maksiat sebagaimana firman Allah S.W.T.:

أَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Maksudnya: “Bacalah apa yang telah diwahyukan kepadamu, iaitu al-Kitab (al-Quran) dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah daripada (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain). Dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan”.

(Surah al-, *Ankabūt*, 29:45)

Berdasarkan tafsiran ayat ini, al-Tustarī, seorang ahli tafsir menyatakan bahawa seseorang perlu mengikhlaskan niat semata-mata kerana Allah S.W.T. bagi memperolehi solat yang dapat mencegah dirinya daripada segala perbuatan yang keji dan mungkar<sup>414</sup>. Sementara itu, Abū al-,Āliyyah menyatakan bahawa terdapat tiga elemen yang perlu ada dalam solat iaitu ikhlas, takut serta mengingati Allah S.W.T. dan tidak dinamakan solat sekiranya ketiga-tiga elemen ini tiada dalam solat tersebut<sup>415</sup>.

Selain solat fardhu, terdapat beberapa solat sunat yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w. iaitu antaranya:

<sup>412</sup> Surah al-Tawbah, 9:103.

<sup>413</sup> Al-,Aynī, Maḥmūd bin Aḥmad, „*Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2006), 4:58.

<sup>414</sup> Al-Tustarī, Sahl bin -,Abd Allāh, *Tafsīr al-Tustarī* (t.t.p.: t.p., t.t.), 1:400.

<sup>415</sup> Al-Suyūṭī, -,Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *Al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma,thūr, taḥqīq: -,Abd Allāh bin Muḥsin* (Kaheerah: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-,Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003), 11:550.

i) Solat sunat *rawātib*. Solat sunat ini berjumlah 12 rakaat<sup>416</sup>.

ii) Solat sunat *Tahajjud*. Firman Allah S.W.T.:

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ أَن يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾

Maksudnya: “Dan pada sebahagian malam, dirikanlah solat Tahajjud (sebagai suatu ibadah) tambahan bagimu; mudah-mudahan Tuhanmu mengangkatmu ke tempat yang terpuji”.

(Surah al-Isrā,, 17:79)

„Alqamah dan al-Aswad menyatakan bahawa solat tahajjud ini dilakukan setelah bangun dari tidur<sup>417</sup>. Ini adalah berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abū Hurayrah r.a. yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ صَلَاةُ اللَّيْلِ

Maksudnya: “Dan solat yang afdhal selepas solat fardhu ialah solat malam”<sup>418</sup>.

iii) Solat sunat *Witr*

Solat ini disarankan oleh Rasulullah s.a.w. sebagaimana sabdanya:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْعَلُوا آخِرَ صَلَاتِكُمْ بِاللَّيْلِ وَتَرًا

Maksudnya: „Abd Allāh bin „Umar Raḍī Allāh „Anhumā meriwayatkan bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Jadikanlah akhir solat kalian pada waktu malam dengan *Witr*”<sup>419</sup>.

<sup>416</sup> Ini adalah sebagaimana hadith yang bermaksud: Ummu Habibah, isteri Nabi s.a.w. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda bahawa tiada seorang muslim yang bersolat sunat kerana Allah setiap hari dua belas rakaat melainkan Allah membangunkan baginya sebuah rumah di Syurga atau dibangunkan sebuah rumah di Syurga. Hadith riwayat Muslim (*Kitāb Ṣolāh al-Musāfirīn, Bāb Faḍl al-Sunan al-Rātibah Qabl al-Farāid wa Ba’dahunn wa Bayān ‘Adadihin*, hadith no. 1729). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:161.

<sup>417</sup> Ibn Kathīr, Ismā’īl bin „Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-Azīm*, 5:103; Al-Suyūṭī, „Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *Al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Maṭhūr, taḥqīq*: „Abd Allāh bin Muḥsin (Kaherah: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-‘Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003), 9:417.

<sup>418</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Ṣiyām, Bāb Faḍl Ṣawm al-Muḥarram*, hadith no. 2812). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 3:169.

<sup>419</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Witr, Bāb li Yaj, al-Ākhir Solātih Witran*, hadith no. 998). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 1:315; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb Ṣolāh al-Musāfirīn, Bāb Solāh al-Layl Mathnā Mathnā wa Witr Rak,ah min Ākhir al-Layl*, hadith no. 1791). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:173.

#### iv) Solat sunat *Duhā*

Solat sunat *Duhā* mempunyai keutamaannya yang tersendiri sebagaimana sabda Rasulullah

s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ أَوْصَانِي خَلِيلِي صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثَلَاثٍ صِيَامٍ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ وَرُكْعَتَيِ الضُّحَى وَأَنْ أُوتِرَ قَبْلَ أَنْ أَنْامَ

Maksudnya: “Abū Hurayrah r.a. berkata: “Kekasihku (Rasulullah) s.a.w. mewasiatkanku dengan tiga perkara iaitu berpuasa tiga hari setiap bulan, solat sunat *Duhā* dua rakaat dan solat sunat *Witr* sebelum aku tidur<sup>420</sup>”.

Justeru bagi Terapi Solat, kumpulan sasaran sewajarnya didedahkan tentang kewajipan mengerjakan solat fardhu lima waktu. Pada masa yang sama, mereka juga patut dimotivasikan dengan fadhilat-fadhilat solat sunat sebagaimana yang dikemukakan di atas agar mereka bersungguh-sungguh untuk melakukannya.

#### 1.4.2.2 Terapi Puasa

Puasa pada bahasa bermaksud menahan diri<sup>421</sup> daripada sesuatu sama ada percakapan<sup>422</sup> atau perbuatan dan daripada pengistilahannya pula ialah menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari disertai niat<sup>423</sup>. Tidak diragukan bahawa ibadah puasa mempunyai hikmah dan

<sup>420</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Ṣawm, Bāb Ṣiyām al-Bīd Thalāth, Ashrah wa Arba* „*Ashrah wa Khams, Ashrah*, hadith no. 998). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (Kaherah: al-Maṭba’ah al-Salafiyah, 1979), 2:54; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb Ṣolāh al-Musāfirin, Bāb Istihbāb Solāh al-Duhā wa Ann Aqallahā Rak, atān wa Akmalahā Thamān*, hadith no. 1705). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 2:158.

<sup>421</sup> „Iyād bin Mūsā, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim li al-Qāḍī ‘Iyād al-Musammā Ikmāl Mu, Jim bi Fawāid Muslim, taḥqīq*: Yaḥyā Ismā’īl (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’ li al-Tabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, 1998), 4:5.

<sup>422</sup> Berdasarkan jawapan Maryam sebagaimana firman Allah S.W.T.: “Sesungguhnya aku telah bernazar berpuasa untuk Tuhan Yang Maha Pemurah, maka aku tidak akan berbicara dengan seorang manusia pun pada hari ini”. (Surah *Maryam*, 19:26)

<sup>423</sup> Muṣṭafā al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhajī, alā Madhhab al-Imām al-Shāfi’ī* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2012), 1:331; Al-, Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, taḥqīq*: ‘Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamd (t.tp.: t.p., 2001), 4:123; Al-, Aynī, Maḥmūd bin Aḥmad, „*Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 10:361.



kelebihannya yang tersendiri iaitu antaranya dapat menyedarkan hati seseorang yang beriman terhadap *murāqabah* Allah S.W.T., membersihkan jiwa dan menghaluskan perasaan bagi orang yang berpuasa kerana kehidupan seseorang yang sentiasa berada dalam keadaan kenyang pasti akan memenuhkan jiwanya dengan menyuburkan sifat-sifat negatif, dan menimbulkan faktor-faktor kasih sayang, rahmat, kasihan di dalam jiwa orang kaya lantaran dia dapat merasai kesakitan serta kepayahan kemiskinan dan kelaparan<sup>424</sup>.

Oleh itu, seorang muslim yang berpuasa dengan penuh keimanan dan ketaqwaan akan merasa tenang dan damai serta memiliki kesihatan mental yang stabil<sup>425</sup>. Justeru bagi penerapan Terapi Puasa ini dalam pendidikan akhlak kepada kumpulan sasaran adalah perlu bagi mereka untuk mengetahui tentang hikmah Allah S.W.T. mensyariatkan puasa kepada para hamba-Nya. Pada masa yang sama, mereka juga perlu mengetahui secara ilmiah tentang perkara yang berkaitan dengan ibadah puasa dari sudut *fiqh* agar puasa yang dilakukan adalah menepati syariat Islam.

### 1.4.3 Terapi al-Quran

Pembacaan al-Quran mempunyai kelebihan yang tersendiri. Di samping mendapat ganjaran pahala ketika membacanya dan mendengar bacaannya, ianya juga adalah penawar dan rahmat kepada orang-orang yang beriman sebagaimana firman Allah S.W.T.:

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا ﴿٨٢﴾

Maksudnya: “Dan Kami turunkan dari al-Quran suatu yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian”.

(Surah *al-Isrā*, 17:82)

<sup>424</sup> Muṣṭafā al-Khin et al., *al-Fiqh al-Manhajī, alā Madhhab al-Imām al-Shāfi,ī* (Damsyiq: Dār al-Qalam, 2012), 1:333-334.

<sup>425</sup> Khairunnas Rajab, “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya dalam Kesihatan Mental”, 165.

Di samping itu, terdapat sejumlah hadits Rasulullah s.a.w. yang menerangkan tentang kelebihan-kelebihan membaca al-Quran secara umum. Antaranya adalah sebagaimana hadits berikut:

عَنْ سَالِمٍ عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا حَسَدَ إِلَّا فِي اثْنَتَيْنِ رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْقُرْآنَ فَهُوَ يَتْلُوهُ آتَاءَ اللَّيْلِ وَآتَاءَ النَّهَارِ وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَهُوَ يُنْفِقُهُ آتَاءَ اللَّيْلِ وَآتَاءَ النَّهَارِ

Maksudnya: Sālim meriwayatkan daripada ayahnya bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Tidak dibenarkan untuk hasad kecuali terhadap dua orang iaitu lelaki yang Allah kurniakan kemampuan untuk membaca al-Quran lalu dia membacanya pada waktu malam dan waktu siang dan lelaki yang Allah kurniakan harta lalu dia menginfakkannya pada waktu malam dan waktu siang<sup>426</sup>.

Antara lain ialah hadits Rasulullah s.a.w. yang memberikan perumpamaan antara orang mukmin dan orang kafir yang membaca al-Quran serta orang mukmin dan orang kafir yang tidak membaca al-Quran sebagaimana berikut:

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ الْأُتْرُجَةِ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا طَيِّبٌ وَمَثَلُ الْمُؤْمِنِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ التَّمْرَةِ لَا رِيحَ لَهَا وَطَعْمُهَا حُلْوٌ وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ مَثَلُ الرِّيحَانَةِ رِيحُهَا طَيِّبٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ وَمَثَلُ الْمُنَافِقِ الَّذِي لَا يَقْرَأُ الْقُرْآنَ كَمَثَلِ الحُنْظَلَةِ لَيْسَ لَهَا رِيحٌ وَطَعْمُهَا مُرٌّ

Maksudnya: Abū Mūsā al-Ash'arī meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Perumpamaan orang mukmin yang membaca al-Quran adalah seperti *al-Utrujah* yang harum baunya dan manis rasanya. Perumpamaan orang mukmin yang tidak membaca al-Quran adalah seperti buah tamar yang tiada bau tetapi manis rasanya. Perumpamaan orang munafik yang membaca al-Quran adalah seperti bunga *al-Rayhanah* yang harum baunya tetapi pahit rasanya manakala perumpamaan orang munafik yang tidak membaca al-Quran adalah seperti *al-Hanzalah* yang tidak harum baunya dan pahit rasanya<sup>427</sup>.

<sup>426</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Tawhīd, Bāb Qawl al-Nabi Ṣallā Allāh ‘Alayh wa Sallam Rajul Ātāh Allāh al-Qurān*, hadith no. 7529). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad*, 4:412; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb Ṣolāh al-Musāfirīn, Bāb Faḍl Man Yaqūm al-Qurān wa Yu‘allimuh wa Faḍl Man Ta‘alam*, hadith no. 1930). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:201; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Bir wa al-Ṣilah, Bāb Mā Jā, fī al-Ḥasad*, no. hadith 1936). Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā, *Sunan al-Tirmidhī*, 442; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Zuhd, Bāb al-Ḥasad*, hadith no. 4209). Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah*, 698.

<sup>427</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb Ṣolāh al-Musāfirīn, Bāb Faḍilah Ḥāfiẓ al-Qur‘ān*, hadith no. 1896). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:194.

Selain itu, antara hadith yang menyatakan kelebihan orang yang bersusah payah untuk mempelajari al-Quran akan mendapat dua ganjaran adalah sebagaimana berikut:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَاهِرُ بِالْقُرْآنِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ  
الْبَرَّةِ وَالَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَيَتَتَعْتَعُ فِيهِ وَهُوَ عَلَيْهِ شَاقٌّ لَهُ أَجْرَانِ

Maksudnya: ,Ā'ishah mengatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Ahli al-Quran adalah bersama para Malaikat yang mulia dan orang membaca al-Quran dalam keadaan tersekat-sekat serta bersusah-payah akan mendapat dua ganjaran<sup>428</sup>.

Manakala hadith-hadith Rasulullah s.a.w. yang menerangkan kelebihan-kelebihan membaca al-Quran secara khusus iaitu dengan membaca ayat-ayat atau surah-surah tertentu sebagai rutin harian dan mingguan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.3 berikut:

---

<sup>428</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb Ṣolāh al-Musāfirīn, Bāb Faḍl al-Māhir bi al-Qur'ān wa Alladhī Yatata'ita* fih, hadith no. 1898). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:195.

**Jadual 1.3: Fadhillat Surah-surah dalam al-Quran**

No.	Surah	Fadhillat dan Kelebilan
1	<i>Al-Fātiḥah</i>	فَاتِحَةُ الْكِتَابِ شِفَاءٌ مِنْ كُلِّ دَاءٍ Maksudnya: Surah <i>al-Fātiḥah</i> adalah penawar bagi setiap penyakit <sup>429</sup> .
2	<i>Al-Baqarah</i>	مَنْ قَرَأَ بِالْآيَتَيْنِ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ فِي لَيْلَةٍ كَفَّتَهُ Maksudnya: “Sesiapa yang membaca dua ayat terakhir daripada surah al-Baqarah pada malam hari, maka ianya sudah mencukupi baginya” <sup>430</sup> .
3	<i>Al-Kahf</i>	من قرأ سورة الكهف كما أنزلت كانت له نورا يوم القيامة من مقامه إلى مكة و من قرأ عشر آيات من آخرها ثم خرج الدجال لم يسلط عليه Maksudnya:” Sesiapa yang membaca surah <i>al-Kahf</i> sebagaimana ia diturunkan, adalah baginya cahaya pada hari Kiamat dari tempatnya hingga ke Makkah dan sesiapa yang membaca sepuluh ayat terakhir darinya, al-Dajjāl tidak dapat mempengaruhinya ketika kemunculannya” <sup>431</sup> .
4	<i>Al-Sajdah</i>	كان النبي صلى الله عليه و سلم لا ينام حتى يقرأ تبارك وألم تنزيل السجدة Maksudnya: “Adalah Rasulullah s.a.w. tidak tidur sehingga Baginda membaca surah <i>al-Mulk</i> dan <i>al-Sajdah</i> ” <sup>432</sup>

<sup>429</sup> Hadith riwayat al-Dārimī (*Kitāb Faḍāil al-Qurān, Bāb Faḍl Fātiḥah al-Kitāb*, hadith no. 3370). Ḥusayn Saḷīm Asad menyatakan bahawa hadith ini sanadnya adalah *Ṣaḥīḥ Ghayr* (dengan sanad yang lain) kerana ianya *Mursal*. Lihat al-Dārimī, „Abd Allāh bin „Abd al-Raḥmān, *Sunan al-Dārimī, taḥqīq*: Fawwāz Aḥmad Ramḷī (Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, 1986), 2:538; Hadith riwayat al-Bayhaqī (*al-Tāsi*”, *Ashar min Shu’b al-Īmān Hū Bāb fī Ta’zīm al-Qurān, Dhikr Fātiḥah al-Kitāb*, hadith no. 2367). Lihat al-Bayhaqī, Aḥmad bin al-Ḥusain, *Shu’b al-Īmān, taḥqīq*: Muḥammad al-Sa,,id Basyūnī Zaghḷūl (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1989), 2:441. Al-Suyūṭī dalam *Al-Dur al-Manthūr fī al-Taḥsīr bi al-Ma,,thūr* menyatakan bahawa semua perawi dalam sanad hadith ini adalah dipercayai (*thīqqāt*). Lihat al-Suyūṭī, „Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *al-Dur al-Manthūr fī al-Taḥsīr bi al-Ma,,thūr, taḥqīq*: „Abd Allāh bin Muḥsin (Kaherah: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-„Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003), 1:17.

<sup>430</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb Faḍāil al-Qurān, Bāb Faḍl Sūrah al-Baqarah* , hadith no. 5009). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 3:342; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb Ṣolaḥ al-Musāfirīn, Bāb Bāb Faḍl al-Fātiḥah wa Khawātīm Sūrah al-Baqarah*, hadith no. 1914). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 2: 246.

<sup>431</sup> Hadith riwayat al-Ḥākim (*Kitāb Faḍāil al-Qurān, Dhikr Faḍāil Suwar wa Āy Mutafarriqah*, hadith no. 2072). Hadith ini sahih menurut syarat yang ditetapkan oleh Muslim. Lihat al-Ḥākim, Muḥammad bin „Abd Allāh, *Mustadrak ,alā al-Ṣaḥīḥayn, taḥqīq*: Muṣṭafā „Abd al-Qādir „Aṭā (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1990), 1:752.

<sup>432</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī dalam *al-Adab al-Mufrad (Kitāb Ādāb ,Āmmah, Bāb Mā Yaḡūl Idhā Awā ilā Farāshih*, hadith no. 1209). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Adab al-Mufrad, taḥqīq*: Muḥammad Fuād „Abd al-Bāqī (Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, 1989), 1: 414.

**Jadual 1.3: Sambungan**

5	<i>Al-Wāqī,, ah</i>	<p>من قرأ سورة الواقعة كل ليلة لم تصبه فاقة أبداً</p> <p>Maksudnya: “Sesiapa yang membaca surah <i>al-Wāqī,, ah</i> setiap malam, tidak menimpa ke atasnya kelaparan buat selamanya”<sup>433</sup>.</p>
6	<i>Al-Mulk</i>	<p>إِنَّ سُورَةً مِنَ الْقُرْآنِ ثَلَاثُونَ آيَةً شَفَعَتْ لِرَجُلٍ حَتَّى غُفِرَ لَهُ وَهِيَ تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ</p> <p>Maksudnya: “Terdapat satu surah yang terdiri daripada tiga puluh ayat yang memberi syafaat kepada pembacanya sehingga dia diampunkan iaitu <i>Tabārak alladhī Biyadih al-Mulk</i>”<sup>434</sup>.</p>
7	<i>Al-Ikhlās</i>	<p>قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَصْحَابِهِ أَيْعِزُّكُمْ أَحَدُكُمْ أَنْ يَقْرَأَ ثُلُثَ الْقُرْآنِ فِي لَيْلَةٍ فَشَقَّ ذَلِكَ عَلَيْهِمْ وَقَالُوا أَتَيْنَا يُطِيقُ ذَلِكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ اللَّهُ الْوَاحِدُ الصَّمَدُ ثُلُثُ الْقُرْآنِ</p> <p>Maksudnya: Rasulullah s.a.w. bersabda kepada sahabatnya: “Adakah kalian tidak mampu membaca 1/3 al-Quran dalam satu malam?”. Mereka (para sahabat) merasa kesulitan untuk melakukan yang sedemikian lalu menjawab: “Bagaimana kami mampu melakukannya Ya Rasulullah?”. Selanjutnya, Rasulullah s.a.w. menjawab: “<i>Allāh al-Wāḥid al-Ṣamad</i> (surah <i>al-Ikhlās</i>) adalah 1/3 daripada al-Quran”<sup>435</sup>.</p>

**Sumber:** *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ Muslim, Sunan al-Tirmidhī dan Sunan al-Bayhaqī.*

<sup>433</sup> Hadith riwayat al-Bayhaqī (*al-Tāsi’,, Ashar min Shu’b al-Īmān Hū Bāb fī Ta’zīm al-Qurān, Takhṣīṣ Suwar minhā bi al-Dhikr*, hadith no. 2498). Lihat al-Bayhaqī, Aḥmad bin al-Ḥusain, *Shu’b al-Īmān, taḥqīq: Muḥammad al-Sa’īd Basyūnī Zaghlūl* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1989), 2:491.

<sup>434</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb Thawāb al-Qurān ,an Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,Alayh wa Sallam, Bāb Mā Jā,, fī Sūrah al-Mulk*, no. hadith 2891). Hadith ini dihukum *Ḥasan* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ,Īsā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī,, t.t.), 646; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Adab, Bāb Thawāb al-Qurān*, hadith no. 3786). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah, taḥqīq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī,, t.t.), 624; Hadith riwayat Aḥmad (*Musnad Mukaththirīn min al-Ṣaḥābah: Musnad Abī Hurayrah*, hadith no. 7962). Shu,‘aib al-Arnaūṭ menyatakan bahawa status hadith ini adalah *Ḥasan li Ghairih* dan semua perawi hadithnya adalah dipercayai (*thiqqāt*). Selain itu, semua perawi hadith ini juga merupakan perawi bagi *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* kecuali ,Abbās al-Jishmī. Lihat Aḥmad bin Ḥanbal, *op.cit.*, j. 2, hal. 229; Hadith riwayat al-Bayhaqī (*Al-Tāsi’,, Ashar min Shu’b al-Īmān Hū Bāb fī Ta’zīm al-Qurān, Takhṣīṣ Sūrah al-Mulk bi al-Dhikr*, hadith no. 2506). al-Bayhaqī, Aḥmad bin al-Ḥusain, *Shu’b al-Īmān, taḥqīq: Muḥammad al-Sa’īd Basyūnī Zaghlūl* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1989), 2:493.

<sup>435</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb Faḍāil al-Qurān, Bāb Faḍl Qul Hū Allāh Aḥad*, hadith no. 5015). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’,, al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 3:344.

Secara ironinya, hadith-hadith yang dikemukakan ini adalah relevan untuk dibacakan kepada para kumpulan sasaran agar mereka dapat memotivasikan diri untuk terus mempelajari al-Quran. Sungguhpun begitu, Terapi al-Quran ini akan menjadi pincang sekiranya aspek keikhlasan oleh mereka tidak diberikan penekanan yang selayaknya kerana suatu amal ibadah yang dilakukan kerana makhluk adalah merupakan perkara yang sia-sia sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini dalam Terapi Niat. Secara dasarnya, terdapat perbezaan yang ketara antara orang yang membaca al-Quran semata-mata mengharapkan ganjaran dan keredhaan Allah S.W.T. dengan orang yang membaca al-Quran kerana takut hukuman daripada guru. Pada pandangan pengkaji, aspek keikhlasan kumpulan sasaran dalam membaca al-Quran perlu diteliti dengan sewajarnya.

#### 1.4.4 Terapi *Istighfār*

Terapi ini adalah penting sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w.:

قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ وَاللَّهِ إِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعِينَ مَرَّةً

Maksudnya: Abū Hurayrah mengatakan bahawa beliau mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: “Demi Allah, sesungguhnya aku memohon ampun kepada Allah dan bertaubat kepada-Nya lebih dari 70 kali setiap hari<sup>436</sup>.

Ketika mensyarahkan hadith ini, Ibn Ḥajar mendatangkan hadith sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.<sup>437</sup>:

إِنَّهُ لَيَعَانُ عَلَيَّ قَلْبِي وَإِنِّي لَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ فِي كُلِّ يَوْمٍ مِائَةً مَرَّةً

Maksudnya: “Sesungguhnya tidaklah hatiku tertipu dan sesungguhnya aku memohon ampun kepada Allah seratus kali setiap hari<sup>438</sup>.

<sup>436</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Da‘awāt, Bāb Istighfār al-Nabī Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam fī al-Yawm wa al-Laylah*, hadith no. 6307). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:154.

<sup>437</sup> Al-,Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī*, 11:104.

Seterusnya, beliau menyatakan bahawa terdapat pendapat yang menyatakan bahawa tujuan *Istighfār* ialah untuk menzahirkan sifat kehambaan (*al-., Ubudiyah*) dan menyatakan kesyukuran<sup>439</sup>. Antara *Istighfār* yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. ialah Penghulu *Istighfār* sebagaimana berikut:

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ أَنْ تَقُولَ اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ لَكَ بِذُنُوبِي فَاعْفُرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ قَالَ وَمَنْ قَالَهَا مِنَ النَّهَارِ مُوقِنًا بِهَا فَمَاتَ مِنْ يَوْمِهِ قَبْلَ أَنْ يُمْسِيَ فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ وَمَنْ قَالَهَا مِنَ اللَّيْلِ وَهُوَ مُوقِنٌ بِهَا فَمَاتَ قَبْلَ أَنْ يُصْبِحَ فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ

Maksudnya: Penghulu *Istighfār* ialah engkau menyebut: “Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, tiada Tuhan selain-Mu, Engkau menciptakanku dan aku adalah hamba-Mu, aku dalam perjanjian-Mu menurut kemampuanku, aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan perbuatanku, aku mengakui dengan nikmat yang Engkau berikan kepadaku, aku mengakui juga atas segala dosa-dosa yang aku lakukan, oleh itu ampunilah aku, tiada yang boleh mengampunkan segala dosa kecuali Engkau”. Selanjutnya Rasulullah bersabda: “Sesiapa yang membaca Penghulu *Istighfār* ini pada siang hari dengan penuh keyakinan dan kemudiannya mati sebelum waktu petang, maka dia tergolong dalam kalangan ahli Syurga. Sesiapa yang membacanya pada malam hari dengan penuh keyakinan dan kemudiannya mati sebelum waktu pagi, maka dia tergolong dalam kalangan ahli Syurga.<sup>440</sup>

Antara lain, *Istighfār* mempunyai fadhilatnya yang tersendiri. Sabda Rasulullah s.a.w.:

طُوبَى لِمَنْ وَجَدَ فِي صَحِيفَتِهِ اسْتِغْفَارًا كَثِيرًا

<sup>438</sup> Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Witr, Bāb fī al-Istighfār*, hadith no. 1517). Hadith ini dihukum *Ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash, *Sunan Abī Dāwūd*, 559.

<sup>439</sup> Al-, Aṣqalānī, Aḥmad bin ,Alī bin Ḥajar, *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī ,Abd Allāh Muḥammad bin Ismā,īl al-Bukhārī, taḥqīq: ,Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamd* (t.tp.: t.p., 2001), 11:104.

<sup>440</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Da,awāt, Bāb Afdal al-Istighfār*, hadith no. 6306; *Bāb Mā Yaquḥ Idhā Aṣbah*, hadith no. 6323). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā,īl, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:153 dan 158; Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Adab, Bāb Mā Yaquḥ Idhā Aṣbah*, hadith no. 5072). Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash, *Sunan Abī Dāwūd*, 4:478; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Da,awāt, Bāb Minh (15)*, no. hadith 3393). Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ,Isā, *Sunan al-Tirmidhī*, 770; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Du,ā,, Bāb Mā Yad,ūbih al-Rijāl Idhā Aṣbah wa Idhā Amsā*, hadith no. 3872). Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah*, 638.

Maksudnya: “Beruntunglah bagi sesiapa yang mendapati amalan *Istighfār* yang banyak dalam lembaran amalannya”<sup>441</sup>.

Sabda Rasulullah s.a.w. yang lain:

مَنْ قَالَ أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ غُفِرَ لَهُ وَإِنْ كَانَ قَدْ فَرَّ  
مِنَ الرَّحْفِ

Maksudnya: “Sesiapa yang mengucapkan: “*Astaghfir Allāh Alladhī Lā Ilāh Illā Hū al-Ḥayy al-Qayyūm wa Atūb Ilayh*”, diampunkan dosanya walaupun ia lari dari medan peperangan”<sup>442</sup>.

Menerusi dalil-dalil yang dijelaskan tentang *Istighfār* di atas, ianya boleh dijadikan sebagai terapi bagi kumpulan sasaran kerana keutamaan dan keistimewaannya dalam mendidik jiwa mereka agar sentiasa bertaubat kepada Allah S.W.T.. Oleh itu, mereka perlu diberikan penjelasan tentang keperluan mereka mengamalkan bacaan *Istighfār* pada setiap hari sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w..

#### 1.4.5 Terapi Selawat

Anjuran berselawat ini adalah perintah daripada Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah dan para Malaikat-Nya berselawat untuk Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu untuk Nabi dan ucapkanlah salam penuh penghormatan kepadanya”.

(Surah al-Aḥzāb, 33:56)

Ka,,ab bin ,,Ujrah meriwayatkan bahawa ketika turunnya ayat ini, para sahabat bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang cara berselawat kepadanya. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Katakanlah”<sup>443</sup>:

<sup>441</sup> Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Adab, Bāb al-Istighfār*, hadith no. 3818). Hadith ini dihukum *Ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah*, 629.

<sup>442</sup> Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Witr, Bāb fī al-Istighfār*, hadith no. 1519). Hadith ini dihukum *Ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash,ath, *Sunan Abī Dāwud*, 1:560.



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ اللَّهُمَّ  
 بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Antara kelebihan selawat ini berdasarkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. adalah seperti berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ  
 عَلَيْهِ عَشْرًا

Maksudnya: Abū Hurayrah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesiapa yang berselawat kepadaku sekali, Allah membalasnya dengan sepuluh kali selawat”<sup>444</sup>.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا مِنْ أَحَدٍ يُسَلِّمُ عَلَيَّ إِلَّا رَدَّ اللَّهُ  
 عَلَيَّ رُوحِي حَتَّى أُرَدَّ عَلَيْهِ السَّلَامَ

Maksudnya: Abū Hurayrah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tidaklah seseorang yang memberi salam kepadaku kecuali Allah mengembalikan rohku kepadaku agar aku boleh menjawab salamnya”<sup>445</sup>.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَجْعَلُوا بُيُوتَكُمْ قُبُورًا وَلَا تَجْعَلُوا  
 قَبْرِ عِيْدًا وَصَلُّوا عَلَيَّ فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ تَبْلُغُنِي حَيْثُ كُنْتُمْ

Maksudnya: Abū Hurayrah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Janganlah kalian menjadikan rumah-rumah kalian sebagai kubur, janganlah kalian menjadikan kuburku sebagai tempat perayaan dan berselawatlah ke atasku kerana sesungguhnya selawat kalian sampai kepadaku walaupun di mana kalian berada”<sup>446</sup>.

<sup>443</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Tafsīr, Bāb Inn Allāh wa Malāikatuh Yuṣallūn ‘alā al-Nabī*, hadith no. 4797). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Sallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 3:280.

<sup>444</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Ṣolāh, Bāb al-Ṣalāh ‘alā al-Nabī Sallā Allāh ‘alayh wa Sallam Ba’d al-Tashahhud*, hadith no. 939). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:17; Hadith riwayat al-Bukhārī dalam *al-Adab al-Mufrad (Kitāb al-Adhkār, Bāb Man Dhukir ‘Indah al-Nabī Sallā Allāh ‘alayh wa Sallam Falam Yuṣal ‘alayh*, hadith no. 645). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Adab al-Mufrad, taḥqīq*: Muḥammad Fuād ‘Abd al-Bāqī (Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, 1989), 1:224; Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Witr, Bāb fī al-Istighfār*, hadith no. 5072). Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash‘ath, *Sunan Abī Dāwud*, 1:562.

<sup>445</sup> Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Manāsik, Bāb Ziyārah al-Qubūr*, hadith no. 2043). Hadith ini dihukum Ḥasan oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash‘ath, *Sunan Abī Dāwud*, 2:169; Hadith riwayat al-Bayhaqī (*Al-Khāmis wa ‘Ishrīn min Shu‘b al-Īmān Hū Bāb fī al-Manāsik, Faḍl al-Ḥajj wa al-Umrah*, hadith no. 4161). al-Bayhaqī, Aḥmad bin al-Ḥusain, *Shu‘b al-Īmān*, 3:490.

<sup>446</sup> Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Manāsik, Bāb Ziyārah al-Qubūr*, hadith no. 2044). Hadith ini dihukum Ṣaḥīḥ oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash‘ath, *Sunan Abī Dāwud*, 2:169; Hadith

Oleh itu, kumpulan sasaran perlu didedahkan tentang keutamaan berselawat ke atas Rasulullah s.a.w. dengan semaksimum mungkin dalam sehari semalam supaya kecintaan mereka terhadap Baginda dapat disuburkan dan seterusnya dapat memotivasikan mereka agar mencontohi akhlak Baginda dalam kehidupan seharian mereka.

#### 1.4.6 Terapi Zikir

Terdapat gesaan yang jelas dalam al-Quran agar setiap muslim sentiasa berzikir kepada Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Ingatlah kepada Allah, dengan mengingat (nama-Nya) sebanyak-banyaknya”.

(Surah al-Aḥzāb, 33:41)

Maqātil mengatakan bahawa zikir yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah zikir yang dilakukan dengan lidah iaitu bertasbih, bertakbir, bertahlil, serta bertahmid dan mengingati-Nya dalam segala keadaan<sup>447</sup>. Seterusnya, tentang kelebihan mengingati Allah S.W.T. adalah sebagaimana firman-Nya:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “(Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenang tenteram dengan mengingati Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenang tenteram”.

(Surah al-Ra,d, 13:28)

Antara lain, Rasulullah s.a.w. telah bersabda menerusi hadith *Qudsi*:

يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي وَأَنَا مَعَهُ حِينَ يَذْكُرُنِي إِنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي وَإِنْ ذَكَرَنِي فِي مَلَأٍ ذَكَرْتُهُ فِي مَلَأٍ هُمْ خَيْرٌ مِنْهُمْ وَإِنْ تَقَرَّبَ مِنِّي شِبْرًا تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذِرَاعًا وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا تَقَرَّبْتُ مِنْهُ بَاعًا وَإِنْ أَتَانِي يَمْشِي أَتَيْتُهُ هَرْوَلَةً

riwayat al-Bayhaqī (*Al-Khāmis wa ,Ishrīn min Shu'b al-Īmān Hū Bāb fī al-Manāsik, Faḍl al-Ḥajj wa al-,Umrah*, hadith no. 4162). al-Bayhaqī, Aḥmad bin al-Ḥusain, *Shu'b al-Īmān*,3:491.

<sup>447</sup> Al-Suyūṭī, ,Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma,thūr*, 12:65.

Maksudnya: Allah Ta,ālā berfirman: Aku adalah menurut persangkaan hamba-Ku dan Aku bersamanya ketika dia mengingati-Ku. Sekiranya dia mengingati aku dalam dirinya, Aku mengingatinya pula dalam diri-Ku dan sekiranya dia mengingati aku dalam kumpulan, Aku mengingatinya pula dalam kumpulan yang lebih baik daripada mereka. Sekiranya dia mendekati-Ku sejengkal, Aku mendekati kepadanya sehasta dan sekiranya dia menghampiri kepada-Ku sehasta, Aku menghampirinya sedepa. Sekiranya dia datang kepada-Ku dengan berjalan, Aku akan datang kepadanya dengan berlari<sup>448</sup>.

Bagi pengkhususan kajian ini, Terapi Zikir lebih tertumpu kepada zikir *Ism al-Dhāt* yang dipraktikkan oleh Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah secara khusus kerana keistimewaannya dalam pembersihan jiwa (*tazkiyah al-Nafs*) menerusi adab-adabnya yang tersendiri. Terdapat pelbagai pendapat mengenai zikir *Ism al-Dhāt*. Majlis Fatwa Arab Saudi menerusi fatwa bil. 3934 telah menyatakan bahawa zikir *Ism Dhāt* sebagaimana yang diamalkan oleh ahli tarekat adalah suatu perbuatan bidaah dan kemungkaran<sup>449</sup>. Namun, kenyataan ini adalah berlawanan dengan kajian khusus mengenai zikir *Ism Dhāt* yang dipraktikkan dalam Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah di Malaysia oleh Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar yang mengemukakan hujah tentang kewajaran pengamalannya menurut perspektif tasawuf Islam yang murni<sup>450</sup>.

---

<sup>448</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Tawhīd, Bāb Qawl Allāh Ta,ālā: Wa Yuhadhhirukum Allāh Nafsah*, hadith no. 7405). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:384; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Dhikr wa al-Du,ā,, wa al-Tawbah, Bāb al-Hath ,alā Dhikr Allāh Ta,ālā*, hadith no. 6981). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 8:384; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Da,awāt, Bāb fī Ḥusn al-Zan bi Allāh ,Az wa Jal*, no. hadith 3603). Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ,Jāsā, *Sunan al-Tirmidhī*, 818; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Adab, Bāb Faḍl al- Amal*, hadith no. 3821). Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah*, 630.

<sup>449</sup> Lajnah al-Dā'imah li al-Buḥūth al-,Ilmiyyah wa al-Iftā", *Fatāwā al-Lajnah al-Dā'imah al-Majmū' al-'Ulā*, penyusun: Aḥmad bin ,Abd al-Razzāq al-Duwaysh (t.t.p.: t.p., t.t.), 3:479; Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar, "Dhikr Ism al-Dhāt dalam Tasawuf Tasawuf dan Pengamalannya dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010), 5; Syed Hadzrullathfi Syed Omar, *Zikir Allah, Allah, Allah... Jalan Menuju Hakikat Dan Makrifat* (Cheras: Al-Falah Publications, 2012), 20.

<sup>450</sup> Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar, "Dhikr Ism al-Dhat dalam Tasawuf Tasawuf dan Pengamalannya dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia", 242-250; Syed Hadzrullathfi Syed Omar, *Zikir Allah, Allah, Allah...*, 264-272.

Dalam kajiannya Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar telah mengemukakan adab berzikir *Ism Dhāt* sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual di bawah<sup>451</sup> iaitu:

**Jadual 1.4: Adab Zikir *Ism al-Dhāt***

Susunan Adab	Adab Zikir <i>Ism al-Dhāt</i>
Pertama	Wuduk, tawaruk kiri dan menghadab kiblat.
Kedua	<i>Istighfār</i> .
Ketiga	Membaca <i>al-Fātiḥah</i> dan <i>al-Ikhlāṣ</i> .
Keempat	<i>Wukūf Qalbī</i> .
Kelima	Merasakan diri seolah-olah berada di dalam kubur.
Keenam	Munajat: “Tuhanku, Engkaulah maksudku dan keredhaan-Mu yang aku tuntutan.”
Ketujuh	Zikir <i>Allāh, Allāh, Allāh</i> dalam hati.

**Sumber:** Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar, “Dhikr *Ism al-Dhāt* dalam Tasawuf Tasawuf dan Pengamalannya dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia”, 200.

## 1.5 PENGAPLIKASIAN TERAPI ISLAM

Secara praktikalnya, pengaplikasian terapi Islam ini telah dijalankan secara tidak rasmi terhadap para pelajar tahfiz di Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang pada 2013 dan Maahad Tahfiz al-Ihsan, Subang Jaya pada 2014 sebagai kajian rintis (*pilot testing*) sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab Pendahuluan. Menurut Idris Awang, walaupun secara ilmiahnya, seseorang pengkaji boleh menyerahkan kaedah yang dibentuk itu untuk dinilai oleh para pakar dalam pembentukan kaedah penyelidikan, kajian rintis perlu juga dilaksanakan bagi menilai keberkesanan dan membuktikan kaedah tersebut mempunyai nilai kesahan yang tinggi<sup>452</sup>.

<sup>451</sup> Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar, “Dhikr *Ism al-Dhāt* dalam Tasawuf Tasawuf dan Prngamalannya dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia”, 200; Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar, *Zikir Allah, Allah, Allah...*, 214.

<sup>452</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 91-92.

### 1.5.1 Kaedah Pengaplikasian Bagi Terapi Tasawuf dan Terapi Iman

Secara umumnya, kaedah pengaplikasian yang akan diterapkan oleh pengkaji untuk terapi Tasawuf dan terapi Iman bagi kajian ini adalah menerusi tazkirah yang dilakukan seminggu sekali. Kaedah ini adalah berdasarkan hadith Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي وَائِلٍ قَالَ كَانَ عَبْدُ اللَّهِ يُذَكِّرُ النَّاسَ فِي كُلِّ خَمِيسٍ فَقَالَ لَهُ رَجُلٌ يَا أَبَا عَبْدِ الرَّحْمَنِ لَوَدِدْتُ أَنَّكَ ذَكَرْتَنَا كُلَّ يَوْمٍ قَالَ أَمَا إِنَّهُ يَمْنَعُنِي مِنْ ذَلِكَ أَيُّ أَمْرِهِ أَنْ أُمْلِكُكُمْ وَإِنِّي أَخْوَلُكُمْ بِالْمَوْعِظَةِ كَمَا كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَتَحَوَّلُنَا بِهَا مَخَافَةَ السَّامَةِ عَلَيْنَا

Abū Wāil<sup>453</sup> meriwayatkan bahawa „Abd Allāh<sup>454</sup> memberi pengajaran kepada orang ramai pada setiap hari khamis. Seorang lelaki<sup>455</sup> telah berkata kepadanya: Wahai Abū „Abd al-Raḥmān, aku suka sekiranya engkau dapat memberi pengajaran kepada kami setiap hari. Berkata „Abd Allāh: Ketahuilah bahawa sesungguhnya yang menghalangi aku melakukan perkara tersebut adalah kerana aku tidak suka membuat kalian bosan dan sesungguhnya aku akan memilih masa yang sesuai dalam memberi kalian peringatan sebagaimana Nabi s.a.w. memilih masa yang sesuai untuk memberi peringatan kepada kami kerana bimbang kami merasa bosan.<sup>456</sup>

Dalam sesi tazkirah ini, masa yang diperuntukkan adalah sekitar 45 minit hingga satu jam. Selain itu, alat-alat bantuan seperti komputer riba, *projector*, LCD, pembesar suara, speaker dan sebagainya dalam tazkirah ini turut digunakan bagi menghasilkan suatu kelainan berbanding tazkirah umum. Menerusi tazkirah ini, pengkaji akan mengemukakan semua teori yang telah dinyatakan sebelum ini bergantung kepada tempoh masa yang dibenarkan

<sup>453</sup> Abū Wāil dalam hadith ini adalah merujuk kepada Shaqīq bin Salamah. Lihat al-„Aynī, Maḥmūd bin Aḥmad, „*Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:72.

<sup>454</sup> „Abd Allāh dalam hadith ini merujuk kepada „Abd Allāh bin Mas,ūd dan gelarannya ialah Abū „Abd al-Raḥmān. Lihat al-„Aynī, Maḥmūd bin Aḥmad, „*Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:72; Al-„Asqalānī, Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar, *Faṭḥ al-Bārī*, 1:197.

<sup>455</sup> Lelaki dalam hadith ini ialah Yazīd bin Mu,āwiyah al-Nakha,j. Lihat al-„Aynī, Maḥmūd bin Aḥmad, „*Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 2:72; Al-„Asqalānī, Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar, *Faṭḥ al-Bārī*, 1:197.

<sup>456</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-„Ilm, Bāb Man Ja,al li Ahl al-„Ilm Ayyāman Ma'lūmah*, hadith no. 70). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‚alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 1:42; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb Sifah al-Qiyāmah wa al-Jannah wa al-Nār, Bāb al-Iqtisād fī al-Maw,izah*, hadith no. 7307). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 8:156-157.

oleh pihak sekolah di lokasi kajian. Kronologi pelaksanaannya akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Bab Empat<sup>457</sup>.

### 1.5.2 Kaedah Pengaplikasian Terapi Ibadah

Manakala bagi terapi Ibadah secara praktikalnya, terapi rukun Islam yang merangkumi terapi Solat dan terapi Puasa adalah menjadi keutamaan kepada semua pihak di lokasi kajian secara umum untuk memastikan semua para kumpulan sasaran dapat mendirikan solat lima waktu secara berjemaah dan berpuasa di bulan Ramadhan dengan sesempurna mungkin. Bahkan terdapat undang-undang khusus bagi kumpulan sasaran yang ingkar untuk melaksanakan kedua-dua ibadah wajib ini<sup>458</sup>. Manakala bagi terapi al-Quran pula, pihak di lokasi kajian juga memainkan peranannya sebagai institusi yang menyediakan kelas al-Quran khusus bagi para kumpulan sasaran untuk menghafal al-Quran. Secara asasnya, para kumpulan sasaran di lokasi kajian akan menjalani Terapi Ibadah sebagaimana jadual berikut:

**Jadual 1.5: Pengaplikasian Terapi Ibadah oleh Pihak Tahfiz di Lokasi Kajian**

Pengklafisikasian Terapi Ibadah		Penerangan
Terapi Solat	Solat Fardhu	Para kumpulan sasaran wajib menjalankan solat lima waktu secara berjemaah.
	Solat Sunat <i>Rawātib</i>	Para kumpulan sasaran perlu melakukan solat sunat yang mengiringi solat fardhu iaitu 2 rakaat sebelum dan selepas solat fardhu Zohor, Maghrib dan Isyak serta solat sunat Subuh dan Asar.
	Solat Sunat <i>Duhā</i>	Solat ini akan dilakukan secara berjemaah pada jam 8.30 pagi bagi hari Isnin hingga Jumaat, 8.00 pagi bagi hari Sabtu dan para kumpulan sasaran diberikan kebebasan untuk melaksanakannya atau tidak pada hari Ahad.

<sup>457</sup> Lihat Bab Empat dalam kajian ini, sub topik 4.1.1 Pelaksanaan Terapi Tasawuf dan Terapi Iman.

<sup>458</sup> Perkara ini adalah berdasarkan pemerhatian pengkaji terhadap beberapa sekolah tahfiz di sekitar Selangor.

**Jadual 1.5: Sambungan**

Terapi Puasa	Semua kumpulan sasaran wajib berpuasa di bulan Ramadhan dan diberikan kebebasan untuk berpuasa sunat.
Terapi al-Quran	Berdasarkan jadual kelas pengajian al-Quran, para kumpulan sasaran akan membaca al-Quran hampir 8 jam sehari.
Terapi Selawat	Para kumpulan sasaran perlu berselawat 100x secara berjemaah selepas solat Asar.

**Sumber:** Pemerhatian Turut Serta 2014 dan 2015.

Justeru itu bagi terapi Ibadah, pengkaji hanya perlu menumpukan kepada terapi Ibadah yang lebih bersifat kerohanian iaitu terapi Niat, terapi *Istighfār* dan terapi Zikir. Sungguhpun begitu, kesemua terapi Ibadah ini boleh diaplikasikan secara teori iaitu dengan mendedahkan kepada para kumpulan sasaran tentang kelebihan tertentu bagi setiap ibadah yang dilakukan menurut ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith yang *ṣahīḥ* atau *ḥasan* tentangnya<sup>459</sup>. Pada masa yang sama, penampilan terapis<sup>460</sup> yang akan melaksanakan sesi terapi ini adalah amat penting dalam pengaplikasian terapi Islam ini. Oleh itu, Bab Dua adalah kesinambungan kepada bab ini.

## 1.6 PENUTUP

Terapi Islam yang merangkumi terapi Tasawuf, terapi Iman dan terapi Ibadah sebagaimana yang dikemukakan dalam bab ini adalah antara bentuk usaha dalam mengatasi kemelut akhlak remaja kini. Sungguhpun begitu, hidayah adalah hak mutlak bagi Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

<sup>459</sup> Sungguhpun terdapat sebilangan hadith *ḍa,if* yang boleh digunakan bagi tujuan *faḍāil* amal sebagaimana pendapat para Ulama<sup>4</sup>, pengkaji lebih memilih untuk mengecualikannya dalam mengautoritikan kajian ini sebagaimana yang dilakukan oleh al-Nawawī ketika menyusun kitab *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn*. Menerusi penyusunan kitab ini, al-Nawawī hanya mengengahkan hadith-hadith *ṣahīḥ* dan *ḥasan* bagi sesuatu amal ibadah. Lihat al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf al-Dīn, *Riyāḍ al-Ṣāliḥīn, taḥqīq*: Māhir Yāsīn al-Faḥl (t.tp.: t.p., t.t.).

<sup>460</sup> Pengkhususan bagi kajian ini, terapis adalah merujuk guru kepada para pelajar itu sendiri.


إِنَّكَ لَا تَهْدِي مَنْ أَحْبَبْتَ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya kamu tidak akan dapat memberi petunjuk kepada orang yang kamu kasihi, tetapi Allah memberi petunjuk kepada orang yang dikehendaki-Nya, dan Allah lebih mengetahui orang-orang yang mahu menerima petunjuk”.

(Surah *al-Qaṣaṣ*, 28:56)

Berikut adalah rajah ringkasan pembahagian terapi Islam yang disusun:

**Rajah 1.4: Pembahagian Terapi Islam**



**Sumber:** Olahan pengkaji



## BAB 2: PERANAN GURU DALAM PENDIDIKAN AKHLAK MENURUT PERIBADI RASULULLAH S.A.W.

### 2.0 PENGENALAN

Bab ini adalah berkait rapat dengan Bab Satu kerana terapi Islam tidak dapat diaplikasikan tanpa kehadiran seorang terapis. Dalam konteks kajian ini, terapis adalah dikhususkan kepada guru bagi sesebuah institusi pendidikan Islam. Tidak dapat dinafikan bahawa guru mempunyai peranannya yang tersendiri dalam pendidikan akhlak terutamanya terhadap golongan remaja kini. Seseorang individu itu dapat memiliki akhlak yang luhur dengan cara memerhati dan bergaul dengan orang-orang yang berakhlak luhur kerana manusia adalah bersifat imitatif<sup>461</sup> dan akan meniru tingkah laku orang lain baik secara sedar atau tidak terutamanya bagi kanak-kanak dan remaja kerana mereka lebih bersifat imitatif berbanding dengan golongan dewasa<sup>462</sup>. Oleh yang demikian, bergaul dengan orang yang baik secara tidak langsung akan membolehkan seseorang itu mempelajari pelbagai tabiat baik yang diperlihatkan dan seterusnya mencontohi tabiat tersebut sebagaimana yang dimaksudkan oleh sabda Rasulullah s.a.w. tentang perumpamaan teman yang baik dan teman yang jahat adalah seperti penjual minyak wangi dan ahli penempa besi yang kedua-duanya dapat membeli pengaruh yang tersendiri<sup>463</sup>.

Justeru, bab ini akan membahaskan tentang keperibadian Rasulullah s.a.w. sebagai seorang guru ikutan yang paling ideal berdasarkan perspektif Islam. Seterusnya, bab ini akan

---

<sup>461</sup> Imitatif bermakna bersifat meniru perbuatan orang lain. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (1970; cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 570, entri “imitatif”; *Kamus Daya* (Seri Kembangan: Penerbitan Minda (M) Sdn. Bhd., 2008), 565, entri “imitatif”.

<sup>462</sup> Mohd. Nasir Omar, *Falsafah Akhlak* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 134.

<sup>463</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Dhabāih, Bāb al-Misk*, no hadith 5534). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alaih wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khatib (Kaherah: al-Matba’ah al-Salafīyyah, 1979), 3:463; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Ādab, Bāb Istihbāb Mujālasah al-Ṣāliḥīn*, hadith no. 6860). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 8:37.

menjelaskan tentang pengaplikasian peranan guru dengan mengetengahkan hasil pemerhatian turut serta yang dijalankan secara rintis di dua buah tahfiz di Selangor sebelum ianya diakhiri dengan penutup.

## 2.1 KEPERIBADIAN RASULULLAH S.A.W. SEBAGAI SEORANG GURU

Secara dasarnya, Rasulullah s.a.w. adalah guru yang pertama dalam Islam dan keautoritian akhlak Baginda sebagai sumber teladan yang terbaik untuk dicontohi tidak dapat disangkal lagi sebagaimana firman Allah S.W.T.:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ  
كَثِيرًا ﴿٣١﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari Kiamat dan dia banyak menyebut Allah”.  
(Surah al-Aḥzāb, 33:21)

Menurut Ibn Kathir, ayat ini adalah perintah untuk mencontohi percakapan, perbuatan dan *aḥwal* Rasulullah s.a.w. iaitu dari sudut kesabarannya, menguatkan lagi kesabarannya, ketabahan, kesungguhan dan menanti perlepasan [dari sesuatu masalah] daripada Allah S.W.T.<sup>464</sup>. Lantaran ketinggian akhlak Rasulullah s.a.w. ini, Allah S.W.T. memuji Baginda dengan firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٦٨﴾

Maksudnya: “Dan sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung”.

(Surah al-Qalam, 68:4)

Berikut adalah antara dalil al-Quran dan hadith tentang sifat-sifat Rasulullah s.a.w. yang wajar diteliti seterusnya dihayati bagi setiap guru:

<sup>464</sup> Ibn Kathīr, Ismāʿīl bin ʿUmar, *Tafsīr al-Qurʾān al-Azīm, taḥqīq*: Sāmī bin Muḥammad Salāmah (t.t.p.: Dār al-Ṭayyibah li al-Naṣr wa al-Tawzīʿ, 1999), 6:391.

### 2.1.1 Dalil al-Quran tentang Akhlak Rasulullah S.A.W.

Umum mengetahui bahawa akhlak Rasulullah s.a.w. adalah akhlak al-Quran<sup>465</sup> dan Baginda adalah sebaik-baik manusia yang berakhlak<sup>466</sup>. Terdapat sejumlah ayat al-Quran yang menjelaskan tentang akhlak Rasulullah s.a.w.. Antaranya sebagaimana firman Allah S.W.T.:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ  
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ  
يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٩﴾

Maksudnya: “Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras<sup>467</sup> lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Oleh kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepada-Nya.

(Surah Āli ,Imrān, 3:159)

Tentang ayat ini, al-Ḥasan al-Basrī menyatakan bahawa inilah akhlak Rasulullah s.a.w.<sup>468</sup> dan Allah S.W.T. menjadikan Baginda seorang yang pengasih dan penyayang terhadap

<sup>465</sup> Berdasarkan hadith riwayat Muslim (*Kitāb Ṣolāh al-Musāfirīn, Bāb Jāmi, Solāh al-Layl wa Man Nām ,anh aw Mariḍ*, hadith no. 1773). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:168; Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Taṭawwu, Bāb fī Ṣalāh al-Layl*, hadith no. 1344). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿArabī, t.t.), 1:512.

<sup>466</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Adab, Bāb al-Kunyah li al-Ṣabī wa Qabl an Yūlad li al-Rajul*, no hadith 6203). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismāʿīl, *al-Jāmi al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alaih wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 4:891; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Ādāb, Bāb Istihbāb Taḥnīk al-Mawlūd*, hadith no. 5747). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 6:176.

<sup>467</sup> Bersikap keras (*Fazza*) di sini adalah berkaitan dengan ucapan iaitu mengeraskan suara. Lihat Ibn Kathīr, Ismāʿīl bin ,Umar, *Tafsīr al-Qurʿān al-Azīm, taḥqīq*: Sāmī bin Muḥammad Salāmah (t.t.p.: Dār al-Ṭayyibah li Al-Nashr wa al-Tawzī, 1999), 2:148; Al-Tustarī, Sahl bin ,Abd Allāh, *Tafsīr al-Tustarī* (t.t.p.: t.p., t.t.), 1:92.

<sup>468</sup> Ibn Kathīr, Ismāʿīl bin ,Umar, *Tafsīr al-Qurʿān al-Azīm*, 2:148.

orang yang beriman<sup>469</sup>. Menurut Ibn Kathīr dan al-Rāzī, ayat ini juga menyerupai firman Allah S.W.T.<sup>470</sup>:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ  
رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿١٢٨﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan (keimanan dan keselamatan) bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin”.

(Surah al-Tawbah, 9:128)

Selain itu, berkaitan dengan sifat lemah-lembut ini, Allah S.W.T. turut memerintahkan Nabi Musa „a.s. dan Nabi Harun „a.s. agar menyeru Fir„aun kepada kebenaran dengan kata-kata yang lemah-lembut<sup>471</sup>. Selanjutnya, akhlak Rasulullah s.a.w. dapat dinilai dengan melihat kepada kesabaran Baginda dalam mendidik para sahabat sebagaimana sebab penurunan ayat berikut berdasarkan firman Allah S.W.T.:

وَإِذَا رَأَوْا تِجَارَةً أَوْ لَهْوًا انفَضُّوا إِلَيْهَا وَتَرَكُوكَ قَائِمًا قُلْ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ مِّنَ اللَّهْوِ وَمِنَ  
التِّجَارَةِ وَاللَّهُ خَيْرُ الرَّازِقِينَ ﴿١١﴾

Maksudnya: “Dan apabila mereka melihat perniagaan atau permainan, mereka bersurai untuk menuju kepadanya dan mereka tinggalkan engkau sedang berdiri (berkhutbah). Katakanlah: “Apa yang di sisi Allah adalah lebih baik daripada permainan dan perniagaan dan Allah Sebaik-baik Pemberi rezeki”.

(Surah al-Jumu„ah, 62:11)

Ayat ini diturunkan berikutan peristiwa para sahabat keluar meninggalkan Rasulullah s.a.w. yang sedang memberi khutbah pada hari Jumaat kerana ketibaan kafilah dari *Shām* yang membawa barang dagangan sehingga hanya berbaki 12 orang para sahabat yang tetap

<sup>469</sup> Al-Suyūṭī, „Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *al-Dur al-Manthūr fi al-Tafsīr bi al-Ma„thūr, taḥqīq*: „Abd Allāh bin Muḥsin (Kaherah: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-„Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2002), 4:86.

<sup>470</sup> Ibn Kathīr, Ismā„īl bin „Umar, *Tafsīr al-Qur‘ān al-Azīm*, 2:148; Al-Rāzī, Muḥammad bin „Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mushtahir bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Maḥāṭib al-Ghayb* (Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭabā„ah wa al-Nashr wa al-Tawzī„, 1981), 9:63.

<sup>471</sup> Berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Maka bicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut”. (Surah Ṭāhā, 20:44).

bersama Baginda s.a.w.<sup>472</sup> sebagaimana yang dinukilkan oleh para ahli tafsir al-Quran<sup>473</sup>. Dalam konteks semasa, peristiwa ini dapat dijadikan sebagai sumber inspirasi kepada semua lapisan guru agar lebih positif dalam pengawalan emosi terutama ketika para pelajar tidak memberi penghormatan yang sewajarnya.

Antara lain ialah tentang peristiwa Rasulullah s.a.w. meminta agar „Abd Allāh bin Ubay bin Salūl dan para pengikutnya yang terdiri daripada golongan munafik agar memohon keampunan kepada Allah S.W.T. tetapi mereka enggan sebagaimana ayat berikut:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْا يَسْتَغْفِرْ لَكُمْ رَسُولُ اللَّهِ لَوَّأُ رُءُوسَهُمْ وَرَأَيْتَهُمْ يَصُدُّونَ وَهُمْ مُسْتَكْبِرُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya: “Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Marilah (bertaubat) agar Rasulullah memintakan ampunan bagimu”, mereka (enggan sambil) mengeleng-gelengkan kepala mereka dan kamu lihat mereka berpaling (daripada bertaubat) sedang mereka menyombongkan diri”.

(Surah al-Munāfiqūn, 63:5)

Ayat ini adalah rentetan daripada ucapan orang-orang Munafik yang berhasrat untuk mengusir Rasulullah s.a.w. daripada Madinah sebagaimana firman Allah S.W.T.:

هُمُ الَّذِينَ يَقُولُونَ لَا تُنْفِقُوا عَلَيَّ مِنْ عِنْدِ رَسُولِ اللَّهِ حَتَّىٰ يَنْفَضُوا وَيَلَّهِ خَزَائِنُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَفْقَهُونَ ﴿٧﴾ يَقُولُونَ لَئِن رَّجَعْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ لَيُخْرِجَنَّ الْأَعَزُّ مِنْهَا الْأَذَلَّ وَلِلَّهِ الْعِزَّةُ وَلِرَسُولِهِ وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَلَكِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٨﴾

Maksudnya: “Mereka orang-orang yang mengatakan (kepada orang-orang Ansar): “Janganlah kamu memberikan perbelanjaan kepada orang-

<sup>472</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Buyū*, Bāb *Qawl Allāh ‘Azz wa Jall: (al-Jumu‘ah, 62:11)*, “*Wa Idhā Raaw Tijārah aw Lahw*”, hadith no. 2058). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Hadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alaih wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 2:76; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Jumu‘ah, Bāb Qawl Allāh Ta, ālā (Wa Idhā Raaw Tijārah aw Lahw)*, hadith no. 2034-2038). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, 3:9.

<sup>473</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur‘ān al-Azīm*, 8:123; Al-Rāzī, Muḥammad bin ‘Umar, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mushtahir bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Maḥāṭih al-Ghayb*, 30:10; Al-Suyūṭī, ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma, thūr*, 14:483.

orang (Muhajirin) yang ada di sisi Rasulullah supaya mereka boleh pergi (meninggalkan Rasulullah)”. Padahal kepunyaan Allah-lah perbendaharaan langit dan bumi, tetapi orang-orang munafik itu tidak memahami. Mereka berkata: “Sesungguhnya jika kita telah kembali ke Madinah, benar-benar orang yang kuat akan mengusir orang-orang yang lemah daripadanya”. Padahal kekuatan itu hanyalah bagi Allah, bagi Rasul-Nya dan bagi orang-orang mukmin, tetapi orang-orang munafik itu tiada mengetahui”.

(Surah al-Munāfiqūn, 63:7-8)

Ucapan „Abd Allāh bin Ubay sebagaimana yang terdapat dalam ayat ini didengari oleh Zayd bin Arqam sebelum disampaikan kepada pakciknya yang serta merta menyampaikannya pula kepada Rasulullah s.a.w.. Baginda selanjutnya bertanya kepada „Abd Allāh bin Ubay dan pengikutnya tentang dakwaan ini untuk kepastian tetapi mereka menafikannya dengan bersumpah. Oleh itu, Rasulullah s.a.w. membenarkan sumpah „Abd Allāh bin Ubay dan mengetepikan dakwaan Zayd bin Arqam<sup>474</sup>. Kemudian turun ayat yang membenarkan dakwaan Zayd bin Arqam sebagaimana firman Allah S.W.T.:

إِذَا جَاءَكَ الْمُنَافِقُونَ قَالُوا نَشْهَدُ إِنَّكَ لَرَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّكَ لَرَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشْهَدُ  
إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَاذِبُونَ ﴿٦﴾ اتَّخَذُوا أَيْمَانَهُمْ جُنَّةً فَصَدُّوا عَن سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّهُمْ سَاءَ مَا  
كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Apabila orang-orang Munafik datang kepadamu, mereka berkata: “Kami mengakui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar Pesuruh Allah”. Dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar Rasul-Nya; dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya pengakuan mereka adalah dusta. Mereka itu menjadikan sumpah mereka sebagai perisai, lalu mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah. Sesungguhnya amat buruklah apa yang telah mereka kerjakan”.

(Surah al-Munāfiqūn, 63:1-2)

<sup>474</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb Tafsīr al-Qurān, Bāb Qawluh: Idhā Jāak al-Munāfiqūn Qālū Nashhad* [Surah al-Munāfiqūn, 63:1], no hadith 4900-4901). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alaih wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 3:309.

Sungguhpun penurunan beberapa ayat daripada surah al-Munāfiqūn yang menjelaskan tentang perihal kepura-puraan golongan Munafik ini, Rasulullah s.a.w. masih juga ingin meminta ampun bagi pihak mereka sehingga turun ayat berikut:

سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَسْتَغْفَرْتَ لَهُمْ أَمْ لَمْ تَسْتَغْفِرْ لَهُمْ لَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ  
الْفَاسِقِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Sama saja bagi mereka, kamu mintakan keampunan atau tidak kamu mintakan keampunan bagi mereka, Allah tidak akan mengampuni mereka; sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik”.

(Surah al-Munāfiqūn, 63:6)

Berdasarkan kronologi peristiwa bagi sebab penurunan ayat, ayat ini diturunkan selepas Rasulullah s.a.w. benar-benar berharap agar Allah S.W.T. mengampunkan orang-orang Munafik dengan menyatakan bahawa Baginda akan memohon ampun bagi pihak mereka lebih daripada 70 kali<sup>475</sup> sebagaimana firman-Nya:

أَسْتَغْفِرُ لَهُمْ أَوْ لَا تَسْتَغْفِرُ لَهُمْ إِنْ تَسْتَغْفِرُ لَهُمْ سَبْعِينَ مَرَّةً فَلَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَهُمْ ذَلِكَ  
بِأَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ ﴿٨٠﴾

Maksudnya: “Kamu memohonkan ampun bagi mereka atau tidak kamu mohonkan ampun bagi mereka (adalah sama saja). Sekalipun kamu memohonkan ampun bagi mereka 70 kali, namun Allah sekali-kali tidak akan memberi ampun kepada mereka. Yang demikian itu adalah kerana mereka kafir kepada Allah dan Rasul-Nya. Dan Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang fasik.

(Surah al-Tawbah, 9:80)

Menurut Ibn Kathīr yang mengambil suatu pandangan bahawa angka 70 dalam ayat ini adalah merujuk kepada kebiasaan bangsa Arab yang menyebut angka tujuh puluh dalam

<sup>475</sup> Al-Suyūṭī, ‘Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, *Al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma,thūr, taḥqīq*: ‘Abd Allāh bin Muḥsin (Kaḥrah: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-,Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003), 7:469.

percakapan mereka bagi menyatakan suatu kesungguhan (*mubālaghah*)<sup>476</sup>. Selain itu, ayat ini juga dikaitkan dengan peristiwa tentang keinginan Rasulullah s.a.w. untuk mendirikan solat jenazah bagi „Abd Allāh bin Ubay, tetapi segera dihalang oleh „Umar bin al-Khaṭṭāb sehingga diturunkan ayat berikut<sup>477</sup>:

وَلَا تُصَلِّ عَلَىٰ أَحَدٍ مِّنْهُمْ مَاتَ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَىٰ قَبْرِهِ ۚ إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ  
وَمَا تَأْتُوا وَهُمْ فَلَسِقُونَ ﴿٨٤﴾

Maksudnya: “Dan janganlah kamu sekali-kali menyolatkan (jenazah) seorang yang mati di antara mereka, dan janganlah kamu berdiri (mendoakan) di kuburnya. Sesungguhnya mereka telah kafir kepada Allah dan Rasul-Nya dan mereka mati dalam keadaan fasik”.

(Surah al-Tawbah, 9:84)

Merujuk kepada penurunan beberapa ayat daripada surah al-Munāfiqūn dan surah al-Tawbah yang dikemukakan ini jelas membuktikan tentang kemuliaan peribadi dan kasih sayang Rasulullah s.a.w. yang tiada tandingannya walaupun terhadap musuhnya dalam menyeru manusia kepada kebenaran Islam tanpa mengerti erti putus asa dan sentiasa mengharapkan mereka mendapat hidayah. Oleh itu, kisah ini mempunyai kepentingannya kepada para guru kini agar mencontohi akhlak Rasulullah s.a.w. dalam mendidik para pelajar yang bermasalah dengan penuh kasih sayang, lemah lembut dan sentiasa memaafkan di samping berdoa agar para pelajarnya menjadi insan yang dirahmati Allah S.W.T.. Sifat Rasulullah ini juga adalah menepati perintah Allah S.W.T. sebagaimana Firman-Nya:

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ ﴿١٣١﴾

<sup>476</sup> Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin „Umar, *Tafsīr al-Qur‘ān al-Azīm, taḥqīq*: Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Dār al-Tayyibah li Al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1999), 4:188.

<sup>477</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb Tafsīr al-Qur‘ān, Bāb Qawluh: Istaghfirlahum* [Surah al-Tawbah, 9:80], no hadith 4670-4671). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alaih wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khatib (Kaherah: al-Matba‘ah al-Salafiyyah, 1979), 3:237-238.



Maksudnya: “Jadilah engkau pemaaf dan suruhlah orang mengerjakan yang perkara yang baik, serta berpalinglah daripada orang-orang yang jahil”.

(Surah al-.,Arāf, 7:199)

Pada dasarnya, terdapat lagi sejumlah ayat al-Quran yang menjelaskan tentang ketinggian akhlak Rasulullah s.a.w.. Sungguhpun begitu, kesemua ayat al-Quran yang dikemukakan ini pada hemat pengkaji sudah memadai untuk membuktikan bahawa akhlak Rasulullah s.a.w. adalah akhlak al-Quran yang sewajarnya dicontohi oleh para guru.

### 2.1.2 Dalil Hadith Tentang Akhlak Rasulullah S.A.W.

Selain daripada dalil al-Quran, terdapat juga sejumlah hadith yang menerangkan tentang perihal akhlak Rasulullah s.a.w. yang berautoriti untuk dijadikan sandaran dan hujah. Bagi tujuan ini, pengkaji hanya mengemukakan sebahagian sahaja hadith yang dianggap penting untuk diketengahkan sebagaimana berikut<sup>478</sup>:

أَبِي أُمَامَةَ قَالَ إِنَّ فَتًى شَابًّا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ائْتِدْنِي لِي بِالزَّيْتِ فَأَقْبَلَ الْقَوْمُ عَلَيْهِ فَرَجَرُوهُ قَالُوا مَهْ مَهْ فَقَالَ اذْنُهُ فِدَانَا مِنْهُ قَرِيبًا قَالَ فَجَلَسَ قَالَ أَتَيْتُكَ لِأُمِّكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأُمَّهَاتِهِمْ قَالَ أَفْتَحِحُّهُ لِابْنَتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِبَنَاتِهِمْ قَالَ أَفْتَحِحُّهُ لِأُخْتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأَخَوَاتِهِمْ قَالَ أَفْتَحِحُّهُ لِعَمَّتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِخَالَاتِهِمْ قَالَ أَفْتَحِحُّهُ لِخَالَتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِخَالَاتِهِمْ قَالَ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهِ وَقَالَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ ذَنْبَهُ وَطَهِّرْ قَلْبَهُ وَحَصِّنْ فَرْجَهُ فَلَمْ يَكُنْ بَعْدُ ذَلِكَ الْقَمَى يَلْتَفِتُ إِلَى شَيْءٍ

Maksudnya: Abū Umāmah meriwayatkan bahawa pada suatu ketika, seorang pemuda telah datang kepada Rasulullah s.a.w. seraya berkata: “Wahai Rasulullah, izinkanlah aku melakukan zina?”. Mendengar soalan tersebut, hadirin yang hadir mula mengangkat suara dan mengejanya dan

<sup>478</sup> Hadith pertama, kedua dan ketiga adalah sebagaimana yang dikemukakan oleh „Abd Allāh Nāsih „Ulwān dalam karangan beliau. Ketiga-tiga hadith ini adalah antara contoh cara yang dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam pendidikan akhlak iaitu dengan cara berlemah lembut dan berkata dengan perkataan yang baik. Lihat „Abd Allāh Nāsih „Ulwān, *Tarbiyah al-Awlad fī al-Islām*, Cairo: Dār al-Salām, t.t.), 1:287; Abdullah Nasih Ulwan, *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*, terj. Syed Ahmad Semait (Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, 2010), 1: 376-378.

mereka berkata: “Mah! Mah!”. Maka Rasulullah s.a.w. menjemput pemuda itu agar mendekat dan duduk di hadapan Baginda. Setelah pemuda itu duduk, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apakah engkau suka sekiranya ibumu dizinai orang?”. Jawab pemuda itu: “Tidak, demi Allah. Semoga Allah menjauh perkara itu”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Begitu juga orang lain, tidak suka ibu-ibu mereka dizinai”. Rasulullah kembali bertanya: “Apakah engkau suka sekiranya anak perempuanmu dizinai orang?”. Jawab pemuda itu: “Tidak, demi Allah. Semoga Allah menjauh perkara itu”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Begitu juga orang lain, tidak suka anak-anak perempuan mereka dizinai”. Rasulullah kembali bertanya: “Apakah engkau suka sekiranya saudara perempuanmu dizinai orang?”. Jawab pemuda itu: “Tidak, demi Allah. Semoga Allah menjauh perkara itu”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Begitu juga orang lain, tidak suka saudara-saudara perempuan mereka dizinai”. Rasulullah kembali bertanya: “Apakah engkau suka sekiranya ibu saudaramu (sebelah ibu dan sebelah bapa) dizinai orang?”. Jawab pemuda itu: “Tidak, demi Allah. Semoga Allah menjauh perkara itu”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Begitu juga orang lain, tidak suka ibu saudara mereka dizinai”. Akhirnya Rasulullah s.a.w. meletakkan tangannya yang mulia ke atas dada pemuda itu seraya mendoakannya: “Ya Allah, sucikanlah hatinya, ampunkanlah dosa-dosanya dan peliharalah kemaluannya”. Pemuda itu seterusnya bangun untuk meninggalkan majlis Rasulullah s.a.w. dan di dalam hatinya tiada sesuatu yang lebih dibencinya selain daripada zina<sup>479</sup>.

Hadith ini telah menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak terburu-buru dalam membuat keputusan dengan terus memarahi pemuda yang meminta izin untuk melakukan zina sebagaimana yang dilakukan oleh para sahabat yang terus menampelak pemuda tersebut. Sebaliknya Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan kebijaksanaan Baginda dalam memberikan penjelasan dan hujah yang boleh diterima akal agar pemuda itu dapat berfikir secara logik. Melihat kepada realiti semasa, seseorang guru perlu berfikir secara mendalam sebelum bertindak agar setiap masalah yang melibatkan para pelajarinya dapat diatasi dengan sebaik mungkin.

---

<sup>479</sup> Hadith riwayat Ahmad bin Hanbal (*Bāqī Musnad al-Anṣār, Ḥadīth Abī Umāmah al-Bāhilī*, hadith no. 22265). Shu,ayb al-Arnaūṭ menyatakan bahawa hadith ini mempunyai sanad yang *ṣaḥīḥ* [dan diriwayatkan oleh] perawi-perawi yang boleh dipercayai (*thiqqāt*). Lihat Ahmad bin Hanbal, *Musnad al-Imām Ahmad bin Hanbal* (Kaherah: Muassasah Qurṭabah, t.t.), 5:256.

Rasulullah s.a.w. juga telah memberikan contoh yang terbaik dalam memberi pengajaran kepada sahabat yang tidak tahu tentang sesuatu perkara seperti yang dinyatakan sendiri oleh Mu,awiyah bin al-Hakam al-Sulamī sebagaimana hadith di bawah:

مُعَاوِيَةَ بْنِ الْحَكَمِ السُّلَمِيِّ قَالَ بَيْنَا أَنَا وَأَصْلَبِي مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ عَطَسَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ فَقُلْتُ يَرْحَمُكَ اللَّهُ فَرَمَانِي الْقَوْمُ بِأَبْصَارِهِمْ فَقُلْتُ وَاتُّكِلَ أُمِّيَاءَ مَا شَأْنُكُمْ تَنْظُرُونَ إِلَيَّ فَجَعَلُوا يَضْرِبُونَ بِأَيْدِيهِمْ عَلَيَّ أَفْحَاذِهِمْ فَلَمَّا رَأَيْتُهُمْ يُصَمِّتُونَنِي لَكِي سَكَتُ فَلَمَّا صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَبِأَبِي هُوَ وَأُمِّي مَا رَأَيْتُ مُعَلِّمًا قَبْلَهُ وَلَا بَعْدَهُ أَحْسَنَ تَعْلِيمًا مِنْهُ فَوَاللَّهِ مَا كَهَرَنِي وَلَا ضَرَبَنِي وَلَا شَتَمَنِي قَالَ إِنَّ هَذِهِ الصَّلَاةَ لَا يَصْلُحُ فِيهَا شَيْءٌ مِنْ كَلَامِ النَّاسِ إِمَّا هُوَ التَّسْبِيحُ وَالتَّكْبِيرُ وَقِرَاءَةُ الْقُرْآنِ

Maksudnya: Mu,awiyah bin al-Hakam al-Sulamī meriwayatkan bahawa ketika beliau bersolat bersama Rasulullah s.a.w., tiba-tiba seorang lelaki telah bersin. Aku lalu mendoakannya: “Semoga Allah merahmatimu”. Mendengarkan ucapanku ini, orang-orang disekitarku menjeling kepadaku. Aku berkata kepada mereka: “Alamak, mengapa kalian memandang kepadaku”. Mereka kemudiannya menepuk-nepuk tangan mereka atas peha-peha mereka. Aku kemudian mendiamkan diri setelah melihat mereka ingin mendiamkan aku. Setelah selesai solat, Rasulullah s.a.w. lalu memanggilku. Demi ayah dan ibuku, aku belum pernah bertemu dengan seorang guru pun sebelum ini dan sesudahnya yang terbaik pengajarannya daripada Rasulullah s.a.w.. Demi Allah, Baginda tidak memarahiku, juga tidak memukulku serta tidak mencercaku tetapi Baginda bersabda: “Sesungguhnya solat ini tidak boleh dicampur-adukkan dengan percakapan manusia. Sesungguhnya ia adalah tasbih, takbir dan membaca al-Quran”<sup>480</sup>.

Menerusi peristiwa ini, antara pengajaran yang boleh diambil terutamanya yang melibatkan proses pendidikan akhlak terhadap para pelajar ialah seseorang guru perlu memiliki sifat bertimbang rasa terhadap para pelajarnya yang memang tidak tahu sesuatu perkara itu adalah salah dengan tidak terus memarahi pelajar tersebut tetapi menasihati dengan perkataan yang baik.

<sup>480</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Masājīd, Bāb Tahrim al-Kalām fī al-Solāh*, hadith no.8991 ). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 2:17.

Antara lain, teladan Rasulullah s.a.w. yang mulia juga boleh dilihat menerusi hadith berikut:

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ قَامَ أَعْرَابِيٌّ فِي الْمَسْجِدِ فَتَنَاوَلَهُ النَّاسُ فَقَالَ هُمُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعُوهُ وَهَرِيثُوا عَلَى بَوْلِهِ سَجَلًا مِنْ مَاءٍ أَوْ ذُنُوبًا مِنْ مَاءٍ فَإِنَّمَا بُعِثْتُمْ مُبَسِّرِينَ وَمَنْ تَبِعْتُمُو مُعَسِّرِينَ

Maksudnya: Abū Hurayrah meriwayatkan bahawa seorang Arab Badwi telah masuk ke dalam masjid lalu kencing di suatu sudut. Oleh itu, para sahabat yang hadir ingin melakukan sesuatu kepadanya tetapi Rasulullah s.a.w. melarangnya seraya bersabda: “Biarkannya dan siramkanlah ke atas air kencingnya itu dengan segayung air atau seumpamanya. Sesungguhnya kalian dibangkitkan untuk memudahkan dan kalian bukan dibangkitkan untuk menyusahkan”<sup>481</sup>.

Sebagaimana kedua-dua hadith yang dinyatakan sebelum ini, hadith ini juga turut menjelaskan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak terburu-buru dalam menjatuhkan hukuman dan sentiasa bersikap tenang. Tujuan Rasulullah s.a.w. menghalang para sahabat daripada mengganggu orang Arab Badwi sehingga beliau selesai kencing adalah supaya air kencing tidak terkena pakaian Arab Badwi tersebut lalu menjadikan pakaiannya bernajis<sup>482</sup>. Di samping itu, hadith ini juga menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang berlemah lembut dengan orang yang kurang bijak<sup>483</sup>. Secara jelasnya menerusi iktibar daripada hadith ini, seseorang guru itu perlu memiliki sifat penyayang terhadap para pelajarnya yang kurang bijak (bodoh atau dungu) dan perlu bijak membuat keputusan.

Selain itu, peribadi mulia Rasulullah s.a.w. juga turut diriwayatkan oleh para sahabat.

Antaranya ialah sebagaimana hadith berikut:

<sup>481</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Wuḍū’; Bāb Ṣabb al-Mā’ ,alā al-Bawl fī al-Masjid*, no hadith 220). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 1:91.

<sup>482</sup> Ibn Baṭāl, ‘Alī bin Khalf, *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq*: Yāsir bin Ibrāhīm (Riyadh: Maktabah al-Rashd, 2003), 1:327.

<sup>483</sup> *Ibid.*

أَنَّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ خَدَمْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَشْرَ سِنِينَ فَمَا قَالَ لِي أُفِّ وَلَا لَمْ صَنَعْتَ وَلَا أَلَّا صَنَعْتَ

Maksudnya: Anas r.a. berkata: “Aku menjadi pembantu Rasulullah selama sepuluh tahun. Baginda tidak pernah walaupun sekali berkata kepadaku [perkataan] “uf” dan tidak pernah mempersoalkan sesuatu pekerjaanku, “Mengapa kamu lakukan pekerjaan ini?” dan tidak pernah mempersoalkan sesuatu pekerjaan yang tidak aku lakukan, “Mengapa kamu tidak melakukannya?”<sup>484</sup>. Rasulullah s.a.w. adalah sebaik-baik akhlak dalam kalangan manusia<sup>485</sup>.

Menerusi hadith ini, Anas r.a. telah menjadi pembantu Rasulullah s.a.w. secara sukarela selama sepuluh tahun iaitu sejak beliau berumur 10 tahun sehingga berumur 20 tahun<sup>486</sup>. Sungguhpun begitu, Rasulullah s.a.w. tidak pernah mengeluarkan perkataan yang negatif walaupun hanya mengeluh dengan perkataan “uf” terhadap Anas r.a. kerana menghargai kesudian beliau berkhidmat dengan Baginda. Menurut al-Mubārakfūrī, pekerjaan yang tidak dipersoalkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang terdapat dalam hadith ini hanya berkaitan dengan khidmat sebagai pembantu rumah di samping adab-adab tanpa melibatkan urusan syariat Islam<sup>487</sup>. Lantaran itu perspektif perguruan kini, seseorang guru tidak wajar memarahi seseorang pelajar yang enggan berkhidmat dengannya. Pada masa yang sama, menerusi akhlak Rasulullah s.a.w. dalam hadith ini, seseorang guru juga tidak wajar memaksa seseorang pelajar untuk beradab dengan beliau.

<sup>484</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Adab, Bāb Husn al-Khuluq wa al-Sakhā*”, no hadith 6038). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khatib (Kaherah: al-Matba’ah al-Salafiyyah, 1979), 4:98; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Faḍāil, Bāb Kān Rasūl Allāh Aḥsan al-Nās Khuluqan*, hadith no. 6151). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 7:73.

<sup>485</sup> Penambahan ayat bagi hadith ini dalam riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah, Bāb Mā Jā’ fī Khuluq al-Nabi Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam*, hadith no. 2015). Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ‘Īsā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī’, t.t.), 456.

<sup>486</sup> Al-Asqalānī, Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1958), 9:231.

<sup>487</sup> Al-Mubārakfūrī, Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, t.t.), 6:132.

Pada masa yang sama, keperibadian Rasulullah s.a.w. turut dinukilkan oleh `Abd Allāh ibn `Amrū r.a. sebagaimana hadith berikut:

عَبْدُ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ لَمْ يَكُنْ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَاحِشًا وَلَا مُتَفَجِّحًا وَكَانَ يَقُولُ إِنَّ مِنْ خِيَارِكُمْ أَحْسَنَكُمْ أَخْلَاقًا

Maksudnya: „Abd Allāh bin Amru r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bukanlah seorang yang bersifat keji dan tidak pernah melakukan kekejian. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya sebaik-baik daripada kalangan kalian adalah orang baik akhlaknya<sup>488</sup> .

Hadith ini juga turut diriwayatkan oleh ,Āishah r.a. dengan lafaz yang sedikit berbeza tetapi mempunyai maksud yang sama iaitu:

لَمْ يَكُنْ فَاحِشًا وَلَا مُتَفَجِّحًا وَلَا صَحَابًا فِي الْأَسْوَاقِ وَلَا يَجْزِي بِالسَّيِّئَةِ السَّيِّئَةَ وَلَكِنْ يَعْفُو وَيَصْفَحُ

Maksudnya: Rasulullah s.a.w. bukanlah seorang yang bersifat keji dan tidak pernah melakukan kekejian. Baginda tidak suka berteriak di pasar dan Baginda tidak membalas kejahatan dengan kejahatan tetapi memberi memaafkan<sup>489</sup> .

Ketika mengulas tentangnya, al-Nawawī telah menjelaskan bahawa ia menggesa setiap orang yang beriman agar berakhlak dengan akhlak yang mulia ianya adalah akhlak para Nabi dan para kekasih Allah<sup>490</sup> . Selain itu, ia juga menyatakan bahawa akhlak yang baik adalah merangkumi sifat berlemah lembut, meninggalkan takabbur terhadap manusia, bersabar terhadap manusia yang melakukan perkara-perkara yang dibencinya di samping

<sup>488</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Manāqib, Bāb Şifah al-Nabi Sallā Allāh ,Alayh wa Sallam*, no hadith 3558). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Şaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Şallā Allāh ,alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih*, 2:518; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Faḍāil, Bāb Kathrah Ḥayāih Şallā Allāh ,Alayh wa Sallam*, hadith no. 6177). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Şaḥīḥ al-Musammā Şaḥīḥ Muslim*, 7:78.

<sup>489</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Birr wa al-Şilah, Bāb Mā Jā’ fī Khuluq al-Nabi Şallā Allāh ,alayh wa Sallam*, hadith no. 2016). Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ,Īsā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāşir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī’, t.t.), 456.

<sup>490</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Minhāj Sharḥ Şaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-,Arābī, 1971), 15:78.

meninggalkan sifat marah dan berhati keras<sup>491</sup>. Justeru, seseorang guru perlu melatih diri agar mampu berakhlak dengan akhlak yang baik dan meninggalkan sifat keji agar para pelajarinya dapat mencontohi perlakuannya.

Sementara itu, ‚Ā`ishah r.a. turut meriwayatkan hadith lain tentang keunggulan akhlak Rasulullah s.a.w. dalam memelihara tangan Baginda daripada menyakiti orang lain kecuali dalam peperangan sebagaimana hadith berikut:

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ مَا ضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ شَيْئًا قَطُّ بِيَدِهِ وَلَا امْرَأَةً وَلَا خَادِمًا إِلَّا أَنْ يُجَاهِدَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Maksudnya: ‚Ā`ishah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak pernah walaupun sekali menggunakan tangannya untuk memukul isteri atau pelayan kecuali dalam peperangan di jalan Allah<sup>492</sup>.

Sebagaimana yang diulas oleh al-Nawawī, Rasulullah s.a.w. tidak pernah memukul isteri, pelayan dan juga binatang tunggangan kerana ianya adalah termasuk dalam adab dan meninggalkan perbuatan ini adalah terlebih baik<sup>493</sup>. Lantaran itu, antara adab yang penting untuk dipraktikkan oleh para guru ialah mengelakkan diri daripada memukul para pelajarinya dengan sewenang-wenangnya.

Di samping itu, sifat kesabaran Rasulullah s.a.w. dapat digambarkan menerusi hadith berikut:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ كُنْتُ أَمْشِي مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَيْهِ بُرْدٌ نَجْرَانِيٌّ غَلِيظُ الْحَاشِيَةِ فَأَدْرَكَهُ أَعْرَابِيٌّ فَجَبَدَ بِرِدَائِهِ جَبْدَةً شَدِيدَةً قَالَ أَنَسٌ فَتَنْظَرْتُ إِلَى صَفْحَةِ عَاتِقِ

<sup>491</sup> *Ibid.*, 15:78-79.

<sup>492</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Faḍāil, Bāb Mubā`adatih Ṣallā Allāh ‚Alayh wa Sallam li al-Āthām wa Ikhtiyārih min al-Mubāḥ*, hadith no. 6195). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 7:80.

<sup>493</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hājāj*, 15:84.

النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَدْ أَثَّرَتْ بِهَا حَاشِيَةُ الرِّدَاءِ مِنْ شِدَّةِ جَبْدَتِهِ ثُمَّ قَالَ يَا مُحَمَّدُ مَرُّ  
لِي مِنْ مَالِ اللَّهِ الَّذِي عِنْدَكَ فَالْتَمَتْ إِلَيْهِ فَضَحِكَ ثُمَّ أَمَرَ لَهُ بِعَطَاءٍ

Maksudnya: Anas bin Mālik r.a. meriwayatkan: “Ketika aku berjalan bersama Rasulullah s.a.w. dan Baginda ketika itu memakai selendang Najrānī<sup>494</sup> yang tebal, maka tiba-tiba bertemu dengan seorang Badwi yang kemudiannya menarik dengan keras selendang tersebut”. Anas r.a. menyambung: “Aku melihat pada leher Rasulullah s.a.w. dan terdapat kesan akibat daripada tarikan yang keras tersebut. Kemudian Badwi itu berkata: “Wahai Muhammad! Berikan kepadaku daripada harta Allah yang ada padamu”. Rasulullah s.a.w. lalu menoleh kepadanya sambil tersenyum dan kemudiannya menyuruh ditunaikan permintaan Badwi tersebut<sup>495</sup>.

Ibn Hajar menyatakan bahawa riwayat Anas ini menjelaskan tentang kesabaran Rasulullah s.a.w. dalam menyebarkan ajaran Islam di samping kemuliaan akhlak Baginda dalam memberi kemaafan dan membalas kejahatan dengan kebaikan<sup>496</sup>. Oleh itu, pengajaran yang berharga yang dapat diambil daripadanya untuk pedoman para guru ialah seseorang guru itu sewajarnya tidak marah ketika para pelajarinya tidak memberikan penghormatan yang selayaknya terhadap dirinya.

Antara lain, `Abd Allāh ibn Mas`ūd juga telah meriwayatkan hadith tentang perihal Rasulullah s.a.w. sebagaimana berikut:

قَالَ عَبْدُ اللَّهِ كَأَنِّي أَنْظُرُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَحْكِي نَبِيًّا مِنْ الْأَنْبِيَاءِ ضَرَبَهُ قَوْمُهُ  
فَأَدْمَوْهُ وَهُوَ يَمْسَحُ الدَّمَ عَنْ وَجْهِهِ وَيَقُولُ اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِقَوْمِي فَإِنَّهُمْ لَا يَعْلَمُونَ

<sup>494</sup> Najrānī adalah nisbah kepada nama tempat iaitu Najran yang terletak antara Hijaz dan Yaman. Lihat Al-Asqalānī, Ahmad bin `Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī `Abd Allāh Muḥammad bin Ismā`īl al-Bukhārī, taḥqīq*: `Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamd (t.t.p.: t.p., 2001), 10:521; Al-,Aynī, Maḥmūd bin Ahmad, *Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, 2006), 22:235.

<sup>495</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Adab, Bāb al-Tabassum wa al-Daḥik*, hadith no. 6088). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā`īl, *al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh `alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khatib (Kaherah: al-Matba`ah al-Salafiyyah, 1979), 4:108; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Zakāh, Bāb Iḏā` Man Saal bi Fuḥsh wa Ghilzah*, hadith no. 2476). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi` al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 3:103.

<sup>496</sup> Al-Asqalānī, Ahmad bin `Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī `Abd Allāh Muḥammad bin Ismā`īl al-Bukhārī, taḥqīq*: `Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamd (t.t.p.: t.p., 2001), 10:522.



Maksudnya: „Abd Allāh [Ibn Mas,ūd] r.a. berkata: Seolah-olah aku melihat kepada Rasulullah s.a.w. ketika Baginda menceritakan perihal seorang Nabi daripada para Nabi „a s. yang dianiaya oleh kaumnya sehingga berlumuran darah sambil menyapu darah daripada mukanya dan berdoa: “Ya Allah! Ampunilah kaumku kerana mereka tidak mengetahui”<sup>497</sup>.

Menurut Ibn Hajar, Rasulullah s.a.w. pernah mengalami situasi sebegini iaitu sewaktu Baginda turut serta dalam perang *Uhud*<sup>498</sup>. Bagi mengukuhkan hujah ini, Ibn Hajar telah mendatangkan hadith yang diriwayatkan oleh Sahl bin Sa,ad dalam kitab *Ṣaḥīḥ* Ibn Ḥibbān yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berdoa: “*Ya Allah! Ampunilah kaumku kerana mereka tidak mengetahui*”<sup>499</sup>. Dalam interaksi antara guru dan pelajar kini yang boleh diambil iktibar, para guru perlu sentiasa meminta ampun kepada Allah S.W.T. untuk para pelajarnya yang masih bergelumbang dengan dosa di samping berdoa untuk mereka. Ini adalah selari dengan Firman Allah S.W.T. sebagaimana yang telah dikemukakan sebelum ini yang bermaksud: “*Oleh kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu*”<sup>500</sup>.

Selain itu, antara akhlak mulia Rasulullah s.a.w. yang lain ialah Baginda selalu memeberikan senyuman terhadap para sahabat sebagaimana hadith berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ الْحَارِثِ بْنِ جَزْءٍ أَنَّهُ قَالَ مَا رَأَيْتُ أَحَدًا أَكْثَرَ تَبَسُّمًا مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى  
اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

<sup>497</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Anbiyā*; *Bāb* [tidak dinyatakan nama bab], hadith no. 3477). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā,il, *al-Jāmi* “*al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Hadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (Kaherah: al-Maṭba,ah al-Salafiyyah, 1979), 2:499; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Jihād wa al-Siyar, Bāb Ghazwah Uḥud*, hadith no. 4747). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi* “*al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 5:179.

<sup>498</sup> Al-,Asqalānī, Aḥmad bin ,Alī bin Ḥajar, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī ,Abd Allāh Muḥammad bin Ismā,il al-Bukhārī, taḥqīq*: ,Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamd (t.t.p.: t.p., 2001), 6:602.

<sup>499</sup> Hadith riwayat Ibn Ḥibbān (*Kitāb al-Raqa,iq, Bāb al-Ad,iyah*, hadith no. 973). Shu,ayb al-Arnaūṭ menyatakan bahawa hadith ini mempunyai sanad yang bertaraf *ḥasan*. Lihat Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān, taḥqīq*: Shu,ayb al-Arnaūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993), 3:254.

<sup>500</sup> Lihat surah Āli ,Imrān, 3:159.

Maksudnya: „Abd Allāh bin al-Hārith meriwayatkan dengan berkata: “Aku tidak melihat seseorang yang lebih banyak tersenyum daripada Rasulullah s.a.w.”<sup>501</sup>.

*Athar* di atas jelas menerangkan bahawa antara sifat terpuji yang dimiliki oleh Rasulullah s.a.w. ialah sentiasa memberikan senyuman dan bermanis muka. Lantaran itu, para guru perlu mempunyai personaliti yang mesra dan menjauhkan sifat yang kasar dalam proses pendidikan akhlak terhadap para pelajarnya agar mereka mudah berinteraksi dengan guru tersebut. Ini adalah selari dengan Firman Allah S.W.T. sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini iaitu ayat al-Quran yang bermaksud: “*Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu*”<sup>502</sup>.

Menerusi keseluruhan hadith dan *athar* yang dikemukakan ini, jelas menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. mempunyai akhlak dan peribadi agung yang merangkumi sifat penyabar, pemaaf, tidak berdendam, lemah lembut, tidak membalas kejahatan yang dilakukan terhadapnya dengan kejahatan tetapi dengan pembalasan yang baik, sentiasa tersenyum dan sebagainya. Pada masa yang sama ia juga turut menjelaskan dengan lebih lanjut tentang sejumlah ayat al-Quran sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini tentang ketinggian akhlak Rasulullah s.a.w.. Justeru, akhlak Rasulullah s.a.w. mempunyai keautoritian dan keutamaan untuk dijadikan contoh ikutan sepanjang zaman. Sehubungan dengan itu mengikut realiti semasa, para guru dan pendidik perlu berusaha untuk mempraktikkan akhlak Rasulullah s.a.w. semaksimum mungkin terutamanya dalam proses pendidikan

---

<sup>501</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Manāqib ,an Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,Alayh wa Sallam, Bāb fi Bashashah al-Nabī Ṣallā Allāh ,Alayh wa Sallam*, hadith no. 3641). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ,Isā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī,, t.t.), 828.

<sup>502</sup> Lihat surah Ali ,Imran, 3:159.

akhlak terhadap para pelajar agar hasil didikan mereka mampu mencontohi hasil didikan Rasulullah s.a.w. terhadap para sahabat.

### 2.1.3 Hasil Didikan Rasulullah S.A.W. Terhadap Para Sahabat

Hasil daripada keperibadian Rasulullah s.a.w. yang mulia ini, para sahabat akhirnya diiktiraf sebagai Mukmin yang diredhai Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya:

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ وَالَّذِينَ مَعَهُ أَشِدَّاءُ عَلَى الْكُفَّارِ رُحَمَاءُ بَيْنَهُمْ تَرَاهُمْ رُكَّعًا سُجَّدًا يَبْتَغُونَ فَضْلًا مِنَ اللَّهِ وَرِضْوَانًا سِيمَاهُمْ فِي وُجُوهِهِمْ مِنْ أَثَرِ السُّجُودِ ذَلِكَ مَثَلُهُمْ فِي التَّوْرَةِ وَمَثَلُهُمْ فِي الْإِنْجِيلِ كَزَرْعٍ أَخْرَجَ شَطْأَهُ فَآوَرَهُ فَاسْتَغْلَظَ فَاسْتَوَى عَلَى سُوقِهِ يُعْجِبُ الزُّرَّاعَ لِيغِيظَ بِهِمُ الْكُفَّارَ وَعَدَّ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ مِنْهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersama dengan dia adalah keras terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka, kamu lihat mereka rukuk dan sujud mencari kurnia Allah dan keredhaan-Nya, tanda-tanda mereka terlihat pada muka mereka dari bekas sujud. Demikianlah sifat-sifat mereka dalam Taurat dan sifat-sifat mereka dalam Injil, iaitu seperti tanaman yang mengeluarkan tunasnya maka tunas itu menjadikan tanaman itu kuat lalu menjadi besarlah dia dan tegak lurus di atas pokoknya; tanaman itu menyenangkan hati penanam-penanamnya karena Allah hendak menjengkelkan hati orang-orang kafir (dengan kekuatan orang-orang mukmin). Allah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang soleh di antara mereka ampunan dan pahala yang besar”.

(Surah al-Fath, 48:29)

Menurut Ibn Kathīr, ayat ini mengandungi pujian Allah S.W.T. kepada para sahabat Rasulullah s.a.w.<sup>503</sup>. Sifat-sifat para sahabat yang saling kasih mengasihi sesama mereka ini turut menepati hadith Rasulullah s.a.w. yang menyatakan bahawa orang yang beriman dalam konteks kasih-mengasihi, cinta-mencintai dan tolong-menolong adalah seumpama

<sup>503</sup> Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar, *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm, taḥqīq*: Sāmī bin Muḥammad Salāmah (t.t.p.: Dār al-Ṭayyibah li Al-Nashr wa al-Tawzī', 1999), 7:360.

satu tubuh badan dan sekiranya salah satu anggota ditimpa kesakitan, maka seluruh tubuh turut menerima kesannya dengan kepayahan untuk tidur dan demam<sup>504</sup>. Rentetan itu pada pandangan pengkaji, tidak mustahil para pelajar terutama dalam kalangan remaja kini akan menjadi suatu generasi yang merealisasikan sifat-sifat terpuji yang ditonjolkan oleh para sahabat sekiranya para guru dapat mempraktikkan akhlak Rasulullah s.a.w.. Bagi tujuan tersebut, para ulama<sup>504</sup> Islam sejak zaman berzaman telah berusaha sedaya yang mampu dalam merangka sejumlah adab-adab yang perlu diaplikasikan oleh para guru dalam menyampaikan ilmu kepada para pelajar.

## 2.2 ADAB SEORANG GURU MENURUT SARJANA ISLAM

Berdasarkan sebahagian dalil al-Quran, hadith dan *athar* yang telah dikemukakan sebelum ini, ulama, Islam seterusnya telah menyusun adab-adab yang perlu dipraktikkan oleh para guru yang ingin menyampai ilmu agama kepada anak muridnya agar keindahan Islam menerusi akhlak Rasulullah s.a.w. dapat disebar. Antaranya ialah Abū Ḥāmid al-Ghazālī yang telah meringkaskan bahawa terdapat tujuh belas adab-adab yang perlu ada bagi seseorang guru dalam kitab *Bidāyah al-Hidāyah* iaitu **pertama**: *al-iḥtimāl* (kuat menanggung kesusahan), **kedua**: lambat marah, **ketiga**: duduk dengan haibah atas kelakuan yang tetap serta menundukkan kepala, **keempat**: meninggalkan takbur atas sekalian hamba Allah S.W.T. kecuali terhadap seseorang yang zalim bagi menegah kezalimannya, **kelima**: memilih sifat merendahkan diri dalam majlis dan perhimpunan orang ramai, **keenam**: meninggalkan bergurau dan bermain-main, **ketujuh**: mengasihi

---

<sup>504</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Āḍab, Bāb Raḥmah al-Nās wa al-Bahāim*, no hadith 6011). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh 'alaih wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khatib (Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyah, 1979), 4:93; hadith riwayat Muslim (*Kitāb Birr wa al-Ṣilah wa al-Āḍab, Bāb Tarāhum al-Mukminīn wa Ta'āṭufihim wa Ta'āḍudihim*, hadith no. 6751). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 8:27.

pelajarnya dan berlemah lembut dengan yang kurang bijak, **kelapan** dan **kesembilan**: membimbing pelajar yang lambat faham dan tidak memarahinya, **kesepuluh**: tidak malu untuk mengatakan “*aku tidak tahu*” bagi sesuatu perkara yang tidak diketahuinya, **kesebelas**: memberikan perhatian terhadap pelajar yang bertanya sesuatu soalan dan cuba memahaminya dengan baik, **kedua belas**: menerima hujjah atau dalil yang dihadapkan kepadanya, **ketiga belas**: tunduk kepada kebenaran dengan kembali kepadanya ketika tersalah, **keempat belas**: melarang pelajarannya daripada ilmu yang memudaratkan, **kelima belas**: melarang pelajarannya daripada niat yang lain daripada Allah S.W.T. dengan ilmunya, **keenam belas**: melarang muridnya daripada menyibukkan diri dengan ilmu fardhu kifayah sebelum selesai ilmu fardhu „ain dan **ketujuh belas**: membaiki diri sendiri dengan takwa sebelum menyuruh orang lain agar muridnya dapat mencontohi amalannya dan mengambil manfaat daripada percakapannya (ilmunya)<sup>505</sup>.

Antara lain, Sa,īd Ḥawwā turut mengenengahkan lapan adab atau tugas bagi seseorang guru<sup>506</sup> iaitu **pertama**: menganggap anak muridnya sebagai anaknya sendiri sebagai sabda Rasulullah s.a.w. yang menyatakan bahawa perumpamaan Baginda dengan para sahabat adalah seumpama ayah kepada anaknya<sup>507</sup>, **kedua**: mencontohi Rasulullah s.a.w. yang

---

<sup>505</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah, taḥqīq*: „Abd al-Ḥamīd Muḥammad Darwīsh (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1998), 145-146; Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam (Pokok Sena: Khazanah Banjariah, 2012), 156-157.

<sup>506</sup> Kelapan-lapan tugas atau adab seorang guru ini adalah dipetik daripada karangan al-Ghazālī dalam kitab *Iḥyā’ „Ulūm al-Dīn, Bāb al-Khāmis fī Ādāb al-Muta,allim wa al-Mu,allim*. Lihat Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā’ „Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār al-Ma,ʿrifah, t.t.), 1: 55-58.

<sup>507</sup> Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Ṭahārah, Bāb Karāhiyah Istiqbāl al-Qiblah „Ind Qaḍā’ al-Ḥājah*, hadith no. 8). Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash,ath, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, t.t.), 1:7; Hadith Riwayat al-Nasāī (*Kitāb al-Ṭahārah, Bāb al-Nahy „an al-Istiṭābah bi al-Rawth*, hadith no. 40). Hadith ini dihukum *ḥasan ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Nasāī, Aḥmad bin Shu,ayb, *al-Mujtabā min al-Sunan, taḥqīq*: „Abd al-Fattāh Abū Ghuddah (Ḥalb: Maktab al-Maṭbū,āt al-Islāmiyyah, 1986), 1:38; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Ṭahārah wa Sunanihā, Bāb al-Istinjā’ bi al-Ḥijārah wa al-Nahy „an al-Rawth wa al-Rimmah*, hadith no. 313). Hadith ini dihukum *ḥasan ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyāḍ: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī, t.t.), 73; Hadith riwayat Ibn Ḥibbān (*Kitāb al-Ṭahārah, Bāb al-Istiṭābah*, no. hadith: 1431). Shu,ayb al-Arnaūṭ menyatakan bahawa hadith ini mempunyai sanad-sanad yang bertaraf

tidak mengharapkan ganjaran, balasan serta penghargaan dalam menyampaikan ilmu tetapi hanya mengharapkan keredhaan Allah S.W.T.<sup>508</sup>, **ketiga:** sentiasa memberi nasihat kepada anak muridnya agar ikhlas dalam menuntut ilmu, **keempat:** menegur kesilapan anak muridnya dengan kasih sayang dan bukannya dengan celaan bagi menjaga kewibawaan seseorang guru itu di samping mengelakkan seseorang anak murid itu daripada memberontak, **kelima:** tidak merendahkan ilmu lain yang tidak ditekuni seperti seorang guru bahasa Arab merendahkan ilmu *fiqh*, seorang guru *fiqh* merendahkan ilmu tafsir dan sebagainya, **keenam:** mengajar anak murid menurut tahap kefahamannya bagi mengelakkan fitnah, **ketujuh:** menyampaikan sesuatu ilmu sehingga mencapai maksud sebenar daripada ilmu tersebut tanpa memanipulasikan kebenarannya dan **kelapan:** seseorang guru itu perlu mengamalkan ilmunya dan perbuatannya pula tidak bercanggah dengan ucapannya<sup>509</sup>.

Selanjutnya, analisis pemikiran Abū Ṭālib al-Makkī dalam kitab *Qūt al-Qulūb fi Mu'āmalah al-Maḥbūb wa Wasf Ṭarīq al-Murīd ilā Maqām al-Tauḥīd* dan pengkhususan kepada bab (*al-faṣl*) ke-44: *al-Ukhuwwah fi Allāh Tabārak wa Ta'ālā wa al-Ṣuḥbah wa al-Maḥabbah* sebagaimana yang dikaji oleh Abdul Muhsein bin Sulaiman dalam tesis PhD beliau yang bertajuk “Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak Murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abū Ṭālib al-Makkī (w.386H/966M)”<sup>510</sup> telah menyatakan bahawa terdapat lima elemen penting yang perlu ada bagi para guru

---

*ḥasan*. Lihat Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān, taḥqīq*: Shu,ayb al-Arnaūṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993), 4:279.

<sup>508</sup> Sebagaimana firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Dan (dia berkata): “Wahai kaumku, aku tidak meminta harta benda kepada kamu (sebagai upah) bagi seruanku. Upahku hanyalah dari Allah...”. (Surah Hūd, 11:29).

<sup>509</sup> Sa,īd Ḥawwā, *al-Mustakhlaṣ fi Tazkiyah al-Anfus* (Cairo: Dār al-Salām li al-Ṭabā,ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 1988), 20-23.

<sup>510</sup> Abdul Muhsein bin Sulaiman, “Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib al-Makki (w.386H/966M)” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014).

dalam memupuk akhlak anak murid iaitu **pertama:** menjadi teman yang prihatin, **kedua:** memupuk sikap kasih sayang, **ketiga:** menyemai sifat terpuji, **keempat:** menjadi pembimbing dan **kelima:** mengekalkan keserasian.

Selain itu pada pandangan pengkaji, beberapa ciri daripada dua puluh empat ciri<sup>511</sup> khusus bagi pemilihan guru mursyid dalam sesuatu tarekat sebagaimana yang dinyatakan oleh Muḥammad Amīn al-Kurdī dalam kitab *Tanwīr al-Qulūb* wajar diketengahkan sebagai adab bagi seseorang guru kerana terdapat pengajaran dan faedah yang boleh diambil daripadanya. Pada masa yang sama, ciri-ciri ini adalah penting untuk didedahkan kepada para pelajar dalam pemilihan guru mursyid bagi sesuatu tarekat sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Bab Satu sebelum ini<sup>512</sup>. iaitu **pertama:** hendaklah guru itu alim dalam ilmu *fiqh* dan akidah yang biasanya diperlukan oleh para muridnya sekadar dapat menghilangkan keraguan mereka sehingga mereka tidak perlu bertanyakan kepada orang lain, **kedua:** hendaklah guru tersebut benar-benar mengetahui tentang kesempurnaan hati, adab sopannya, kerosakan dan penyakit-penyakit jiwa serta cara untuk memelihara dan mengimbangkannya, **ketiga:** belas kasihan terhadap orang-orang Islam terutamanya terhadap para muridnya sendiri, **keempat:** merahsiakan keaiban yang diketahui daripada anak muridnya, **kelima:** hendaklah guru itu membersihkan diri daripada keinginan untuk menguasai harta anak muridnya serta tidak tamak terhadap harta mereka, **keenam:** hendaklah guru itu melakukan terlebih dahulu suruhan yang diarahkan kepada anak muridnya dan menjauhkan perkara-perkara yang dilarangnya agar nasihat yang diberikan

---

<sup>511</sup> Terdapat beberapa adab yang dikhususkan hanya untuk guru mursyid yang tidak sesuai untuk dipraktikkan secara umum oleh para guru seperti adab pertama, adab ketiga belas, adab keempat belas, adab kelima belas dan adab kelapan belas.

<sup>512</sup> Lihat Bab Satu dalam kajian ini, sub topik: 1.2.2 Pimpinan Guru Mursyid Dalam Tarekat.

dapat memberi kesan kepada jiwa mereka<sup>513</sup>, **ketujuh:** hendaklah seseorang guru itu tidak duduk berbual dengan para muridnya kecuali sekadar yang diperlukan<sup>514</sup>, **kelapan:** hendaklah guru itu menjaga tutur katanya agar terpelihara daripada pengaruh hawa nafsu, perkara yang tidak baik dan perkara yang sia-sia<sup>515</sup>, **kesembilan:** hendaklah guru itu sentiasa berlapang dada dan bertolak ansur tentang hak dirinya di samping memelihara diri daripada menunjukkan kehebatan dan kemuliaan dirinya, **kesepuluh:** jika guru itu melihat perihal anak muridnya yang memperlihatkan kebesaran dan ketinggian martabatnya lantaran sering bersama dengan gurunya itu, maka hendaklah diperintahkan anak murid tersebut agar berkhalwat di suatu tempat yang tidak terlalu jauh dan tidak terlalu dekat dengannya, **kesebelas:** hendaklah guru itu bertindak bijaksana dalam bentuk pencegahan sekiranya didapati kehormatan dirinya pada pandangan dan hati para muridnya semakin berkurangan, **kedua belas:** tidak lalai dalam memberikan pimpinan dan asuhan terhadap anak muridnya tentang perkara-perkara yang boleh memperbaiki keadaan mereka, **ketiga belas:** sekiranya kedatangan seorang anak muridnya menceritakan sesuatu yang istimewa daripada mimpi yang dialaminya atau *mukāshafah* yang terbuka dihatinya atau *mushāhadah* yang dihadapinya, maka guru tersebut perlu mendiamkan diri dan tidak

---

<sup>513</sup> Adab ini adalah berdasarkan firman Allah S.W.T. yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu lakukan? Amat besar kebencian di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu lakukan. (Surah al-Şaff, 61:2-3)

<sup>514</sup> Ketika duduk berbual-bual dengan para muridnya, seseorang guru itu hendaklah mengambil kesempatan yang ada untuk memberikan penerangan tentang sesuatu yang bermanfaat daripada ilmu tarekat dan syariat seperti membacakan kitab *Tanwīr al-Qulūb* atau seumpamanya kerana dengan cara ini secara tidak langsung mereka diajar supaya menghargai waktu dengan tidak mensia-siakannya di samping dapat menjauhkan mereka daripada lintasan hati yang jahat dan kepelbagaian angan-angan yang boleh mengotorkan hati mereka. Selain itu, para murid juga dapat menambahkan ilmu yang boleh memberi penambahbaikan dalam beribadah kepada Allah S.W.T.. Lihat Jahid bin Sidek, *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah* (Cheras: Al-Falah Publications, 2010), 174-175.

<sup>515</sup> Berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Daripada kebaikan Islamnya seseorang itu ialah dia meninggalkan apa yang tidak diperlukan”. Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Zuhd, Bāb 11*, hadith no. 2317). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin ʿĪsā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Maʿārif li al-Nāshir wa al-Tawzīʿ, t.t.), 524; Hadith riwayat Ibn Majah (*Kitāb al-Fitan, Bāb Kaff al-al-Lisān fī al-Fitnah*, hadith no. 3976). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, *Sunan Ibn Majah, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Maʿārif li al-Nāshir wa al-Tawzīʿ, t.t.), 656.



memperbanyakkan bicara tentangnya bagi mengelakkan anak muridnya merasa hebat yang akhirnya boleh menjatuhkan martabatnya sendiri, **keempat belas:** seorang guru itu wajib melarang anak muridnya daripada banyak berkata-kata sesama mereka dalam tarekat yang sama kecuali perkara-perkara yang penting sahaja terutamanya tentang keistimewaan atau segala bentuk kurniaan Allah S.W.T.<sup>516</sup>, **kelima belas:** seorang guru itu perlu menyediakan *khalwah* bagi setiap anak muridnya dan begitu juga untuk dirinya dan para sahabatnya, **keenam belas:** seorang guru itu perlu menjaga dirinya agar segala gerak gerinya seperti makan, tidur dan sebagainya tidak dapat dilihat oleh anak muridnya bagi mengelakkan mereka kurang menghormatinya, **ketujuh belas:** hendaklah guru melarang anak muridnya daripada terlalu banyak makan kerana ianya boleh merosakkan latihan-latihan kerohanian yang dilakukan mereka, **kelapan belas:** hendaklah seorang guru itu melarang anak muridnya daripada bergaul dengan anak murid guru yang lain kerana perbuatan tersebut boleh membahayakan mereka kecuali anak muridnya tetap kasihkannya<sup>517</sup>, **kesembilan belas:** hendaklah seorang guru itu melarang para muridnya daripada selalu berhubung dengan raja-raja dan para pembesar tanpa sebarang keperluan yang tertentu, **kedua puluh:** hendaklah seorang guru itu bercakap kepada para muridnya dengan seberapa lembut yang boleh dan menjauhi daripada mencela atau memburuk-burukkan mereka agar para muridnya tidak benci terhadapnya, **kedua puluh satu:** sekiranya seorang guru itu diundang oleh seseorang, maka hendaklah menerima undangan tersebut dengan penuh kehormatan dan penghargaan serta merendah diri, **kedua puluh dua:** ketika seorang guru itu duduk

---

<sup>516</sup> Perbuatan ini jika dibiarkan boleh mengakibatkan anak muridnya itu merasa sombong dan pelbagai sifat tercela yang lain dan akhirnya boleh membatalkan perjalanan mereka menuju ke matlamat yang sebenar. Lihat al-Kurdī, Muḥammad Amīn, *Tanwīr al-Qulūb fī Mu,āmalah ,Allām al-Ghuyūb* (Beirut: Dār al-Kutub al-,Ilmiyyah, 1995), 578; Jahid bin Sidek, *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah* (Cheras: Al-Falah Publications, 2010), 177.

<sup>517</sup> Seseorang anak murid itu boleh terhalang daripada mendapat limpahan keberkatan daripada guru murshidnya sekiranya hati anak murid tersebut tertarik kepada guru murshid yang lain. Lihat Al-Kurdī, Muḥammad Amīn, *Tanwīr al-Qulūb fī Mu,āmalah ,Allām al-Ghuyūb* (Beirut: Dār al-Kutub al-,Ilmiyyah, 1995), 579; Jahid Sidek, *Membentuk Jiwa Sufi Ajaran Tariqah Naqshabandiyyah Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi* (Cheras: al-Falah Publications, 2009), 386.

bersama para muridnya, hendaklah dia duduk dengan cara yang tenang dan penuh sabar tanpa banyak menoleh ke kiri dan ke kanan di samping mengelakkan dirinya daripada mengantuk atau tidur bersama-sama mereka, tidak meluncurkan kakinya di hadapan mereka, merendahkan suaranya, mengawal pandangan matanya dan menghindarkan diri daripada sifat-sifat tercela<sup>518</sup>, **kedua puluh tiga:** hendaklah seorang guru itu tidak memalingkan wajahnya ke arah yang lain ketika ditemui oleh muridnya dan mendoakan muridnya tanpa diminta ketika muridnya itu ingin meninggalkannya<sup>519</sup> dan **kedua puluh empat:** hendaklah seorang guru itu bertanya tentang muridnya yang tidak hadir dan menyiasat tentang sebab-sebabnya dan sekiranya terdapat muridnya yang sakit atau memerlukan bantuan, maka guru tersebut perlu menziarahi dan membantunya kerana dia perlu mencontohi sedaya yang mampu perjalanan hidup Rasulullah s.a.w. ketika baginda bersama dengan para sahabatnya<sup>520</sup>.

Justeru, berdasarkan pandangan dan pendapat yang dikemukakan oleh para sarjana Islam yang telah dibincangkan di atas, dapat disimpulkan bahawa setiap guru khususnya dalam bidang agama Islam mempunyai sejumlah adab, etika serta peranan yang perlu dipatuhi secara zahir dan batin. Secara zahirnya, seseorang guru perlu bersifat dengan sifat terpuji yang boleh dilihat dengan mata kasar seperti menahan marah, bersopan santun, berkata-kata dengan nada suara yang baik, memberi nasihat secara bijaksana, prihatin dan

---

<sup>518</sup> Ini kerana segala perbuatan yang dilakukan oleh gurunya itu akan ditiru oleh para muridnya yang pada anggapan mereka adalah suatu perbuatan terpuji dan sangat patut untuk dicontohi. Lihat Jahid Sidek, *Membentuk Jiwa Sufi Ajaran Tariqah Naqshabandiyyah Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi* (Cheras: al-Falah Publications, 2009), 383.

<sup>519</sup> Sekiranya seseorang guru itu ingin bertemu dengan salah seorang anak muridnya, maka dia perlu menjaga adabnya dengan semaksimum mungkin. Lihat Jahid Sidek, *Membentuk Jiwa Sufi Ajaran Tariqah Naqshabandiyyah Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi* (Cheras: al-Falah Publications, 2009), 383.

<sup>520</sup> Al-Kurdī, Muḥammad Amīn, *Tanwīr al-Qulūb fī Mu,āmalah ,Allām al-Ghuyūb* (Beirut: Dār al-Kutub al- ,Ilmiyyah, 1995), 576-579; Al-Kurdī, Muḥammad Amīn, *Tanwīr al-Qulūb fī Mu,āmalah ,Allām al-Ghuyūb* (Ḥalb: Dār al-Qalam al-,Arabi, 1991), 584-586; Lihat Jahid Sidek, *Membentuk Jiwa Sufi Ajaran Tariqah Naqshabandiyyah Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi* (Cheras: al-Falah Publications, 2009), 376-384.

sebagainya. Manakala bagi adab batin pula, setiap guru perlu menghilangkan sifat terkeji yang merangkumi sifat sombong, dengki, dendam, cintakan dunia dan sebagainya.

### 2.2.1 Adab Khusus Bagi Guru al-Quran

Di samping adab-adab yang dinyatakan oleh para ulama“ di atas, 15 adab bagi guru al-Quran secara khususnya telah dikemukakan oleh al-Nawawī dalam kitab *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qur‘ān* iaitu<sup>521</sup>:

**Pertama:** Setiap pengajar dan pembaca al-Quran perlu mengharapakan keredhaan Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ  
وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ﴿٥١﴾

Maksudnya: “Sedangkan mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar”.

(Surah al-Bayyinah, 98:5)

**Kedua:** Tidak mengharapakan habuan dunia seperti harta, kemuliaan, pangkat, pujian daripada manusia atau seumpamanya. Pada masa yang sama, seorang guru itu tidak boleh tamak dalam mengharapakan sesuatu daripada ilmu diberikannya kepada pelajarinya sama ada berupa harta atau khidmat sebagaimana firman Allah S.W.T.:

مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ ۖ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا  
وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ ﴿٢٠﴾

Maksudnya: “Sesiapa yang menginginkan (dengan amal usahanya) mendapat faedah di akhirat, Kami akan memberinya mendapat tambahan pada faedah yang dikehendakinya dan sesiapa yang menghendaki (dengan amal usahanya) kebaikan di dunia semata-mata, Kami beri kepadanya dari kebaikan dunia itu (sekadar yang Kami tentukan) dan dia tidak akan beroleh sesuatu bahagian pun di akhirat kelak”.

(Surah al-Shūrā, 42:20)

<sup>521</sup> Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qur‘ān, taḥqīq*: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 26-41.

**Ketiga:** Berhati-hati daripada memaksa para pelajar untuk menuntut ilmu dengannya dan tidak membenci kepada para muridnya yang belajar dengan guru yang lain. Ini adalah suatu musibah yang sering menimpa sebahagian para guru yang jahil lantaran keburukan niatnya dan kerosakan batinnya kerana seseorang guru yang ikhlas dalam mengajar kerana Allah S.W.T. tidak akan membenci perkara tersebut.

**Keempat:** Hendaklah seseorang guru itu memiliki akhlak yang baik sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak di samping berkelakuan terpuji dengan bersifat zuhud terhadap dunia, tidak mempedulikan dunia dan ahlinya, pemurah dan dermawan, memperlihatkan wajah yang berseri-seri tanpa melampaui batas, penyantun, penyabar, sentiasa warak, khusuk, tenang, merendah diri, menghindari ketawa dan tidak banyak bergurau, melazimkan amalan-amalan yang dituntut oleh syariat Islam, menjauhi sifat-sifat tercela serta mempraktikkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. tentang tasbih, tahlil dan seumpamanya daripada himpunan zikir dan doa<sup>522</sup>.

**Kelima:** Seseorang guru itu sewajarnya bersifat lemah lembut terhadap orang yang ingin belajar dengannya di samping menyambut kedatangannya dan berbuat baik kepadanya sesuai dengan keadaannya.

**Keenam:** Seseorang guru itu perlu menasihati para muridnya sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan oleh Tamīm al-Dāri<sup>523</sup>:

الدِّينُ النَّصِيحَةُ فُلْنَا لِمَنْ قَالَ لِلَّهِ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلَائِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتِهِمْ

Maksudnya: Agama itu adalah nasihat. Kami bertanya: “Bagi siapa?”. Baginda menjawab: “Bagi Allah, Rasul-Nya, para pemimpin orang Islam dan orang awam dalam kalangan mereka”<sup>524</sup>.

<sup>522</sup> Pada masa yang sama, seseorang guru itu juga perlu muraqabah dengan Allah S.W.T. dalam keadaan sunyi atau sebaliknya dan memeliharanya serta berserah kepada Allah S.W.T. bagi segala urusannya. Lihat al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qur’ān, taḥqīq*: Bashīr bin ‘Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 34.

<sup>523</sup> Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qur’ān, taḥqīq*: Bashīr bin ‘Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 36.

Termasuk nasihat bagi Allah S.W.T. dan Kitab-Nya ialah dengan memuliakan pembaca al-Quran dan pelajarnya, membimbingnya ke arah kebaikan dirinya, bersikap lemah-lembut terhadapnya, membantunya dalam mempelajarinya menurut tahap kemampuannya serta mengambil hati pelajar di samping bersikap mudah ketika mengajarnya dengan bersikap lemah-lembut kepadanya dan mendorongnya untuk terus belajar<sup>525</sup>. Pada masa yang sama, seseorang guru itu juga perlu mengingatkan para pelajarnya tentang kelebihan yang akan diperolehi [daripada usahanya] agar dapat membangkitkan kerajinan pelajar tersebut dan menambah pengharapannya [untuk lebih berjaya] serta menjadikannya bersikap zuhud terhadap kesenangan dunia dan menjauhkannya dari kecenderungan terhadap dunia agar tidak terpedaya dengannya selain daripada mengingatkan pelajarnya agar menyibukkan diri dengan al-Quran dan segala ilmu syariat yang lainnya. Seterusnya, seseorang guru itu perlu menyayangi pelajarnya dan memperhatikan kemaslahatan-kemaslahatannya sebagaimana perhatiannya terhadap anak-anak dan dirinya sendiri di samping memperlakukan pelajarnya anaknya sendiri yang mesti disayangi dan diperhatikan akan kebajikannya, sabar menghadapi gangguan dan kelakuannya yang buruk, memaafkan atas kelakuannya yang kurang baik dalam sesuatu masa kerana manusia cenderung berbuat kesalahan dan tidak sempurna, lebih-lebih lagi jika mereka masih kecil<sup>526</sup>.

Antara lain, seseorang guru itu perlu menyukai kebaikan bagi pelajarnya sebagaimana dia menyukai kebaikan bagi dirinya sendiri dan tidak menyukai kekurangan bagi pelajarnya

---

<sup>524</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān Ann al-Dīn al-Naṣīḥah*, hadith no. 205). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*, Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 1:53.

<sup>525</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qur'ān, taḥqīq*: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 36.

<sup>526</sup> *Ibid*, 36-37.

secara mutlak sebagaimana dia tidak menyukainya bagi dirinya sendiri sebagaimana hadith Rasulullah s.a.w.:

لا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: Tidak sempurna iman seseorang daripada kalian sehingga dia menyayangi saudaranya sebagaimana dia menyayangi dirinya sendiri<sup>527</sup>.

**Ketujuh:** Sewajarnya para guru itu tidak bersikap sombong terhadap para pelajarinya tetapi bersikap lemah-lembut dan merendahkan diri.

**Kelapan:** Para pelajar perlu dididik secara beransur-ansur dengan adab-adab yang luhur dan perilaku yang mulia.

**Kesembilan:** Mengajari para pelajar adalah fardu kifayah. Jika tiada seorang pun yang mampu selain daripada diri seseorang guru tersebut, maka wajiblah ke atas dirinya mengajar al-Quran kepada para pelajar.

**Kesepuluh:** Seseorang guru itu perlu mengutamakan profession perguruannya melebihi kepentingan dirinya sendiri yang bersifat duniawi dan bukan keperluan asas yang amat mendesak. Oleh itu, seseorang guru itu perlu mengosongkan hatinya daripada segala perkara yang menyibukkannya ketika mengajari para pelajarinya di samping berusaha sedaya yang mampu untuk memberi kefahaman kepada mereka [terhadap pelajaran yang diajarkan] dan memberi hak yang layak bagi setiap daripada para pelajarinya. Justeru, seseorang guru itu perlu mengelakkan daripada mengajar banyak perkara kepada pelajar yang tidak mampu menerimanya dan tidak meringkaskan pelajaran bagi pelajar yang menonjol kecerdasannya selagi tidak dibimbangkan akan terjadi fitnah ke atas pelajar yang cerdas tersebut lantaran timbul rasa „*ujub* atau sifat negatif yang lainnya. Pada masa yang

---

<sup>527</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Īmān, Bāb min al-Īmān An Yuḥib li Akhīh Mā Yuḥib li Nafsih*, hadith no. 13). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh 'alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (Kaherah: al-Maṭba'ah al-Salafiyyah, 1979), 1:21; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Īmān, Bāb al-Dalīl 'alā Ann min Khiṣāl al-Īmān An Yuḥib li Akhīh al-Muslim Mā Yuḥib li Nafsih min al-Khayr*, hadith no. 179). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 1:49.

sama, seorang guru itu perlu menegur para pelajarnya yang kurang memberi perhatian dengan lemah-lembut agar pelajar itu tidak lari<sup>528</sup>.

**Kesebelas:** Seseorang guru itu perlu mendahulukan para pelajarnya mengikut urutan dengan didahulukan yang pertama sebelum yang berikutnya. Sekiranya pelajar yang pertama rela pelajar yang lain didahulukan daripada dirinya, maka seseorang guru boleh mendahulukannya. Di samping itu, seseorang guru itu perlu menunjukkan kegembiraan dan muka yang berseri-seri, memeriksa keadaan mereka dan menanyakan tentang pelajar yang tidak hadir daripada mereka<sup>529</sup>.

**Kedua belas:** Para ulama<sup>30</sup> berkata: “Janganlah guru menolak mengajari seseorang pelajar kecuali niat pelajar tersebut tidak ikhlas kerana Allah S.W.T.<sup>530</sup>”

**Ketiga belas:** Seseorang guru itu perlu menjaga kedua tanganya ketika mengajar daripada bermain-main dan menjaga kedua matanya dari memandang ke tempat lain tanpa sebarang keperluan. Seseorang guru itu juga perlu duduk dalam keadaan suci menghadap kiblat dan duduk dalam keadaan tenang dengan memakai baju yang putih bersih. Ketika sampai ke tempat duduknya, seseorang guru itu perlu solat dua rakaat sebelum duduk terutamanya jika tempat itu berada dalam masjid kerana dihukumkan makruh duduk dalam masjid tanpa solat sunat dua rakaat terlebih dahulu<sup>531</sup>.

**Keempat belas:** Termasuk adab guru yang amat ditekankan dan perlu diperhatikan ialah tidak merendahkan ilmu dengan pergi ke tempat yang dihuni oleh seseorang pelajar yang ingin belajar daripadanya sekalipun pelajar itu merupakan seorang Khalifah Islam<sup>532</sup>.

---

<sup>528</sup> Antara lain, seseorang guru itu tidak boleh dengki terhadap salah seorang daripada pelajarnya yang menonjol kepandaianya dan seseorang guru itu juga tidak boleh mengangap dirinya istimewa kerana anugerah kurniaan Allah S.W.T. kepadanya. Lihat al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Hamalah al-Qur’ān, taḥqīq*: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 39.

<sup>529</sup> *Ibid.*, 40.

<sup>530</sup> *Ibid.*.

<sup>531</sup> *Ibid.*.

<sup>532</sup> *Ibid.*, 41.

**Kelima belas:** Hendaklah dia mempunyai majlis atau ruang kelas yang luas supaya para pelajarnya boleh duduk dalam majlis tersebut sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Sa,idd al-Khudri r.a. yang menyatakan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:

حَيْرُ الْمَجَالِسِ أَوْسَعُهَا

Maksudnya: “Sebaik-baik majlis ialah yang paling luas”<sup>533</sup>.

Secara rumusannya, adab-adab seorang guru yang dinyatakan oleh al-Nawawi secara keseluruhannya adalah yang paling dominan terhadap para pelajar tahfiz, untuk diaplikasikan terhadap para pelajar tahfiz kerana al-Nawawi telah menjelaskan secara terperinci tentang adab-adab tersebut di samping mengkhususkannya kepada guru al-Quran. Sungguhpun begitu, adab-adab guru sebagaimana yang diketengahkan oleh al-Ghazali, Abu Talib al-Makki, Amin al-Kurdi dan Sa,idd Hawwa juga mempunyai ciri-ciri yang boleh digunapakai dan sesuai untuk pengaplikasian peranan guru terhadap para kumpulan sasaran di lokasi kajian. Penjelasan lanjut tentangnya akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam sub topik 2.3.3.

### 2.3 PENGAPLIKASIAN PERANAN GURU DALAM PENDIDIKAN AKHLAK

Bagi tujuan pengaplikasian peranan guru dalam pendidikan akhlak, pengkaji berpendapat bahawa maklumat-maklumat hasil pengalaman yang didapati ketika menjalankan pemerhatian turut serta secara rintis atau percubaan di dua buah tahfiz sebagai guru dan warden sepenuh masa perlu diketengahkan dalam bab ini kerana pengaplikasiannya di lokasi sebenar adalah kesinambungan daripada keduanya. Kepentingannya sebagaimana

---

<sup>533</sup> Hadith riwayat Abu Dawud (*Kitab al-Adab, Bab fi Sa,ah al-Majlis*, hadith no. 4822). Hadith ini dihukum *shahih* oleh al-Albani. Lihat Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash,ath, *Sunan Abi Dawud* (Beirut: Dar al-Kitab al- Arabi, t.t.), 4:405; Hadith riwayat al-Bukhari dalam *al-Adab al-Mufrad (Kitab Adab al-Majlis, Bab Khayr al-Majalis Awsa,uhā*, hadith no. 1136). Hadith ini dihukum *shahih* oleh al-Albani. Lihat al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il, *al-Adab al-Mufrad, taḥqīq*: Muhammad Fuad Abd al-Baqi (Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah, 1989), 1:388.



yang disarankan oleh Idris Awang ialah bagi mengenalpasti dan membuktikan kekuatan serta kelemahan kaedah yang digunakan dalam uji rintis atau percubaan tersebut<sup>534</sup>. Seterusnya pendekatan yang sesuai akan disusun berdasarkan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada hasil uji rintis tersebut dan adab-adab seorang guru sebagaimana yang telah dikemukakan sebelum ini<sup>535</sup>.

### **2.3.1 Pemerhatian Turut Serta Di Tahfiz Luqman Al-Hakim, Rawang Sebagai Uji Rintis**

Ketika mengaplikasikan peranan guru di tahfiz ini, pengkaji menggunakan kaedah yang tegas kepada para pelajar di samping menekankan disiplin yang agak ketat. Sungguhpun begitu, pengkaji tidak menggunakan rotan sebagai suatu kaedah yang biasa digunakan oleh para guru di sekolah tahfiz swasta<sup>536</sup> dalam mendisiplinkan para pelajar tetapi lebih menggunakan alternatif lain yang dapat memberi faedah dan manfaat kepada mereka seperti denda mengaji al-Quran di waktu petang selepas Asar yang merupakan waktu untuk berehat. Di samping itu, disiplin ketenteraan turut diaplikasikan kepada para pelajar seperti menepati masa, berpakaian kemas, latihan fizikal dan sebagainya. Pada masa yang sama, sebahagian besar daripada Terapi Islam yang dibincangkan dalam Bab Satu telah dilaksanakan terhadap para pelajar di tahfiz ini.

---

<sup>534</sup> Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 92.

<sup>535</sup> Lihat Bab Dua dalam kajian ini, sub topik 2.2., 161.

<sup>536</sup> Ini adalah berdasarkan pengalaman pengkaji ketika menuntut di salah sebuah sekolah tahfiz sepenuh masa di Hulu Langat pada tahun 1999 hingga 2005 dan di salah sebuah sekolah tahfiz di Klang pada tahun 2012 sebelum menjadi guru dan warden di tahfiz ini. Selain itu, merotan juga adalah amalan biasa di sekolah-sekolah tahfiz yang bertujuan untuk mendidik dan mendisiplinkan pelajar sebagaimana kenyataan yang dikemukakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri Johor, Abd Mutalip bin Abd. Rahim ketika diminta untuk mengulas tentang insiden yang berlaku kepada seorang pelajar Madrasah Tahfiz al-Jauhar, Kota Tinggi iaitu Mohamad Thaqif Amin Mohd Gadaffi, 11 tahun yang didakwa menjadi mangsa penderaan sehingga kedua-dua kakinya terpaksa dipotong. Lihat akhbar *Kosmo* pada 25hb. April 2017. Lihat juga *Kosmo Online* yang diakses pada 25hb. April 2017, jam 3.16 petang di [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0425&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne\\_02.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0425&pub=Kosmo&sec=Negara&pg=ne_02.htm)

Pada peringkat awal bagi proses pengaplikasian Terapi Islam adalah berjalan dengan lancar dan hasil daripadanya secara zahir agak memberangsangkan kerana para pelajar dapat mematuhi setiap peraturan dan disiplin yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Sungguhpun begitu, para pelajar ini pada hemat pengkaji adalah seperti dipaksa untuk berubah. Ini adalah sebagaimana maklumat yang pengkaji perolehi daripada rakan sekerja di tahfiz ini yang menyatakan bahawa terdapat sebahagian pelajar terutamanya pelajar yang berumur 15 tahun dan ke atas yang tidak berpuas hati dengan ketegasan pengkaji dengan berkata: “*Hang tengok depa nampak baik depan hang tapi hang tak tau, depa kutuk hang kat belakang*”<sup>537</sup>. Sebagai natijahnya, 3 orang pelajar telah menarik diri daripada meneruskan pengajian pada bulan November 2013 kerana tidak dapat menyesuaikan diri dengan disiplin sekolah<sup>538</sup>. Menurut pengamatan pengkaji setelah mengaplikasikan terapi Islam dan pendekatan guru yang tegas terhadap para pelajar di tahfiz ini, dapat dirumuskan bahawa terapi Islam yang dijalankan terhadap kumpulan sasaran kurang memberi hasil yang dikehendaki terutamanya kepada individu yang bermasalah kerana kekurangan yang terdapat pada penampilan guru itu sendiri.

Justeru, bagi mempertingkatkan keterampilan guru, dan membersihkan hatinya daripada segala sifat terkeji sebagaimana yang dilakukan oleh para ahli sufi sejak zaman berzaman boleh diketengahkan. Rasulullah s.a.w. sebelum dilantik untuk menjadi Rasul pernah menjalani proses „*uzlah*”<sup>539</sup> di Gua Hira’<sup>540</sup>. Secara tidak langsung, dapat dirumuskan

---

<sup>537</sup> Muhamad Azreen bin Mohd Ariffin, 23 tahun (kerani dan pembantu warden di Tahfiz Luqman al-Hakim) dalam temubual dengan beliau pada tahun 2013. Tarikh yang tepat tidak direkodkan pada ketika tersebut. Sungguhpun begitu bagi mengemaskini data ini, temubual selanjutnya antara beliau dan pengkaji telah diadakan secara tidak rasmi pada 22hb. September 2017, 10.48 pagi di Shah Alam, Selangor.

<sup>538</sup> Sebelum memasuki tahfiz di Rawang, ketiga-tiga pelajar ini mempunyai rekod yang buruk sehingga diberhentikan daripada meneruskan pengajian di sekolah tahfiz lama.

<sup>539</sup> „*Uzlah* bagi sebahagian ulama” adalah mempunyai maksud yang sama dengan *khalwah* iaitu mengasingkan diri daripada manusia. Sementara menurut sebahagian yang lain, kedudukan „*uzlah*” adalah lebih tinggi daripada *khalwah*. Lihat „Abd al-Majid al-Khānī, *al-Kawākib al-Durriyah*, *alā al-Haqā’iq al-*

bahawa sebelum Rasulullah s.a.w. menjadi guru kepada para sahabat, Baginda telah mengasingkan diri daripada manusia untuk meminta pertunjuk daripada Allah S.W.T.. Selain itu, kepentingan untuk mengasingkan diri untuk „*uzlah* dan membersihkan hati ini turut dinyatakan oleh al-Ghazālī setelah beliau menjalaninya selama 10 tahun sebagaimana berikut:

“Sesungguhnya aku mengetahui dengan penuh keyakinan bahawa para ahli sufi adalah mereka yang melalui suatu jalan menuju Allah secara khusus, cara hidup mereka adalah sebaik-baik cara hidup, jalan yang dilalui mereka adalah sebenar-benar jalan, akhlak mereka adalah akhlak yang paling suci, bahkan seandainya dikumpulkan akal para cerdik pandai, hikmah para *ḥukamā*” dan kepakaran para ulama” yang mendalami rahsia-rahsia syariat bagi tujuan mengubah walaupun sedikit daripada cara hidup serta akhlak mereka dan menggantikannya dengan cara hidup atau akhlak yang lebih baik daripadanya, sudah pasti mereka tidak dapat menemukan jalan baginya. Ini adalah kerana segala pergerakan ahli sufi dan juga diam mereka yang zahir dan batin adalah bersumberkan daripada pancaran cahaya kenabian dan tiada suatu cahaya pun yang dapat dijadikan panduan bagi kehidupan di atas muka bumi ini”<sup>541</sup>.

Kenyataan al-Ghazālī ini adalah selaras dengan kisah para ahli sufi sebagaimana yang diketengahkan oleh pengkaji dalam Bab Satu. Jelasnya, berdasarkan kenyataan al-Ghazālī ini, seseorang guru itu sewajarnya menjalani proses penyucian jiwa dengan sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. agar dapat menyuburkan sifat-sifat terpuji dan menghilangkan sifat-sifat terkeji dalam dirinya. Sungguhpun begitu, amalan-amalan sunat seperti solat sunat terutamanya solat sunat *Istikhārah*, membaca al-Quran, berzikir dan sebagainya menurut hadith-hadith *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* boleh dipraktikkan dengan bersungguh-

---

*Wardiyyah fī Ajillā*” *al-Sādah al-Naqshabandiyyah* (Syria: Dār al-Bīrūtī, 1997), 155. Menurut al-Kurdi, seseorang muslim itu tidak mungkin sampai kepada makrifah yang sebenar-benarnya dan tidak dapat menerangkan hati untuk mencapai *mushāhadah* kepada Allah S.W.T. tanpa melalui proses *khalwah*. Lihat al-Kurdi, Muḥammad Amin, *Tanwīr al-Qulūb fī Mu,āmalah*, *Allām al-Ghuyūb* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1995), 515.

<sup>540</sup> Ibn Kathīr, Ismā,īl bin ,Umar, *al-Sīrah al-Nabawiyyah li Ibn Kathīr, taḥqīq*: Muṣṭafā ,Abd al-Wāhid (Beirut: Dār al-Ma,rifāh li al-Ṭabā,ah wa al-Nashr wa al-Tawzī, 1971), 1:389.

<sup>541</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *al-Munqidh min al-Ḍalāl, taḥqīq*: Jamīl Ṣalība & Kāmil ,Iyād (Beirut: Dār al-Andalus li al-Ṭabā,ah wa al-Nashr wa al-Tawzī, 2003), 139.

sebenarnya di samping meminta petunjuk daripada Allah S.W.T. dalam pembinaan keperibadian mulia seorang insan dalam mencontohi keperibadian Rasulullah s.a.w.. Ini adalah sebagaimana jaminan Allah S.W.T. terhadap hamba-hamba-Nya yang bersungguh-sungguh dalam mencari jalan kebenaran menerusi Firman-Nya:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya: “Dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan) dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.

(Surah al-Ankabūt, 29:69)

### **2.3.1 Pemerhatian Turut Serta di Maahad Tahfiz al-Ihsan, Subang Jaya Sebagai Uji Rintis**

Pemerhatian turut serta ini berlangsung sejak daripada Januari 2014 hingga Ogos 2014 iaitu hampir lapan bulan. Ketika dilantik menjadi guru tahfiz dan warden di tahfiz ini, pengkaji telah mengubah cara perwatakan dengan mengaplikasikan watak seorang guru yang lebih prihatin, tidak marah walaupun sedikit<sup>542</sup>, selalu senyum di samping menahan diri daripada sebarang reaksi negatif yang boleh menakutkan para pelajar. Watak ini adalah berbeza dengan watak yang diaplikasikan di tahfiz sebelum ini. Hasil yang didapati daripada pemerhatian ini agak memberangsangkan iaitu para pelajar mudah berkomunikasi dengan pengkaji di samping terdapat antara mereka yang meluahkan masalah-masalah yang agak peribadi kepada pengkaji. Berdasarkan pemerhatian di tahfiz ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pelajar kini ingin melihat contoh secara praktikal tentang akhlak Rasulullah s.a.w. terutamanya tentang kesabaran Baginda.

<sup>542</sup> Bagi sesuatu masalah disiplin, pengkaji menyerahkan sebarang hukuman kepada guru disiplin.

### 2.3.3 Pendekatan Peranan Guru di Lokasi Kajian

Berdasarkan semua data tentang peranan guru dalam pendidikan akhlak menurut peribadi Rasulullah s.a.w. dan pengalaman hasil pemerhatian turut serta secara rintis yang dikemukakan sebelum ini, pengkaji merumuskan bahawa terdapat beberapa perkara penting tentang adab seorang guru yang boleh diadaptasi daripadanya bagi pengaplikasian di lokasi kajian. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji hanya memilih tujuh ciri utama yang dianggap penting untuk diaplikasikan oleh pengkaji sendiri yang berperanan sebagai seorang guru tahfiz yang menjalankan terapi Islam terhadap kumpulan sasaran di lokasi kajian iaitu:

**Pertama:** Tidak marah walaupun dengan reaksi tubuh badan dan sentiasa tenang bagi setiap perkara yang berlaku seolah-olah tiada apa yang berlaku.

**Kedua:** Sentiasa memberikan tumpuan bagi setiap perkataan yang diucapkan oleh para pelajar walaupun terhadap perkara yang remeh.

**Ketiga:** Merendahkan dan melembutkan suara dengan sebaik mungkin.


**Keempat:** Prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh para pelajar seperti sakit atau masalah yang lain.

**Kelima:** Sentiasa memberikan motivasi untuk terus belajar.

**Keenam:** Menegur kesilapan anak muridnya dengan kasih sayang dan bukannya dengan celaan bagi menjaga kewibawaan seseorang guru itu di samping mengelakkan seseorang anak murid itu daripada memberontak.

**Ketujuh:** Sentiasa menunjukkan akhlak yang baik.

Rajah 2.1: Ciri-ciri Guru Yang Ideal



**Sumber:** Al-Ghazālī, *Bidāyah al-Hidāyah*; Sa,ḥd Ḥawwā, *al-Mustakhlash fi Tazkiyah al-Anfus*; Al-Kurdī, *Tanwīr al-Qulūb fi Mu,āmalah* „*Alām al-Ghuyūb*; Al-Nawawī, *al-Tibyān fi Ādāb Ḥamalah al-Qur ’ān*.

Bagi ciri pertama iaitu menahan diri daripada marah sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Ghāzālī<sup>543</sup>, ianya adalah menepati firman Allah S.W.T.:

وَالَّذِينَ يَجْتَنِبُونَ كَبَائِرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ وَإِذَا مَا غَضِبُوا هُمْ يَغْفِرُونَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya: “Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan yang keji dan apabila mereka marah (disebabkan perbuatan yang tidak patut terhadap mereka), mereka memaafkannya”.

(Surah al-Shūrā, 42:37)

Selain itu, Rasulullah s.a.w. turut memberi wasiat agar menahan marah sebagaimana hadith berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْصِنِي قَالَ لَا تَغْضَبْ فَرَدَّدَ مَرَارًا قَالَ لَا تَغْضَبْ

Maksudnya: Abu Hurayrah r.a. meriwayatkan bahawa seorang lelaki telah berkata kepada Nabi s.a.w.: “Berikanku wasiat”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Janganlah engkau marah”. Lelaki tersebut mengulang pertanyaannya yang tersebut dan Rasulullah s.a.w. tetap bersabda: “Janganlah engkau marah”<sup>544</sup>.

<sup>543</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah*, *taḥqīq*: „Abd al-Ḥamīd Muḥammad Darwīsh (Beirut: Dār al-Šādir, 1998), 145.

<sup>544</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Adab*, *Bāb al-Ḥadhar min al-Ghaḍab*, hadith no. 6116). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Šaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ,alaih wa*

Ciri kedua iaitu menjadi pendengar yang baik adalah berdasarkan pendapat al-Ghazālī yang menyatakan bahawa seseorang guru itu perlu memberikan perhatian terhadap pelajar yang bertanya sesuatu soalan dan cuba memahaminya dengan baik<sup>545</sup>.

Ciri ketiga iaitu berbicara dengan nada yang baik adalah berdasarkan pandangan Amīn Kurdī yang menyatakan bahawa seseorang guru itu perlu berbicara kepada para muridnya dengan seberapa lembut yang boleh<sup>546</sup>.

Ciri keempat iaitu prihatin adalah berdasarkan pandangan Amīn Kurdī yang menyatakan bahawa seseorang guru itu perlu bertanya tentang muridnya yang tidak hadir dan menyiasat tentang sebab-sebabnya dan sekiranya terdapat muridnya yang sakit atau memerlukan bantuan, maka guru tersebut perlu menziarahi dan membantunya kerana dia perlu mencontohi sedaya yang mampu perjalanan hidup Rasulullah s.a.w. ketika baginda bersama dengan para sahabatnya<sup>547</sup>.

Ciri kelima adalah berdasarkan pandangan al-Nawawī yang menyatakan bahawa seseorang guru itu perlu sentiasa memberi galakan semangat dan motivasi kepada para pelajarnya agar mendorongnya untuk terus belajar serta membangkitkan kerajinan pelajar tersebut<sup>548</sup>.

---

*Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq:* Muḥib al-Dīn al-Khatib (Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah, 1979), 4:112.

<sup>545</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah, taḥqīq:* „Abd al-Ḥamīd Muḥammad Darwīsh (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1998), 145-146

<sup>546</sup> Al-Kurdī, Muḥammad Amīn, *Tanwīr al-Qulūb fī Mu'āmalah „Allām al-Ghuyūb* (Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1995), 579.

<sup>547</sup> *Ibid.*, 579.

<sup>548</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qur'ān, taḥqīq:* Bashīr bin „Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 36.

Ciri keenam adalah pendapat al-Nawawī yang menyatakan bahawa seseorang guru itu perlu menegur para pelajarnya yang kurang memberi perhatian dengan lemah-lembut agar pelajar itu tidak lari atau memberontak<sup>549</sup>. Pendapat ini juga adalah sebagaimana pendapat Sa,īd Ḥawwā yang menyatakan bahawa seseorang guru itu perlu menegur anak muridnya dengan penuh kasih sayang<sup>550</sup>.

Ciri ketujuh ialah seseorang guru itu perlu berakhlak dengan akhlak yang baik<sup>551</sup> di samping membaiki diri sendiri dengan takwa sebelum menyuruh orang lain agar muridnya dapat mencontohi amalannya dan mengambil manfaat daripada percakapannya (ilmunya)<sup>552</sup>. Pada masa yang sama dalam mempraktikkan akhlak yang baik, seseorang guru perlu menjaga dirinya agar segala gerak gerinya seperti makan, tidur dan sebagainya yang tidak mengikut adab sebagaimana yang dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w. daripada dilihat oleh anak muridnya bagi mengelakkan mereka kurang menghormatinya<sup>553</sup>.

Kesemua ciri-ciri ini penting untuk diaplikasikan oleh seseorang guru terutamanya guru tahfiz kerana pada pengamatan pengkaji, pelajar-pelajar tahfiz kini ingin melihat akhlak Rasulullah s.a.w. secara praktikal di samping teori tentangnya. Kegagalan untuk mengaplikasikan adab-adab guru ini boleh menjadikan para pelajar memandang negatif terhadap gurunya sendiri.

---

<sup>549</sup> *Ibid.*, 39.

<sup>550</sup> Sa,īd Ḥawwā, *al-Mustakhlaṣ fi Tazkiyah al-Anfus* (Cairo: Dār al-Salām li al-Ṭabā,ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 1988), 21.

<sup>551</sup> Ini adalah sebagaimana yang dikemukakan oleh al-Nawawī. Lihat al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fi Ādāb Ḥamalah al-Qurān, taḥqīq*: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 34.

<sup>552</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah, taḥqīq*: Abd al-Ḥamīd Muḥammad Darwīsh (Beirut: Dār al-Ṣādir, 1998), 145-146; Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam (Pokok Sena: Khazanah Banjariah, 2012), 156-157.

<sup>553</sup> Al-Kurdī, Muḥammad Amīn, *Tanwīr al-Qulūb fi Mu,āmalah ,Allām al-Ghuyūb* (Beirut: Dār al-Kutub al-,Ilmiyyah, 1995), 578.



## 2.4 PENUTUP

Berdasarkan data-data yang dibentangkan dalam bab ini, sewajarnya seseorang guru itu mencontohi semaksimum mungkin perwatakan Rasulullah s.a.w. yang diiktiraf sebagai seorang guru yang berperibadi mulia dan berakhlak tinggi tanpa sebarang keraguan tentangnya kerana inilah antara faktor kejayaan dakwah Islam yang disampaikan oleh Baginda. Kesukaran, kepayahan atau seumpamanya dalam mengikuti keperibadian Rasulullah s.a.w. tidak seharusnya dijadikan alasan mengabaikannya sebagaimana firman Allah S.W.T.:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾

Katakanlah: “Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu”. Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah Ali ,Imran, 3:31)

Justeru itu, setiap guru terutama guru di institusi tahfiz perlu bersedia untuk menerima perubahan dalam mendidik generasi muda di zaman globalisasi ini dengan menerima pendekatan yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. yang kini semakin diketepikan berbanding pendekatan menerusi pengalaman terdahulu yang lebih cenderung kepada kekerasan dan paksaan dengan memberikan alasan yang pelbagai sebagaimana yang akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam Bab Empat. Selain itu, setiap guru perlu menghampirkan diri kepada Allah S.W.T. agar dikurniakan kefahaman dan kesabaran para Nabi serta ilham dalam menyampaikan ilmu kepada para pelajar kerana fenomena kini menggambarkan tentang kesulitan dalam menangani pelajar yang bermasalah.

### **BAB 3: LATAR BELAKANG LOKASI KAJIAN DAN MASALAH AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR TAHFIZ**

#### **3.0 PENGENALAN**

Bab ini akan menjelaskan tentang latar belakang sekolah dan maklumat-maklumat yang diperolehi menerusi borang kaji selidik yang diedarkan pada April 2014. Nama sebenar lokasi kajian tidak dapat dinyatakan dalam kajian ini kerana menjaga nama baik sekolah tahfiz yang terlibat di samping memastikan kerahsiaan responden terpelihara dengan semaksimum mungkin. Perkara ini adalah selari dengan etika penyelidikan yang digariskan oleh *APA Ethical Principles* dan *Code of Conduct of The American Association of Public Research* yang menyatakan bahawa antara etika yang perlu dipatuhi oleh para pengkaji ialah merahsiakan identiti, anonimiti serta segala maklumat yang berkaitan dengan responden atau pelanggannya, menjaga maruah responden daripada tercemar dan memelihara responden daripada sebarang bentuk ancaman yang boleh memudaratkan<sup>554</sup>.

Pada masa yang sama, bab ini juga akan mengemukakan beberapa masalah akhlak dalam kalangan pelajar yang berlaku di lokasi kajian menerusi pemerhatian turut serta yang dijalankan oleh pengkaji yang bermula pada 5hb. September 2014 sehingga awal Disember 2015<sup>555</sup>. Kelebihan kaedah pemerhatian turut serta atau observasi penyertaan tanpa kawalan ini seperti yang dinyatakan oleh Ahmad Sunawari Long ialah pemerhati bertindak sebagai

---

<sup>554</sup> Bordens, K. S. & Abbott, B.B., *Research Design and Methods: A Prosess Approach* (Boston: McGraw Hill, 2002), 154-157; Babbie, E., *The Practical of Social Research* (Belmont: Wadsworth Publishing Company, 1998), 446; Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 6-7.

<sup>555</sup> Sebelum pemerhatian ini dilaksanakan, pengkaji terlebih dahulu meminta kebenaran dengan *mudīr* (pengetua) di lokasi kajian untuk menjadi guru tahfiz dan tinggal di asrama tahfiz tersebut secara sepenuh masa di samping menjalankan pemerhatian turut serta. Pada hemat pengkaji, situasi sebenar akan lebih jelas sekiranya pengkaji dapat tinggal bersama-sama dengan para tenaga pengajar yang ditugaskan sebagai warden dan para pelajar di lokasi kajian. Sebagai jawapan, pengetua di lokasi kajian bersetuju dengan permintaan tersebut tetapi pengkaji perlu menunggu sehingga salah seorang daripada tenaga pengajar di lokasi kajian berhenti berkhidmat iaitu pada akhir Ogos 2014.

peserta dan berkongsi pengalaman dengan kumpulan yang diperhatikan dan ianya lebih digalakkan kerana dapat memberikan peluang yang secukupnya kepada pemerhati untuk mengkaji mereka yang terlibat dan menimbulkan rasa normal dalam kalangan yang diperhatikan seolah-olah mereka tidak diperhatikan<sup>556</sup>. Oleh itu, beberapa masalah akhlak yang timbul dalam kalangan pelajar di lokasi kajian yang melibatkan kes-kes tertentu seperti mencuri, merokok, salah laku seksual sesama jenis, melawan guru dan sebagainya telah dapat dikenalpasti dengan lebih terperinci. Ironinya, pemerhatian ini akan menjadi maklumat tambahan kepada borang kaji selidik yang diedarkan. Selanjutnya, bab ini juga akan menyentuh beberapa masalah yang timbul dalam kalangan guru yang secara tidak langsung memberi kesan terhadap proses pendidikan akhlak para pelajar.

### **3.1 Latar Belakang Lokasi Kajian**

Umumnya, sekolah tahfiz yang merupakan lokasi bagi kajian ini mula beroperasi pada bulan Mac 2010 dengan mengadakan pengajian al-Quran kepada orang awam dan kelas khusus kepada pelajar-pelajar perempuan berasrama. Kemudian, pada bulan Januari 2012, Maahad tahfiz ini telah mula mengambil pelajar-pelajar lelaki untuk pengajian tahfiz sepenuh masa<sup>557</sup>. Semasa pengkaji menjalankan pemerhatian turut serta di lokasi kajian ini iaitu pada September 2014, jumlah pelajar lelaki ketika itu hanya seramai 80 orang dan jumlah pelajar ini terus meningkat secara mendadak pada Januari 2015 iaitu seramai lebih kurang 150 orang<sup>558</sup>. Jumlah ini seterusnya menjadi tidak stabil dengan anggaran pelajar antara 130 sehingga 140 orang pelajar dalam sesuatu masa kerana faktor kemasukan pelajar

---

<sup>556</sup> Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 51-52.

<sup>557</sup> Maklumat ini diperolehi bersumberkan pamflet yang diedarkan kepada orang ramai bagi mengumpul dana pembangunan tahfiz tersebut pada 2015.

<sup>558</sup> Berdasarkan sumber pemerhatian turut serta pada 2014-2015.

baru yang dibuka sepanjang tahun dan penarikan diri beberapa orang pelajar sedia ada daripada meneruskan pengajian.

### **3.1.1 Sukatan Pelajaran**

Terdapat tiga sukatan pelajaran yang dilaksanakan terhadap para pelajar di lokasi kajian iaitu Pendidikan Hafazan al-Quran, Pendidikan Fardhu Ain dan Pendidikan Akademik.

#### **3.1.1.1 Pendidikan Hafazan al-Quran**

Pendidikan hafazan al-Quran di lokasi kajian dibahagikan kepada dua peringkat. Pada peringkat awal, para pelajar akan dibimbing untuk menghafaz ayat-ayat al-Quran sehingga tamat 30 juzuk al-Quran dalam tempoh masa 2 hingga 3 tahun mengikut kemampuan masing-masing. Seterusnya, para pelajar akan mengikuti program lanjutan pemantapan al-Quran yang lebih dikenali sebagai *Shahādah al-Qur'ān*. Menerusi program lanjutan ini, para pelajar akan memperdengarkan bacaan al-Quran 30 juzuk secara hafazan untuk dinilai. Kelas hafazan al-Quran ini dibahagikan kepada 4 sesi. Sesi pertama bermula dari pukul 6.30 pagi atau selepas solat Subuh sehingga 8.30 pagi. Sesi kedua pula bermula dari pukul 9.30 pagi sehingga 11.30 pagi. Manakala sesi ketiga bermula dari pukul 2.30 petang hingga 4.30 petang. Selanjutnya, sesi keempat bermula setelah selesai solat Maghrib berjemaah sehingga pukul 8.45 malam dan disambung kembali pada pukul 9.45 malam hingga pukul 10.30 malam. Semua sesi ini dijalankan setiap hari Isnin hingga Jumaat. Pada hari Sabtu, kelas hafazan al-Quran hanya berlangsung sehingga pukul 8.00 pagi<sup>559</sup>.

---

<sup>559</sup> Sumber ini dipetik daripada laman web sekolah tahfiz ini yang diakses pada 20hb. Mac 2016, jam 9.40 malam dan berdasarkan sumber pemerhatian turut serta pada 2014-2015.

### **3.1.1.2 Pendidikan Fardhu Ain**

Kelas ini diperuntukkan selama 45 minit hingga 1 jam pada setiap hari Isnin hingga Khamis. Sukatan pelajaran yang ditawarkan adalah berpandukan kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan buku-buku tradisional yang digunakan di sekolah-sekolah pondok. Sungguhpun begitu, matapelajaran yang mampu diajarkan di lokasi kajian hanya meliputi pelajaran asas yang meliputi subjek Tauhid, Hadith, Feqah, Tajwid dan Bahasa Arab<sup>560</sup>. Sehingga pemerhatian turut serta ini tamat pada Disember 2015, pihak sekolah masih lagi tidak mampu mengikuti silibus yang ditetapkan oleh pihak JAIS kerana kekurangan guru yang berkelayakan untuk mengajarkan subjek tersebut dan silibus yang sedia ada hanya mengikut budi bicara kepada guru yang mengajar. Oleh itu, setiap guru yang mengajar diberi kebebasan penuh untuk menentukan silibus yang akan diajar.

### **3.1.1.3 Pendidikan Akademik**

Bagi pendidikan akademik, sekolah tahfiz di lokasi kajian mengambil khidmat guru luar yang berpengalaman dalam bidang akademik. Peruntukan masa bagi kelas akademik ini hanya selama 4 jam dalam seminggu dan diadakan pada setiap hari Sabtu, jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang. Subjek yang ditawarkan adalah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains<sup>561</sup>. Jadual harian yang lengkap bagi hari Isnin hingga Jumaat adalah seperti Jadual 3.1 yang berikut:

---

<sup>560</sup> Berdasarkan sumber pemerhatian turut serta pada 2014-2015.

<sup>561</sup> Berdasarkan sumber pemerhatian turut serta pada 2014-2015.

**Jadual 3.1: Jadual Harian Bagi Pelajar di Lokasi Kajian**

Masa	Aktiviti
5.00 pg - 6.30 pg	Bangun tidur dan persiapan solat Subuh Berjemaah
6.30 pg - 8.30 pg	Kelas Hafazan Baru
8.30 pg - 9.30 pg	Solat Sunat Dhuha berjemaah, Khidmat dan Sarapan Pagi.
9.30 pg - 11.30 pg	Kelas Hafazan Ulangan Pertama <sup>562</sup> .
11.30 pg - 12.30 tgh	Kelas Fardhu Ain <sup>563</sup> .
12.30 tgh - 1.30 ptg	Tidur
1.30 ptg - 2.30 ptg	Solat Zohor Berjemaah dan Makan Tengahari
2.30 ptg - 4.30 ptg	Kelas Hafazan Ulangan Kedua
4.30 ptg - 7.00 mml	Solat Asar Berjemaah, Selawat 100 x Berjemaah, Riadah dan Khidmat Diri.
7.00 mml - 8.45 mml	Solat Maghrib Berjemaah dan Kelas Persediaan Hafazan Baru.
8.45 mml - 9.45 mml	Solat Isyak Berjemaah dan Makan Malam.
9.45 mml - 10.30 mml	Sambungan Kelas Persediaan Hafazan Baru.
10.30 mml - 5.00 pg	Tidur

**Sumber:** Pemerhatian Turut Serta 2014-2015.

### 3.1.2 Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian

Lokasi kajian ini adalah relevan untuk dijadikan sebagai sampel kajian adalah berdasarkan perkara-perkara berikut:

**Pertama:** Pengetua lokasi kajian yang bersifat terbuka dengan membenarkan pengkaji menjadi salah seorang guru tahfiz di samping menjalankan pemerhatian turut serta di sekolah beliau dengan syarat pengkaji perlu menjadi guru tahfiz sepenuh masa. Oleh itu, pengkaji hanya berkesempatan untuk menjalankan pemerhatian turut serta ini sehingga Disember 2015 dan akur dengan keputusan pihak sekolah yang tidak dapat memenuhi permintaan pengkaji untuk menjadi guru separuh masa bagi tahun 2016<sup>564</sup>. Sungguhpun

<sup>562</sup> Pada setiap hari Jumaat, kelas ini hanya berlangsung sehingga pukul 11.00 pg.

<sup>563</sup> Kelas ini tiada pada setiap hari Jumaat kerana para pelajar akan berehat awal dan melakukan persiapan untuk solat Jumaat di Masjid yang berhampiran dengan lokasi kajian iaitu dalam anggaran 250 meter.

<sup>564</sup> Pada dasarnya pengkaji ingin menumpukan kepada penulisan tesis ini setelah mengumpulkan data-data yang diperlukan sejak September 2014 di samping melihat perkembangan selanjutnya para responden terutamanya subjek bagi kajian ini. Selain itu, terdapat beberapa orang guru yang mengharapkan agar pengkaji dapat terus berada di lokasi kajian walaupun tidak sepenuh masa. Justeru, pengkaji telah membuat

begitu, semua data yang dikumpulkan hasil daripada pemerhatian turut serta ini sehingga pada tahun 2015 adalah mencukupi. Selain itu, beliau juga adalah salah seorang ahli Tarekat Naqshabandiyah al-Khālidiyyah. Justeru pengkaji tiada halangan untuk mempraktikkan amalan zikir tarekat ini secara terbuka dan menjalani suluk mengikut tarikh yang ditetapkan<sup>565</sup>.

**Kedua:** Pengkaji diberikan kebenaran secara bebas untuk menjalankan apa jua bentuk Terapi Islam terhadap para pelajar di lokasi kajian termasuk kebenaran untuk membawa keluar para pelajar sekiranya perlu. Selain itu, pihak sekolah juga bersetuju untuk memperuntukkan masa kepada pengkaji bagi mengadakan kelas tazkirah sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab Satu pada setiap hari Jumaat, jam 9.30 malam. Kebiasaannya para pelajar mempunyai kelas al-Quran pada waktu ini.

**Ketiga:** Umumnya, lokasi kajian ini mempraktikkan sebahagian besar daripada Terapi Ibadah terhadap para pelajarnya sebagai suatu disiplin secara sepenuh masa. Sementara bagi Terapi Iman pula, kelas Tauhid sifat 20 telah dijalankan sebagai matapelajaran wajib. Justeru itu, pengkaji hanya perlu menumpukan kepada terapi Tasawuf dan sebahagian yang lain daripada Terapi Iman dan Terapi Ibadah.

**Keempat:** Lokasi kajian mempunyai sampel yang ideal dan mencukupi untuk kajian ini kerana syarat kemasukan pelajar-pelajarnya yang agak mudah dan longgar<sup>566</sup> iaitu semua pelajar baru adalah layak untuk belajar secara sepenuh masa di lokasi kajian tanpa mengira had umur, minat atau tidak dalam pengajian al-Quran, kemampuan untuk menghafaz al-

---

permintaan langsung dengan pengetua dan beliau menyatakan bahawa beliau perlu berbincang dengan pihak tertinggi dalam pentadbiran sekolah. Hasilnya, pihak sekolah menolak permohonan pengkaji.

<sup>565</sup> Tidak semua pengetua tahfiz berfikiran terbuka terutamanya yang melibatkan amalan tarekat kerana pengkaji pernah menghadiri temuduga bagi jawatan guru tahfiz di sebuah tahfiz di Puncak Alam, Selangor iaitu pada 20hb. Februari 2016 dan menyatakan hasrat untuk menjalankan pemerhatian turut serta tetapi tidak berjaya.

<sup>566</sup> Bagi sesi 2015, pengkaji dilantik oleh pihak tahfiz di lokasi kajian untuk menjadi salah seorang panel penilai bagi para pelajar baru yang terdiri daripada hampir 70 orang. Penilaian ini adalah bertujuan untuk menentukan tahap kemampuan para pelajar dalam menghafaz al-Quran sebelum membahagikan mereka kepada 8 kelas.

Quran dan mempunyai masalah disiplin di sekolah lama seperti merokok, mencuri dan seumpamanya. Selain itu, pihak sekolah di lokasi kajian tidak mudah untuk menggantung sesi persekolahan atau memberhentikan para pelajar yang bermasalah tanpa melalui mesyuarat para guru terlebih dahulu<sup>567</sup>. Perkara ini amat penting dalam proses mengumpulkan data kerana pengkaji memerlukan masa lebih daripada empat bulan untuk mengenali dan mempengaruhi seseorang subjek atau responden dan proses ini akan terganggu sekiranya terdapat pelajar yang berhenti sekolah secara tiba-tiba. Oleh itu, dengan jumlah pelajar yang melebihi 100 orang, pemilihan sampel adalah tidak terhad berbanding dua buah tahfiz sebelum ini<sup>568</sup> yang mempunyai sampel yang begitu terhad kerana bilangan pelajar tidak lebih daripada 25 orang.

**Kelima:** Cuti yang minimum iaitu tiga atau empat hari di hujung setiap bulan dan empat cuti khas mengikut kalender semasa. Bagi kalendar persekolahan 2015<sup>569</sup>, pihak sekolah di lokasi kajian hanya memperuntukkan beberapa hari untuk cuti pada akhir setiap bulan iaitu 30hb. Januari 2015 hingga 1hb. Februari 2015 (3 hari), 27hb. Februari 2015 hingga 1hb. Mac 2015 (3 hari), 27-29hb. Mac 2015 (3 hari), 24-26hb. April 2015 (3 hari), 29-31hb. Mei 2015 (3 hari), 28-31hb. Ogos 2015 (4 hari) dan 30hb. Oktober 2015 hingga 1hb. November 2015 (3 hari) di samping 4 cuti khas yang tempoh masanya adalah selama 5 hari atau lebih iaitu 1-7hb. Jun 2015 (7 hari)<sup>570</sup>, 12-26hb. Julai 2015 (15 hari)<sup>571</sup>, 23-27hb. September 2015

---

<sup>567</sup> Hal ini berbeza dengan sistem pentadbiran tahfiz di Subang Jaya yang melakukan proses tersebut tanpa berbincang dengan guru kelas pelajar yang terlibat. Hasilnya sebagai contoh ialah kes seorang pelajar yang bermasalah tetapi ingin berubah terpaksa berhenti sekolah lantaran perihal ayahnya yang tidak berpuas hati dengan keputusan pihak sekolah yang mengantung sesi persekolahan anaknya selama dua minggu kerana kes merokok ketika sesi persekolahan dan kes ini adalah kes lama tetapi diungkit kembali iaitu sebelum beliau bertekad untuk berubah. Pelajar ini adalah salah seorang daripada dua orang pelajar pengkaji yang sukarela mengambil *bay'ah* Tarekat Naqshabandiyah al-Khālidīyah dengan persetujuan kedua ibu bapanya. Sebelum berhenti, beliau menyatakan hasratnya kepada pengkaji untuk turut bersama pengkaji sekiranya pengkaji mengajar di sekolah tahfiz lain. Peristiwa ini berlaku pada 24hb. Jun 2014 di Maahad Tahfiz al-Ihsan, Subang Jaya..

<sup>568</sup> Dua buah tahfiz ini adalah merujuk kepada Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang dan Maahad Tahfiz al-Ihsan, Subang Jaya.

<sup>569</sup> Maklumat ini adalah berdasarkan taqvim sekolah tahfiz di lokasi kajian bagi tahun 2015.

<sup>570</sup> Cuti pertengahan semester.



(5 hari)<sup>572</sup> dan 14-31hb. Disember 2015 (18 hari)<sup>573</sup>. Menerusi maklumat ini, jumlah keseluruhan cuti sekolah bagi para pelajar di lokasi kajian pada 2015 hanya selama 67 hari. Oleh itu, proses terapi dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan terancang.

**Keenam:** Terdapat lima hingga lapan orang warden dalam seminggu yang terdiri daripada para guru tahfiz itu sendiri termasuk pengkaji. Hanya pada bulan November 2014, pengkaji meminta pengecualian daripada tugas warden ini kerana pihak sekolah menggariskan panduan kepada setiap warden untuk bersikap tegas dan garang agar para pelajar lebih berdisiplin<sup>574</sup>. Pemilihan warden dalam kalangan guru tahfiz itu sendiri adalah suatu tindakan pencegahan yang dilakukan oleh pengetua di lokasi kajian bagi mengelakkan timbul sikap biadap daripada sebahagian pelajar yang kurang menghormati warden yang bukan daripada kalangan ahli al-Quran<sup>575</sup>.

**Ketujuh:** Lokasi kajian yang berhampiran dengan Surau *Tawajjuh* Haji Johar bin Ahmad di Klang. Mengikut zahirnya mungkin justifikasi ini seperti tiada kaitan dengan kajian yang akan dilaksanakan tetapi sebagai realitinya pengkaji memerlukan kekuatan spritual dan kesabaran yang tinggi dalam melaksanakan kajian ini sebagaimana firman Allah S.W.T.:

وَأَصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ بِالْغَدْوَةِ وَالْعَشيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ ۗ وَلَا تَعْدُ عَيْنَاكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا ۗ وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرْطًا ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “Dan bersabarlah kamu bersama-sama dengan orang-orang yang menyeru Tuhannya di waktu pagi dan petang dengan mengharap keredhaan-Nya; dan janganlah kedua matamu berpaling dari mereka

<sup>571</sup> Cuti sempena Hari Raya Puasa (*Id al-Fitri*) 1436H.

<sup>572</sup> Cuti sempena hari Raya Haji (*Id al-Adha*) 1436H.

<sup>573</sup> Cuti akhir tahun.

<sup>574</sup> Sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab Dua, pengkaji pernah mempraktikkan kaedah ini di Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang dan hasil daripadanya adalah kurang memuaskan kerana pengkaji tidak dapat mendekati para pelajar. Oleh itu, bagi menjamin kelancaran kajian ini, pengkaji perlu mengecualikan diri daripada menjadi warden.

<sup>575</sup> Berdasarkan pengalaman pengetua itu sendiri yang telah berpengalaman dalam institusi tahfiz hampir dua puluh tahun. Temubual dengan beliau secara tidak langsung pada antara bulan September hingga November 2014. Tarikh yang tepat tidak dapat dikemukakan kerana temubual ini pada asalnya hanya sekadar perbualan biasa dan tidak direkodkan.

(kerana) mengharapkan perhiasan kehidupan dunia ini; dan janganlah kamu mengikuti orang yang hatinya telah Kami lalaikan dari mengingati Kami, serta menuruti hawa nafsunya dan adalah keadaannya itu melewati batas”.

(Surah *al-Kahf*, 18:28)

Menurut Ibn Kathir, yang dimaksudkan dengan ayat ini ialah duduk bersama-sama dengan golongan yang berzikir kepada Allah pada waktu pagi dan petang<sup>576</sup>. Sementara al-Alūsī pula mentafsirkannya dengan duduk dan bersahabat dengan orang yang sentiasa beribadah kepada Allah S.W.T.<sup>577</sup>. Al-Khāzin menyatakan bahawa ayat ini berdasarkan suatu pendapat adalah ditujukan kepada 700 orang miskin yang terdiri daripada para ahli al-Ṣuffah yang tinggal di masjid Rasulullah s.a.w.<sup>578</sup> dan pendapat ini disokong dengan hadith lain<sup>579</sup>. Selain itu, pengkaji perlu mengikuti majlis *Tawajjuh* pada malam Selasa dan malam Jumaat bagi mematuhi adab semasa keluar suluk<sup>580</sup> di samping mendapatkan ketenangan dalam menjalankan pemerhatian turut serta ini.

Pada masa yang sama bagi mengukuhkan justifikasi ketujuh ini, fenomena semasa yang sedang rancak diperbincangkan di samping menjadi bahan untuk kajian ilmiah ialah masalah stres dan *burn out*<sup>581</sup> dalam kalangan guru<sup>582</sup>. Guru yang gagal mengatasi masalah

<sup>576</sup> Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm, taḥqīq*: Sāmī bin Muḥammad Salāmah (Dār al-Ṭayyibah li Al-Nashr wa al-Tawzī', 1999), 5:152.

<sup>577</sup> Al-Alūsī, Maḥmūd bin 'Abd Allāh, *Rūḥ al-Ma'ānī* (Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arābī, t.t.), 15:261.

<sup>578</sup> Al-Khāzin, 'Alī bin Muḥammad, *Tafsīr al-Khāzin al-Musammā li Bāb al-Ta'wīl fī Ma'ānī al-Tanzīl* (Beirut: Dār al-Fikr, 1979), 4:209.

<sup>579</sup> Berdasarkan hadith riwayat Ibn Majah (Kitāb al-Zuhd, Bāb Mujālasah al-Fuqarā', hadith no. 4127). Hadith ini dihukum ṣaḥīḥ oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, Sunan Ibn Majah, taḥqīq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī', t.t.), 687.

<sup>580</sup> Yahya bin Laksamana, *Risalah Tarikat Naqshabandiah Jalan Ma'rifat*, (t.t.p.: t.p., t.t.), 58.

<sup>581</sup> Istilah burn out ini adalah terma yang sinonim dengan bidang psikologi yang membawa maksud perasaan kegagalan, kelesuan dan keletihan yang melampau akibat tuntutan yang begitu membebankan terhadap tenaga, kekuatan serta kecekalan seseorang. Antara lain, burn out boleh juga diertikan dengan pilihan terakhir setelah usaha mengatasi tekanan negatif yang dilakukan oleh seseorang itu gagal. Lihat Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon, *Guru dan Cabaran Semasa* (Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., 2013), 201; Farber B.A., *Crisis in Education: Stress and Burnout in American Teachers* (California: Jessey-Bess Inc. Publishers).

<sup>582</sup> Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon, *Guru dan Cabaran Semasa*, 186-202.

stres dan *burn out* ini akan menjejaskan perhubungan antara guru dan pelajarnya serta mutu pengajaran serta pembelajaran<sup>583</sup>. Hal ini kerana kedua masalah tersebut akan menghalang seseorang guru daripada memupuk nilai kasih sayang dan mewujudkan sifat positif<sup>584</sup>. Bagi mengatasinya, para guru perlu melibatkan diri dengan hal-hal kerohanian yang mampu memberi sumber harapan di samping membetulkan perspektif tentang kehidupan dan pekerjaan<sup>585</sup>.

Realitinya secara tidak langsung, perihal pengkaji yang sering menghadiri majlis *Tawajjuh* ini turut mempengaruhi sebahagian responden di lokasi kajian sehingga terdapat beberapa pelajar yang ingin mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyah al-Khālidiyyah sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab Empat. Justeru itu, justifikasi ketujuh ini adalah relevan untuk diketengahkan.

### **3.2 DAPATAN DATA DAN PERBINCANGAN BORANG KAJI SELIDIK**

Dalam menganalisis kesemua data yang diperolehi melalui borang kaji selidik, pengkaji menggunakan statistik diskriptif dalam bentuk frekuensi. Secara ringkasnya, statistik diskriptif sering digunakan bagi mempersembahkan sekumpulan data dalam bentuk yang lebih mudah difahami dan memberi gambaran ciri-ciri sampel yang mewakili ciri-ciri dalam populasi yang diperolehi<sup>586</sup>. Dapatan data yang diperolehi ini adalah hasil daripada jawapan borang kaji selidik yang diedarkan sendiri oleh pengkaji kepada pelajar-pelajar lelaki di lokasi kajian yang berumur 13 tahun dan ke atas pada bulan April 2015 dan semua

---

<sup>583</sup> *Ibid.*, 187.

<sup>584</sup> *Ibid.*, 201.

<sup>585</sup> *Ibid.*, 212.

<sup>586</sup> W. Lawrence Neuman, *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*, London: Pearson Education Limited, 2014), 396; Othman Talib, *SPSS: Analisis Data Kuantitatif Untuk Penyelidik Muda*, Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication Sdn. Bhd., 2015), 4-5.

data daripada borang kaji selidik ini dirahsiakan daripada pengetahuan pihak sekolah bagi menjaga kerahsiaan dan maruah para responden<sup>587</sup>.

Sebanyak 120 set borang kaji selidik telah diedarkan dan hanya 100 set borang kaji selidik sahaja yang digunakan bagi tujuan analisis ini. Populasi di lokasi kajian secara keseluruhannya adalah antara 130 hingga 150 pelajar dalam sesuatu masa dan jumlah ini adalah termasuk pelajar sekolah rendah yang berumur antara 9 tahun hingga 12 tahun yang kebiasaannya terdiri daripada lebih kurang 20 orang pelajar. Oleh itu, populasi sebenar bagi borang kaji selidik ini adalah seramai 130 orang pelajar. Manakala jumlah persampelan minimum yang diperlukan adalah sebanyak 97 orang responden<sup>588</sup> sebagaimana formula berikut<sup>589</sup>:

$$S = X^2NP (1-P) \div d^2 (N-1) + X^2P (1-P)$$

S :Saiz sampel yang diperlukan

N :Jumlah populasi yang dikenalpasti

P :Nisbah populasi dilihat pada 0.50

d :Darjah ketepatan dalam populasi pada 0.05

X<sup>2</sup> :3.841 pada paras keyakinan 0.05

Berikut adalah pengiraan bagi jumlah populasi di lokasi kajian iaitu N=130 orang pelajar.

$$\begin{aligned} S &= 3.841 \times 130 \times 0.5 (1 - 0.50) \div 0.05^2 (130 - 1) + 3.841 \times 0.5 (0.50) \\ &= 97 \text{ orang responden} \end{aligned}$$

---

<sup>587</sup> Antara etika penyelidikan yang perlu dipatuhi ialah menjaga kerahsiaan serta maruah responden dan tidak mendedahkan mereka kepada bahaya. Lihat Ahmad Sunawari Long (2005), *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 7; Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 77.

<sup>588</sup> Uma Sekaran, *Research Methods for Business A Skill Building Approach* (New York: John Wiley & Sons Inc., 2003), 294; Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*, Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 75.

<sup>589</sup> Isaac, Stephen & Michael, William B., *Handbook In Research And Evaluation For Education And The Behavioral Sciences* (California: EDITS Publishers, 1981), 192-193; Ahmad Hisham Bin Azizan, "Solat dan Nilai-Nilai Spiritual Dalam Menangani Gelisah Dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).

Dapatan data ini dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu bahagian A yang membincangkan tentang demografi responden, bahagian B yang membincangkan pengakuan responden tentang kesalahan tingkah laku dan bahagian C yang membincangkan tentang kefahaman, amalan serta kesan-kesan kerohanian terhadap diri responden sebagaimana berikut:

**Pertama:** Bahagian A yang merangkumi demografi responden yang terdiri daripada 7 soalan iaitu jantina, tempat tinggal, umur, jumlah pendapatan ibu bapa, sebab memasuki sekolah tahfiz, penglibatan dengan sekolah tahfiz sebelum ini serta sebab-sebab berhenti daripada sekolah tahfiz lama;

**Kedua:** Bahagian B yang meliputi pengakuan responden terhadap kesalahan tingkah laku yang mengandungi 16 soalan dengan melibatkan kes mencuri, merokok, salah laku seks berlainan jantina dan salah laku seks sesama jantina;

**Ketiga:** Bahagian C yang berkaitan tentang kefahaman, amalan dan kesan-kesan nilai spiritual terhadap diri para responden yang mengandungi 27 soalan.

### **Bahagian A: Demografi Responden Kajian**

#### **i) Jantina**

Keseluruhan responden adalah lelaki kerana pengkhususan kajian hanya tertumpu kepada pelajar lelaki di lokasi kajian yang kesemuanya tinggal di asrama. Alasan utama pelajar perempuan dikecualikan dalam kajian ini adalah kerana pihak sekolah masih lagi dalam proses untuk membina tempat pembelajaran dan asrama pelajar perempuan berhampiran dengan penginapan pelajar lelaki.

## ii) Tempat Tinggal Responden

Jadual 3.2 memaparkan tentang tempat tinggal responden. Data menunjukkan responden kajian kebanyakannya tinggal di bandar iaitu seramai 80 orang responden (80%) berbanding luar bandar iaitu seramai 20 orang responden (20%). Memandangkan tahfiz ini berada di kawasan bandar, majoriti pelajarinya secara tidak langsung adalah berasal daripada kawasan yang berhampiran dengannya iaitu sekitar bandar dalam negeri Selangor iaitu Klang, Shah Alam, Subang Jaya, Petaling Jaya dan sebagainya. Manakala pelajar-pelajar yang berasal daripada luar bandar termasuklah antaranya tinggal di kawasan pedalaman negeri Perak, Kelantan dan Sabah<sup>590</sup>.

**Jadual 3.2: Tempat Tinggal Responden**

<b>Tempat Tinggal Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
Bandar	80 (N=80)
Luar bandar	20 (N=20)
<b>Jumlah</b>	<b>100 (N=100)</b>

**Sumber:** Kaji Selidik, 2015

## iii) Umur Responden

Jadual 3.3 pula menunjukkan data yang berkaitan dengan umur responden. Responden yang berumur antara 13 tahun hingga 17 tahun adalah majoriti iaitu seramai 90 orang (90%). Bakinya pula adalah seramai 10 orang responden (10%) yang berumur dalam lingkungan 18 tahun sehingga 25 tahun. Data tentang umur ini menggambarkan bahawa para pelajar di tahfiz ini tiada halangan menghafaz al-Quran walaupun berumur lebih daripada 17 tahun. Menerusi pemerhatian yang dijalankan, pengkaji bersetuju dengan sistem pihak tahfiz yang membuka peluang kepada remaja yang berumur 18 tahun dan ke atas untuk menghafaz al-Quran tetapi dengan bersyarat iaitu mempunyai minat yang mendalam

<sup>590</sup> Maklumat ini adalah berdasarkan pemerhatian turut serta yang dijalankan serta temubual secara tidak langsung dengan pihak sekolah, para guru dan pelajar-pelajar di tahfiz kajian ini bagi tempoh September 2014 hingga Disember 2015.

terhadap al-Quran dan bersedia untuk mengikut undang-undang sekolah. Hal ini kerana pelajar-pelajar yang berumur 18 tahun ke atas yang benar-benar berminat untuk menjadi seorang *al-Hāfiẓ al-Qur'ān* 30 juz mampu memberikan kerjasama yang baik terhadap disiplin sekolah berbanding mereka yang dipaksa untuk menghabiskan pengajian bagi hafazan al-Quran.

**Jadual 3.3: Umur Responden**

<b>Umur Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
13 hingga 17 tahun	90 (N=90)
18 hingga 25 tahun	10 (N=10)
<b>Jumlah</b>	<b>100 (N=100)</b>

Sumber: Kaji Selidik, 2015

**iv) Jumlah Pendapatan Bulanan Ibu Bapa Responden**

Seterusnya, latar belakang responden dari sudut pendapatan bulanan ibu bapa dapat dikenalpasti dalam Jadual 3.4. Daripada data jadual ini didapati seramai 33 orang responden (33%) mempunyai ibu bapa yang berpendapatan RM 4500 ke atas sebulan. Diikuti dengan ibu bapa responden yang berpendapatan antara RM 1501 hingga RM 3000 sebulan iaitu seramai 28 orang responden (28%). Seterusnya seramai 21 orang responden (21%) mempunyai ibu bapa yang berpendapatan antara RM 3001 hingga RM 4500 sebulan. Pendapatan ibu bapa responden yang memperolehi antara RM 501 hingga RM 1500 sebulan pula seramai 15 orang responden (15%). Selebihnya bagi ibu bapa responden yang berpendapatan RM 500 dan ke bawah hanya seramai 3 orang responden (3%). Analisis ini menunjukkan terdapat kepelbagaian pekerjaan dan pendapatan bulanan ibu bapa responden yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat 82% daripada keseluruhan responden mempunyai ibu bapa yang berpendapatan lebih daripada RM1501. Umumnya, analisis yang dikemukakan ini menunjukkan bahawa hampir semua ibu bapa responden mempunyai

kemampuan untuk membayar yuran yang ditetapkan oleh pihak sekolah iaitu sebanyak RM400 sebulan.

**Jadual 3.4: Jumlah Pendapatan Ibu Bapa Responden**

<b>Pendapatan Ibu Bapa Responden</b>	<b>Peratus (%)</b>
RM500 dan ke bawah	3 (N=3)
RM501 hingga RM1500	15 (N=15)
RM1501 hingga RM3000	28 (N=28)
RM3001 hingga RM4500	21 (N=21)
RM4501 dan ke atas	33 (N=33)
<b>Jumlah</b>	<b>100 (N=100)</b>

**Sumber:** Kaji Selidik, 2015

**v) Faktor Responden Memilih untuk Memasuki Sekolah Tahfiz**

Jadual 3.5 memaparkan tentang sebab-sebab responden memilih untuk memasuki sekolah tahfiz. Terdapat seramai 39 orang responden (39%) memilih untuk memasuki sekolah tahfiz kerana minat. Manakala responden yang memilih untuk memasuki sekolah tahfiz dengan sebab untuk berubah menjadi baik adalah seramai 29 orang responden (29%). Selebihnya seramai 19 orang responden (19%) memilih untuk memasuki sekolah tahfiz kerana paksaan ibu bapa. Sementara itu, seramai 12 orang responden (12%) memilih alasan lain-lain seperti yang ditulis dalam borang kaji selidik iaitu kerana ingin menjadi seorang *al-Hāfiẓ al-Qur'ān* 30 juzuk (2 orang responden telah memilih alasan ini), hanya berminat setelah setahun berada di tahfiz (1 orang responden), tidak mahu belajar di sekolah menengah (1 orang responden), permintaan ibu bapa dan kerelaan sendiri (1 orang responden), tidak kisah bersekolah di mana-mana (1 orang responden), ibu bapa hantar ke tahfiz setelah melihat sepupu belajar di tahfiz (1 orang responden), dibuli senior ketika berada di asrama sekolah lama (1 orang responden), ingin menuntut ilmu (1 orang responden), ingin berjaya di dunia dan di akhirat di samping menjadi seorang *al-Hāfiẓ al-*



*Qur'ān* (1 orang responden) dan telah dirancang untuk memasuki tahfiz (1 orang responden). Terdapat seorang responden memilih dua jawapan serentak iaitu kerana minat dan ingin berubah menjadi baik (dalam sistem SPSS yang dilaksanakan dalam kajian ini hanya menyediakan satu pilihan jawapan) dan selebihnya, terdapat 1 orang responden (1%) yang memilih untuk memasuki sekolah tahfiz kerana ingin mengikut kawan.

Data ini turut menggambarkan bahawa majoriti responden iaitu seramai 68 orang responden (68%) memilih untuk memasuki sekolah tahfiz dengan alasan yang positif iaitu kerana minat dan ingin berubah menjadi baik. Sementara menerusi pemerhatian turut serta yang dilakukan, pelajar-pelajar yang dipaksa oleh ibu bapa untuk menghafaz al-Quran pada kebiasaannya sering melakukan tindakan yang negatif seperti malas mengaji al-Quran, merokok, lari dari sekolah dan sebagainya.

**Jadual 3.5: Faktor Responden Memilih untuk Memasuki Sekolah Tahfiz**

<b>Faktor Pemilihan Responden ke Sekolah Tahfiz</b>	<b>Peratus (%)</b>
Kerana Minat	39 (N=39)
Paksaan Ibu Bapa	19 (N=19)
Mengikut Kawan	1 (N=1)
Untuk Berubah Menjadi Baik	29 (N=29)
Lain-lain	12 (N=12)
<b>Jumlah</b>	<b>100 (N=100)</b>

**Sumber:** Kaji Selidik, 2015

#### **vi) Penglibatan Responden dengan Sekolah Tahfiz Sebelum Ini**

Secara ringkasnya Jadual 3.6 menunjukkan tentang penglibatan responden dengan sekolah tahfiz sebelum ini. Seramai 60 orang responden (60%) adalah pertama kali menceburkan diri dalam bidang pengajian tahfiz. Selebihnya pula seramai 40 orang responden (40%) menyatakan pernah memasuki sekolah tahfiz lain. Berdasarkan pemerhatian turut serta yang dijalankan pada awal tahun kemasukan pelajar baru bagi sesi 2015, kebanyakan

pelajar-pelajar yang mendaftar adalah lepasan UPSR di sekolah rendah kebangsaan dengan keputusan yang agak sederhana dan ke bawah.

**Jadual 3.6: Penglibatan Responden dengan Sekolah Tahfiz Sebelum Ini**

<b>Pernah Memasuki Tahfiz Lain Sebelum Ini</b>	<b>Peratus (%)</b>
Ya	40 (N=40)
Tidak	60 (N=60)
<b>Jumlah</b>	<b>100 (N=100)</b>

**Sumber:** Kaji Selidik, 2015

#### **vii) Faktor-Faktor Responden Berhenti Dari Sekolah Tahfiz Lama**

Jadual 3.7 hanya melibatkan seramai 40 orang responden (40%) yang pernah belajar di sekolah tahfiz lain sebelum ini. Manakala seramai 60 orang responden (60%) dalam jadual ini tidak mempunyai sebarang kaitan dengan soalan ini kerana pertama kali memasuki sekolah tahfiz. Majoriti mereka mempunyai alasan yang tersendiri untuk tidak menyambung pengajian di tahfiz lama seperti yang dikemukakan dalam borang soal selidik iaitu seramai 22 orang responden (22%) dengan alasan yang pelbagai. Alasan yang diberikan tersebut ialah sekolah yang bermasalah (1 orang responden), tidak minat bersekolah di sekolah lama (dua orang responden), mencuba [suasana] sekolah baru dan sekolah lama berfahaman “Wahhabi” (2 orang responden), tidak sampai sasaran kerana hanya belajar di kem tahfiz ketika cuti sekolah (4 orang responden), hanya belajar sementara (1 orang responden), belajar secara sambilan di tahfiz lama iaitu selepas pulang daripada sekolah biasa (1 orang responden), mencuba suasana baru di tahfiz lain (2 orang responden), mencari ilmu lain (1 orang responden), tidak sampai sasaran (1 orang responden), guru pindah ke sekolah lain (1 orang responden), masalah permakanan (1 orang responden), pentadbiran sekolah bermasalah (1 orang responden), sekolah lama berpolitik (1 orang responden), tahfiz lama hanya memberi tempoh selama tiga tahun kepada setiap pelajar (1 orang responden), tahfiz lama mempunyai dua cawangan mengikut

kategori umur iaitu cawangan pertama khusus untuk pelajar yang berumur 13 tahun hingga 15 tahun dan akan berpindah ke cawangan kedua setelah berumur 16 tahun ke atas (1 orang responden), sikap guru suka tidur (1 orang responden), dan persekitaran tahfiz yang kotor (1 orang responden). Selanjutnya, diikuti pula dengan alasan dibuli kawan sekolah seramai 10 orang responden (10%), dibuang sekolah seramai 3 orang responden (3%) dan masalah kewangan seramai 2 orang responden (2%).

Analisis yang melibatkan 40 orang responden (40%) ini jelas menunjukkan bahawa antara faktor utama yang menyebabkan mereka berhenti daripada sekolah tahfiz lama adalah kerana kes dibuli rakan sekolah yang melibatkan 10 orang responden (10%) dan masalah sekolah yang melibatkan 7 orang responden (7%). Selain itu berdasarkan pemerhatian turut serta yang dijalankan pula, tidak dinafikan bahawa pelajar-pelajar yang berasal dari sekolah tahfiz lain kebiasaannya adalah bermasalah terutamanya yang melibatkan disiplin.

**Jadual 3.7: Faktor-Faktor Responden Berhenti Dari Sekolah Tahfiz Lama**

<b>Faktor Berhenti Dari Sekolah Tahfiz Lama</b>	<b>Peratus (%)</b>
Masalah Kewangan	2 (N=2)
Dibuang Sekolah	3 (N=3)
Dibuli Rakan Sekolah	10 (N=10)
Sikap Guru Yang Garang	3 (N=3)
Lain-lain	22 (N=22)
Tidak Berkaitan	60 (N=60)
<b>Jumlah</b>	<b>100 (N=100)</b>

**Sumber:** Kaji Selidik, 2015

### **Bahagian B: Analisis Pengakuan Responden Tentang Kesalahan Tingkah Laku**

Bagi menganalisis bahagian ini, pengkaji telah meringkaskan pilihan jawapan yang terdiri daripada “tidak pasti”, “tidak pernah”, “pernah”, “kadang-kadang”, “kerap” dan “agak

kerap” kepada dua jawapan utama iaitu “pernah” atau “tidak pernah”. Oleh itu, jawapan “pernah” turut merangkumi pilihan jawapan bagi “kadang-kadang”, “kerap” dan “agak kerap”. Sementara jawapan “tidak pernah” juga akan merangkumi jawapan “tidak pasti”. Ini kerana tujuan utama bahagian ini adalah untuk mengenalpasti sama ada responden pernah melakukan sesuatu kesalahan yang dinyatakan atau tidak. Terdapat lima kategori salah laku iaitu mencuri, merokok, masalah yang melibatkan *video game*, salah laku seksual dan salah laku seksual sesama jantina.

### **i) Mencuri**

Jadual 3.8 menunjukkan seramai 65 orang responden (65%) pernah mencuri berbanding hanya 35 orang responden (35%) menyatakan tidak pernah mencuri. Terdapat seramai 34 responden (34%) daripada 65 responden tersebut menyatakan bahawa mereka mendapat kepuasan ketika berjaya mencuri sesuatu barang yang mahal atau wang yang tinggi nilainya. Selain itu, seramai 34 orang responden (34%) menyatakan sebab mereka mencuri adalah untuk mengatasi masalah kewangan yang dialami. Hanya seramai 15 orang responden (15%) yang menyatakan bahawa mereka suka mencuri secara berkumpulan. Jumlah responden yang pernah mencuri telah mendominasi keseluruhan kes ini. Jumlah yang besar ini berada di tahap yang begitu serius kerana dalam Islam hukuman bagi kesalahan mencuri adalah berat sebagaimana firman Allah S.W.T.:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: “Lelaki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai seksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana”.

(Surah al-Māidah, 5:38)

Sementara itu menurut sumber pemerhatian turut serta yang dilakukan, terdapat beberapa kes kecurian telah dikenalpasti di sekolah tahfiz ini. Antaranya yang paling kritikal ialah kes kecurian telefon bimbit dua orang guru pada tarikh yang berbeza<sup>591</sup>. Selain itu, pihak sekolah telah mengambil tindakan yang drastik bagi menyelesaikan masalah kecurian yang melibatkan wang simpanan pelajar di asrama iaitu semua pelajar wajib menyimpan wang mereka kepada pihak sekolah.

**Jadual 3.8: Pengakuan Responden Bagi Kes Mencuri**

No.	Soalan	TPS	TP	P	KK	K	AK
1	Saya suka mencuri barang orang lain.	-	35 (35%)	45 (45%)	20 (20%)	-	-
2	Saya mendapat kepuasan ketika berjaya mencuri barang yang mahal atau wang yang tinggi nilainya.	-	66 (66%)	24 (24%)	8 (8%)	2 (2%)	-
3	Saya mencuri untuk mengatasi masalah kewangan yang dialami.	-	66 (66%)	21 (21%)	9 (9%)	4 (4%)	-
4	Saya suka mencuri secara berkumpulan.	-	85 (85%)	10 (10%)	4 (4%)	1 (1%)	-

**Sumber: Kaji Selidik, 2015**

Petunjuk: TPS = tidak pasti, TP = tidak pernah, P = pernah, KK = kadang-kadang, K = kerap, AK = agak kerap.

## ii) Merokok

Menerusi Jadual 3.9, seramai 53 orang responden (53%) mengaku pernah merokok<sup>592</sup> secara umum dan seramai 32 orang responden (32%) daripadanya pernah merokok di dalam kawasan sekolah. Oleh itu, pelajar yang tidak pernah merokok adalah seramai 47 orang responden (47%). Manakala seramai 56 orang responden (56%) telah menyatakan

<sup>591</sup> Perkara ini berlaku pada 23 September 2015 dan 19 Oktober 2015 di dalam bilik guru.

<sup>592</sup> Hal ini dapat dikenalpasti pada kenyataan "Saya merokok di luar kawasan sekolah".

terdapat ajakan untuk merokok daripada rakan mereka. Selain itu, seramai 46 orang responden (46%) menyatakan pernah merokok bersama rakan. Selanjutnya, jumlah pelajarKesalahan merokok seperti yang dikemukakan secara tidak langsung menggambarkan tentang realiti yang berlaku mutakhir ini. Pengaruh rakan sebaya adalah antara pendorong utama bagi gejala ini. Pengkaji sempat menemubual dengan beberapa pelajar yang berjaya dikesan oleh pihak sekolah kerana melakukan kesalahan merokok dalam kawasan sekolah.<sup>593</sup> Berdasarkan maklumat yang diberikan, terdapat beberapa orang di antara mereka mula merokok hanya setelah memasuki tahfiz kajian ini<sup>594</sup>. Selain itu, terdapat juga antara mereka pernah merokok sejak berumur 9 tahun<sup>595</sup>.

**Jadual 3.9: Pengakuan Responden Bagi Kes Merokok**

No.	Soalan	TPS	TP	P	KK	K	AK
1	Saya merokok di dalam kawasan sekolah.	1 (1%)	67 (67%)	19 (19%)	10 (10%)	3 (3%)	-
2	Saya merokok di luar kawasan sekolah.	-	47 (47%)	27 (27%)	10 (10%)	9 (9%)	7 (7%)
3	Rakan saya selalu mengajak saya menghisap rokok.	1 (1%)	43 (43%)	27 (27%)	12 (12%)	15 (15%)	2 (2%)
4	Saya biasa merokok bersama rakan.	2 (2%)	52 (52%)	21 (21%)	11 (11%)	3 (3%)	11 (11%)

**Sumber:** Kaji Selidik, 2015

Petunjuk: TPS = tidak pasti, TP = tidak pernah, P = pernah, KK = kadang-kadang, K = kerap, AK = agak kerap

### iii) *Video game*

Bagi Jadual 3.10, seramai 36 orang responden (36%) menyatakan pernah bermain *game* dan menghabiskan masa cuti sekolah di *cyber cafe*. Seterusnya, seramai 64 orang

<sup>593</sup> Temubual dengan guru disiplin yang berjaya mengenalpasti 17 pelajar yang terlibat pada 30 November 2014, 9.30 malam.

<sup>594</sup> Temubual dengan dua orang pelajar yang berkaitan pada 1 Disember 2014, 10.58 pagi.

<sup>595</sup> Temubual dengan seorang pelajar yang berumur 12 tahun (2015) pada 5 Ogos 2015, 4.00 petang.

responden (64%) menyatakan pernah bermain *game* di komputer rumah tidak kira waktu. Selain itu, terdapat 55 orang responden (55%) menyatakan pernah pergi ke *cyber cafe* bersama rakan. Antara lain, terdapat seramai 63 orang responden (63%) mengaku pernah bermain *game* sehingga meninggalkan solat dengan sengaja.

Berdasarkan analisis ini, majoriti responden adalah pernah bermain *video game* secara umum tidak kira tempat. Analisis ini juga hanya melibatkan rutin harian bagi para responden ketika cuti sekolah. Masalah utama yang agak kritikal dalam permainan video ini ialah lalai daripada melaksanakan solat dengan baik iaitu dengan melibatkan lebih daripada separuh responden iaitu 64 orang responden (64%) dan jumlah ini adalah agak membimbangkan kerana ianya secara tidak langsung membuktikan bahawa para responden ini mungkin mengalami masalah ketagihan dalam permainan video. Manakala dari sudut spiritual pula, tidak dinafikan bahawa responden merasa malas dan bosan untuk melakukan ibadah sunat terutamanya mengaji al-Quran yang menjadi tanggungjawab bagi para pelajar tahfiz untuk sentiasa memelihara hafazan al-Quran daripada terlupa di samping ibadah fardhu yang lain sebagaimana hadith berikut:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّمَا مَثَلُ صَاحِبِ الْقُرْآنِ  
كَمَثَلِ الْإِبِلِ الْمُعْقَلَةِ إِنْ عَاهَدَ عَلَيْهَا أَمْسَكَهَا وَإِنْ أَطْلَقَهَا ذَهَبَتْ

Maksudnya: „Abd Allah bin „Umar r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya perumpamaan bagi ahli al-Quran adalah seperti seekor unta yang diikat. Unta tersebut akan tetap berada di tempatnya ketika diikat dan akan lari sekiranya ikatannya dilepaskan<sup>596</sup>.

<sup>596</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Ṣalāh al-Musāfirīn, Bāb al-Amr bi Ta’ahhad al-Qurān wa Karāhah Qawl Nasīt Āyah Kadhā*, hadith no. 1875). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 2:190.

Selain itu, antara keutamaan bagi pelajar tahfiz ialah meninggalkan sesuatu yang tidak berfaedah dan sia-sia bagi dirinya<sup>597</sup>.

**Jadual 3.10: Pengakuan Responden Bagi Kes Bermain *Game* Sewaktu Cuti Sekolah**

No.	Soalan	TP	P	KK	K	AK
1	Bermain <i>game</i> dan menghabiskan masa cuti sekolah di <i>cyber cafe</i> .	64 (64%)	15 (15%)	14 (14%)	3 (3%)	4 (4%)
2	Bermain <i>game</i> di komputer rumah tidak kira masa.	36 (36%)	26 (26%)	17 (17%)	10 (10%)	11 (11%)
3	Pergi ke tempat <i>video game</i> atau <i>cyber cafe</i> bersama rakan.	45 (45%)	26 (26%)	19 (19%)	6 (6%)	4 (4%)
4	Bermain <i>game</i> sehingga meninggalkan solat dengan sengaja.	37 (37%)	30 (30%)	20 (20%)	10 (10%)	3 (3%)

**Sumber: Kaji Selidik, 2015**

Petunjuk: TPS = tidak pasti, TP = tidak pernah, P = pernah, KK = kadang-kadang, K = kerap, AK = agak kerap.

#### iv) Salah Laku Seksual

Jadual 3.11 menyatakan seramai 87 orang responden (87%) mengaku pernah melihat atau menonton video lucu. Seterusnya, seramai 81 orang responden (81%) menyatakan bahawa bercerita tentang seks bersama rakan adalah satu perkara yang menyeronokkan. Manakala seramai 29 orang responden (29%) mengaku pernah melakukan hubungan ringan dengan rakan atau pasangan seperti berpegangan tangan, bercium, meraba, memeluk dan lain-lain. Hanya 9 orang responden (9%) mengaku pernah melakukan zina. Berdasarkan pemerhatian turut serta yang dijalankan pula, terdapat 2 orang pelajar telah mengaku di hadapan pengkaji tentang perbuatan zina yang pernah dilakukan ketika sedang menuntut di sekolah

<sup>597</sup> Berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: “Daripada kebaikan Islamnya seseorang itu ialah dia meninggalkan apa yang tidak diperlukan”. Lihat hadith riwayat al-Tirmidhī (Kitāb al-Zuhd, Bāb 11, hadith no. 2317). Hadith ini dihukum ṣaḥīḥ oleh al-Albānī. Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin al-Ḥākim, Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī’, t.t.), 524; Hadith riwayat Ibn Majah (Kitāb al-Fitan, Bāb Kaff al-al-Lisān fī al-Fitnah, hadith no. 3976). Hadith ini dihukum ṣaḥīḥ oleh al-Albānī. Lihat Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd, Sunan Ibn Majah, taḥqīq: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī’, t.t.), 656.



menengah kebangsaan iaitu sebelum memasuki sekolah tahfiz dan bertanya cara untuk bertaubat<sup>598</sup>. Salah seorang daripadanya telah berhenti sekolah sebelum borang kaji selidik ini diedarkan. Pengakuan lisan ini adalah sukarela dan tanpa diminta. Oleh itu, jumlah keseluruhan bagi responden di lokasi kajian yang pernah berzina adalah seramai 10 orang responden.

**Jadual 3.11: Pengakuan Responden Bagi Kes Salah Laku Seksual**

No.	Soalan	TPS	TP	P	KK	K	AK
1	Melihat gambar atau menonton video lucah.	-	13 (13%)	38 (38%)	25 (25%)	13 (13%)	11 (11%)
2	Bercerita tentang seks bersama rakan adalah satu perkara yang menyeronokkan.	-	19 (19%)	34 (34%)	26 (26%)	12 (12%)	9 (9%)
3	Melakukan hubungan ringan dengan rakan atau pasangan seperti berpegangan tangan, bercium, meraba, memeluk dan lain-lain.	-	71 (71%)	20 (20%)	5 (5%)	3 (3%)	1 (1%)
4	Melakukan hubungan seks bebas (zina).	-	91 (91%)	4 (4%)	3 (3%)	1 (1%)	1 (1%)

**Sumber: Kaji Selidik, 2015**

Petunjuk: TPS = tidak pasti, TP = tidak pernah, P = pernah, KK = kadang-kadang, K = kerap, AK = agak kerap.

#### v) Salah Laku Seksual Sama Jantina

Jadual 3.12 memaparkan seramai 26 orang responden (26%) mengaku mempunyai keinginan seks terhadap rakan sama jantina. Selain itu, seramai 13 orang responden (13%) mengaku pernah menyaksikan secara langsung rakan sedang melakukan hubungan seksual

<sup>598</sup> Temubual dengan mereka yang terlibat pada masa yang berlainan iaitu pada 25 Februari 2015, 5.25 petang dan 1 Julai 2015, 1.30 petang.

sesama jantina. Antara lain, seramai 26 orang responden (26%) mengaku pernah melakukan hubungan ringan dengan rakan sama jantina seperti bercium, meraba, memeluk dan lain-lain. Seterusnya seramai 3 orang responden (3%) mengaku pernah melakukan hubungan seks sama jantina iaitu liwat. Sungguhpun kesalahan tingkah laku ini masih berada di tahap yang rendah, langkah-langkah pencegahan perlu dilakukan. Antara peristiwa yang berlaku dalam tempoh pemerhatian turut serta yang dijalankan ialah kes seorang pelajar dalam lingkungan 15 tahun dipukul oleh sekumpulan pelajar senior kerana melakukan perkara yang tidak senonoh terhadap seorang pelajar berusia 12 tahun ketika beliau tidur<sup>599</sup>.

**Jadual 3.12: Pengakuan Responden Bagi Salah Laku Seksual Sama Jantina**

No.	Soalan	TPS	TP	P	KK	K	AK
1	Mempunyai keinginan/nafsu seks terhadap rakan sama jantina.	-	74 (74%)	17 (17%)	9 (9%)	-	-
2	Menyaksikan secara langsung (berada di tempat kejadian) ketika rakan sedang melakukan hubungan seksual sama jantina.	-	87 (87%)	7 (7%)	4 (4%)	1 (1%)	1 (1%)
3	Melakukan hubungan ringan dengan rakan sama jantina seperti bercium, meraba, memeluk dan lain-lain.	-	74 (74%)	19 (19%)	7 (7%)	-	-
4	Melakukan hubungan seks (liwat).	-	97 (97%)	2 (2%)	1 (1%)	-	-

**Sumber: Soal Selidik, 2015**

Petunjuk: TPS = tidak pasti, TP = tidak pernah, P = pernah, KK = kadang-kadang, K = kerap, AK = agak kerap.

<sup>599</sup> Temubual dengan salah seorang yang memukul pelajar berkenaan pada 25 Ogos 2015, 11.00 pagi.

Secara keseluruhannya bagi bahagian B, kesalahan mencuri, merokok, melihat gambar atau video lucah dan kegemaran bercerita tentang seks bersama rakan berada di tahap yang membimbangkan kerana lebih daripada 50 orang responden (50%) pernah melakukan kesalahan tersebut.

### **Bahagian C: Analisis Kefahaman, Amalan dan Kesan-kesan Nilai Spiritual**

Bahagian ini mempunyai tiga bahagian dan tumpuan lebih diberikan kepada pilihan jawapan “kerap” dan “agak kerap” sebagai suatu penilaian terhadap para responden tentang item-item yang berkaitan dengan kefahaman mereka tentang agama, amalan-amalan kerohanian yang dilakukan dalam mendekati diri kepada Allah S.W.T. dan kesan-kesan nilai spiritual yang berlaku terhadap diri mereka. Memandangkan terdapat sebilangan kecil daripada responden yang terlupa untuk mengisi petak jawapan atau mengisi dua jawapan bagi soalan yang sama, pengkaji telah meletakkan pilihan jawapan khusus yang dinamakan sebagai “tidak pasti” untuk mengatasi masalah tersebut.

#### **i) Kefahaman, Kepercayaan dan Pegangan Agama**

Bagi bahagian ini, tidak ramai responden yang mempunyai kefahaman, kepercayaan dan pegangan agama yang mantap seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.13. Dalam 3 item yang berkaitan dengan rukun Iman yang pertama iaitu kepercayaan kepada Allah S.W.T., jumlah pilihan jawapan bagi “agak kerap” dan “kerap” adalah melebihi 50% dan kurang daripada 70% iaitu 69 orang responden (69%) bagi soalan item no. 4 (*Saya yakin Allah S.W.T. mendengar apa yang saya pohonkan dalam doa*), 56 orang responden (56%) bagi soalan item no.6 (*Saya percaya Allah S.W.T. akan mengeluarkan saya daripada masalah yang dialami dan memudahkan urusan saya jika saya meningkatkan ketakwaan dan*

kepatuhan kepada-Nya) dan 66 orang responden (66%) bagi soalan item no. 9 (*Saya percaya Allah S.W.T. sentiasa mengawasi tindak tanduk saya setiap waktu*). Sementara bagi rukun Iman kedua iaitu kepercayaan kepada Malaikat, jumlah pilihan jawapan “agak kerap” dan “kerap” adalah 57 orang responden (57%). Seterusnya bagi rukun Iman ketiga iaitu kepercayaan kepada kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah S.W.T. dan rukun Iman keempat iaitu kepercayaan kepada rasul-rasul yang diutuskan, jumlah pilihan jawapan bagi “kerap” dan “agak kerap” ialah masing-masing 48 orang responden (48%) dan 39 orang responden (39%). Diikuti dengan 38 orang responden (38%) bagi rukun Iman keenam iaitu kepercayaan kepada takdir baik dan buruk adalah daripada Allah S.W.T.. Kemudian bagi soalan item no. 3 (*Bulan Ramadhan dapat membantu saya untuk berubah menjadi lebih baik*), jumlah responden yang memilih jawapan “kerap dan agak kerap” ialah 43 orang responden (43%). Selebihnya bagi soalan item no. 1 (*Saya melewatkat-lewatkan taubat kerana umur saya masih muda*), hanya 25 orang responden (25%) yang memilih jawapan “tidak pernah”. Konklusinya bagi bahagian ini, responden perlu lagi mendalami asas-asas agama kerana 7 daripada 9 soalan yang dikemukakan adalah berkait rapat dengan rukun iman dan jawapan yang diberikan agak mengecewakan.

**Jadual 3.13: Kefahaman, Kepercayaan dan Pegangan Agama Responden**

No.	Soalan	TPS	TP	P	KK	K	AK
1	Saya melewatkat-lewatkan taubat kerana umur saya masih muda.	-	25 (25%)	36 (36%)	27 (27%)	8 (8%)	4 (4%)
2	Saya menjadikan akhlak Rasulullah s.a.w. sebagai contoh tauladan yang perlu diikuti.	1 (1%)	1 (1%)	20 (20%)	39 (39%)	26 (26%)	13 (13%)
3	Bulan Ramadhan dapat membantu saya untuk berubah menjadi lebih baik.	-	9 (9%)	14 (14%)	34 (34%)	25 (25%)	18 (18%)
4	Saya yakin Allah S.W.T. mendengar apa yang saya pohonkan dalam doa.	-	1 (1%)	16 (16%)	14 (14%)	37 (37%)	32 (32%)

**Jadual 3.13: Sambungan**

5	Saya sabar dengan ketentuan Allah S.W.T. setiap kali ditimpa musibah kerana itu adalah rukun Iman yang keenam.	1 (1%)	4 (4%)	22 (22%)	35 (35%)	21 (21%)	17 (17%)
6	Saya percaya Allah S.W.T. akan mengeluarkan saya daripada masalah yang dialami dan memudahkan urusan saya jika saya meningkatkan ketakwaan dan kepatuhan kepada-Nya.	-	4 (4%)	21 (21%)	19 (19%)	23 (23%)	33 (33%)
7	Saya membaca al-Quran untuk mendapatkan sumber inspirasi dan motivasi (semangat untuk menjadi baik)	1 (1%)	1 (1%)	23 (23%)	27 (27%)	32 (32%)	16 (16%)
8	Saya merasakan malaikat pencatat amalan kebaikan dan malaikat pencatat amalan keburukan sentiasa bersama saya.	-	1 (1%)	16 (16%)	26 (26%)	20 (20%)	37 (37%)
9	Saya percaya Allah S.W.T. sentiasa mengawasi tindak tanduk saya setiap waktu.	-	-	17 (17%)	17 (17%)	32 (32%)	34 (34%)

**Sumber: Kaji Selidik, 2015**

Petunjuk: TPS = tidak pasti, TP = tidak pernah, P = pernah, KK = kadang-kadang, K = kerap, AK = agak kerap.

## ii) Amalan-Amalan Spiritual/ Kerohanian Dalam Mendekatkan Diri Kepada Allah S.W.T.

Bagi Jadual 3.14, terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan penekanan yang serius terutamanya tentang ibadah wajib. Antaranya yang terpenting ialah item no. 3 (saya berpuasa satu bulan penuh dalam bulan Ramadhan) dan no. 5 (saya solat lima waktu sehari semalam dengan ikhlas semata-mata kerana Allah S.W.T.) kerana kedua-dua item ini adalah berkaitan dengan rukun Islam. Sewajarnya pilihan jawapan “agak kerap” menjadi pilihan utama tetapi sebaliknya telah berlaku. Bagi item no. 3, hanya 29 orang responden (29%) yang berpuasa penuh di dalam bulan Ramadhan dengan memilih jawapan “agak kerap”. Manakala bagi item no. 5 pula, hanya 18 orang responden (18%) yang ikhlas

semata-mata kerana Allah S.W.T. dalam melaksanakan ibadah solat yang difardhukan dengan memilih pilihan jawapan “agak kerap” berbanding 25 orang responden (25%) memilih jawapan “kerap” dan 33 orang responden (33%) memilih jawapan “kadang-kadang”. Menerusi data-data yang diperolehi, ramai responden gagal melaksanakan rukun Islam dengan sempurna (pengkhususan kepada solat dan puasa di bulan Ramadhan) ketika berada di luar waktu persekolahan. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa kegagalan dalam melaksanakan perkara ini boleh merosakkan agama seseorang itu sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ  
الزَّكَاةِ وَالْحَجِّ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: Islam dibina dengan lima perkara iaitu bersaksi bahawa Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasulullah, mengerjakan solat, menunaikan zakat, menunaikan haji dan berpuasa di bulan Ramadhan<sup>600</sup>.

Selain itu secara keseluruhannya, analisis bagi bahagian ini juga menggambarkan kelemahan responden dalam mempraktikkan amalan-amalan kerohanian bagi item-item yang selebihnya dengan melihat kepada pilihan jawapan “agak kerap” dan “kerap”. Tidak ramai responden memilih kedua-dua pilihan jawapan ini berbanding jawapan “pernah” dan “kadang-kadang”.

<sup>600</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Īmān, Bāb Qawl al-Nabiy Ṣalla Allāh ‘Alaiḥ wa Sallam: “Buniya al-Islām ,alā Khams”*, no. hadith 7). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl., *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*, (al-Qāhirah: al-Matba’ah al-Salafiyyah, 1979), j. 1, 20 .

**Jadual 3.14: Amalan-Amalan Spiritual/ Kerohanian Dalam Mendekatkan Diri Kepada Allah S.W.T.**

No.	Soalan	TPS	TP	P	KK	K	AK
1	Saya membetulkan niat kepada Allah S.W.T. sebelum melakukan sesuatu perkara.	-	7 (7%)	29 (29%)	39 (39%)	16 (16%)	9 (9%)
2	Sebelum saya tidur, saya akan memaafkan semua dosa-dosa orang-orang yang pernah buat salah kepada saya.	1 (1%)	19 (19%)	30 (30%)	40 (40%)	4 (4%)	6 (6%)
3	Saya berpuasa satu bulan penuh dalam bulan Ramadhan.	6 (6%)	8 (8%)	20 (20%)	16 (16%)	21 (21%)	29 (29%)
4	Saya berselawat ke atas Rasulullah s.a.w. sekurang-kurangnya 100x setiap hari ketika cuti sekolah sebagai amalan tetap.	1 (1%)	35 (35%)	28 (28%)	28 (28%)	3 (3%)	5 (5%)
5	Saya solat lima waktu sehari semalam dengan ikhlas semata-mata kerana Allah S.W.T..	1 (1%)	3 (3%)	20 (20%)	33 (33%)	25 (25%)	18 (18%)
6	Saya membaca al-Quran setiap hari ketika cuti sekolah.	1 (1%)	14 (14%)	23 (23%)	44 (44%)	10 (10%)	8 (8%)
7	Saya merasa puas jika dapat mencari kelemahan orang lain.	1 (1%)	21 (21%)	31 (31%)	28 (28%)	11 (11%)	8 (8%)
8	Saya berdoa selepas solat agar saya menjadi hamba Allah S.W.T. yang taat.	1 (1%)	3 (3%)	24 (24%)	29 (29%)	27 (27%)	16 (16%)
9	Saya merenung kembali kesilapan yang telah saya lakukan.	1 (1%)	4 (4%)	18 (18%)	23 (23%)	35 (35%)	19 (19%)

**Sumber: Kaji Selidik, 2015**

Petunjuk: TPS = tidak pasti, TP = tidak pernah, P = pernah, KK = kadang-kadang, K = kerap, AK = agak kerap.

### iii) Kesan-Kesan Spiritual/ Kerohanian Terhadap Diri

Seterusnya, Jadual 3.15 memaparkan tentang kesan-kesan spiritual atau kerohanian terhadap diri responden. Kesemua jawapan yang diberikan adalah adalah lebih kepada positif dengan melihat kepada pilihan jawapan “pernah”, “kadang-kadang”, “kerap” dan “agak kerap”. Tetapi sekiranya dilihat kepada jumlah pilihan jawapan “kerap” dan “agak kerap”, hanya terdapat 4 soalan item yang mempunyai pilihan jawapan yang melebihi 50% dan kurang daripada 70% iaitu 69 orang responden (69%) bagi soalan item no. 2 (*Saya takut untuk melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T.*), 52 orang responden (52%) bagi soalan item no. 3 (*Saya rasa tidak tenang ketika melakukan dosa dan maksiat*), 63 orang responden (63%) bagi soalan no. 4 (*Saya berasa tenang bila mengingati Allah S.W.T.*) dan 63 orang responden (63%) bagi soalan no. 5 (*Saya bimbang sekiranya terdapat dosa-dosa besar yang saya lakukan*). Secara keseluruhan, data-data yang didapati dalam jadual ini adalah berkesinambungan dengan jadual 12 dan 13 yang perlu diberi penekanan yang sebaiknya. Justeru, jawapan yang dipaparkan turut melambangkan kemerosotan kesan-kesan kerohanian terhadap diri bagi kebanyakan responden.

**Jadual 3.15: Kesan-kesan Spiritual/Kerohanian Terhadap Diri Responden**

No.	Soalan	TPS	TP	P	KK	K	AK
1	Saya takut untuk melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T..	-	3 (3%)	23 (23%)	41 (41%)	24 (24%)	9 (9%)
2	Saya berasa gembira ketika melakukan kebaikan.	-	1 (1%)	16 (16%)	14 (14%)	35 (35%)	34 (34%)
3	Saya rasa tidak tenang ketika melakukan dosa dan maksiat.	2 (2%)	5 (5%)	19 (19%)	22 (22%)	31 (31%)	21 (21%)
4	Saya berasa tenang bila mengingati Allah S.W.T..	3 (3%)	1 (1%)	15 (15%)	18 (18%)	36 (36%)	27 (27%)
5	Saya bimbang sekiranya terdapat dosa-dosa besar yang saya lakukan.	1 (1%)	2 (2%)	18 (18%)	16 (16%)	32 (32%)	31 (31%)



**Jadual 3.15: Sambungan**

6	Saya berasa gembira setiap kali membaca al-Quran.	1 (1%)	1 (1%)	17 (17%)	33 (33%)	30 (30%)	18 (18%)
7	Saya tidak suka orang menegur kesilapan saya.	2 (2%)	14 (14%)	23 (23%)	26 (26%)	16 (16%)	19 (19%)
8	Saya malu untuk menegur kawan saya yang melanggar perintah Allah S.W.T..	-	16 (16%)	20 (20%)	37 (37%)	16 (16%)	11 (11%)
9	Saya akan meminta maaf kepada guru, ibu bapa atau kawan jika saya melakukan kesalahan terhadap mereka.	-	2 (2%)	17 (17%)	39 (39%)	20 (20%)	22 (22%)

**Sumber: Kaji Selidik, 2015**

Petunjuk: TPS = tidak pasti, TP = tidak pernah, P = pernah, KK = kadang-kadang, K = kerap, AK = agak kerap.

Berdasarkan dapatan data daripada borang kaji selidik yang diedarkan ini, jelas menyatakan bahawa para pelajar tahfiz di lokasi kajian turut terjebak dengan kesalahan tingkah laku yang melibatkan kes mencuri, merokok, ketagih *video game* dan salah laku seksual. Bagi meneliti dengan lebih mendalam salah laku dan masalah akhlak para pelajar tahfiz ini, pengkaji turut melakukan pemerhatian turut serta di lokasi kajian.

### **3.3 MASALAH AKHLAK DI LOKASI KAJIAN BERDASARKAN PEMERHATIAN TURUT SERTA**

Bahagian ini adalah penambahan bagi data yang diperolehi daripada borang soal selidik. Bagi memudahkan paparan data yang diperolehi daripada pemerhatian tentang masalah akhlak di lokasi kajian, pengkaji telah menyusun data ini berdasarkan jadual yang mengandungi tarikh, jenis kes salah laku dan maklumat tambahan. Kes yang sering berlaku di lokasi kajian adalah melibatkan kes mencuri dan merokok. Bagi mengatasi kes mencuri, pihak sekolah di lokasi kajian telah mengeluarkan arahan kepada semua pelajar agar menyimpan wang simpanan kepada guru kelas masing-masing berkuatkuasa pada 28hb. Ogos 2015. Sekiranya terdapat pelajar yang tidak mengikuti arahan ini, pihak sekolah tidak

akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan wang simpanan pelajar. Manakala bagi mengatasi kes merokok dalam kawasan sekolah pula, pihak sekolah akan menghubungi ibu bapa atau penjaga bagi pelajar yang didapati bersalah agar hadir ke sekolah untuk mamaklumkan kes tersebut secara langsung dengan ibu bapa atau penjaga yang terlibat. Jadual berikut adalah antara kronologi peristiwa beberapa kes masalah akhlak yang berlaku hasil pemerhatian turut serta di lokasi kajian:

**Jadual 3.16: Kes Salah Laku Akhlak dalam Kalangan Pelajar di Lokasi Kajian**

Tarikh	Jenis Kes	Maklumat Tambahan
30hb. November 2014	Merokok dalam kawasan sekolah.	Terdapat 17 orang pelajar yang dikenalpasti telah melakukan perkara ini.
1hb. Disember 2014	Melawan guru	Seorang pelajar “A” <sup>601</sup> telah mengganggu guru kelasnya yang berada di dalam bilik air agar menyebut namanya secara berulang kali tetapi guru tersebut tidak mengendahkan arahan pelajar tersebut <sup>602</sup> . Kemudian seorang pelajar lain telah menolak pintu bilik air tersebut sehingga terbuka dan terus berlalu pergi. Guru yang berada di dalam bilik air tersebut terus memarahi pelajar “A” kerana beranggapan beliau yang melakukannya iaitu menolak pintu tersebut. Pelajar tersebut menafikan perkara tersebut dengan percakapan yang tidak sopan sehingga guru kelas beliau berkata: “Kalau ikutkan ustaz, ustaz tak nak ambil kamu” [sebagai pelajar di kelasnya]. Pelajar “A” terus menjawab: “saya bukan nak pun” [belajar di kelas ustaz] <sup>603</sup> .
26hb. Disember 2014	Mencuri	Kecurian duit simpanan pelajar di asrama sebanyak RM 100.
8hb. Januari 2015	Menonton wayang ketika tempoh <i>outing</i> di sekolah.	Seorang pelajar telah meminta ibunya untuk menghantar beliau dan beberapa kawannya ke panggung wayang yang berdekatan.

<sup>601</sup> Pelajar “A” di sini hanya sebagai tanda bagi membezakannya dengan pelajar lain agar maklumat ini mudah difahami.

<sup>602</sup> Ketika pemerhatian ini dilakukan, tandas dan bilik air khas untuk guru masih belum disediakan. Justeru itu, para guru terpaksa untuk berkongsi tandas dan bilik air dengan para pelajar.

<sup>603</sup> Ayat-ayat yang dikatakan oleh guru dan pelajar ini mungkin tidak tepat tetapi mempunyai maksud yang sama.

**Jadual 3.16: Sambungan**

20hb. Januari 2015	Mencuri	Kes “ <i>kopak</i> ” loker untuk mencuri. Aduan ibu bapa kepada pihak sekolah. Selepas solat Isyak, pihak sekolah telah mengumpulkan semua pelajar untuk mengetahui jumlah duit yang hilang. Menurut aduan yang diterima daripada para pelajar yang menjadi mangsa kecurian, sebanyak RM 250 telah dilaporkan hilang. Menurut seorang guru di lokasi kajian, sebelum ini pernah berlaku kecurian sebanyak RM 800 di asrama.
24hb. Januari 2015	Mencuri	Kecurian duit yuran pendaftaran seorang pelajar baru sebanyak RM 1000 di pejabat sekolah. Kes ini hanya disedari pada jam 8.30 pagi oleh pihak sekolah.
3hb. Februari 2015	Mencuri	Seorang ayah kepada salah seorang pelajar di lokasi kajian mengadu tentang baju melayu sekolah dan makanan-makanan ringan yang dikhaskan untuk anaknya bagi tempoh tertentu sering dicuri .
6hb. Februari 2015	Mencuri	Beberapa orang pelajar telah mengadu kepada pengkaji tentang bilik mereka sering dimasuki oleh pelajar-pelajar lain ketika waktu kelas sehingga berlaku kes kecurian kerana pintu bilik tersebut tidak berkunci.
28hb. April 2015	Gay	Pihak sekolah menerima aduan daripada penjaga salah seorang pelajar yang menyatakan bahawa terdapat kes seks oral sesama lelaki di lokasi kajian. Setelah diseliki, kes ini adalah berpunca daripada perbuatan gemar mengambil adik angkat sesama jenis antara pelajar besar dan pelajar kecil di lokasi kajian.
29hb. April 2015	Membawa perkara-perkara terlarang ke sekolah	Pihak sekolah telah melakukan pemeriksaan mengejut di seluruh kawasan dalam asrama para pelajar. Antara barang-barang yang dapat dirampas ialah telefon bimbit, <i>power bank</i> , rokok, komik dan seluar <i>jean</i> .
18hb. Jun 2015	Merokok dalam kawasan sekolah	Pihak sekolah telah menerima aduan daripada seorang pelajar tentang pelajar-pelajar yang merokok dalam kawasan sekolah menerusi surat yang dihantar langsung kepada pengetua sekolah tahfiz di lokasi kajian.
23hb. Jun 2015	Membawa telefon bimbit	Seorang pelajar dikenalpasti setelah telefon bimbit beliau yang disembunyikan dalam lipatan kain pelikat telah tercicir di hadapan seorang guru.

**Jadual 3.16: Sambungan**

		<p>Terdapat gambar-gambar dan video-video lucu dalam telefon tersebut<sup>604</sup>. Antara lain, terdapat mesej tempahan untuk tiga buah rokok elektik (<i>vape</i>) dan meminta pihak penjual dapat menghantar barangan tersebut ke alamat sekolah secara pos laju. Pihak sekolah berjaya mendapatkan barang tempahan ini dengan memeriksa setiap hari hantaran oleh pos laju. Selain itu, terdapat kata-kata negatif yang ditujukan kepada sebilangan guru yang agak garang di lokasi kajian. Dalam hal ini, ibu kepadapesalah telah bersubahat dengan meminta anaknya agar berhati-hati ketika membawa telefon bimbit tersebut ke sekolah agar tidak dirampas.</p>
25hb. Ogos 2015	Gay	<p>Seorang pelajar dikenalpasti telah melakukan perbuatan mencabul dan membogelkan seorang pelajar kecil berumur 12 tahun ketika tidur sehingga mangsa bertekad untuk mencari sekolah lain.<sup>605</sup></p>
9hb. September 2015	Merokok di hadapan guru	<p>Seorang pelajar yang bermasalah telah melakukan perkara ini dihadapan salah seorang pengajar di lokasi kajian ketika cuti sekolah dengan alasan berada di luar kawasan sekolah. Pelajar ini mempunyai rekod salah laku yang agak kritikal seperti hisap ganja, keluar daripada kawasan sekolah tanpa izin dan mencuri.</p>
23hb. September 2015	Mencuri telefon bimbit guru	<p>Seorang guru telah mengadu tentang telefon bimbit beliau yang hilang ketika sebahagian pelajar memasuki ke bilik guru untuk bersalaman dengan para guru sebelum pulang ke rumah masing-masing sempena cuti sekolah.</p>
19hb. Oktober 2015	Mencuri telefon bimbit guru	<p>Seorang guru yang lain telah kehilangan telefon bimbitnya yang berada di bilik guru ketika waktu kelas.</p>

**Sumber: Pemerhatian Turut Serta 2014-2015.**

<sup>604</sup> Guru disiplin telah memaksa pelajar tersebut untuk memberikan kata laluan bagi memeriksa isi kandungan yang terdapat dalam telefon bimbit tersebut.

<sup>605</sup> Pesalah telah dibelasah oleh sekumpulan pelajar-pelajar besar tanpa pengetahuan pihak sekolah Maklumat ini diperolehi oleh salah seorang pelajar di kelas pengkaji. Beliau telah meminta pengkaji agar merahsiakan perkara tersebut. Temubual dengan informan (salah seorang pelajar yang berumur 17 tahun) pada 25hb. Ogos 2015, jam 11.00 pagi, waktu kelas pengajian.

Berdasarkan masalah akhlak yang dipaparkan menerusi Jadual 3.16 ini, jelas menyatakan bahawa para pelajar di lokasi kajian tidak mempraktikkan adab sebagai seorang pelajar tahfiz dengan sewajarnya sebagaimana yang digariskan oleh sarjana Islam terdahulu. Al-Nawawī secara khususnya telah menyusun beberapa adab yang perlu dipraktikkan oleh para pelajar al-Quran dalam karangan beliau<sup>606</sup>. Sebagai kesinambungan daripada masalah akhlak para pelajar tahfiz di lokasi kajian yang telah dikemukakan sebelum ini, pengkaji berpendapat bahawa adab-adab seorang pelajar al-Quran yang dinyatakan oleh al-Nawawī di bawah ini adalah relevan untuk diketengahkan.

### 3.3.1 Adab-adab Pelajar Tahfiz Menurut al-Nawawī

Umumnya terdapat adab-adab yang perlu dipatuhi oleh seseorang pelajar al-Quran. Justeru, al-Nawawī telah menyusun beberapa adab khusus bagi para penghafal al-Quran sebagaimana berikut:

**Pertama:** seseorang pelajar tidak boleh menyibukkan diri dengan perkara-perkara yang boleh mengganggu tumpuan untuk belajar kecuali sekadar memenuhi keperluan dan dia juga perlu sentiasa membersihkan hatinya daripada kotoran-kotoran dosa agar boleh mendapat kefahaman dan manfaat daripada al-Quran sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.<sup>607</sup>:

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضَغَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا  
وَهِيَ الْقَلْبُ

<sup>606</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qurān, taḥqīq*: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991).

<sup>607</sup> *Ibid.*, 42.

Maksudnya: “Ketahuilah bahawa dalam jasad manusia ada seketul daging (segumpal darah), jika baik maka baiklah seluruh anggota dan jika rosak maka rosaklah seluruh anggota, itulah hati”<sup>608</sup>.

Secara zahirnya menerusi adab pertama ini, para pelajar dapat mempraktikkannya kerana kesemua pelajar di lokasi kajian perlu tinggal di asrama yang disediakan oleh pihak sekolah. Oleh itu, para pelajar secara tidak langsung boleh menumpukan perhatian terhadap pengajian al-Quran dengan semaksimum mungkin. Sungguhpun begitu, perkara yang berkaitan dengan proses pembersihan hati adalah sebaliknya kerana kedapatan para pelajar yang tidak mampu mempraktikkannya dengan sewajarnya. Ini jelas dengan pelbagai kes yang berkaitan dengan masalah akhlak sebagaimana yang dikemukakan dalam dapatan data borang kaji selidik 2015 dan masalah akhlak menerusi pemerhatian turut serta dalam Jadual 3.16.

**Kedua:** Janganlah seseorang pelajar itu belajar kecuali dari orang yang lengkap keahliannya, menonjol keagamaanya, nyata pengetahuannya dan terkenal kebersihan dirinya sebagaimana ungkapan yang dinyatakan oleh Muḥammad bin Sīrīn, Mālik bin Anas serta para ulama salaf iaitu:

هَذَا الْعِلْمُ دِينٌ فَانظُرُوا عَمَّنْ تَأْخُذُونَ دِينَكُمْ

“Ilmu ini adalah agama, maka lihatlah dari siapa kamu mengambil agama kamu”<sup>609</sup>.

Pada masa yang sama, seseorang pelajar itu perlu memuliakan gurunya dan meyakinkan kesempurnaan keahliannya dan keunggulannya dia atas golongannya<sup>610</sup> kerana perkara ini

<sup>608</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Īmān, Bāb Faḍl Man Istabraa li Dīnih*, no. hadith 52). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl. *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ* (Kaherah: al-Matba’ah al-Salafiyyah, 1979), 1:34.

<sup>609</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyan fī Ādāb Ḥamalah al-Qurān, taḥqīq*: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 46.

<sup>610</sup> Selain itu, al-Nawawī turut menyatakan bahawa seseorang pelajar itu perlu bersikap merendah hati terhadap gurunya dan bersikap sopan kepadanya meskipun guru itu lebih muda, kurang terkenal atau lebih

memudahkannya untuk mendapat manfaat daripada gurunya kerana sebahagian ulama<sup>611</sup> masa lalu (*al-Mutaqaddimīn*) ketika ingin belajar dengan gurunya, dia sedekahkan sesuatu seraya berdoa: “*Ya Allah, tutupilah keburukan guruku daripadaku dan jangan hilangkan keberkatan ilmunya daripadaku*”<sup>611</sup>.

Seterusnya al-Nawawī mengambil nasihat „Alī bin Abī Ṭālib r.a. yang menyatakan bahawa antara adab seseorang pelajar terhadap gurunya ialah pelajar tersebut perlu memberi salam kepada orang yang hadir secara umum dan mengkhususkan salam kepada gurunya sebagai suatu penghormatan, mengelakkan diri daripada memberi sebarang isyarat tangan atau mata ketika duduk di hadapan gurunya, mengelakkan diri daripada menyinggung perasaan gurunya dengan berkata: “*Si fulan berkata lain daripada yang engkau katakan*”, tidak mengumpat seseorang, tidak berbincang dengan kawan yang lain ketika dalam majlis gurunya, tidak memegang baju gurunya ketika gurunya ingin beredar, tidak mendesaknya bagi sesuatu perkara dan tidak merasa bosan lantaran begitu lama bergaul dengan gurunya<sup>612</sup>.

Realitinya berdasarkan pemerhatian turut serta yang dilakukan dan fenomena kini, para pelajar umumnya tidak mempunyai pilihan untuk memilih guru sebagaimana yang disarankan oleh al-Nawawī kerana pihak sekolah telah melantik seseorang guru bagi mengajar sesuatu matapelajaran yang ditetapkan. Seterusnya menerusi jadual 3.15, terdapat sejumlah pelajar yang gagal menghormati para guru dengan penghormatan yang selayaknya kerana terdapat kes melawan guru, mencuri telefon bimbit guru, mengumpat

---

rendah nasab dan keturunannya daripada pelajar tersebut. Lihat Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalāh al-Qurān, taḥqīq*: Bashīr bin „Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 42.

<sup>611</sup> *Ibid.*, 43.

<sup>612</sup> *Ibid.*, 44.

dan mencaci guru sesama pelajar menerusi telefon bimbit masing-masing dan merokok di hadapan guru.

**Ketiga:** Hendaklah seseorang pelajar masuk ke majlis gurunya dalam keadaan paling baik. Oleh itu, seseorang pelajar itu perlu bersuci menggunakan siwak dan mengosongkan hati daripada perkara-perkara yang menyibukkannya, meminta izin untuk memasuki sesuatu tempat yang memerlukan izin gurunya, memberi salam kepada para hadirin ketika masuk dan mengkhususkan gurunya dengan penghormatan tertentu serta memberi salam kepada gurunya dan kepada mereka yang hadir ketika ingin beredar pulang sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.<sup>613</sup>:

فَلَيْسَتْ الْأُولَى بِأَحَقَّ مِنَ الْآخِرَةِ

Maksudnya: “Bukanlah salam yang pertama itu lebih utama daripada yang kedua?”<sup>614</sup>.

Antara lain, seseorang pelajar itu perlu mengelakkan diri agar tidak melangkahi bahu orang lain, tetapi hendaklah dia duduk di belakang para hadirin kecuali jika gurunya mengizinkan bagi pelajar tersebut untuk maju atau para hadirin rela dengan perkara tersebut<sup>615</sup>.

Pada dasarnya, adab ini dapat dipraktikkan di lokasi kajian dengan berkesan kerana para pelajar lazimnya akan memasuki kelas pengajian terlebih dahulu sebelum guru kelas masing-masing mengikut waktu yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Manakala tempat

<sup>613</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qurān, taḥqīq*: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 45.

<sup>614</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī dalam *al-Adab al-Mufrad (Kitāb al-Salām wa al-Muṣāfahah, Bāb al-Taslīm Idhā Jā’ al-Majlis*, hadith no. 1007). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Adab al-Mufrad, taḥqīq*: Muḥammad Fuād Abd al-Bāqī (Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, 1989), 1:348; Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Adab, Bāb fī al-Salām Idhā Qām min al-Majlis*, hadith no.5210). Hadith ini dihukum *ḥasan ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash’ath, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.), 4:520.

<sup>615</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qurān, taḥqīq*: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 45.



duduk para pelajar pula adalah berbentuk empat segi yang dikosongkan di bahagian tengahnya. Oleh itu, para pelajar secara praktikalnya akan mempunyai tempat duduk masing-masing tanpa melibatkan isu perebutan tempat duduk.

**Keempat:** Hendaklah seseorang pelajar itu beradab terhadap kawan-kawannya dan para hadirin yang menghadiri majlis gurunya. Seseorang pelajar itu perlu duduk di hadapan guru dengan cara duduk sebagai seorang pelajar, bukan cara duduknya seorang guru dan dia perlu mengelakkan diri daripada menguatkan suaranya tanpa keperluan, ketawa, banyak bercakap tanpa keperluan, bermain-main dengan tangannya, memalingkan muka ke kanan atau ke kiri tanpa keperluan tetapi menghadap dan mendengar setiap perkataan gurunya.

Menerusi pemerhatian turut serta di lokasi kajian, kesemua adab keempat sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Nawawī ini dapat dipraktikkan dengan baik oleh kebanyakan para pelajar kerana para guru di lokasi kajian kebiasaannya akan menghukum para pelajar yang gagal mempraktikkan adab ini. Sungguhpun begitu menurut pengamatan pengkaji, para pelajar yang gagal mempraktikkan adab keempat ini adalah terdiri daripada pelajar yang tidak berminat untuk menceburi bidang hafazan al-Quran.

**Kelima:** Perkara lain yang perlu diperhatikan ialah seseorang pelajar tidak membaca al-Quran kepada guru dalam keadaan yang kurang sesuai seperti ketika hati gurunya sedang sibuk dan dilanda kejemuan, ketakutan, kesedihan, kegembiraan, kehausan, mengantuk, kegelisahan dan sebagainya yang dapat menghalang seseorang guru untuk mengajar dalam keadaan yang baik dan penuh penumpuan. Oleh itu, seseorang pelajar perlu memanfaatkan

waktu yang ada ketika gurunya dalam keadaan stabil. Selain itu, seseorang pelajar itu perlu bersabar dengan ketegasan dan keburukan akhlak gurunya.

Berdasarkan adab kelima ini, pengkaji tidak dapat memberikan sebarang penilaian yang sewajarnya kerana para guru di lokasi kajian tidak dapat tidak perlu hadir ke kelas masing-masing dan mengajar para pelajar kelasnya tanpa mengambil kira semua faktor yang dikemukakan oleh al-Nawawī ini kerana pihak sekolah menerusi yuran pengajian para pelajar telah membayar sejumlah wang sebagai elaun bagi khidmat perguruan mereka. Oleh itu pada pandangan pengkaji, adab ini hanya sesuai bagi para pelajar yang menuntut ilmu dengan para guru yang mengajar tanpa sebarang upah.

**Keenam:** Termasuk adab seseorang pelajar yang amat ditekankan ialah gemar dan tekun menuntut ilmu pada setiap waktu dan tidak puas dengan sedikit pelajarannya sedangkan dia mampu belajar lebih daripada itu tetapi janganlah seseorang pelajar itu memaksa dirinya melakukan sesuatu yang tidak mampu dilakukannya supaya tidak jemu dan hilang apa yang diperolehnya. Perkara ini berbeza sesuai dengan tahap kemampuan manusia dan keadaan mereka.

Bagi adab keenam ini berdasarkan pemerhatian turut serta di lokasi kajian, hanya para pelajar yang menunjukkan minat yang tinggi untuk menjadi *al-Ḥāfiẓ al-Qurān* yang mampu merealisasikannya dengan sebaik mungkin sebagaimana. Ini dapat dilihat dengan kesungguhan para pelajar tersebut yang mengaji al-Quran di luar waktu kelas seperti waktu sebelum subuh, waktu selepas asar dan waktu rehat yang lain.

**Ketujuh:** Hendaklah seseorang pelajar itu pergi kepada gurunya untuk belajar di pagi hari<sup>616</sup> sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لِأُمَّتِي فِي بُكُورِهَا

Maksudnya: “Ya Allah, berkatilah umatku pada waktu pagi hari”<sup>617</sup>.

Menerusi adab ketujuh ini, para pelajar secara praktikalnya dapat melakukannya dengan baik kerana pihak sekolah di lokasi kajian telah menetapkan bahawa waktu pengajian al-Quran adalah bermula selepas solat Subuh berjemaah.

Secara keseluruhannya bagi kesemua adab yang diketengahkan oleh al-Nawawī ini, para pelajar di lokasi kajian pada asasnya tidak didedahkan secara teori tentang adab seorang pelajar. Justeru, para responden di lokasi kajian tidak wajar dipersalahkan secara langsung tetapi mereka sepatutnya perlu diajar terlebih dahulu tentang adab-adab bagi seorang ahli al-Quran ini. Pada masa yang sama, seseorang guru tahfiz juga perlu menjaga adab sebagai seorang guru sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab Dua bagi menjamin keberkesanan terhdap pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar secara holistik.

### 3.4 MASALAH GURU DI LOKASI KAJIAN

Sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab Dua, guru mempunyai tanggungjawabnya yang tersendiri dalam memberi pendidikan akhlak terhadap para pelajar. Berdasarkan

---

<sup>616</sup> Selain itu, seseorang pelajar itu perlu memelihara bacaan hafalannya dan tidak mengutamakan orang lain pada waktu gilirannya kerana mengutamakan orang lain dalam perkara ibadah adalah makruh. Antara lain, seseorang pelajar itu perlu menahan diri daripada iri hati terhadap kawannya atau orang lain kerana keutamaan yang dianugerahkan Allah S.W.T. kepada orang tersebut dan janganlah pula seseorang pelajar itu membanggakan dirinya atas sesuatu keistimewaan yang Allah S.W.T. kurniakan kepadanya. Lihat al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalāh al-Qurān, taḥqīq*: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 49.

<sup>617</sup> Hadith riwayat Abū Dāwud (*Kitāb al-Jihād, Bāb fī al-Ibtikār fī al-Safar*, hadith no. 2608). Hadith ini dihukum *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ashʿath, *Sunan Abī Dāwud* (Beirut: Dār al-Kitāb al-ʿArabī, t.t.), 2:340.

pemerhatian pengkaji terutamanya ketika tinggal sebilik dengan beberapa orang rakan guru sejak September 2014 hingga Disember 2015, pengaplikasian adab sebagai seorang guru kurang diberi perhatian yang sewajarnya. Antara masalah yang paling ketara yang dikenalpasti menurut pandangan pengkaji ialah sebagaimana berikut:

**Pertama:** Mempamerkankan tingkah laku atau akhlak yang sewajarnya tidak dilihat oleh para pelajar seperti bermain *video game* ketika waktu rehat di dalam bilik guru dan pada masa yang sama para pelajar dibenarkan untuk memasuki bilik guru ini untuk urusan yang pelbagai seperti menghidangkan makanan untuk guru serta mengemaskannya kembali<sup>618</sup>, mengambil alatan sukan dan sebagainya. Terdapat juga kes seorang guru bermain *video game* dengan pelajar.

Secara dasarnya, setiap guru perlu menunjukkan akhlak yang terpuji kepada para pelajar sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Nawawī yang menyatakan tentang adab seorang guru antaranya adalah sebagaimana berikut:

“Hendaklah seseorang guru itu memiliki akhlak yang baik sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak di samping berkelakuan terpuji dengan bersifat zuhud terhadap dunia, tidak mepedulikan dunia dan ahlinya, pemurah dan dermawan, memperlihatkan wajah yang berseri-seri tanpa melampaui batas, penyantun, penyabar, sentiasa warak, khusuk, tenang, merendah diri, menghindari ketawa dan tidak banyak bergurau, melazimkan amalan-amalan yang dituntut oleh syariat Islam, menjauhi sifat-sifat tercela serta mempraktikkan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. tentang tasbih, tahlil dan seumpamanya daripada himpunan zikir serta doa di samping *murāqabah* dengan Allah S.W.T. dalam keadaan sunyi atau sebaliknya dan memeliharanya serta berserah kepada Allah S.W.T. bagi segala urusannya”<sup>619</sup>.

---

<sup>618</sup> Umumnya, pihak sekolah menyediakan makanan para guru di lokasi kajian dan para pelajar akan berkhidmat untuk menghidangkan makanan serta mengemaskan kembali hidangan tersebut. Ini adalah salah satu penerapan nilai murni yang ditetapkan oleh pihak sekolah agar para pelajar dapat memuliakan para guru.

<sup>619</sup> Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf al-Dīn, al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalah al-Qurān, taḥqīq: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 26-41.

Selain itu menurut Amīn al-Kurđī, antara adab seorang guru ialah dia perlu duduk dengan cara yang tenang dan penuh sabar tanpa banyak menoleh ke kiri dan ke kanan di samping mengelakkan dirinya daripada mengantuk atau tidur bersama-sama mereka, tidak meluncurkan kakinya di hadapan mereka, merendahkan suaranya, mengawal pandangan matanya dan menghindarkan diri daripada sifat-sifat tercela kerana segala perbuatan yang dilakukan oleh gurunya itu akan ditiru oleh para muridnya yang pada anggapan mereka adalah suatu perbuatan terpuji dan sangat patut untuk dicontohi<sup>620</sup>. Oleh itu, bermain *video game* bersama pelajar adalah salah satu perlakuan tidak sewajarnya berlaku dan perlu dielakkan kerana ianya boleh mengakibatkan para pelajar kurang menghormati guru tersebut<sup>621</sup>.

**Kedua:** Kedapatan sebahagian guru yang terlalu mengikut perasaan dan kurang menahan emosi sehingga berkelakuan tidak profesional seperti kes menampar pelajar dengan sewenang-wenangnya walaupun terhadap pelajar yang berumur lebih daripada 17 tahun<sup>622</sup>, kes merotan pelajar berumur 19 tahun<sup>623</sup> atas kesalahan duduk kurang sopan ketika wirid selepas solat Maghrib sehingga menyebabkannya menumbuk tingkap kaca kelas sebagai suatu tindakan protes terhadap guru tersebut<sup>624</sup> dan sebagainya. Bagi kes merotan pelajar yang berumur lebih daripada 17 tahun, perkara ini adalah suatu kebiasaan yang dilakukan

---

<sup>620</sup> Jahid Sidek, *Membentuk Jiwa Sufi Ajaran Tariqah Naqshabandiyah Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi* (Cheras: al-Falah Publications, 2009), 383.

<sup>621</sup> Al-Kurđī, Muḥammad Amīn, *Tanwīr al-Qulūb fī Mu‘āmalah ‘Allām al-Ghuyūb* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Alamiyyah, 1995), 578.

<sup>622</sup> Aduan daripada Arif, 20 tahun pada 2015 ketika ditampar oleh seorang guru atas masalah disiplin. Temubual dengan beliau pada 27hb. Disember 2016, jam antara 2,40 petang hingga 4.10 petang di Shah Alam, Selangor. Beliau antara bekas pelajar di lokasi kajian yang sering datang menziarahi pengkaji bagi meminta nasihat.

<sup>623</sup> Pelajar ini adalah antara pelajar yang kurang disenangi oleh para guru di lokasi kajian. Sungguhpun begitu hubungan beliau dengan pengkaji sehingga beliau berhenti daripada tahfiz di lokasi kajian adalah baik. Bahkan sebelum berhenti, beliau meminta agar pengkaji mendoakannya. Peristiwa ini berlaku pada 28hb. November 2015, jam 8.00 pagi.

<sup>624</sup> Temubual dengan warden yang merotan pelajar tersebut dalam mesyuarat guru pada 12hb. November 2015, jam 6.10 pagi.

oleh guru sekolah tahfiz terutamanya yang berasal daripada negara luar seperti Pakistan dan Bangladesh<sup>625</sup>.

Masalah kedua yang diketengahkan ini secara tidak langsung adalah menyalahi adab bagi seorang guru sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Ghazālī yang menyatakan bahawa antara adab bagi seorang guru ialah menegur kesilapan anak muridnya dengan kasih sayang dan bukannya dengan celaan bagi menjaga kewibawaan seseorang guru itu di samping mengelakkan seseorang anak murid itu daripada memberontak<sup>626</sup>. Adab ini juga turut dikemukakan oleh al-Nawawī yang menyatakan bahawa seseorang guru itu perlu menegur para pelajar yang kurang memberi perhatian dengan lemah-lembut agar pelajar itu tidak lari<sup>627</sup>. Justeru itu berdasarkan pandangan al-Ghazālī, al-Nawawī dan pemerhatian turut serta di lokasi kajian, jelas menyatakan bahawa didikan yang kasar terhadap para pelajar akan menjadikan para pelajar tersebut bertindak negatif.

**Ketiga:** Perihal seorang guru yang gemar menonton filem yang pelakonnya terdiri daripada perempuan seksi ketika berada di bilik guru di lokasi kajian dan perbuatan beliau ini tidak disenangi oleh guru yang lain. Perihal ini kemudiannya diadukan kepada pengkaji agar pengkaji dapat melakukan sesuatu<sup>628</sup>. Antara lain, pergaduhan antara seorang guru

---

<sup>625</sup> Berdasarkan pemerhatian pengkaji dan aduan daripada para pelajar. Antaranya ialah Khair, 20 tahun pada 2015 yang menyatakan keinginannya untuk berpindah ke kelas pengkaji lantaran tidak tahan dengan ketegasan guru kelasnya yang berasal daripada Pakistan. Temubual dengan beliau pada 30hb. September 2015, jam 2.45 petang. Antara lain ialah aduan daripada Azhar, 18 tahun pada 2015 yang menyatakan bahawa beliau merasa sakit hati sehingga tiada semangat untuk mengaji akibat dirotan oleh dua orang warden yang berasal daripada Bangladesh pada waktu yang berasingan iaitu dirotan kerana disangka bermain cawan ketika kelas malam dan mengaji al-Quran ketika wirid selepas solat Subuh berjemaah. Temubual dengan beliau pada 30hb. September 2015, jam 11.20 pagi.

<sup>626</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Iḥyā' Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.), 1:5: .

<sup>627</sup> Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Tibyan fī Adāb Ḥamalah al-Qurān, taḥqīq*: Bashīr bin Ayyūn (Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991), 39.

<sup>628</sup> Menurut informan, guru tersebut tidak wajar melihat filem tersebut kerana beliau adalah guru tahfiz. Temubual dengan beliau pada 14hb. April 2015, jam 10.00 pagi.

warganegara Bangladesh dan seorang guru warganegara Pakistan pada suatu malam dan perkara ini turut disaksikan oleh beberapa pelajar<sup>629</sup>. Akibatnya, hubungan antara keduanya menjadi dingin sehingga guru daripada Pakistan tersebut tidak menghadiri jamuan makan malam yang diadakan oleh para pelajar bagi kelas guru daripada Bangladesh tersebut<sup>630</sup>. Sebagai kebiasaannya, setiap guru di lokasi kajian akan turut serta dalam jamuan makan malam yang diadakan oleh para pelajar. Perkara ini adalah suatu aib yang secara tidak langsung akan menjadikan pelajar kurang menghormati guru tersebut.

Secara dasarnya sebagaimana yang dijelaskan oleh al-Ghazālī, para guru perlu memperbaiki diri sendiri dengan takwa sebelum menyuruh orang lain agar muridnya dapat mencontohi amalannya dan mengambil manfaat daripada percakapannya (ilmunya)<sup>631</sup>. Kenyataan ini turut dikemukakan oleh Sa,īd Ḥawwā yang menyatakan bahawa seseorang guru itu perlu mengamalkan ilmunya dan perbuatannya pula tidak bercanggah dengan ucapannya<sup>632</sup>. Ini adalah sebagaimana firman Allah S.W.T.:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣٠﴾ كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٣١﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya”.

(Surah al-Şaff, 61:2-3)

<sup>629</sup> Perkara ini disaksikan secara langsung oleh pengkaji pada 3hb. Ogos 2015, jam 8.30 malam.

<sup>630</sup> Jamuan ini adalah bagi meraikan seorang pelajar yang berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran pada 6hb. Ogos 2015.

<sup>631</sup> Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah, taḥqīq*: „Abd al-Ḥamīd Muḥammad Darwīsh (Beirut: Dār al-Şādir, 1998), 145-146; Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, *Bidāyah al-Hidāyah*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam (Pokok Sena: Khazanah Banjariah, 2012), 156-157.

<sup>632</sup> Sa,īd Ḥawwā, *al-Mustakhlash fī Tazkiyah al-Anfus* (Cairo: Dār al-Salām li al-Ṭabā,ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 1988), 20-23.

### 3.5 PENUTUP

Konklusinya, bab ini menyentuh beberapa perkara yang begitu sensitif sehingga pengkaji perlu untuk menyembunyikan nama sebenar bagi lokasi kajian. Sungguhpun gambaran zahir di lokasi kajian seperti agak bermasalah tetapi pada hakikatnya berdasarkan pengalaman pengkaji<sup>633</sup>, lokasi kajian atau seumpamanya adalah suatu tempat yang dapat memberi ketenangan berbanding sekolah biasa. Ini adalah sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

وَمَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ  
السَّكِينَةُ وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ

Maksudnya: “Dan tidaklah berkumpul sekumpulan manusia dalam salah sebuah rumah Allah (masjid)<sup>634</sup> untuk membaca kitab Allah (al-Quran) dan mempelajarinya antara mereka kecuali akan turun ke atas mereka ketenangan serta diliputi rahmat di samping dikerumuni para Malaikat dan Allah menyebutkan tentang mereka di hadapan para Malaikat yang berada dengan-Nya<sup>635</sup>.

Hal ini penting diketengahkan dalam kesimpulan bab ini agar tiada individu yang memandang negatif terhadap sekolah tahfiz di lokasi kajian ini atau seumpamanya. Pada masa yang sama, terdapat juga antara individu dalam kalangan para pelajar di lokasi kajian ini yang benar-benar ikhlas dalam mencari keredhaan dan keampunan Allah S.W.T..

<sup>633</sup> Bagi ahli Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah khususnya, pengamal mungkin akan mudah untuk mengaktifkan Wukūf Qalbī sebagaimana yang dirasai oleh pengkaji. Bahkan pada sesuatu ketika, Wukūf Qalbī ini akan teraktif sendiri berbeza dengan suasana di tempat lain. Bagi keterangan lanjut bagi perbincangan tentang Wukūf Qalbī ini, lihat Syed Hadzrullathfi Syed Omar & Che Zarrina Sa`ari (2011), “The Practice of Wuqūf Qalbi in the Naqshabandiyyah Khalidiyah Order and the Survey on its Practicoe in Malaysia” dalam *International Journal of Business and Social Science*, bil. 2, no. 4 (USA: Centre for Promoting Ideas, 2011), 92-97.

<sup>634</sup> Menurut al-Nawawi ketika menghuraikan maksud hadith ini, kalimah “*bayt Allāh*” juga boleh dirujuk kepada madrasah, *al-ribāṭ* atau seumpamanya. Lihat Al-Nawawī, Yahyā bin Sharaf al-Dīn, *al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj* (Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arābī, 1971), 17:22.

<sup>635</sup> Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Dhikr wa al-Du‘ā’ wa al-Tawbah wa al-Istighfār; Bāb Faḍl al-Ijtīmā’*, *alā Tilāwah al-Qurān wa alā al-Dhikr*, hadith no. 4867). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 13:212.



Perkara ini secara tidak langsung akan menanggukhan azab Allah S.W.T. sebagaimana firman:

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ وَأَنْتَ فِيهِمْ وَمَا كَانَ اللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿٣٣﴾

Maksudnya: “Dan Allah tidak sekali-kali akan menyiksa mereka, sedang engkau (wahai Muhammad) ada di antara mereka dan Allah tidak akan menyiksa mereka sedang mereka beristighfar (meminta ampun)”.

(Surah *al-Anfāl*, 8:33)

Selanjutnya, Bab Empat adalah kesinambungan bagi bab ini dalam menjelaskan tentang hasil keberkesanan dalam pengaplikasian Terapi Islam dan peranan guru dalam mengatasi masalah akhlak terhadap para pelajar di lokasi kajian. Justeru, pengkaji telah memilih tujuh orang subjek kajian bagi menerokai dengan lebih mendalam tentang masalah akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz kini. Empat daripadanya adalah antara para pelajar di lokasi kajian yang turut serta dalam menjawab borang kaji selidik sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab Tiga ini.

## **BAB 4: KEBERKESANAN PENGAPLIKASIAN TERAPI ISLAM DAN PERANAN GURU DI LOKASI KAJIAN**

### **4.0 PENGENALAN**

Bab ini melibatkan kaedah pelaksanaan dan dapatan data terhadap keberkesanan kombinasi antara Terapi Islam dan peranan guru dalam pengaplikasiannya terhadap para pelajar tahfiz di lokasi kajian. Dapatan data ini dibahagikan kepada umum dan khusus yang meliputi dapatan data bagi pelaksanaan Terapi Islam, dapatan data bagi pelaksanaan peranan guru dan dapatan data bagi subjek kajian. Dapatan data secara umum adalah merangkumi pemerhatian turut serta dan temubual antara pengkaji dan para subjek yang terdiri daripada para pelajar, para guru dan ibu bapa di lokasi kajian dengan menggunakan kaedah persampelan mudah<sup>636</sup> yang bertujuan untuk mengukuhkan hasil dapatan data yang diperolehi. Manakala dapatan data secara khusus pula hanya melibatkan tujuh orang subjek yang dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam bab ini. Empat daripada subjek ini adalah antara pelajar yang ikut serta dalam mengisi borang kaji selidik yang diedarkan pada April 2015 sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Tiga. Manakala tiga orang subjek yang lain dikecualikan kerana dua daripadanya adalah berumur 12 tahun dan seorang subjek yang selebihnya pula telah menarik diri daripada meneruskan pengajian di lokasi kajian sebelum pengedaran borang kaji selidik tersebut.

### **4.1 KAEDAH PELAKSANAAN TERAPI ISLAM TERHADAP SUBJEK KAJIAN**

Pada dasarnya sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab Satu, pengaplikasian bagi Terapi Islam di lokasi kajian adalah dilaksanakan secara berperingkat. Tempoh masa bagi pelaksanaan tersebut adalah bermula daripada September 2014 hingga Disember 2015.

---

<sup>636</sup> Menerusi persampelan ini, maklumat yang diperlukan untuk kajian ini boleh diambil daripada siapa sahaja tanpa menentukan sebarang syarat. Lihat Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009), 88.

#### 4.1.1 Pelaksanaan Terapi Tasawuf dan Terapi Iman

Bagi pelaksanaan Terapi Tasawuf dan Terapi Iman, kaedah yang digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada semua para pelajar yang merangkumi tujuh orang subjek di lokasi kajian sebagaimana yang dirangka dalam Bab Satu adalah menerusi tazkirah ringkas dan kelas tazkirah khas. Bagi tazkirah ringkas, jangka masa yang diperuntukkan adalah selama 5 hingga 10 minit yang dijalankan hanya pada tahun 2014 iaitu ketika pengkaji ditugaskan untuk menjadi warden kerana memandangkan terdapat kelapangan waktu antara 10 hingga 15 minit sementara menanti hidangan makanan dihidangkan oleh para pelajar yang bertugas mengikut kumpulan dan giliran masing-masing<sup>637</sup>. Setelah pengkaji meminta kebenaran kepada pihak sekolah agar dikecualikan daripada menjadi warden<sup>638</sup>, tazkirah ringkas ini tidak dapat dilaksanakan kerana menghormati masa warden yang bertugas. Manakala jangka masa yang diperuntukkan bagi kelas tazkirah khas pula adalah selama 45 minit hingga 1 jam. Kebiasaannya kelas tazkirah khas ini diadakan pada hari Jumaat, jam 9.30 malam sebagaimana yang dipersetujui oleh semua guru dalam mesyuarat yang diadakan pada awal Januari 2015<sup>639</sup>. Walaupun yang demikian, kelas tazkirah khas tersebut akan digantikan pada waktu lain sekiranya terdapat halangan pada waktu yang ditetapkan seperti para pelajar pulang ke rumah masing-masing pada hari Jumaat sempena cuti bulanan.

---

<sup>637</sup> Terdapat sembilan buah kumpulan yang terdiri daripada 12 hingga 15 orang pelajar dalam sesuatu masa. Manakala giliran setiap kumpulan adalah mengikut minggu. Tugas-tugas yang perlu dilakukan oleh setiap kumpulan ialah menghidangkan makanan, membersihkan surau, membersihkan koridor tingkat satu, membersihkan koridor tingkat dua, membersihkan halaman sekolah, membersihkan tandas tingkat satu, membersihkan tandas tingkat dua, membersihkan tandas luar dan kawasan kolah. Maklumat ini adalah berdasarkan pemerhatian turut serta pengkaji pada 2014-2015.

<sup>638</sup> Secara asasnya, semua guru yang tinggal di asrama perlu menjadi warden dan pengecualian hanya diberikan kepada guru yang tidak tinggal di asrama.

<sup>639</sup> Pada dasarnya, waktu yang diperuntukkan ini adalah waktu untuk kelas ulangan al-Quran.

Pengisian bagi kelas tazkirah pada dasarnya adalah dijalankan secara bebas. Sungguhpun begitu, kelas tazkirah ini dimulai dengan pendedahan kisah al-Dajjāl menurut hadith-hadith Rasulullah s.a.w.. Tujuan terpenting diawalkan kisah tentang al-Dajjāl ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Satu adalah bagi menarik perhatian para pendengar yang terdiri daripada semua kalangan para pelajar tahfiz di lokasi kajian kerana para pelajar kebiasaannya akan menumpukan sepenuh perhatian di samping menunjukkan minat yang mendalam ketika pendedahan kisah tentang al-Dajjāl. Oleh itu, berdasarkan pemerhatian turut serta di lokasi kajian, pengkaji telah berjaya menarik minat para pelajar untuk menghayati setiap intipati tazkirah yang diberikan kepada mereka.

Selain itu, Terapi Iman terutamanya yang melibatkan enam rukun Iman secara praktikalnya telah dilaksanakan oleh pihak sekolah di lokasi kajian menerusi silibus kelas Fardhu Ain sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Tiga<sup>640</sup>. Para pelajar kebiasaannya telah mendapat pendedahan awal tentang Tauhid sifat 20 dan rukun Iman yang lain. Justeru itu, pengkaji hanya perlu menekankan perbincangan yang kurang didedahkan kepada para pelajar di lokasi kajian iaitu perbincangan tentang al-Dajjāl, al-Mahdī dan selainnya di samping penekanan terhadap Terapi Tasawuf. Berikut adalah jadual kronologi pelaksanaan Terapi Tasawuf dan Terapi Iman yang dijalankan di lokasi kajian:

**Jadual 4.1: Kronologi Pelaksanaan Terapi Tasawuf dan Terapi Iman**

Tarikh	Pengisian	Klafisikasi Terapi Islam
20hb. September 2014	Pendedahan tentang <i>al-Dajjāl</i> dan perkara yang berkaitan dengannya.	Terapi Iman

<sup>640</sup> Lihat sub topik dalam Bab Tiga, 3.1.1.2 Pendidikan Fardhu Ain.

**Jadual 4.1: Sambungan**

22hb. September 2014	Pendedahan tentang kisah Ḥasan al-Baṣrī dan Rabi,ah al-Adawiyah dan secara ringkas iaitu sekitar 5 hingga 10 minit sementara menunggu hidangan makanan tengahari disediakan. Ketika ini, pengkaji adalah merupakan warden yang bertugas.	Terapi Tasawuf
27hb. September 2014	Pendedahan tentang kisah Sultan Muḥammad al-Fāṭih dan kaitannya dengan pembebasan Kota Konstantinopel buat kali kedua oleh al-Mahdī dan para tenteranya.	Terapi Iman
21hb. Oktober 2014	Pendedahan tentang kemunculan al-Mahdi di akhir zaman berdasarkan hadith-hadith yang berautoriti.	Terapi Iman
24hb. Oktober 2014	Sambungan pendedahan tentang al-Dajjāl di akhir zaman dan seterusnya disusuli dengan kisah Ibrāhīm al-Adham.	Terapi Iman dan Terapi Tasawuf
10hb. November 2014	Pendedahan ringkas tentang kisah Ḥabīb al-,Ajami selama 5 minit iaitu selepas selesai solat sunat Zohor dan sementara menunggu hidangan makanan tengahari disediakan. Ketika ini, pengkaji adalah warden yang bertugas.	Terapi Tasawuf
11hb. November 2014	Sambungan pendedahan ringkas tentang kisah Ḥabīb al-,Ajami selama 5 minit iaitu selepas selesai solat sunat Isyak dan sementara menunggu hidangan makanan malam disediakan. Ketika ini, pengkaji adalah warden yang bertugas.	Terapi Tasawuf
21hb. November 2014	Pendedahan ringkas tentang kisah Fuḍayl bin ,Iyād selama 5 minit iaitu selepas selesai solat sunat Isyak dan sementara menunggu hidangan makanan malam disediakan. Ketika ini, pengkaji adalah warden yang bertugas.	Terapi Tasawuf
11hb. Februari 2015, 9.30 malam.	Pendedahan tentang Tauhid Sifat 20 dan penerangan tentang ayat-ayat <i>Mutashābihāt</i> yang terdapat dalam al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. berdasarkan pandangan ulama“ ASWJ	Terapi Iman
10hb. April 2015	Pendedahan tentang <i>Ahl Sunnah wa al-Jama,ah</i> dan mazhab yang bermasalah dalam akidah Islam disusuli dengan kisah ,Umar bin Abd al-Azīz <sup>641</sup> . Kelas tazkirah ini dijalankan bermula jam 9.10 malam hingga 10.35 malam.	Terapi Iman

<sup>641</sup> Kisah ,Umar bin ,Abd al-Azīz ini adalah atas permintaan seorang pelajar.

**Jadual 4.1: Sambungan**

21hb. April 2015	Pendedahan tentang peristiwa akhir zaman sebelum munculnya al-Mahdī.	Terapi Iman
1hb. Mei 2015	Sambungan tentang tauhid sifat 20 dan pendedahan tentang peristiwa di <i>Maḥshar</i> .	Terapi Iman
8hb. Mei 2015	Pendedahan tentang telaga <i>al-Kawthar</i> .	Terapi Iman
23hb. Mei 2015	Pendedahan tentang kehancuran bumi dan nasihat agar tidak berputus asa daripada rahmat Allah.	Terapi Iman
31hb. Julai 2015, 9.45 malam.	Pendedahan tentang tipu daya dunia dan galakan untuk mengingati mati.	Terapi Tasawuf
14hb. Ogos 2015, 9.45 malam.	Pendedahan kisah Abū Yazīd al-Buṣṭāmī dan tazkirah khas tentang kewajiban mentaati ibu bapa bersempena kisah ketaatan Abū Yazīd al-Buṣṭāmī terhadap ibunya.	Terapi Tasawuf
8hb. September 2015, 9.30 malam.	Sambungan kisah Abū Yazīd al-Buṣṭāmī.	Terapi Tasawuf
2hb. Oktober 2015, 9.30 malam.	Sambungan kisah Abū Yazīd al-Buṣṭāmī.	Terapi Tasawuf
9hb. Oktober 2015, 9.30 malam.	Sambungan kisah Abū Yazīd al-Buṣṭāmī.	Terapi Tasawuf
14hb. Oktober 2015, 9.45 pagi <sup>642</sup> .	Ulangan kisah Rabi,ah al-Adawiyyah.	Terapi Tasawuf
16hb. Oktober 2015, 9.30 malam.	Ulangan kisah taubat Fuḍayl bin ,Iyād.	Terapi Tasawuf
28hb. Oktober 2015, 9.30 malam <sup>643</sup> .	Pendedahan tentang kepentingan memilih guru mursyid yang bersambung sanad sehingga Rasulullah s.a.w. dalam mendalami ilmu Hakikat dan ilmu Makrifat.	Terapi Tasawuf
6hb. November 2015, 9.30 malam.	Kisah taubat Bishr al-Ḥāfī dan pendedahan tentang alam <i>Barzakh</i> .	Terapi Tasawuf dan Terapi Iman

<sup>642</sup> Kelas tazkirah khas sempena cuti awal Muharram 1436 atas permintaan pihak sekolah.

<sup>643</sup> Hari ini adalah hari Rabu tetapi memandangkan pada hari Jumaat minggu ini pelajar akan bercuti, seorang pelajar telah meminta pengkaji agar dapat menggantikan kelas tazkirah pada hari ini.

#### Jadual 4.1: Sambungan

20hb. November 2015, 9.30 malam.	Sambungan tentang alam <i>Barzakh</i> dan pendedahan tentang azab Neraka di samping sambungan tentang kisah Bishr al-Hāfi.	Terapi Iman dan Terapi Tasawuf
---	--	--------------------------------

**Sumber:** Sesi Pelaksanaan Terapi Islam, 2014-2015

#### 4.1.2. Pelaksanaan Terapi Ibadah

Bagi pengaplikasian Terapi Ibadah berdasarkan pemerhatian turut serta di lokasi kajian, pihak sekolah telah memainkan peranan utama dalam memastikan semua pelajar mengikuti hampir kesemua Terapi Ibadah terutamanya yang melibatkan ibadah-ibadah fardhu sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Satu<sup>644</sup>. Sungguhpun begitu, penerapan Terapi Ibadah ini mempunyai kekurangannya yang tersendiri kerana para pelajar di lokasi kajian secara umumnya masih juga melakukan kesalahan yang melibatkan masalah akhlak sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Tiga<sup>645</sup>. Oleh itu, pengkaji telah mengenengahkan Terapi Ibadah yang lain sebagai tambahan terutamanya Terapi Niat sebagai salah satu kaedah untuk menampung kekurangan dalam Terapi Ibadah di lokasi kajian. Ini kerana pada dasarnya Terapi Niat adalah berkait rapat dengan keikhlasan seseorang dan keikhlasan ini pula perlu diusahakan menerusi Terapi Tasawuf.

Secara umumnya, ikhlas adalah salah satu daripada sifat terpuji (*maḥmūdah*) yang memerlukan proses mujahadah yang tinggi lantaran sifat ikhlas adalah sesuatu perkara yang berat untuk diterima oleh jiwa manusia kerana jiwa manusia tidak akan mendapat sesuatupun. Ini adalah berdasarkan pandangan Sahl bin „Abd Allāh sebagaimana yang

<sup>644</sup> Lihat Bab Satu dalam kajian ini, Jadual 1.6: Pengaplikasian Terapi Ibadah oleh Pihak Tahfiz di Lokasi Kajian.

<sup>645</sup> Lihat Bab Tiga dalam kajian ini, Jadual 3.16: Kes Salah Laku Akhlak dalam Kalangan Pelajar di Lokasi Kajian.

dinukilkan oleh al-Qushayri<sup>646</sup>. Bagi tujuan kajian ini, Terapi Niat adalah berkait rapat dengan peranan guru di lokasi kajian. Oleh itu, perbincangan lanjut tentang Terapi Niat ini akan dikemukakan dalam pelaksanaan kaedah pengajaran guru di lokasi kajian<sup>647</sup>.

Pada dasarnya, Terapi Niat adalah elemen utama bagi Terapi Ibadah dan dalam konteks kajian ini yang melibatkan sekolah tahfiz, para pelajar yang secara puratanya telah memperuntukkan sebahagian besar masa bagi pembacaan al-Quran iaitu lebih daripada 40 jam dalam seminggu sewajarnya berniat untuk mempelajari al-Quran adalah semata-mata kerana Allah S.W.T. dan bukannya kerana makhluk. Hal ini sekiranya diperhalusi dengan lebih mendalam dan teliti, para pelajar tahfiz yang mempelajari al-Quran kerana hal duniawi (berdasarkan kepentingan berkaitan makhluk) sama ada inginkan kemasyhuran dan sijil, takut dihukum oleh guru atau sebab yang lain akan terdedah dengan sifat *riyā'* dan syirik. Jelasnya hal ini kerana meninggalkan sesuatu amal ibadah kerana makhluk adalah *riyā'*, dan sebaliknya melakukan sesuatu amal ibadah kerana makhluk adalah termasuk dalam kategori syirik<sup>648</sup>. Berdasarkan dapatan data borang kaji selidik yang dikemukakan dalam Bab Tiga<sup>649</sup>, hanya 8 orang responden (8%) yang agak kerap membaca al-Quran ketika cuti sekolah. Jumlah ini secara tidak langsung telah menjelaskan bahawa majoriti para pelajar di lokasi kajian perlu kepada Terapi Niat.

Pada masa yang sama, pengkaji turut menumpukan kepada Terapi Ibadah yang berbentuk ibadah sunat seperti solat sunat *Istikhārah*, *Istighfār*, selawat, zikir dan sebagainya tetapi secara khususnya, terapi-terapi ini hanya diberikan kepada pelajar yang menyatakan hasrat

---

<sup>646</sup> Al-Qushayri, Abū al-Qāsim, *al-Risālah al-Qushayriyyah*, tahqiq: `Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan Maḥmūd bin al-Sharīf (Kaheerah: Maṭāba` Muassasah Dār al-Sha,b, 1989), 362.

<sup>647</sup> Lihat sub topik dalam bab ini, 4.2.1 Kaedah Pengajaran Guru Di Lokasi Kajian.

<sup>648</sup> Al-Qushayri, Abū al-Qāsim, *al-Risālah al-Qushayriyyah* 362.

<sup>649</sup> Lihat Jadual 3.14: Amalan-Amalan Spiritual/ Kerohanian Dalam Mendekatkan Diri Kepada Allah S.W.T..



untuk berubah menjadi positif atau mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Bagi tujuan pengambilan *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah, pelajar perlu melaksanakan solat sunat *Istikhārah* terlebih dahulu di samping mengamalkan terapi *Istighfār* sebanyak 100 kali dan terapi Selawat sekurang-kurangnya 300 kali sehari semalam selama 40 hari berturut-turut sebagai suatu penilaian khusus yang dirangka oleh pengkaji bagi menilai tahap kesungguhan dan kesanggupan mereka dalam mengamalkan sesuatu amalan ibadah sunat<sup>650</sup>.

Ibadah-ibadah sunat ini mempunyai kepentingan yang tersendiri di samping ibadah fardhu sebagaimana hadith berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ اللَّهَ قَالَ مَنْ عَادَى لِي وَلِيًّا فَقَدْ آذَنْتُهُ بِالْحَرْبِ وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطِيَنَّهُ وَلَعِنَ اسْتَعَادَى لِي لِأَعِيدَنَّهُ

Maksudnya: Abū Hurayrah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya Allah berfirman: “Sesiapa memusuhi kekasih-Ku, Aku akan mengistiharkan perang terhadapnya. Tidaklah seseorang hamba-Ku yang menghampiri kepada-Ku dengan sesuatu yang Aku sukai daripada amalan yang Aku fardhukan ke atasnya dan sentiasa hamba-Ku menghampirkan diri kepada-Ku dengan amalan-amalan sunat sehingga Aku menyintainya. Oleh itu, apabila Aku menyintainya, nescaya Aku adalah pendengarannya yang boleh dia mendengar dengannya, penglihatannya yang boleh dia melihat dengannya, tangannya yang boleh dia gunakan dengannya, kakinya yang boleh dia berjalan dengannya. Sekiranya dia meminta kepada-Ku, nescaya Aku kabulkan dan sekiranya dia memohon perlindungan kepada-Ku, nescaya Aku lindungi”<sup>651</sup>.

<sup>650</sup> Ini adalah berdasarkan pemerhatian turut serta terhadap sebahagian daripada ahli jemaah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah di bawah pimpinan Haji Johar bin Ahmad yang tidak mampu untuk *istiqāmah* dalam pengamalan zikir tarekat tersebut dan dua orang daripadanya adalah terdiri daripada pelajar tahfiz di Subang Jaya yang dibawa oleh pengkaji ketika pemerhatian turut serta secara tidak rasmi di sekolah tahfiz tersebut.

<sup>651</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Riqāq, Bāb al-Tawādu,,* hadith no. 6501). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā’īl, *al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (Kaherah: al-Maṭba’ah al-Salafiyyah, 1979), 4:192.

## 4.2 PELAKSANAAN PERANAN GURU DI LOKASI KAJIAN

Bagi pelaksanaan peranan guru di lokasi kajian, pengkaji memerlukan masa yang agak lama untuk mendekati dan mendapatkan kepercayaan para pelajar. Masa yang paling minimum untuk tujuan tersebut adalah selama lima bulan. Ketika proses pengaplikasian peranan guru ini dilaksanakan, pengkaji perlu mematuhi ciri-ciri guru yang ideal dengan semaksimum mungkin sebagaimana yang dibincangkan dalam Bab Dua. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, para pelajar di lokasi kajian didapati akan menilai seseorang guru itu terlebih dahulu dengan melihat reaksi guru tersebut ketika berhadapan dengan situasi yang kurang menyenangkan seperti kelakuan pelajar yang tidak mendengar arahan, malas untuk mengaji al-Quran, tidak menghantar tugas hafazan al-Quran, tidur dalam kelas dan sebagainya sama ada bertindak positif atau negatif. Penilaian ini penting agar para pelajar dapat mengenalpasti seseorang guru yang dapat dijadikan tempat untuk meluahkan perasaan terutamanya yang melibatkan masalah peribadi.

### 4.2.1 Kaedah Pengajaran Guru Di Lokasi Kajian

Umumnya, para guru di lokasi kajian ini menggunakan kaedah pengajaran berdasarkan pengalaman terdahulu sebagaimana ketika menjadi pelajar di sesebuah institusi tahfiz swasta. Mereka mencontohi kaedah guru tahfiz masing-masing yang kebiasaannya akan menggunakan rotan dan menganggap kaedah ini adalah suatu kaedah yang terbaik dan berkesan dalam melahirkan para *Hāfiz al-Qu'ran*<sup>652</sup>. Pandangan ini turut diakui secara bertulis oleh dua orang pelajar di lokasi kajian bagi menjawab soalan “*Apakah peranan*

---

<sup>652</sup> Pengalaman seumpama ini turut dialami oleh pengkaji ketika menuntut di sebuah tahfiz al-Quran di Hulu Langat pada tahun 1999 hingga 2005 dan di sebuah tahfiz di Klang selama dua minggu pada 2012.

*guru dalam mengatasi masalah akhlak kini*<sup>653</sup> dan jawapan yang diberikan adalah sebagaimana berikut<sup>654</sup>:

**Pertama:** *“Kebanyakan guru sekarang ini banyak menggunakan pengalaman mereka sendiri”*<sup>655</sup>.

**Kedua:** *“Guru haruslah mendidik dengan lemah lembut dan bukan mengikut pengalaman guru. Zaman ini remaja semakin manja belaka”*<sup>656</sup>.

Oleh itu, para guru tahfiz di lokasi kajian secara ironinya akan menggunakan rotan bagi menghukum para pelajar yang tidak dapat menghantar hafazan al-Quran di samping kesalahan melanggar undang-undang sekolah. Masalah yang timbul daripada penggunaan rotan ini ialah seseorang pelajar mungkin dirotan mengikut *mood* seseorang guru tersebut. Sekiranya *mood* guru itu baik, hukuman yang diberikan adalah berada dalam kawalan tetapi sebaliknya yang akan berlaku sekiranya *mood* guru tersebut tidak baik. Mungkin seseorang guru itu akan bertindak melampaui batas seperti merotan seseorang pelajar dengan sekuat hati sehingga perkara ini telah ditegur secara berhikmah oleh seorang bapa kepada salah seorang pelajar di lokasi kajian<sup>657</sup>. Pada masa yang lain bagi penggunaan rotan ini, seorang ayah kepada salah seorang kepada pelajar di lokasi kajian telah meminta budi bicara pihak sekolah agar anaknya tidak dididik dengan rotan tetapi menggunakan pendekatan yang lemah lembut kerana menurut beliau, pendekatan yang kasar akan menjadikan anaknya memberontak<sup>658</sup>.

Seterusnya, bagi mengenalpasti perspektif para pelajar di lokasi kajian tentang penggunaan rotan ini, pengkaji telah menemubual beberapa orang pelajar dengan mengemukakan

---

<sup>653</sup> Soalan ini diberikan pada pelajar pada 7hb. Disember 2015 secara bertulis.

<sup>654</sup> Tulisan asal tanpa sebarang perubahan dan penambahan atau pengurangan.

<sup>655</sup> Pendapat Danish, 14 tahun pada 7hb. Disember 2015.

<sup>656</sup> Pendapat Azhar, 18 tahun pada 7hb. Disember 2015.

<sup>657</sup> Teguran ini disampaikan dalam Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Kali Kedua di lokasi kajian pada 24hb. Mei 2015, jam antara 10.00 pagi hingga 1.00 petang. Ketika ini pengkaji berada di tempat kejadian setelah di minta oleh pihak sekolah agar dapat turut serta dalam mesyuarat ini.

<sup>658</sup> Temubual antara pengkaji dan informan (ayah kepada salah seorang pelajar di lokasi kajian) pada 26hb. Julai 2015, jam 6.10 petang di pejabat sekolah.

soalan berikut: “*Pada pendapat anda, mana yang lebih baik bagi seseorang guru antara mendidik dengan menggunakan rotan atau tidak?*”. Respon yang diberikan adalah lebih cenderung kepada “*tidak menggunakan rotan*” sebagaimana berikut:

**Pertama:** “*Kebanyakan pelajar-pelajar bila dirotan, tak puas hati. Bila pakai rotan, macam kasar. Niat mengaji lari sebab rotan*”<sup>659</sup>.

**Kedua:** “*Tak pakai sebab bila pakai rotan, kalau budak tak dengar, sama je. Boleh buat tension*”<sup>660</sup>.

**Ketiga:** “*Tak pakai rotan*”<sup>661</sup>.

Selain rotan, para guru di lokasi kajian juga kebiasaannya akan turut menggunakan kaedah yang tegas dan kasar agar para pelajar dapat mengikut arahan yang diberikan oleh guru tersebut dan takut untuk melakukan kesalahan. Realitinya, pendekatan tegas dan kasar ini membawa kesan yang amat negatif sebagaimana yang dibincangkan orang para sarjana Islam dalam Bab Dua<sup>662</sup>. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, terdapat beberapa pelajar yang telah mengadu kepada pengkaji tentang perkara ini. Antaranya ialah aduan daripada seorang pelajar menyatakan bahawa para pelajar di salah sebuah kelas di lokasi kajian sering mengumpat dan mengatakan sesuatu yang negatif terhadap guru kelas mereka sendiri kerana guru tersebut terlalu tegas dan agak kasar. Di samping itu, informan turut menyatakan kebimbangannya terhadap keberkatan ilmu para pelajar tersebut<sup>663</sup>. Memandangkan guru ini adalah merupakan salah seorang tenaga pengajar bagi kelas Fardhu Ain selain daripada guru tahfiz di lokasi kajian, pelajar yang pernah belajar dengan beliau dalam kelas Fardhu Ain tersebut turut mengadu kepada pengkaji tentang perihalnya di samping meminta pengkaji untuk menggantikannya sebagai guru Fardhu Ain<sup>664</sup>. Pada

---

<sup>659</sup> Temubual dengan Umar, 14 tahun pada 4hb. Disember 2015, jam 6.49 pagi.

<sup>660</sup> Temubual dengan Syazwan, 14 tahun pada 2hb. Disember 2015, jam 10.53 pagi.

<sup>661</sup> Temubual dengan Danish, 14 tahun pada 2hb. Disember 2015, jam 11.08 pagi.

<sup>662</sup> Lihat Bab Dua dalam kajian ini, sub topik 2.2: Adab Seorang Guru Menurut Sarjana Islam.

<sup>663</sup> Temubual dengan salah seorang pelajar di lokasi kajian pada 25hb. Mei 2015, jam 5.15 petang.

<sup>664</sup> Temubual dengan salah seorang pelajar di lokasi kajian yang berumur 13 tahun pada 27hb. Oktober 2014, jam 8.29 pagi, waktu kelas al-Quran. Beliau juga adalah salah seorang daripada pelajar dalam kelas pengkaji.

pengamatan pengkaji, guru ini tidak dapat mengawal emosi dengan baik dan sering kali bertindak mengikut perasaan.

#### **4.2.2 Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Guru di Lokasi Kajian**

Kaedah yang digunakan oleh para guru di lokasi kajian adalah amat berbeza dengan kaedah yang diaplikasikan oleh pengkaji dalam kajian ini. Ketika menjadi guru di lokasi kajian, pengkaji langsung tidak menggunakan rotan atau membawa rotan ke kelas sebagaimana kebiasaan para guru yang lain. Bagi pelajar yang tidak dapat menghantar hafazan al-Quran, pengkaji tidak mengambil sebarang tindakan walaupun secara ironinya sebagai tradisi di lokasi kajian, kegagalan dalam menghantar hafazan adalah salah satu kesalahan yang perlu diberi hukuman. Hal ini bagi pandangan pengkaji, tiada sebab yang nyata dan logik untuk menghukum para pelajar bagi kesalahan ini selain hanya sekadar untuk menakutkan para pelajar.

Pada masa yang sama, pengkaji juga ingin menerapkan Terapi Niat terhadap para pelajar terutamanya para pelajar di kelas pengkaji. Realitinya dalam perkara niat ini, para pelajar perlu diberikan peringatan agar sentiasa ikhlas dalam menuntut ilmu semata-mata kerana Allah S.W.T. dan bukannya kerana takutkan guru atau sebarang hukuman. Sungguhpun begitu, bagi mengatasi masalah pelajar yang tidak menghantar hafazan sama ada dengan sengaja atau tidak, pengkaji telah menyediakan satu contoh buku rekod hafazan untuk tempoh masa setahun yang mengandungi data bagi semua hafazan para pelajar sebelum mencadangkannya kepada pihak sekolah. Berikut adalah antara contoh penulisan bagi rekod hafazan bagi tempoh tiga hari bermula daripada 1hb. Januari 2015 hingga 3hb. Januari 2015 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4.2 berikut:

**Jadual 4.2: Contoh Penulisan Bagi Rekod Hafazan Pelajar**

<b>Bulan: Januari</b>			
<b>Hafazan Lama</b>	<b>Hafazan Mingguan</b>	<b>Hafazan Baru</b>	<b>H/B</b>
النباء - الغاشية	الفجر - الناس	الملك: 4-45	1
النباء - الغاشية	الفجر - الناس، الملك: 4-45	الملك: 46-59	2
النباء - الغاشية	الفجر - الناس، الملك: 4-59	الملك: 60-5، القلم: 4-48	3

**Sumber:** Cadangan Pengkaji dalam Pelaksanaan Peranan Guru 2015

Dalam buku rekod ini juga, pengkaji telah menyediakan suatu ruang khas untuk ditandatangani oleh para ibu bapa pelajar untuk setiap bulan. Justeru, ibu bapa pelajar di lokasi kajian akan mendapat maklumat tentang perkembangan hafazan anak masing-masing. Cadangan ini mendapat sokongan penuh daripada pihak sekolah. Pada masa yang sama, para ibu bapa secara tidak langsung dapat berkomunikasi dengan para guru kelas bagi mendapatkan maklumat tentang perkembangan semasa hafazan anak mereka.

Selain itu, pengkaji turut mengaplikasikan tujuh ciri guru ideal sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Dua. Bagi ciri pertama iaitu **menahan diri daripada marah**, pengkaji langsung tidak pernah memarahi para pelajar di lokasi kajian dan sentiasa bersikap tenang dalam setiap situasi. Ini adalah kerana menurut pengalaman pengkaji ketika menjadi guru tahfiz sebelum ini, hubungan antara pengkaji akan terjejas sekiranya pengkaji tidak dapat mengawal kemarahan<sup>665</sup>. Di samping itu, pengkaji sentiasa mengamalkan ciri kedua iaitu **menjadi pendengar yang baik** dan ciri ketiga iaitu **berkata-kata dengan nada yang baik**.

<sup>665</sup> Lihat sub topik 2.3.1: Pemerhatian Turut Serta di Maahad Tahfiz al-Ihsan, Subang Jaya Sebagai Uji Rintis.

Bagi ciri keempat iaitu **prihatin**, kaedah yang paling praktikal untuk menunjukkan keprihatinan pengkaji terhadap para pelajar ialah dengan memberikan peluang kepada para pelajar untuk meminjam telefon bimbit kepunyaan pengkaji bagi menghubungi ibu bapa atau penjaga masing-masing untuk sesuatu urusan tanpa mengenakan sebarang caj berbanding segelintir guru di lokasi kajian yang mengenakan caj RM 0.50 bagi setiap panggilan. Perkara ini menjadi lebih serius ketika telefon bimbit khas yang disediakan khas oleh pihak sekolah untuk kegunaan para pelajar telah hilang tanpa dapat dikesan. Sementara bagi contoh pengaplikasian ciri kelima iaitu **sentiasa memberi bimbingan dan motivasi**, kelas tazkirah yang dijalankan oleh pengkaji adalah salah satu daripada contoh tersebut kerana matlamat utama kelas tazkirah ini secara praktiknya adalah bertujuan untuk memotivasikan para pelajar agar menjadi insan yang bertaqwa.

Seterusnya bagi ciri keenam iaitu **menegur kesalahan pelajar dengan teguran yang baik**, pengkaji secara praktikalnya akan menegur secara berhikmah terhadap para pelajar yang bermasalah tanpa menunjukkan sebarang reaksi yang boleh memudaratkan pelajar tersebut. Manakala bagi pengaplikasian ciri ketujuh pula iaitu **berakhlak dengan akhlak yang baik**, pengkaji sedaya yang mampu sentiasa berusaha untuk mempamerkan akhlak yang terpuji sebagai suatu bentuk dakwah secara perbuatan. Pada hemat pengkaji, para pelajar kini ingin melihat secara langsung contoh akhlak yang baik sebagaimana kenyataan bertulis daripada beberapa orang pelajar ketika diajukan soalan berikut: “*Apakah peranan guru dalam mengatasi masalah akhlak kini?*”. Sebagai jawapan, terdapat segelintir pelajar yang menyatakan sebagaimana berikut:

**Pertama:** “Guru perlu memberikan banyak nasihat dan menunjukkan akhlak yang baik”<sup>666</sup>.

**Kedua:** “Guru perlu menunjukkan akhlak baik dan menjadi contoh dan teladan untuk semua pelajar tetapi kalau akhlak pelajar masih tidak baik rotan je!!!”<sup>667</sup>.

**Ketiga:** “Menggunakan cara Rasulullah s.a.w. mengajar”<sup>668</sup>.

**Keempat:** “Memberikan ceramah dan menunjukkan akhlak yang baik”<sup>669</sup>.

**Kelima:** “Menunjukkan akhlak yang baik dan tegas serta menggunakan sistem terbaik pd semua orang”<sup>670</sup>.

Berdasarkan komentar yang diberikan oleh para pelajar ini, jelas menunjukkan bahawa seseorang guru perlu memiliki akhlak yang baik. Oleh itu secara praktikalnya, para guru perlu memastikan segala gerak geri hariannya yang tidak sopan seperti tidur, makan dan sebagainya tidak dilihat oleh para pelajarnya agar kredibilitinya sebagai guru terpelihara<sup>671</sup>. Bagi contoh pengaplikasian ciri ketujuh di lokasi kajian, pengkaji kebiasaannya tidak menggunakan bilik air yang terdapat di bangunan sekolah kerana para guru dan para pelajar perlu berkongsi bilik air tersebut tetapi sebaliknya pengkaji telah menggunakan tandas dan bilik air yang terdapat di surau yang berdekatan dengan lokasi kajian dalam anggaran 50 meter. Pada masa yang sama, pihak sekolah turut melarang keras para pelajar daripada menggunakan bilik air dan tandas di surau tersebut<sup>672</sup>. Ketika pemerhatian ini dilakukan, pihak sekolah masih lagi tidak menyediakan bilik air khas untuk para guru. Antara kes serius yang berlaku akibat daripada pengkongsi bilik air ini di

---

<sup>666</sup> Jawapan daripada Danial, 14 tahun pada 7hb. Disember 2015 secara bertulis.

<sup>667</sup> Jawapan daripada Fitri, 15 tahun pada 8hb. Disember 2015 secara bertulis.

<sup>668</sup> Jawapan daripada Izzi, 13 tahun pada 7hb. Disember 2015 secara bertulis.

<sup>669</sup> Jawapan daripada Fawwaz, 12 tahun pada 8hb. Disember 2015 secara bertulis.

<sup>670</sup> Jawapan daripada Firdaus, 15 tahun pada 8hb. Disember 2015 secara bertulis.

<sup>671</sup> Ini adalah sebagaimana yang diketengahkan oleh al-Kurdī sebagai salah satu adab yang perlu dijaga oleh seorang guru. Lihat al-Kurdī, Muḥammad Amin, *Tanwīr al-Qulūb fī Mu,āmalah ,Allām al-Ghuyūb* (Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 1995), 578.

<sup>672</sup> Larangan ini adalah kerana pihak sekolah mendapat aduan daripada jemaah surau tersebut yang menyatakan bahawa bilik air dan surau kelihatan seperti tidak terurus.



lokasi kajian ialah kes seorang pelajar pelajar memarahi gurunya yang sedang mandi sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Tiga<sup>673</sup>.

Kesimpulannya bagi peranan guru yang dilaksanakan oleh pengkaji di lokasi kajian, hasil yang diperolehi daripadanya amat memberangsangkan. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan data yang diperolehi daripada tindak balas tujuh orang subjek kajian sebagaimana yang akan dikemukakan dalam bab ini. Secara umumnya, dapat dipastikan bahawa para pelajar berminat untuk mendekati pengkaji untuk meminta nasihat atau pendapat bagi sesuatu perkara di samping meluahkan sesuatu masalah yang berkaitan dengan dirinya. Sungguhpun begitu, pengkaji tidak menafikan bahawa seseorang guru itu perlu mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi sekiranya ingin mempraktikkan peranan guru ini.

#### **4.3 DAPATAN DATA DAN PERBINCANGAN PELAKSANAAN TERAPI ISLAM DAN PERANAN GURU TERHADAP SUBJEK KAJIAN**

Umumnya ketika pengaplikasian Terapi Islam dan peranan guru ini dilaksanakan di lokasi kajian, terdapat ramai pelajar telah berjumpa dengan pengkaji untuk bertanyakan tentang perbagai masalah yang dialami mereka. Pada masa yang sama, terdapat juga antara mereka yang tanpa diminta telah mengaku secara sukarela tentang dosa-dosa yang pernah dilakukan seperti berzina, mencuri, merokok, minum arak, mengambil dadah dan sebagainya. Realitinya, para pelajar yang bermasalah sukar untuk meluahkan masalah mereka terutamanya yang melibatkan masalah peribadi kepada seseorang individu yang lain kecuali kepada seseorang yang benar-benar boleh dipercayai. Justeru bagi tujuan kajian

---

<sup>673</sup> Lihat Bab Tiga dalam kajian ini, **Jadual 3.16: Kes Salah Laku Akhlak dalam Kalangan Pelajar di Lokasi Kajian.**

ini, pengkaji perlu menetapkan justifikasi tertentu dalam pemilihan subjek agar objektif kajian tercapai.

#### 4.3.1 Justifikasi Pemilihan subjek

Bagi pemilihan subjek dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan purposif (*purposive*) yang merupakan salah satu daripada bahagian persampelan “tak kebarangkalian” yang kebiasaannya digunakan untuk mengumpul data kualitatif. Kaedah persampelan purposif ini adalah sesuai untuk kajian yang sifatnya mendalam dan data-data yang terkumpul daripadanya adalah bersifat khusus kerana penemuannya juga bersifat khusus. Oleh itu, penemuan bagi kajian ini mempunyai kemampuan yang agak terhad untuk digeneralisasikan<sup>674</sup>. Dalam kaedah persampelan purposif ini, pengkaji perlu memilih beberapa unit sampel yang paling sesuai daripada keseluruhan pelajar di lokasi kajian dengan mengambil kira kriteria-kriteria berikut:

**Pertama:** Pengakuan yang dilakukan subjek adalah secara sukarela tanpa diminta oleh pengkaji terhadap salah laku akhlak yang pernah dilakukan.

**Kedua:** Subjek berminat untuk berubah menjadi baik.

**Ketiga:** Subjek pernah terlibat dengan masalah akhlak yang berat.

**Keempat:** Subjek berminat untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah.

**Kelima:** Subjek merupakan anak murid pengkaji.

---

<sup>674</sup> Lihat Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., hal. 88; W. Lawrence Neuman (2014), *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*, London: Pearson Education Limited, cet. 7, hal. 273-274.

Sungguhpun begitu, pengkaji hanya meletakkan syarat bahawa seseorang subjek perlu menepati sekurang-kurangnya tiga kriteria daripada keseluruhan kriteria sebagaimana yang dinyatakan. Bagi kriteria pertama iaitu: "*Pengakuan yang dilakukan subjek adalah secara sukarela tanpa diminta oleh pengkaji*" dan kriteria kedua iaitu: "*Subjek berminat untuk berubah menjadi baik*" adalah asas utama dalam pemilihan subjek kajian ini. Oleh itu, pengkaji hanya memilih pelajar yang sukarela datang kepada pengkaji untuk menyatakan sesuatu pengakuan tanpa diminta oleh pengkaji sebagai subjek kajian dan pengakuan ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa seseorang pelajar tersebut cenderung untuk berubah menjadi baik. Memandangkan kedua-dua kriteria ini mudah didapati dalam kalangan pelajar di lokasi kajian dan ramai daripada mereka adalah layak untuk menjadi sampel, pengkaji perlu mengurangkan bilangan subjek kajian bagi tujuan kajian ini. Oleh itu, pengkaji telah menambah tiga lagi kriteria yang lain iaitu: "*Subjek pernah terlibat dengan masalah akhlak yang berat*", "*Subjek berminat untuk mengambil bay,,ah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah*" dan "*Subjek merupakan anak murid pengkaji*".

Secara dasarnya, kriteria ketiga (*Subjek pernah terlibat dengan masalah akhlak yang berat*) dan kriteria keempat (*Subjek berminat untuk mengambil bay,,ah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah*) adalah melibatkan kes terpencil dan ini dapat mengurangkan saiz sampel. Sungguhpun begitu, kriteria ketiga adalah terikat dengan kriteria pertama iaitu subjek kajian perlu menyatakan pengakuan secara sukarela terhadap masalah akhlak yang berat iaitu zina, minum arak dan mencuri kepada pengkaji tanpa diminta oleh pengkaji. Manakala, kriteria kelima (*Subjek merupakan anak murid pengkaji*) adalah penting agar pengkaji boleh meneliti tingkah laku subjek kajian dengan lebih mendalam dan subjek kajian pula mudah untuk berinteraksi dengan pengkaji semaksimum mungkin.

Berdasarkan kelima-lima kriteria ini, jelas menyatakan bahawa pengaplikasian Terapi Islam dan peranan guru sebagaimana yang dilaksanakan mempunyai tindak balas yang positif terhadap para pelajar di lokasi kajian sebagaimana yang akan dikemukakan dalam sub topik seterusnya iaitu subjek kajian.

#### 4.3.2 Subjek Kajian

Setelah diteliti secara mendalam, pengkaji hanya memilih dan mengkhususkan tujuh orang subjek yang dianggap paling sesuai untuk dijadikan sampel bagi kajian ini. Saiz sampel yang kecil ini adalah praktikal bagi mendapatkan data dengan lebih mendalam kerana saiz sampel yang besar akan menjadikan sesuatu data menjadi lebih kompleks dan rumit untuk dihuraikan<sup>675</sup>. Menurut Marohaini, empat orang peserta kajian telah mencukupi untuk mendapatkan gambaran yang holistik dan bermakna sebagaimana kajian beliau yang melibatkan kajian kes secara kualitatif terhadap proses mengarang karangan Bahasa Melayu oleh para pelajar Tingkatan Empat di Sekolah Menengah Petaling Jaya<sup>676</sup>. Selain itu, Saratha Sithamparam turut memilih empat orang peserta bagi kajian beliau yang melibatkan tentang kajian kes tentang Etnografi kelas bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (ESL) dan kemudiannya menambahkan bilangan peserta tersebut sehingga menjadi lima orang peserta<sup>677</sup>. Sementara Sarah pula telah menyatakan bahawa lima hingga lapan orang sampel adalah mencukupi untuk memaksimumkan variasi sampel<sup>678</sup>.

---

<sup>675</sup> Sarah J. Tracy (2013), *Qualitative Research Methods*, United Kingdom: Wiley-Blackwell, hal. 138.

<sup>676</sup> Marohaini Yusoff, "Perlakuan dan proses menulis karangan pelajar tingkatan Empat di dalam bilik darjah: Suatu Kajian Kes" (tesis kedoktoran, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1996); Marohaini Yusoff, "Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif" dalam *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013), 47.

<sup>677</sup> Sithamparam, S., "Between worlds: An ethnographic case study of oa literature-based ESL class" (tesis kedoktoran, Syracuse: Syracuse University, 1997).

<sup>678</sup> Sarah J. Tracy (2013), *Qualitative Research Methods*, United Kingdom: Wiley-Blackwell, hal. 138.

Pada masa yang sama, pengkaji perlu menyembunyikan identiti bagi kesemua subjek yang terdiri daripada tujuh orang subjek agar mereka tidak dikenali bagi menjaga kerahsiaan mereka. Memandangkan lima daripada tujuh orang subjek ini berumur 18 tahun ke bawah pada 2015, adalah merupakan suatu kesalahan jika identiti mereka didedahkan tanpa persetujuan berpengetahuan ibu bapa atau penjaga masing-masing kerana menurut konteks perundangan semasa, individu yang berumur 18 tahun ke bawah ini adalah di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga<sup>679</sup>. Hal ini juga penting bagi mengelakkan sebarang risiko terhadap subjek sama ada merasa malu atau terancam untuk dimarahi oleh keluarga sekiranya informasi yang diberikan kepada pengkaji dapat diketahui oleh orang lain. Malahan pula, terdapat beberapa kes yang sensitif yang melibatkan dosa-dosa besar dilakukan oleh subjek seperti berzina, meminum arak, berjudi dan sebagainya sebagaimana dapatan data yang akan dikemukakan dalam bab ini. Justeru, adalah relevan untuk tidak mengemukakan identiti para subjek kajian dalam kajian ini dan untuk tujuan tersebut, pengkaji hanya menamakan para subjek dengan tertib bilangan iaitu subjek pertama, subjek kedua, subjek ketiga, subjek keempat, subjek kelima, subjek keenam dan subjek ketujuh.

#### **4.3.2.1 Subjek Pertama**

Subjek telah mula diterapkan dengan hafazan al-Quran di sebuah sekolah tahfiz di Klang seawal usia 7 tahun iaitu daripada darjah 1 hingga darjah 3 (umur ketika ini adalah dalam lingkungan 7 tahun hingga 9 tahun) sebelum memasuki Sekolah Rendah Kebangsaan pada tahun berikutnya iaitu ketika berumur 10 tahun. Kemudian pada tahun 2014 iaitu ketika subjek berumur 11 tahun, beliau memasuki pula ke sebuah sekolah tahfiz secara sepenuh masa selama beberapa bulan dan selanjutnya, beliau menyambung pengajian al-Quran di

---

<sup>679</sup> Norani Mohd. Salleh, "Etika dan Penyelidikan Kualitatif", *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013), 20.

lokasi kajian<sup>680</sup>. Antara masalah ahklak yang pernah dilakukan seawal usia 9 tahun akibat pengaruh negatif daripada rakan sebaya ialah mencuri<sup>681</sup>, merokok dan menipu<sup>682</sup>. Di samping itu, subjek turut mengaku bahawa beliau pernah diajak untuk mengambil dadah tetapi beliau menolaknya<sup>683</sup>. Perkara ini berkemungkinan besar adalah disebabkan oleh faktor pergaduhan dan perceraian kedua ibu bapanya pada tahun yang sama iaitu pada tahun 2013 sebagaimana yang dinyatakan oleh subjek<sup>684</sup>.

Sejak awal lagi subjek telah menyatakan kepada pengkaji bahawa beliau tidak berminat untuk menghafal al-Quran<sup>685</sup>. Perwatakan zahir beliau agak positif tetapi setelah hampir setahun pengkaji melakukan pemerhatian turut serta terhadap dirinya, watak beliau yang sebenar mulai dapat diketahui. Pada pengamatan pengkaji, beliau adalah seorang yang begitu sensitif dan kuat menyimpan dendam. Subjek juga merupakan seorang yang suka membazir serta mendesak seseorang untuk memenuhi permintaan beliau yang pelbagai dan kadang kalanya agak keterlaluan kerana ingin mendapatkan perhatian daripada keluarganya<sup>686</sup>. Sungguhpun begitu, subjek mempunyai keinginan untuk berubah menjadi seorang yang baik. Buktinya, subjek telah menggantikan kembali duit surau yang pernah dicurinya dan meminta maaf kepada tuan kedai yang pernah dizaliminya ketika berumur 9

---

<sup>680</sup> Temubual dengan subjek pada 19hb. Mei 2015, jam 3.32 petang.

<sup>681</sup> Antara yang dicuri subjek ialah mencuri duit tabung surau sebanyak RM 50, mencuri duit ibunya dan mencuri ikan emas secara berkumpulan sehingga mengakibatkan tuan kedai tersebut berusaha untuk mengejar mereka tetapi mengalami kemalangan. Temubual dengan subjek pertama pada 20hb. Februari 2015, jam antara 4.00 petang hingga 4.30 petang.

<sup>682</sup> Pengakuan sukarela daripada subjek tanpa diminta oleh pengkaji pada 20hb. Februari 2015, 4.00 petang, waktu kelas.

<sup>683</sup> Temubual dengan subjek pada 5hb. Ogos 2015, 4.00 petang, waktu kelas.

<sup>684</sup> Temubual dengan subjek pada 19hb. Mei 2015, jam 3.32 petang, waktu kelas.

<sup>685</sup> 23hb. September 2014, waktu kelas.

<sup>686</sup> Dalam seminggu, lebih dari sekali beliau meminta ibunya datang menghantar sesuatu sehingga ibunya tidak mampu untuk melayan karenah beliau. Contohnya, beliau kerap meminta ibunya menghantar makanan seperti nasi goreng, *Kentucky Fried Chicken* (KFC), dan sebagainya dalam tempoh terdekat di waktu persekolahan. Data ini diambil sebagaimana yang pengkaji dengar perbualan antara subjek dan ibunya menerusi telefon bimbit pengkaji.

tahun<sup>687</sup> di samping menyatakan hasrat untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah<sup>688</sup>.

Malangnya keinginan untuk berubah menjadi baik ini terbantut dengan masalah keluarga beliau yang agak kritikal di samping pengaruh negatif daripada kawan-kawan sekolah lama terutamanya ketika waktu cuti sekolah. Perkara ini disedari oleh pengkaji ketika subjek menyatakan hasratnya untuk berhenti sekolah pada akhir Julai 2015 setelah tamatnya cuti sekolah sempena Hari Raya Puasa (*,Īd al-Fitri*)<sup>689</sup>. Menurut subjek, ahli keluarga beliau seperti tidak mempedulikannya sehingga beliau menyatakan kepada pengkaji tentang hasratnya untuk mati<sup>690</sup>. Pada penelitian pengkaji, penyebab utama yang mengganggu jiwa subjek ialah kerana subjek merasakan bahawa ayah beliau tidak mempedulikannya lagi sebagaimana pengaduan subjek kepada pengkaji yang menyatakan bahawa beliau cemburu melihat kawan-kawannya di lokasi kajian diziarahi oleh ayah masing-masing<sup>691</sup>. Subjek juga turut menyatakan bahawa ayahnya berubah setelah kelahiran adik tirinya<sup>692</sup> kerana sebelum ini, subjek adalah merupakan anak bongsu daripada 9 orang adik beradik<sup>693</sup>.

Antara kes berat yang pernah berlaku setelah keinginan subjek untuk berhenti sekolah tidak diendahkan oleh keluarganya ialah penghantaran mesej yang agak biadap terhadap ibunya sendiri dengan menggunakan telefon bimbit kepunyaan pengkaji<sup>694</sup>. Impak daripada kes ini,

---

<sup>687</sup> Temubual dengan subjek pada 19hb. Mei 2015, jam 3.32 petang, waktu kelas.

<sup>688</sup> Temubual dengan subjek pada 11hb. Ogos 2015, jam 7.30 pagi, waktu kelas.

<sup>689</sup> Temubual dengan subjek pada 27hb. Julai 2015 sehingga 29hb. Julai 2015, waktu kelas.

<sup>690</sup> Temubual dengan subjek pada 30hb. Julai 2015, jam 11.30 pagi.

<sup>691</sup> Temubual dengan subjek pada 16hb. Jun 2015, jam 3.58 petang, waktu kelas.

<sup>692</sup> Temubual dengan subjek pada 3hb. Ogos 2015, jam 8.59 pagi, waktu rehat.

<sup>693</sup> Temubual dengan subjek pada 19hb. Mei 2015, jam 3.32 petang, waktu kelas. Pada pandangan pengkaji, mungkin sebelum kelahiran adik tirinya, ayah subjek lebih menyayangi beliau yang merupakan anak bongsu berbanding adik beradiknya yang lain.

<sup>694</sup> Dalam mesej ini, subjek menulis perkataan bodoh dan bangang yang ditujukan terhadap ibunya yang dihantar pada 8hb. September 2015.

kakak sulung beliau telah menghantar mesej menerusi aplikasi “WhatsApp” kepada pengkaji sebagai suatu kritikan yang tidak wajar<sup>695</sup>. Berikut adalah tulisan daripada mesej tersebut<sup>696</sup>:

*“Salamun alaik  
ustaz saya nur ... [beliau sebut nama] kakak kepada ...[nama subjek]  
ni sy nk tyr [tanya] sekolah x de [tiada] undang2 ke yang mendisiplin  
kan murid...  
ustaz tgg [tengok] ape adik sy [saya] hantar pada ibu saya melalui hp  
[handphone] ustaz  
seorg [seorang] bdk [budak] tahfiz terdidik mcm [macam] ni ke?...  
sy x [tidak] salahkn 100% sikap pelajar pada guru2 cuma  
Tujuan kami hantar ke asrama utk dia belajar berdikari & tarbiah diri  
dia...  
mohon ustaz tolong memberi kerjasama...  
mcm mana nk [nak] disiplinkan & tarbiyyah murid kalo [kalau] mudah  
guru2 bg [bagi] keizinan pakai hp mcm [macam] ni atas2 sbb [sebab] yg  
x penting...”*

Bagi menjawab kritikan ini, pengkaji selanjutnya membalas mesej dengan menulis: “Budak lain ok je pun”<sup>697</sup>. Sebaik sahaja menerima jawapan ini, kakak subjek mula meluahkan perasaan tentang masalah yang berlaku dalam keluarganya semenjak penceraian kedua ibu bapanya dan beliau terpaksa menggalas tanggungjawab sebagai anak sulung. Menurut beliau, beliau terpaksa menjadi orang tengah antara ibu dan ayahnya untuk menyampaikan sesuatu maklumat kerana kedua-duanya tidak mahu berbicara secara langsung sebelum melarang pengkaji daripada membenarkan subjek meminjam telefon bimbit kepunyaan pengkaji<sup>698</sup>.

---

<sup>695</sup> Mesej dihantar pada 8hb. September 2015, jam 10.54 pagi.

<sup>696</sup> Tulisan ini adalah tulisan yang asal tanpa penambahan atau pengurangan kecuali nama subjek dan kakaknya yang tidak disebutkan. Tulisan dalam kurungan “[...]” adalah penambahbaikan daripada pengkaji agar tulisan ini dapat difahami dengan baik.

<sup>697</sup> Mesej balas ini dihantar pada 12hb. September 2015, jam 10.00 malam.

<sup>698</sup> Semua luahan ini disampaikan menerusi mesej pada 12hb. September 2015, jam 10.00 malam. Dalam perkara ini, kakak subjek tidak mengetahui situasi sebenar yang berlaku terutamanya tentang peminjaman telefon bimbit ini. Realitinya, pengkaji telah sedaya yang mampu menghalang subjek daripada terus menerus menghubungi ibunya sehingga pengkaji terpaksa meninggalkan telefon bimbit di dalam bilik guru. Sungguhpun begitu, subjek terus menerus mendesak pengkaji sehingga permintaannya ditunaikan.



Sungguhpun begitu, sepanjang pemerhatian ini dilakukan, ibu subjek telah memberikan kepercayaan penuh kepada pengkaji sehingga pernah satu ketika beliau (ibu subjek) menambahkan wang sejumlah RM20 ke nombor telefon bimbit pengkaji kerana perihal subjek yang kerap menggunakan telefon bimbit kepunyaan pengkaji<sup>699</sup>. Selain itu, ibu subjek turut memberikan kebenaran kepada pengkaji untuk membawa subjek keluar daripada kawasan sekolah sebagai suatu usaha untuk memotivasikan beliau agar terus belajar di lokasi kajian. Akhirnya, akibat tekanan daripada keluarga beliau, subjek telah melarikan diri daripada sekolah pada 11hb. Oktober 2015 bersama dengan dua orang lagi kawannya sebelum berhenti sekolah. Salah seorang daripada kawannya itu mempunyai masalah dadah<sup>700</sup>. Sebelum melarikan diri, subjek sempat meminta maaf kepada pengkaji atas kesalahan yang pernah beliau lakukan<sup>701</sup>. Sebaik sahaja mendapat maklumat daripada seorang pelajar tentang subjek yang melarikan diri daripada sekolah<sup>702</sup>, pengkaji segera memaklukkannya kepada ibu subjek<sup>703</sup>. Ibu subjek kemudiannya hadir ke sekolah untuk mengetahui lebih lanjut tentang subjek kerana menurut ibunya, subjek sebelum melarikan diri telah menunjukkan reaksi yang positif tanpa sebarang karenah. Dalam isu ini, pengkaji menyatakan kepada ibu subjek bahawa pengkaji tidak dapat membantu untuk menghalang subjek bagi sebarang tindakan di luar kawalan kerana beliau telah berpindah ke kelas ustaz lain. Seterusnya ibunya telah meluahkan masalah yang dihadapi oleh beliau terutamanya masalah suaminya yang mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang ayah. Ibunya turut menyatakan bahawa beliau mengetahui tentang kawan-kawan subjek yang mempunyai kes polis. Justeru, beliau kesal kerana suaminya tidak mahu mengambil subjek

---

<sup>699</sup> Pengkaji menerima penambahan kredit ini pada 11hb. Ogos 2015, jam 10.39 pagi.

<sup>700</sup> Masalah ini (menghisap gam atau seumpamanya) adalah pengakuan daripada beliau sendiri yang berumur 14 tahun pada 2015. Temubual dengannya pada 9hb. Oktober 2015, jam 10.00 pagi, waktu kelas.

<sup>701</sup> Peristiwa ini berlaku pada 11hb. Oktober 2015, jam 11.00 malam.

<sup>702</sup> Temubual dengan informan yang merupakan seorang pelajar di kelas pengkaji pada 12hb. Oktober 2015, jam 6.30 pagi.

<sup>703</sup> Makluman ini diberikan pada 12hb. Oktober 2015, jam 7.05 pagi.

untuk tinggal bersamanya kerana kawasan perumahan suaminya bebas daripada pengaruh negatif kawan-kawan subjek.

Pada pemerhatian pengkaji, ayah dan ibu subjek adalah tinggal berjauhan. Ayah subjek tinggal di tempat baru dengan isteri yang lain manakala subjek masih lagi tinggal di rumah ibu kandungnya di Klang. Antara lain, ibu subjek turut menceritakan tentang perihal kakak-kakak dan abang subjek yang suka menggunakan pendekatan kasar dan paksaan terhadap subjek tanpa mengambil kira perasaan subjek. Selain itu, ibunya juga tidak dapat menahan sebak ketika menyatakan permintaan subjek untuk memiliki seorang ayah tiri<sup>704</sup>. Kronologi peristiwa yang berlaku antara pengkaji dan subjek pertama secara terperinci dapat dilihat pada Jadual 4.3 yang berikut:

**Jadual 4.3: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Pertama**

Tarikh	Peristiwa
5hb. September 2014	Pengkaji mula mengajar subjek di lokasi kajian.
23hb. September 2014	Beliau menyatakan bahawa beliau tidak berminat belajar al-Quran.
20hb. Februari 2015, 4.00 petang, waktu kelas.	Subjek mengaku pernah mencuri duit tabung surau dengan kawan. Kaedah yang digunakan ialah dengan menggunakan lidi yang dibalut dengan gula-gula getah yang dikunyah terlebih dahulu. Selain itu, beliau juga pernah mencuri ikan emas di kedai yang menjual ikan-ikan hidup bersama beberapa kawan-kawannya. Antara lain, beliau mengaku pernah menipu dan merokok.
22hb. Februari 2015, 4.35 petang.	Subjek berjumpa pengkaji untuk meminta maaf kerana tidur dalam kelas.
19hb. Mei 2015, 3.32 petang, waktu kelas.	Subjek menyatakan bahawa beliau telah mengganti duit tabung surau yang pernah dicurinya dengan memasukkan kembali jumlah duit yang dicurinya ke dalam tabung tersebut. Selain itu, subjek juga telah meminta maaf dengan seorang tuan kedai yang pernah dizaliminya ketika waktu <i>outing</i> dalam bulan April 2015.

<sup>704</sup> Peristiwa ini berlaku pada 12hb. Oktober 2015, jam 8.00 hingga 8.30 pagi.

### Jadual 4.3: Sambungan

20hb. Mei 2015, 3.15 pagi, waktu kelas.	Menceritakan bahawa terdapat murid-murid darjah 6 yang merokok ketika beliau belajar di sekolah rendah.
13hb. Jun 2015, 7.10 pagi, waktu kelas.	Subjek mengaku sewaktu cuti pertengahan tahun iaitu pada 28hb. Mei 2015 sehingga 10hb. Jun 2015 pernah melakukan cubaan mencuri duit tabung masjid secara perseorangan. Dengan menggunakan kaedah yang pernah dipraktikkan sebelum ini, beliau berjaya mengeluarkan RM 25 dari tabung tersebut tetapi timbul rasa takut dalam dirinya. Akhirnya setelah membuat pertimbangan akal, beliau memasukkan kembali duit tersebut dan menambah lagi RM 10 dari duitnya sendiri sebagai sedekah kerana takut ibu bapa beliau akan menanggung dosa.
16hb. Jun 2015, 3.58 petang, waktu kelas.	Menyatakan beliau cemburu melihat sahabat-sahabatnya yang diziarah oleh ayah mereka.
30hb. Jun 2015, 3.00 petang.	Pengkaji membawa subjek dan kawannya yang sebaya keluar ke Shah Alam dengan menaiki kereta. Ini atas permintaan subjek yang menyatakan hasratnya untuk ikut pengkaji bersiar-siar di luar kawasan sekolah.
10hb. Julai 2015, 8.30 malam.	Walaupun sekolah akan bercuti keesokan harinya, subjek dan dua orang rakannya tetap mendesak pengkaji untuk bersahur di rumah pengkaji. Pelbagai alasan pengkaji untuk menolak permintaan ketiga-tiga pelajar ini tidak diendahkan. Oleh itu bagi tujuan pengumpulan data, pengkaji tunaikan hasrat mereka. Sewaktu dalam perjalanan pulang ke rumah pengkaji, subjek menceritakan tentang perihal abangnya yang berumur 17 tahun pada 2015 yang tidak mengambil Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) tetapi terus bekerja. Menurut subjek, abangnya itu pernah masuk sekolah tahfiz sebelum ini dan berhenti dari sekolah tersebut setelah berjaya menghafaz 12 juzuk al-Quran.
27hb. Julai 2015 hingga 29hb. Julai 2015.	Subjek mengadu kepada pengkaji tentang hasratnya untuk berhenti sekolah dan mendesak pengkaji agar berbincang dengan penjaga beliau.
30hb. Julai 2015, 11.30 pagi	Mengaku pernah merokok ketika waktu cuti sekolah antara 12hb. Julai 2015 hingga 26hb. Julai 2015. Beliau juga menyatakan hasratnya untuk mati kerana terasa diabaikan oleh keluarga.
31hb. Julai 2015, 10.45 malam.	Meluahkan kehampaan beliau ketika bertemu dengan ibu dan kakaknya petang tadi kerana hasrat beliau untuk berhenti tidak diendahkan. Antara ungkapan yang beliau katakan kepada ibu dan kakaknya setelah permohonan beliau ditolak ialah " <i>kalau macam tu lebih baik aku mati</i> " dan

### Jadual 4.3: Sambungan

	dibalas oleh kakak beliau, “ <i>nak mati, matilah</i> ”. Setelah meluahkan perasaan beliau, subjek kemudiannya meminta pengkaji untuk menghantar beliau ke terminal bas kerana beliau ingin pulang ke kampung di Terengganu atau Johor.
1hb. Ogos 2015, 8.05 pagi.	Subjek meminta pengkaji agar boleh membantu beliau untuk membeli tiket bas ke Johor. Pengkaji cuba memberi alasan yang munasabah agar beliau bersabar.
3hb. Ogos 2015, 8.59 pagi, waktu rehat.	Subjek mendesak pengkaji agar membelikan beliau tiket bas pada keesokan harinya. Menurut subjek, kakaknya telah mencabar beliau untuk pulang ke kampung. Menurut subjek lagi, ayah beliau seperti telah mengabaikannya setelah kelahiran adik tirinya. Subjek merupakan anak bongsu hasil perkahwinan ibu dan ayah beliau sebelum ayahnya berkahwin lain.
5hb. Ogos 2015, 7.00 pagi hingga 8.30 pagi.	Subjek terus menerus mendesak pengkaji agar membelikan tiket bas.
5hb. Ogos 2015, 4.00 petang, waktu kelas	Subjek menceritakan pengalaman beliau menghisap rokok elektrik dan pernah dipelawa untuk mengambil dadah ketika berumur 9 tahun tetapi beliau menolaknya. Beliau juga menceritakan tentang perihal sepupu perempuannya yang pernah merokok.
7hb. Ogos 2015, 10.00 pagi, waktu kelas.	Menyatakan tentang perasaannya yang tidak berpuas hati dengan pengkaji kerana selalu membawa subjek kelima keluar daripada kawasan sekolah. Beliau ingin menjadi pelajar yang paling kerap keluar dengan pengkaji.
8hb. Ogos 2015, 3.30 petang, waktu rehat.	Pengkaji membawa subjek pulang ke rumah abang pengkaji di Sungai Udang, Klang untuk menenangkannya daripada melakukan perkara yang tidak sewajarnya seperti lari sekolah atau seumpamanya sebelum menghantar kembali beliau ke rumahnya.
10hb. Ogos 2015, 7.00 pagi hingga 8.30 pagi, waktu kelas.	Subjek menceritakan tentang pengalaman beliau mendapat keris kecil berwarna merah setelah bermimpi berjumpa dengan seorang datuk yang menyerahkan keris tersebut. Menurut beliau, keris tersebut pernah membantu beliau (berlaku tanpa disedari) dengan melukakan beberapa orang pelajar yang mengepung dan ingin membalas dendam terhadapnya kerana pernah melukakan salah seorang dari mereka dengan menggunakan parang. Selain itu, beliau turut mengaku telah mencuri dua katak plastik yang dijadikan umpan untuk menangkap ikan yang berharga RM 14 semalam waktu <i>outing</i> dan seterusnya bertanya kepada pengkaji tentang perkara yang harus beliau lakukan. Subjek

### Jadual 4.3: Sambungan

	juga menyatakan tentang hasratnya untuk pergi ke Johor dengan menaiki bas hampir tercapai semalam tetapi berjaya dihalang oleh kakaknya yang tersempak dengan beliau di terminal bas.
11hb. Ogos 2015, 7.30 pagi.	Subjek menyatakan hasrat untuk ambil <i>bay,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Pengkaji menyatakan bahawa beliau perlu baligh terlebih dahulu di samping melakukan solat sunat <i>Istikharah</i> untuk meminta pertunjuk daripada Allah S.W.T. Beliau bertanya: “Kalau dah dapat pertunjuk, boleh masuk?”
11hb. Ogos 2015, 12.00 tengahari.	Pengkaji membawa subjek bersama seorang lagi rakannya <sup>705</sup> ke Universiti Malaya. Subjek menyatakan hasrat sekali lagi untuk mengambil <i>bay,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah ketika dalam perjalanan.
12hb. Ogos 2015, 10.15 pagi, waktu kelas <sup>706</sup> .	Subjek meluahkan perasaan beliau untuk bekerja seperti seorang kawannya yang berumur 10 tahun sudah bekerja. Beliau menegaskan lagi kepada pengkaji tentang dirinya yang tiada minat untuk belajar.
12hb. Ogos 2015, 3.18 petang, waktu kelas.	Menyatakan kegembiraan beliau setelah berjaya menghabiskan 50 kali pusingan tasbih mengikut cara zikir Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah tetapi bukan zikir <i>Allah, Allah</i> . <sup>707</sup> Beliau hanya bertasbih, bertahmid dan bertakbir.
12hb. Ogos 2015, 4.00 petang, waktu kelas.	Subjek mengaku merokok ketika hari Ahad lepas ketika berada di rumah beliau iaitu pada 9hb. Ogos 2015.
12hb. Ogos 2015, 8.15 malam, waktu kelas mengulangkaji.	Subjek tidak masuk kelas mengulangkaji. Beliau berjumpa dengan pengkaji agar membawa beliau menghadiri majlis zikir tawajjuh di Klang pada keesokan harinya. Beliau terus memujuk pengkaji sampai habis kelas tersebut iaitu dalam jam 8.45 malam. Selepas solat Isyak, usaha untuk memujuk pengkaji diteruskan sehingga jam 10.15 malam.
13hb. Ogos 2015	Subjek meneruskan usahanya untuk memujuk pengkaji bagi membenarkan beliau menghadiri majlis zikir <i>Tawajjuh</i> pada malam ini. Dalam hal ini, pengkaji telah menggunakan helah iaitu subjek hanya boleh mengikut pengkaji dengan syarat subjek kelima turut serta <sup>708</sup> .

<sup>705</sup> Rakannya ini adalah merupakan subjek kedua bagi kajian ini.

<sup>706</sup> Pada tarikh ini (12hb. Ogos 2015) dari pagi ke petang ketika waktu kelas, subjek terus menerus meluahkan hasratnya untuk berhenti sekolah dan bekerja.

<sup>707</sup> Memusingkan tasbih secara laju.

<sup>708</sup> Pada ketika ini, subjek kelima tidak dapat menghadiri majlis tawajjuh kerana ingin memantapkan hafazan al-Quran.

### Jadual 4.3: Sambungan

14hb. Ogos 2015, waktu kelas selepas Subuh sehingga jam 8.30 pagi.	Subjek merajuk dengan pengkaji dan tidak mengendahkan pengkaji <sup>709</sup> . Terdapat antara kawan-kawan beliau yang menyampaikan tentang ucapan beliau. Beliau telah mengatakan bahawa pengkaji adalah seorang yang munafik. Beliau hanya datang minta maaf pada pengkaji pada waktu kelas petang.
17hb. Ogos 2015, 10.30 pagi, waktu kelas.	Subjek menyatakan bahawa beliau ingin membeli rokok elektrik secara <i>online</i> . Seterusnya subjek bertanya kepada pengkaji sama ada pengkaji tahu cara untuk menempah barang secara <i>online</i> . Ketika ini, subjek turut mengaku pernah menghisap rokok elektrik ketika cuti sekolah.
18hb. Ogos 2015, 3.30 petang, waktu kelas.	Subjek meluahkan perasaan untuk mengambil <i>bay,,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Pengkaji berkata kepada beliau: “ <i>budak-budak kecil nanti asyik main</i> ”. Beliau membalas: “ <i>tak</i> ”.
22hb. Ogos 2015	Pengkaji membawa subjek pulang ke rumah pengkaji di Shah Alam setelah beliau terus menerus memujuk pengkaji tanpa henti sehingga pengkaji menyatakan kesanggupan untuk memenuhi permintaanya.
1hb. September 2015, 3.00 petang, waktu kelas	Subjek mengaku bahawa beliau lari daripada rumah dengan bersembunyi di rumah salah seorang rakannya ketika cuti sekolah. Namun, subjek akhirnya dijumpai oleh abangnya ketika beliau pergi ke sebuah kedai. Subjek turut mengaku telah merokok ketika cuti sekolah di samping telah mencari pekerjaan yang sesuai dengan dirinya.
7hb. September 2015, 3.00 petang, waktu kelas.	Subjek meminta pengkaji menghantar beliau ke stesen bas yang berhampiran bagi membolehkan beliau pergi ke rumah datuknya di Johor. Pengkaji memujuk subjek agar memberhentikan niat beliau. Selain itu, subjek pada hari ini telah meminjam telefon bimbit pengkaji untuk menghantar mesej kepada ibu beliau agar dapat menghantar telefon bimbit jenama <i>Sony Ericson</i> kepunyaannya untuk dijual. Hal ini kerana menurut beliau, keluarga beliau tidak memberikan duit belanja kepada beliau.

<sup>709</sup> Sebagai rutin subjek setiap hari, beliau akan datang berjumpa pengkaji selepas solat subuh untuk bersalaman tangan dengan pengkaji dan para guru lain yang sedang berada dalam halaqah untuk membaca surah *Yasin* dan mesyuarat guru sekiranya ada perkara-perkara penting. Tetapi untuk hari ini, beliau tidak melakukan perkara tersebut sebagai memprotes tindakan pengkaji yang meninggalkan beliau bagi menghadiri majlis zikir tawajjuh.

### Jadual 4.3: Sambungan

8hb. September 2015	<p>Subjek menghantar mesej kepada ibu beliau. Antara ayat yang ditulis ialah:</p> <p style="text-align: center;"><i>“Bodoh cakap Tak supebikin bagan<sup>710</sup> cakap semalam nak hantar bodoh henset tapi macam bodoh je aku tunggu semalam petang macam bagan”<sup>711</sup>.</i></p> <p>Mesej ini ditulis kerana memprotes mesej ibu beliau yang enggan untuk menghantar telefon bimbit kepunyaan beliau. Ketika ini pengkaji tidak terus memberi teguran kepada subjek tetapi memberikan beliau masa untuk bertenang.</p>
9hb. September 2015, 9.45 pagi, waktu kelas.	<p>Pengkaji bertanya kepada subjek sama ada beliau sayang ibunya atau tidak. Subjek menyatakan bahawa beliau hanya sayang 50 peratus sahaja kerana ibunya selalu mendengar kata-kata kakaknya. Menurut pengamatan pengkaji, kakak-kakak subjek selalu bertindak tidak positif seperti meninggi suara dan selalu bersikap tegas terhadapnya.</p>
10hb. September 2015, 7.20 malam.	<p>Subjek meminta izin untuk mengikut pengkaji pergi ke majlis zikir <i>Tawajjuh</i> mingguan.</p>
11hb. September 2015, 7.45 pagi, waktu kelas.	<p>Subjek mengadu kepada pengkaji tentang perilaku subjek kelima yang suka membuli beliau dengan menyuruh melakukan sesuatu perkara yang bersifat peribadi seperti mengambilkan air minuman. Menurut beliau lagi, subjek kelima akan memukul beliau sekiranya arahan yang diberikan tersebut tidak dilaksanakan.</p>
12hb. September 2015, 6.00 petang, waktu cuti mingguan.	<p>Pengkaji membawa subjek pulang ke rumah pengkaji di Shah Alam atas permintaan beliau. Subjek mengaku telah membeli sekotak rokok di stesen minyak Petronas ketika pengkaji meminta beliau agar membayar wang di kaunter<sup>712</sup>. Seterusnya, beliau meminta izin kepada pengkaji untuk merokok kerana beliau begitu tertekan dengan keluarga beliau. Dalam menyelesaikan hal ini, pengkaji tidak terus memberikan reaksi negatif tetapi memberikan kata-kata yang logik seperti: <i>“Takkanlah<sup>713</sup> nak merokok depan ustaz?”</i>.</p>

<sup>710</sup> Perkataan “*bagan*” di sini sebenarnya ialah perkataan bangang. Responden tidak dapat menulis dengan baik memandangkan umur beliau baru 12 tahun pada 2015.

<sup>711</sup> Tulisan ini adalah tulisan asli subjek sebagaimana yang tertera dalam mesej yang dihantarnya.

<sup>712</sup> Sebelum mengaku, beliau meminta agar pengkaji simpan rahsia yang akan diceritakan nanti. Perkara ini berlaku ketika pengkaji membawa keluar responden pulang di rumah pengkaji di Shah Alam selama dua hari (Sabtu dan Ahad).

<sup>713</sup> “*Takkanlah*” di sini bermaksud “*adakah patut*”.

### Jadual 4.3: Sambungan

<p>13hb. September 2015, 5.30 petang, di Shah Alam.</p>	<p>Subjek menyatakan bahawa beliau telah membuang rokok yang dibeli semalam. Pengkaji bertanya sekadar untuk menguji: “<i>la, kenapa buang, tak rugi ke?</i>”<sup>714</sup>. Beliau membalas: “<i>Kalau bawa balik sekolah nanti bagi kepada pelajar-pelajar lain boleh dapat dosa</i>”. Dalam hal ini pengkaji telah menggantikan harga rokok yang dibeli subjek semalam dengan membelanja beliau barang-barang makanan untuk dibawa pulang ke asrama sebagai menghargai usaha beliau. Ketika perjalanan pulang ke lokasi kajian, pengkaji mula memberi nasihat secara berhikmah kepada subjek agar meminta maaf dengan ibunya dan akhirnya beliau setuju. Pada pemerhatian pengkaji, nasihat ketika ini amat positif. Setelah itu, pengkaji telah membawa pulang subjek ke rumah ibunya untuk meminta maaf tetapi ibunya keluar ke tempat lain.</p>
<p>14hb. September 2015, waktu tidak dapat dipastikan kerana terlepas pandang dan lupa untuk dicatat.</p>	<p>Subjek minta pengkaji agar menulis zikir seperti yang diberikan kepada subjek kedua. Beliau turut meminta kepada pengkaji agar dapat meminjamkan telefon bimbit kepadanya bagi membolehkan beliau menelefon ibunya untuk meminta maaf. Pengkaji menuliskan kepada subjek beberapa zikir harian yang boleh diamalkan iaitu selawat, <i>Istighfār</i>, membaca <i>Lā ḥawl wa Lā Quwwah illā bi Allāh al-„Aī al-„Aẓīm, Ya Allāh, Lā ilāh illā Allāh, Ya Ḥayy al-Qayyūm, Subḥān Allāh wa Alḥamd li Allāh wa Allāh Akbar</i>.</p>
<p>16hb. September 2015, 8.00 pagi, waktu kelas.</p>	<p>Subjek menyatakan bahawa beliau mendengar suatu suara yang berbisik-bisik ke telinganya agar jangan berzikir dengan amalan yang pengkaji berikan kepadanya pada 14hb. September 2015.</p>
<p>16hb. September 2015, 3.00 petang, waktu kelas.</p>	<p>Subjek minta kertas untuk membolehkan beliau menulis surat kepada ibunya. Seterusnya pada jam 6.35 petang, pengkaji membawa subjek keluar menemui ibunya bagi menyerahkan surat yang ditulisnya tadi.</p>
<p>18hb. September 2015, 9.30 malam.</p>	<p>Abang subjek berjumpa dengan pengkaji untuk menyatakan tentang perbuatan kakaknya yang keterlaluan dalam menghantar mesej yang negatif kepada pengkaji. Abangnya menceritakan bahawa kawan-kawan subjek memang terdiri daripada remaja-remaja yang bermasalah.</p>
<p>25hb. September 2015<sup>715</sup>.</p>	<p>Subjek meminta izin pengkaji untuk pindah ke kelas ustaz lain. Pengkaji tidak dapat menolak permintaan beliau kerana</p>

<sup>714</sup> Ayat yang dipaparkan ini adalah ungkapan yang sama maksud dengan kata-kata yang sebenar. Pengkaji tidak dapat merakam perbualan ini kerana semua yang dibualkan adalah berbentuk spontan.

<sup>715</sup> Tarikh dan waktu bagi peristiwa ini tidak dapat dinyatakan dengan tepat kerana data tentangnya tidak disimpan kerana pengkaji terlupa untuk mencatatkannya.



### Jadual 4.3: Sambungan

	tidak mampu melayan karenah dan perangnya yang agak mengganggu suasana pembelajaran dalam kelas. Beliau banyak bersembang dengan kawan-kawan sekelas dan tidur walaupun telah ditegur berulang-ulang kali.
11hb. Oktober 2015, 11.00 malam, selepas menyambut jamuan meraikan hari kelahiran pengkaji <sup>716</sup> .	Beliau meminta maaf kepada pengkaji sebelum lari daripada sekolah bersama dengan dua orang lagi kawannya. Pengkaji hanya dapat maklumat ini pada keesokan harinya. Oleh itu, pengkaji telah memaklumkan kepada mudir sekolah dan kesemua ibu bapa kepada pelajar-pelajar tersebut.
12hb. Oktober 2015, 8.00 pagi, waktu kelas.	Ibu subjek datang berjumpa pengkaji untuk menanyakan keadaan sebenar tentang kes anaknya yang lari daripada sekolah. Perjumpaan ini berlangsung hampir-hampir 30 minit. Pada akhir pertemuan, ibu subjek masih lagi memberi kepercayaan penuh kepada pengkaji dalam mendidik subjek.

**Sumber:** Temu bual Dan Pemerhatian Turut Serta 2014 Dan 2015.

#### 4.3.2.2 Subjek Kedua

Subjek kedua adalah kawan baik kepada subjek pertama dan mereka berdua adalah hampir sebaya iaitu dalam lingkungan umur 12 tahun pada 2015. Beliau adalah anak pertama daripada tiga orang adik beradik<sup>717</sup>. Setiap kali pengkaji membawa keluar subjek pertama menuju ke sesuatu tempat, beliau pasti akan turut serta. Beliau adalah anak sulung yang berperwatakan kasar dan suka menindas kawan-kawan sebaya yang lemah<sup>718</sup>. Pada awalnya, beliau tidak begitu rapat dengan pengkaji dan banyak menyimpan perasaan tetapi setelah pengkaji membawa beliau keluar untuk berbuka puasa dalam bulan *Ramaḍān* pada tahun 2015 bersama subjek pertama, beliau mulai ramah untuk menceritakan masalah yang sedang dialaminya.

<sup>716</sup> Jamuan sempena hari kelahiran seseorang guru di lokasi kajian adalah suatu kebiasaan yang dilakukan oleh para pelajar. Jamuan ini akan dihadiri oleh semua guru dan terhad kepada para pelajar bagi kelas yang gurunya diraikan.

<sup>717</sup> Temubual dengan salah seorang kawan subjek kedua di dalam kelas pengkaji pada 18hb. November 2015, 8.20 pagi. Beliau berumur 12 tahun pada 2015 dan mengenali subjek kedua lebih daripada setahun ketika belajar di lokasi kajian. Beliau juga merupakan rakan sebilik dengan subjek kedua.

<sup>718</sup> Sebagai contoh, pengkaji telah melihat secara langsung beliau memukul subjek pertama sehingga menangis kerana menuduh beliau mencuri duitnya pada 24hb. Ogos 2015.

Pada pengamatan pengkaji, beliau adalah seorang yang bijak tetapi tiada minat untuk memasuki sekolah tahfiz. Buktinya, beliau pernah empat kali keluar daripada kawasan lokasi kajian tanpa kebenaran dengan tujuan untuk melarikan diri daripada sekolah<sup>719</sup> dan dua kali melakukan percubaan untuk tujuan tersebut tetapi tidak berjaya<sup>720</sup>. Kerap kali beliau meminta pengkaji untuk memujuk ayahnya agar membenarkannya menyambung belajar di sekolah kebangsaan. Seperti subjek pertama, ayahnya turut memberi kepercayaan penuh kepada pengkaji untuk membawa keluar subjek ke mana sahaja destinasi kerana kebuntuan cara untuk menarik minat anaknya agar terus belajar di lokasi kajian. Menurut ayahnya, subjek adalah seorang yang mudah terpengaruh dengan rakan sebaya dalam perkara-perkara yang negatif<sup>721</sup> dan perkara ini turut diakui oleh rakan sebilik beliau yang menyatakan bahawa subjek pernah menghisap rokok elektrik dalam bilik tersebut pada tahun 2014 kerana terpengaruh dengan ajakan seorang pelajar yang mempunyai masalah dadah<sup>722</sup>.

Oleh itu, ayahnya terpaksa menghalang subjek daripada keluar rumah ketika waktu cuti sekolah<sup>723</sup>. Selain itu, ayahnya juga menyatakan bahawa subjek adalah seorang yang

---

<sup>719</sup> Kes beliau melarikan diri daripada sekolah ini berlaku pada 9hb. Jun 2015, 12hb. Oktober 2015, 21hb. Oktober 2015 dan 22hb. Oktober 2015.

<sup>720</sup> Salah satu percubaan ini adalah berlaku pada 19hb. Oktober 2015, waktu Maghrib tetapi berjaya digagalkan oleh warden yang bertugas. Warden ini telah melantik beberapa orang pelajar agar sentiasa mengawasi pergerakan subjek. Temubual dengan warden yang terlibat pada 20hb. Oktober 2015, jam 6.30 pagi dalam mesyuarat para guru di lokasi kajian. Manakala percubaan yang selebihnya berlaku pada 21hb. Ogos 2015, selepas makan malam. Ketika ini, subjek telah diajak oleh salah seorang pelajar untuk mengikutinya agar melarikan diri daripada lokasi kajian dengan menawarkan wang RM 10 sebagai imbuhan kepada subjek. Pada permulaannya subjek bersetuju dengan ajakan tersebut tetapi di pertengahan jalan, subjek telah membatalkan hasrat tersebut kerana bimbang dimarahi oleh ayahnya. Temubual dengan subjek pada 21hb. Ogos 2015, 10.45 malam.

<sup>721</sup> Temubual dengan ayah subjek pada 31hb. Julai 2015, jam 2.15 petang selepas solat Jumaat di perkarangan sekolah di lokasi kajian.

<sup>722</sup> Menurut informan, ketika kejadian ini berlaku, kesemua penghuni bilik yang terdiri daripada hampir 20 orang pelajar telah menghisap rokok elektrik tersebut kecuali dua atau tiga orang yang enggan menghisapnya. Temubual dengan rakan sebilik subjek pada 4hb. Disember 2015, jam 10.30 pagi.

<sup>723</sup> Temubual dengan ayah subjek pada 31hb. Julai 2015, jam 2.15 petang selepas solat Jumaat di perkarangan sekolah di lokasi kajian.

mudah merajuk<sup>724</sup>. Pengkaji pada awalnya tidak bercadang untuk mengambil subjek sebagai sampel kajian tetapi setelah melihat kesungguhan beliau untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah, pengkaji menjadi agak teruja untuk mengambil beliau menjadi subjek bagi kajian ini kerana secara jujuranya, permintaan beliau untuk mengambil *bay,,ah* ini adalah suatu perkara yang unik dan di luar jangkaan pengkaji. Antara lain, subjek adalah antara individu yang menunjukkan minat terhadap setiap *slide show* yang ditayangkan dalam kelas tazkirah khas. Sebagai contoh, beliau berjaya menghabiskan satu bacaan novel Sultan Muḥammad al-Fātiḥ yang dikarang oleh Abdul Latip Talib<sup>725</sup> dalam masa yang singkat setelah pengkaji menceritakan peristiwa pembebasan Kota Konstantinopel oleh Sultan Muḥammad al-Fātiḥ.

Selain itu, subjek juga tanpa diduga dapat menghayati kisah Abū Yazīd al-Buṣṭāmī sehingga beliau bertanya kepada pengkaji tentang maksud doa ibu Abū Yazīd yang memohon agar Allah S.W.T. menjaga anaknya dengan ungkapan: “*Ya Allah, peliharalah anakku yang terbang*”<sup>726</sup>. Ketika ini, subjek bertanya kepada pengkaji: “*Ustaz, kenapa mak dia kata dia terbang*”<sup>727</sup>. Antara lain, sebelum beliau melarikan diri buat kali terakhir daripada sekolah, beliau telah menyerahkan sekeping surat kepada pengkaji agar dapat diserahkan kepada ayahnya. Antara isi kandungan surat tersebut ialah pernyataan maaf terhadap ibu bapanya kerana telah memalukan ayahnya dengan melarikan daripada sekolah dan beliau juga menyatakan bahawa beliau boleh terus belajar di lokasi kajian sekiranya

---

<sup>724</sup> Temubual dengan ayah subjek pada 31hb. Oktober 2014, jam 12.01 petang ketika perjumpaan ibu bapa dan guru kelas.

<sup>725</sup> Abdul Latip Talib, *Sultan Muhammad Al-Fateh Penakluk Konstantinopel* (Selangor: PTS Litera Utama Sdn. Bhd., 2010).

<sup>726</sup> Farid al-Din ,Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya* (Memorial of the Saint), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 125-126.

<sup>727</sup> Temubual dengan subjek pada 8hb. September 2015, jam 3.24 petang.

adiknya juga dihantar ke sana bagi menghilangkan rasa kesunyian yang dialaminya<sup>728</sup>.

Jadual di bawah menunjukkan kronologi peristiwa antara pengkaji dan subjek kedua:

**Jadual 4.4: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek**

Tarikh	Peristiwa
5hb. September 2014	Pengkaji mula mengajar subjek di kelas.
29hb. Oktober 2014, 8.00 pagi, waktu kelas.	Subjek memasamkan muka kerana pengkaji meminta beliau mengulang hafazan yang telah dihafalnya iaitu surah <i>al-Wāqiah</i> .
22hb. Mei 2015, 3.54 petang, waktu kelas.	Beliau meminta pengkaji agar boleh memainkan lagu Sultan Muhammad al-Fateh kerana beliau telah berjaya meghabiskan pembacaan novel tentang sejarah hidup Sultan Muḥammad al-Fātiḥ.
30hb. Jun 2015, 3.00 petang, waktu kelas.	Pengkaji membawa subjek keluar berbuka puasa di Shah Alam atas permintaan beliau sendiri.
10hb. Julai 2015, 3.40 petang, waktu kelas.	Subjek menyatakan keinginan untuk mengambil <i>bay,,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Pengkaji bertanya kepada beliau: “Ayah bagi ke?”. Beliau menjawab bahawa beliau akan bertanya kepada ayahnya nanti untuk meminta kebenaran bagi tujuan tersebut.
10hb. Julai 2015, 8.30 malam.	Subjek dan dua lagi rakannya <sup>729</sup> meminta untuk tidur di rumah pengkaji di Shah Alam. Hasrat mereka terpaksa pengkaji penuhi kerana ingin melihat reaksi mereka. Ketika dalam perjalanan, subjek menyatakan buat kali kedua hasratnya untuk mengambil <i>bay,,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Pengkaji bertanya: “Kenapa nak ambil <i>bay,,ah</i> ?”. Subjek menjawab bahawa beliau selalu marah dan ingin menghilangkan sifat tersebut.
8hb. Ogos 2015, 3.30 petang, waktu cuti dalam sekolah (hari Sabtu).	Pengkaji membawa keluar beliau, subjek pertama dan subjek kelima menuju ke Klang setelah mendapat keizinan dari keluarga masing-masing.

<sup>728</sup> Surat ini telah diserahkan kepada ayahnya sebelum pengkaji sempat menyalin isi kandungannya bagi tujuan kajian ini kerana terdapat data yang unik untuk dikaji dengan lebih mendalam. Dalam hal ini, pengkaji terlepas pandang kerana menyangka bahawa ayahnya akan mengembalikan semula surat tersebut kepada pengkaji tetapi sebaliknya telah berlaku. Sungguhpun begitu, pengkaji sempat untuk membaca keseluruhan isi surat tersebut. Peristiwa ini berlaku pada 22hb. Oktober 2015.

<sup>729</sup> Salah seorangnya adalah subjek pertama.

#### Jadual 4.4: Sambungan

12hb. Ogos 2015, 4.07 petang, waktu kelas.	Subjek meluahkan perasaan tentang hasrat beliau untuk memasuki sekolah kebangsaan tetapi tidak diendahkan oleh ayahnya. Menurut subjek, beliau ingin lari dari rumah dan tinggal di masjid sebagai tanda protes terhadap ayahnya.
12hb. Ogos 2015, 8.15 malam, waktu kelas.	Beliau dan subjek pertama memujuk pengkaji agar dapat membawa mereka pergi ke majlis <i>Tawajjuh</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah di Klang. Ketika ini, mereka berdua ponteng kelas al-Quran.
14hb. Ogos 2015, selepas solat Maghrib.	Subjek meminta untuk pulang ke rumah pengkaji di Shah Alam pada keesokan harinya iaitu hari Sabtu. Pengkaji meminta agar beliau meminta izin dengan <i>Mudīr</i> di lokasi kajian terlebih dahulu sebagai satu bentuk helah bagi mengelakkan subjek terus menerus memujuk pengkaji untuk pulang ke rumah pengkaji di Shah Alam.
15hb. Ogos 2015, 11.30 pagi.	Subjek seterusnya meminta pengkaji agar dapat meminta izin kepada <i>Mudīr</i> di lokasi kajian bagi pihaknya.
21hb. Ogos 2015, 10.45 malam.	Subjek mengaku telah keluar dari kawasan sekolah dengan niat untuk lari dari sekolah dengan seorang lagi kawannya tetapi beliau patah balik ke sekolah kerana takut kena marah dengan ayahnya. Menurutnya lagi, beliau telah diberi wang sebanyak RM 10 oleh kawannya itu sebagai imbuhan sekiranya beliau ikut serta untuk lari dari sekolah. Justeru, beliau bertanya kepada pengkaji tentang wang tersebut sama ada halal atau haram untuk diambil? Pengkaji menasihati subjek agar memulangkan kembali wang tersebut.
22hb. Ogos 2015, 3.00 petang.	Pengkaji membawa subjek dan dua orang pelajar lain ke Shah Alam untuk bermalam di rumah pengkaji. Ketika dalam perjalanan, subjek menyatakan bahawa beliau ingin mencontohi Abū Yazīd al-Bustāmī.
8hb. September 2015, 3.24 petang, waktu kelas.	Pengkaji bertanya kepada subjek untuk bertanya pendapat tentang perkara yang menarik ketika pengkaji menayangkan <i>slide show</i> pada minggu lepas. Beliau tertarik dengan kisah Abū Yazīd al-Bustāmī berdasarkan pertanyaan beliau kepada pengkaji: “ <i>Abū Yazīd belajar apa dulu?</i> ” sebelum bertanya: “ <i>Kenapa mak dia kata dia terbuang?</i> ”.
10hb. September 2015, 7.20 malam, selepas solat Maghrib.	Subjek menyatakan hasrat untuk mengikuti pengkaji ke majlis zikir <i>tawajjuh</i> mingguan di Klang. Pada hari ini juga iaitu pada waktu yang lain, subjek telah meminta secara berulang-ulang kali kepada pengkaji untuk menceritakan kisah nabi Musa a.s.

**Jadual 4.4: Sambungan**

	bertemu dengan Nabi Khidir a.s.. Subjek turut meminta pengkaji untuk memberikan amalan zikir kepadanya <sup>730</sup> .
11hb. September 2015, 7.30 pagi, waktu kelas.	Subjek mengingatkan pengkaji agar menulis zikir untuk beliau amalkan sebelum mengambil <i>bay,,ah</i> tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Pengkaji lalu menuliskan baginya zikir yang ringkas seperti zikir “ <i>Ya Allah</i> ” berulang-ulang kali, <i>istighfār</i> , selawat, tasbih, tahlil dan sebagainya.
2hb. Oktober 2015, 4.05 petang, waktu kelas.	Subjek bertanya kepada pengkaji dalam keadaan mengeluh tentang masa yang terlalu lama untuk beliau ambil <i>bay,,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah dengan katanya: “ <i>Lama lagi ke boleh ambil bay,,ah?</i> ”.
11hb. Oktober 2015, ketika waktu tidur malam.	Subjek melarikan diri daripada sekolah kerana memprotes tindakan ayahnya yang tidak menghiraukan mesej yang dihantar olehnya sebagaimana berikut:  “ <i>Slm. Ayah hari outing ketua kelas nak outing dengan syahmi nak beli barang, barang jamuan, hadiah ust. dengan syahmi boleh tak.... banyak lagi orang nak cakap orang dah 2 kali call ayah tak dapat ayah call balik ada lagi orang nak cakap ayah call balik</i> ” <sup>731</sup> .
21hb. Oktober 2015, 2.57 petang.	Subjek melarikan diri daripada lokasi kajian dengan dua orang lagi pelajar sebelum dihantar pulang pada hari yang sama, jam 10.30 malam. Ketika ini Mudir ingin berjumpa dengan semua ibu bapa kepada ketiga-tiga pelajar yang melarikan diri ini untuk sesi perbincangan. Semua hadir kecuali ibu bapa subjek.
22hb. Oktober 2015, 7.45 pagi.	Subjek melarikan diri daripada sekolah buat kali terakhir sebelum berhenti sekolah. Sebelum melarikan diri, subjek meminta salah seorang sahabatnya agar memberikan sekeping surat kepada pengkaji dan seterusnya meminta pengkaji agar dapat menyerahkan surat tersebut kepada ayahnya. Isi kandungannya adalah berkisar tentang permintaan maaf kerana beliau telah memalukan kedua ibu bapanya kerana lari daripada sekolah.

**Sumber:** Temu bual Dan Pemerhatian Turut Serta 2014 Dan 2015

<sup>730</sup> Pengkaji telah meminta subjek agar mengamalkan terlebih dahulu zikir yang asas seperti *Istighfār*, selawat dan sebagainya sebanyak 1000 kali dalam sehari sebelum mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah.

<sup>731</sup> Tulisan ini adalah tulisan asal sebagaimana yang ditulis oleh subjek tanpa sebarang penambahan atau pengurangan. Mesej ini dihantar pada 7hb. Oktober 2015, jam 8.05 pagi.

### 4.3.2.3 Subjek Ketiga

Subjek mula belajar di lokasi kajian pada pertengahan tahun 2014 ketika berumur 16 tahun setelah berhenti daripada Sekolah Menengah Kebangsaan atas masalah disiplin yang agak kritikal seperti berzina, mencuri, minum minuman keras dan sebagainya sebelum membuat pengakuan ini di hadapan pengkaji secara sukarela<sup>732</sup> untuk bertaubat. Sungguhpun begitu, pengakuan ini hanya berlaku setelah enam bulan subjek bersama pengkaji sebagai pelajar dan menilai pengkaji sebagai seorang guru yang benar-benar boleh dipercayai. Pada pemerhatian pengkaji ketika sesi pembelajaran al-Quran dalam kelas, beliau mempunyai masalah lemah daya ingatan yang agak kritikal dalam menghafal al-Quran di samping tiada kesungguhan untuk menjadi *al-Hāfiẓ al-Qurān* 30 juzuk. Selain itu, beliau adalah seorang anak yatim dan mempunyai yuran tertunggak di lokasi kajian selama lebih daripada 10 bulan. Ibu subjek telah memberhentikannya dengan serta merta setelah pihak sekolah cuba bertanya tentang yuran pengajian beliau. Justeru, data tentang subjek ketiga ini agak terhad tetapi amat penting untuk dikemukakan dalam kajian ini. Jadual 4.5 berikut adalah kronologi peristiwa antara pengkaji dan subjek ketiga.

**Jadual 4.5: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Ketiga**

Tarikh	Peristiwa
5hb. September 2014	Pengkaji mula bertemu dan mula mengajar beliau membaca al-Quran.
30hb. November 2014	Subjek dirotan oleh guru disiplin atas kesalahan merokok dalam kawasan sekolah.
1hb. Disember 2014, 4.22 petang, waktu kelas.	Beliau mengaku telah merokok sejak berumur 13 tahun (tingkatan 1) lagi kerana pengaruh kawan sebaya.

<sup>732</sup> Temubual dengan subjek ketiga pada 25hb. Februari 2015, 5.25 petang, waktu rehat.

#### Jadual 4.5: Sambungan

6hb. Februari 2015, 5.30 petang, waktu rehat.	Beliau berjumpa pengkaji sekadar untuk bertanya tentang solat taubat. Setelah pengkaji menerangkan cara-cara untuk solat taubat, beliau terus berlalu pergi.
25hb. Februari 2015, 5.25 petang, waktu rehat.	Beliau berjumpa pengkaji buat kali kedua bagi menceritakan dosa-dosa yang pernah beliau lakukan sebelum belajar di lokasi kajian. Menurut beliau, semua dosa besar beliau pernah lakukan kecuali membunuh orang <sup>733</sup> . Semasa di Sekolah Menengah Kebangsaan, ibu beliau pernah dipanggil oleh pihak sekolah kerana beliau merokok dalam kawasan sekolah. Dalam kes rokok tersebut, ibu beliau telah menoreh tangannya dengan pisau lantaran marah di hadapan wakil pihak sekolah yang dipertanggungjawabkan bagi menyelesaikan kes subjek. Antara lain, beliau menyatakan kebimbangan terhadap para murid Sekolah Rendah Kebangsaan tahun 6 yang akan memasuki Sekolah Menengah Kebangsaan sebagai pelajar tingkatan 1. Pada pandangan beliau secara peribadi, kebanyakan pelajar tingkatan 1 bakal berhadapan dengan ujian dalam menghadapi masalah-masalah akhlak seperti seks bebas, dadah dan sebagainya.

**Sumber:** Temu bual Dan Pemerhatian Turut Serta 2014 Dan 2015

#### 4.3.2.4 Subjek Keempat

Subjek adalah berumur 19 pada tahun 2014 dan sudah berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran. Sebelum menyambung belajar di lokasi kajian, beliau pernah terlibat dengan kes mencuri telefon bimbit dan menjualkannya. Sementara ketika belajar di lokasi kajian, beliau mempunyai masalah disiplin seperti merokok dalam kawasan sekolah, memukul pelajar lain dan berkelakuan kurang sopan dengan guru kelas yang mengajar beliau sehingga pihak sekolah terpaksa mengambil tindakan drastik iaitu dengan memindahkan beliau ke kelas pengkaji dengan harapan pengkaji dapat membimbingnya. Selain itu ketika berada di luar sekolah terutama waktu cuti, beliau telah menjadi pengikut kepada satu kumpulan yang mengamalkan ilmu kebatinan yang digelar “*Persatuan Kucing*

<sup>733</sup> Antara dosa besar yang pernah beliau lakukan ialah zina, minum minuman memabukkan dan pecah rumah.



*Merah*” setelah permintaan beliau untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah tidak dipersetujui oleh ayahnya.<sup>734</sup>

Pada pandangan pengkaji, amalan yang terdapat dalam kumpulan “*Persatuan Kucing Merah*” ini perlu dikaji kerana terdapat kalimah-kalimah yang diragui. Pengkaji telah meminta subjek untuk menulis mantera yang perlu diamalkan oleh setiap ahli kumpulan tersebut. Mantera yang diamalkan adalah seperti berikut yang terdiri daripada empat jenis mantera<sup>735</sup>:

**Pertama: Kata Bangun**

Bangunlah wahai anak si bangunan;  
Bangunlah kulit jangek sendi selerangku;  
Bangunlah otak bonak mentagiku;  
Bangunlah urat rantai semulajadiku;  
Bangunlah si Muhammad dalam batang tubuhku;  
Dek aku mendirikan Hu Allah.

**Kedua: Besi Kersani**

Terdirlah besi Kersani;  
Dalam diri batang tubuhku;  
Dek aku nak mengetahui La Haula wa La Quwah illa bi Allah al-,,Ali al-,,Azim;  
Lenyaplah aku di dalam kalimah La ilah ila Allah;  
Muhammad bergantung kepada Rasulullah;  
Diriku sekali;  
Kun Hu Allah;  
Asal aku teguh, illa liput aku;  
Di Dalam Hu Allah.

**Ketiga: Kata Penderas**

Kun tiada pecah, Fayakun yang memecah;  
Kata Kati Hak Bismillah.

**Keempat: Kata Besi**

Nur Haq, tiada harus engkau memakan aku;  
Akulah Manbainur Hak sahyun Sabitah Hu Allah<sup>736</sup>.

---

<sup>734</sup> Selain beliau, terdapat tiga orang lagi pelajar yang mengikuti kumpulan ini.

<sup>735</sup> Mantera ini adalah tulisan asal tanpa sebarang perubahan sebagaimana yang ditulis oleh subjek sebelum diberikan kepada pengkaji pada 8hb. Ogos 2015, jam 8.30 pagi.

<sup>736</sup> Mantera ini juga terdapat di internet yang mempunyai maksud yang hampir sama dengannya. Lihat <http://pseudosupra.blogspot.my/2012/07/besi-kursani-ilmu-hakikat-besi-kursani.html> yang diakses pada 5hb. Januari 2016, jam 10.56 malam.

Pada pengamatan pengkaji, mantera ini seolah-olah mempunyai unsur pemujaan kepada jin. Pada masa yang sama, subjek kerap kali berjumpa dengan pengkaji untuk meminta pandangan tentang amalan persatuan ini. Bagi menerangkan masalah amalan ini kepada subjek, pengkaji telah mengemukakan salasilah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah sebagai contoh bagi sesuatu amalan yang bersambung sanadnya kepada Rasulullah s.a.w.. Oleh itu, pengkaji meminta subjek agar menunjukkan salasilah amalan yang diamalkan oleh ahli *Persatuan Kucing Merah*<sup>737</sup>.

Selain itu, subjek pernah bertanya kepada pengkaji sama ada beliau mempunyai harapan diterima Allah S.W.T. lantaran dosa-dosa yang pernah dilakukan dan pengkaji menasihati beliau agar jangan berputus asa daripada rahmat-Nya<sup>738</sup>. Pada pemerhatian pengkaji terhadap subjek, beliau sebenarnya ingin berubah menjadi baik tetapi perlu dibimbing dengan lemah lembut dan penuh kesabaran bagi mengelakkannya daripada memberontak sebagaimana yang berlaku antara subjek dengan guru kelas beliau yang merupakan warganegara Pakistan. Memandangkan subjek berumur 20 tahun pada tahun 2015, kaedah yang digunakan oleh guru Pakistan tersebut pada pandangan pengkaji tidak relevan untuk diterapkan di Malaysia iaitu merotan pelajar yang tidak dapat menghantar hafazan al-Quran tanpa mengira umur. Malahan pula, subjek pernah menjadi guru tahfiz selama beberapa bulan sebelum menyambung pengajian di lokasi kajian bagi program *Shahādah al-Qurān* 30 juzuk. Akibat daripada tekanan daripada guru Pakistan tersebut, subjek akhirnya meminta untuk bertukar kelas ke kelas pengkaji. subjek meminta pengkaji agar dapat

---

<sup>737</sup> Hujah pengkaji ini adalah selari dengan pendapat Muḥammad Amīn al-Kurdī yang menyatakan bahawa setiap anak murid bagi sesuatu tarekat perlu mengetahui salasilah tarekat tersebut bermula daripada guru Murshidnya sehingga Rasulullah s.a.w.. Lihat Al-Kurdī, Muḥammad Amīn (1995), *Tanwīr al-Qulūb fī Mu,āmalah ,Allām al-Ghuyūb*, Beirut: Dār al-Kutub al-,Alamiyyah, hal. 523-527.

<sup>738</sup> Temubual dengan subjek pada 8hb. September 2015, jam 8.10 malam.

menerima beliau sebagai pelajar di kelas pengkaji<sup>739</sup>. Sebagai jawapan, pengkaji meminta beliau untuk agar berbincang dengan *Mudīr* terlebih dahulu.

Hanya pada 12hb. November 2015, subjek diarahkan oleh pihak sekolah agar berpindah ke kelas pengkaji kerana guru beliau enggan untuk mengajarnya lantaran perihal subjek yang tidak akur dengan arahan guru kelas beliau<sup>740</sup>. Sebelum pengkaji menamatkan pemerhatian di lokasi kajian pada Disember 2015, subjek berjumpa dengan pengkaji dan berharap pengkaji dapat terus mengajar beliau pada tahun 2016. Subjek kemudiannya diberhentikan sekolah pada 2016 tanpa sebarang notis kerana menubuhkan kumpulan samseng di lokasi kajian<sup>741</sup>. Selanjutnya pada 17hb. Januari 2017, subjek menghubungi pengkaji untuk bertemu dengan pengkaji. Ketika pertemuan ini berlangsung, subjek menyatakan bahawa beliau tidak terlibat dengan penubuhan kumpulan samseng tersebut tetapi dituduh melakukannya di samping mengaku bahawa beliau tidak lagi aktif dengan “*Persatuan Kucing Merah*”. Selain itu, subjek turut menyatakan bahawa beliau ketika itu telah bekerja sebagai seorang guru tahfiz di Kajang dan meminta agar pengkaji dapat datang ke tempat beliau mengadakan kelas tazkirah sebagaimana yang pernah pengkaji lakukan di lokasi kajian. Pada masa yang sama, subjek turut mengadu tentang masalah pelajar-pelajar di tahfiz beliau mengajar yang sukar untuk menurut arahan walaupun dengan rotan<sup>742</sup>.

---

<sup>739</sup> Temubual dengan subjek pada 30hb. September 2015, jam 2.45 petang, waktu kelas.

<sup>740</sup> Hasil mesyuarat para guru pada 12hb. November 2015, 6.45 pagi, waktu kelas. *Mudīr* keberatan untuk memberhentikan subjek daripada terus belajar di lokasi kajian dan memberikan tanggungjawab kepada pengkaji agar dapat memotivasikan untuk berubah ke arah kebaikan.

<sup>741</sup> Temubual antara pengkaji dengan seorang pelajar yang telah berjaya mengambil *Shahādah* al-Quran sebelum dilantik menjadi salah seorang tenaga pelajar di lokasi kajian pada 3hb. September 2016, jam 10.45 malam di Klang dalam satu pertemuan tidak rasmi.

<sup>742</sup> Temubual antara pengkaji dengan subjek pada 17hb. Januari 2017, jam 9.30 malam sehingga 12.10 pagi di Shah Alam dalam satu pertemuan tidak rasmi.

Bagi mengatasi masalah tersebut, pengkaji menyarankan subjek agar menerapkan kaedah yang diaplikasikan oleh pengkaji di lokasi kajian. Sebagai hasilnya, subjek menyatakan bahawa beliau mudah berurusan dengan para pelajar setelah mempraktikkan kaedah yang disarankan oleh pengkaji sehingga terdapat ikatan persaudaraan yang erat antara beliau dan para pelajar beliau<sup>743</sup>. Jadual berikut adalah kronologi peristiwa yang berlaku pengkaji dan subjek keempat:

**Jadual 4.6: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keempat**

Tarikh	Peristiwa
6hb. November 2014, 2.59 petang, waktu kelas.	Beliau berjumpa dengan pengkaji untuk menanyakan tentang tindakan yang perlu dilakukan sekiranya seseorang itu mencuri sesuatu yang menjadi hak orang lain terutamanya mangsa yang tidak dapat lagi dikesan.
5hb. Mei 2015, 10.00 malam, selepas makan malam di kelas pengkaji.	Beliau bertanya tentang cara-cara untuk menjadi seperti ustaz (pengkaji) yang tidak marah dan sentiasa tenang dengan katanya: “ <i>Macam mana nak jadi macam ustaz? Saya cuba tapi tak boleh</i> ”.
24hb. Mei 2015, 8.00 pagi, cuti pada hari Ahad.	Beliau bersungguh minta pengkaji agar membawa beliau mengambil <i>bay,,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Pengkaji minta beliau meminta kebenaran dengan kedua ibu bapanya.
5hb. Ogos 2015, 9.30 malam, selepas solat Isyak berjemaah.	Subjek bertanya tentang roh Nur Muhammad. Beliau juga menyatakan tentang kawan beliau yang merupakan ahli salah seorang ahli <i>Persatuan Kucing Merah</i> berhasrat untuk mengambil <i>bay,,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah.
8hb. Ogos 2015, 8.30 pagi, 1.45 petang, waktu selepas habis solat Zohor secara berjemaah.	Beliau bertanya lebih lanjut tentang “ <i>Persatuan Kucing Merah</i> ”. Beliau mengaku pernah mencuba untuk mempraktikal zikir nafas sebagaimana yang damalkan oleh kumpulan ini iaitu dengan menarik nafas dan hembus dengan menyebut kalimah Allah sebelum hilang kesedaran diri.
14hb. Ogos 2015, 10.00 pagi, waktu rehat.	Beliau bertanya kepada pengkaji sama ada dirinya telah dimasuki jin atau belum kerana mengamalkan mantera yang dipraktikkan oleh ahli <i>Persatuan Kucing Merah</i> . Beliau turut menceritakan mimpinya dikerumuni oleh semut.
8hb. September 2015, 8.10 malam, waktu	Subjek berjumpa pengkaji untuk meluahkan perasaan tentang masalah yang dihadapinya iaitu kes beliau memukul seorang

<sup>743</sup> Temubual antara pengkaji dengan subjek pada 7hb. Mac 2017, jam 10 malam sehingga 12.00 malam di Shah Alam dalam satu pertemuan tidak rasmi.

**Jadual 4.6: Sambungan**

<p>kelas persiapan hafazan baru</p>	<p>pelajar di lokasi kajian. Kes ini telah dibincangkan dalam mesyuarat guru-guru. Menurut beliau, semangatnya untuk mengaji hilang setelah mendapat maklumat tentang segelintir guru-guru yang memandang beliau sebagai pelajar yang bermasalah dan berharap agar beliau diberhentikan. Pengkaji mencadangkan kepada beliau agar melakukan solat sunat <i>Istikarah</i>. Beliau menjawab: “<i>Orang macam saya ada harapan ke Allah terima?</i>”. Pengkaji menasihati beliau agar jangan berputus asa dari rahmat Allah S.W.T..</p>
<p>16hb. September 2015, 9.00 malam, waktu makan malam di Shah Alam<sup>744</sup>.</p>	<p>Pengkaji bertanya sama ada subjek masih lagi berhasrat untuk mengambil <i>bay,,ah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah</i>. Menurut beliau, ayahnya hanya membenarkan beliau mengambil <i>bay,,ah Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah</i> dengan syarat berjaya menghabiskan pengajian di lokasi kajian. Pada hemat pengkaji, ayahnya telah melakukan suatu tindakan yang tidak wajar kerana membantutkan niat baik anaknya ini dan sebagai akibatnya, subjek telah menjadi ahli <i>Persatuan Kucing Merah</i>. Selain itu, subjek mengaku pernah mencuri telefon bimbit orang lain dan menjualkannya ketika berada di sekolah tahfiz lama. Selanjutnya, beliau meminta agar pengkaji memberi penjelasan tentang <i>Persatuan Kucing Merah</i> sama ada amalannya benar atau bermasalah. Menurut beliau sebagaimana yang disampaikan oleh ahli yang berpengalaman dalam persatuan ini, dalam tubuh manusia sudah sedia ada “<i>Besi Kursani (Kursani)</i>” yang dapat diaktifkan dan Besi ini pula adalah berasal daripada tiang <i>Arash</i><sup>745</sup>.</p>
<p>30hb. September 2015, 2.45 petang.</p>	<p>Subjek meminta izin untuk bertukar guru dan ingin menjadi pelajar di kelas pengkaji kerana tidak tahan dengan perilaku guru kelasnya yang merupakan warganegara Pakistan<sup>746</sup>.</p>

<sup>744</sup> Pada 15hb. September 2015, 7.45 malam, *Mudīr* di lokasi kajian telah meminta pengkaji agar memberi semangat kepada subjek keempat untuk terus belajar. Sekiranya subjek keempat ingin mengambil *bay,,ah tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah*, pihak sekolah bersedia untuk berbincang dengan penjaga subjek bagi menjelaskan keadaan sebenar. Oleh itu, pada 16hb. September 2015, 7.05 malam, pengkaji telah membawa subjek ke menuju Shah Alam bagi membincangkan hal ini.

<sup>745</sup> Maklumat yang disampaikan oleh subjek tentang “*Besi Kursani*” ini juga terdapat di salah satu laman web tidak rasmi yang menyatakan perkara yang sama iaitu “*Besi Kursani*” ini berasal daripada tiang *Arash* sebelum dimasukkan ke dalam tubuh Nabi Adam ,a.s.. Lihat laman web berikut: <http://pseudosupra.blogspot.my/2012/07/besi-kursani-ilmu-hakikat-besi-kursani.html> yang diakses pada 5hb. Januari 2016, jam 10.56 malam.

<sup>746</sup> Sebelum subjek, terdapat juga permintaan yang sama daripada seorang pelajar lain yang juga merupakan pelajar kepada guru Pakistan tersebut yang turut ingin bertukar ke kelas pengkaji dengan alasan beliau tidak diberikan kebebasan untuk mengulang al-Quran dan gurunya itu memaksa beliau untuk terus menghantar hafazan baru. Ketika ini, pelajar yang berkaitan telah menghafal lebih daripada 5 juzuk al-Quran. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji telah berbincang dengan guru Pakistan tersebut agar membenarkan anak muridnya itu mengulang al-Quran tetapi beliau tidak mengendulkannya. Akhirnya, pelajar tersebut berhenti daripada sekolah. Berdasarkan perkara ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa guru Pakistan tersebut kurang

**Jadual 4.6: Sambungan**

	Pengkaji menasihati subjek agar bersabar sehingga pengkaji dapat berbincang dengan <i>Mudīr</i> di lokasi kajian.
10hb. Oktober 2015, 8.50 pagi, waktu rehat.	Subjek bertanya sama ada berdosa atau tidak sekiranya tidak ikut peraturan sekolah.
16hb. Oktober 2015, 10.30 malam, selepas selesai kelas tazkirah.	Subjek bertanya kepada pengkaji untuk meminta nasihat tentang cara untuk bertaubat daripada mencuri dengan katanya: “ <i>Duit yang saya ambil nak buat macam mana?</i> ”. Pada malam ini, pengkaji telah selesai mendedahkan tentang kisah taubat Fuḍayl bin ,lyāḍ.
29hb. Oktober 2015, 11.35 pagi.	Subjek berjumpa dengan pengkaji untuk mendapatkan pandangan tentang mantera <i>Persatuan Kucing Merah</i> yang diamalkannya. Ketika pertama kali melakukan amalan ini, beliau gagal dalam mengaktifkannya. Pengkaji seterusnya bertanya kepada subjek tentang waktu yang sesuai untuk mengamalkan mantera tersebut. Subjek menyatakan bahawa amalan ini perlu diamalkan sekurang-kurangnya sekali dalam sehari semalam dan para ahli persatuan ini bebas mengamalkannya sama ada ketika berjalan, duduk dan sebagainya.
12hb. November 2015, 6.45 pagi, waktu kelas.	Subjek diminta untuk belajar di kelas pengkaji hasil mesyuarat guru-guru setelah guru kelas beliau meminta agar subjek dipindahkan ke kelas lain kerana perangainya yang tidak beradab <sup>747</sup> .
19hb. November 2015, 8.00 pagi, waktu kelas.	Subjek bertanya kepada pengkaji hukum hudud terhadap orang yang berzina dan mencuri di samping dosa menderhaka kepada kedua ibu bapa sama ada perlu mengaku kepada keduanya tentang dosa-dosa yang pernah dilakukan oleh seseorang anak. Selanjutnya pada jam 8.25 pagi, subjek menyatakan bahawa terdapat perubahan terhadap pelajar-pelajar di lokasi kajian setelah pengkaji bercerita tentang azab kubur. Subjek turut menyatakan bahawa beliau suka mendengar cerita yang disampaikan oleh pengkaji.
20hb. November 2015, 4.34 petang.	Subjek meminta pengkaji agar mengadakan kelas tazkirah mingguan pada malam ini.
21hb. November 2015, 8.05 pagi, waktu kelas.	Subjek menyatakan bahawa beliau tidak minat dengan akademik.
1hb. Disember 2015,	Subjek menyatakan bahawa beliau berasa bersalah kerana

pendedahan tentang kaedah semasa yang dapat memotivasikan para pelajar tahfiz dan hanya mengikut pengalaman terdahulu ketika beliau belajar di Pakistan.

<sup>747</sup> Sebelum dipindahkan ke kelas pengkaji, guru kepada subjek telah menunjukkan gambar subjek sedang tidur dalam kelasnya sambil berkata: “*Kalau ustaz nak ambil, ambil la. Dia dah tak takut dengan rotan. Hati saya banyak benci sama ini budak*” atau sebagaimana yang dikatakan olehnya kepada pengkaji. Temubual dengan guru subjek pada 10hb. November 2015, 2.37 petang.

**Jadual 4.6: Sambungan**

10.30 pagi, waktu kelas.	pernah menipu ibu beliau dengan menyatakan bahawa beliau telah berhenti merokok tetapi sebaliknya beliau masih lagi merokok. Selain itu, beliau juga berharap pengkaji dapat terus mengajar di lokasi kajian pada tahun 2016.
4hb. Disember 2015, 7.45 pagi, waktu kelas.	Subjek menceritakan tentang <i>Persatuan Kucing Merah</i> yang tidak serasi dengan kumpulan <i>TAPEDIRI 65</i> atau <i>BA THA MIM 114</i> <sup>748</sup> .
17hb. Januari 2017, 9.30 malam.	Subjek menemui pengkaji di Shah Alam untuk meluahkan permasalahan yang berlaku terhadap dirinya. Antaranya, beliau menyatakan bahawa beliau dituduh menubuhkan kumpulan samseng di lokasi kajian sehingga pihak sekolah memberhentikan beliau dan beberapa pelajar yang lain. Antara lain, subjek turut menyatakan bahawa beliau ketika ini bekerja sebagai guru tahfiz di Kajang dan mengadu tentang masalah pelajar di sana yang sukar untuk menurut arahan walaupun subjek menggunakan rotan sebagai suatu kaedah pengajaran. Subjek juga menyatakan bahawa beliau tidak lagi aktif dengan <i>Persatuan Kucing Merah</i> .
7hb. Mac 2017, 10.00 malam.	Subjek datang untuk meminta nasihat tentang cara yang sesuai untuk beliau berhenti daripada mengajar di sebuah tahfiz di Kajang kerana menurut beliau, pihak sekolah di tahfiz tempat beliau mengajar kebiasaannya akan memberhentikan guru yang sedia ada sebelum menggantikannya dengan guru yang lain bagi tempoh setiap tiga bulan sekiranya prestasi yang ditetapkan oleh pihak sekolah tidak memuaskan. Selain itu, beliau menyatakan bahawa setelah mengaplikasikan kaedah yang diterapkan oleh pengkaji, terdapat ikatan persaudaraan yang begitu rapat sehingga pelajar beliau memujuknya agar tidak berhenti daripada terus menjadi guru.

<sup>748</sup> Jabatan Mufti Negeri Sembilan telah memfatwakan bahawa ajaran kumpulan *TAPEDIRI 65* atau *BA THA MIM 114* adalah adalah bercanggah dengan syariat Islam kerana lima perkara ini iaitu **pertama:** “Penggunaan jurus dan pukul tidak kena dalam aktiviti persilatan mengandungi perkara-perkara meragukan dan unsur-unsur kebatinan yang bercanggah dengan ajaran agama Islam serta mempunyai persamaan dengan kumpulan *Nasrul Haq* yang sudah difatwakan sesat”, **kedua:** “Perbuatan “Topup” bagi memberikan kembali semangat adalah khurafat dan ahli-ahli *TAPEDIRI 65* dan *BA THA MIM 114* perlu meninggalkan perbuatan tersebut”, **ketiga:** “Perbuatan mewajibkan ahli beramal sebagai syarat kemasukan ke dalam kumpulan adalah menyalahi konsep ikhlas dalam Islam”, **keempat:** “Konsep dakwah melalui unsur-unsur kebatinan dalam persilatan adalah tidak boleh dilakukan kerana ia mengundang kepada kerosakan akidah yang lebih besar”, **kelima:** “Semakan terhadap semua buku keluaran *TAPEDIRI 65* didapati mengandungi banyak kesalahan-kesalahan yang serius”. Oleh itu, pihak Jabatan Mufti Negeri Sembilan meminta semua ahli kumpulan terbabit yang melakukan perkara-perkara tersebut agar bertaubat. Lihat laman web rasmi Jabatan Mufti Negeri Sembilan tentang fatwa tersebut yang diakses pada 3hb. Julai 2017, jam 6.05 petang di <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/himpunan-fatwa/171-keputusan-mesyuarat-fatwa/895-ajaran-tapediri-65-atau-ba-tha-mim-114>

#### Jadual 4.6: Sambungan

8hb. April 2017, 9.00 malam.	Subjek berjumpa dengan pengkaji sebagai tujuan ziarah di samping meminta nasihat. Menurut subjek, ketika ini beliau telah mula mengajar di sebuah tahfiz di Rawang setelah berhenti daripada mengajar di tahfiz lama dan beliau menyatakan bahawa pihak sekolah meminta beliau agar menggunakan rotan dalam pengajaran di kelas. Beliau mempersoalkan perkara ini kerana para pelajar seolah-olahnya tidak menunjukkan reaksi untuk sebarang perubahan.
------------------------------	---

**Sumber:** Temu bual Dan Pemerhatian Turut Serta 2014 Dan 2015

#### 4.3.2.5 Subjek Kelima

Subjek mula mendaftarkan diri ke lokasi kajian pada awal Januari 2015 ketika berumur 18 tahun. Mempunyai masalah akhlak yang agak kritikal ketika belajar di salah sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan sebelum memasuki sekolah tahfiz. Masalah akhlak tersebut termasuklah minum arak<sup>749</sup>, mengambil dadah<sup>750</sup>, merokok<sup>751</sup> dan mencuri<sup>752</sup>. Beliau terbuka hati untuk bertaubat dan menjadi pelajar tahfiz hanya setelah menyertai sekumpulan jemaah *tabligh* di kawasan rumahnya. Sebelum belajar di lokasi kajian, beliau pernah belajar al-Quran di sebuah sekolah tahfiz pada awal Januari 2014 sehingga April 2014<sup>753</sup>. Kemudiannya pada Mei 2014 sehingga Disember 2014, beliau menyambung pengajian al-Quran di sebuah di sebuah sekolah tahfiz yang lain di Selangor<sup>754</sup>. Pada pemerhatian pengkaji, subjek merupakan seorang yang agak kasar terutamanya dengan mereka yang telah menyakiti dirinya dan beliau dengan jujur telah mengaku pernah melakukan perbuatan tersebut<sup>755</sup>.

<sup>749</sup> Pengakuan subjek secara sukarela tanpa diminta oleh pengkaji pada 10hb. November 2015, 8.15 pagi, waktu kelas.

<sup>750</sup> Pengakuan subjek secara sukarela tanpa diminta oleh pengkaji pada 29hb. Oktober 2015, 8.15 malam.

<sup>751</sup> Temubual dengan subjek pada 6hb. Februari 2015, 6.10 petang, waktu luar kelas.

<sup>752</sup> Subjek mengaku pernah mencuri duit kawannya untuk membeli rokok. Temubual dengan subjek pada 14hb. Mei 2015, 11.43 pagi, selepas waktu kelas.

<sup>753</sup> Subjek berhenti daripada sekolah tahfiz tersebut kerana semua pelajar diwajibkan untuk membotakkan rambut setiap 40 hari. Temubual dengan subjek pada 10hb. November 2015, 8.15 pagi dalam kelas.

<sup>754</sup> Temubual dengan subjek pada 14hb. April 2015, jam 11.15 pagi dalam kelas.

<sup>755</sup> Temubual dengan subjek pada 8hb. Mei 2015, 11.00 pagi, waktu kelas.



Sementara dari sudut daya hafazannya, beliau agak sederhana dalam menghafal dan beliau tidak menyukai kelas akademik. Selain itu, keluarga beliau mempunyai masalah kewangan bagi menampung beliau belajar di lokasi kajian. Walaupun begitu, keluarga beliau tetap berusaha untuk membayar yuran pengajian beliau. Pada 24hb. Mei 2015, subjek menyatakan hasratnya untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Sebagai jawapan, pengkaji meminta beliau agar melakukan terlebih dahulu solat sunat *Istikharah* terlebih dahulu di samping mengamalkan *Istighfār* dan selawat ke atas Rasulullah s.a.w.. Seterusnya pada 6hb. Julai 2015, subjek mengadu bahawa beliau tidak dapat melupakan dosa-dosa silamnya dan bertanya kepada pengkaji sama ada amalan zikir Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah dapat meredakan gelora nafsu yang terdapat dalam dirinya. Bagi tujuan untuk tidak menghampakan permintaan subjek, pengkaji telah meminta subjek agar meminta izin dengan kedua ibu bapanya sebelum kedua-duanya memberikan keizinan kepada subjek untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah tanpa sebarang kareh.

Seterusnya pengkaji menyatakan kepada subjek bahawa kebiasaannya para pelajar yang dibawa oleh pengkaji mengambil *bay,,ah* tarekat ini tidak beristiqamah melaksanakan amalan zikir Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Di samping itu, pengkaji turut menyatakan kepada subjek tentang kesukaran untuk mengamalkan zikir tarekat ini selain meminta subjek agar dapat berjumpa *Mudīr* di lokasi kajian bagi mendapatkan keizinan pihak sekolah dengan tujuan subjek menanggungkan dahulu hasratnya yang tersebut. Sungguhpun begitu, subjek tetap bersungguh-sungguh untuk mengambil *bay,,ah* tarekat *Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah* dengan menyatakan kesanggupan beliau untuk

melaksanakan kesemua permintaan pengkaji<sup>756</sup>. Berikut adalah jadual kronologi peristiwa yang berlaku antara pengkaji dan subjek kelima:

**Jadual 4.7: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Kelima**

Tarikh	Peristiwa
12hb. Januari 2015	Beliau mula menjadi pelajar di kelas pengkaji.
2hb. Februari 2015, 11.30 pagi, selepas waktu kelas.	Beliau bertanya kepada pengkaji cara untuk berubah menjadi baik.
6hb. Februari 2015, 6.10 petang.	Beliau meluahkan perasaannya yang terganggu akibat tidak diendahkan oleh salah seorang kawannya. Selain itu beliau juga turut mengaku pernah merokok dan dibuang sekolah tahfiz sebelum ini.
18hb. Februari 2015, 1.30 petang.	Beliau bertanya soalan yang sama iaitu cara untuk berubah menjadi baik. Mengaku di rumah susah untuk berhenti merokok kerana abang beliau juga turut merokok dan tidak memberi galakan untuk berhenti merokok.
29hb. April 2015, 11.35 pagi, selepas kelas.	Pihak sekolah telah melakukan pemeriksaan bilik para pelajar secara tiba-tiba dan beberapa kotak rokok telah dijumpai. Beliau mengaku kepada pengkaji tentang rokok yang tidak sengaja dibawanya ke sekolah. Beliau turut menyatakan kelemahannya untuk berhenti merokok sejak terpengaruh dengan rakan-rakannya sejak berumur 12 tahun. Selain itu, beliau juga meminta bantuan pengkaji untuk menyimpan rokoknya pada waktu yang lain sekiranya beliau terbawa ke sekolah.
8hb. Mei 2015, 11.00 pagi, waktu kelas.	Subjek meluahkan perasaan tentang diri beliau yang suka memukul seseorang ketika tidak berpuas hati dengan orang tersebut.
14hb. Mei 2015, 11.43 pagi, selepas waktu kelas.	Subjek mengaku pernah menghabiskan sekotak rokok dalam masa sehari ketika berumur 15 tahun dengan menggunakan duit yang dicurinya.
24hb. Mei 2015, 8.00 pagi.	Menyatakan hasrat untuk mengambil <i>bay,,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Pengkaji meminta beliau agar melakukan solat sunat Istikharah terlebih dahulu di samping mengamalkan <i>Istighfār</i> dan selawat sekurang-kurangnya 100 kali dalam sehari.

<sup>756</sup> Temubual dengan subjek pada 6hb. Julai 2015, 2.40 petang, waktu kelas.

#### Jadual 4.7: Sambungan

15hb. Jun 2015, 8.00 pagi, waktu kelas.	Subjek menyatakan hasrat untuk berhenti sekolah setelah kesalahannya merokok dalam kawasan sekolah dapat diketahui oleh pihak sekolah. Dalam hal ini, subjek telah ditampar oleh seorang guru di lokasi kajian kerana tidak memberi kerjasama dalam memberi maklumat tentang pelajar-pelajar lain yang merokok <sup>757</sup> . Selain itu, beliau juga bimbang sekiranya para pelajar yang pernah merokok di dalam kawasan sekolah membencinya kerana beliau telah menyebut beberapa nama pelajar yang turut merokok dalam kawasan sekolah dan pada masa yang sama, pihak sekolah telah memutuskan untuk memanggil kesemua penjaga bagi setiap pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan merokok ini. Pengkaji kemudiannya meminjamkan telefon bimbit kepada subjek untuk membenarkan beliau menghubungi kakaknya tetapi hasratnya untuk berhenti sekolah itu dihalang.
16hb. Jun 2015, 9.45 malam.	Subjek mengaku telah mengambil dan menyimpan sebuah telefon bimbit yang tercicir di kawasan solat dalam Masjid Salahuddin Abdul Aziz Shah (Masjid Negeri Shah Alam) dengan niat untuk mencuri tetapi kemudiannya membatalkan hasrat tersebut setelah berfikir panjang. Ketika peristiwa ini terjadi, pengkaji telah membawa subjek keluar daripada kawasan sekolah dengan menaiki kereta menuju ke Shah Alam untuk memotivasikan beliau agar tetap bersabar dengan setiap dugaan yang melanda dirinya. Pada masa yang sama, pengkaji turut meminta maaf bagi pihak guru yang menampar beliau di samping menasihati beliau agar belajar berhenti merokok secara berperingkat <sup>758</sup> .
24hb. Jun 2015, 7.30 pagi, waktu kelas.	Subjek mengadu tentang dirinya yang tidak dapat bersabar untuk merokok pada masa cuti sekolah nanti dan menyatakan bahawa ramai guru-guru tidak memahami tentang masalah remaja yang ketagih merokok.
3hb. Julai 2015, 9.30 pagi, waktu kelas.	Subjek menceritakan kepada pengkaji bahawa beliau fobia ditampar oleh seorang guru di lokasi kajian pada 15hb. Jun 2015 yang lepas kerana pernah dibelasah teruk di sekolah tahfiz sebelum ini.
6hb. Julai 2015, 2.40 petang, waktu kelas.	Meluahkan perasaan tentang dirinya yang selalu teringatkan dosa-dosa silam. Seterusnya beliau bertanya sama ada gelora nafsu syahwat boleh diredakan dengan mengamalkan zikir

<sup>757</sup> Terdapat seorang pelajar telah menulis senarai nama pelajar yang merokok dalam kawasan sekolah sebelum menghantarnya kepada *Mudir* di lokasi kajian. Pada pandangan pengkaji, pelajar ini mungkin berasa berdosa sekiranya bersubahat dengan pelajar-pelajar yang melakukan kesalahan di lokasi kajian.

<sup>758</sup> Perkara ini sengaja pengkaji lakukan bagi melihat reaksi subjek dan ternyata beliau memberikan tindak balas dengan katanya: "Susah nak cari guru macam yang faham masalah orang yang merokok ni. Ingat senang ke nak berhenti merokok". Temubual dengan subjek pada 16hb. Jun 2015, jam 10.30 malam ketika perjalanan pulang ke lokasi kajian.

**Jadual 4.7: Sambungan**

	<p>Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Pengkaji menyatakan tentang syarat-syarat yang begitu ketat sebagai ahli Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah dan meminta beliau agar mendapatkan kebenaran dari kedua ibu bapanya sebelum mengambil <i>bay,,ah</i> dengan harapan beliau dapat menanggungkan dahulu hasratnya. Sungguhpun begitu tanpa dijangka, beliau bersetuju dengan syarat-syarat ketat yang dikemukakan oleh pengkaji. Beliau juga turut bersedia untuk menghubungi ibu bapanya bagi mendapatkan keizinan bagi tujuan tersebut. Ibu bapa subjek tidak menghalang beliau mengambil <i>bay,,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah asalkan bukan ajaran sesat. Justeru pada jam 8.00 malam, pengkaji membawa beliau untuk mengambil <i>bay,,ah</i> di surau <i>Tawajjuh</i> di Klang.</p>
3hb. Ogos 2015, 4.15 petang, waktu kelas.	<p>Subjek meluahkan perasaan bersalah terhadap dosa-dosa silam walaupun telah melakukan solat sunat taubat dan memohon ampun kepada Allah S.W.T. selepas solat Isyak.</p>
17hb. Ogos 2015, 4.15 petang, waktu kelas.	<p>Subjek menceritakan tentang masalah <i>gay</i> yang sedang berlaku di lokasi kajian. Subjek juga turut mendedahkan bahawa pesalah <i>gay</i> tersebut telah dibelasah oleh sebahagian pelajar yang berumur 17 tahun ke atas dan meminta agar pengkaji agar merahsiakan perkara ini.</p>
20hb. Ogos 2015, 8.00 malam.	<p>Subjek mengadu tentang masalah beliau dengan kawan-kawannya di lokasi kajian.</p>
30hb. September 2015, 11.20 pagi, waktu kelas.	<p>Subjek mengadu hilang semangat untuk mengaji al-Quran akibat dirotan malam semalam oleh warden yang bertugas akibat salah faham kerana disangka bermain dalam kelas. Setelah pengkaji memberikan kata-kata semangat, barulah beliau dapat mengaji dengan baik.</p>
29hb. Oktober 2015, 8.15 malam.	<p>Subjek mengadu sakit dada. Beliau bertanya pengkaji sama ada sakit dada itu disebabkan dadah jenis kristal (batu). Mengaku pernah hisap dadah tersebut ketika berada di sekolah menengah biasa sebelum memasuki sekolah tahfiz.</p>
10hb. November 2015, 8.15 pagi, waktu kelas.	<p>Subjek mengaku pernah minum minuman keras sebelum masuk sekolah tahfiz. Pengkaji bertanya kepadanya dengan nada selamba: "<i>rasa apa?</i>" dan beliau mengatakan bahawa kerongkong akan rasa panas setiap kali meneguk minuman tersebut.</p>
30hb. November 2015, 3.17 petang.	<p>Pengkaji bertanya kepada subjek tentang perubahan dirinya setelah mengamalkan zikir <i>Ism al-Dhāt</i> sebagaimana yang terdapat dalam pengamalan Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Menurut subjek, sebelum mengambil <i>bay,,ah</i></p>

#### Jadual 4.7: Sambungan

	tarekat ini, beliau adalah seorang yang panas baran dan sering bergaduh. Selain itu, subjek juga menyatakan bahawa beliau selalu berfikir sama ada terdapat jalan baginya untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih baik kerana beliau merasakan seolah-olah amalan kebaikan yang dilakukan selama ini seperti tidak mencukupi. Tetapi setelah mengamalkan amalan zikir <i>Allāh, Allāh</i> sebagaimana yang terdapat dalam praktik zikir Tarekat Naqshabandiyah al-Khāliidiyyah, subjek merasa tenang dan berasa malas nak marah.
25hb. Februari 2016, 8.45 malam, ketika bertemu dengan beliau di luar waktu sekolah.	Subjek menyatakan bahawa beliau telah berhenti merokok.

**Sumber:** Temu bual Dan Pemerhatian Turut Serta 2014 Dan 2015

#### 4.3.2.6 Subjek Keenam

Beliau adalah seorang pelajar senior yang berumur 18 tahun pada 2014. Seperti subjek keempat, beliau juga telah berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran sebelum menyambung pengajian al-Quran di lokasi kajian. Pada pengamatan pengkaji, beliau adalah seorang yang agak pintar tetapi kerap berbohong terutamanya tentang kes beliau merokok dalam kawasan sekolah. Beliau adalah satu-satunya subjek yang tidak belajar di kelas pengkaji tetapi belajar di kelas guru yang lain. Oleh itu, subjek hanya mempunyai peluang untuk bertemu dengan pengkaji di luar waktu kelas. Subjek lebih rapat dengan pengkaji setelah berlaku satu peristiwa di lokasi kajian iaitu ketika seorang tukang masak di lokasi kajian mendakwa bahawa subjek mempunyai jin “*saka*” dalam badannya yang perlu dikeluarkan dengan menggunakan “*rohani Khursani*”<sup>759</sup>.

<sup>759</sup> Selain responden, terdapat seorang lagi pelajar yang datang mengadu dengan pengkaji tentang dakwaan tukang masak tersebut yang menyatakan bahawa tubuhnya juga mempunyai jin “*saka*”. Temubual dengan beliau pada 9hb. Oktober 2015, jam 8.20 pagi.

Selain itu menurut subjek lagi, tukang masak di lokasi kajian turut mengajak beliau dan beberapa pelajar untuk mengikuti satu kumpulan ajaran ilmu hakikat dan makrifat. Pada awalnya, subjek berminat dengan pelawaan tersebut tetapi beliau membatalkan hasratnya setelah mendapat penjelasan yang sewajarnya daripada pengkaji tentang ilmu hakikat dan makrifat<sup>760</sup>. Pengkaji merasa ragu-ragu dengan kumpulan ajaran ilmu tersebut kerana perilaku beberapa anggota kumpulan ini yang telah datang ke sekolah bagi menawarkan rawatan mengeluarkan jin “*saka*” secara sukarela<sup>761</sup>. Pada masa yang sama, tukang masak di lokasi kajian juga termasuk dalam anggota kumpulan ini dan bertanggungjawab untuk membawa ahli kumpulannya ke lokasi kajian. Cara rawatan yang diberikan agak pelik kerana tidak menggunakan ayat-ayat al-Quran sebaliknya hanya menarik nafas dan kemudian cuba menarik keluar jin yang terdapat dalam anggota pesakit dengan gerak gaya yang melucukan<sup>762</sup>. Ketika sesi rawatan ini dijalankan, pengkaji tidak berada di tempat kejadian<sup>763</sup>. Semua maklumat tentang sesi rawatan ini adalah daripada aduan para pelajar di lokasi kajian kepada pengkaji. Menurut sumber dari subjek dan juga beberapa orang pelajar yang lain, terdapat anggota kumpulan ini yang memperlekehkan Darussyifa<sup>764</sup>.

Selain itu, subjek juga antara individu yang sering menceritakan kepada pengkaji tentang masalah-masalah yang berlaku di lokasi kajian seperti kes curi, gay, keluar sekolah tanpa

---

<sup>760</sup> Dalam perkara ini, pengkaji telah menyatakan bahawa setiap ilmu hakikat dan makrifat mesti mempunyai guru yang bersambung sanad hingga kepada Rasulullah s.a.w. yang lebih dikenali sebagai sanad salasilah tarekat. Tanpa *sanad ini*, kemungkinan besar ilmu hakikat dan ilmu makrifat yang ingin diajarkan oleh seseorang guru *Murshid* mempunyai masalah.

<sup>761</sup> Anggota kumpulan ini datang ke lokasi kajian pada 14hb. Oktober 2015, waktu petang selepas solat Asar.

<sup>762</sup> Data ini sebagaimana yang diceritakan oleh subjek keenam dan beliau antara pesakit yang dirawat oleh kumpulan tersebut. Temubual dengan subjek pada 15hb. Oktober 2015, jam 8.40 pagi, waktu rehat.

<sup>763</sup> Waktu kejadian adalah cuti umum seluruh Malaysia sempena awal Muharram 1436. Pihak sekolah tidak mendapat sebarang notis tentang kunjungan kumpulan ini.

<sup>764</sup> Darussyifa” adalah sebuah klinik rawatan Islam yang menggunakan doa-doa daripada ayat-ayat al-Quran, hadith dan sunnah Rasulullah s.a.w. dan ianya telah diasaskan oleh Dato” Dr. Haron bin Din yang lebih dikenali dengan panggilan Ustaz Haron Din. Lihat laman web rasmi Darussyifa” di <http://www.darussyifa.org/modules.php?name=Content&pa=showpage&pid=32> yang diakses pada 3hb. Julai 2017, jam 5.56 petang.

izin dan sebagainya. Beliau akhirnya mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah walaupun tidak mendapat keizinan daripada kedua ibu bapanya. Sungguhpun begitu berkaitan isu ini, pengkaji telah berbincang dengan *Mudīr* di lokasi kajian bagi menyelesaikan kemelut yang melanda subjek. Pada pengamatan pengkaji, subjek mungkin akan menjadi seperti subjek keempat yang mengambil amalan “*Persatuan Kucing Merah*” atau seumpamanya dengan tanpa pengetahuan kedua ibu bapanya kerana sejak awal lagi subjek agak berminat dengan ajakan tukang masak untuk mengikuti ajaran kumpulannya. Oleh itu, *Mudīr* di lokasi kajian mencadangkan agar subjek terus dibawa untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah tanpa pengetahuan kedua ibu bapa beliau kerana subjek telah berumur 19 tahun pada 2015<sup>765</sup>. Berikut adalah jadual kronologi peristiwa antara pengkaji dan subjek keenam:

**Jadual 4.8: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keenam**

Tarikh	Peristiwa
6hb. Oktober 2015, 8.35 pagi.	Subjek menyatakan bahawa terdapat kes curi yang melibatkan duit seorang pelajar sejumlah hampir RM 500 dan kes seorang pelajar yang juga merupakan salah seorang ahli <i>Persatuan Kucing Merah</i> yang membeli rokok elektrik berharga RM 400. Menurut subjek, pelajar ini adalah antara individu yang disyaki kerana beliau sering berehat di bilik tidur yang merupakan tempat kecurian berlaku di samping bukan daripada kalangan keluarga yang kaya untuk membeli rokok elektrik tersebut.
8hb. Ogos 2015, 11.50 pagi.	Subjek menyatakan bahawa pelajar yang disyaki mencuri pada 6hb. Ogos 2015 tersebut kini semakin sombong sejak mengamalkan ilmu daripada <i>Persatuan Kucing Merah</i> .
15hb. Oktober 2015, 8.40 pagi.	Subjek menyatakan bahawa seorang tukang masak telah mengajak beliau untuk bertemu dengan seorang guru beliau yang dapat membuang saka dalam badan subjek semalam dan beliau setuju dengan ajakan tersebut. Ketika sesi rawatan, subjek merasa ragu-ragu terhadap perawat tersebut. Selain itu, subjek mengadu bahawa beliau berasa kosong ketika mengaji dan seterusnya bertanya: “Bila masuk tarekat, kena berhenti terus ke maksiat?”. Pengkaji

<sup>765</sup> Temubual dengan *Mudīr* di lokasi kajian pada 2hb. November 2015, jam 6.55 petang.

#### Jadual 4.8: Sambungan

	menyatakan bahawa perkara tersebut tidak disyaratkan untuk memasuki Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah.
20hb. Oktober 2015, 4.30 petang.	Subjek menceritakan kepada pengkaji tentang perihal dua orang pelajar yang menjadi ahli “ <i>Persatuan Kucing Merah</i> ”.
20hb. Oktober 2015, 10.00 malam.	Subjek juga menceritakan tentang masalah seorang pelajar di lokasi kajian yang mempunyai masalah akhlak yang kritikal iaitu meminum minuman keras dan menghisap ganja. Beliau meminta pengkaji agar dapat memujuk pihak sekolah dapat memberhentikan dengan kadar segera pelajar tersebut kerana bimbang pelajar-pelajar lain ikut terjebak.
21hb. Oktober 2015, 8.40 pagi, waktu rehat.	Subjek melaporkan kepada pengkaji tentang kes telefon bimbit tukang masak di lokasi kajian yang dicuri.
25hb. Oktober 2015, 11.30 malam.	Subjek bertanya pengkaji tentang remedi homeopati yang boleh menghilangkan ketagihan merokok.
26hb. Oktober 2015, 8.35 pagi, waktu rehat.	Subjek bertanya sekali lagi tentang remedi homeopati yang membolehkan beliau berhenti daripada merokok. Pengkaji lalu memberi beliau remedi “ <i>Caladium</i> ” yang merupakan salah satu daripada remedi homeopati yang dapat mengeluarkan nikotin dalam tubuh badan untuk dimakannya.
27hb. Oktober 2015, 6.30 petang.	Subjek menyatakan keinginan untuk berjumpa dengan guru Mursyid bagi Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah di Klang. Pengkaji menyarankan kepada beliau agar banyakan memohon ampun kepada Allah S.W.T. dan berselawat ke atas Rasulullah s.a.w. di samping mengerjakan solat sunat <i>Istikhārah</i> .
28hb. Oktober 2015, 3.00 petang hingga 4.30 petang, waktu kelas (beliau memohon perlepasan dengan guru kelas beliau untuk bertemu dengan pengkaji di kelas pengkaji).	Subjek mengaku pernah pergi ke rumah pelacuran dengan kawan-kawan yang hampir kesemuanya telah berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran dan ada antara mereka yang berjaya mengambil sijil <i>shahādah</i> al-Quran <sup>766</sup> . Menurut beliau, beliau dan seorang lagi kawannya tidak ikut serta untuk melanggan pelacur tetapi hanya sekadar menunggu di luar. Ketika itu, beliau telah masuk ke salah satu sekolah tahfiz di Hulu Langat. Selain itu, subjek turut mengadu tentang kes <i>gay</i> yang berlaku di lokasi kajian.

<sup>766</sup> *Shahādah* al-Quran adalah satu sijil pengiktirafan kepada pelajar-pelajar hafiz 30 juzuk al-Quran yang berjaya membaca keseluruhan al-Quran tanpa melihat mushaf dalam tempoh antara sehari hingga empat hari (kebiasannya di kebanyakan sekolah tahfiz). Pelajar-pelajar ini akan memperdengarkan bacaan al-Quran kepada sekurang-kurangnya seorang guru penilai dan dua orang hingga empat orang saksi yang terdiri daripada pelajar-pelajar hafiz 30 juzuk al-Quran sebagai ujian untuk mengambil sijil tersebut. Antara syarat utama yang perlu diikuti ialah seseorang peserta tidak boleh tersalah lebih daripada 3 kali ketika membaca 30 juzuk al-Quran tersebut. Jika gagal, pelajar tersebut akan diminta untuk memantapkan lagi hafazan dan ujian terpaksa ditangguhkan.



#### Jadual 4.8: Sambungan

	Antara lain, beliau bertanya pendapat pengkaji tentang tempat yang relevan untuk menyambungkan pelajaran setelah tamat belajar di lokasi kajian.
28hb. Oktober 2015, 10.45 malam.	Subjek menceritakan krisis beliau dengan salah seorang guru di lokasi kajian. Menurut beliau, guru tersebut seolah-olah tidak berpuas hati dengan beliau. Selain itu, beliau mengaku pernah melakukan cubaan khianat terhadap motor salah seorang guru di sekolah tahfiz sebelum beliau belajar di lokasi kajian dengan meletakkan pasir dalam tangki minyak motor guru tersebut tetapi tidak berjaya. Pada malam ini juga subjek meminta izin untuk meminjam buku. <i>Tazkirah al-Auliyā</i> ” (kisah para wali) dalam edisi bahasa Melayu
30hb. Oktober 2015, 8.35 pagi.	Pengkaji mempelawa subjek untuk menziarahi Haji Johar bin Ahmad yang merupakan seorang guru mursyid Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah di Klang pada keesokan harinya kerana para pelajar akan mula bercuti pada hari ini. Subjek dengan berbesar hati menerima perlawaan pengkaji. Justeru, pengkaji meminta subjek agar dapat meminta kebenaran daripada kedua ibu bapa beliau. Hari ini, semua pelajar akan bercuti sempena cuti bulanan sekolah.
31hb. Oktober 2015, 7.59 pagi.	Subjek menghantar mesej kepada pengkaji tentang keengganan kedua ibu bapa beliau dalam membenarkan beliau mengambil <i>bay,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah sebagaimana berikut:  “ <i>Assamualaikum ustaz, maaf ganggu.. Betul kate ustaz mmg banyak halangan nk jmpe guru mursyid ustaz. Maaf ustaz. Sy xleh pegi. Ade halangan dari mak n ayah. Nnti sy crite detail kt ustaz. nnti ustaz kirim salam kt tok ayah ye. Doakan mak n ayah sy terbuka hati. Sedih sangat ni. Mengalir air mata</i> ” <sup>767</sup> .
5hb. November 2015, 10.00 pagi.	Pengkaji membawa subjek keluar menuju ke Universiti Malaya selepas mendapatkan kebenaran daripada pihak sekolah dan penjaga beliau bagi memberi peluang kepada subjek untuk melegakan tekanan selepas dimarahi dengan guru kelas beliau. Selain itu, pengkaji turut menerangkan kepada subjek pengenalan ringkas tentang Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah.
9hb. November 2015, 8.00 malam.	Pengkaji membawa subjek mengambil <i>bay,,dh</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah di Klang dengan persetujuan beliau.

**Sumber:** Temu bual Dan Pemerhatian Turut Serta 2014-2015

<sup>767</sup> Tulisan mesej ini adalah sebagaimana asal tanpa sebarang perubahan.

#### 4.3.2.7 Subjek Ketujuh

Pada awal Januari 2015, subjek ketujuh belajar di kelas salah seorang guru tahfiz di lokasi kajian sebelum berpindah ke kelas pengkaji pada Jun 2015 kerana berputus asa dalam menghafaz al-Quran. Sebelum belajar di lokasi kajian, beliau telah belajar di salah sebuah sekolah menengah di Klang dan kemudiannya berhenti setelah mengambil Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2014 dengan keputusan yang amat mengecewakan iaitu tiga matapelajaran dengan gred “D” dan lima matapelajaran dengan gred “F” tetapi bagi matapelajaran Sejarah, beliau memperolehi gred “A”. Menurut subjek, beliau telah mula merokok sejak darjah 6 dan pernah meninggalkan puasa dalam bulan Ramadhan dengan sengaja pada tahun 2013 setelah terpengaruh dengan kawan-kawan sebaya<sup>768</sup>. Ketika berada di lokasi kajian, beliau masih lagi merokok walaupun berada dalam kawasan sekolah<sup>769</sup>.

Beliau tidak mempunyai minat yang tinggi untuk menjadi seorang *al-Hāfiẓ al-Qurān* 30 juzuk. Faktor utama beliau memasuki tahfiz hanyalah kerana tidak mahu menghampakan hasrat ibunya. Pada pemerhatian pengkaji terhadap diri subjek, beliau adalah seorang yang agak pendiam dan terlalu lemah untuk menghafaz al-Quran. Selain itu, subjek kerap pulang ke rumah kerana cuti sakit. Beliau juga selalu tidur dalam kelas walaupun telah dikejutkan berulang kali. Menurut seorang kawan yang sebilik dengan beliau, subjek disyaki bersubahat untuk menghisap ganja (dadah) dengan dua lagi pelajar yang bermasalah sehingga sering tidur lewat<sup>770</sup>. Antara lain, beliau pernah ditampar oleh seorang warden yang bertugas kerana menipu dengan mengaku telah menghadiri solat Zohor secara

---

<sup>768</sup> Temubual dengan subjek pada 29hb. Jun 2015, jam 2.38 petang di dalam kelas pengkaji.

<sup>769</sup> Ini adalah berdasarkan pemerhatian turut serta di lokasi kajian.

<sup>770</sup> Sumber maklumat adalah hasil daripada temubual dengan subjek keenam yang juga merupakan rakan sebilik dengan subjek ketujuh pada 20hb. Oktober 2015, jam 10.00 malam di kelas salah seorang guru di lokasi kajian.

berjemaah tetapi sebenarnya tidur di asrama<sup>771</sup>. Sungguhpun begitu, beliau telah menyatakan hasratnya untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah kerana takut terpengaruh dengan anasir-anasir negatif daripada kawan-kawan yang lain<sup>772</sup>.

Bagi memenuhi hasrat subjek ketujuh untuk mengambil *bay,,ah* tarekat ini, pengkaji telah berbincang dengan kedua ibu bapa beliau di pejabat sekolah tetapi kedua-duanya tidak memberi sebarang jawapan sama ada setuju atau tidak. Pada ketika ini juga pengkaji turut berbincang dengan ibu bapa subjek tentang masalah akhlak subjek terutamanya tentang masalah merokok. Menurut ayah subjek, beliau langsung tidak tahu tentang masalah anaknya yang merokok. Sebelum kedua ibu bapa subjek pulang, pengkaji telah meminta kedua-duanya agar dapat memberi kerjasama sebaik mungkin dengan tidak mendedahkan sebarang maklumat dalam perjumpaan tersebut kepada subjek. Hal ini penting agar subjek dapat terus mempercayai pengkaji. Sungguhpun begitu, ayahnya sempat berkata kepada subjek sebelum menaiki kereta untuk pulang dengan katanya: “*Patutlah gigi kuning*”<sup>773</sup>.

Ucapan ini amat mengecewakan kerana setelah ibu bapa subjek pulang, subjek terus menemui pengkaji untuk bertanya sama ada pengkaji telah menceritakan perihal subjek yang merokok<sup>774</sup>. Berikut adalah jadual kronologi peristiwa pengkaji dan subjek:

**Jadual 4.9: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Ketujuh**

Tarikh	Peristiwa
18hb. Jun 2015, 4.00 petang, waktu kelas.	Subjek menyatakan kebimbangan terhadap kes beliau merokok dalam kawasan sekolah diketahui oleh ibu bapanya. Selain itu, beliau juga mengadu tentang kelemahan beliau untuk menghafal al-Quran dan belajar akademik.

<sup>771</sup> Temubual dengan warden bertugas pada 14hb. November 2015, jam 2.00 petang.

<sup>772</sup> Temubual dengan beliau pada 14hb. November 2015, waktu riadah petang.

<sup>773</sup> Peristiwa ini berlaku pada 8hb. Disember 2015, jam 6.10 petang.

<sup>774</sup> Temubual dengan subjek pada 8hb. Disember 2015, jam 6.35 petang.

**Jadual 4.9: Sambungan**

27hb. Jun 2015	Pengkaji membawa subjek dan tiga pelajar yang lain untuk berbuka puasa di Masjid Negeri Shah Alam sebelum membawa mereka bermalam di rumah pengkaji.
29hb. Jun 2015, 2.38 petang, waktu kelas.	Subjek mengaku mula merokok sejak berumur 12 tahun kerana terpengaruh dengan rakan sebaya ketika itu dan mulai ketagih rokok setelah berumur 14 tahun. Menurut subjek lagi, beliau mula tidak menyempurnakan puasa dalam bulan Ramadhan ketika berumur 14 tahun.
29hb. Jun 2015, 4.00 petang, waktu kelas.	Subjek mengaku tentang perbuatan beliau menipu ibunya sewaktu masa cuti sekolah di bulan Ramadhan tahun 2015. Menurut subjek, beliau meminta kebenaran untuk melaksanakan solat sunat <i>al-Tarāwih</i> di masjid berhampiran tetapi sebaliknya merokok bersama dengan kawan-kawan sebaya yang bermasalah. Dalam pengakuan ini, beliau merasa bersalah terhadap ibunya kerana sanggup menipu.
30hb. Julai 2015, jam 11.31 pagi, selepas waktu kelas.	Subjek menyatakan hasratnya untuk berhenti daripada belajar di lokasi kajian dan menceburkan diri dalam bidang lain tetapi tidak mahu menghampakan hasrat keluarganya yang menginginkan beliau menjadi seorang <i>Hāfiẓ</i> al-Quran.
9hb. September 2015, 4.15 petang, waktu kelas.	Beliau dan dua kawannya meminta maaf kepada pengkaji kerana menipu ketika keluar kelas dengan memakan mee segera (perkara ini adalah melanggar peraturan sekolah).
14hb. November 2015, 6.50 petang.	Subjek menyatakan hasrat beliau untuk mengambil <i>bay,,ah</i> Tarekat Naqshabandiyah al-Khālidiyyah kerana takut terpengaruh dengan anasir-anasir negatif daripada kawan-kawan yang sebaya.
8hb. Disember 2015, 6.35 petang.	Subjek bertanya sama ada pengkaji telah menceritakan perihalnya yang merokok kepada ibu bapanya ketika perjumpaan keduanya dengan pengkaji pada jam 6.10 petang pada hari ini.
9hb. Disember 2015, 3.30 petang, waktu kelas.	Subjek meluahkan masalah beliau merokok ketika berada di rumah sebelum meminta pengkaji agar dapat menyediakan remedi homeopati " <i>Caladium</i> " untuknya. Menurut subjek, beliau dapat menahan diri daripada merokok ketika mengamalkan pengambilan remedi ini <sup>775</sup> . Selain itu dalam pertemuan ini, pengkaji telah menasihatkan subjek agar berterus terang dengan ayahnya yang beliau dalam proses untuk berhenti merokok.

**Sumber:** Temu bual Dan Pemerhatian Turut Serta 2014 Dan 2015

<sup>775</sup> Sebelum ini pengkaji telah memberikan remedi homeopati "*Caladium*" kepada beberapa pelajar yang mempunyai masalah ketagih rokok termasuk subjek.

### 4.3.3 Perbincangan Dapatan Data Tentang Salah Laku Akhlak Subjek

Menerusi Jadual 4.10, terdapat dua persamaan salah laku akhlak yang agak ketara antara kesemua subjek kajian iaitu merokok dan menipu. Selain itu, hanya terdapat seorang subjek yang mempunyai salah laku akhlak yang begitu kritikal iaitu menghisap ganja (dadah) atau seumpamanya, meminum arak atau minuman yang memabukkan dan berzina. Hampir keseluruhan dapatan data adalah hasil pengakuan sukarela para subjek kepada pengkaji tanpa diminta sepanjang kajian ini dijalankan.

**4.10: Jadual Ringkasan Dapatan Data Tentang Salah Laku Akhlak Subjek**

Senarai Akhlak	Salah Laku	Subjek						
		1	2	3	4	5	6	7
Merokok		/	/	/	/	/	/	/
Menipu		/	/	/	/	/	/	/
Mencuri		/	/	/	/	/	X	X
Menghisap ganja (dadah) atau seumpamanya		X	X	/	X	/	X	X
Meminum arak atau minuman yang memabukkan		X	X	/	X	/	X	X
Berzina		X	X	/	X	X	X	X

**Sumber:** Temu bual Dan Pemerhatian Turut Serta 2014 Dan 2015

Berdasarkan jadual 4.10 ini juga, terdapat beberapa faktor penyebab yang telah menjerumuskan para subjek kajian kepada pelbagai salah laku akhlak. Antaranya yang telah dikenalpasti menerusi kronologi antara pengkaji dan para subjek kajian ialah faktor pengaruh rakan sebaya, tidak berminat untuk menghafaz al-Quran dan masalah keluarga sebagaimana berikut:

## i) Faktor Pengaruh Rakan Sebaya

Faktor ini adalah faktor utama yang menjadikan para subjek kajian terlibat dengan pelbagai masalah akhlak. Secara realitinya, pemilihan rakan adalah amat penting kerana seseorang itu akan terpengaruh dengan tingkah laku rakannya. Ini dijelaskan lagi dengan sabda Rasulullah s.a.w.:

مَثَلُ الْجَلِيسِ الصَّالِحِ وَالسَّوِّءِ كَحَامِلِ الْمَسْكِ وَنَافِحِ الْكَبِيرِ فَحَامِلُ الْمَسْكِ إِمَّا أَنْ يُخْرِقَ وَإِمَّا أَنْ تَبْتَاعَ مِنْهُ وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ مِنْهُ رِيحًا طَيِّبَةً وَنَافِحُ الْكَبِيرِ إِمَّا أَنْ يُحْرِقَ  
ثِيَابَكَ وَإِمَّا أَنْ تَجِدَ رِيحًا خَبِيثَةً

Maksudnya: Perumpamaan berteman dengan sahabat yang baik dan sahabat yang jahat adalah seperti berteman dengan penjual minyak wangi dan ahli penempa besi. Engkau akan memperolehi minyak wangi daripada penjual minyak wangi atau sekurang-kurangnya, engkau akan mendapat baunya yang harum daripada minyak wangi tersebut. Manakala, baju engkau akan terbakar akibat berhampiran dengan ahli penempa besi atau sekurang-kurangnya, engkau akan mendapat bau yang kurang enak<sup>776</sup>.

Lumrahnya, manusia adalah bersifat imitatif<sup>777</sup> dan akan meniru tingkah laku orang lain baik secara sedar atau tidak terutamanya bagi kanak-kanak dan remaja kerana mereka lebih bersifat imitatif berbanding dengan golongan dewasa<sup>778</sup>. Oleh yang demikian, para subjek kajian secara keseluruhannya adalah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif akibat berkawan dengan rakan-rakan yang mempunyai masalah akhlak.

<sup>776</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Dhabāih, Bāb al-Misk*, no. hadith 5534). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh 'alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khatib (Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah, 1979), 3:463; Hadith riwayat Muslim (Kitāb al-Birr wa al-Ṣilah wa al-Ādab, Bāb Istihbāb Mujālasah al-Ṣāliḥīn, hadith no. 6860). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 8:37.

<sup>777</sup> Imitatif bermakna bersifat meniru perbuatan orang lain. Lihat *Kamus Dewan*, ed. ke-4 (1970; cet. ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013), 570, entri "imitatif"; *Kamus Daya* (Seri Kembangan: Penerbitan Minda (M) Sdn. Bhd., 2008), 565, entri "imitatif".

<sup>778</sup> Mohd. Nasir Omar, *Falsafah Akhlak* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010), 134.

## ii) Faktor Tidak Berminat Untuk Menghafaz al-Quran

Bagi faktor ini, majoriti subjek iaitu subjek pertama, subjek kedua, subjek ketiga dan subjek ketujuh adalah antara pelajar yang tidak mempunyai minat untuk menghafaz al-Quran. Memandangkan keempat-empat subjek ini adalah merupakan anak murid kepada pengkaji, pengkaji dapat melihat dengan jelas setiap gerak-geri mereka ketika di dalam kelas. Umumnya, mereka tidak memberikan penumpuan yang sewajarnya sewaktu kelas hafazan al-Quran<sup>779</sup>. Pada masa yang sama, para subjek kajian ini telah melakukan beberapa kesalahan tingkah laku sewaktu berada di lokasi kajian. Antaranya ialah kes dadah yang melibatkan subjek ketujuh<sup>780</sup> dan merokok dalam kawasan sekolah yang melibatkan subjek ketiga<sup>781</sup>. Antara lain pula ialah kes lari daripada sekolah yang melibatkan subjek pertama<sup>782</sup> dan subjek kedua<sup>783</sup>. Sungguhpun begitu, faktor kedua ini boleh diatasi sekiranya seseorang guru itu mampu memberikan motivasi yang sewajarnya dari masa ke semasa. Perkara ini akan diulas dalam penganalisan peranan guru terhadap subjek kajian<sup>784</sup>.

## iii) Faktor Keluarga yang Bermasalah

Menerusi dapatan data daripada pemerhatian turut serta di lokasi kajian, hanya subjek pertama yang terlibat dengan faktor keluarga yang bermasalah. Ini adalah sebagaimana yang telah dinyatakan dalam kronologi antara pengkaji dan beliau<sup>785</sup>. Secara asasnya,

---

<sup>779</sup> Berdasarkan pemerhatian turut serta di lokasi kajian pada September 2014 hingga Disember 2015.

<sup>780</sup> Sumber maklumat adalah hasil daripada temubual dengan subjek keenam yang juga merupakan rakan sebilik dengan subjek ketujuh pada 20hb. Oktober 2015, jam 10.00 malam di kelas salah seorang guru di lokasi kajian.

<sup>781</sup> Kes beliau merokok dalam kawasan sekolah telah berjaya dikenalpasti oleh pihak sekolah dan beliau telah diberikan hukuman rotan oleh guru disiplin pada 30hb. November 2014 atas kesalahan tersebut.

<sup>782</sup> Lihat Jadual 4.3: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Pertama.

<sup>783</sup> Lihat Jadual 4.4: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Kedua.

<sup>784</sup> Lihat Bab Empat dalam kajian ini, sub topik: 4.4.2 Analisis Pelaksanaan Peranan Guru Terhadap Subjek Kajian.

<sup>785</sup> Lihat Jadual 4.3: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Pertama.

perceraian kedua ibu bapanya ketika beliau berusia 9 tahun adalah penyebab beliau mula terpengaruh dengan rakan-rakan yang bermasalah. Setelah ayahnya berkahwin dengan wanita lain, subjek pertama merasakan bahawa ayah beliau tidak mempedulikannya lagi<sup>786</sup>. Selain itu, subjek pertama juga menyatakan bahawa ayah beliau lebih memberikan perhatian kepada adik tirinya<sup>787</sup>. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan aduan ibu beliau yang menyatakan bahawa suaminya itu tidak ambil peduli perasaan subjek pertama sehingga subjek pertama pernah meminta ibunya agar kahwin dengan lelaki lain<sup>788</sup>.

Pada peringkat awal iaitu sebelum cuti sekolah iaitu 12hb. hingga 26hb. Julai 2015, pengkaji telah berjaya untuk memotivasikan beliau untuk menjadi seorang *Hafiz al-Qurān* 30 juzuk dan berubah menjadi pelajar yang baik. Namun, berlaku beberapa masalah beliau dengan ahli keluarga beliau ketika waktu cuti sekolah tersebut sehingga beliau menyatakan hasrat untuk berhenti sekolah<sup>789</sup> dan ingin bekerja seperti rakan sebaya beliau yang bekerja seawal usia 10 tahun<sup>790</sup>. Malahan pula, abang beliau yang pernah memasuki sekolah tahfiz sebelum ini tetapi hanya berjaya menghafal 12 juzuk al-Quran juga telah bekerja sebaik sahaja berhenti daripada tahfiz tersebut tanpa menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terlebih dahulu sedangkan umur abangnya itu ketika pemerhatian turut serta ini dilakukan adalah berumur 17 tahun<sup>791</sup>.

---

<sup>786</sup> Temubual dengan subjek pertama pada 16hb. Jun 2015, jam 3.58 petang, waktu kelas.

<sup>787</sup> Temubual dengan subjek pertama pada 3hb. Ogos 2015, jam 8.59 pagi, waktu rehat.

<sup>788</sup> Temubual dengan ibu subjek pertama pada 12hb. Oktober 2015, jam 8.00 pagi di hadapan pejabat sekolah tahfiz di lokasi kajian.

<sup>789</sup> Temubual antara pengkaji dan subjek pertama pada 27hb. Julai 2015 sehingga 29hb. Julai 2015. Subjek terus menerus memujuk pengkaji dalam tempoh tiga hari ini agar pengkaji dapat berbincang dengan ibu beliau tentang hasrat beliau ingin berhenti sekolah kerana pada dasarnya, ibu beliau tidak setuju dengan hasrat beliau yang tersebut.

<sup>790</sup> Temubual antara pengkaji dan subjek pertama pada 12hb. Ogos 2015, jam 10.15 pagi, waktu kelas.

<sup>791</sup> Temubual antara pengkaji dan subjek pertama pada 10hb. Julai 2015, jam 8.30 malam.



Masalah keluarga subjek pertama agak kritikal sehingga beliau pernah menyatakan hasrat kepada pengkaji untuk mati<sup>792</sup> di samping pernah lari daripada rumah ketika waktu cuti persekolahan dan tinggal di rumah rakannya untuk mencari pekerjaan<sup>793</sup>.

#### **4.3.4 Perbincangan Dapatan Data Tentang Perkara Lain Yang Berkaitan Dengan Subjek Kajian**

Secara umumnya menerusi Jadual 4.11, hanya subjek keenam yang terkecuali daripada tersenarai sebagai anak murid pengkaji kerana beliau hampir menjalani ujian *Shahādah al-Qur'an* 30 juzuk dan perlu dibimbing secara khusus oleh seorang guru yang ditugaskan oleh pihak sekolah untuk memantau dan memeriksa bacaan beliau sebelum ujian tersebut. Manakala subjek ketiga hanya tersenarai sebagai salah seorang anak murid pengkaji kerana beliau telah berhenti awal daripada meneruskan pengajian beliau di lokasi kajian. Pada dasarnya, pengkaji akan membawa keluar kesemua subjek setelah mendapat keizinan daripada ibu bapa atau penjaga mereka. Hal ini adalah bertujuan untuk meneliti dengan lebih mendalam tentang masalah subjek kajian sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini<sup>794</sup>.

Tujuan utama pengkaji membawa kesemua subjek kecuali subjek ketiga keluar daripada kawasan sekolah adalah untuk memotivasikan mereka agar tetap bersemangat untuk menghafal al-Quran. Sebagai contoh, subjek kelima adalah individu pertama yang dibawa keluar oleh pengkaji daripada kawasan sekolah. Pada ketika ini, subjek kelima ingin berhenti sekolah serta merta kerana kes beliau merokok dalam kawasan sekolah telah dapat

---

<sup>792</sup> Temubual antara pengkaji dan subjek pertama pada 30hb. Julai 2015, 11.30 pagi.

<sup>793</sup> Temubual antara pengkaji dan subjek pertama pada 1hb. September 2015, jam 3.00 petang, waktu kelas.

<sup>794</sup> Lihat sub topik dalam bab ini: 4.3.2.1 Subjek Pertama, 4.3.2.2 Subjek Kedua, 4.3.2.4 Subjek Keempat, 4.3.2.5 Subjek Kelima, 4.3.2.6 Subjek Keenam dan 4.3.2.7 Subjek Ketujuh.

diketahui oleh pihak sekolah tahfiz di lokasi kajian dan beliau dipaksa untuk menyebut nama pelajar lain yang turut merokok dalam kawasan sekolah. Guru yang menyoal subjek kelima tersebut telah menampar beliau kerana beliau enggan memberikan nama pelajar lain<sup>795</sup>. Oleh itu, pengkaji telah membawa subjek kelima keluar daripada kawasan sekolah untuk memotivasikan beliau agar tetap bersabar<sup>796</sup>. Sementara bagi subjek yang bermalam di rumah pengkaji pula, perkara ini adalah berdasarkan permintaan para subjek iaitu subjek pertama, subjek kedua, subjek kelima dan subjek ketujuh. Pengkaji sengaja memenuhi permintaan para subjek tersebut untuk meneliti natijah yang berlaku. Hasilnya, sesuatu perkara yang di luar jangkaan telah berlaku seperti subjek pertama secara terang-terangan meminta izin kepada pengkaji untuk menghisap rokok<sup>797</sup> dan subjek kedua yang ingin menghilangkan sifat pemaarah sebagai alasan bagi beliau untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khāliidiyyah<sup>798</sup>.

Di samping itu, pengkaji juga pernah berbual sama ada secara langsung atau hanya menerusi telefon bimbit dengan ibu bapa bagi kesemua subjek kajian kecuali subjek ketiga dan keenam. Secara umumnya, perbualan secara bersemuka dengan ibu bapa atau penjaga para subjek kajian adalah tidak dapat dielakkan kerana pihak sekolah telah meminta agar para guru untuk mengambil tandatangan ibu bapa atau penjaga dan menerangkan kemajuan hafazan al-Quran bagi setiap pelajar kelas masing-masing yang dilakukan pada setiap hujung bulan. Manakala perbualan menerusi telefon hanya melibatkan subjek pertama dan subjek kelima. Oleh itu, perbualan antara pengkaji dan ibu bapa atau penjaga bagi subjek

---

<sup>795</sup> Temubual antara pengkaji dan subjek kelima pada 15hb. Jun 2015, jam 8.00 pagi, waktu kelas.

<sup>796</sup> Peristiwa ini berlaku pada 16hb. Jun 2015.

<sup>797</sup> Peristiwa ini berlaku pada 12hb. September 2015, jam 6.00 petang.

<sup>798</sup> Peristiwa ini berlaku pada 10hb. Julai 2015, jam 8.30 malam.

kajian jelas membuktikan bahawa pengkaji telah dapat mengenalpasti dan mendalami masalah para subjek kajian dengan semaksimum mungkin.

Selanjutnya, kesemua subjek kecuali subjek ketiga telah menyatakan hasrat dan berminat untuk mengambil *bay,,dh* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah tetapi pengkaji hanya membawa subjek kelima dan subjek keenam untuk mengambil *bay,,ah* tersebut dengan Haji Johar bin Ahmad di Klang berdasarkan kesungguhan dan minat yang mendalam bagi kedua-dua subjek tersebut. Sementara itu, subjek pertama dan subjek kedua masih lagi di bawah umur iaitu 12 tahun pada 2015 dan belum lagi baligh untuk dibawa mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Subjek keempat pada awalnya sudah mempunyai semangat yang tinggi untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah tetapi dibantutkan oleh ayah beliau. Justeru itu, subjek keempat secara sembunyi-sembunyi telah mengambil amalan ilmu mempertahankan diri yang masih lagi diragui sama ada menggunakan jin atau tidak. Seterusnya, subjek ketujuh pula masih dalam proses untuk pengambilan *bay,,ah* ketika pemerhatian turut serta ini dijalankan.

**Jadual 4.11: Ringkasan Perkara-Perkara Lain yang Berkaitan dengan Subjek Kajian**

Perkara	Subjek						
	1	2	3	4	5	6	7
Merupakan anak murid pengkaji	/	/	/	/	/	<b>X</b>	/
Pernah mengikut pengkaji keluar dari kawasan sekolah	/	/	<b>X</b>	/	/	/	/
Pernah bermalam di rumah pengkaji	/	/	<b>X</b>	<b>X</b>	/	<b>X</b>	/
Perbualan antara pengkaji dengan ibu bapa subjek sama ada bersemuka atau menerusi telefon bimbit	/	/	<b>X</b>	/	/	<b>X</b>	/

**Jadual 4.11: Sambungan**

Menyatakan minat untuk mengambil <i>bay,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah.	/	/	<b>X</b>	/	/	/	/
Telah mengambil <i>bay,ah</i> Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah.	<b>X</b>	<b>X</b>	<b>X</b>	<b>X</b>	/	/	<b>X</b>

**Sumber:** Temu bual Dan Pemerhatian Turut Serta 2014 dan 2015

#### **4.4 ANALISIS DAPATAN KAJIAN BAGI KEBERKESANAN PENGAPLIKASIAN TERAPI ISLAM DAN PERANAN GURU**

Berdasarkan dapatan data daripada ketujuh-tujuh orang subjek kajian, jelas menyatakan bahawa terdapat kesan yang positif daripada hasil pengaplikasian Terapi Islam dan peranan guru terhadap kumpulan sasaran sebagaimana penganalisan di bawah.

##### **4.4.1 Analisis Pelaksanaan Terapi Islam Terhadap Subjek Kajian**

Pada dasarnya semua para pelajar tahfiz di lokasi kajian telah didedahkan secara tidak langsung dengan Terapi Iman dan Terapi Ibadah oleh pihak sekolah. Bagi Terapi Iman, pihak sekolah telah mendedahkan secara asas tentang Rukun Iman yang enam yang marangkumi beriman dengan Allah S.W.T., para Malaikat, kitab-kitab yang diturunkan, para Nabi dan Rasul, Hari Kiamat dan ketentuan baik dan buruk menurut pendekatan al-Ash`irah yang merupakan salah satu golongan *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā,ah* ketika sesi pembelajaran kelas fardhu ain<sup>799</sup>. Sebagai lanjutannya pula, pengkaji hanya memberikan penekanan terhadap tanda-tanda Kiamat terpilih iaitu kedatangan al-Mahdī, pembukaan Kota Konstantinopel dan kemunculan al-Dajjāl dan peristiwa yang akan berlaku di Akhirat

<sup>799</sup> Lihat Bab Tiga, sub topik: 3.1.1.2 Pendidikan Fardhu Ain.

di samping mengenengahkan Terapi Tasawuf sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini<sup>800</sup>. Hasilnya daripada Terapi Islam yang dilakukan ini adalah sebagaimana berikut:

**i) Pengakuan Sukarela Tanpa Sebarang Permintaan Terhadap Dosa yang Dilakukan**

Secara jelasnya, pengakuan sukarela oleh para subjek kajian tanpa sebarang permintaan atau pertanyaan daripada pengkaji adalah suatu hasil yang amat positif memberangsangkan kerana subjek pertama<sup>801</sup>, subjek ketiga<sup>802</sup>, subjek keempat<sup>803</sup> dan subjek kelima<sup>804</sup> telah mengakui kesilapan dan dosa yang pernah dilakukan sebelum ini terutamanya dosa yang melibatkan manusia. Semua pengakuan ini adalah berlaku secara tiba-tiba yang dinyatakan kepada pengkaji sebagaimana ungkapan kata-kata yang berikut:

**Subjek Pertama:** *“Saya pernah mencuri duit tabung surau dengan kawan-kawan saya”<sup>805</sup>.*

**Subjek Ketiga:** *“Saya dah buat semua dosa besar. Bunuh orang je belum lagi”<sup>806</sup>.*

**Subjek Keempat:** *“Saya pernah curi hanset orang dan jual hanset tu”<sup>807</sup>.*

**Subjek Kelima:** *“Ustaz, saya pernah minum arak”<sup>808</sup>.*

Pengakuan yang dilakukan oleh para subjek kajian jelas menyatakan bahawa Terapi Iman mempunyai peranannya yang tersendiri dalam menyedarkan seseorang tentang dosa yang pernah dilakukan. Pada masa yang sama, Terapi Iman ini juga dapat menghalang seseorang ahli maksiat untuk mengulangi sesuatu dosa yang pernah dilakukan sebagaimana peristiwa

---

<sup>800</sup> Lihat Jadual 4.1: Kronologi Pengaplikasian Terapi Tasawuf dan Terapi Iman.

<sup>801</sup> Lihat Jadual 4.3: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Pertama.

<sup>802</sup> Lihat Jadual 4.5: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Ketiga.

<sup>803</sup> Lihat Jadual 4.6: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keempat.

<sup>804</sup> Lihat Jadual 4.7: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Kelima.

<sup>805</sup> Pengakuan dilakukan pada 20hb. Februari 2015, 4.00 petang ketika waktu kelas.

<sup>806</sup> Pengakuan dilakukan pada 25hb. Februari 2015, 5.25 petang, waktu rehat.

<sup>807</sup> Pengakuan dilakukan pada 16hb. September 2015, 9.00 malam.

<sup>808</sup> Pengakuan dilakukan pada 10hb. November 2015, 8.15 pagi, waktu kelas.

yang berlaku kepada subjek pertama dan subjek kelima. Berikut adalah ungkapan kata yang dinyatakan:

**Subjek Pertama:** “Masa time cuti, saya pergi masjid sorang-sorang. Saya cuba jolok tabung masjid dengan lidi. Dapat la 25 ringgit tapi bila fikir mak dan ayah saya akan menanggung dosa, saya jadi takut. Saya masukkan balik duit tu dan tambah lagi 10 ringgit”<sup>809</sup>.

**Subjek Kelima:** “Tadi saya jumpa handset kat masjid, tercicir kot. Saya nak amik tapi bila fikir balik, saya letak balik handset tu”<sup>810</sup>.

Hakikatnya, perkara ini adalah bertepatan dengan sabda Rasulullah s.a.w. yang menyatakan bahawa ahli maksiat yang ingin melakukan maksiat tidak akan melakukannya sama sekali ketika ahli maksiat tersebut berada dalam keimanan sebagaimana berikut:

لا يَزْنِي الزَّانِي حِينَ يَزْنِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَشْرِبُ الْخَمْرَ حِينَ يَشْرِبُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلَا يَسْرِقُ  
السَّارِقُ حِينَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Maksudnya: “Seorang pezina tidak akan berzina ketika dia ingin berzina sedangkan dia berada di dalam keimanan. Seorang peminum arak tidak akan meminumnya sedangkan dia berada dalam keimanan. Seorang pencuri tidak akan mencuri ketika dia ingin mencuri sedangkan dia berada di dalam keimanan”<sup>811</sup>.

## ii) Hasrat Untuk Mengambil *Bay'ah* Guru Mursyid

Secara dasarnya sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Satu<sup>812</sup>, pengkaji hanya menjelaskan kepada para pelajar di lokasi kajian agar mencari guru mursyid dalam tarekat

<sup>809</sup> Pengakuan ini berlaku pada 13hb. Jun 2015, 7.10 pagi, waktu kelas. Lihat Jadual 4.3: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Pertama.

<sup>810</sup> Peristiwa berlaku pada 16hb. Jun 2015, 9.45 malam. Lihat Jadual 4.7: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Kelima.

<sup>811</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Ḥudūd, Bāb al-Sāriq ḥin Yasriq*, hadith no. 6782). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā'īl, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh 'alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb (Kaherah: al-Matba'ah al-Salafīyah, 1979), 4:247; Hadith riwayat Muslim dengan susunan yang berbeza tetapi mempunyai maksud yang sama (*Kitāb al-Īmān, Bāb Bayān Nuqṣān al-Īmān bi al-Ma'āṣī wa Nafyih, an al-Mutalabbis bi al-Ma'āṣiyah*, hadith no. 211). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 1:54; Hadith riwayat al-Tirmidhī (*Kitāb al-Īmān, Bāb Mā Jā' Lā Yaznī al-Zānī wa Huwa Mu'min*, hadith no. 2625). Lihat al-Tirmidhī, Muḥammad bin 'Īsā, *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nāshir wa al-Tawzī', t.t.), 592.

<sup>812</sup> Lihat Bab Satu dalam kajian ini, sub topik 1.2.2 Pimpinan Guru Mursyid dalam Tarekat.

yang boleh membimbing diri mereka dalam menghilangkan sifat-sifat terkeji (*al-madhmūmah*) dan seterusnya menghiaskan diri dengan sifat-sifat yang terpuji (*al-mahmūdah*) tanpa memberi sebarang cadangan kepada mereka untuk mengambil *bay,,ah* mana-mana tarekat seperti Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah di bawah pimpinan Haji Johar bin Ahmad terutamanya. Lantaran itu, sekiranya terdapat pelajar yang menyatakan hasrat untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah, maka pengkaji akan meminta mereka untuk meminta petunjuk kepada Allah S.W.T..

Pada masa yang sama, hasrat kesemua subjek kecuali subjek ketiga untuk mengambil *bay,,ah* guru mursyid khususnya Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah<sup>813</sup> secara tidak langsung turut menunjukkan bahawa Terapi Ibadah yang diterapkan oleh pihak sekolah sejak awal penubuhannya tidak mampu untuk memberikan pengisian jiwa yang optimum khususnya terhadap para subjek kajian. Ini dapat dikenalpasti dengan kenyataan subjek keempat yang mengatakan: “Orang macam saya ada harapan ke Allah terima?”<sup>814</sup> di samping kenyataan subjek keenam yang menyatakan bahawa jiwanya masih kosong walaupun bergelar *al-Hāfiz al-Qur’ān* 30 juzuk dan telah berjaya mengulang lebih daripada lima kali bagi program pemantapan al-Quran (*Shahādah al-Qur’ān*) 30 juzuk dengan katanya: “Saya rasa jiwa saya kosong”<sup>815</sup>. Memandangkan subjek keempat dan keenam adalah *Hāfiz al-Qur’ān* 30 juzuk yang kebiasaannya sentiasa membaca al-Quran, sepatutnya jiwa mereka berada dalam ketenangan tetapi sebaliknya telah berlaku. Justeru, tidak dapat dinafikan lagi bahawa Terapi Tasawuf adalah penting di samping menjadi pelengkap kepada Terapi Ibadah.

---

<sup>813</sup> Lihat Jadual 4.11: Ringkasan Perkara-Perkara Lain yang Berkaitan dengan Subjek Kajian.

<sup>814</sup> Kenyataan subjek keempat dalam temubual dengan pengkaji pada 8hb. September 2015, 8.10 malam, waktu kelas persiapan hafazan baru. Lihat Jadual 4.6: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keempat.

<sup>815</sup> Subjek keenam dalam temubual dengan pengkaji pada 15hb. Oktober 2015, 8.40 pagi.

Selain itu, pengamalan zikir *Ism al-Dhāt* menurut praktik Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab Satu<sup>816</sup> telah menyatakan bahawa ianya mempunyai potensi untuk memberikan ketenangan jiwa kepada pengamalnya. Potensi ini boleh didapati menerusi pengakuan subjek kelima yang melaksanakannya secara konsisten (*istiqāmah*) setiap hari. Menurut subjek kelima, pengamalan zikir *Ism al-Dhāt* tersebut telah membantu beliau untuk mendapatkan ketenangan hati di samping menghilangkan sifat panas baran yang terdapat pada dirinya<sup>817</sup>.

Justeru itu, penerapan Terapi Tasawuf sebagaimana yang diketengahkan dalam Bab Satu mempunyai kepentingannya terhadap pendidikan akhlak kepada para remaja kini dan kenyataan ini secara realitinya turut disokong oleh kajian terkini sebagaimana kajian Abdul Muhsien Sulaiman yang menyatakan bahawa para pengkaji semasa perlu mengkaji tentang penyerapan ilmu akhlak dan kerohanian terhadap para pelajar di sekolah dan institusi pengajian tinggi<sup>818</sup>.

### iii) Pengaruh Kisah Ahli Sufi Terhadap Para Pelajar

Pendedahan kisah ahli sufi secara khususnya telah memberikan kesan yang positif kepada para subjek kajian. Antara kesan positif tersebut ialah para subjek merasa bersalah setelah melakukan sesuatu perbuatan yang boleh menyinggung kedua ibu bapa masing-masing

---

<sup>816</sup> Lihat Bab Satu dalam kajian ini, sub topik 1.4.6 Terapi Zikir, Jadual 1.4: Adab Zikir *Ism al-Dhāt*, 133.

<sup>817</sup> Secara dasarnya, pengkaji telah bertanya kepada subjek kelima tentang perubahan dirinya setelah mengamalkan zikir *Ism al-Dhāt* sebagaimana yang terdapat dalam pengamalan Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Menurut subjek kelima, sebelum mengambil *bay,ah* tarekat ini, beliau adalah seorang yang panas baran dan sering bergaduh. Malah, subjek juga menyatakan bahawa beliau selalu berfikir sama ada terdapat jalan keluar baginya untuk melakukan perubahan ke arah yang lebih baik kerana beliau merasakan seolah-olah amalan kebaikan yang dilakukan selama ini seperti tidak mencukupi. Tetapi setelah mengamalkan amalan zikir Allah, Allah sebagaimana yang terdapat dalam praktik zikir Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah, subjek merasa tenang dan berasa malas nak marah. Subjek kelima dalam temubual dengan pengkaji pada 30hb. November 2015, 3.17 petang.

<sup>818</sup> Abdul Muhsein bin Sulaiman, "Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib al-Makki (w.386H/996M)" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014), 299.



seperti surat yang diberikan subjek pertama kepada ibunya<sup>819</sup> dan surat subjek kedua kepada ayahnya<sup>820</sup> untuk meminta maaf bagi kesalahan masing-masing, kenyataan subjek keempat yang mengatakan: “*Saya rasa bersalah kerana pernah menipu mak saya. Saya kata kat dia yang saya dah berhenti merokok tetapi saya masih lagi merokok*”<sup>821</sup> di samping kenyataan subjek ketujuh yang turut merasa bersalah kerana menipu ibunya ketika masa cuti sekolah dengan katanya: “*Ustaz, saya masa cuti, saya ada tipu mak saya. Saya kata saya pergi masjid tapi ikut lepak ngan kawan*”<sup>822</sup>. Kesemua peristiwa ini berlaku setelah pengkaji mendedahkan kisah Abū Yazīd al-Buṣṭāmī<sup>823</sup> yang amat taat kepada ibunya sebagaimana yang dinyatakan oleh dirinya sendiri iaitu:

“Rupa-rupanya kewajipan yang aku anggap remeh pada asalnya adalah kewajipan yang paling utama iaitu berbakti kepada ibuku kerana dengan berkhidmat dengan ibuku, aku dapat semua yang aku inginkan dan perkara itu hanya boleh diperolehi dengan melakukan disiplin yang ketat serta beribadah kepada Allah”. Kemudian bagi menerangkan dengan lebih lanjut tentang perkara ini, beliau menyambung: “Pada suatu malam yang sejuk, ibuku meminta dibawakan air kepadanya untuk diminum tetapi air tiada dalam kendi yang selalu digunakan. Aku pergi ke dapur untuk mengambil air di dalam bekas tempayan dan bekas tersebut juga kosong. Oleh itu, aku pergi ke sungai dan mengambil air di sana. Ketika pulang ke rumah, ibuku telah nyenyak tidur. Bagi tidak mengganggu ibuku, aku berdiri di sebelahnya dengan memegang kendi air sehingga beliau terjaga. Setelah meminum air yang dibawa, ibuku mendoakanku dan tanpaku sedari, tanganku menjadi kebas lantaran memegang kendi tersebut. Ibuku bertanya mengapa aku tetap memegang kendi tersebut sewaktu beliau tertidur. Aku berkata padanya bahawa aku takut ibu terjaga dan aku tiada di sini. Ibuku kemudiannya menyuruhku agar membiarkan pintu rumah separuh terbuka. Sepanjang malam itu juga aku menjaga pintu tersebut agar tetap separuh terbuka sehingga fajar menjelma. Oleh itu, aku dapat menunaikan perintah ibuku perkara ini berlaku berulang-ulang kali”<sup>824</sup>.

<sup>819</sup> Lihat Jadual 4.3: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Pertama pada 14hb. September 2015.

<sup>820</sup> Lihat Jadual 4.4: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Kedua pada 22hb. Oktober 2015.

<sup>821</sup> Lihat Jadual 4.6: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keempat pada 1hb. Disember 2015, 10.30 pagi, waktu kelas.

<sup>822</sup> Lihat Jadual 4.9: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Ketujuh pada 29hb. Jun 2015, 4.00 petang, waktu kelas.

<sup>823</sup> Lihat Jadual 4.1: Kronologi Pengaplikasian Terapi Tasawuf dan Terapi Iman.

<sup>824</sup> Farid al-Din ‘Attar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya* (“Memorial of the Saint”), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 121-122; Muhammad Tahir-ul-Qadri, *Spiritualism and Magnetism* (Lohare: Minhaj-ul-Qur’an Publications, 2001), 74-75.

Selain itu, subjek kedua telah menghayati kisah Abū Yazīd al-Bustāmi dengan sebaik mungkin sehingga beliau telah mengeluarkan kenyataan kepada pengkaji bahawa beliau ingin mencontohi tingkah laku Abū Yazīd dengan katanya: “*Ustaz, saya rasa saya nak ikut macam Abū Yazīd la*”<sup>825</sup>. Subjek kedua turut bertanya kepada pengkaji pada waktu yang lain tentang pendidikan Abū Yazīd dengan katanya: “*Ustaz, dulu Abū Yazīd belajar apa?*” dan maksud daripada doa ibu Abū Yazīd<sup>826</sup> dengan katanya: “*Ustaz, kenapa mak dia kata dia terbang*”<sup>827</sup>.

Antara lain ialah kenyataan subjek keempat yang mengatakan: “*Duit yang saya ambil nak buat macam mana?*” dan peristiwa ini berlaku setelah pengkaji mendedahkan tentang kisah taubat Fuḍayl bin ʿIyāḍ<sup>828</sup>. Pada masa yang sama, bagi mengukuhkan lagi hasil keberkesanan terhadap pendedahan kisah ahli sufi ini di lokasi kajian, pengakuan daripada pelajar lain yang tidak dipilih sebagai subjek kajian adalah wajar ditampilkan. Antaranya, terdapat seorang pelajar yang meminta pengkaji agar menyambung kembali penceritaan tentang kisah para ahli sufi tersebut walaupun pengkaji perlu mengulanginya kembali setelah menghentikan pendedahan tentangnya selama hampir sebulan dengan katanya: “*Ustaz, citer la lagi tentang kisah ahli sufi. Saya suka dengar. Kalau ulang balik pun takpe*”<sup>829</sup>. Oleh itu bagi tidak menghampakan hasrat beliau, pengkaji telah mengulangi

---

<sup>825</sup> Temubual antara pengkaji dan subjek kedua pada 22hb. Ogos 2015, jam 3.00 petang.

<sup>826</sup> Ibu Abū Yazīd telah berdoa sebagaimana berikut: “*Ya Allah, peliharalah anakku yang terbang*”. Lihat Farid al-Din ʿAttar, *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya* (Memorial of the Saint), terj. A.J. Arberry (Delhi: Muslim Media, t.t.), 125-126.

<sup>827</sup> Temubual dengan subjek pada 8hb. September 2015, jam 3.24 petang.

<sup>828</sup> Lihat Jadual 4.6: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keempat pada 16hb. Oktober 2015, 10.30 malam, selepas selesai kelas tazkirah.

<sup>829</sup> Temubual dengan Arif, 20 tahun pada 24hb. Januari 2015, jam 11.59 pagi.

kembali kisah Rabi,ah al-Adawiyah dan Fuḍayl bin ,Iyād<sup>830</sup>. Antara lain, terdapat seorang pelajar yang berjumpa dengan pengkaji untuk menyatakan bahawa beliau ingin berubah dengan katanya: “*Ustaz, saya nak berubahlah*”<sup>831</sup> dan peristiwa ini berlaku ketika pengkaji mendedahkan kisah tentang Ibrāhīm al-Adham.

#### **iv) Mengenalpasti Amalan-amalan Zikir yang Bermasalah**

Pendedahan tentang pimpinan guru mursyid dalam sesuatu amalam tarekat yang terdapat dalam Terapi Tasawuf mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Ini dapat dinilai dengan melihat kepada peristiwa yang berlaku kepada subjek keempat yang terpengaruh dengan amalan “*Persatuan Kucing Merah*” yang memanipulasikan zikir nafas yang terkandung daripada ilmu Hakikat dan ilmu Makrifat dengan mantera-mantera tertentu yang didakwa mampu mengaktifkan “*Besi Kursani*” dan ianya adalah berasal daripada tiang *Arash*<sup>832</sup> di samping pertanyaan beliau tentang “*Nur Muhammad*”<sup>833</sup>.

Perkara yang sama turut berlaku terhadap subjek keenam yang cuba didoktrin dengan ilmu rawatan Islam dengan menggunakan “*Rohani Khursani*” oleh salah seorang tukang masak di lokasi kajian<sup>834</sup>. Pada dasarnya, jawapan bagi masalah kerohanian ini perlu penilaian yang khusus yang meliputi dalil al-Quran dan al-Hadith, pandangan ulama yang berautoriti dalam bidang tersebut serta pemerhatian turut serta bagi sesuatu tarekat kerana ianya adalah

---

<sup>830</sup> Lihat Jadual 4.1: Kronologi Pelaksanaan Terapi Tasawuf dan Terapi Iman.

<sup>831</sup> Temubual dengan pelajar tersebut pada 24hb. Oktober 2014 jam 10.30 malam ketika sesi bersalaman antara pengkaji dan para pelajar di lokasi kajian setelah berakhirnya kelas tazkirah.

<sup>832</sup> Lihat Jadual 4.6: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keempat pada 16hb. September 2015, 9.00 malam, di Shah Alam, Selangor.

<sup>833</sup> Lihat Jadual 4.6: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keempat pada 5hb. Ogos 2015, 9.30 malam, selepas solat Isyak berjemaah.

<sup>834</sup> Lihat Jadual 4.8: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Keenam pada 15hb. Oktober 2015, 8.40 pagi.

merupakan salah satu rahsia kerohanian dan ilmu tentangnya adalah urusan Allah S.W.T. sebagaimana Firman-Nya:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الرُّوحِ قُلِ الرُّوحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّي وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٥﴾

Maksudnya: “Dan mereka bertanya kepadamu tentang roh. Katakan: Roh itu dari perkara urusan Tuhanku dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan melainkan sedikit sahaja”.

(Surah al-Isra‘, 17:85)

Menerusi pemerhatian turut serta yang dilakukan oleh pengkaji terhadap Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah, persoalan tentang “Besi Khursani”, “Rohani khursani”, “Tiang Arash” dan “Nur Muhammad” sebagaimana yang dikemukakan oleh subjek keempat di samping “Rohani Khursani” oleh subjek keenam dapat dipastikan tentang kebenarannya sama ada ianya benar atau salah adalah menerusi *murāqabah* tertentu dalam Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah menurut kaedah tertentu yang diajarkan oleh guru mursyid kepada ahli Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah yang telah mencapai tahap “Khalifah”<sup>835</sup>. Sungguhpun begitu, setiap ahli Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah yang belum sampai ke maqam *mushāhadah* (*mushāhadah* adalah lanjutan daripada *murāqabah*) peringkat pertama perlu berhati-hati dengan setiap natijah-natijah zikir<sup>836</sup> yang diperolehinya kerana mereka belum mampu untuk membezakan antara natijah zikir yang benar-benar daripada Allah S.W.T. atau tidak<sup>837</sup>. Secara dasarnya terdapat beberapa peringkat zikir dalam Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah iaitu zikir *Ism al-*

---

<sup>835</sup> Muhamad Azreen bin Mohd Ariffin (salah seorang Khalifah kepada Haji Johar bin Ahmad) dalam temubual dengan beliau pada 23hb. Ogos 2018, jam 10.45 malam di Surau Tawajjuh Haji Johar bin Ahmad.

<sup>836</sup> Natijah-natijah zikir ini sebenarnya adalah berasal daripada makna kalimah al-Wāridāt. Lihat Jahid bin Sidek, “Penyakit-penyakit & Masalah dalam Pengamalan Ilmu Tarekat” (makalah dalam Simposium Tarekat Tasawwuf, Siri Kedua, Madrasah As-Saidiyyah, Kampung Pondok Rasah Seremban, 3hb. Disember 2011.), 16.

<sup>837</sup> Hanafi bin Abu Talib (salah seorang Khalifah kepada Haji Johar bin Ahmad) dalam temubual dengan beliau pada 23hb. Ogos 2018, jam 11.00 malam di Surau Tawajjuh Haji Johar bin Ahmad.

*Dhāt* 5000 sehingga 11 000 dalam sehari semalam, zikir *Nafi Ithbāt*, *Murāqabah*, *Mushāhadah* dan seterusnya<sup>838</sup>.

Berdasarkan kes subjek keempat dan subjek keenam ini juga, fenomena semasa secara tidak langsung telah menyatakan bahawa ajaran-ajaran yang bermasalah semakin berleluasa kini sehingga berjaya mempengaruhi para remaja sekolah di samping percampuran antara yang hak dan batil sehingga mengelirukan masyarakat. Oleh itu, masyarakat kini kurang mendapat pendedahan yang sewajarnya tentang institusi tarekat yang sebenar<sup>839</sup>. Justeru itu, penjelasan tentang guru mursyid yang berautoriti dalam memimpin sesuatu tarekat sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab Satu adalah relevan untuk diketengahkan kepada para pelajar sebagai suatu pendedahan awal dan perkara ini tidak wajar dinilai sebagai suatu pendedahan yang janggal dan tidak bermakna.

Sebagai kesimpulannya, hasil dapatan yang dinyatakan ini jelas menunjukkan bahawa Terapi Islam mempunyai peranannya yang tersendiri dalam mengubah pola pemikiran para pelajar di lokasi kajian agar berfikir lebih positif di samping membantu mereka untuk berusaha dalam mengubah sikap dari berakhlak buruk kepada akhlak terpuji, meskipun ianya memerlukan komponen kesungguhan dan keazaman serta sokongan yang padu daripada pihak persekitaran mereka. Justeru, selain penerapan Terapi Islam ini, pengkaji berpandangan peranan guru yang berada di persekitaran mereka turut memainkan peranan yang tidak dapat dinafikan kepentingannya dan perbincangan analisisnya adalah sebagaimana di bawah.

---

<sup>838</sup> Maklumat berdasarkan pemerhatian turut serta di Surau Tawajjuh Haji Johar bin Ahmad pada tahun 2013 hingga 2015.

<sup>839</sup> Lihat Bab Satu dalam kajian ini, sub topik: 1.2.2 Pimpinan Guru Mursyid dalam Tarekat, 80.

#### **4.4.2 Analisis Pelaksanaan Peranan Guru Terhadap Subjek Kajian**

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Dua, umum mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w. adalah guru yang pertama dalam Islam dan lebih berautoriti untuk diikuti oleh para guru tanpa mengira zaman. Pada masa yang sama, terdapat sejumlah ayat al-Quran dan al-Hadith yang mengenengahkan keperibadian akhlak Rasulullah s.a.w. yang begitu indah merangkumi sifat Baginda s.a.w. yang penyayang, pemaaf, tabah mengharungi dugaan dan cubaan, membalas kejahatan dengan kebaikan dan sebagainya turut dinyatakan dalam Bab Dua. Selanjutnya setelah kewafatan Baginda s.a.w., para ilmuan Islam telah membentuk adab-adab tertentu bagi setiap guru menurut perspektif al-Quran dan al-Hadith yang bertujuan agar keindahan akhlak Rasulullah s.a.w. sebagai seorang guru dapat dicontohi.

Malangnya, para guru kini terutamanya di lokasi kajian sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Tiga<sup>840</sup> kurang mengambil berat tentang adab-adab seorang guru. Berdasarkan pelaksanaan peranan guru di lokasi kajian yang dilaksanakan secara langsung oleh pengkaji, hasilnya adalah amat memberangsangkan kerana pengkaji tidak menjangkakan pengakuan secara tiba-tiba oleh para subjek kajian tanpa sebarang pertanyaan atau permintaan. Secara umumnya bagi sesuatu kajian seumpama kajian yang dilakukan ini, para pengkaji kebiasaannya perlu menemubual subjek kajian untuk sesuatu perkara tetapi untuk kajian ini, perkara sebaliknya telah berlaku iaitu pengkaji seolah-olah ditemubual oleh para subjek. Ini kerana, para subjek lebih kerap menemui pengkaji untuk bertanyakan sesuatu persoalan di samping pengaduan terhadap perkara tertentu berbanding persoalan yang diajukan oleh pengkaji terhadap para subjek kajian. Pada hemat pengkaji, perkara ini adalah berkait rapat dengan faktor-faktor berikut:

##### **Pertama: Faktor Tarikan Kelainan**

---

<sup>840</sup> Lihat Bab Tiga dalam kajian ini, sub tajuk 3.4: Masalah Guru di Lokasi Kajian, 220.

Tarikan kelainan ialah sesuatu perkara yang berbeza dengan kelaziman, pelik atau bersifat luar biasa<sup>841</sup>. Dalam pengaplikasian peranan guru di lokasi kajian, penampilan pengkaji sebagai seorang guru adalah amat berbeza dengan kelaziman yang berlaku kepada para guru yang lain. Ini kerana sepanjang tempoh pengaplikasian ini sejak September 2014 hingga Disember 2015, pengkaji langsung tidak menggunakan rotan dalam menghukum dan langsung tidak mempamerkan kemarahan terhadap para pelajar di samping mempraktikkan semaksimum mungkin adab-adab guru sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab Dua<sup>842</sup>.

### **Kedua: Faktor Pengulangan Perlakuan**

Berulang-ulang ialah melakukan sesuatu perkara berulang kali untuk membentuk suatu pengukuhan yang boleh mempengaruhi orang lain<sup>843</sup>. Menerusi faktor ini, para pelajar terutamanya para subjek kajian secara konsistennya telah melihat penampilan pengkaji yang sentiasa mempraktikkan sifat yang positif seperti sabar dan menahan marah dengan karenah pelajar yang bermasalah sebagaimana peristiwa yang berlaku terhadap subjek pertama<sup>844</sup> dan subjek kedua<sup>845</sup> yang sering melakukan perkara yang tidak sewajarnya seperti tidak menghantar hafazan al-Quran, mendesak pengkaji untuk membawa kedua-duanya keluar daripada kawasan sekolah terutamanya untuk menghadiri masjid zikir *Tawajjuh* mingguan sehingga ke tahap memaksa dan sebagainya. Selain itu, tingkah laku

---

<sup>841</sup> Ab Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 56-58; Abd Hadi Borhan dan Fakhrol Adabi Abdul Kadir, "Faktor Pengislaman Masyarakat Non Muslim di Pendalaman Persiangan, Sabah" dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 42 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2015), 77-99.

<sup>842</sup> Lihat sub topik: 2.3.3 Pendekatan Peranan Guru di Lokasi Kajian, 174.

<sup>843</sup> Ab Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 56-58; Abd Hadi Borhan dan Fakhrol Adabi Abdul Kadir, "Faktor Pengislaman Masyarakat Non Muslim di Pendalaman Persiangan, Sabah" dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 42 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2015), 77-99.

<sup>844</sup> Lihat sub topik: 4.3.2.1 Subjek Pertama.

<sup>845</sup> Lihat sub topik: 4.3.2.2 Subjek Kedua.

pengkaji yang sentiasa berulang-ulang melakukan perkara yang sama dalam menghadiri majlis *Tawajjuh* tersebut pada setiap hari Isnin dan Khamis turut mempengaruhi para pelajar sehingga enam daripada tujuh subjek kajian yang menyatakan hasrat untuk mengambil *bay,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah<sup>846</sup>.

### **Ketiga: Faktor Tarikan Keprihatinan**

Faktor ini ialah kesungguhan dalam mengambil berat tentang sesuatu perkara<sup>847</sup>. Menerusi faktor ini, pengkaji sentiasa mempamerkan sikap mengambil berat terhadap para subjek kajian. Antara yang dilakukan oleh pengkaji ialah membawa para subjek yang bermasalah keluar daripada kawasan sekolah untuk memberikan semangat untuk tetap meneruskan pengajian di lokasi kajian<sup>848</sup>. Antara lain ialah prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh para subjek dengan sentiasa bertanya khabar di samping mengikuti perkembangan mereka dari masa ke semasa dan tidak jemu untuk mendengar masalah yang dikemukakan oleh mereka kepada pengkaji sebagaimana kes aduan subjek pertama yang mendesak pengkaji untuk membelikan tiket bas untuk beliau agar beliau dapat lari daripada sekolah yang mengatakan: “*Ustaz, bolehlah belikan tiket bas untuk saya. Saya nak lari pegi Johor*”<sup>849</sup>, kes aduan subjek kedua yang ingin belajar di sekolah kebangsaan tetapi tidak diendahkan oleh ayahnya dengan katanya: “*Ustaz pujuklah ayah saya! Saya nak masuk sekolah biasa. Saya boleh je lari dari rumah dan tinggal kat masjid*”<sup>850</sup> dan kes aduan subjek ketiga yang

---

<sup>846</sup> Lihat Jadual 4.11: Ringkasan Perkara-Perkara Lain yang Berkaitan dengan Subjek Kajian.

<sup>847</sup> Ab Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 56-58; Abd Hadi Borhan dan Fakhru Adabi Abdul Kadir, “Faktor Pengislaman Masyarakat Non Muslim di Pendalaman Persiangan, Sabah” dalam *Jurnal Usuluddin*, bil. 42 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2015), 77-99.

<sup>848</sup> Lihat Jadual 4.11: Ringkasan Perkara-Perkara Lain yang Berkaitan dengan Subjek Kajian.

<sup>849</sup> Lihat Jadual 4.3: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Pertama pada 31hb. Julai 2015, 10.45 malam, 1hb. Ogos 2015, 8.05 pagi, 3hb. Ogos 2015, 8.59 pagi, waktu rehat dan 5hb. Ogos 2015, 7.00 pagi hingga 8.30 pagi.

<sup>850</sup> Lihat Jadual 4.4: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Kedua pada 12hb. Ogos 2015, 4.07 petang, waktu kelas.



ingin bertaubat yang bertanya: “*Ustaz, macam mana nak solat taubat?*”<sup>851</sup>.

Berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan ini, terdapat beberapa implikasi yang mampu menjelaskan dengan lebih lanjut tentang hasil keberkesanan peranan guru yang dilaksanakan oleh pengkaji di lokasi kajian sebagaimana berikut:

### **i) Subjek Kajian Meminta Izin Untuk Melakukan Kesalahan**

Para subjek kajian akan meminta izin yang untuk melakukan sesuatu perkara yang tidak wajar terutamanya yang melibatkan kesalahan tingkah laku. Antaranya ialah kes subjek pertama meminta izin kepada pengkaji agar membenarkan beliau merokok dengan berkata: “*Ustaz, boleh tak saya merokok?*”<sup>852</sup> di samping meminta agar dibelikan untuknya rokok elektrik secara tempahan *online* dengan mengatakan sebagaimana berikut: “*Ustaz boleh tolong tempahkan?*”<sup>853</sup> dan kes subjek kelima meminta kepada pengkaji agar menyimpan rokok yang dibawanya ke lokasi kajian secara tidak sengaja dengan katanya: “*Ustaz, kalau saya terbawa rokok ke sekolah, ustaz boleh tak simpankan?*”<sup>854</sup>. Bagi menangani kes ini, pengkaji memberikan jawapan yang logik dengan wajah yang tenang tanpa menunjukkan reaksi yang negatif. Realitinya, perkara ini pernah berlaku terhadap Rasulullah s.a.w. ketika seorang pemuda meminta izin kepada Baginda untuk berzina tetapi Rasulullah s.a.w. memberikan jawapan yang wajar tanpa sebarang tindakan yang negatif<sup>855</sup> dan hadith ini secara lengkapnya adalah sebagaimana berikut:

---

<sup>851</sup> Lihat Jadual 4.4: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Kedua pada 6hb. Februari 2015, 5.30 petang, waktu rehat dan 25hb. Februari 2015, 5.25 petang, waktu rehat.

<sup>852</sup> Peristiwa ini berlaku pada 12hb. September 2015, 6.00 petang, waktu cuti sekolah.

<sup>853</sup> Peristiwa ini berlaku pada 17hb. Ogos 2015, 10.30 pagi, waktu kelas.

<sup>854</sup> Peristiwa ini berlaku pada 29hb. April 2015, 11.35 pagi, selepas kelas.

<sup>855</sup> Berdasarkan hadith riwayat Ahmad bin Hanbal (*Bāqī Musnad al-Anṣār, Ḥadīth Abī Umāmah al-Bāhilī*, no. hadith 22265). Shu,ayb al-Arnaūṭ menyatakan bahawa hadith ini mempunyai sanad yang *ṣaḥīḥ* [dan diriwayatkan oleh] perawi-perawi yang boleh dipercayai (*thiqqāt*). Lihat Ahmad bin Hanbal, *Musnad al-Imām Ahmad bin Hanbal* (Kaherah: Muassasah Qurṭabah, t.t.), 5:256.

أَبِي أُمَامَةَ قَالَ إِنَّ فَتَى شَابًا أَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ ائْتِدَنْ لِي بِالزَّيْنَةِ فَأَقْبَلَ الْقَوْمُ عَلَيْهِ فَرَجَزُوهُ قَالُوا مَهْ مَهْ فَقَالَ اذْنُهُ فَدَنَا مِنْهُ قَرِيبًا قَالَ فَجَلَسَ قَالَ أَتُحِبُّهُ لِأُمِّكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأُمَّهَاتِهِمْ قَالَ أَفَتُحِبُّهُ لِابْنَتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِبَنَاتِهِمْ قَالَ أَفَتُحِبُّهُ لِأُخْتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِأَخَوَاتِهِمْ قَالَ أَفَتُحِبُّهُ لِعَمَّتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِعَمَّاتِهِمْ قَالَ أَفَتُحِبُّهُ لِخَالَتِكَ قَالَ لَا وَاللَّهِ جَعَلَنِي اللَّهُ فِدَاءَكَ قَالَ وَلَا النَّاسُ يُحِبُّونَهُ لِخَالَاتِهِمْ قَالَ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهِ وَقَالَ اللَّهُمَّ اغْفِرْ ذَنْبَهُ وَطَهِّرْ قَلْبَهُ وَحَصِّنْ فَرْجَهُ فَلَمْ يَكُنْ بَعْدُ ذَلِكَ الْفَتَى يَلْتَفِتُ إِلَى شَيْءٍ

Maksudnya: Abū Umāmah meriwayatkan bahawa pada suatu ketika, seorang pemuda telah datang kepada Rasulullah s.a.w. seraya berkata: “Wahai Rasulullah, izinkanlah aku melakukan zina?”. Mendengar soalan tersebut, hadirin yang hadir mula mengangkat suara dan mengejanya dan mereka berkata: “Mah! Mah!”. Maka Rasulullah s.a.w. menjemput pemuda itu agar mendekat dan duduk di hadapan Baginda. Setelah pemuda itu duduk, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Apakah engkau suka sekiranya ibumu dizinai orang?”. Jawab pemuda itu: “Tidak, demi Allah. Semoga Allah menjauh perkara itu”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Begitu juga orang lain, tidak suka ibu-ibu mereka dizinai”. Rasulullah kembali bertanya: “Apakah engkau suka sekiranya anak perempuanmu dizinai orang?”. Jawab pemuda itu: “Tidak, demi Allah. Semoga Allah menjauh perkara itu”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Begitu juga orang lain, tidak suka anak-anak perempuan mereka dizinai”. Rasulullah kembali bertanya: “Apakah engkau suka sekiranya saudara perempuanmu dizinai orang?”. Jawab pemuda itu: “Tidak, demi Allah. Semoga Allah menjauh perkara itu”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Begitu juga orang lain, tidak suka saudara-saudara perempuan mereka dizinai”. Rasulullah kembali bertanya: “Apakah engkau suka sekiranya ibu saudaramu (sebelah ibu dan sebelah bapa) dizinai orang?”. Jawab pemuda itu: “Tidak, demi Allah. Semoga Allah menjauh perkara itu”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Begitu juga orang lain, tidak suka ibu saudara mereka dizinai”. Akhirnya Rasulullah s.a.w. meletakkan tangannya yang mulia ke atas dada pemuda itu seraya mendoakannya: “Ya Allah, sucikanlah hatinya, ampunikanlah dosa-dosanya dan peliharalah kemaluannya”. Pemuda itu seterusnya bangun untuk meninggalkan majlis Rasulullah s.a.w. dan di dalam hatinya tiada sesuatu yang lebih dibencinya selain daripada zina<sup>856</sup>.

<sup>856</sup> Hadith riwayat Aḥmad bin Ḥanbal (*Bāqī Musnad al-Anṣār, Ḥadīth Abī Umāmah al-Bāhilī*, hadith no. 22265). Shu,ayb al-Arnaūṭ menyatakan bahawa hadith ini mempunyai sanad yang *ṣaḥīḥ* [dan diriwayatkan oleh] perawi-perawi yang boleh dipercayai (*thiqqāt*). Lihat Aḥmad bin Ḥanbal, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (Kaherah: Muassasah Qurṭabah, t.t.), 5:256.

Berdasarkan hadith ini, perbuatan pengkaji yang tetap tenang walaupun pelajar meminta izin untuk merokok, membelikan rokok elektrik dan menyimpankan rokok adalah menepati akhlak Rasulullah s.a.w.. Hasilnya, pengkaji dapat mempengaruhi subjek pertama sehingga beliau membuang rokok yang dibelinya dengan alasan menerusi katanya: “*Kalau bawa balik sekolah nanti bagi pelajar-pelajar lain boleh dapat dosa*”<sup>857</sup>.

## **ii) Subjek Kajian Tidak Menunjukkan Adab Sebagai Seorang Pelajar**

Para subjek kajian terutamanya yang belum baligh, akan mempamerkan tingkah laku yang kurang menyenangkan terhadap guru yang melaksanakan ciri-ciri guru ideal sebagaimana yang dilakukan oleh subjek pertama dan subjek kedua yang memaksa pengkaji agar membawa mereka berdua keluar daripada kawasan sekolah pada 30hb. Jun 2015, 10hb. Julai 2015, 3hb. Ogos 2015, 8hb. Ogos 2015 dan 11hb. Ogos 2015. Hakikatnya, perangai kedua-duanya subjek ini adalah melampaui batas tetapi bagi tujuan kajian ini, pengkaji sengaja melayan karenah kedua-duanya. Hasilnya, subjek pertama menyatakan hasrat untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah pada 11hb. Ogos 2015 dan subjek kedua pula pada 10hb. Julai 2015 tetapi hasrat keduanya tidak dapat ditunaikan kerana belum baligh. Kesungguhan kedua-dua subjek ini untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah dapat dikenalpasti menerusi perbuatan subjek pertama yang gembira kerana berjaya menghabiskan 50 kali pusingan tasbih dengan biji tersebut memetik biji tasbih secara laju sebagaimana yang diamalkan oleh ahli Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah dengan katanya: “*Ustaz, saya berjaya pusing tasbih 50 kali*”<sup>858</sup> di samping kenyataan subjek kedua denag nada mengeluh kerana yang merasakan

---

<sup>857</sup> Peristiwa berlaku pada 13hb. September 2015, 5.30 petang di Shah Alam.

<sup>858</sup> Peristiwa berlaku pada 12hb. Ogos 2015, jam 3.18 minit petang, waktu kelas.

waktu untuk beliau baligh agak lama sebagaimana katanya: *“Lama lagi ke boleh amik bay,, ah?”*<sup>859</sup>.

Antara lain ialah para subjek kajian berani melakukan sesuatu kesalahan terutamanya dalam kelas tetapi kemudiannya meminta maaf subjek pertama yang tidur dalam kelas dengan katanya: *“Ustaz, saya minta maaf sebab tidur dalam kelas tadi”*<sup>860</sup> dan subjek ketujuh menipu untuk ke tandas ketika waktu kelas tetapi sebaliknya memakan mee segera dengan katanya: *“Ustaz, saya nak minta maaf sebab tadi saya makan maggi kat bawah”*<sup>861</sup>. Selain itu, perlakuan subjek pertama yang memaki ibunya menerusi mesej dengan menulis: *“Bodoh cakap Tak supebikin [serupa bikin] bagan [bangang] cakap semalam nak hantar bodoh henset tapi macam bodoh je aku tunggu semalam petang macam bagan [bangang]”*<sup>862</sup> telah menyebabkan timbul salah faham antara pengkaji dan kakaknya. Memandangkan subjek meminjam telefon bimbit pengkaji dalam penghantaran mesej ini, kakak subjek pertama membidas pengkaji tanpa usul periksa melalui pesanan mesej daripada *Whatapps* sebagaimana berikut<sup>863</sup>:

*“Salamun alaik  
ustaz saya nur ... [beliau sebut nama] kakak kepada ...[nama subjek]  
ni sy nk tyr [tanya] sekolah x de [tiada] undang2 ke yang mendisiplin  
kan murid...  
ustaz tgg [tengok] ape adik sy [saya] hantar pada ibu saya melalui hp  
[handphone] ustaz  
seorg [seorang] bdk [budak] tahfiz terdidik mcm [macam] ni ke?...  
sy x [tidak] salahkn 100% sikap pelajar pada guru2 cuma  
Tujuan kami hantar ke asrama utk dia belajar berdikari & tarbiah diri  
dia...  
mohon ustaz tolong memberi kerjasama...”*

<sup>859</sup> Peristiwa berlaku pada 2hb. Oktober 2015, jam 4.05 petang, waktu kelas.

<sup>860</sup> Lihat Jadual 4.3: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Pertama pada 22hb. Februari 2015, 4.35 petang.

<sup>861</sup> Lihat Jadual 4.9: Kronologi Peristiwa Antara Pengkaji dan Subjek Ketujuh pada 9hb. September 2015, 4.15 petang, waktu kelas.

<sup>862</sup> Peristiwa ini berlaku pada 8hb. September 2015.

<sup>863</sup> Mesej dihantar pada 8hb. September 2015, jam 10.54 pagi.

*mcm mana nk [nak] disiplinkan & tarbiyyah murid kalo [kalau] mudah guru2 bg [bagi] keizinan pakai hp mcm [macam] ni atas2 sbb [sebab] yg x penting...”*

Bagi menyelesaikan perkara ini, pengkaji menegur subjek pertama dengan baik sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap individu yang melakukan kesalahan dalam beberapa hadith iaitu antaranya hadith tentang sahabat yang berkata-kata dalam solat<sup>864</sup>, hadith tentang seorang Badwi kencing dalam masjid<sup>865</sup> dan hadith tentang seorang Badwi menarik selendang yang dipakai oleh Rasulullah s.a.w. dengan kasar<sup>866</sup>. Kesemua hadith ini secara lengkapnya telah dinyatakan dalam Bab Dua. Akhirnya subjek yang terlibat meminta maaf kepada ibunya<sup>867</sup>.

### **iii) Subjek Membuat Pengakuan Tentang Kesalahan Tingkah Laku Yang Kritikal Secara Sukarela**

Secara asasnya, para pelajar tidak akan berani mengaku tentang kesalahan yang pernah dilakukan terutamanya yang melibatkan dosa-dosa besar yang pernah dilakukan sebelum ini kecuali setelah meneliti dan menilai terlebih dahulu keperibadian seseorang guru itu. Berdasarkan pelaksanaan peranan guru di lokasi kajian, para subjek hanya akan membuat pengakuan sukarela ini setelah melihat keperibadian pengkaji pada setiap hari waktu persekolahan dan tempoh masa yang diperlukan untuk perkara ini adalah lebih daripada

<sup>864</sup> Berdasarkan hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Masājid, Bāb Tahrim al-Kalām fī al-Solāh*, hadith no. 8991). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 2:17.

<sup>865</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Wuḍū‘, Bāb Ṣabb al-Mā’ ,alā al-Bawl fī al-Masjid*, no hadith 220). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb* (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafīyyah, 1979), 1:91.

<sup>866</sup> Berdasarkan hadith riwayat al-Bukhārī (*Kitāb al-Adab, Bāb al-Tabassum wa al-Ḍaḥik*, no hadith 6088). Lihat al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh ‘alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb* (Kaherah: al-Maṭba‘ah al-Salafīyyah, 1979), 4:108; Hadith riwayat Muslim (*Kitāb al-Zakāh, Bāb Iṭā‘ Man Saal bi Fuḥsh wa Ghilzah*, hadith no. 2476). Lihat Muslim bin al-Hajjāj, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āpāq al-Jadīdah, t.t.), 3:103.

<sup>867</sup> Peristiwa berlaku pada 16hb. September 2015, 3.00 petang, waktu kelas.

lima bulan sebagaimana yang dilakukan oleh subjek pertama, subjek ketiga dan subjek kelima. Subjek pertama mengaku pernah mencuri pada bulan ke-6<sup>868</sup> dan begitu juga dengan subjek ketiga yang mengaku pernah melakukan hampir semua dosa-dosa besar kecuali membunuh pada bulan yang sama<sup>869</sup>. Bagi subjek kelima pula, pengakuan tentang meminum arak dilakukannya pada bulan ke-11<sup>870</sup>. Secara realitinya berdasarkan pernyataan ini, ketiga-tiga subjek ini adalah terdiri daripada pelajar pengkaji sendiri dan melihat secara langsung peranan guru yang diaplikasikan oleh pengkaji di dalam kelas.

Manakala bagi subjek daripada kelas lain, tempoh masa yang diperlukan untuk sebarang pengakuan yang melibatkan kes yang kritikal adalah melebihi setahun sebagaimana subjek keempat yang mengaku pernah mencuri pada bulan ke-13<sup>871</sup> dan subjek keenam yang mengaku pernah mengunjungi tempat pelacuran pada bulan ke-16<sup>872</sup>.

#### **iv) Subjek Ingin Mencontohi Nilai Positif Pengkaji**

Melihat kepada sifat pengkaji yang sentiasa menahan marah, para subjek menjadikan sifat pengkaji ini sebagai suatu contoh yang patut diikuti. Ini dapat dilihat daripada ungkapan kata subjek kedua yang menyatakan bahawa beliau ingin menghilangkan sifat panas barannya ketika pengkaji bertanya kepadanya tentang alasan beliau ingin mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah<sup>873</sup>. Antara lain ialah ungkapan kata Subjek Keempat: “*Macam mana nak jadi macam ustaz? Saya cuba tapi tak boleh*”<sup>874</sup>. Pada

---

<sup>868</sup> Pengakuan ini dilakukan pada 20hb. Februari 2015, 4.00 petang, waktu kelas.

<sup>869</sup> Pengakuan ini dilakukan pada 25hb. Februari 2015, 5.25 petang, waktu rehat.

<sup>870</sup> Pengakuan ini dilakukan pada 10hb. November 2015, 8.15 pagi, waktu kelas.

<sup>871</sup> Pengakuan ini dilakukan sebelum subjek bertukar ke kelas pengkaji iaitu pada 16hb. September 2015, 9.00 malam.

<sup>872</sup> Pengakuan ini dilakukan pada 28hb. Oktober 2015, 3.00 petang hingga 4.30 petang, waktu kelas

<sup>873</sup> Temubual antara pengkaji dan Subjek Kedua pada 10hb. Julai 2015, 8.30 malam.

<sup>874</sup> Temubual antara pengkaji dan Subjek Keempat pada 5hb. Mei 2015, 10.00 malam, selepas makan malam di kelas pengkaji.

masa yang sama, para subjek kecuali subjek ketiga menyatakan hasrat untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah kerana terkesan dengan pengaplikasian peranan guru yang pengkaji lakukan di lokasi kajian.

Secara realitinya berdasarkan data-data yang dikemukakan ini, adab-adab yang diketengahkan oleh para ilmuan Islam bagi setiap guru sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab Dua<sup>875</sup> mempunyai fungsinya yang tersendiri dalam pendidikan akhlak terhadap para pelajar pada zaman kini. Hasil keberkesanan berdasarkan pembabitan pengkaji secara langsung dalam mengaplikasikan adab-adab tersebut telah menjelaskan antara fungsi tersebut. Kepentingan mempunyai guru yang berwibawa sebagaimana yang diterapkan dalam kumpulan tarekat tasawuf melalui guru mursyid adalah diperlukan dalam pendidikan akhlak para pelajar.

Dalam hal ini, pendekatan yang diambil dan ditonjolkan melalui kaedah tarekat dan guru mursyidnya dapat dikenalpasti dengan kenyataan 6 orang subjek kajian iaitu subjek pertama, subjek kedua, subjek keempat, subjek kelima, subjek keenam dan subjek ketujuh yang menyatakan hasrat untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah<sup>876</sup> sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Sungguhpun begitu, pengkaji tidak menolak kemungkinan bahawa pengaplikasian peranan guru adalah tunjang utama dalam menarik minat para pelajar tersebut dalam pengambilan *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah ini.

---

<sup>875</sup> Lihat Bab Dua kajian ini, sub topik: 2.2 Adab Seorang Guru Menurut Sarjana Islam.

<sup>876</sup> Di samping 6 orang subjek kajian ini, terdapat lagi 5 orang pelajar lain yang turut menyatakan hasrat untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Maklumat ini adalah diperolehi dalam tempoh masa yang berlainan iaitu pada 24hb. Mei 2015, 10hb. Julai 2015, 5hb. Ogos 2015, 18hb. Ogos 2015, 22hb. Oktober 2015, 9hb. November 2015, 10hb, November 2015, 14hb. November 2015, 1hb. Disember 2015, 3hb. Disember 2015 dan 5hb. Disember 2015.

#### 4.5 PENUTUP

Berdasarkan dapatan data yang dikemukakan dalam bab ini, jelas membuktikan bahawa hasil pengaplikasian dan pelaksanaan terapi Islam dan peranan guru terhadap pendidikan akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz di lokasi kajian adalah positif dan amat memberangsangkan. Sungguhpun begitu, peranan guru menurut keperibadian Rasulullah s.a.w. secara praktikalnya lebih memainkan peranannya dalam kajian ini berbanding dengan terapi Islam. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan dalam Bab Dua bahawa penampilan seseorang guru yang ingin menjalankan sesuatu terapi Islam amat penting terutamanya dalam mendekati kumpulan sasaran yang terdiri daripada para pelajar. Justeru, seseorang guru perlu mempunyai kecerdasan emosi yang stabil di samping perlu menjaga adab-adab sebagai seorang guru. Natiujahnya, guru tersebut akan memahami dengan lebih mendalam masalah yang dialami oleh seseorang pelajar yang bermasalah dan seterusnya dapat membimbingnya ke jalan yang benar dan diredhai Allah S.W.T..

Selain itu, implikasi daripada peranan guru yang diaplikasikan oleh pengkaji ini juga dalam tidak sedar turut mempengaruhi para guru di lokasi kajian. Hal ini adalah berdasarkan kepada permintaan daripada beberapa orang guru di lokasi kajian yang mencadangkan agar pengkaji dapat mengajar pelajar tahfiz di lokasi kajian secara separuh masa tetapi cadangan ini tidak dipersetujui oleh pihak atasan yang hanya inginkan guru tahfiz sepenuh masa bagi memudahkan pentadbiran sekolah<sup>877</sup>. Antara lain, sebelum berhenti daripada menjalankan

---

<sup>877</sup> Peristiwa ini adalah sebagaimana yang dilaporkan oleh ketua pelajar di lokasi kajian tentang luahan beberapa orang guru kepadanya yang tidak bersetuju dengan keputusan pihak atasan yang ingin menamatkan perkhidmatan pengkaji sebagai guru tahfiz. Temubual dengan subjek pada 2hb. Disember 2015, jam 7.45 malam.



pemerhatian turut serta di lokasi kajian, guru disiplin meminta nasihat kepada pengkaji dalam menghadapi masalah akhlak para pelajar<sup>878</sup>.

University of Malaya

---

<sup>878</sup> Temubual dengan beliau pada 9hb. Disember 2015, jam 9.45 malam di lokasi kajian.

## **BAB 5: KESIMPULAN**

### **5.0 PENGENALAN**

Bab ini adalah bab terakhir yang akan merumuskan dan menyimpulkan hasil dapatan data yang diperolehi menerusi kajian yang telah dilakukan ini. Di samping itu, bab ini juga akan mengemukakan beberapa cadangan yang dianggap relevan kepada beberapa pihak tertentu untuk tindakan susulan mengikut aspek masing-masing. Justeru, pengkaji membahagikan bab ini kepada dua bahagian utama iaitu rumusan dan cadangan.

### **5.1 RUMUSAN**

Kajian ini menumpukan kepada empat objektif yang perlu dicapai. Bagi tujuan tersebut, pengkaji telah menyusun empat bab yang berasingan untuk memenuhi objektif yang disasarkan. Bab Satu dikhususkan untuk dapatan yang merangkumi perbincangan tentang Terapi Islam yang relevan untuk diaplikasikan terhadap kumpulan sasaran, Bab Dua dikhususkan untuk dapatan data tentang peranan guru menurut psikospiritual Islam, Bab Tiga dikhususkan untuk dapatan data tentang latar belakang lokasi kajian di samping masalah akhlak para pelajar di lokasi kajian dan Bab Empat adalah dapatan data bagi hasil keberkesanan pengaplikasian Terapi Islam dan peranan guru terhadap kumpulan sasaran.

#### **5.1.1 Rumusan Objektif Pertama**

Pada dasarnya, terdapat sejumlah model Terapi Islam yang dicipta untuk keperluan semasa tetapi bagi kajian ini, Terapi Islam hanya dibahagikan kepada tiga elemen utama iaitu Terapi Tasawuf, Terapi Iman dan Terapi Ibadah. Ketiga-tiga model terapi ini adalah

diadaptasi daripada kajian Khairunnas Rajab (2006) agar sesuai untuk diaplikasikan terhadap kumpulan sasaran iaitu para pelajar tahfiz di lokasi kajian.

Secara teorinya bagi Terapi Tasawuf hasil pengadaptasian daripada kajian Khairunnas Rajab (2006), terdapat dua elemen tambahan penting yang telah diaplikasikan terhadap kumpulan sasaran iaitu pendedahan tentang ahli sufi yang terdiri daripada Ḥasan al-Baṣrī, Rabi,ah al-Adawiyah, Ibrāhīm al-Adham, Bishr al-Ḥāfī, Fuḍayl bin Iyād, Ḥabīb al-,Ajami serta Abū Yazīd al-Buṣṭāmī dan pendedahan tentang kepentingan mencari guru mursyid dari sesuatu tarekat yang muktabar. Pendedahan kisah ahli sufi ini secara tidak langsung turut menjelaskan contoh praktikal tentang *maqāmāt* dan *aḥwāl* dalam tasawuf sebagaimana yang dibahaskan oleh ulama" Islam. *Maqāmāt* dan *aḥwāl* ini adalah merangkumi sifat-sifat terpuji (*maḥmūdah*) seperti taubat, sabar, redha, syukur, ingat mati, cinta kepada Allah S.W.T. dan sebagainya. Manakala pendedahan tentang guru mursyid pula adalah bertujuan untuk menerapkan kefahaman kepada kumpulan sasaran tentang kepentingan mendapat tunjuk ajar dan bimbingan daripada guru yang benar dan berwibawa. Di samping itu, pengkaji turut mendapati bahawa amalan zikir bagi tarekat tertentu mempunyai keistimewaannya yang tersendiri terhadap pengamalannya dan wajar diketengahkan kepada para pelajar sebagai suatu bentuk usaha dalam mendapatkan *maqam* Ihsan.

Manakala bagi Terapi Iman yang terdiri daripada enam rukun Iman pula, Khairunnas Rajab (2006) lebih mengenengahkan teori Tauhid *Rubūbiyyah*, Tauhid *Ulūhiyyah* dan Tauhid *Asmā" wa al-Ṣifāt* bagi menjelaskan Rukun Iman pertama iaitu beriman dengan Allah S.W.T.. Pada pandangan pengkaji, teori ini tidak relevan untuk menggantikan Tauhid Sifat 20 atau ilmu kalam yang telah berjaya membuktikan kekuatan penghujahannya oleh para

ulama“ sejak zaman berzaman. Justeru itu, bagi pengaplikasian Rukun Iman pertama ini, pengkaji lebih menekankan Tauhid Sifat 20 sebagai pendedahan terhadap para pelajar di lokasi kajian. Selain itu, terdapat sedikit perbezaan antara kajian Khairunnas Rajab dan kajian ini bagi Rukun Iman kelima iaitu beriman dengan Hari Akhirat. Bagi mendapatkan perhatian kumpulan sasaran iaitu subjek kajian, pengkaji telah menambah beberapa peristiwa yang akan berlaku sebelum Kiamat iaitu kemunculan al-Mahdī, penaklukan Kota Konstantinopel kali kedua dan bahaya al-Dajjāl.

Selanjutnya bagi Terapi Ibadah, Khairunnas Rajab (2006) telah mengenengahkan beberapa ibadah yang merangkumi taharah, solat, puasa, zakat, haji, zikir, doa dan pembacaan al-Quran secara ringkas dan padat. Bagi menguatkan teori Terapi Ibadah ini, pengkaji telah mengemukakan sumber primer berdasarkan dalil al-Quran, al-Hadith dan pendapat ulama“ yang berautoriti bagi menyatakan tentang fadhilat dan kelebihan sesuatu ibadah tersebut. Di samping itu, pengkaji menambahkan beberapa bentuk Terapi Ibadah lain yang tidak dinyatakan oleh Khairunnas Rajab (2006) iaitu Terapi Niat dan Terapi Selawat.

Bagi pengaplikasian Terapi Islam di lokasi kajian, kaedah yang digunakan adalah lebih berbentuk tazkirah yang dijalankan seminggu sekali bagi mengelakkan para kumpulan sasaran berasa jemu. Selain itu, hampir kesemua teori Terapi Islam ini telahpun dipraktikkan terhadap para pelajar di Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang bagi tempoh Februari 2013 hingga November 2013 sebagai kajian rintis. Sungguhpun begitu, tempoh pelaksanaan pengaplikasian Terapi Islam ini adalah bergantung kepada budi bicara pihak pentadbiran di lokasi kajian dan bagi kajian ini, pengkaji hanya diberi tempoh untuk melaksanakan pengaplikasian ini hanya sehingga Disember 2015.

### 5.1.2 Rumusan Objektif Kedua

Objektif kedua ini dicapai melalui Bab Dua dalam kajian ini yang membincangkan tentang peranan guru menurut psikospiritual Islam. Umum mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w. adalah guru pertama untuk aspek rohani dan jasmani bagi umatnya. Berdasarkan kenyataan ini, pengkaji telah mengenegahkan keperibadian akhlak Rasulullah s.a.w. sebagai contoh tauladan yang terbaik bagi setiap guru kerana terdapat sejumlah ayat-ayat al-Quran dan al-Hadith yang menjelaskan tentangnya. Keberhasilan didikan Rasulullah s.a.w. terhadap para sahabat ini adalah jelas kerana terdapat beberapa ayat al-Quran yang memuji dan mengiktiraf mereka sebagai golongan yang mendapat keredhaan Allah S.W.T.. Kesenambungan daripada keberhasilan ini, para ulama<sup>1</sup> Islam seperti Abū Ṭālib al-Makkī, al-Ghazālī, al-Nawawī dan tokoh selainnya telah menyusun beberapa adab atau peranan bagi setiap guru yang perlu dipraktikkan berdasarkan dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah. Antaranya yang paling utama ialah seseorang guru itu perlu mencontohi akhlak Rasulullah s.a.w. zahir dan batin. Justeru itu secara praktikalnya, para guru perlu mencari inisiatif masing-masing dalam menyuburkan sifat-sifat terpuji (*maḥmūdah*) dan membersihkan diri daripada sifat-sifat terkeji (*madhmūmah*) untuk merealisasikan perkara tersebut.

Bagi pengaplikasian peranan guru di lokasi kajian, pengkaji telah memilih beberapa adab yang perlu dipraktikkan ketika sesi perlaksanaan tersebut iaitu tahan sabar dan tidak mudah marah, menjadi pendengar yang baik, menggunakan nada yang paling baik ketika berkomunikasi, prihatin, menyembunyikan pergerakan harian dengan semaksimum mungkin sekiranya tidak mampu mempamerkannya menurut akhlak Rasulullah s.a.w. yang merangkumi tidur, makan, minum, mandi dan sebagainya, sentiasa bersifat pemaaf dan tidak berdendam atau memusuhi pelajar yang buruk akhlaknya di samping sentiasa

mempamerkan akhlak yang mulia untuk dijadikan contoh ikutan bagi para pelajar. Pada masa yang sama, pengkaji turut mengenengahkan cadangan penyucian jiwa bagi para guru melalui kaedah *uzlah* bagi memperbaiki keterampilan diri sebagai suatu usaha untuk mendapatkan watak pendidik seumpama Rasulullah s.a.w. yang sentiasa tenang dan sabar dalam mendidik para sahabat di samping akhlak terpuji yang lain.

### **5.1.3 Rumusan Objekti Ketiga**

Objektif ketiga dicapai melalui Bab Tiga yang berkait rapat dengan latar belakang lokasi kajian dan masalah akhlak dalam kalangan pelajar tahfiz. Memandangkan tiada lagi kajian khusus yang mengkaji tentang masalah akhlak pelajar tahfiz ini dan sebagai perintis, pengkaji telah mengedarkan borang kaji selidik kepada 120 orang para pelajar di lokasi kajian yang diedarkan pada April 2015. Borang kaji selidik ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi soalan tentang demografi para responden yang melibatkan jantina, tempat tinggal, umur, jumlah pendapatan ibu bapa, sebab memasuki sekolah tahfiz, penglibatan dengan sekolah tahfiz sebelum ini serta sebab-sebab berhenti daripada sekolah tahfiz lama. Bahagian B pula melibatkan soalan tentang pengakuan responden terhadap kesalahan tingkah laku bagi kes mencuri, merokok, salah laku seks berlainan jantina dan salah laku seks sesama jantina. Manakala Bahagian C pula adalah berkaitan tentang soalan kefahaman, amalan dan kesan-kesan nilai spiritual terhadap diri para responden yang mengandungi 27 soalan kesemuanya. Selain daripada borang kaji selidik, bab ini juga mengemukakan beberapa masalah akhlak dalam kalangan responden yang berlaku di lokasi kajian hasil pemerhatian turut serta sebagai maklumat tambahan kepada borang kaji selidik serta beberapa masalah yang timbul dalam kalangan

guru yang secara tidak langsung memberi kesan terhadap proses pendidikan akhlak para pelajar.

Hasil dapatan yang diperolehi daripada borang kaji selidik dan pemerhatian turut serta mendapati akhlak pelajar secara majoritinya di lokasi kajian tidak mencerminkan akhlak sebenar sebagaimana yang dikehendaki oleh ajaran Islam sehingga nama tahfiz di lokasi kajian ini perlu dirahsiakan bagi menjaga maruah tahfiz tersebut daripada tercemar. Antara masalah yang sering berlaku di lokasi kajian termasuklah kes kecurian yang melibatkan kecurian berasingan terhadap dua telefon bimbit guru tahfiz di dalam bilik kediaman kedua guru tersebut dan kecurian wang para pelajar, kes menghidu gam, kes melawan guru dan sebagainya. Sementara bagi kes zina yang melibatkan pengakuan 9 orang pelajar menerusi borang kaji selidik, besar kemungkinan para pelajar yang terlibat telah melakukannya sebelum memulakan pengajian di lokasi kajian. Buktinya, terdapat seorang pelajar yang juga merupakan subjek kajian telah mengaku secara sukarela tanpa ditanya atau disoal bahawa mereka pernah melakukan zina ketika belajar di sekolah menengah kebangsaan di tempat masing-masing dan ingin bertaubat.

#### **5.1.4 Rumusan Objektif Keempat**

Objektif keempat pula dicapai melalui Bab Empat yang membincangkan hasil keberkesanan pengaplikasian Terapi Islam dan peranan guru terhadap kumpulan sasaran di lokasi kajian. Secara umumnya subjek kajian di lokasi kajian amat terpengaruh dengan pengaplikasian yang dilakukan ini. Ini dapat dibuktikan dengan kronologi peristiwa yang berlaku antara pengkaji dan subjek kajian yang terdiri daripada 7 orang pelajar. Ketujuh-tujuh orang subjek ini dipilih berdasarkan justifikasi yang ditetapkan iaitu setiap subjek

perlu memiliki sekurang-kurang tiga daripada lima kriteria berikut iaitu **pertama:** pengakuan subjek bagi sesuatu kes yang melibatkan masalah akhlak adalah secara sukarela, **kedua:** subjek berhasrat untuk berubah menjadi baik, **ketiga:** subjek pernah terlibat dengan masalah akhlak yang melibatkan hukuman hudud seperti zina, curi, minum arak dan sebagainya, **keempat:** subjek berminat untuk mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah dan **kelima:** subjek adalah merupakan anak murid pengkaji.

Berdasarkan kriteria yang ditetapkan, kesemua subjek adalah antara pelajar yang sukarela melakukan sesuatu pengakuan secara spontan atau tanpa diminta oleh pengkaji untuk pengakuan tersebut seperti pengakuan kes merokok oleh kesemua subjek, kes curi oleh subjek pertama, subjek ketiga dan subjek keempat, kes zina oleh subjek ketiga dan kelima, kes minum arak oleh subjek ketiga dan kelima dan sebagainya. Pengakuan yang dilakukan oleh para subjek ini adalah bertujuan untuk bertaubat daripada kesalahan yang pernah dilakukan dan ingin berubah menjadi baik. Oleh itu, kesemua subjek kecuali subjek ketiga berpandangan bahawa antara kaedah yang wajar untuk proses transformasi ke arah kebaikan ini adalah dengan mengambil *bay,,ah* Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah. Selain itu, hanya terdapat seorang subjek yang bukan terdiri daripada anak murid pengkaji iaitu subjek keenam. Secara realitinya berdasarkan pemerhatian turut serta yang dilakukan, subjek keenam ini hanya mempercayai pengkaji untuk mendedahkan secara sukarela sesuatu yang mengaibkan dirinya setelah berlalu tempoh 16 bulan berbanding dengan anak murid pengkaji yang hanya mengambil masa sekitar beberapa bulan untuk tujuan yang sama.



Secara keseluruhannya, hasil pelaksanaan Terapi Islam dan peranan guru di lokasi kajian adalah positif dan amat memberangsangkan di samping mempunyai potensi untuk diterapkan terhadap para remaja yang lain terutamanya individu yang mempunyai masalah akhlak yang kritikal. Ini kerana kesemua subjek kajian telah membuat pengakuan secara sukarela tanpa diminta oleh pengkaji terhadap kesalahan tingkah laku yang melibatkan kes merokok, mencuri, meminum minuman yang memabukkan, mengambil dadah dan berzina. Pada masa yang sama, pelaksanaan Terapi Islam dan peranan guru ini juga mampu memberi keinsafan kepada para subjek agar bertaubat dan berubah menjadi insan yang bertaqwa. Seterusnya, hasrat kesemua subjek kecuali subjek ketiga untuk mengambil *bay,,ah* guru mursyid daripada Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah membuktikan secara tidak langsung tentang keupayaan kajian ini dalam membentuk insan kamil seawal usia remaja.

## **5.2 CADANGAN**

Berdasarkan hasil kajian yang dilaksanakan, terdapat beberapa cadangan dan saranan yang relevan untuk diketengahkan kepada pihak-pihak tertentu sebagai tindakan susulan sebagaimana berikut:

### **5.2.1 Kementerian Pendidikan Malaysia**

Pengkaji berpendapat bahawa kesinambungan daripada perbincangan Tauhid sifat 20 menurut pendekatan al-Ashā,,irah perlu diterapkan terhadap para pelajar sekolah menengah secara formal dalam silibus subjek Pendidikan Islam sebagaimana pendedahan asas tentang Tauhid sifat 20 ini yang telah dipraktikkan menerusi silibus subjek Pendidikan Islam bagi murid sekolah rendah. Ini adalah bertujuan bagi mengukuhkan pegangan agama dan akidah

umat Islam kini menurut Ahli Sunnah Wal Jamaah di samping mengelakkan masyarakat terutamanya remaja yang semakin meningkat dewasa daripada terpengaruh dengan fahaman atau ideologi yang bermasalah yang mungkin akan menimbulkan pertelingkahan yang boleh mengugat keharmonian negara tanpa disedari.

Pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan bahawa Tauhid sifat 20 adalah lebih berautoriti dalam menghuraikan perbahasan yang berkaitan dengan masalah Ketuhanan. Sementara itu, pendekatan Tauhid *Ulūhiyyah*, Tauhid *Rubūbiyyah* dan Tauhid *Asmā' wa al-Ṣifat* (Tauhid Tiga) dalam silibus bagi subjek Tasawwur Islam Tingkatan Empat juga perlu dimansuhkan dan ditukar dengan pendekatan Tauhid sifat 20 kerana Tauhid Tiga ini tidak mampu menghuraikan masalah Ketuhanan secara menyeluruh dalam mengharungi era globalisasi dan kemodenan kini. Selain itu, pendekatan Tauhid sifat 20 juga secara tersiratnya turut mengenengahkan ilmu hakikat menurut perspektif Islam yang sebenar. Rentetan itu, sebarang ajaran sesat atau bermasalah yang cuba mempromosikan ilmu hakikat terhadap masyarakat dapat dielakkan sejak awal lagi.

### **5.2.2 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

Fenomena kini jelas membuktikan bahawa amalan-amalan tarekat dipandang negatif oleh sebahagian besar masyarakat. Pada masa yang sama, terdapat juga individu yang ingin mencari suatu pengisian rohani yang tidak dapat tidak perlu bimbingan guru mursyid yang berkelayakan terutamanya kepada individu yang mengalami pengalaman ganjil seperti melihat lautan darah dalam keadaan sedar, mendengar bisikan-bisikan yang menimbulkan soalan tentang kewujudan Allah S.W.T., melihat suasana di Mahsyar, tangan terasa terbakar ketika mengamalkan zikir tertentu, melihat salib, dan sebagainya. Selain itu, telah

muncul beberapa kumpulan mengajarkan kepada masyarakat tentang ilmu hakikat dan makrifat tetapi ajaran yang dibawanya berkemungkinan besar adalah tidak menepati syariat Islam seperti mantera *Persatuan Kucing Merah* yang mengandungi unsur-unsur pemujaan terhadap besi kursani. Justeru itu, pihak JAKIM perlu mewujudkan ahli jawatankuasa khas bagi menetapkan nama-nama bagi tarekat muktabar yang boleh diamalkan oleh segenap lapisan masyarakat di Malaysia.

### 5.2.3 Para Pengkaji

Berdasarkan kepada dapatan data daripada keseluruhan kajian ini, terdapat beberapa cadangan untuk kajian lanjutan yang wajar untuk diterokai oleh para pengkaji sebagaimana berikut:

**Pertama:** Kajian Lanjutan tentang rawatan homeopati<sup>879</sup> sebagai rawatan sokongan terhadap Terapi Islam yang dibentuk perlu diperluaskan terutamanya terhadap para pelajar yang bermasalah. Pada dasarnya, pengaplikasian rawatan homeopati telah dijalankan secara rintis terhadap para pelajar di Tahfiz Luqman al-Hakim, Rawang dengan kerjasama Dr. Suriyakhatun Osman<sup>880</sup> dan Dr. (Homeopati) Zainul Azmi Ahmad<sup>881</sup> sebagai

---

<sup>879</sup> Menurut kamus kedokteran, homeopati adalah sistem terapi yang dikembangkan oleh Samuel Hahnemann berdasarkan “hukum dos yang kecil” pada “similia similibus curantur” (keadaan yang sama diubati dengan ubat yang sama) yang menyatakan bahawa zat ubat yang dapat membangkitkan gejala tertentu pada individu yang sihat mungkin efektif (berkesan) dalam mengubati penyakit dengan gejala yang hampir menyerupai gejala yang dihasilkan oleh zat tersebut. Lihat Huriawati Hartanto et al., *Kamus Ringkas Kedokteran Stedman untuk Profesi Kesehatan* (Jakarta: EGC, 2001), 534; Peter Hodgson Collin et al., *Dictionary of Nursing* (London: A&C Black Publishers Ltd, 2007), 134; Elizabeth Anne Martin et al., *Oxford Dictionary of Nursing* (Oxford: Oxford University Press, 2014), 247; Dawn Freshwater et al., *Blackwell's Nursing Dictionary* (Oxford: Blackwell Publishing Ltd, 2, 2005), 279.

<sup>880</sup> Beliau adalah graduan Universiti Iskandriah Mesir pada tahun 1980 dengan kelulusan MBBS. Beliau juga memiliki diploma pos graduan di dalam bidang Perubatan Reproduksi (Reproductive Medicine) pada tahun 1992, Diploma Homeopati pada tahun 1986 dan MDHom pada tahun 1998 serta dikurniakan Fellow Kerhormat Persatuan Perubatan Homeopati Malaysia (FKHom) pada tahun 1986 di samping mempunyai sijil Certified Professional Coach 2006 dan Certified Emotional Freedom technique Practitioner 2005. Selain itu, beliau mempunyai jalinan persahabatan dengan persatuan Member Faculty of Homeopathy United Kingdom (MFHom UK) dan mempunyai kebolehan merawat secara spiritual Islam. Antara guru yang membimbing beliau dalam bidang ini adalah Dr. Alan Godlas Abdal Haq Al Haj, Prof. Madya di Department of Religion, University of Georgia, USA. Justeru, beliau mampu memberi rawatan secara menyeluruh (holistik) dengan menggunakan kaedah zikir, doa, energy psychology, spiritual healing, homeopati dan ubat-ubatan. Selanjutnya

kesinambungan kepada pengaplikasian Terapi Islam dan hasil dapatan daripadanya adalah positif. Lantaran itu, rawatan homeopati turut dijalankan oleh pengkaji secara tidak rasmi kepada kesemua subjek di lokasi kajian kecuali subjek ketiga terutamanya bagi masalah ketagihan merokok. Bagi masalah ketagihan merokok, remedi homeopati yang digunakan oleh pengkaji ialah remedi “*Caladium 30c*” sebagaimana yang disarankan oleh Dr. (Homeopati) Mazlan bin Ismail<sup>882</sup>. Remedi ini mempunyai kesannya yang tersendiri seperti dapat menghilangkan perasaan untuk merokok seperti yang dinyatakan oleh subjek kelima, subjek keenam dan subjek ketujuh. Selain itu, terdapat juga beberapa remedi yang sesuai digunakan sebagai rawatan sokongan terhadap para subjek kajian seperti remedi “*Ignatia 1m*” yang boleh digunakan untuk membantu pesakit melupakan kisah silam yang sering menghantui dirinya dan remedi *Kali* “*Phosphoricum 200c*” yang boleh membantu individu yang ketagih untuk mencuri, mudah terjebak dengan anasir negatif, fikiran tidak rasional masalah jiwa<sup>883</sup> tetapi memandangkan tempoh masa yang terhad, pengkaji tidak dapat menyediakan remedi tersebut.

Selain itu, terdapat beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan dan risiko yang tinggi untuk melaksanakan rawatan homeopati bagi kajian ini secara rasmi kerana alasan yang berikut iaitu:

---

dalam pengalaman kerja, beliau pernah bekerja dengan kerajaan Malaysia sebagai doktor perubatan selama 4 tahun sebelum membuka klinik sendiri di Masjid Tanah Melaka pada tahun 1985. Pada tahun 2006, beliau telah menjadi pengarah di Light of Healing Treatment and Training Center di samping memiliki Spa & Fitness Muslimah. Beliau juga turut mempunyai pengalaman dalam mengajar dan memberi ceramah kesihatan serta sering menyertai forum sejak tahun 1984 di pelbagai institusi termasuk UPM dan UKM. Maklumat ini diberikan kepada pengkaji menerusi email pada 29hb. September 2013, 9.14 pagi. Email beliau ialah suriya.osman@gmail.com..

<sup>881</sup> Beliau adalah Presiden Majlis Perubatan Homeopati Malaysia (MPHM).

<sup>882</sup> Mazlan bin Ismail (Setiausaha Agung Kehormat, Persatuan Homeopati Dan Biokimia Malaysia atau nama singkatannya, PHDBM) dalam temubual dengan pengkaji pada 18hb. Oktober 2015, jam 2.20 petang di Pusat Khidmat Era Edar Marketing, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur.

<sup>883</sup> *Ibid.*.

i) Kajian homeopati sehingga kini belum diterokai dengan meluas oleh para sarjana di Malaysia secara formal berbanding negara luar. Hal ini adalah berdasarkan kepada pencarian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap disertasi atau tesis di kesemua perpustakaan di Institut Pengajian Tinggi Awam. Pada masa yang sama, sistem pengajian homeopati yang terdapat di Malaysia adalah dijalankan secara individu dan masih lagi belum diiktiraf oleh kerajaan Malaysia sebagai suatu perubatan yang setaraf dengan perubatan konvensional<sup>884</sup>.

ii) Pengkaji perlu meminta kebenaran kepada ahli waris bagi setiap subjek kajian yang sukarela untuk mengikuti rawatan homeomati. Sebagai percubaan, pengkaji telah berjumpa dengan empat orang penjaga bagi tujuan tersebut untuk menandatangani borang persetujuan. Tiga daripadanya bersetuju tanpa sebarang keraguan manakala salah seorang daripadanya pula pada pengamatan pengkaji adalah seolah-olahnya agak keberatan kerana pertama kali mendengar tentang rawatan homeopati tetapi akhirnya tetap juga menandatangani borang tersebut setelah diberikan penerangan yang sewajarnya. Berdasarkan perkara ini, terdapat segelintir ibu bapa atau penjaga yang prejudis terhadap rawatan homeopati ini.

iii) Kos operasi yang tinggi dalam menjalankan rawatan homeopati ini di samping kekangan daripada pihak sekolah di lokasi kajian yang memberikan masa hanya sehingga Disember 2015 sebagaimana yang dikemukakan dalam Bab Empat.

iv) Masalah subjek lari daripada sekolah kerana masalah yang pelbagai dan perkara ini sukar untuk diramalkan sebagaimana yang terjadi kepada subjek pertama dan subjek kedua dalam Bab Empat. Oleh itu, proses rawatan homeopati ini akan terganggu dan bagi

---

<sup>884</sup> Jamaluddin bin Mat Piah (Yang Dipertua Persatuan Homeopati Dan Biokimia Malaysia atau nama singkatannya, PHDBM) dalam temubual dengan pengkaji pada 6hb. Oktober 2013, jam 3.00 petang di Pusat Khidmat Era Edar Marketing, Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur.

mengatasi masalah ini, semua pihak terutamanya ibu bapa dan penjaga perlu memberikan kerjasama yang semaksimum mungkin.

v) Keautoritian pengkaji untuk menjalankan kajian ini mungkin boleh dipertikaikan kerana pengkaji hanya mempelajari tentang rawatan homeopati ini secara tidak formal daripada ibu pengkaji yang pernah mengikuti pengajian Diploma Asas dan Diploma Lanjutan di Kolej Homeopati Darulaman suatu ketika dahulu dan layak digelar sebagai Doktor Homeopati (H). Sungguhpun begitu, kelayakan ini tidak diiktiraf di Malaysia. Lantaran itu, pengkaji perlu bekerjasama dengan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang rawatan homeopati. Realitinya, hal ini agak meyulitkan kerana pengkaji tidak menemukan seseorang yang ideal untuk dijadikan penyelia bagi rawatan homeopati ini sebagaimana yang dikehendaki.

**Kedua:** Kajian pengaplikasian Terapi Islam dan peranan guru sebagaimana yang dipraktikkan dalam kajian ini terhadap para pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan bagi melihat hasil keberkesanannya.

**Ketiga:** Kajian tentang pengamalan ilmu persilatan di Malaysia yang mempromosikan ilmu Hakikat dan Makrifat bagi menarik minat masyarakat terutamanya para remaja tetapi pada masa yang sama mengandungi unsur-unsur pemujaan terhadap makhluk halus.

**Keempat:** Kajian tentang pengaplikasian amalan tarekat muktabar para pelajar tahfiz terutamanya yang melibatkan zikir *Jahr* sebagaimana yang dilakukan oleh beberapa sekolah tahfiz di Malaysia.

**Kelima:** Kajian terhadap sekolah tahfiz yang bersedia untuk menerapkan adab-adab suluk sebuah tarekat seperti Tarekat Naqshabandiyyah al-Khālidiyyah ketika sesi pengajaran dan pembelajaran terhadap para guru dan para pelajar serta tukang masak iaitu hati sentiasa ingat kepada Allah S.W.T. dan berusaha untuk mengekalkan ingatan tersebut setiap detik

dan saat, tidak berbual hal-hal keduniaan, sentiasa mengekalkan wudhuk, kurangkan makan dan minum serta tidur di samping memperbanyakkan amal ibadah.

### **5.3 PENUTUP**

Menerusi bab terakhir ini, pengkaji telah merumus dan mencadangkan beberapa saranan yang perlu diberikan penekanan yang sewajarnya terhadap pihak yang mempunyai bidang kuasa tersebut. Harapan pengkaji agar kajian ini menjadi panduan yang bermakna kepada semua para terapis Islam serta para pendidik untuk terus berusaha dalam mengatasi masalah akhlak yang semakin kritikal kini. Selain itu, pengkaji mengharapkan agar kajian yang telah dilaksanakan ini dinilai sebagai amal ibadah di sisi Allah S.W.T..

## BIBLIOGRAFI

- „Abd al-„Azīz bin „Abd al-Fattāh. *Kaedah Belajar Ilmu Agama*, terj. Abdullah Yasin. Kuala Lumpur: Furqan Enterprise, 1999.
- „Abd Allāh Nāshih „Ulwān. *Tarbiyah al-Awlād fī al-Islām*. Cairo: Dār al-Salām li al-Ṭabā„ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, t.t..
- „Asqalānī, Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar, al-. *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Abī „Abd Allāh Muḥammad bin Ismā„īl al-Bukhārī, taḥqīq: „Abd al-Qādir Shaibah al-Ḥamd*. t.t.p., 2001.
- „Asqalānī, Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar, al-. *Lisān al-Mizān*, Beirut: Muassasah al-„Alami li al-Maṭbū„āt, 1986.
- „Asqalānī, Aḥmad bin „Alī bin Ḥajar, al-. *Tahdhīb al-Tahdhīb*. Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭabā„ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1984.
- „Attar, Farid al-Din. *Muslim Saints and Mystic Episodes from Tadhkirat al-Auliya“ (Memorial of the Saint)*, terj. A.J. Arberry. Delhi: Muslim Media, t.t..
- „Atṭār, Muḥammad bin Ibrāhīm, al-. *Tadhkirah al-Awliyā“*. Miṣr: Al-Haiyah al-Misriyyah al-„Ammah li al-Kitāb, 2006.
- „Aynī, Maḥmūd bin Aḥmad, al-. *„Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 2006.
- „Ābādī, Muḥammad Shams Al-Ḥaq. *„Awn al-Ma„„īd Sharḥ Sunan Abī Dāwud*. Beirut: Dar al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1994.
- Abdul Aziz bin Abdul Rahman. “Sejarah Berdiri dan Berkembangnya Maahad al-Tahfiz wa al-Dirasaat al-Islamiyyah (MTDI) di Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia Tahun 1997-2014 M”. Disertasi Sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel, Surabaya, 2015.
- Abdul Muhsein bin Sulaiman. “Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib al-Makki (w.386H/996M)”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014.
- Abdulfatah Haron Ibrahim. *Allah: Antara Tasawuf dengan Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Abdullah Nasih Ulwan. *Pendidikan Anak-anak dalam Islam*, terj. Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD., 2010.
- Abū Dāwud, Sulaymān bin al-Ash„ath. *Sunan Abī Dāwud*. Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, t.t..



- Abū Ṭālib Al-Makkī, Muḥammad bin „Alī. *Qūt al-Qulūb fī Mu,āmalah al-Maḥbūb wa Wasf Ṭariq al-Murīd ilā Maqām al-Tawḥīd, taḥqīq:* „Āṣim Ibrāhīm al-Kayālī. Beirut: Dār al-Kutub al-,Ilmiyyah, 2005.
- Achmad Sa’ī dan Razib Sulistiyo. “Peranan Guru PAI dalam Pendidikan Karakter Bangsa”, *Jurnal Ulumuddin*, bil. 5, no. 1, 2015.
- Ahmad Hisham Bin Azizan. “Solat dan Nilai-Nilai Spiritual Dalam Menangani Gelisah Dalam Kalangan Remaja Islam: Kajian Di Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Selangor”. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.
- Ahmad Sunawari Long. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Albānī, Muḥammad Nāṣir al-Dīn, al-. *Al-Silsilah al-Ṣaḥīḥah*. Riyadh: Maktabah al-Ma,ārif, t.t..
- Alūsī, Maḥmūd bin „Abd Allāh, al-. *Rūḥ al-Ma’ānī*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-,Arābī, t.t..
- Amin Muhammad Jamaluddin. *Singkatnya Usia Umat Islam Kedatangan Imam Mahdi & Munculnya Dajjal*, terj. Adawiya Saad. Batu Caves: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd., 2012.
- Anas, Mālik bin. *Muwaṭṭa’ al-Imām Mālik, taḥqīq:* Muḥammad Fuād „Abd al-Bāqī. Mesir: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-,Arābī, t.t..
- Anwar Ridhwan et al.. *Kamus Daya*. Seri Kembangan: Penerbitan Minda (M) Sdn. Bhd., 2008.
- Ary Ginanjar Agustian. *Rahsia Kejayaan Membangun Kecerdasan Emosi dan Spiritual ESQ Emotional Spiritual Quotient The ESQ Way 165 1 Ihsan, 6 Rukun Iman, 5 Rukun Islam*, terj. Mohd Nurul Imran bin Koyube et. al.. Petaling Jaya: ESQ Leadership Center Sdn. Bhd., t.t..
- Aṣbahānī, Aḥmad bin „Abd Allāh, al-. *Ḥiliyyah al-Awliya’*. Beirut: Dār al-Kitab al-,Arābī, 1984.
- Ash,arī, „Alī bin Ismā,īl, al-. *Ibānah „aū Uṣūl al-Diyānah, taḥqīq:* Fawqīh Ḥusayn Maḥmūd. Kaherah: Dār al-,Anṣār, 1977.
- Ashqar, „Umar Sulaimān bin „Abd Allāh, al-. *Al-Qaḍā’ wa al-Qadar*. Al-Urdun: Dār al-Nafāis, 5008.
- Ashqar, „Umar Sulaimān bin „Abd Allāh, al-. *Ṣaḥīḥ al-Qaṣaṣ al-Nabawī*. Al-Urdun: Dār al-Nafāis, t.t..

- Azdī, Muḥammad bin al-Ḥusayn, al-. *Ṭabaqāt al-Ṣūfiyyah, taḥqīq*: Muṣṭafā „Abd al-Qādir „Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1998.
- Badwī, „Abd al-Raḥman. *Tarīkh al-Taṣawwuf al-Islāmī min al-Bidāyah ḥattā Nihāyah al-Qarn al-Thani*. Kuwait: Wakālah al-Maṭbū‘āt, 1978.
- Baghdādī, „Abd al-Qāhir bin Ṭāhir, al-. *Al-Farq bayn al-Firaq wa Bayān al-Firqah al-Najiyah*. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1997.
- Bayhaqī, Aḥmad bin al-Ḥusain, al-. *Shu‘b al-Īmān, taḥqīq*: Muḥammad al-Sa‘īd Basyūnī Zaghlūl. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1989.
- Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, al-. *Al-Adab al-Mufrad*, taḥqīq: Muḥammad Fuād „Abd al-Bāqī. Beirut: Dār al-Bashāir al-Islāmiyyah, 1919.
- Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, al-. *Al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasūl Allāh Ṣallā Allāh „alayh wa Sallam wa Sunanih wa Ayyāmih, taḥqīq*: Muḥib al-Dīn al-Khaṭīb. Kaherah: al-Matba‘ah al-Salafiyyah, 1979.
- Che Zarrina Sa‘ari. “Tokoh Sufi Wanita Rābi‘ah al-„Adawiyyah: Motivator Ke Arah Hidup Lebih Bermakna”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 25. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007.
- Dārimī, „Abd Allāh bin „Abd al-Raḥmān, al-. *Sunan al-Dārimī, taḥqīq*: Fawwāz Aḥmad Ramli. Beirut: Dār al-Kitāb al-„Arabī, 1986.
- Dhababī, Muḥammad bin Aḥmad, al-. *Siyar A‘lām al-Nubalā’*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993.
- Engku Ahmad Zaki. *Ajaran Sesat di Sebalik Lipatan Sejarah Islam*. Batu Caves: Must Read Sdn. Bhd., 2013.
- Erawadi. “Pusat-pusat Perkembangan Tarekat Naqsyabandiyah di Tapanuli Bagian Selatan”, *Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman (MIQAT)*, bil. 38, no. 1, 2014.
- Fatimah Binti Ali. “Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya dengan Kemerosotan Pembelajaran”, *Jurnal Usuludin*. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2007.
- Fayyūmī, Aḥmad bin Muḥammad, al-. *Al-Miṣbāḥ al-Munīr fī Gharīb al-Sharḥ al-Kabīr*. t.tp.: t.p., t.t..
- Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, al-. *Al-Munqidh min al-Ḍalāl, taḥqīq*: Jamīl Ṣalība & Kāmil „Iyād. Beirut: Dār al-Andalus li al-Ṭabā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2003.
- Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, al-. *Bidāyah al-Hidāyah, taḥqīq*: „Abd al-Ḥamid Muḥammad Darwish. Beirut: Dār al-Ṣādir, 1998.

- Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, al-. *Bidāyah al-Hidāyah*, terj. Ahmad Fahmi Zamzam. Pokok Sena: Khazanah Banjariah, 2012.
- Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad, al-. *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t..  
Habib Abdussalam Alwi. *Tarekat Adalah Suatu Perintah Allah SWT*. Surabaya: Cahaya Ilmu Publisher, 2010.
- Hajjāj, Muslim bin al-. *Al-Jāmi' d-Ṣaḥīḥ al-Musammā Ṣaḥīḥ Muslim*. t.tp.: t.p., t.t..
- Hajjāj, Muslim bin al-. *Ṣaḥīḥ Muslim, taḥqīq*: Muḥammad Fuād 'Abd al-Bāqī. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1991.
- Ḥākim, Muḥammad bin 'Abd Allāh, al-. *Al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn, taḥqīq*: Muṣṭafā 'Abd al-Qādir 'Aṭā. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1990.
- Ḥanbal, Aḥmad bin. *Al-Musnad*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1994.
- Ḥanbal, Aḥmad bin. *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. Kaherah: Muassasah Qurṭabah, t.t..
- Ḥawwā, Sa'īd. *Al-Mustakhlash fī Tazkiyah al-Anfus*. Cairo: Dār al-Salām li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 1998.
- Ibn al-Jawzī, 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī. *Ṣifah al-Ṣafwah, taḥqīq*: Muḥammad Rawwās Qal'ah Jī. Beirut: Dār Ma'rifah, 1979.
- Ibn al-Jawzī, 'Abd al-Raḥmān bin 'Alī. *Ṣifah al-Ṣafwah, taḥqīq*: Ṭariq Muḥammad 'Abd al-Mun'im. Iskandariyyah: Dār Ibn Khaldūn, t.t..
- Ibn al-Mulkan. *Ṭabaqāt al-Awliyā'*; taḥqīq: Nūr al-Dīn Sharībah. t.tp.: t.p., 1973.
- Ibn Baṭāl, 'Alī bin Khalf. *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq*: Yāsir bin Ibrāhīm. Riyadh: Maktabah al-Rashd, 2003.
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad bin Ḥibbān. *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān, taḥqīq*: Shu'ayb al-Arnaūṭ. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar. *Al-Sīrah al-Nabawiyyah li Ibn Kathīr, taḥqīq*: Muṣṭafā 'Abd al-Wāhid. Beirut: Dār al-Ma'rifah li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1971.
- Ibn Kathīr, Ismā'īl bin 'Umar. *Tafsīr al-Qur'ān al-Azīm, taḥqīq*: Sāmī bin Muḥammad Salāmah. Dār al-Ṭayyibah li al-Nashr wa al-Tawzī', 1999.
- Ibn Majah, Muḥammad bin Yazīd. *Sunan Ibn Majah, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif li al-Nāshir wa al-Tawzī', t.t..
- Ibn Manzūr, Muḥammad bin Makram. *Lisān al-'Arab*. Beirut: Dār Ṣādir, t.t..

- Ibn Rajab al-Ḥanbālī. *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq*: Maḥmūd bin Shu‘bān *et. al.*. Madinah: Maktabah al-Ghurabā‘ al-Ashriyyah, 1996.
- Idris Awang. *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*, Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., 2009.
- Jahid bin Sidek. “Penyakit-penyakit & Masalah dalam Pengamalan Ilmu Tarekat”. Simposium Tarekat Tasawwuf II, Madrasah As-Saidiyyah, Kampung Pondok Rasah, Seremban, 3hb. Disember 2011.
- Jahid bin Sidek. *Membentuk Jiwa Sufi Ajaran Tariqah Naqshabandiyyah Syeikh Muhammad Amin al-Kurdi*. Cheras: Al-Falah Publications, 2009.
- Jahid bin Sidek. *Shaikh Dalam Ilmu Tariqah*. Cheras: Al-Falah Publications, 2010.
- Jamaluddin bin Adam. “Analisis Pengajian al-Quran Bersanad Riwayat Hafis di Maahad-Maahad Tahfiz di Negeri Pahang”. (Disertasi Sarjana, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 2014.
- Khairunnas Rajab. “Psikoterapi Islam dan Pengaplikasiannya Dalam Kesihatan Mental”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2006.
- Khāzin, „Alī bin Muḥammad, al-. *Tafsīr al-Khāzin al-Musammā li Bāb al-Ta‘wīl fī Ma‘ānī al-Tanzīl*. Beirut: Dār al-Fikr, 1979.
- Kurdī, Muḥammad Amīn, al-. *Tanwīr al-Qulūb fī Mu‘āmalah „Alām al-Ghuyūb*. Ḥalb: Dār al-Qalam al-„Arabi, 1991.
- Kurdī, Muḥammad Amīn, al-. *Tanwīr al-Qulūb fī Mu‘āmalah „Alām al-Ghuyūb*. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1995.
- Luthfi Hakim. *Al-Nur al-Burhani*. Semarang: Thoha Putra, t.t..
- Marohaini Yusoff, “Pertimbangan Kritikal dalam Perlaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif” dalam *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013.
- Marohaini Yusoff. “Perlakuan dan Proses Menulis Karangan Pelajar Tingkatan Empat di Dalam Bilik Darjah: Suatu Kajian Kes”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1996.
- Mizzī, Abī Hajjāj Yūsuf, al-. *Tadhhīb al-Kamāl fī Asmā‘ al-Rijāl, taḥqīq*: Bashār „Awwād Ma‘rūf. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1983.
- Mohamad Khairi Othman dan Asmawati Suhid. “Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan”, *MALIM-SEA Journal of General Studies II*, 2010.

- Mohd Aizam bin Mas,,od. *Diskusi Isu Aqidah & Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: t.p., 2010.
- Mohd. Nasir Omar. *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Mubārakfūrī, Muḥammad „Abd al-Raḥmān bin „Abd al-Raḥīm, al-. *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi‘al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, t.t..
- Muhammad Tahir-ul-Qadri. *Spiritualism and Magnetism*. Lohare: Minhaj-ul-Qur,an Publications, 2001.
- Mūsā, Iyād bin. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim li al-Qāḍī „Iyād al-Musammā Ikmāl Mu,,lim bi Fawāiḍ Muslim, taḥqīq: Yaḥyā Ismā,,īl. Al-Manṣūrah: Dār al-Wafā‘ li al-Tabā,,ah wa al-Nashr wa al-Tawzī,,*, 1998.
- Muṣṭafā al-Khin et al.. *Al-Fiqh al-Manhajī „,aū Madhhab al-Imām al-Shāfi,,ī*. Damsyiq: Dār al-Qalam, 2012.
- Nasāī, Aḥmad bin Shu,,ayb, al-. *Al-Mujtabā min al-Sunan, taḥqīq: „Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah. Ḥalb: Maktab al-Maṭbū,,āt al-Islāmiyyah, 1986.*
- Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, al-. *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Ḥājjāj*. Beirut: Dār Iḥyā‘ al-Turāth al-„Arābī, 1971.
- Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, al-. *Al-Tibyān fī Ādāb Ḥamalāh al-Qurān, taḥqīq: Bashīr bin „Ayyūn*. Beirut: Maktabah Dār al-Bayān, 1991.
- Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Dīn, al-. *Riyād al-Ṣāliḥīn, taḥqīq: Māhir Yāsīn al-Fahl*. t.tp.: t.p., t.t..
- Nor Azah Abdul Aziz. “Internet , Laman Web Pornografi Dan Kaedah Psikospiritual Islam Dalam Menangani Masalah Keruntuhan Akhlak Remaja Pelayar Laman Web Pornografi”, *Jurnal Usuluddin*, bil. 29. Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. 2009.
- Noresah Baharom et al.. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013.
- Nurul Husna Mansur et al.. “Implementasi Ibadah Islam Sebagai Terapi Salah Seksual Remaja: Kajian Terhadap Pusat Perlindungan Wanita Terpilih di Selangor”, *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 4(1), 2016.
- Polkinghorne, D. E.. “Language and Meaning: Data Collection in Qulitative Research”, *Journal of Counseling Psychology*. Universiti of Southern California, bil. 52, no. 2, 2005.

- Qushayrī, Abū al-Qāsim, al-. *Al-Risālah al-Qushayriyyah, taḥqīq*: ‘Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan Maḥmūd bin al-Sharīf. Kaheerah: Maṭāba‘ Muassasah Dār al-Sha,,b, 1989.
- Rāzī, Muḥammad bin „Umar, al-. *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mushtahir bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Maḥāṭīḥ al-Ghayb*. Beirut: Dār al-Fikr li al-Ṭabā,,ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1981.
- Rosnaaini Hamid. *Adab Bersuluk Shaykh Abdul Wahab Rokan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
- Salām, al-Qāsim bin. *Kitāb al-Īmān, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Riyadh: Maktabah al-Ma,,arif li an-Nashr wa al-Tawzī‘, 2000.
- Ṣallābī, „Alī Muḥammad Muḥammad, al-. *Al-Dawlah al-„Uhmāniyyah „Awāmil al-Nahwiḍ wa Asbāb al-Suqut*. t.tp.: t.p., t.t..
- Salman, Nūḥ „Alī. *Al-Mukhtasar al-Mufīd fī Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*. Kuala Lumpur: Al-Bayan Corporation Sdn. Bhd., 2003.
- Ṣan,,ānī, Muḥammad bin Ismā,,īl. al-. *Subul al-Salām*. Damsyik: Maktabah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalbī, 1960.
- Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf, al-. *Al-„Aqīdah al-Wuṣṭā wa Sharḥuhā, taḥqīq*: Yūsuf Ahmad, Beirut: Dār al-Kutub al-„Ilmiyyah, 1971.
- Shamsiah Banu binti Mohamad Hanefar. *Development of Spiritual Intelligence Model for Adolescents in Malaysia*. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2015.
- Sharifah Basirah Syed Muhsin dan Che Zarrina Sa,,ari. *Kaedah Psikoterapi Islam Berasaskan Konsep Maqamat Abu Talib al-Makki*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa, 2015.
- Sharifah Fatimah binti Syed Omar. “Pemikiran Tasawuf Sa,,id Hawwa: Analisis Terhadap Siri “Fi al-Tarbiyah wa al-Tazkiyah wa al-Suluk”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012.
- Sherri L. Jackson. *Research Methods And Statistics A Critical Thinking Approach*. USA: Wadsworth, 2009.
- Sindī, Muḥammad bin „Abd al-Hādī, al-. *Hāshiyah al-Sindī „aū Sunan Ibn Majah*. t.tp.: t.p., t.t..
- Sithamparam, S.. “Between worlds: An Ethnographic Case Study of a Literature-Based ESL Class”. Tesis PhD, New York: Syracuse University, Syracuse, 1997.
- Suyūṭī, „Abd al-Raḥmān bin Abī Bakr, al-. *Al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma,,thūr, taḥqīq*: „Abd Allāh bin Muḥsin. Kaheerah: Markaz Hijr li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-„Arabiyyah wa al-Islāmiyyah, 2003.

- Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar. “Dhikr Ism al-Dhat dalam Tasawuf dan Pengamalannya dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010.
- Syed Hadzrullathfi bin Syed Omar. *Zikir Allah, Allah, Allah... Jalan Menuju Hakikat Dan Makrifat*. Cheras: Al-Falah Publications, 2012.
- Syed Ismail Syed Mustapa dan Ahmad Subki Miskon. *Guru dan Cabaran Semasa*, Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd., 2013.
- Tirmidhī, Muḥammad bin Ḥisā, al-. *Sunan al-Tirmidhī, taḥqīq*: Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Riyadh: Maktabah al-Maʿārif li al-Nāshir wa al-Tawzīʿ, t.t..
- Tustarī, Sahl bin Ḥabīb, al-. *Tafsīr al-Tustarī*. t.tp.: t.p., t.t..
- W. Lawrence Neuman. *Social Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches*. London: Pearson Education Limited, 2014.
- Yahya bin Laksamana. *Risalah Tarekat Naksyabandiah Jalan Ma'rifat*. t.tp.: t.p., 1982.
- Yuni Chasanah. “Peranan Guru Akidah Akhlak dalam Pembinaan Akhlak Siswa Mi Yappi Ringintumpang Semoyo Patuk Gunung Kidul”. Latihan Ilmiah, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2010.
- Zamakhsharī, Maḥmūd bin Ḥabīb, al-. *Al-Kashshāf ʿan Ḥaqāiq Ghawāmiḍ al-Tanzīl wa ʿUyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Taʿwīl, taḥqīq*: ʿĀdil Aḥmad Ḥabīb al-Mawjūd et al.. Riyadh: Maktabah al-ʿAbikān, 1998.
- Zamihan Mat Zain. *Bahaya Penyelewengan Syiah*. Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor, 2013.
- Zamihan Mat Zain. *Siapa Sebenarnya Wahhabiy?* Puchong: Kemah Enterprise, 2011.
- Zawbī, Mamdūh al-. *Muḥjam al-Ṣūfiyyah*. Beirut: Dār al-Jīl, 2004.
- Zubaidi Wahyono. “Ajaran Aliran Kebatinan di Indonesia dan Hubungannya dengan Ajaran Tasawuf”. Tesis Kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2008.

## LAMAN SESAWANG

*Berita Harian*, “Kaunselor Sekolah Perlu Dalam Ilmu Cegah LGBT” dicapai 28 Julai 2013, [http://www.bharian.com.my/search\\_result?src\\_term=LGBT&src\\_type=BH&search=Cari](http://www.bharian.com.my/search_result?src_term=LGBT&src_type=BH&search=Cari)

Darul Quran, dicapai 30 Julai 2013, [http://www.darulquran.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=115&Itemid=154](http://www.darulquran.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=115&Itemid=154)

*Kosmo*, “Aksi Seks Atas Padang”, dicapai 29 Ogos 2013, <http://www.kosmo.com.my/kosmo/cari.asp?Str=zina+di+kalangan+remaja&Action=Search&stype=kw&sb=ra>

*Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Sembilan*, “TAPEDIRI 65 atau BA THA MIM 114” dicapai 3 Julai 2017, <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/himpunan-fatwa/171-keputusan-mesyuarat-fatwa/895-ajaran-tapediri-65-atau-ba-tha-mim-114>

*Sinar Harian Online*, “Hentak Ibu Dengan Kerusi” dicapai 28 Julai 2013, <http://www.sinarharian.com.my/cari-7.1201?q=memukul+ibu>.

*Sinar Harian*, “Remaja Mengaku Pernah Terlanjur”, dicapai 29 Ogos 2013, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/utara/remaja-mengaku-pernah-terlanjur-1.169339>

*Utusan Malaysia*, “Akibat Terlalu Dimanja” dicapai 27 Ogos 2013, <http://www.utusan.com.my/utusan/search.asp?stype=kw&Str=dadah%20&pg=4&sb=ra>

*Utusan Malaysia*, “Kawasan Lapang Lokasi Minum Arak” dicapai 27 Ogos 2013, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0209&pub=utusan\\_malaysia&sec=Utara&pg=wu\\_05.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0209&pub=utusan_malaysia&sec=Utara&pg=wu_05.htm)

*Utusan Malaysia*, “Ragut:2 Remaja Ditahan” dicapai 27 Ogos 2013, <http://www.utusan.com.my/utusan/search.asp?Str=ragut+remaja&stype=kw&Action=Search&sb=ra>

*Utusan Malaysia*, “Remaja 18 tahun Disabit Kesalahan Bunuh 4 Sekeluarga”, dicapai 27 Ogos 2013, <http://www.utusan.com.my/utusan/search.asp?stype=kw&Str=remaja%20bunuh&pg=3&sb=>